HUBUNGAN MALAYSIA INDONESIA

1957 - 1970

KUNASEELAN a/l MUNIANDY

0225-1436a

HUBUNGAN MALAYSIA INDONESIA

1957 - 1970

PERNIAGAAN BAJUNID SDN. BHD.

HUBUNGAN MALAYSIA INDONESIA 1957 - 1970

KUNASEELAN a/l MUNIANDY

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
1996

NASKHAH CONTOH

Cetakan Pertama 1996
© Kunaseelan a/l Muniandy 1996

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muniandy, Kunaseelan
Hubungan Malaysia-Indonesia 1957–1970
Kunaseelan a/l Muniandy
Bibliografi: hlm. 305–314
Mengandungi indeks
ISBN 983-62-4192-2
1. Malaysia-Foreign relations-History
2. Indonesia-Foreign relations-History
3. Malaysia-Politics and government-History
4. Indonesia-Politics and government-History
I. Judul
959.5051

M
959 · 5051
MUN

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

850840
Hadiah
4 MAR 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Pendahuluan vii
Penghargaan xiii
Senarai Singkatan xv

1 LATAR BELAKANG HUBUNGAN AWAL TANAH MELAYU-INDONESIA 1
Kepentingan Geografi 3
Hubungan dari Segi Warisan Bangsa dan Budaya 5
Hubungan Semasa Empayar-empayar Melayu 9
Hubungan Semasa Penjajahan Barat dan Jepun 18
Perkembangan Penting Selepas Perang Dunia Kedua Sehingga Kemerdekaan Tanah Melayu 40

2 HUBUNGAN TANAH MELAYU-INDONESIA SEJAK KEMERDEKAAN TANAH MELAYU SEHINGGA CADANGAN PENUBUHAN MALAYSIA 53
Isu-isu Penting dalam Hubungan Politik 63
Hubungan Ekonomi 94
Hubungan Sosial 100
Pendirian Tanah Melayu dan Indonesia terhadap Negara China 108
Pendirian Tanah Melayu dan Indonesia terhadap Pertubuhan Serantau di Asia Tenggara 115

3 HUBUNGAN TANAH MELAYU-INDONESIA SEMASA PENUBUHAN MALAYSIA 130
Reaksi Indonesia terhadap Penubuhan Malaysia Sebelum Pemberontakan Brunei 131

Pemberontakan Brunei 147
Pendirian Indonesia terhadap Penubuhan Malaysia Selepas Pemberontakan Brunei 152
Hubungan Ekonomi dan Sosial 186

4 HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA SEMASA KONFRONTASI 189
Rusuhan dan Pemutusan Hubungan Malaysia-Indonesia 191
Pemutusan Hubungan Ekonomi Malaysia-Indonesia 195
Konflik Ketenteraan dan Kegiatan Subversif 200
Usaha Perdamaian antara Malaysia-Indonesia 205
Peluasan Konflik Ketenteraan dan Perbahasan Kes Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 214
Konfrontasi dan Diplomasi Afro-Asia 219
Peringkat Akhir Konfrontasi dan Hubungan Pulih 224
Usaha Pemulihan Hubungan Malaysia-Indonesia 227

5 HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA SELEPAS KONFRONTASI SEHINGGA TAHUN 1970 235
Hubungan Politik 236
Hubungan Ekonomi 253
Hubungan Sosial 263
Hubungan dari Aspek Keselamatan 271
Pertubuhan Serantau 275
Pendirian Malaysia-Indonesia terhadap Isu Tuntutan Sabah dan Hubungan dengan Republik Rakyat China (RRC) 283

6 PENUTUP 290

Bibliografi 305
Indeks 315

PENDAHULUAN

Hubungan Malaysia (Tanah Melayu, sebelum 16 September 1963) dengan Indonesia dianggap sebagai hubungan yang istimewa kerana kedua-dua negara ini merupakan jiran tetangga yang rapat di Asia Tenggara dan mempunyai warisan sejarah, bahasa, agama, dan kebudayaan yang sama. Penduduk di kedua-dua negara berasal daripada rumpun bangsa yang sama dan kebanyakan daripada mereka mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat, khasnya antara penduduk Sumatera dengan Tanah Melayu. Semasa kegemilangan empayar-empayar seperti Srivijaya, Majapahit dan Melaka, wilayah-wilayah Indonesia dan Malaysia pernah berada di bawah naungan kuasa-kuasa Melayu tersebut.

Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah dengan kehadiran penjajah Barat seperti Portugis, Belanda dan British yang kemudiannya menguasai wilayah-wilayah Malaysia dan Indonesia selama tiga setengah abad berturut-turut. Semasa Perang Dunia Kedua, kedua-dua negara ini juga dijajah oleh sebuah kuasa Asia, iaitu Jepun selama tiga tahun. Keistimewaan hubungan Malaysia-Indonesia terbayang apabila rakyat Tanah Melayu membantu rakyat Indonesia menyokong perjuangan Tanah Melayu menentang penjajah British atas sebab-sebab antipenjajahan dan tali persaudaraan.

Di samping itu, hubungan istimewa tersebut dapat dilihat apabila Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu pada tahun 1955 mengadakan lawatan rasmi ke Indonesia. Lawatan beliau merupakan persediaan awal Tanah Melayu untuk memupuk persefahaman dengan Indonesia. Seterusnya, Tanah Melayu mendirikan kedutaan pertamanya di Indonesia pada awal tahun 1957 selepas mendapat taraf berkerajaan sendiri. Tindakan tersebut ada keistimewaannya kerana Indo-

nesia merupakan negara bukan anggota Komanwel British sedangkan pada waktu itu, Tanah Melayu mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara tersebut.

Satu lagi perkara yang menjadikan Malaysia-Indonesia boleh dianggap sebagai hubungan istimewa adalah sikap mereka yang melihat satu sama lain sebagai abang dan adik. Indonesia, sebagai negara besar dan mendapat kemerdekaan lebih dahulu, menganggap Tanah Melayu sebagai "adik kecil" sedangkan Tanah Melayu menganggap Indonesia sebagai "abang besar". Walaupun mempunyai hubungan yang rapat, kerjasama dan perselisihan turut wujud dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Terdapat kerjasama tentang penyelarasan sistem ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, penubuhan "Association of Southeast Asian Nations" (ASEAN) dan penstabilan harga bahan-bahan mentah. Sebaliknya, terdapat juga perselisihan antara kedua-dua negara tentang kepimpinan keserantauan, kuasa dan martabat. Mujurlah, faktor kerjasama lebih menonjol daripada perselisihan dalam hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman.

Pemilihan tajuk *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957–1970* adalah untuk melihat sejauh manakah hubungan istimewa antara kedua-dua negara sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 itu terus berkekalan. Tempoh ini adalah penting kerana kedua-dua negara buat kali pertamanya pernah terlibat dalam konflik ketenteraan yang juga menyebabkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara terputus selama tiga tahun. Konflik ini berpunca daripada penentangan Indonesia terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia yang diusahakan oleh Tunku Abdul Rahman sendiri. Pada tempoh ini, Tunku Abdul Rahman memainkan peranan penting dalam dasar luar Malaysia, terutamanya dalam hubungan dengan Indonesia.

Isu konfrontasi telah mendapat perhatian yang luas daripada para sarjana sejarah dan juga sains politik. Banyak buku dan rencana telah ditulis tentang perkara tersebut. Namun begitu, terdapat kekurangan tulisan-tulisan tentang hubungan antara kedua-dua negara secara lebih menyeluruh. Hal ini menggalakkan penulis untuk mengkaji secara lebih terperinci tentang hubungan Malaysia-Indonesia khasnya semasa pentadbiran Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama. Hubungan Malaysia-Indonesia pada masa pentadbiran Tunku Abdul Rahman merupakan satu jangka waktu yang sangat genting kerana kedua-dua negara serumpun ini pernah terlibat dalam konflik ketenteraan.

Penulis mengkaji hubungan Malaysia-Indonesia daripada tarikh Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957 hingga akhir pentadbiran

Tunku Abdul Rahman pada 22 September 1970. Dalam tempoh tiga belas tahun ini, terdapat tiga tahap penting. Tahap pertama adalah hubungan Tanah Melayu-Indonesia dari 31 Ogos 1957 hingga penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Tahap kedua adalah hubungan Malaysia-Indonesia sewaktu konfrontasi, iaitu dari 17 September 1963 hingga 11 Ogos 1966. Tahap ketiga pula adalah hubungan Malaysia-Indonesia selepas konfrontasi, iaitu dari 12 Ogos 1966 hingga 22 September 1970. Di samping itu, buku ini juga bertujuan mengaitkan perubahan sikap Indonesia terhadap Malaysia semasa pentadbiran Sukarno dengan Presiden Suharto kerana kedua-dua pemimpin mempunyai pendirian yang berbeza terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia. Sukarno ingin menghancurkan Malaysia tetapi Suharto pula ingin bekerjasama dan bersahabat dengan Persekutuan Malaysia.

Dalam penulisan ini, tumpuan diberikan kepada lima tema utama. Tema-tema tersebut adalah persaudaraan, kerjasama, konflik, keserantauan, dan komunisme. Tema persaudaraan wujud akibat penduduk kedua-dua negara berasal daripada rumpun budaya yang sama, menganut agama yang sama, iaitu Islam dan bertutur bahasa yang sama. Selain itu, mereka adalah jiran tetangga yang rapat dengan sempadan umum yang sama dan kedua-dua negara ini cuma dipisahkan oleh Selat Melaka. Semangat persaudaraan ini menggalakkan kedua-dua negara mengambil langkah-langkah untuk menyelaraskan sistem ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berasal daripada rumpun bangsa yang sama. Semangat yang sama menyebabkan Indonesia memberi bantuan kepada Malaysia untuk menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Semangat persaudaraan ini juga mendorong kedua-dua jiran mengambil langkah-langkah wajar untuk memulihkan hubungan mereka selepas berkonfrontasi selama tiga tahun.

Tema kerjasama pula dapat dilihat apabila kedua-dua negara menandatangani perjanjian persahabatan pada tahun 1958 dan tahun 1970 bagi mengeratkan hubungan antara mereka. Malaysia dan Indonesia telah mengadakan pertukaran guru-guru untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan. Kedua-dua negara juga bekerjasama dalam bidang ekonomi. Sebagai negara pengeluar getah asli dan bijih timah, Malaysia dan Indonesia telah bekerjasama dengan negara-negara pengeluar lain untuk menstabilkan harga bahan-bahan mentah tersebut di pasaran dunia. Selepas konfrontasi tamat, kedua-dua negara telah bekerjasama dalam bidang keselamatan untuk menghapuskan ancaman pengganas komunis di sempadan umum mereka di Borneo dan juga masalah

lanun di Selat Melaka dan di Laut China Selatan. Selain itu, Malaysia dan Indonesia bekerjasama dengan Filipina, Thailand dan Singapura untuk menubuhkan ASEAN bagi memperkuatkan lagi hubungan dua hala dan juga kerjasama serantau.

Tema konflik muncul dengan agak ketara dalam hubungan Malaysia-Indonesia sebelum konfrontasi dan sangat menonjol semasa konfrontasi tetapi berkurangan selepas konfrontasi. Konflik dapat dilihat dengan jelas dalam isu-isu seperti pemberontakan Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI), soal tuntutan Irian Barat, masalah peluasan sempadan laut Indonesia, dan konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia. Konflik semasa konfrontasi dapat dibahagikan kepada tiga bentuk, iaitu konfrontasi politik, konfrontasi ekonomi dan konfrontasi ketenteraan.

Tema seterusnya adalah keserantauan dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Tema ini menonjol dalam usaha yang dijalankan oleh kedua-dua pihak untuk mengadakan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Antara pertubuhan serantau yang memperlihatkan tema keserantauan ini ialah "Association of Southeast Asia" (ASA), MAPHILINDO (Malaysia, Philippines, Indonesia) dan ASEAN. ASA dan MAPHILINDO tidak dapat berkembang dengan baik kerana terdapat perselisihan pendapat antara kedua-dua negara. Misalnya, Indonesia tidak berpuas hati apabila cadangan ASA daripada Tunku Abdul Rahman kerana menjejaskan status Indonesia sebagai negara terbesar di Asia Tenggara serta potensinya untuk memimpin rantau ini. Sementara itu, cadangan MAPHILINDO pula gagal kerana Indonesia telah melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, ASEAN berjaya berkembang kerana mendapat sambutan baik dari Indonesia, Malaysia mahupun anggota-anggota lain.

Tema terakhir dalam hubungan Malaysia-Indonesia adalah sikap kedua-dua negara terhadap komunisme. Perbincangan tentang komunisme ini meliputi semua aspek yang berkaitan dengan ideologi komunis. Ini termasuk perkembangan parti komunis di Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia, Parti Komunis Malaya diharamkan tetapi di Indonesia semasa rejim Sukarno, Parti Komunis Indonesia mendapat tempat penting dalam politik negara itu. Seterusnya, tema ini dapat dilihat dalam sikap kerajaan Malaysia dan Indonesia terhadap hubungan negara-negara komunis khasnya Republik Rakyat China (RRC). Malaysia melihat RRC sebagai ancaman utama terhadap keselamatannya tetapi rejim Sukarno di Indonesia melihat RRC dan negara-negara komunis sebagai rakan yang penting. Ini adalah kerana RRC menyokong kuat pe-

lancaran konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, persahabatan Indonesia-RRC terjejas dengan pelantikan Jeneral Suharto sebagai Presiden Indonesia. Selepas konfrontasi, Malaysia dan Indonesia bersama-sama melihat RRC sebagai ancaman dan bekerjasama menghapuskan ancaman pengganas komunis di sempadan antara mereka.

Dalam kajian ini, penulis membuat rujukan daripada dua jenis sumber, iaitu sumber utama dan sumber kedua. Sumber utama ini terdiri daripada laporan-laporan parlimen, kertas putih atau risalah-risalah yang diterbitkan oleh kedua-dua kerajaan, teks-teks perjanjian, buku rasmi tahunan, ucapan-ucapan daripada pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua negara dan jurnal *Foreign Affairs Malaysia*. Di samping itu, bahan-bahan daripada perpustakaan Presiden John F. Kennedy dan Presiden L.B. Johnson turut digunakan.[2]

Petikan-petikan daripada akhbar dan agensi berita seperti *The Straits Times*, *Berita News*, *Sabah Times, Bernama, Suluh Indonesia, Bintang Timur, Djakarta Times, Times of Indonesia*, *Antara Weekly Review, Antara Daily News Bulletin* (edisi New York, Bonn dan Cologne) dan *Antara News Bulletin* (edisi Jakarta) dirujuk sebagai sumber utama. Selain itu, keratan akhbar *The Times* (London), *Asian Recorder, Asian Almanac* dan *Keesing Contemporary Archive* turut dirujuk.

Sumber-sumber kedua pula terdiri daripada buku-buku tentang sejarah dan politik Malaysia, Indonesia dan Asia Tenggara. Beberapa tesis yang berkaitan dengan bidang ini turut dirujuk. Selain itu, artikel dan rencana daripada jurnal dan majalah seperti *Asian Survey, Journal of Southeast Asia Studies/History*, *ORBIS, The New Left Review, World Today, Foreign Affairs, Pacific Affairs, Australian Outlook, Solidarity, The Review of Politics, Far Eastern Economic Review* dan *Asia Week* turut digunakan.

Di samping itu, penulis memperoleh bahan-bahan melalui temu bual dengan pegawai-pegawai Wisma Putra dan Kedutaan Indonesia. Justeru itu, penulis dapat membuat semakan silang sekiranya terdapat sebarang kekeliruan dalam sumber pertama dan kedua.

Semasa membuat kajian ini terdapat masalah kekurangan bahan-bahan utama yang berupa minit mesyuarat dan fail-fail kerajaan Malaysia. Kebanyakan bahan ini tidak dibenarkan dirujuk oleh orang awam kerana dianggap sulit dan mengandungi perkara sensitif. Begitu juga kekurangan bahan-bahan utama dari Indonesia. Walau bagaimanapun, kedua-dua masalah ini dapat diatasi dengan merujuk kepada akhbar-

akhbar daripada kedua-dua negara. Pihak akhbar sentiasa membuat liputan tentang peristiwa-peristiwa penting yang berlaku. Di samping itu, usaha temu bual turut membantu mengatasi masalah-masalah tersebut.

Penulis berharap agar buku ini akan memberi sumbangan yang bermanfaat kepada sejarah hubungan antarabangsa Malaysia, khasnya dengan jiran-jiran dan anggota-anggota ASEAN. Seterusnya, buku ini juga untuk menyempurnakan hasrat penulis bagi memberi pengetahuan dan kefahaman para pembaca tentang hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman serta menjadikan buku ini sebagai satu bahan rujukan dalam bidang sejarah hubungan antarabangsa Malaysia. Penulis juga berharap lebih banyak lagi penulisan tentang sejarah hubungan Malaysia-Indonesia dihasilkan pada masa depan.

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan buku ini, penulis sangat terhutang budi kepada beberapa pihak yang telah memberi sumbangan, bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat kepada penulis. Pertama, penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan sekalung budi kepada penyelia tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Pamela Sodhy yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan kritikan yang membina seterusnya dapat dijadikan panduan oleh penulis untuk menyempurnakan buku ini.

Penghargaan yang tinggi diucapkan kepada Bapak M. Rachmat A., Kepala Bidang Politik dari Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur; Encik Shantananaban, Principal Assistant Secretary dari Wisma Putra; Encik Yogalingam, Deputy Director ASEAN dari Wisma Putra dan Encik Mohd. Arshad Hussain, Ketua Penolong Setiausaha Asia Tenggara – I dari Wisma Putra yang sudi meluangkan masa untuk bertemu bual dengan penulis. Segala nasihat, panduan dan maklumat yang diberi oleh mereka telah membantu penulis menyiapkan buku ini. Penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Encik P.G. Williams dari Wisma Putra kerana pertolongan beliau.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Profesor Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid kerana sudi bertemu bual dengan penulis dan memberi panduan serta nasihat untuk mengumpulkan bahan-bahan bagi menyiapkan buku ini. Penulis turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Harold Crouch kerana nasihat yang diberi oleh beliau tentang sumber-sumber Indonesia. Seterusnya penulis mengucapkan ribuan terima kasih khas kepada Prof. Dr. Ahmat Adam, Prof. Madya Dr. Sarim Mustajab, Prof. Madya Dr. Khasnor Johan dan Prof. Madya Dr. Sabihah Osman dari Jabatan

Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana pertolongan mereka.

Penulis juga merakamkan ucapan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan The New Straits Times (khasnya Cik Haryati), Perpustakaan Bernama (khasnya Encik Robert), Perpustakaan Wisma Putra dan Perpustakaan Kedutaan Indonesia. Akhirnya penulis berterima kasih kepada Encik Zakaria Mohd. Elah dari Jabatan Sejarah kerana sudi menaipkan draf buku ini.

Kunaseelan Muniandy
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor Darul Ehsan
1994

SENARAI SINGKATAN

AMDA	–	Anglo Malaya (Malaysia) Defence Agreement
ASA	–	Association of Southeast Asia
ASEAN	–	Association of Southeast Asian Nations
AUFS	–	American Universities Field Staff
AWR	–	Antara Weekly Review
BOAC	–	British Overseas Airways
CCO	–	Cladestine Communist Organization
CONEFO	–	Conference of New Emerging Forces
CUP	–	Cornell University Press
ECAFE	–	Economic Commission for Asia and the Far East
EIC	–	East Indian Company
FAM	–	Foreign Affairs Malaysia
FAM	–	Football Association of Malaysia
FAO	–	Food and Agriculture Organization
FEER	–	Far Eastern Economic Review
GANEFO	–	Games of New Emerging Forces
GESTAPU	–	Gerakan September Tiga Puluh
GIA	–	Garuda Indonesia Airways
ITC	–	International Tin Organization
JSEAH	–	Journal of South East Asia History
KAMI	–	Kesatuan Asli Mahasiswa Indonesia
KAPPI	–	Kesatuan Asli Pemuda dan Pelajar Indonesia
KCA	–	Keesing's Contemporary Archives
KLM	–	Syarikat Penerbangan Belanda
KMM	–	Kesatuan Melayu Muda
KMS	–	Kesatuan Melayu Singapura
KMT	–	Kuomintang

KOGAM	– Komando Ganyang Malaysia
KOSTRAD	– Komando Strategis Angkatan Darat
KOTI	– Komando Tertinggi
KOTOE	– Komando Tertinggi Ekonomi
KRIS	– Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
MAGERAN	– Majlis Gerakan Negara
MAPHILINDO	– Malaysia, Philippines, Indonesia
MCA	– Malayan Chinese Association
MDU	– Malayan Democratic Union
MIC	– Malayan Indian Congress
MNP	– Malay National Party
MPAJA	– Malayan People's Anti-Japanese Army
MPRS	– Madjelis Perpusjawaratan Rakyat Sementara
MSA	– Malaysia Singapore Airlines
MSCC	– Malaysia Solidarity Consultative Committee
NCNKS	– National Committe of Kalimantan Solidarity
NEFO	– New Emerging Forces
NKKU	– Negara Kesatuan Kalimantan Utara
OIC	– Organization of Islamic Conference
OLDEFO	– Old Established Forces
OUP	– Oxford University Press
PAP	– People's Action Party
PAS/PMIP	– Parti Islam Se-Malaysia/Pan-Malaysian Islamic Party
PARINDRA	– Parti Indonesia Raya
PARTINDO	– Parti Indonesia
PBB	– Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PERMESTA	– Perjuangan Semesta
PETA	– Pembela Tanah Air
PKI	– Parti Komunis Indonesia
PKM	– Parti Komunis Malaya
PNI	– Parti Nasional Indonesia
PRI	– Parti Rakyat Indonesia
PRRI	– Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia
PUTERA	– Pusat Tenaga Rakyat
RRC	– Republik Rakyat China
SCO	– Sarawak Communist Organization
SEA	– Southeast Asia
SEAARC	– Southeast Asia Association of Regional Cooperation

SEACOR	– Southeast Asia Community Organization
SEAFET	– Southeast Asia Friendship and Economic Treaty
SITC	– Sultan Idris Training College
SM	– Sebelum Masihi
SOBSI	– Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia
SUPP	– Sarawak United People's Party
TNKU	– Tentera Nasional Kalimantan Utara
UKM	– Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	– United Malays National Organization
UNESCO	– United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNKO	– United National Kadazan Organization
USM	– Universiti Sains Malaysia
USO	– Union of Southeast Asia
VOC	– Vereenigde Oostindische Compagnie

BAB 1

LATAR BELAKANG HUBUNGAN AWAL TANAH MELAYU-INDONESIA

Bab ini merupakan bab pengenalan hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Sebagai bab pengenalan, hubungan awal kedua-dua negara tersebut sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dibincangkan secara sepintas lalu. Dalam bab ini perbincangan meliputi lima perkara penting, iaitu kepentingan geografi, hubungan dari segi warisan budaya dan bangsa, hubungan semasa empayar-empayar Melayu, hubungan semasa di bawah penjajah Barat dan Jepun, dan perkembangan selepas Perang Dunia Kedua sehingga kemerdekaan Tanah Melayu. Pada peringkat akhir hubungan awal ini, peranan Tunku Abdul Rahman mula menonjol. Beliau mengambil berat untuk menguatkan lagi hubungan negaranya dengan Indonesia, yang dianggap sebagai "abang besar" kepada Tanah Melayu. Untuk tujuan tersebut, beliau selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu melawat Indonesia pada tahun 1955. Tunku Abdul Rahman disambut mesra oleh Presiden Sukarno dan para pemimpin Indonesia yang lain.

Hubungan awal Tanah Melayu-Indonesia dapat dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu semasa keagungan kuasa-kuasa Melayu, penjajahan Barat serta Jepun, dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Pada tahap pertama, terdapat empayar-empayar seperti Srivijaya, Majapahit dan Melaka yang menyatukan negeri-negeri di Tanah Melayu dan Indonesia di bawah satu pemerintahan pusat untuk membentuk keserantauan wilayah-wilayah ini di bawah naungan empayar-empayar agung itu. Dalam tempoh tersebut, perdagangan Timur-Barat berkembang dengan pesatnya dan telah memajukan ekonomi Tanah Melayu dan Indonesia. Di samping ekonomi, perdagangan antarabangsa turut memperluaskan lagi kebudayaan Tanah Melayu dan Indonesia. Saudagar-saudagar asing khasnya dari India dan Arab/Parsi telah menyebarkan agama dan ke-

budayaan masing-masing sewaktu mereka singgah di rantau ini. Faktor agama dan kebudayaan telah menguatkan lagi hubungan penduduk di Kepulauan Melayu.

Kejatuhan kerajaan Melaka pada tahun 1511 kepada kuasa Portugis menandakan tahap baru dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Pada tahap ini persaingan merupakan elemen yang penting. Kuasa-kuasa tempatan seperti Aceh dan Johor serta kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, Belanda dan British telah bersaing antara satu sama lain untuk menguasai perdagangan di rantau ini. Di samping itu, kuasa-kuasa penjajah telah bersaing sesama sendiri untuk meluaskan tanah jajahan masing-masing di Kepulauan Asia Tenggara. Penjajahan Barat telah membangkitkan semangat nasionalisme rakyat Indonesia dan Tanah Melayu. Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun berjaya menjajah rantau ini dan pentadbiran Jepun yang kejam menguatkan lagi semangat perjuangan menentang penjajah di kalangan rakyat Tanah Melayu dan Indonesia. Pada masa ini, wujud idea untuk menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah satu negara yang dikenali sebagai Indonesia Raya.

Tahap ketiga dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia ialah tahap selepas Perang Dunia Kedua sehingga tahun 1957. Pada masa itu, penduduk Tanah Melayu dan Indonesia berjuang menentang penjajah. Indonesia telah melancarkan revolusi untuk mendapatkan kemerdekaannya. Rakyat di Tanah Melayu telah menyokong revolusi ini dengan memberi sokongan moral, kewangan dan menjadi sukarelawan untuk menentang penjajahan Belanda. Sebaliknya, pihak Indonesia menolong usaha penduduk Tanah Melayu yang ingin menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia Raya berkurangan selepas Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun 1949. Menjelang tahun 1950-an, hubungan Indonesia dengan Tanah Melayu bertambah baik. Hubungan ini berada pada tahap yang tinggi apabila kerajaan Perikatan mendirikan kedutaan di Jakarta sebelum kemerdekaannya pada tahun 1957. Dengan latar belakang yang sedemikian Tanah Melayu dan Indonesia mengadakan hubungan rasmi sebagai dua buah negara yang merdeka dan berdaulat mulai 31 Ogos 1957.

Dalam meninjau hubungan awal Tanah Melayu-Indonesia terdapat lima tema penting, iaitu persaudaraan, kerjasama, konflik, keserantauan dan komunisme. Tema persaudaraan menonjol dalam hubungan ini kerana penduduk kedua-dua negara berasal daripada rumpun bangsa yang sama serta mempunyai pertalian darah dan ikatan kekeluargaan yang rapat. Agama Islam memainkan peranan yang lebih penting untuk merapatkan tali persaudaraan antara mereka kerana ajaran Islam menguta-

makan persaudaraan ummah. Tema kerjasama juga dapat dilihat dalam tempoh ini dari beberapa segi, seperti menentang penjajah, mewujudkan Indonesia Raya dan menyelaraskan sistem ejaan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Sementara itu, tema konflik dan persaingan timbul apabila negeri-negeri Melayu di rantau ini berlumba-lumba untuk menguasai perdagangan dan politik di Dunia Melayu. Tema keserantauan pula menonjol akibat kemunculan empayar-empayar Srivijaya, Majapahit dan Melaka yang menyatukan negeri-negeri Kepulauan Melayu di bawah satu kuasa pusat. Keserantauan ini agak berbeza daripada keserantauan moden kerana hanya negeri-negeri di Tanah Melayu dan Indonesia sahaja disatukan. Tema terakhir dalam hubungan ini ialah komunisme dan tema tersebut boleh dilihat melalui perjuangan parti-parti komunis di Indonesia dan Tanah Melayu menentang penjajahan.

Kepentingan Geografi

Dari segi geografi, Tanah Melayu dan Indonesia adalah sebahagian daripada rantau Asia Tenggara.[1] Tanah Melayu terletak dalam lingkungan garis bujur 100°T hingga 104°T dan dalam lingkungan garis lintang 1°20'U hingga 6° 40'U. Semenanjung Tanah Melayu mempunyai keluasan kira-kira 131 297 km persegi. Tanah Melayu dikelilingi oleh Selat Melaka dan Sumatera di bahagian barat dan Laut China Selatan di sebelah timur manakala Thailand di bahagian utara. Justeru itu, apabila merujuk peta Asia Tenggara, maka jelas kelihatan bahawa Tanah Melayu seolah-olah dikelilingi oleh Indonesia kecuali di bahagian utara.[2]

Indonesia pula terletak di sepanjang garisan Khatulistiwa antara bahagian hujung Tanah Besar Asia Tenggara dengan Australia. Oleh itu, kedudukan Indonesia kelihatan seperti sebuah jambatan antara benua Asia dengan Australia. Indonesia menganjur kira-kira 5543 km dari arah timur ke barat dan 1272 km dari utara ke selatan. Indonesia terletak dalam lingkungan garisan bujur 6°08'U hingga 11°15'S dan lingkungan

1 Istilah Asia Tenggara merupakan satu istilah yang baru. Menurut sejarawan D.G.E. Hall, istilah Asia Tenggara digunakan semasa Perang Dunia Kedua untuk menggambarkan wilayah-wilayah Semenanjung Indochina dan Kepulauan Indonesia dan Filipina. Sila lihat J.R.E. Waddle 1971. *An Introduction to Southeast Asian Politics*. Sydney: John Wiley and Sons, hlm. 1. (Selepas ini Southeast Asia disingkatkan sebagai SEA).

2 A.J.F. West dan J. Rose 1969. *Southeast Asia with Malaysia and Singapore*. London: University of London Press, hlm. 41.

garisan lintang 94°15'T hingga 141°05T.[3] Sebahagian besar Kepulauan Indonesia terletak di bahagian selatan garisan Khatulistiwa. Indonesia mempunyai keluasan kira-kira 1.9 juta km persegi yang meliputi 13 667 buah pulau.[4] Jadi, keluasan Indonesia adalah 12 kali ganda daripada keluasan Tanah Melayu. Antara pulau-pulau yang penting di Indonesia termasuklah Kalimantan (Borneo) Sumatera, Jawa, Sulawesi dan Irian Barat. Tanah Melayu terletak di tengah-tengah Indonesia, Filipina merupakan jiran di utara manakala Australia merupakan jiran di selatan. Lautan Pasifik terletak di bahagian timur dan Lautan Hindi di bahagian barat pantai Indonesia. Selat Melaka memisahkan Sumatera dengan Semenanjung Tanah Melayu.

Kedudukan geografi Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam hubungan awal kedua-dua negara tersebut. Kedua-dua negara ini terletak di sepanjang jalan perdagangan antara Negara China dan India sejak zaman kuno lagi. Kedudukan ini telah menyebabkan rantau ini menerima pengaruh dari India dan juga Negara China. Pengaruh mereka dapat dilihat dalam kebudayaan, sosial dan agama masyarakat tempatan. Pengaruh India terdapat dalam aspek-aspek seperti seni bina, seni ukir, kesusasteraan dan adat resam masyarakat tempatan sebelum kedatangan Islam pada abad ke-13 dan abad ke-14. Agama Hindu dan Buddha merupakan agama anutan masyarakat di Kepulauan Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu. Ini terbukti dengan kewujudan candi-candi di Sumatera, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu. Pengaruh Negara China pula lebih kelihatan dalam aspek politik. Kerajaan-kerajaan dari kawasan Dunia Melayu ini, seperti kerajaan Srivijaya dan Majapahit pernah mengadakan hubungan diplomatik dengan Negara China. Kerajaan Melayu Melaka pula pernah meminta perlindungan Negara China untuk mengatasi ancaman Siam.[5] Berbanding dengan pengaruh India, pengaruh Negara China di Kepulauan Melayu adalah kecil. Ini disebabkan masyarakat Cina melihat penduduk di luar Negara China sebagai orang-orang liar.[6]

---

3 J. Hardjono 1971. *Indonesia, Land and People*. Jakarta: Gunung Agung, hlm. 3 dan 4.

4 A. Zainuddin 1968. *A Short History of Indonesia*. Melbourne: Cassell Australia, hlm. 3.

5 Sila lihat G.P. Dartford 1957. *A Short History of Malaya*. London: Longman, hlm. 11 dan 18; Joginder Singh Jessy 1978. *Malaysia, Singapura dan Brunei*. Kuala Lumpur: Longman, hlm. 8, dan Lufti Ismail, *Sejarah Malaysia 1400–1963*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, hlm. 7.

6 Lea E. Williams 1976. *Southeast Asia: A History*. New York: OUP., hlm. 35–36.

Kedudukan fizikal Semenanjung Tanah Melayu yang terletak berhampiran dengan Kepulauan Melayu, khususnya dengan Sumatera dan Pulau Jawa, telah menyebabkan penduduk di Semenanjung lebih terpengaruh oleh kebudayaan masyarakat Kepulauan Melayu daripada kebudayaan masyarakat di Tanah Besar Asia Tenggara. Menurut D.R. SarDesai, dalam bukunya bertajuk *Southeast Asia: Past and Present*:

> "Southeast Asia can be seen as two geographical region: "mainland" Southeast Asia, to include the countries of Burma, Thailand, Laos, Kampuchea (Cambodia) and Vietnam; and "insular" Southeast Asia comprising Malaysia, Singapore, Indonesia and the Philippines. The inclusion of Malaya in the group is justified by the peninsular's greater exposure to the sea, and its ethnic, culture, religious and geographical affinities with Sumatera and Java."[7]

Selat Melaka yang bersempadankan pantai timur Sumatera dengan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu merupakan jalan laut yang penting bagi perdagangan Timur-Barat atau perdagangan Sino-India.[8] Kegiatan perdagangan di selat ini telah memajukan kerajaan-kerajaan yang wujud di sepanjang selat seperti Palembang, Kedah, Melayu (Jambi) dan Melaka. Kepentingan perdagangan laut telah menyebabkan kemunculan empayar-empayar seperti Srivijaya dan Melaka. Mereka meluaskan kuasa di kedua-dua bahagian Selat Melaka supaya dapat mengawal perdagangan di Selat Melaka. Dari satu segi, hal ini dapat merapatkan hubungan antara penduduk Kepulauan Melayu dengan Semenanjung Tanah Melayu.

Jadi, kedudukan geografi Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu atau Indonesia telah memainkan peranan yang penting dalam hubungan antara kedua-dua wilayah tersebut terutamanya dari segi perkembangan perdagangan dan perkembangan kebudayaan.

Hubungan dari Segi Warisan Bangsa dan Budaya

Bahagian ini membincangkan persamaan dan perbezaan dari segi warisan bangsa dan budaya antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Terdapat lima persamaan penting yang menonjol dalam hubungan awal kedua-dua negara. Persamaan ini boleh dilihat dari aspek, rumpun bangsa,

---

7 D.R. SarDesai 1981. *Southeast Asia: Past and Present*. New Delhi: Vikas Publishing House, hlm. 5.

8 *Ibid.*, hlm. 20.

bahasa, agama, kebudayaan dan pekerjaan. Sebaliknya, terdapat tiga perbezaan kecil yang timbul dalam aspek-aspek kebudayaan, agama, serta pekerjaan dalam hubungan awal kedua-dua jiran ini.

Dari segi rumpun bangsa, penduduk peribumi Tanah Melayu dan Indonesia dikenali sebagai orang Melayu (Malaysian) atau orang Indonesia (Indonesian).[9] Penduduk Melayu umumnya berasal daripada rumpun bangsa yang sama, iaitu rumpun Mongoloid yang berasal dari bahagian selatan Negara China (Yunan). Mereka telah berhijrah ke Asia Tenggara pada sekitar tahun 2500 S.M. Menurut teori dua orang ahli antropologi Belanda, P. Sarasin dan F. Sarasin, orang Melayu ini telah berhijrah ke Asia Tenggara dalam dua kumpulan. Kumpulan pertama dikenali sebagai Melayu Proto dan kumpulan kedua pula dikenali sebagai Melayu Deutero. Perbezaan masa penghijrahan kumpulan Melayu Proto dan Melayu Deutero diselangi masa lebih 2000 tahun.[10] Melayu Proto berpindah ke Asia Tenggara kira-kira pada tahun 2500 S.M. dan telah membawa kebudayaan Neolitik. Manakala Melayu Deutero pula berpindah pada sekitar tahun 300 S.M. serta memperkenalkan penggunaan gangsa dan besi di rantau ini.[11]

Mengikut teori Sarasin, keturunan Melayu Proto telah dipaksa pindah ke daerah pedalaman setelah ketibaan orang dagang baru iaitu Melayu Deutero. Kumpulan baru ini menetap di keseluruhan Kepulauan Melayu dan lambat-laun telah dapat mengawal kawasan pantai Kepulauan Asia Tenggara. Masyarakat Melayu Deutero berjaya menguasai kawasan kepulauan kerana mereka mempunyai semangat pengembaraan dan kebolehan menjadi kelasi. Teori Sarasin diterima oleh kebanyakan pengkaji sejarah awal Asia Tenggara kerana mereka bersetuju dengan penghijrahan dua kumpulan tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat perselisihan pendapat tentang teori tersebut kerana bagi segelintir ahli sejarah, kebudayaan masyarakat Melayu bermula di Asia Tenggara sendiri dan bukan berasal dari Negara China.[12]

---

9 Sesetengah penulis seperti R. Emerson, menggunakan istilah orang Melayu (Malaysian) untuk menggambarkan penduduk di rantau Kepulauan Melayu, manakala Brian Harrison dan para penulis lain menggunakan istilah orang Indonesia (Indonesian) untuk menggambarkan penduduk kepulauan ini. Lihat Tate 1977. *The Making of Modern Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 27; dan Brian Harrison 1966. *Asia Tenggara: Suatu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. xi.

10 B.H.M. Vlekke 1967. *Nusantara, Sejarah Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9–10.

11 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 9 dan Williams, *SEA: A History*, hlm. 12.

12 Williams, *SEA: Past and Present*, hlm. 9 dan Williams, *SEA: A History*, hlm. 12.

Penghijrahan penduduk di Asia Tenggara merupakan satu fenomena yang berlaku sejak manusia mula tiba ke daerah ini.[13] Penghijrahan sentiasa berlaku antara Tanah Melayu dengan Sumatera, Sumatera dengan Jawa, Jawa dengan Tanah Melayu dan Borneo dengan Tanah Melayu. Pada hari ini terdapat komuniti Jawa, Sumatera dan Borneo yang ramai di Tanah Melayu.[14] Oleh sebab penduduk Kepulauan Melayu berasal daripada rumpun bangsa yang sama, maka penghijrahan mereka dari satu negeri ke negeri lain di rantau ini tidak dianggap sebagai penghijrahan ke luar negeri tetapi sebagai perpindahan dari sebuah kampung ke kampung lain. Berhubung penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu, sukar ditentukan bila mereka mula berbuat demikian. Ini adalah kerana tidak adanya rekod-rekod yang menyimpan butir-butir penghijrahan tersebut kecuali selepas kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu.

Masyarakat Melayu di Kepulauan Melayu adalah masyarakat pelaut (*maritime societies*).[15] Sebagai masyarakat pelaut, mereka telah belayar di seluruh pelosok rantau ini. Akibatnya bahasa mereka, iaitu bahasa Melayu, telah menjadi bahasa perantaraan umum atau *lingua franca* di kepulauan ini.[16] Bahasa Melayu ialah nama untuk seluruh kumpulan bahasa di Asia Tenggara. Sebenarnya bahasa ini hanya ditutur oleh penduduk di beberapa bahagian di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.[17] Setiap kumpulan etnik di kepulauan ini mempunyai bahasa daerah masing-masing tetapi semua bahasa tersebut berasal daripada rumpun bahasa Malayo-Polinesia.[18] Bahasa Melayu mendapat dorongan

---

13 Tunku Shamsul Bahrin 1964. "The Indonesian in Malaya", Tesis M.A. Sheffield: University of Sheffield, hlm. 267.

14 Robert Curtis1964. "Indonesia and Malaysia", *New Left Review*, No. 28, Nov. – Dis., hlm. 6.

15 Menurut J.R.E. Waddell, "Maritime Societies" bermakna masyarakat yang menetap di Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Indonesia dan Filipina. Mereka bergantung pada perdagangan laut dan kegiatan melanun. Empayar maritim seperti Srivijaya bukanlah sebuah empayar dalam erti kata peluasan wilayah tetapi berdasarkan keupayaan kerajaan tersebut mengawal lalu lintas kapal-kapal dan mengenakan tol dan cukai kepada kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan dan selat kawalannya. Waddell, *SEA Politics*, hlm. 17.

16 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 27.

17 Tate, *Ibid.*, hlm. 27, lihat juga Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 7 dan Vlekke, *Nusantara*, hlm. 11 dan 12.

18 Malayo-Polinesia, menurut Harrison merupakan salah satu daripada kumpulan bahasa yang tersebar luas di seluruh dunia. Ia juga menjadi bahasa di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Asia Tenggara. Brian Harrison, *Asia Tenggara*, hlm. xi.

yang luar biasa untuk berkembang sebagai *lingua franca* kesan daripada perkembangan perdagangan dan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Pusat-pusat perdagangan ini telah menjadi tempat pertemuan bagi orang-orang dari rantau Asia Tenggara. Penggunaan bahasa Melayu telah menyatukan hampir semua suku bangsa Indonesia.[19]

Dari segi agama, terdapat juga persamaan antara Indonesia dengan Tanah Melayu. Penduduk di kedua-dua negara ini menganuti agama Buddha dan Hindu sebelum kedatangan agama Islam pada abad ke-13. Berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara, Islam mendapat sambutan yang baik di Tanah Melayu dan Indonesia.[20] Dari segi sistem kepercayaan, Islam merupakan elemen yang membezakan penduduk di Tanah Melayu dan Indonesia dengan penduduk Asia Tenggara yang lain. Ini disebabkan majoriti penduduk di Tanah Besar Asia Tenggara dan di Kepulauan Filipina menganut agama Buddha dan Kristian.

Dalam mengkaji hubungan Tanah Melayu awal, terdapat persamaan dalam aspek kebudayaan antara kedua-dua negara. Wayang kulit merupakan salah satu contoh yang menunjukkan persamaan tersebut. Pengaruh kebudayaan luar terutamanya pengaruh India dan pengaruh Islam yang datang kemudian tersebar luas dalam permainan wayang kulit di Indonesia dan Tanah Melayu. Ciri-ciri kebudayaan asing masih kekal sehingga hari ini bagi masyarakat Kepulauan Melayu.

Satu lagi persamaan penting antara Tanah Melayu dengan Indonesia adalah dari segi pekerjaan. Oleh sebab masyarakat Kepulauan Melayu merupakan masyarakat pelaut, maka mata pencarian penduduk Tanah Melayu dan Indonesia bergantung pada kegiatan perdagangan antarabangsa Timur-Barat, pengumpulan bahan-bahan mentah untuk dieksport, penangkapan ikan, perlanunan dan pertanian.[21]

Walaupun terdapat beberapa persamaan antara kedua-dua negara tetapi jika diteliti dengan rapi terdapat juga beberapa perbezaan kecil dalam hubungan awal itu. Sungguhpun Tanah Melayu dan Indonesia terletak di jalan perdagangan Timur-Barat dan kemajuan ekonomi mereka bergantung pada perdagangan tersebut tetapi dari satu segi Indonesia, khususnya Pulau Jawa, tidak bergantung pada perdagangan

---

19 Vlekke, *Nusantara*, hlm. 12.

20 Malaysia dan Indonesia merupakan dua buah negara yang mempunyai majoriti penduduk yang beragama Islam di Timur Jauh. Lihat Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 7.

21 Waddle, *SEA Politics*, hlm. 17.

sahaja. Pulau Jawa merupakan sebuah pulau yang berorientasikan perdagangan dan pertanian.[22] Malahan Pulau Jawa adalah pembekal bahan makanan kepada pulau-pulau lain. Dari segi kebudayaan, Tanah Melayu dan Indonesia menerima banyak unsur daripada kebudayaan India akan tetapi unsur kebudayaan India lebih kelihatan dalam kebudayaan Indonesia terutamanya dalam seni bina dan seni ukir. Ini terbukti dengan kewujudan candi-candi yang terkenal seperti Borobudur dan Paramban di Indonesia.

Dari segi agama, terdapat juga perbezaan antara Tanah Melayu dengan Indonesia, sungguhpun Islam menjadi agama dominan di Kepulauan Melayu selepas abad ke-16. Di Tanah Melayu, Islam dianuti dengan sepenuhnya oleh masyarakat peribumi khasnya orang Melayu, tetapi di Indonesia pula Islam dianuti oleh majoriti penduduk peribuminya. Walau bagaimanapun, unsur animisme dan agama Hindu masih diamalkan dalam kepercayaan orang Indonesia.[23]

Hubungan Semasa Empayar-empayar Melayu

Empayar-empayar Srivijaya, Singhasari, Majapahit dan Melaka merupakan empayar dominan di Kepulauan Melayu sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat. Empayar-empayar ini pernah meliputi sebahagian daripada kawasan-kawasan yang hari ini disebut sebagai Malaysia dan Indonesia. Empayar-empayar ini juga pernah menyatukan Kepulauan Melayu di bawah satu pemerintahan pusat semasa zaman kegemilangan masing-masing. Penyatuan ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan politik antara Tanah Melayu dengan Kepulauan Indonesia pada ketika itu.

Perkembangan perdagangan antarabangsa Timur-Barat, terutamanya selepas abad pertama Masihi, telah menggalakkan perkembangan bandar-bandar perdagangan yang kemudiannya menjadi negara kota. Menjelang abad keenam, Selat Melaka memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa dari Negara China ke India. Negara kota

---

22 *Ibid.*

23 Walaupun Islam menjadi anutan kebanyakan kerajaan di Indonesia tetapi kepercayaan sebenar dan amalan agama sejumlah besar rakyat berubah dengan lambat. Animisme dan unsur Hindu mendapat tempat dalam kepercayaan dan amalan-amalan golongan bangsawan di kebanyakan kawasan. Lihat George McT. Kahin (ed.) 1982. *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 239–240.

yang kaya dan berkuasa berusaha menakluk negara kota yang lain atau menjadikan negeri di bawah naungannya. Antara kerajaan negara kota yang pertama wujud di Kepulauan Melayu ialah kerajaan Srivijaya.[24] Srivijaya sebenarnya adalah pengganti kepada empayar Funan yang berpusat di Indochina. Kejatuhan Funan sebagai pusat perdagangan penting di Asia Tenggara pada abad keenam telah memberi kesempatan kepada Srivijaya untuk muncul sebagai kuasa pelaut yang penting di Kepulauan Melayu. Srivijaya dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pusat perdagangan di Selat Melaka melebihi 400 tahun lamanya.[25]

Menjelang akhir abad ketujuh, Srivijaya muncul sebagai pusat perdagangan yang penting.[26] Kedudukannya di persimpangan jalan laut antara Negara China dengan India membolehkannya mengawal lalu lintas kapal-kapal perdagangan yang melalui Selat Melaka. Sebagai sebuah pusat perdagangan, Srivijaya menghadapi persaingan dari Jambi (Melayu). Antara tahun 689 hingga tahun 692, Srivijaya melanggar dan menguasai Jambi. Pada akhir abad ketujuh, Srivijaya telah menguasai pantai-pantai Tanah Melayu. Srivijaya yang beribukotakan Palembang telah menuntut ketuanannya terhadap pantai timur Sumatera, pantai barat daya Borneo, Jawa Barat dan Semenanjung Melayu. Ini membolehkannya mengawal Selat Melaka dan Selat Sunda.[27] Keadaan ini menguntungkan kerajaan Srivijaya yang meliputi sebahagian besar Tanah Melayu dan Indonesia.

Pada pertengahan abad kesembilan, berlaku perkahwinan antara wangsa Srivijaya dengan wangsa Sailendra dari Jawa Tengah. Dengan perkahwinan itu, raja-raja Sailendra telah memerintah empayar Srivijaya sehingga keruntuhannya pada abad ke-14. Pemusatan kuasa politik dan perdagangan juga berlaku sejak perkahwinan tersebut. Pusat peme-

---

24 Kerajaan Srivijaya, lama terpendam dalam sejarah, tanpa diketahui oleh seorang pun. Sejak tahun 1918, kerajaan Srivijaya timbul lagi dalam sejarah hasil penemuan Profesor George Coedes. Srivijaya mendapat sambutan hangat melalui penulisan Coedes bertajuk *Le royaume de Criwijaya* pada tahun 1918. Lihat Slametmulja 1963. *Srivijaya*. Arnoldus Ende-Flones Nusa Tenggara Timur, hlm. 1–7.

25 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 30.

26 Lebih tepat lagi ibu negeri Srivijaya terletak di lembah Sungai Musi, iaitu kira-kira 120.75 km dari Sungai Palembang. Lihat Paul Wheatley 1980. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 293. Menjelang abad ke-11, ibu kota Srivijaya telah berpindah dari Palembang ke Jambi di utara. Jambi juga terletak di pantai yang sama dengan Palembang. O.W. Wolters 1970. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: OUP, hlm. 32.

27 Waddell, *SEA Politics*, hlm. 123.

rintahan Sailendra dipindahkan dari Jawa Tengah ke Sumatera Selatan.[28] Jadi, ikatan kekeluargaan negeri-negeri dalam empayar tersebut menjadi lebih kukuh.

Selain menjadi kuasa politik yang penting di Kepulauan Melayu, Srivijaya juga menjadi pusat pengajian agama Buddha Mahayana menjelang abad ketujuh. Agama merupakan elemen yang penting dalam hubungan awal Tanah Melayu-Indonesia. Dalam hubungan awal ini, terdapat tiga agama yang penting, iaitu Hindu, Buddha dan Islam.[29] Semasa kegemilangan kerajaan Srivijaya, agama Buddha mendapat kedudukan yang terpenting. Agama-agama Buddha dan Hindu telah tiba ke kawasan ini bersama-sama dengan saudagar-saudagar dari India yang datang untuk berniaga di Kepulauan Melayu sejak awal abad Masihi.[30]

Agama Buddha berada pada tahap kegemilangannya semasa empayar Srivijaya menguasai Kepulauan Melayu. Ibu kota Srivijaya, iaitu Palembang, telah menjadi pusat pengajian agama Buddha Mahayana di rantau ini. Para sarjana bangsa Cina yang hendak menuntut ilmu di India akan singgah di Sumatera (Palembang) atau di Borneo untuk belajar bahasa Sanskrit dan Pali sebelum mereka belayar ke India.[31] Menurut laporan I-Ching, seorang pendeta dan pengembara berbangsa Cina, terdapat lebih daripada seribu orang pendeta Buddha yang sedang menuntut di Palembang.[32] Selain itu, Srivijaya telah menjadi ejen penyebar agama Buddha. Srivijaya telah menyebarkan agama ini ke kawasan-kawasan naungannya di Kepulauan Melayu termasuk Tanah Melayu, Indonesia dan kawasan luar seperti Kemboja di sekitar tahun 715.[33] Jelas bahawa agama Buddha tersebar di Tanah Melayu melalui Indonesia (Srivijaya). Penerimaan agama Buddha oleh Tanah Melayu telah merapatkan hubungan penduduk di Tanah Melayu dengan Indonesia dari segi keagamaan.

Walau bagaimanapun, kegemilangan agama Buddha di Kepulauan Melayu merosot bersama-sama dengan kemerosotan empayar Srivijaya pada abad ke-11. Perkembangan agama Buddha semasa empayar Srivijaya telah mengubah sistem kepercayaan keseluruhan masyarakat

---

28 Brian Harrison, *Asia Tenggara*, hlm. 33. Lihat juga Dartford, *Malaya*, hlm. 12.

29 Satu persamaan boleh didapati antara ketiga-tiga agama tersebut, iaitu cara kedatangan dan penyebaran di Kepulauan Melayu. Faktor perdagangan Timur-Barat telah menjadi rangkaian bagi ketiga-tiga agama tersebut tiba ke rantau ini.

30 Dartford, *Malaya*, hlm. 11.

31 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 46.

32 *Ibid.*, hlm. 46 dan Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 30.

33 Brian Harrison, *Asia Tenggara*, hlm. 27.

Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu-Indonesia daripada kepercayaan animisme kepada penyembahan Tuhan. Secara tidak langsung agama tersebut telah menyatukan penduduk Asia Tenggara dari segi kebudayaan. Kedatangan agama Buddha telah meningkatkan lagi perkembangan seni bina di Asia Tenggara. Misalnya, candi Borobudur (di Jawa Tengah) dibina berasaskan ciri-ciri agama Buddha.

Sebagai sebuah pusat perdagangan yang penting, Srivijaya mempunyai angkatan laut yang kuat untuk memaksa semua kapal yang belayar di rantau ini singgah di pelabuhan-pelabuhannya dan membayar cukai.[34] Dasar perdagangan yang sedemikian menguntungkan Tanah Melayu dan Indonesia tetapi telah menyebabkan kerajaan-kerajaan luar tidak berpuas hati dengan Srivijaya. Misalnya, hubungan pemerintah-pemerintah Melayu Srivijaya dengan kerajaan Chola dan kerajaan Jawa sentiasa bermusuhan pada abad ke-10 dan abad ke-11.[35] Pada tahun 1025, Rajendra Chola dari India Selatan telah menyerang Srivijaya kerana mengamalkan dasar perdagangan monopoli.[36] Serangan tersebut telah melemahkan pengaruh Srivijaya di rantau ini. Walau bagaimanapun, Srivijaya telah muncul kembali menjelang abad ke-12 dan menguasai perdagangan monopoli di Selat Melaka, iaitu dari Pulau Phuket di utara hingga ke Kepulauan Riau di selatan. Srivijaya dapat mengawal semula Selat Melaka dan Sunda.[37] Akan tetapi Srivijaya tidak dapat mengatasi zaman kegemilangannya seperti sebelum serangan Chola.

Pada abad ke-13, empayar Srivijaya telah mengalami keruntuhan yang disebabkan oleh perkembangan kerajaan-kerajaan baru yang kuat di Pulau Jawa dan Siam. Orang Siam telah meluaskan kuasa mereka ke Tanah Melayu, sementara kerajaan Singhasari di Jawa telah menyerang Sumatera. Di samping itu, beberapa bahagian empayar Srivijaya, seperti Kampar dan Jambi, telah mengisytiharkan kemerdekaan daripada kerajaan pusat.[38] Menjelang akhir abad ke-13, empayar Srivijaya luput sama sekali. Ini dibuktikan oleh catatan Marco Polo. Marco Polo yang melawat Sumatera pada tahun 1292 tidak pernah menyebut nama Srivijaya dalam tulisannya.[39]

Kerajaan Singhasari telah mengisi kekosongan yang ditinggalkan

---

34 SarDesai, SEA: *Past and Present*, hlm. 46

35 Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm. 2.

36 N.J. Ryanm 1963. *A History of Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press, hlm. 12.

37 Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 298 dan 300.

38 Ryan, *Malaysia and Singapore*, hlm. 12 dan Dartford, *Malaya*, hlm. 14.

39 Ryan, *Malaysia and Singapore*, hlm. 12.

oleh Srivijaya. Kerajaan Singhasari muncul di Jawa Timur pada tahun 1222[40] dan menyatukan sebahagian daripada Tanah Melayu dan Indonesia. Kewujudan kerajaan Singhasari adalah hasil penyatuan kerajaan-kerajaan Kediri dan Janggala. Singhasari juga merupakan kerajaan pertama berpusat di Jawa yang mengawal kawasan-kawasan seberang laut termasuk Sumatera.[41] Kegemilangan kerajaan ini semasa di bawah pemerintahan Kartanegara (1268–1292). Semasa pemerintahan beliau, Singhasari menguasai seluruh Pulau Jawa termasuk kawasan Srivijaya. Pada tahun 1268, ibu kota Srivijaya dan kerajaan Melayu turut ditawan. Dengan itu, kekuasaan laut Srivijaya telah dirampas oleh Singhasari. Singhasari telah meluaskan wilayahnya ke bahagian timur Tanah Melayu (Pahang), barat daya Borneo (Pontianak), Jawa Barat dan pulau-pulau Maluku.[42] Kerajaan Singhasari tidak memainkan peranan penting dalam hubungan awal Tanah Melayu-Indonesia seperti yang dimainkan oleh Srivijaya. Ini disebabkan tempoh kekuasaan Singhasari di Kepulauan Melayu adalah terhad berikutan serangan tentera Kublai Khan dari Negara China. Kegemilangan Singhasari terancam kerana serangan tersebut pada tahun 1292. Pada masa yang sama, Kediri telah memberontak terhadap Kartanegara. Dalam pemberontakan tersebut, Kartanegara terbunuh dan menantu beliau, iaitu Raden Wijaya, telah melarikan diri ke Majapahit.[43]

Raden Wijaya ditabalkan menjadi raja Majapahit dengan gelaran Kartarajasa Jayawarddhara pada tahun 1293.[44] Dari tahun 1293 hingga tahun 1353, Majapahit membina kerajaannya di Jawa Timur. Pada tahun 1331, Gajah Mada menjadi Perdana Menteri Majapahit.[45] Beliau telah memainkan peranan yang besar dalam pembentukan empayar Majapahit. Sebelum kematiannya pada tahun 1369, Gajah Mada telah meletakkan Sumatera, Tanah Melayu, Patani, Borneo Selatan dan Barat, Kepulauan Sulu, Sulawesi dan pulau-pulau Maluku di bawah naungan Majapahit.[46]

---

40 Vlekke, *Nusantara*, hlm. 53.

41 Lihat Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 38.

42 Vlekke, *Nusantara*, hlm. 53 dan Joginder Singh, *Malaysia, Singapore and Brunei*, hlm. 10.

43 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 56. Lihat juga Victor Purcell 1962. *The Revolution in Southeast Asia*. London: Thames and Hudson, hlm. 23.

44 Sartono Kartodhirdjo 1977. *Sejarah Nasional Indonesia II*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, Balai Pustaka, hlm. 257.

45 Vlekke, *Nusantara*, hlm. 55.

46 Profesor C.C. Berg menyangkal pandangan terhadap empayar Majapahit yang me-

Majapahit berada di ambang kegemilangannya semasa pemerintahan Raja Hayam Wuruk (1350–1389). Hayam Wuruk dan Gajah Mada telah membawa kerajaan Majapahit ke puncak kebesarannya.[47] Selepas kematian Gajah Mada dan Raja Hayam Wuruk, Majapahit telah mengalami kemerosotan. Kerajaan Majapahit, sebagai kerajaan Hindu yang terbesar di Asia Tenggara, telah berpecah dalam masa 20 tahun selepas kematian Hayam Wuruk kerana perebutan kuasa antara saudara-saudara baginda.

Agama Hindu merupakan agama rasmi kerajaan Majapahit yang berpusat di Jawa Timur. Seperti agama Buddha, agama Hindu juga dibawa oleh saudagar-saudagar India. Sewaktu empayar Majapahit, agama Hindu telah merapatkan lagi hubungan Tanah Melayu-Indonesia dari segi kebudayaan. Agama Hindu telah menyebarkan kesusasteraannya di Kepulauan Melayu. Cerita-cerita daripada epik-epik Hindu, seperti Ramayana dan Mahabharata, mendapat sambutan yang meluas di Kepulauan Melayu. Cerita-cerita Ramayana dan Mahabharata digunakan dalam persembahan wayang kulit.[48] Agama Hindu telah meninggalkan satu kesan yang penting di kalangan masyarakat Tanah Melayu dan Indonesia semasa kegemilangannya, iaitu raja dianggap sebagai jelmaan Tuhan.[49] Ini menjadi salah satu sebab masyarakat Melayu di Kepulauan Melayu sangat setia kepada raja mereka. Kedatangan agama Hindu juga telah menggalakkan perkembangan seni bina. Banyak candi Hindu dibina khususnya di Jawa Timur dan Pulau Bali.

Walau bagaimanapun, satu kelemahan agama Hindu mahupun agama Buddha adalah pengaruhnya bersifat aristokrasi.[50] Ini bermakna hanya golongan pemerintah sahaja mengikuti ajaran kedua-dua agama tersebut dengan sepenuhnya. Perkara ini berbeza daripada ajaran agama Islam yang datang kemudian ke Kepulauan Melayu. Islam merupakan

---

liputi sebahagian besar Kepulauan Melayu dan menganggap sebagai mitos sahaja. Beliau berpendapat, Majapahit hanya berkuasa di Jawa Timur, Madura dan Bali. Kebanyakan ahli sejarah menerima pendapat Profesor N.J. Krom, yang mengatakan empayar Majapahit meliputi keseluruhan Kepulauan Melayu berdasarkan kronologi Hindu Jawa dan sumber Cina. Lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 57. J.R.E. Waddell pula berpendapat bahawa, walaupun Majapahit tidak berkembang di luar Jawa Tengah dan Timur, tidak ada keraguan bahawa Majapahit mempunyai kawalan yang putus-putus ke atas Selat Melaka. Lihat Waddell, *SEA Politics*, hlm. 124.

47 Sartono Kartodhirdjo, *Sejarah Nasional Indonesia*, hlm. 259.

48 J.D. Legge 1981. *Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 33.

49 *Ibid.*, hlm. 49.

50 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 11.

sebuah agama yang terbuka dan mudah mempengaruhi keseluruhan masyarakat Kepulauan Melayu. Peluasan agama Islam abad ke-13 dan kebangkitan kerajaan Siam telah melemahkan pengaruh empayar Hindu Majapahit dan akhirnya pupus antara tahun 1513 hingga tahun 1528.[51] Namun begitu, salah seorang daripada raja-raja yang berada di bawah naungan Majapahit telah mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka.

Melaka merupakan kuasa laut Melayu yang terakhir sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat.[52] Sekitar tahun 1400, Melaka dibuka oleh Parameswara, seorang putera raja dari Palembang. Beliau telah berkahwin dengan seorang puteri Majapahit. Parameswara enggan mengakui pertuanan Majapahit dan oleh itu beliau terpaksa melarikan diri setelah diusir oleh Majapahit.[53] Dari Palembang, beliau melarikan diri ke Singapura atau Temasik. Parameswara cuba berkuasa di Singapura dengan membunuh gabenor Siam. Sekali lagi Parameswara menjadi pelarian kerana kerajaan Siam menghantar tenteranya untuk menghukum beliau. Akhirnya, beliau sampai di Melaka. Melaka pada masa itu hanya merupakan sebuah kampung nelayan sahaja.[54] Untuk memajukan perdagangan di Melaka, Parameswara telah memeluk agama Islam yang dibawa dari Pasai, Indonesia pada tahun 1414.

Akibatnya, ramai saudagar Islam telah mengalihkan perhatian mereka ke Melaka dan Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting pada abad ke-15. Menjelang tahun 1450, Melaka mampu mempertahankan diri daripada ancaman Siam dan mula membina empayarnya sendiri.[55] Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1446–1454), Melaka meluaskan kuasanya hingga ke Kampar, Inderagiri dan Rokan. Ini membolehkan Melaka mengawal kedua-dua perairan Selat Melaka. Sultan Mansur Syah pula meluaskan tanah jajahan Melaka hingga ke Kedah, Perak, Bruas, Bernam, Johor, Pahang, Terengganu di Semenanjung Tanah Melayu dan Ruput, Siak, Jambi dan Bengkalis di Sumatera,

---

51 Victor Purcell, *The Revolution in SEA*, hlm. 24.

52 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 31.

53 Sila lihat Richard Allen 1970. *A Short Introduction to the History and Politics of Southeast Asia*. New York: OUP., hlm. 27 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 75. Menurut Tome Pires, Melaka dibuka oleh pemerintahan Palembang yang diusir keluar oleh tentera Jawa (Majapahit) menjelang akhir abad ke-14. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm. 73.

54 Paul Wheatley 1964. *Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapura: Eastern University Press, hlm. 122.

55 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 31.

Indonesia.[56] Zaman Sultan Mansur Syah merupakan zaman kegemilangan kerajaan Melaka.

Melaka juga menjadi pusat penyebaran agama Islam di rantau ini. Islam disebarkan ke seluruh Kepulauan Melayu semasa kegemilangan Melaka. Penyebaran Islam telah meningkatkan lagi persaudaraan ummah antara penduduk Tanah Melayu dan Indonesia. Perkahwinan di antara keluarga diraja Melaka dengan kerajaan-kerajaan di Sumatera dan Tanah Melayu menolong menyebarkan agama Islam.[57]

Islam yang bertapak kukuh di Melaka telah tersebar ke seluruh Tanah Melayu, pantai timur Sumatera, pantai utara Jawa dan Brunei di Borneo, dan Islam juga dapat menembusi Kepulauan Maluku dan Kepulauan Sulu.[58] Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, pusat Islam yang lain seperti Aceh telah menyebarkan Islam ke kawasan pedalaman Sumatera hingga ke Minangkabau. Di Jawa, Mataram telah menyebarkan Islam di Jawa Timur dan di Borneo, Brunei menyebarkan Islam di kawasan pantai Borneo dan Sulu.[59]

Perkembangan Islam telah membawa beberapa kesan yang penting dalam hubungan awal Malaysia-Indonesia. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah menyebabkan wujudnya satu halangan antara penduduk Asia Tenggara. Kebudayaan penduduk Tanah Melayu dan Indonesia telah menjadi berbeza daripada penduduk Asia Tenggara yang lain akibat penganutan Islam oleh rakyat di kedua-dua negara tersebut.[60] Malaysia dan Indonesia[61] hari ini merupakan dua buah negara Islam di

---

56 Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 309. Bendahara Tun Perak telah memainkan peranan penting dalam pembinaan empayar Melaka. SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 78.

57 Lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 311. Pada akhir abad ke-13, Islam telah bertapak di bahagian barat Kepulauan Melayu. Marco Polo pernah melaporkan bahawa pada tahun 1292, terdapat masyarakat Islam di sebuah negeri kecil bernama Perlak di Sumatera Utara. Dari Sumatera Utara, Islam berkembang ke Melaka pada awal abad ke-15. Selama satu abad Melaka telah berfungsi sebagai pusat penyebaran Islam di Kepulauan Melayu. Lihat Williams, *SEA: A History*, hlm. 14.

58 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 33.

59 Walaupun Islam menjadi anutan kebanyakan kerajaan di Indonesia tetapi kepercayaan sebenar dan amalan agama sejumlah besar rakyatnya berubah dengan lambat. Animisme dan unsur Hindu mendapat tempat dalam kepercayaan dan amalan-amalan golongan bangsawan di kebanyakan kawasan. Lihat Kahin, *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, hlm. 239–240.

60 Lihat Victor Purcell, *The Revolution in SEA*, hlm. 20.

61 Indonesia telah menolak idea menjadi negara Islam kerana Indonesia mengutamakan ideologi Pancasila sebagai ideologi negara dengan tujuan untuk menyatupadukan ke-

Timur Jauh.[62] Sebaliknya, negara-negara Tanah Besar Asia Tenggara merupakan negara yang mempunyai majoriti penduduk beragama Buddha dan Filipina pula merupakan sebuah negara Kristian. Agama Islam telah melahirkan fahaman persaudaraan ummah di kalangan penduduk Kepulauan Melayu. Persaudaraan ummah ini telah menyatukan penduduk Islam kepulauan dengan penduduk Islam Tanah Melayu. Islam juga telah memperkenalkan tulisan Jawi di Tanah Melayu dan Indonesia sejak Islam bertapak di Sumatera Utara pada abad ke-13. Ini secara tidak langsung telah mengembangkan ilmu pengetahuan Islam di rantau ini. Islam juga telah menggalakkan perkembangan kesusasteraan Melayu dan Indonesia. Tulisan Jawi digunakan untuk menulis karya-karya tempatan dan undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka.* Islam sebagai kuasa sosial dan kuasa agama dapat menguasai masyarakat Dunia Melayu kecuali di Pulau Bali dan Filipina sejak keagungan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Islam berfungsi sebagai pelindung kepada penduduk Tanah Melayu dan Indonesia daripada pengaruh Barat semasa zaman penjajahan.[63]

Berbanding dengan hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa empayar Srivijaya dan Majapahit, hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa zaman Melaka adalah lebih rapat. Ini adalah kerana Islam telah memainkan peranan yang penting dalam menyatupadukan penduduk di Kepulauan Melayu. Di samping itu, perkahwinan antara kerabat-kerabat diraja telah banyak berlaku pada zaman Melaka. Ini telah merapatkan lagi hubungan antara satu negeri dengan negeri yang lain di Kepulauan Melayu. Walau bagaimanapun, kegemilangan empayar Melaka cuma berkekalan untuk satu abad sahaja.

Menjelang abad ke-16, Melaka mengalami kemerosotan. Ini disebabkan Sultan Mahmud Syah, iaitu sultan yang terakhir dalam Kesultanan Melayu Melaka, merupakan seorang pemerintah yang tidak cekap dalam pentadbiran. Misalnya, cukai yang tinggi dikenakan oleh baginda kepada saudagar-saudagar asing telah menimbulkan kebencian terhadapnya. Akibatnya, apabila wujud permusuhan di antara Melaka dengan orang Portugis, saudagar-saudagar asing yang bukan Islam telah mem-

---

seluruhan rakyat Indonesia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, sungguhpun Islam merupakan anutan majoriti penduduknya.

62 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 7.

63 Gilbert Khoo 1977. *Asian Transformation, A History of Southeast South, and East Asia.* Kuala Lumpur: Heinemann Education Book, hlm. 432.

bantu pihak Portugis mengalahkan kerajaan Melaka pada tahun 1511.[64] Sultan Melaka terpaksa melarikan diri ke Johor dan membuka kesultanan baru, iaitu Kesultanan Johor. Kerajaan Johor, Portugis dan Aceh kemudiannya bersaing untuk mengawal Selat Melaka. Dengan kejatuhan Melaka, pedagang-pedagang Islam berpindah ke Aceh di Sumatera Utara. Kejatuhan Melaka juga menggambarkan kejatuhan kuasa dominan orang tempatan di Kepulauan Melayu dan kemerosotan hubungan Tanah Melayu-Indonesia pada waktu tersebut.

Hubungan Semasa Penjajahan Barat dan Jepun

Selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis maka bermulalah tahap baru dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa zaman penjajahan. Tanah Melayu dan Indonesia mengalami penjajahan selama empat abad, iaitu bermula dari awal abad ke-16 hingga pertengahan abad ke-20. Dalam tempoh ini, Tanah Melayu dijajah oleh empat kuasa kolonial sebanyak lima kali, bermula daripada penjajahan Portugis, diikuti oleh Belanda, British, Jepun dan British semula. Sebaliknya, Indonesia juga dijajah oleh empat kuasa asing tetapi sebanyak enam kali, bermula dengan penjajahan Portugis, diikuti oleh Belanda, British, Belanda sekali lagi, kemudian Jepun dan akhirnya Belanda. Dalam tempoh ini pernah satu ketika, Tanah Melayu dan Indonesia dijajah oleh pihak British akibat Perang Napoleon di Eropah. Walaupun Tanah Melayu dan Indonesia pernah dikuasai oleh empat kuasa penjajah tetapi Britain merupakan kuasa dominan di Semenanjung Tanah Melayu dan Belanda adalah penjajah utama di Kepulauan Indonesia. Penjajahan Belanda di Indonesia sangat kejam tetapi British pula mengamalkan sikap diplomatik halus untuk menguasai Tanah Melayu. Penjajahan Barat juga menyebabkan kemasukan buruh asing dari India dan Negara China ke Tanah Melayu. Justeru itu, dasar penjajahan British mewujudkan masyarakat majmuk akibat kemajuan dalam sektor perlombongan bijih timah dan penanaman getah. Bilangan penduduk peribumi dengan orang Cina dan India adalah lebih kurang sama pada sekitar awal abad ke-20.

Pada masa yang sama, di Indonesia juga berlaku penghijrahan orang asing khasnya orang Cina tetapi bilangan mereka adalah kecil berbanding dengan orang tempatan. Akhirnya, penjajahan turut membang-

64 Mohd. Dahlan Mansoer. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 260.

kitkan semangat nasionalisme di kedua-dua negara. Di Indonesia, semangat nasionalisme adalah tinggi dan bermula lebih awal kerana penjajahan Belanda yang kejam. Sebaliknya di Tanah Melayu, British mengamalkan dasar pecah dan perintah serta lebih menjaga kepentingan orang Melayu. Nasionalisme di Indonesia menjadi dorongan kepada nasionalisme Tanah Melayu.

Kejatuhan kota Melaka ke tangan orang Portugis pada tahun 1511 menandakan permulaan keunggulan orang Barat di Kepulauan Melayu.[65] Kejatuhan ini menandakan tumbangnya kegemilangan bangsa Melayu di Selat Melaka setelah berkuasa selama satu abad. Selepas kekalahan Melaka, Sultan Mahmud Syah menghantar utusan ke Negara China untuk meminta bantuan Maharaja Cina untuk melawan orang Portugis. Tetapi Negara China tidak dapat membantu kerana berperang dengan orang Tartar.[66] Oleh itu, Sultan Mahmud Syah terpaksa mencari tempat baru yang selamat dalam empayar Melaka yang terus wujud itu.

Dari Pahang, Sultan Mahmud Syah berpindah ke Sayung Pinang (Johor), kemudian ke Pulau Bintang.[67] Dari sini baginda melancarkan beberapa serangan terhadap Melaka tetapi gagal menawan semula Melaka. Pada tahun 1526, Portugis menyerang Pulau Bintang dan ini memaksa Sultan Mahmud Syah lari ke Kampar di Sumatera, tempat baginda mangkat pada tahun 1528.[68] Anakanda Sultan Mahmud Syah, bernama Alauddin telah membuka kerajaan Johor dan abang kepada Alauddin, iaitu Muzaffar, menjadi Sultan Perak yang pertama.[69]

Johor telah menyerang Melaka pada tahun 1533 tetapi gagal dan pada tahun 1536, Portugis telah memaksa Johor berdamai dengan mereka. Untuk beberapa ketika, Johor, Pahang dan Perak terpaksa berdamai dengan Portugis kerana mereka memerhatikan dengan penuh bimbang perkembangan kuasa Aceh di Sumatera.[70] Kemunculan Aceh

---

65 Khasnor Johan 1981. "Orang Portugis di Tanah Melayu" dalam Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 34.

66 D.G.E. Hall 1981. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 34.

67 *Ibid.*, hlm. 423. Lihat juga Harry Miller 1965. *Story of Malaysia*. London: Faber and Faber, hlm. 50.

68 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 424.

69 *Ibid.*, hlm. 424; Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 51, dan K.G. Tregonning, *A History of Malaya*. Singapura: Eastern University Press, hlm. 48.

70 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 425. Lihat juga J. Kennedy 1970. *A History of Malaya*, (Edisi Kedua). London: MacMillan, hlm. 46.

di bawah Sultan Ali Mughayat Syah telah menjadi pesaing kepada Melaka dan Johor. Kesultanan Johor (sebagai kuasa di Tanah Melayu) dan Aceh (sebagai kuasa di Indonesia) telah berkongsi mengawal Selat Melaka di samping Portugis di Melaka. Beberapa kali Aceh telah menyerang Melaka tetapi gagal untuk menawan kota tersebut. Aceh bukan sahaja bercita-cita untuk menawan Melaka tetapi juga negeri-negeri Melayu di Sumatera dan Tanah Melayu. Oleh itu, Johor, Siak dan Perak telah bersatu dan mengalahkan Aceh pada tahun 1539. Walau bagaimanapun, Aceh bangkit semula, dan pada tahun 1564, Aceh telah menyerang Johor dan membawa pulang Sultan Johor sebagai orang tawanan ke Sumatera. Selama beberapa tahun selepas itu permusuhan sengit berlaku antara Johor dengan Aceh, dan Johor menyebelahi pihak Portugis. Oleh yang demikian, Aceh menyerang Melaka beberapa kali antara tahun 1568 hingga tahun 1575. Ini disebabkan Aceh bimbang hubungan Johor-Portugis di Melaka boleh mengancam kedudukannya di Selat Melaka. Maka Aceh sebagai kuasa Islam di Indonesia bertindak tegas dalam hubungannya dengan Johor yang cuba berbaik-baik dengan sebuah kuasa Kristian di Melaka.

Aceh yang bercita-cita untuk memerintah Dunia Melayu telah mendirikan kubu di Perlis. Pada tahun 1575, Aceh telah menyerang Perak. Putera sulung Sultan Perak diambil sebagai suami oleh Ratu Aceh. Empat tahun kemudian putera Sultan Perak itu menaiki takhta Aceh.[71] Baginda telah menghantar adiknya ke Perak sebagai Sultan Perak. Tindakan ini merapatkan hubungan kekeluargaan antara Aceh (Indonesia) dengan Perak (Tanah Melayu). Penaklukan Perak oleh Aceh memberi dua kelebihan kepada Aceh: pertama, Aceh dapat bertapak di Tanah Melayu dan kedua, Aceh mendapat monopoli perdagangan bijih timah.[72]

Pada awal abad ke-17, satu lagi kuasa Eropah, iaitu Belanda, melibatkan diri dalam politik Kepulauan Melayu.[73] Pada tahun 1606, Sultan Johor dan Syarikat Hindia Timur Belanda (*Vereenigde Oostindische*

---

71 Sila lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya 1982. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: MacMillan, hlm. 69; Tregonning, *A History of Malaya*, hlm. 52; *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 425 dan Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 52.

72 Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 52.

73 Pada bulan Jun 1595, empat kapal Belanda tiba di Bantam (Jawa Barat) dengan tujuan perdagangan dan empayar Belanda dibentuk kemudiannya. G.P. Bhattacharjee, *Southeast Asian Politics: Malaysia and Indonesia*. Calcutta: Minerva Associates, hlm. 28.

Compagnie-VOC) telah menandatangani perjanjian untuk menyerang Portugis di Melaka tetapi serangan tersebut gagal.[74] Pada tahun 1607, Iskandar Syah (Mahkota Alam) menjadi Sultan Aceh. Sultan Iskandar telah memulakan peluasan kuasa Aceh dengan menawan Aru. Pada tahun 1613, Aceh telah menyerang Johor dan sekali lagi Sultan Johor dan keluarganya menjadi tawanan Aceh. Kemudian Aceh telah menawan Pahang (1617), Kedah (1619) dan Perak (1620). Perak ditawan semula pada tahun 1620 kerana kepentingan perdagangan bijih timah di sana.[75] Oleh itu, ketuanan Johor ke atas negeri-negeri Melayu diambil alih oleh Aceh. Walau bagaimanapun, Johor, Patani dan Portugis di Melaka telah mengalahkan angkatan Aceh dengan teruk pada tahun 1629.[76] Di sepanjang abad ke-16 dan awal abad ke-17, Aceh (Indonesia) dan Johor (Tanah Melayu) sentiasa menyerang antara satu sama lain kerana persaingan dan permusuhan. Sikap sedemikian telah melemahkan kuasa-kuasa Melayu di rantau ini.

Kemangkatan Iskandar Muda pada tahun 1636 telah melemahkan kuasa Aceh kerana beliau digantikan oleh beberapa orang ratu yang memerintah selama 60 tahun. Selain itu, tekanan daripada orang Belanda dan pertolongan mereka kepada Johor telah menyebabkan Aceh kehilangan kesemua wilayahnya di Tanah Melayu kecuali Perak.[77] Dengan kemangkatan Iskandar Muda, Johor telah mengisytiharkan kemerdekaannya dari Aceh. Oleh itu, bermula era baru dalam sejarah Johor.[78] Justeru itu juga permusuhan tamat antara kerajaan Johor di Tanah Melayu dan Aceh, sebuah kuasa penting di Indonesia. Di samping itu, kuasa-kuasa Barat mula menguatkan kedudukan mereka di Kepulauan Melayu.

Kedudukan Johor dalam Dunia Melayu beransur naik sejajar dengan meningkatnya kedudukan Belanda di persiaran Nusantara sejak hubungan pertama dengan Belanda pada awal abad ke-17. Johor melihat Belanda sebagai bakal sekutu untuk menentang dua musuh ketatnya, iaitu Aceh dan Portugis. Sepanjang abad ke-16, Johor menjadi mangsa serangan Aceh dan Portugis.[79] Pada tahun 1637, Belanda dan Johor menandatangani perjanjian untuk menyerang Melaka. Johor bersetuju

---

74 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 427.
75 Tregonning, *A History of Malaya*, hlm. 54 dan 55.
76 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 427.
77 *Ibid.*, hlm. 428.
78 Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 55.
79 Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 78.

membantu Belanda menyerang Melaka. Pada tahun 1640, Belanda dengan bantuan Johor telah menyerang Melaka dan menawan kota tersebut pada tahun 1641. Hal ini telah menamatkan konflik tiga segi antara Johor, Aceh dan Portugis.

Dengan kejayaan Belanda, kekuasaan Portugis di Selat Melaka tamat dan Johor bertambah makmur kerana Portugis dan Aceh tidak lagi menjadi ancamannya. Belanda memerintah Melaka dan mengekalkan persahabatan dengan Johor. Belanda tidak memajukan Melaka kerana pihaknya lebih mementingkan Betawi (Jakarta) sebagai pusat perdagangan Kepulauan Melayu.[80] Belanda mengawal Melaka supaya tidak menjadi pesaing kepada Betawi. Melaka hanya berfungsi sebagai pusat pengumpulan bijih timah bagi Belanda. Empayar Johor yang berpusat di Riau mempunyai tanah jajahan di Tanah Melayu dan Sumatera. Masalah dalam empayar Johor wujud berikutan dengan kemangkatan Sultan Mahmud II dan kenaikan Bendahara Abdul Jalil sebagai sultan yang baru.[81]

Konflik wujud semula apabila kedudukan Bendahara Abdul Jalil sebagai Sultan Johor yang baru dicabar oleh Raja Kecil, iaitu Raja Minangkabau dari Siak (Indonesia).[82] Konflik ini membolehkan satu lagi kuasa dari Indonesia, iaitu orang Bugis, melibatkan diri dalam politik Tanah Melayu. Raja Kecil menyerang Johor Lama dan merampas takhta kerajaan pada tahun 1717. Raja Kecil menjadi Sultan Johor yang baru dan Abdul Jalil dilantik semula sebagai Bendahara. Kedudukan Raja Kecil sebagai Sultan Johor tidak kekal lama. Ini adalah kerana keluarga Bendahara Abdul Jalil telah meminta bantuan Daing Perani, pemimpin orang Bugis, untuk mengusir Raja Kecil dengan menawarkan jawatan Yamtuan Muda Johor kepada Daing Perani. Rancangan mereka itu

---

80 *Ibid.*, hlm. 79.

81 Sultan Mahmud II merupakan pemerintah terakhir daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka. Sila lihat Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 432; Tregonning, *History of Malaysia*, hlm. 60; Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 59 dan Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 52.

82 Raja Kecil dari Siak mengisytiharkan dirinya sebagai anak Sultan Mahmud yang dilahirkan selepas kemangkatan sultan tersebut. Raja Kecil telah meminta bantuan orang Bugis yang diketuai oleh Daing Perani untuk merampas takhta Johor dan berjanji jika menang dalam serangan itu, beliau akan memberi jawatan Yamtuan Muda Johor kepada Daing Perani. Walau bagaimanapun, Raja Kecil telah bertindak sendiri tanpa bantuan orang Bugis dan berjaya merampas takhta empayar Johor. Khasnor Johan, "Empayar Johor-Riau Dalam Kurun ke-18," dalam Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 53, dan lihat juga Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 432.

gagal dan Abdul Jalil dibunuh semasa melarikan diri ke Pahang. Akan tetapi Daing Perani dan pengikut-pengikutnya berjaya mengusir Raja Kecil dan meletakkan anak Abdul Jalil sebagai Sultan Johor.[83] Bagi menguatkan kedudukan mereka di empayar Johor-Riau, orang Bugis telah berkahwin dengan kerabat diraja Melayu-Johor.[84] Oleh yang demikian, bermulalah pengaruh orang Bugis dari Sulawesi, Indonesia, dalam politik kerajaan Johor, dan Sultan Johor hanya sebagai boneka kerana orang Bugis memainkan peranan penting dalam mentadbir empayar Johor-Riau.

Di bawah pengaruh Bugis, Matam, Mempawah, Kampar dan Samba meneruskan persahabatan dengan Johor-Riau. Di Tanah Melayu pula, Selangor telah tunduk kepada kuasa Bugis secara langsung.[85] Orang Bugis telah meluaskan pengaruh mereka meliputi kerajaan Perak dan Kedah. Kekuasaan Johor-Riau tidak kekal lama kerana terlalu bergantung pada kekuatan orang Bugis. Kekuasaan orang Bugis dalam empayar Johor-Riau tidak menyenangkan orang Melayu dan Belanda,[86] sebaliknya, telah mengancam kedudukan raja-raja Melayu dan kepentingan perdagangan Belanda. Akibatnya orang Melayu mahu mengusir orang Bugis. Beberapa pertempuran berlaku antara tahun 1756 hingga tahun 1784. Akhirnya, Belanda telah mengalahkan orang Bugis. Kematian pemimpin Bugis, Raja Haji, menandakan kejatuhan kuasa Bugis di Johor-Riau.[87] Pada awal abad ke-18, orang Melayu di Tanah Melayu menerima kedatangan orang Bugis dari Indonesia kerana orang Bugis mempunyai persamaan etnik dengan mereka. Akan tetapi sikap orang Bugis mengambil kesempatan untuk menggugatkan kedudukan mereka dalam politik Tanah Melayu telah membimbangkan orang Melayu. Ini menyebabkan orang Melayu mula mengusir orang Bugis daripada politik Tanah Melayu.

---

83 Orang Bugis berasal dari Pulau Sulawesi. Mereka telah berhijrah ke Tanah Melayu dan pulau-pulau lain selepas pihak Belanda menawan ibu kota mereka, Makasar pada tahun 1667. Lihat Tregonning, *A History of Malaya*, hlm. 60.

84 Lihat Khasnor Johan, "Empayar Johor-Riau", hlm. 54 dan juga Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 433.

85 Raja Lumu, iaitu anak Daing Chelak, telah mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Selangor yang pertama pada tahun 1745. Lihat Tregonning, *A History of Malaya*, hlm. 62, dan Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 59.

86 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 434.

87 Walaupun orang Bugis kalah, mereka dapat mengekalkan kedudukan mereka di negeri Selangor. Ini disebabkan Sultan Selangor berketurunan Bugis. Akan tetapi Selangor tidak menjadi satu ancaman kepada Belanda.

Dengan kekalahan orang Bugis pada tahun 1784, Belanda menjadi kuasa dominan di Selat Melaka. Di Kepulauan Melayu pula, Belanda terus meluaskan kuasanya. Menjelang awal abad ke-19, Belanda mendapat persaingan hebat daripada pihak British dalam peluasan kuasa di Kepulauan Melayu.[88]

Walau bagaimanapun, pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, selama hampir 19 tahun, Tanah Melayu dan Indonesia berada di bawah naungan British akibat peperangan di Eropah. Pada tahun 1795, Perancis telah menawan Belanda dalam Perang Napoleon. Raja Belanda, William V, telah melarikan diri ke England. Beliau telah memberi hak kepada British untuk melindungi tanah-tanah jajahan Belanda. Semasa pemerintahan British di jajahan-jajahan Belanda, pihak British dengan Stamford Raffles sebagai Leftenan Jeneral di Jawa telah memperkenalkan beberapa reformasi seperti perubahan dalam sistem pengangkutan, memberi gaji kepada pembesar tempatan yang berkhidmat dan memperkenalkan idea-idea liberalisme.[89] Raffles juga bercita-cita menjadikan Betawi sebagai pusat baru empayar British di Kepulauan Melayu.[90] Impian Raffles tidak berjaya kerana selepas Perang Napoleon tamat, kerajaan British menyerahkan semula semua jajahan Belanda kepada kerajaan Belanda.[91] Dari tahun 1795 hingga tahun 1814, semua jajahan Belanda telah menikmati pentadbiran yang sama seperti jajahan-jajahan British di Kepulauan Melayu. Dengan itu, hubungan antara jajahan British dengan Belanda bertambah rapat dalam tempoh 19 tahun tersebut.

Selepas memperoleh semula tanah-tanah jajahannya di Kepulauan Melayu, Belanda terus mengamalkan monopoli dalam perniagaan di kepulauan itu dan hubungan jajahan-jajahan British dan Belanda menjadi renggang. Dasar monopoli menghalang Britain menjalankan per-

---

88 Sebenarnya persaingan antara VOC dengan EIC (*East India Company*) yang dimiliki oleh orang Inggeris telah bermula sejak tahun 1602, apabila EIC mendirikan pusat perdagangannya di Bantam. Menjelang tahun 1619, EIC mempunyai pusat-pusat perdagangan di Bantam, Jakarta, Banda dan Ambon, iaitu hampir setiap tempat VOC mempunyai pusat perdagangan. Bagi mengekalkan monopoli di Kepulauan Melayu, Gabenor Jeneral Belanda, iaitu J.P. Coen telah menakluki Pulau Inggeris secara beramai-ramai. Dengan itu, VOC mengekalkan monopolinya di Kepulauan Indonesia. Sila lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 88 dan D.J.M. Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 96–99.

89 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 7, lihat juga SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 123.

90 Donald Fryer dan James C. Jackson 1977. *Indonesia*. London: Ernest Benn, hlm. 98.

91 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 119 dan Waddell, *SEA Politics*, hlm. 126.

dagangan dengan bebas. Oleh itu, Raffles, Leftenan Gabenor di Bengkulen, meminta Gabenor Jeneral British di India menghapuskan monopoli Belanda di Kepulauan Melayu. Raffles juga meminta persetujuan Gabenor Jeneral tersebut untuk membuka pusat perdagangan baru di Asia Tenggara. Dengan persetujuan Gabenor Jeneral pada tahun 1819, Raffles telah membuka Singapura melalui perjanjian dengan Temenggung Johor.[92]

Pembukaan Singapura telah menyebabkan Belanda tidak berpuas hati kerana Raffles telah melantik seorang sultan yang baru bagi empayar Johor-Riau.[93] Dengan perlantikan itu, kerajaan Johor-Riau ada dua orang sultan, seorang yang disokong oleh Belanda, iaitu Sultan Abdul Rahman yang berpusat di Riau, dan seorang disokong oleh Britain, iaitu Sultan Hussein yang berpusat di Johor. Bagi mengelakkan persengketaan berterusan antara pihak Belanda dengan Britain, maka kedua-dua pihak telah bersetuju mengadakan satu perjanjian di London pada tahun 1824. Perjanjian ini dikenali sebagai *Treaty of Commerce and Exchange Between Great Britain and Netherlands*.[94] Perjanjian ini merupakan perjanjian penting dalam hubungan awal Tanah Melayu dengan Kepulauan Indonesia. Perjanjian ini membahagikan Dunia Melayu kepada dua kawasan yang berlainan dari segi politik.

Menurut Fasal 9 dan Fasal 10 perjanjian ini, pihak British bersetuju menyerahkan semua pusat perdagangannya di Sumatera kepada pihak Belanda dan tidak akan membuat sebarang perjanjian dengan pemimpin tempatan di pulau tersebut. Belanda pula menyerahkan kota Melaka dan kawasan-kawasannya di Semenanjung Tanah Melayu kepada pihak British dan tidak akan membuat sebarang perjanjian dengan pemimpin tempatan di Semenanjung.[95] Perjanjian ini telah mengasingkan Tanah Melayu dari segi politik dengan Indonesia kerana Tanah Melayu berada

---

92 Sila lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 127, dan Williams, *SEA: A History*, hlm. 95.

93 Selepas Sultan Mahmud mangkat pada tahun 1812, para pembesar Bugis telah melantik Abdul Rahman, putera kedua sultan sebagai Sultan Johor dan menyingkirkan Tunku Long, putera sulung baginda untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Belanda pula tidak berpuas hati dengan tindakan Raffles kerana mereka telah membuat perjanjian dengan Sultan Abdul Rahman untuk kepentingan mereka. Belanda mengecam Raffles kerana pembukaan Singapura itu mengganggu kepentingan mereka di Riau. Sila lihat Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 119–121.

94 *The Consolidated Treaty Series* 1969. Jil. 78, New York: Ocean Pub. Inc., Dobbs Ferry, hlm. 88.

95 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 58.

dalam kawasan pengaruh British dan Kepulauan Indonesia berada dalam kawasan pengaruh Belanda. Perjanjian ini juga menjadi asas kepada negara Indonesia moden dan Persekutuan Tanah Melayu yang wujud kemudiannya kerana perjanjian ini telah mengasingkan Tanah Melayu daripada Kepulauan Indonesia.

Pada tahun 1826, British telah menggabungkan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura menjadi satu unit politik yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat untuk memudahkan mereka mentadbir. Sehingga tahun 1873, British mengamalkan dasar tidak campur tangan di Tanah Melayu. Perang saudara di beberapa negeri di Tanah Melayu telah mengancam kepentingan ekonomi British. Oleh itu, Gabenor Negeri-Negeri Selat, iaitu Andrew Clarke, menjalankan dasar campur tangan dan memperkenalkan Sistem Residen di Perak (1874), Selangor (1876), Negeri Sembilan dan Pahang (1888).[96]

Keempat-empat negeri ini kemudiannya digabungkan menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1896. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ini ditadbir oleh seorang Residen Jeneral British. Beliau akan menjadi penyelia kepada pentadbiran keempat-empat negeri tersebut.[97] Melalui perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada tahun 1909, Siam telah menyerahkan negeri-negeri Melayu naungannya, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu, kepada pihak British dan sebagai balasan British memberi pinjaman empat juta untuk membina jalan keretapi Bangkok-Prai.[98] Keempat-empat negeri ini menerima seorang penasihat British di negeri masing-masing. Johor merupakan negeri terakhir yang menerima penasihat British. Negeri-negeri yang menerima penasihat ini enggan memasuki persekutuan kerana sultan-sultan di negeri-negeri tersebut merasa akan menikmati lebih autonomi jika tidak menjadi ahli persekutuan.[99] Menjelang Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu terdapat tiga bentuk unit politik di Tanah Melayu iaitu Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.[100]

Di Indonesia, VOC telah menjalankan dasar paksaan untuk mendapatkan konsesi perdagangan. Cara paksaan ini telah menolong VOC

---

96 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 25–26. Lihat juga SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 157–158.

97 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 58.

98 Tate, *The Making of Modern SEA*, hlm. 519–520.

99 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 27.

100 *Ibid.*, hlm. 27.

meluaskan kuasanya di Indonesia. Walau bagaimanapun, cara ini tidak dipersetujui oleh para pengarah VOC di Amsterdam. Dengan cara paksaan juga, mereka merampas pusat-pusat perdagangan Portugis di Indonesia dan menghalau kedatangan EIC untuk berniaga di kepulauan itu.[101] Dasar paksaan telah menyebabkan berlakunya peperangan dengan kuasa-kuasa tempatan. Menjelang tahun 1799, hutang VOC bertambah menjadi 134 juta guilder akibat peluasan kuasa secara paksaan. Pada tahun tersebut kerajaan Belanda telah membubarkan dan mengambil alih pentadbiran VOC di Indonesia.

Menjelang awal abad ke-19, berlaku dua peperangan yang penting antara pihak Belanda dengan penduduk tempatan. Pertama ialah Perang Paderi (1821–1837) yang meletus di Sumatera Barat dan kedua ialah Perang Jawa (1825–1830) yang berlaku di Jawa Tengah. Kedua-dua peperangan ini menelan belanja yang tinggi dan mengorbankan nyawa yang ramai. Peluasan kuasa Belanda di Sumatera telah membawa konflik terbuka dengan Aceh. Pelanggaran Belanda mendapat penentangan yang kuat daripada pihak pembesar dan juga golongan agama. Peperangan dengan Aceh berlarutan dari tahun 1873 hingga tahun 1908. Perang ini merupakan salah satu perang yang paling panjang dalam sejarah penaklukan tanah jajahan.[102]

Walaupun Tanah Melayu dan Indonesia mengalami penjajahan, terdapat beberapa perbezaan dalam pentadbiran British di Tanah Melayu dengan pentadbiran Belanda di Indonesia. British tidak mengamalkan penaklukan langsung seperti yang diamalkan oleh pihak Belanda di Indonesia tetapi telah menggunakan diplomasi halus dan rundingan. Cara ini menyebabkan peperangan tidak wujud dalam peluasan kuasa British di Tanah Melayu. British meletakkan residen mereka sebagai penasihat kepada sultan dalam pemerintahan.[103] Dari segi teorinya, residen ialah penasihat tetapi dari segi praktiknya beliau merupakan seorang pemerintah yang *de facto*. Oleh sebab British menggunakan diplomasi yang halus, maka negeri-negeri Melayu telah hilang kemerdekaannya walaupun kedudukan sultan tetapi dipelihara. Akibatnya, Tanah

---

101 Legge, *Indonesia*, hlm. 87 dan Kahin, *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, hlm. 241–242.

102 William, *SEA: A History*, hlm. 133.

103 Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, British meletakkan seorang penasihat. Sultan tidak semestinya menerima pandangan beliau, tetapi penasihat akan berusaha supaya sultan menerima nasihatnya. Sila lihat D.G.E. Hall 1968. *A History of South-East Asia*. Edisi Ketiga. London: MacMillan, hlm. 566–567.

Melayu tidak mengalami perasaan antikolonial yang pahit seperti yang dialami di Indonesia. Ini disebabkan di Tanah Melayu, pihak British sangat arif dalam menjaga perasaan pemerintah peribumi.[104]

British yang mengamalkan dasar pecah dan perintah telah membawa kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Terdapat kemajuan dalam bidang pengangkutan, perkhidmatan pos, telegraf, kesihatan dan juga pendidikan. Menurut Frank Swettenham, terdapat jalan raya kelas satu sepanjang 2500 batu pada tahun 1904. Pada tahun 1875, tidak ada jalan raya sejauh sebatu kelas satu di negeri-negeri Melayu.[105] Perkembangan industri bijih timah dan penanaman getah di Tanah Melayu telah menyebabkan British menggalakkan kemasukan buruh-buruh Cina dan buruh-buruh India ke Tanah Melayu.[106] British telah menggalakkan orang Melayu berkhidmat dalam pentadbiran awam mereka.

Selepas permulaan campur tangan British di Tanah Melayu, iaitu selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu juga berlaku dengan pesatnya.[107] Ini disebabkan di Tanah Melayu peluang ekonomi terbuka luas berbanding di Indonesia yang dijajah oleh Belanda. Menurut satu banci yang dibuat oleh kerajaan Belanda di Indonesia pada tahun 1930, terdapat 1.5 juta orang Indonesia yang tinggal di luar negeri. Ini termasuklah sebilangan orang Indonesia yang berada di Tanah Melayu ketika itu.[108] Banci yang dibuat di Tanah Melayu pada tahun 1947 menunjukkan bahawa jumlah penduduk Indonesia yang menetap di Tanah Melayu ialah 309 150 orang. Angka ini meliputi 189 400 orang Jawa, 62 400 orang Banjar, 26 300 orang Sumatera (Minangkabau dan Palembang), 20 400 orang Boyan dan 7000 orang Bugis. Masyarakat Jawa meliputi 60 peratus daripada jumlah penduduk Indonesia di Tanah Melayu.[109]

Persamaan etnik antara penduduk Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dengan penduduk Melayu di Kepulauan Indonesia sebagai hubungan yang istimewa. Persamaan rumpun bangsa ini telah membezakan penghijrahan orang dari Kepulauan Indonesia ke Tanah Melayu

---

104 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 31.

105 Frank Swettenham 1948. *British Malaya*. London: George Allen and Unwin, hlm. 299.

106 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 8.

107 T.E. Smith 1952. *Population Growth in Malaya*. London: Royal Institute of International Affairs, hlm. 14.

108 Tunku Shamsul Bahrin, "The Indonesian in Malaya", hlm. 35.

109 Tunku Shamsul Bahrin 1967. "The Pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya" dalam *Asian Studies*, Jil. 5, No. 2, Ogos, hlm. 233.

dengan penghijrahan orang Cina dan India ke Tanah Melayu. Ini adalah kerana orang dari Kepulauan Indonesia mempunyai beberapa kelebihan yang tidak terdapat di kalangan penghijrahan orang Cina dan India, iaitu mereka yang dari Kepulauan Indonesia mempunyai persamaan dari segi bahasa, bangsa, kebudayaan dan agama yang membolehkan mereka diterima sebagai penduduk sebangsa Melayu dan bukan sebagai orang asing di Tanah Melayu.[110]

Persamaan etnik ini juga membolehkan penduduk dari Kepulauan Indonesia, khususnya orang Bugis dan orang Minangkabau, melibatkan diri dalam politik negeri-negeri Melayu pada abad ke-17 dan abad ke-18. Penduduk Melayu di Tanah Melayu tidak melihat sebagai orang asing. Ini terbukti apabila penduduk negeri Selangor menerima Raja Lumu daripada keturunan Bugis sebagai sultan mereka pada tahun 1742 dan penduduk di Negeri Sembilan pula menerima Raja Melewar yang berketurunan Minangkabau telah menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1773.[111]

Sementara di Indonesia pula, pihak Belanda telah membina empayarnya melalui kekerasan dan paksaan. Pentadbiran Belanda di Indonesia berbeza daripada pentadbiran British di Tanah Melayu kerana Belanda menjalankan pemerintahan langsung. Dasar ini menyebabkan rakyat tempatan merasa benci dan sering menentang secara terbuka terhadap pemerintahan Belanda.[112] Sebagai tanah jajahan Belanda dan British, hubungan luar Tanah Melayu dan Indonesia dikawal oleh pihak Belanda dan British. Oleh itu, hubungan politik antara negeri-negeri Tanah Melayu dengan Indonesia, semasa zaman kolonial ini tidak berkembang kerana pihak penjajah bimbang tanah jajahan mereka akan bekerjasama untuk membebaskan diri daripada penjajahan.

Seperti penjajah British, Belanda juga menggalakkan penghijrahan orang Cina ke Indonesia. Di Indonesia, orang Cina berperanan sebagai pemungut cukai, peniaga kecil, orang tengah dalam perniagaan dan sebagai pegawai kecil dalam pentadbiran Belanda.[113] Sementara itu, perkembangan industri getah di Tanah Melayu menyebabkan British membawa orang India sebagai buruh. Sebaliknya di Indonesia, Belanda

---

110 Leon Comber 1983. *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relation.* Kuala Lumpur: Heinemann Asia, hlm. 23.

111 Tate, *The Making of Modern Asia*, hlm. 158 dan 268.

112 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 34–35.

113 Kedudukan orang Cina telah menimbulkan perasaan cemburu di kalangan orang Indonesia. *Ibid.*, hlm. 35 dan Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 9.

telah membawa kuli-kuli Jawa ke ladang-ladang getah di Sumatera. Kehidupan kuli-kuli ini adalah sama seperti buruh paksa.[114]

Pembubaran VOC, Perang Napoleon di Eropah, Perang Paderi di Sumatera dan Perang Jawa telah menyebabkan kerajaan Belanda mengalami beban kewangan yang rumit. Bagi mengatasi masalah kewangan ini, Sistem Kultur diperkenalkan oleh pihak Belanda pada tahun 1830.[115] Di bawah sistem ini, petani-petani Jawa dikehendaki menggunakan satu per lima daripada tanah mereka untuk menanam dengan tanaman komersil untuk pasaran Eropah. Tanaman tersebut ialah kopi, teh, tebu, indigo, tembakau, lada hitam, kapas dan kulit kayu manis.[116]

Oleh sebab kedudukan politik Belanda di Jawa adalah dominan, mereka menyusun penggunaan tanah dan tenaga buruh dengan teratur dan intensif demi kepentingan mereka.[117] Sistem Kultur bertujuan memakmurkan dan menyelamatkan negara Belanda daripada muflis. Petani-petani Jawa terpaksa menggunakan lebih masa untuk tanaman kerajaan daripada tanaman padi. Sistem ini jelas mengeksploitasikan penduduk dan negara Indonesia demi kepentingan Belanda.[118]

Golongan liberal di Belanda mula mengkritik Sistem Kultur kerana sistem ini mengutamakan monopoli. Pada tahun 1860, novel *Max Havelaar* yang dikarang oleh E.D. Dekker mengkritik dengan kerasnya penyalahgunaan Sistem Kultur. Dua kelemahan sistem ini ialah, pertama, mengabaikan pembangunan pulau-pulau luar, dan kedua, tidak membaiki keadaan masyarakat Indonesia.[119] Belanda kemudian memperkenalkan Dasar Liberal untuk menggantikan Sistem Kultur. Dasar Liberal cuma dapat mengatasi kelemahan pertama Sistem Kultur, iaitu masalah pengabaian kemajuan pulau-pulau luar. Di bawah Dasar Liberal, orang Cina dan pemodal-pemodal swasta Belanda sahaja menikmati keuntungan kerana monopoli kerajaan Belanda dikurangkan. Menurut Clifford Greetz, Dasar Liberal bukan satu perkembangan baru

---

114 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 9.

115 Sistem Kultur dirangka oleh Van den Bosch, dan kejayaan sistem ini menyebabkan beliau dikurniakan gelaran Baron (1836) dan Count (1839). Lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 139.

116 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 35–36.

117 Herbert Feith 1964. "Indonesia" dalam George McT. Kahin (ed.), *Governments and Politics in Southeast Asia*, edisi kedua. New York: C.U.P, Ithaca, hlm. 189.

118 Melalui Sistem Kultur, antara tahun 1830–1877 kerajaan Indonesia mendapat keuntungan 837.4 juta guilder. *Ibid.*, hlm. 189, dan J.S. Furnivall 1944. *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. New York: MacMillan, hlm. 115.

119 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 38.

tetapi hanya satu cara untuk memeras hasil pertanian daripada gugusan pulau terutamanya Jawa.[120]

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, muncul idea yang lebih bersifat peri kemanusiaan di Belanda. Pada tahun 1899, tulisan van Deventer bertajuk *Hutang Budi* (*Debt of Honour*), meminta orang Belanda membayar balik kekayaan yang diperas dari Indonesia semasa Sistem Kultur.[121] Pada tahun 1901, kerajaan Belanda pimpinan Dr. Abraham Kyuper telah menjalankan Dasar Etika berdasarkan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Deventer.

Melalui dasar ini, kerajaan Belanda menyalurkan bantuan kewangan untuk membaiki sistem komunikasi, memajukan pertanian, meluaskan perkhidmatan kesihatan, memberi pelajaran kepada penduduk Indonesia dan melindungi industri-industri yang dimiliki oleh orang Indonesia.[122] Dasar Etika juga menggariskan pemindahan kuasa dari Belanda kepada kerajaan Betawi dan kemudian kepada unit politik tempatan. Tetapi sebenarnya, tidak ada pemindahan kuasa sungguhpun *Volksraad* (Dewan Rakyat) diperkenalkan pada tahun 1918.[123]

Dalam bidang industri, Dasar Etika tidak mencapai sebarang kemajuan selain melindungi kraftangan dan industri orang tempatan. Dasar Etika memberi penekanan penting terhadap pelajaran. Banyak sekolah didirikan di seluruh Indonesia dengan bantuan kewangan kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak Belanda tidak benar-benar ingin memberi pelajaran tinggi kepada orang Indonesia kerana bimbang kebangkitan kesedaran nasionalisme. Pelaburan asing juga turut bertambah di Indonesia. Britain dan Amerika telah melabur dalam bidang-bidang perladangan getah, perlombongan bijih timah dan perlombongan petroleum. Walaupun terdapat unsur-unsur kemanusiaan dalam Dasar Etika tetapi dasar ini tidak mempopularkan pemerintahan Belanda dan tidak dapat menghalang kebangkitan nasionalisme di Indonesia.[124] Pertambahan penduduk yang pesat dan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an telah merosotkan perkembangan Dasar Etika.[125]

Perbezaan pentadbiran British dan Belanda di tanah jajahan masing-masing telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Tanah

---

120 Legge, *Indonesia*, hlm. 104.
121 *Ibid.*, hlm. 110.
122 *Ibid.*, hlm. 110 dan Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 40.
123 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 41.
124 *Ibid.*, hlm. 43.
125 Legge, *Indonesia*, hlm. 118.

Melayu dan Indonesia. Berbanding dengan dasar pertanian Belanda, pentadbiran British telah melindungi hak pertanian penduduk Melayu manakala pentadbiran Belanda pula telah mengeksploitasi hak pertanian orang Indonesia melalui penanaman paksaan.[126] Ini menyebabkan perasaan antipenjajah tidak begitu ketara di Tanah Melayu berbanding dengan Indonesia.

Jadi, tidak hairanlah bahawa nasionalisme Indonesia bermula lebih awal daripada nasionalisme Tanah Melayu sebagai reaksi menentang penjajahan Belanda.[127]

Apa yang berlaku di Indonesia menjadi pendorong kepada perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu kerana kedua-dua negara berasal daripada rumpun yang sama dan sama-sama menghadapi penjajahan. Penduduk Indonesia tidak puas hati dengan kedudukan mereka yang miskin dan mundur akibat penjajahan. Mereka juga tidak puas hati dengan kedudukan orang Cina minoriti yang hidup lebih baik daripada mereka. Bagi orang Indonesia, Belanda adalah punca utama kepada kemiskinan dan kedudukan mereka seperti hamba di negeri sendiri. Jawatan-jawatan penting kerajaan dipegang oleh orang Belanda. Orang Cina dan Eropah diberi gaji yang tinggi daripada orang Indonesia sedangkan kerja yang dibuat adalah sama. Kemenangan Jepun dalam perang dengan Rusia (1905), Revolusi Cina (1911) dan Revolusi Bolshevik (1917) menjadi pendorong kepada nasionalisme Indonesia. Di samping itu, pendidikan Barat yang diberi oleh Belanda turut melahirkan golongan elit untuk memimpin pergerakan nasionalisme Indonesia.[128]

Terdapat tiga aliran penting dalam nasionalisme Indonesia: aliran sekular, aliran Islam dan aliran komunisme.[129] Nasionalisme yang teratur bermula di Indonesia pada tahun 1908. Budi Utomo merupakan organisasi nasionalisme yang pertama di Indonesia, ditubuhkan pada tahun 1908 oleh Dr. Waidin Sudira Usada. Budi Utomo mengutamakan

---

126 Di Tanah Melayu, orang Melayu menjalankan kegiatan pertanian tanpa gangguan, orang Cina pula bergiat dalam sektor perlombongan bijih timah dan perdagangan, dan orang India bekerja di ladang getah. Lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 301.

127 George McT. Kahin dalam bukunya bertajuk *Nationalism and Revolution in Indonesia*, memperdebatkan bahawa semangat nasionalisme telah wujud di kalangan masyarakat Indonesia sejak kedatangan Belanda ke Indonesia. Tetapi, beliau menegaskan bahawa ciri nasionalisme pada abad ke-20 adalah berlainan dan lebih teratur. Lihat Legge, *Indonesia*, hlm. 143 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 261.

128 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 48.

129 *Ibid.*, hlm. 48.

matlamat kebudayaan, pelajaran dan ekonomi dan berjaya menarik ahli-ahlinya daripada golongan aristokrasi, pegawai kerajaan, pelajar sekolah menengah dan golongan intelektual. Organisasi ini tidak berjaya menarik perhatian rakyat biasa.[130]

Empat tahun kemudian, Sarekat Islam telah ditubuhkan. Sarekat Islam merupakan organisasi politik secara langsung sungguhpun pada mulanya bertujuan menentang kemasukan orang Cina dalam industri batik. Ahli Sarekat Islam terdiri daripada saudagar-saudagar dan golongan berpendidikan Barat. Organisasi ini berkembang dengan pesat dan pada tahun 1918 mempunyai kira-kira dua juta ahli.[131] Sarekat Islam menjadi barisan hadapan pergerakan yang mempunyai banyak cawangan di Sumatera, Jawa dan Sulawesi.[132]

Menjelang tahun 1917, unsur komunisme telah menyerap masuk ke dalam Sarekat Islam. Di banyak kawasan pihak komunis telah menubuhkan Sarekat Islam Merah. Dengan itu, wujud ketegangan antara Sarekat Islam asal dengan Sarekat Islam Merah. Pada tahun 1920, cawangan Sarekat Islam Merah di Semarang telah menubuhkan Parti Komunis Indonesia (PKI) di bawah pimpinan Semaun, Darsono dan Tan Malaka.[133] Ramai ahli Sarekat Islam yang muda telah menyertai PKI kerana mereka tidak sabar dengan perjuangan Sarekat Islam yang sederhana dan mereka tertarik dengan perjuangan radikal PKI. Akibatnya, PKI menjadi organisasi politik yang kuat di Indonesia pada awal tahun 1920-an di bawah pimpinan Tan Malaka.[134] PKI juga telah mendapat sokongan daripada golongan pekerja di bandar, golongan berpelajaran yang tidak mendapat kerja dan golongan berpendapatan sederhana yang menghadapi beban cukai. Antara tahun 1924 hingga tahun 1926, para pemimpin PKI seperti Alimin, Musso, Tan Malaka dan Subakat selalu mengunjungi Singapura dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk mendapatkan penyokong dan berbincang tentang pemberontakan yang akan diadakan di Indonesia.[135]

---

130 Sila lihat Herbert Feith 1969. "Indonesia" dalam George McT. Kahin (ed.), *Governments and Politics of Southeast Asia*, New York: C.U.P., hlm. 194; Legge, *Indonesia*, hlm. 163; William, *SEA: A History*, hlm. 171 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 261.

131 George McT. Kahin (ed.) 1967. *Major Governments of Asia*. Edisi Kedua. New York: C.U.P., hlm. 547.

132 Feith, "Indonesia", hlm. 194.

133 Waddell, *SEA Politics*, hlm. 197, dan Legge, *Indonesia*, hlm. 156 dan 162.

134 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 266.

135 William R. Roff 1977. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 283.

Para pemimpin PKI telah menyatukan 22 buah kesatuan sekerja di bawah sebuah persekutuan yang dikuasai oleh PKI. Persekutuan ini telah menjadi saluran revolusi PKI untuk melancarkan demonstrasi dan mogok antara tahun 1926 hingga tahun 1928.[136] Menjelang tahun 1926, PKI merasa sudah tiba masanya untuk melancarkan revolusi bagi menggulingkan kerajaan penjajah. Pada tahun 1926 dan 1927, mogok secara besar-besaran dilancarkan di Jawa dan Sumatera. Pada tahun 1926, PKI telah mengisytiharkan kerajaan republik dan ahli-ahli PKI berkecuali daripada membayar cukai.[137] Tindak balas kerajaan Belanda telah menggagalkan pemberontakan PKI. Belanda telah menangkap kira-kira 13 000 orang ahli PKI dan menahan mereka di kem-kem tahanan di New Guinea.[138]

Perjuangan PKI telah menjadi dorongan kepada kemunculan pertubuhan-pertubuhan nasionalis yang lain. Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah merupakan dua buah organisasi nasionalis yang penting. Kedua-dua organisasi ini mementingkan soal agama dan kebajikan masyarakat tetapi telah berjaya menimbulkan kesedaran kebangsaan di kalangan masyarakat Islam.[139] Penubuhan Parti Nasional Indonesia (PNI) pada tahun 1927 di bawah pimpinan Sukarno telah mengambil inisiatif untuk menyatukan persatuan-persatuan nasionalis yang lain menjadi satu pertubuhan.[140] Oleh sebab PNI mengecam pemerintah penjajah Belanda, maka pada tahun 1929, PNI diharamkan dan Sukarno telah ditahan oleh Belanda.[141] Ahli PNI telah menubuhkan Parti Indonesia (Partindo) dengan menggunakan cara perjuangan PNI tetapi segolongan kecil ahli PNI yang tidak berpuas hati dengan perjuangan Partindo telah menubuhkan Kelab Pendidikan Kebangsaan Indonesia.[142]

Mohd. Hatta dan Sutan Sjahrir yang pulang dari Belanda telah menyertai Kelab Pendidikan Kebangsaan Indonesia dan melatih pemimpin

---

136 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 267.

137 Lihat Feith, *Indonesia*, hlm. 194 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 268.

138 Dengan pemberontakan itu, kegiatan komunis secara besar-besaran telah tamat dan PKI telah diharamkan. Lihat Feith, *Indonesia*, hlm. 194, dan SarDesai, *SEA*, hlm. 268.

139 Feith, *Indonesia*, hlm. 195.

140 Legge, *Indonesia*, hlm. 164.

141 Sukarno ditahan dari 19 Disember 1929 hingga 31 Disember 1931. Lihat Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 53. PNI yang diharamkan pada tahun 1929 adalah berbeza daripada PNI yang ditubuhkan pada tahun 1946 walaupun ahlinya sama. Legge, *Indonesia*, hlm. 163.

142 Harold W. Sundstrom 1957. *Indonesia: Its People and Politics*. Tokyo, hlm. 91–93.

untuk aktiviti nasionalisme. Sementara Sukarno yang dibebaskan pada tahun 1931, telah menyertai Partindo dan meneruskan perjuangannya. Pada tahun 1933 dan 1934, Sukarno, Mohd. Hatta dan Sjahrir telah ditahan dan dibuang negeri sehingga kedatangan Jepun.[143] Selain itu, terdapat parti-parti seperti Parti Rakyat Indonesia (PRI) dan Parti Indonesia Raya (Parindra) yang merupakan parti yang sederhana dan sedia bekerjasama dengan Belanda.[144] Oleh itu, perpecahan dan persaingan nampaknya menjadi ciri utama nasionalisme Indonesia sebelum kedatangan Jepun.

Manakala nasionalisme orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua lebih merupakan perasaan anti-Cina daripada anti-British.[145] Menurut Jagjit Singh Sidhu, seorang ahli sejarah Malaysia, isu yang membawa orang Melayu bersatu bukan soal mendapatkan kemerdekaan tetapi kebimbangan mereka terhadap dominasi orang Cina terhadap mereka.[146] Menurut banci tahun 1911, jumlah penduduk Melayu di Tanah Melayu ialah 1 437 000 orang dan orang Cina ialah 916 000 orang tetapi menjelang tahun 1941 bilangan penduduk Cina melebihi bilangan penduduk Melayu. Jumlah penduduk Melayu pada tahun 1941 ialah 2 278 000 orang dan orang Cina ialah 2 374 000 orang. Ini bermakna bahawa penduduk Melayu telah menjadi minoriti di negeri sendiri. Oleh itu, nasionalisme orang Melayu lebih merupakan anti-Cina daripada anti-British kerana pihak British mengamalkan dasar pro-Melayu.[147]

Terdapat segolongan orang Melayu yang tertarik kepada idea-idea se-Islam selepas campur tangan British di Tanah Melayu. Golongan ini menentang kecenderungan materialisme peradaban Barat dan ingin membina masyarakat berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam. Go-

---

143 Sukarno dibuang negeri ke Flores dan kemudian ke Bengkulen, manakala Hatta dan Sjahrir dibuang negeri ke Irian Barat dan kemudian ke Banda Neira. Lihat Sutan Sjahrir 1949. *Out of Exile*. New York: John Day, hlm, 224–230; Feith, *Indonesia*, hlm. 195 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 270.

144 Legge, *Indonesia*, hlm. 164.

145 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 43.

146 Tuntutan yang disuarakan oleh wakil penduduk Cina dan India dalam perbahasan di Majlis Perundangan Persekutuan dan Negeri-Negeri Selat demi kepentingan kaum masing-masing telah menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat Melayu terhadap masa depan politik mereka. Jadi, sebagai tindak balas, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ditubuhkan pada tahun 1920 untuk kemajuan orang Melayu. Sila lihat Jagjit Singh Sidhu 1985. "Nasionalisme Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua" dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Ismail, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 74.

147 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 43.

longan ini telah meningkatkan kesetiaan mereka kepada Sultan Turki (Khalifah) sebagai pemimpin Islam. Walau bagaimanapun, raja-raja Melayu tidak menyokong pergerakan ini.[148]

Perkembangan nasionalisme Indonesia memberi kesan yang penting terhadap golongan intelek Melayu dan ini membangkitkan pergerakan Melayu Raya atau Indonesia Raya yang berasaskan faktor etnik. Sebahagian besar golongan itu adalah lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan mereka sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung kuat dipengaruhi oleh perjuangan sayap kiri gerakan kebangsaan Indonesia. Golongan ini mempunyai impian bahawa Tanah Melayu akan bebas daripada pemerintahan kolonial dan akhirnya mengadakan kesatuan politik dengan Indonesia dalam satu Malaysia Raya.[149]

Di Indonesia, kegelisahan politik meledak di kalangan rakyatnya yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan kebudayaan dengan orang Melayu dan mereka merancang untuk menggulingkan pemerintahan kolonial Belanda secara kekerasan.[150] Pada tahun 1926, para pejuang kebangsaan Indonesia cuba menggulingkan pentadbiran Belanda di Indonesia tetapi gagal. Akibatnya, segelintir daripada mereka telah melarikan diri ke Tanah Melayu dan kedatangan rombongan ini menguatkan semangat penyokong Indonesia Raya. Selain itu, melalui pembacaan akhbar dan hasil-hasil kesusasteraan Indonesia, perhubungan sesama sendiri dan perhubungan dengan guru-guru Indonesia juga telah meningkatkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.[151]

Menjelang tahun 1938, terdapat dua kumpulan pemuda Melayu. Kumpulan pertama ialah golongan birokrat atasan yang berpendidikan Inggeris dan bersikap sederhana. Kumpulan kedua ialah para intelek Melayu yang radikal yang berpendidikan Melayu. Golongan yang radikal ini tertarik kepada perjuangan orang Indonesia dan menyokong idea Indonesia Raya. Pada pertengahan tahun 1938, Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan oleh mereka.[152] KMM dipimpin oleh Ibrahim

---

148 *Ibid.*, hlm. 44.

149 Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 323.

150 *Ibid.*, hlm. 189.

151 Para guru dan penuntut secara bersendirian melanggan terus majalah berkala Indonesia. *Ibid.*, hlm. 197.

152 KMM ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad. Lihat J.A.C. Mackie 1974. *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963–1966*. Kuala Lumpur: OUP, hlm. 20. Secara umumnya pucuk pimpinan KMM kuat dipengaruhi oleh gerakan nasionalisme Indonesia dan bercita-cita untuk menghubungkan Tanah Melayu dan Indonesia dalam Melayu Raya. Walau bagaimanapun, KMM meng-

Yaakub mengikuti jejak langkah perjuangan pemuda Indonesia dan melanggan majalah *Fikiran Rakyat*, yang merupakan lidah rasmi PNI pimpinan Sukarno.[153] KMM mencontohi secara langsung akan pergerakan Jong Jawa dan Jong Sumatera di Indonesia dan bersemangat antikolonial yang kuat.[154] Oleh sebab KMM merupakan sebuah pergerakan antikolonial yang radikal maka pihak British telah menahan pemimpin-pemimpin KMM.[155] Walau bagaimanapun, semasa Perang Dunia Kedua, pemimpin-pemimpin KMM dibebaskan oleh pihak Jepun apabila mereka menguasai Tanah Melayu.

Nasionalisme orang Cina dan orang India di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua tidak mementingkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sebaliknya, mereka lebih mementingkan perkembangan politik dan kemerdekaan di negara asal mereka kerana kebanyakan orang Cina dan India tidak menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka.[156] Orang Cina telah menubuhkan cawangan Parti Kuomintang (KMT) di Tanah Melayu untuk membantu perjuangan KMT di Negara China. Sementara itu, pada tahun 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan dan kebanyakan ahlinya terdiri daripada orang Cina.[157] PKM telah diharamkan kerana PKM bersikap anti-British dan mengancam kepentingan ekonomi Britain melalui kesatuan sekerja.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Indonesia semasa Perang Dunia Kedua merupakan satu era penting dalam hubungan kedua-dua buah negara kerana inilah kali pertama Tanah Melayu dan Indonesia berada di bawah satu kuasa penjajah sejak tahun 1824. Oleh itu, rakyat kedua-dua negara merasakan pengalaman penjajahan yang sama pada zaman ini. Di samping itu, pendudukan Jepun juga meningkatkan lagi perasaan kebangsaan di kalangan penduduk tanah jajahan. Semasa pendudukannya (1942–1945), Jepun membahagikan Indonesia dan Tanah Melayu kepada tiga bahagian. Tanah Melayu dan Sumatera digabungkan sebagai satu bahagian yang beribu pejabat di Singapura, Jawa

---

hadapi kesulitan untuk bergerak secara terbuka kerana bersikap anti-British dan tidak setia kepada raja-raja. Jagjit Singh Sidhu, "Nasionalisme Melayu," hlm. 76.

153 Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 219 dan 286.

154 *Ibid.*, hlm. 282.

155 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20.

156 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 302.

157 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 46. PKM ditubuhkan oleh bekas ahli KMT, selepas wujudnya perpecahan dalam KMT pada tahun 1927, Waddell, *SEA Politics*, hlm. 141.

dengan ibu pejabatnya di Betawi dan pulau-pulau Timur yang beribu pejabat di Makasar. Pada pertengahan pendudukan Jepun, Sumatera telah dipisahkan dari Tanah Melayu yang menjadikan Indonesia dan Tanah Melayu dibahagikan kepada empat bahagian politik.[158] Jepun telah menarik balik sempadan politik yang dibentuk oleh British dan Belanda di Kepulauan Melayu pada tahun 1824. Pihak Jepun juga menggalakkan idea Indonesia Raya yang menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia sebagai satu unit politik.

Semasa pendudukannya, pihak Jepun telah membebaskan semua tahanan politik yang ditahan oleh pihak British dan Belanda. Para pemimpin politik yang pernah ditahan itu kini bekerjasama dengan pihak Jepun. Perasaan anti-Barat telah ditiupkan oleh pihak Jepun di kalangan penduduk Tanah Melayu dan Indonesia demi kepentingan orang Jepun sendiri.[159] Pendudukan Jepun telah memberi beberapa kebaikan kepada penduduk Tanah Melayu dan Indonesia. Pertama, Jepun telah menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai bahasa perantaraan dan mengharamkan penggunaan bahasa Belanda dan Inggeris.[160] Kedua, pihak Jepun juga telah memberi peluang pekerjaan yang banyak dalam bidang pentadbiran kepada orang Melayu dan Indonesia. Ketiga, pihak Jepun telah melatih dan membentuk pasukan tentera yang terdiri daripada orang Indonesia dan Melayu.[161] Sebaliknya, terdapat juga keburukan dalam pentadbiran Jepun. Misalnya, penduduk Cina mendapat layanan buruk dan ramai yang diseksa dan dibunuh oleh tentera Jepun. Kira-kira 300 000 orang Indonesia telah dibawa ke Tanah Besar Asia untuk membuat kerja paksa.[162]

Jepun telah berusaha untuk mendapatkan bantuan para pemimpin nasionalis bagi memperoleh kerjasama rakyat tempatan. Di Indonesia, para pemimpin Indonesia membahagikan perjuangan mereka kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama pimpinan Sukarno dan Mohd. Hatta telah bekerjasama secara terbuka dengan pihak Jepun dan kumpulan

---

158 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 11, dan lihat juga J. Norman Palmer, "Malaysia" dalam George McT. Kahin (ed.), *Governments and Politics in Southeast Asia*, edisi kedua. Ithaca, New York: C.U.P., hlm. 289.

159 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 58–61.

160 Lihat Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 11 dan George McT. Kahin (ed.), *Major Governments of Asia*, hlm. 556.

161 Menjelang tahun 1945, di Jawa sahaja terdapat 35 000 orang askar yang terlatih. Herbert Feith, "Indonesia", hlm. 198.

162 *Ibid.*, hlm. 198 dan Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia,* hlm. 59.

kedua merupakan kumpulan yang bergerak di bawah tanah. Mereka ini dipimpin oleh Sjahrir dan Sjarifuddin.[163] Kedua-dua kumpulan ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk mencepatkan kemerdekaan Indonesia, dan mereka bekerjasama ke arah tersebut. Di Tanah Melayu, pemimpin-pemimpin Melayu seperti Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad yang berhaluan kiri telah bekerjasama dengan Jepun tetapi pada masa yang sama mereka berhubung rapat dengan gerakan anti-Jepun yang dilancarkan oleh *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang dipimpin oleh PKM.[164]

Di pihak Jepun, mereka telah membentuk sebuah badan politik boneka yang dikenali sebagai Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). PUTERA dipimpin oleh Sukarno dan Mohd. Hatta.[165] PUTERA membantu pihak Jepun menjalankan pentadbiran. Jepun membantu menubuhkan unit tentera yang dinamakan Pembela Tanah Air (PETA). PETA dibentuk sebagai tentera pembantu kepada tentera Jepun untuk menghadapi serangan pihak Perikatan.[166]

Menjelang tahun 1944, Perdana Menteri Jepun membuat pengumuman bahawa Indonesia akan diberi kemerdekaan dengan seberapa segera. Pada 1 Mac 1945, satu jawatankuasa penyiasatan terhadap kesediaan kemerdekaan Indonesia dibentuk. Semasa sesi pertama jawatankuasa ini, Sukarno telah mengemukakan Pancasila sebagai prinsip asas negara yang akan wujud.[167] Dalam persidangan jawatankuasa ini Sukarno telah mengatakan bahawa beliau menerima banyak surat dan telegram dari Tanah Melayu yang meminta supaya Tanah Melayu dimasukkan dalam Indonesia.[168] Sukarno juga berkata pada 9 Julai 1945, tiga orang pemuda dari Singapura datang bertemunya dan menyampaikan utusan daripada pemuda-pemuda Malaya supaya Tanah Melayu disertakan dalam Indonesia. Sementara itu, pihak Jepun berjanji memberi kemerdekaan Indonesia pada 7 September tetapi tidak menentukan sempadan Republik Indonesia yang bakal akan wujud. Oleh itu, para

---

163 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 61 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 272.

164 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20.

165 SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 272.

166 Ibrahim Yaakub menjadi komander PETA di Tanah Melayu. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20 dan juga Herbert Feith, "Indonesia", hlm. 558.

167 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 63 dan *Background to Indonesia's Policy Towards Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1964, hlm. i.

168 *Background to Indonesia's Policy Towards Malaysia*, hlm. 20.

pemimpin Indonesia seperti Sukarno, Mohd. Yamin dan Sutardjo telah menentukan sempadan Republik Indonesia berdasarkan karya Prapantja yang berjudul *Negarakertagama* yang memaparkan wilayah-wilayah empayar Majapahit termasuk Tanah Melayu, Papua (Irian), Borneo Utara dan Timor.[169]

Bagi mempercepatkan proses kemerdekaan Indonesia; Sukarno dan Mohd. Hatta pergi ke Saigon, ibu pejabat tentera Jepun bagi rantau Asia Tenggara, untuk berbincang dengan Field Marshall Count Terauchi tentang kemerdekaan Indonesia. Dalam perjalanan pulang ke Indonesia pada 12 Ogos 1945, Sukarno dan Mohd. Hatta singgah di Tanah Melayu dan bertemu dengan para pemimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS).[170] Pemimpin KRIS, iaitu Ibrahim Yaakub, telah meminta Sukarno dan Mohd. Hatta supaya Tanah Melayu dimasukkan dalam pengisytiharan kemerdekaan Indonesia dan KRIS dibenarkan menghantar wakil-wakilnya ke majlis perisytiharan kemerdekaan Indonesia. Walau bagaimanapun, semua usaha ini telah gagal berikutan penyerahan tentera Jepun kepada pihak Perikatan pada 15 Ogos 1945. Berikutan daripada penyerahan itu, pada 17 Ogos 1945 Sukarno telah mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia tanpa penyertaan Tanah Melayu.[171] Penyerahan Jepun dan perisytiharan kemerdekaan Indonesia dengan segera telah menggagalkan usaha para pemimpin Melayu untuk bergabung dengan Indonesia. Oleh itu, pemimpin KRIS, iaitu Ibrahim Yaakub, berhijrah ke Jakarta untuk meneruskan perjuangannya.[172]

Perkembangan Penting selepas Perang Dunia Kedua Sehingga Kemerdekaan Tanah Melayu

Hubungan Tanah Melayu-Indonesia selepas Perang Dunia Kedua merupakan jangka waktu yang penting kerana pada masa ini hubungan antara kedua-dua pihak menjadi erat. Dalam tempoh yang dikaji ini terdapat lima perkara penting. Pertama, Tanah Melayu telah memberi ban-

169 *Ibid.*, hlm. 21–25.

170 KRIS ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub pada bulan Julai 1945 dengan tujuan menyertakan Tanah Melayu dengan Indonesia. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20 dan Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 12.

171 Tanah Melayu tidak dimasukkan dalam perisytiharan kemerdekaan Indonesia kerana pihak Jepun menyerah diri secara mengejut dan rombongan wakil-wakil Tanah Melayu yang sepatutnya berada di Indonesia tidak dapat sampai. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 20.

172 *Ibid.*, hlm. 20.

tuan kepada Revolusi Indonesia menentang Belanda dengan menghantar sukarelawan, memberi bantuan kewangan dan moral. Sebaliknya, rakyat Indonesia turut membantu saudara mereka di Tanah Melayu untuk menentang penjajahan British. Kedua, terdapat juga segolongan rakyat Indonesia dan Tanah Melayu yang berhasrat menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah gagasan Indonesia Raya. Ketiga, Tanah Melayu-Indonesia mula bekerjasama untuk menyamakan sistem ejaan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia. Keempat, untuk merapatkan hubungan dengan Indonesia, para pemimpin Tanah Melayu seperti Tunku Abdul Rahman dan Raja Perlis telah mengadakan lawatan muhibah ke Indonesia. Kelima, konflik juga timbul dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia selepas Perang Dunia Kedua apabila pada tahun 1955, Indonesia enggan menjemput Tanah Melayu ke Persidangan Bandung yang ditaja oleh Indonesia sendiri dengan alasan Tanah Melayu belum merdeka.

Dua minggu selepas kekalahan Jepun pada tahun 1945, tentera British yang mewakili pihak Perikatan telah mendarat di Tanah Melayu dan Indonesia. Di Indonesia, tentera British pimpinan Leftenan Jeneral Philip Christison mendapati sebuah kerajaan pimpinan Sukarno sedang memerintah.[173] Oleh kerana jumlah tentera British cuma 2000 orang sahaja maka mereka tidak dapat mengambil alih pentadbiran Indonesia. Pihak Indonesia menunjukkan tanda-tanda bahawa mereka sudah sedia untuk menghadapi sebarang serangan yang boleh menggugat kemerdekaan mereka. Leftenan Jeneral Christison mengatakan pihaknya tidak akan campur tangan dalam politik Indonesia tetapi akan cuba memujuk dengan pemimpin-pemimpin Indonesia untuk berunding.[174] Sementara itu, pihak Belanda pula tidak mahu mengiktirafkan kemerdekaan Indonesia. Pertempuran berlaku apabila tentera Belanda mendarat di Indonesia. Pihak Belanda mendapat bantuan daripada tentera British yang mendarat lebih awal lagi.[175] Akibatnya Revolusi Indonesia telah bermula. Tentera British dan Belanda menduduki Kepulauan Indonesia secara beransur-ansur. Pertempuran hebat berlaku apabila tentera British mendarat di Surabaya. Pihak Belanda tidak mendapat kemenangan yang

173 British mendapati Republik Indonesia yang baru berjalan dengan lancar dan teratur di Jawa dan Sumatera serta telah mendapat sokongan yang kuat daripada masyarakat Indonesia. Lihat Kahin (ed.), *Major Governments of Asia*, hlm. 560; Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 1040; dan SarDesai, *SEA*, hlm. 274.

174 *The Malay Mail*, Kuala Lumpur, 1 Oktober 1945.

175 Herbert Feith, "Indonesia", hlm. 274.

besar di Jawa dan Sumatera seperti mana mereka menduduki pulau-pulau di luar.

Perjuangan rakyat Indonesia telah mendapat sokongan daripada penduduk Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara dan Sarawak. Selain memberi sokongan moral dan material kepada perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajah, ada segelintir daripada mereka telah pergi ke Indonesia untuk membantu saudara-mara mereka yang berjuang untuk kemerdekaan. Antara mereka, ada yang terkorban dalam perjuangan ini manakala yang lain telah menetap di Indonesia sebagai warganegara Indonesia.[176]

Pada masa yang sama, kerajaan revolusi Indonesia telah meminta bantuan daripada penduduk berketurunan Sumatera, Jawa dan Boyan yang menetap di Tanah Melayu dan Singapura. Terdapat juga wakil-wakil Indonesia di Singapura dan Tanah Melayu berfungsi sebagai agensi membeli senjata dan mengadakan hubungan dengan pihak-pihak asing sebagai menyokong revolusi mereka.[177] Selain itu, getah dan bahan-bahan lain diseludup ke Singapura dari Indonesia. Hasil daripada penyeludupan ini digunakan untuk membantu perjuangan kemerdekaan Indonesia.[178] Terdapat beberapa kumpulan Cina dan Melayu di Tanah Melayu menyokong Revolusi Indonesia dengan menyeludup senjata, ubat-ubatan dan barang-barang mewah antara Singapura dengan pelabuhan-pelabuhan kecil di Sumatera.[179]

Terdapat persaingan dan persengketaan antara kumpulan di Tanah Melayu dengan Singapura yang menyokong Revolusi Indonesia. Bagi mengatasi masalah ini, pada bulan Mac 1947, Sutan Sjahrir, Perdana Menteri Indonesia, melantik Dr. Oetojo sebagai wakil diplomatik yang rasmi di Singapura untuk menyelaraskan aktiviti pelbagai kumpulan Indonesia di Tanah Melayu tanpa menimbulkan syak wasangka dan tidak campur tangan dalam urusan Tanah Melayu.[180] Dr. Oetojo juga menggunakan kumpulan-kumpulan ini untuk menyebarkan doktrin

---

176 "Malaysia's Case in the United Nations Security Council", *Ministry of External Affairs*. Kuala Lumpur: Malaysia, 1964, hlm. 2. Semangat persaudaraan antara nasionalis Indonesia dengan Tanah Melayu adalah kuat pada tahap perjuangan antipenjajah khususnya selepas tahun 1945 dari tempoh sebelumnya. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 19.

177 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 23–24.

178 Russell H. Fifield 1968. *The Diplomacy of Southeast Asia: 1945–1958*. Archorn Books, hlm. 157.

179 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 14.

180 *Indonesian Intentions Towards Malaysia* 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, hlm. 3, dan lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 24.

Indonesia Raya di kalangan penduduk Tanah Melayu.

Sementara itu, pihak British berusaha untuk membawa pihak Belanda dan Republik Indonesia untuk berunding. Pada bulan November 1946, pihak Belanda dan Indonesia berunding di Linggadjati. Akhirnya pada 25 Mac 1947, pihak Belanda mengiktirafkan Republik Indonesia sebagai kerajaan *de fecto* di Jawa, Sumatera dan Madura.[181]

Walau bagaimanapun, perjanjian Linggadjati gagal kerana kedua-dua pihak tidak percaya dengan kejujuran antara satu sama lain. Belanda menuduh Indonesia melanggar perjanjian dan pada Julai 1947, Belanda telah melakukan serangan secara besar-besaran yang dinamakan "Police action" terhadap wilayah-wilayah kawalan Republik Indonesia.[182] Dengan itu pertempuran terus berlaku. India dan Australia meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengeluarkan perintah gencatan senjata pada bulan Ogos 1947. Wakil-wakil dari Australia, Belgium dan Amerika Syarikat berusaha untuk mendamaikan pertelingkahan tersebut. Perjanjian Renville ditandatangani pada 17 Januari 1948.[183] Perjanjian ini ternyata gagal daripada perjanjian Linggadjati. Pihak Belanda masih tidak puas hati dan mereka melancarkan serangan polis kedua ke atas wilayah-wilayah republik dan menawan pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Sukarno dan Mohd. Hatta.

Majlis Keselamatan PBB sekali lagi telah campur tangan dan menyeru Belanda menyerahkan ibu kota republik, Jogjakarta, kepada Indonesia dan membebaskan para pemimpin Indonesia. Amerika pula mengugut akan memotong bantuan kewangan kepada Belanda jika mereka enggan memberi pengiktirafan kewujudan Republik Indonesia.[184] Justeru itu, rundingan meja bulat diadakan di The Hague pada 23 Ogos 1949, untuk menyusun peralihan kuasa di Indonesia.[185] Belanda memberi kemerdekaan kepada Indonesia pada 27 Disember 1949. Sukarno menjadi Presiden dan Mohd. Hatta menjadi Perdana Menteri Indonesia.[186]

---

181 "Text of the Liggadjati Agreement", Lampiran II dalam Yong Mun Cheong 1982. *H.J. Van Mook and Indonesian Independence: A Study of His Role in Dutch-Indonesian Relation, 1945–48*. The Hague: Martinus Nijhoff, hlm. 203.

182 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 1042 dan SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 276.

183 Perjanjian Renville ditandatangani di atas kapal terbang Amerika Syarikat yang bernama Renville. Lihat Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 1043.

184 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 79.

185 Tentang Irian Jaya tidak dibincangkan dalam rundingan meja bulat di The Hague.

186 Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 1045.

Semasa Indonesia sedang menentang penjajahan, Tanah Melayu juga berada dalam penjajahan. Di Tanah Melayu, wakil-wakil kerajaan Indonesia berhubungan dengan kumpulan-kumpulan berhaluan kiri untuk menentang kewibawaan penjajah British. Ada antara mereka mendapat gerakan dan bantuan kewangan daripada pejabat Konsul Indonesia di Singapura.[187] Keadaan geografi dan demografi Tanah Melayu menjadi satu kelebihan kepada perkembangan pengaruh dan propaganda dari Indonesia merebak ke Tanah Melayu. Ini disebabkan Tanah Melayu dan Indonesia merupakan jiran yang rapat dengan penduduk majoriti yang berasal daripada rumpun bangsa yang sama.

Sementara itu, pihak komunis Indonesia telah menolong membentuk Parti Kebangsaan Melayu atau *Malay Nationalist Party* (MNP) pada bulan Oktober 1945.[188] Kebanyakan ahli MNP adalah bekas ahli KMM yang mempunyai semangat pro-Indonesia serta antikolonialisme yang kuat dan bekerjasama dengan semua parti berhaluan kiri.[189] MNP merupakan penyokong kuat Indonesia Raya dan parti ini menuntut bahawa Tanah Melayu adalah sebahagian daripada Indonesia. Parti ini juga mengibar bendera Indonesia, menerima lagu kebangsaan Indonesia, dan menerima Sukarno sebagai pemimpinnya.[190] Apabila pihak British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946, pertama kalinya dalam pergerakan nasionalisme Tanah Melayu, berlaku penentangan secara besar-besaran. UMNO, sebuah parti sederhana, mendapat sokongan daripada orang Melayu dan juga raja-raja Melayu untuk menentang Malayan Union.[191] Dengan perlembagaan Malayan Union ini, hak kerakyatan untuk orang asing dilonggarkan, kuasa raja-raja Melayu dikurangkan dan semua rakyat, sama ada Melayu atau bukan Melayu, akan menikmati hak yang sama.[192] Selain UMNO, MNP dan pertubuhan politik yang berhaluan kiri, seperti MDU atau Malayan Democratic

187 Selepas tahun 1950, kerajaan Indonesia tidak meneruskan dasar sedemikian terhadap Tanah Melayu tetapi meneruskan sokongannya terhadap perjuangan antipenjajah dan perjuangan orang Melayu yang pro-Indonesia. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 24.

188 *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. 2 dan 4.

189 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 21. MNP dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam.

190 *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. 4.

191 UMNO atau United Malays National Organization ditubuhkan pada bulan Mac 1946, Dato' Onn bin Ja'afar sebagai presiden pertamanya. Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 65.

192 *Ibid.*, hlm. 64.

Union (yang mewakili kaum bukan Melayu) menentang Malayan Union dengan tujuan menentang pemerintah penjajah, lebih cenderung untuk bergabung dengan perjuangan politik, ideologi dan ras di Indonesia.[193] Selain itu, nasionalis Melayu yang berhaluan kiri seperti Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam dan ahli MNP mempunyai hubungan dengan pemimpin komunis Indonesia seperti Tan Malaka dan Alimin, pada tahun 1940-an.[194] Hubungan ini telah meningkatkan lagi kerjasama antara penduduk Indonesia dengan Tanah Melayu.

Apabila Malayan Union mendapat tentangan yang kuat daripada orang Melayu, maka British telah menarik balik perlembagaan ini dan menggubal Perlembagaan Persekutuan yang lebih menjamin kedudukan raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Sebelum menggubal perlembagaan ini, British telah mengambil kira pandangan daripada UMNO dan raja-raja Melayu supaya tidak timbul sebarang masalah. Perlembagaan Persekutuan ini dikuatkuasakan mulai 1 Februari 1948. Persekutuan ini mendapat tentangan daripada parti-parti orang Cina dan Melayu yang berhaluan kiri. Penentangan ini tidak menggugat Perlembagaan Persekutuan kerana orang Melayu lebih yakin kepada perjuangan UMNO.

Pada tahun 1948, PKM telah melancarkan pemberontakan terbuka terhadap Persekutuan.[195] Berikutan itu, pihak British telah mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu dan mengharamkan semua parti berhaluan kiri. UMNO dan parti sederhana yang lain mendapat sokongan British. Pada tahun 1952, UMNO dan Malayan Chinese Association (MCA) telah menubuhkan Parti Perikatan dan Malayan Indian Congress (MIC) telah menyertai Perikatan pada tahun 1953.[196] Pada tahun 1955, pilihan raya umum diadakan dan parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 buah kerusi. Dengan itu, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu.[197]

Kejayaan Indonesia mendapatkan kemerdekaannya secara revolusi pada tahun 1949 telah meninggikan imej negara tersebut di kalangan penduduk Melayu kerana rakyat Indonesia berjuang menentang pen-

---

193 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 26.

194 *Ibid.*, hlm. 64.

195 PKM yang dipimpin oleh Chin Peng telah menyerang pengurus ladang getah bangsa Eropah dan para pegawai kerajaan. Selain itu, ladang getah dan lombong bijih timah di seluruh Tanah Melayu turut menjadi sasaran PKM. Lihat SarDesai, *SEA: Past and Present*, hlm. 303.

196 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 71.

197 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 27.

jajah Belanda untuk memperoleh kemerdekaan. Dengan itu, pemimpin Revolusi Indonesia, iaitu Sukarno dan Mohd. Hatta, menjadi lebih popular daripada Tunku Abdul Rahman. Sukarno dan Mohd. Hatta dilihat sebagai wira bukan sahaja di Indonesia tetapi juga di Tanah Melayu. Pada masa itu, gambar-gambar Sukarno dan Mohd. Hatta boleh dikatakan terdapat di kebanyakan rumah orang Melayu. Ini tidak bermakna penduduk Melayu mahu mengamalkan perjuangan ala-Indonesia terhadap British tetapi perjuangan Sukarno dan Mohd. Hatta telah meningkatkan perasaan bahawa orang Melayu tidak lagi sebagai orang bawahan kepada kuasa Eropah.[198] Lebih penting lagi, dalam hubungan Tanah Melayu Indonesia adalah perkembangan pelajaran dan kebudayaan Indonesia di Tanah Melayu. Selepas perang kemerdekaan di Indonesia, buku-buku teks, majalah, penyiaran dan perhubungan peribadi telah berkembang di Dunia Melayu. Pertama kalinya bahasa Melayu digunakan dalam bidang komunikasi moden.[199]

Pada tahun 1955, Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu telah mengadakan lawatan rasmi ke Indonesia. Tunku Abdul Rahman telah dijemput oleh Burhanuddin Harahap, pemimpin kerajaan Indonesia pada waktu itu. Tujuan jemputan Burhanuddin adalah untuk mewujudkan satu persefahaman muhibah dengan pemimpin Melayu yang sedang menghadapi pemerintahan penjajah.[200] Manakala tujuan Tunku Abdul Rahman melawat Indonesia adalah untuk mengekalkan persahabatan dan muhibah dengan pihak Indonesia.[201] Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia merupakan lawatan yang berjaya. Tunku Abdul Rahman dilayan sebagai tetamu peribadi Presiden Sukarno dan Sukarno menjamin bahawa pihaknya akan memberi sokongan moral kepada pergerakan kemerdekaan Tanah Melayu.[202]

Pada 14 November 1955, Tunku Abdul Rahman dan Menteri Luar Negeri Indonesia, Ide Anak Agung, mengeluarkan satu kenyataan bersama. Dalam kenyataan ini, Indonesia dan Persekutuan akan merapatkan hubungan antara kedua-dua negara dalam bidang pelajaran, kebudayaan, perkembangan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu (Malaysia), pertukaran pengalaman pertanian dan mengeratkan hubungan perda-

198 Robert Curtis, "Malaysia and Indonesia," hlm. 15–16.

199 Lagu kebangsaan Tanah Melayu, iaitu "Negaraku" adalah lagu yang diubahsuai daripada sebuah lagu popular Indonesia yang bernama Terang Bulan. *Ibid.*, hlm. 16.

200 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 27.

201 *Malaysia's Case in the United Nations*, hlm. 2.

202 Fifield, *The Diplomacy of SEA*, hlm. 156.

gangan antara kedua-dua negara, khusus antara Pulau Pinang dengan Sumatera Utara.[203] Kesan lawatan Tunku Abdul Rahman ini juga, kerajaan Indonesia telah mengumumkan bahawa pejabat konsulnya di Kuala Lumpur akan dinaikkan taraf menjadi Konsul-Jeneral, supaya perkhidmatan dapat meliputi seluruh Persekutuan. Kerajaan British di London juga bersetuju dengan tindakan baru ini.[204]

Selain hubungan ini, parti-parti nasionalis Melayu yang berhaluan kiri dan orang perseorangan dari Tanah Melayu juga turut mengadakan hubungan dengan pihak Indonesia. Sesungguhnya pihak British mengharamkan semua jenis perjuangan yang berhaluan kiri pada tahun 1948. Pemimpin Melayu berhaluan kiri seperti Dr. Burhanuddin Helmi dan Ibrahim Yaakub, terus melobi pihak Indonesia supaya mengiktiraf perjuangan mereka sebagai suara tulen nasionalisme Melayu.[205] Kerajaan Indonesia ketika itu yang dipimpin oleh Ali Sastroamidjojo tidak bersungguh-sungguh untuk memenuhi permintaan mereka.[206]

Ibrahim Yaakub, yang menetap di Indonesia sejak tahun 1945, mengadakan hubungan yang rapat dengan PKI dan kumpulan-kumpulan radikal yang lain di Indonesia. Beliau menubuhkan Malayan Independence Union dan mempunyai hubungan dengan kumpulan-kumpulan radikal di Tanah Melayu.[207] Beliau berhasrat untuk menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah Indonesia Raya.

Pada tahun 1955, Indonesia menjadi negara penaja kepada Persidangan Afro-Asia. Para pemimpin Tanah Melayu, terutamanya Tunku Abdul Rahman dan Tan Siew Sin (Presiden MCA), menyuarakan hasrat mereka untuk menghadiri persidangan tersebut, sebelum pihak penaja menjemput mereka. Sementara itu, Presiden Sukarno pula menyatakan kepada Duta Britain di Jakarta bahawa pihaknya mahukan orang Melayu menghadiri persidangan itu.[208] Walau bagaimanapun, pihak Indonesia

---

203 *Antara: Daily News Bulletin*, New York, 15 November 1955. Selain Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Singapura, David Marshall, turut melawat Indonesia pada bulan September 1955. Lawatan ini telah merapatkan kerjasama ekonomi antara Singapura dengan Indonesia. Satu jawatankuasa kerja ekonomi bersama Tanah Melayu-Singapura dihantar ke Indonesia untuk meninjau peluang di sana dan pihak Indonesia juga menghantar rombongan yang sama ke Singapura. Lihat Fifield, *The Diplomacy of SEA*, hlm. 156.

204 *Antara: Daily News Bulletin*, 15 November 1955.

205 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 27.

206 *Ibid.*, hlm. 27–28.

207 *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. 5.

208 Eric Kocher (American Consul, K.L.), Telegram to Secretary of State, 3 Mac 1955,

tidak menghantar jemputan kepada Tanah Melayu untuk menghadiri Persidangan Afro-Asia ini kerana mungkin Tanah Melayu masih belum merdeka pada ketika itu ataupun Indonesia tidak memerlukan kehadiran Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam persidangan tersebut. Tindakan penaja persidangan tidak menjemput Tanah Melayu sebagai pemerhati telah mengecewakan Tunku Abdul Rahman. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk tidak menghadiri Persidangan Afro-Asia kecuali dijemput kerana menghadiri persidangan itu tanpa jemputan akan merendahkan prestij Perikatan dan menjadikan Tanah Melayu seperti "mengemis" kepada orang luar.[209] Semasa Persidangan Afro-Asia diadakan di Bandung pada bulan April 1955, Dr. Burhanuddin telah meminta persidangan tersebut, supaya meluluskan satu resolusi yang meminta pihak British memberi kemerdekaan serta-merta kepada Tanah Melayu.[210] Beliau juga meminta pihak Afro-Asia supaya menghalang Tanah Melayu sebagai pangkalan SEATO (Southeast Asia Treaty Organization) dan meminta semua tentera asing berundur dari Tanah Melayu.[211] Selepas pulang dari Indonesia, Dr. Burhanuddin menubuhkan Parti Rakyat dengan menggunakan perlembagaan Parti Nasional Indonesia yang dipimpin oleh Sukarno untuk meneruskan perjuangannya yang pro-Indonesia. Tetapi pada tahun 1956, beliau menarik diri daripada Parti Rakyat dan menjadi presiden Parti Islam Se-Malaya (PAS). Beliau terus menyokong perjuangan Indonesia Raya.[212] Tunku

---

National Archives (NA), Washington D.C., Folder 310; International Conference. (Untuk dokumen ini dan dokumen-dokumen dari NA, Washington D.C., penulis terhutang budi kepada Dr. Pamela Sodhy kerana sudi meminjamkan bahan-bahan tersebut kepada penulis).

209 Eric Kocher, Telegram to Secretary of State, 1 April 1955, NA, Washington D.C., Folder 310.

210 *Antara: Daily News Bulletin*, 21 April 1955. Menurut Mackie, Tanah Melayu tidak menghantar wakil rasmi ke Persidangan Afro-Asia tetapi beberapa individu dari Tanah Melayu menghadiri persidangan ini. Namun begitu, Konsul Amerika di Kuala Lumpur melaporkan bahawa Tanah Melayu tidak menghantar wakil secara rasmi. Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO, menghantar En. Sardon Jubir, Ketua Pemuda UMNO, ke persidangan tersebut atas usaha sendirinya, supaya Sardon yang mewakili Tunku dapat menghubungi para perwakilan Afro-Asia dan memperkenalkan keadaan Tanah Melayu kepada mereka. Seorang lagi yang menghadiri persidangan ini ialah Burhanuddin, Ketua Parti MNP yang diharamkan oleh British. Eric Kocher, Telegram to Secretary of State, 15 April 1955, NA, Washington D.C., Folder 310, International Conference. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 27.

211 *Antara: Daily News Bulletin*, 21 April 1955.

212 Lihat *Ibid.*, hlm. 28 dan *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. 5.

Abdul Rahman dan para pemimpin Perikatan yang lain telah pergi ke London untuk berunding dengan pihak British tentang kemerdekaan Tanah Melayu dan pihak British telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.[213] Pada tarikh tersebut kemerdekaan Tanah Melayu telah diisytiharkan dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri.

Pada bulan Januari 1957, Raja Perlis telah melawat Indonesia selama dua minggu, dan baginda dilayan sebagai tetamu kerajaan Indonesia. Lawatan muhibah Raja Perlis dapat menguatkan lagi hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara. Raja Perlis yang singgah di Singapura ketika pulang ke Tanah Melayu berkata, Presiden Sukarno akan melawat Tanah Melayu pada tahun ini (1957), kemungkinan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada akhir bulan Ogos. Presiden Sukarno juga telah memuji kebijaksanaan para pemimpin Tanah Melayu yang berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu tanpa pertumpahan darah.[214] Hasil lawatan Raja Perlis juga telah menyebabkan beberapa universiti di Indonesia sedia menerima pelajar-pelajar dari Tanah Melayu. Raja Perlis juga berkata, baginda mahu menghantar pelatih-pelath industri tembikar tempatan ke Indonesia untuk berlatih memandangkan kemajuan yang dialami oleh Indonesia dalam bidang tersebut.[215]

Di samping lawatan Raja Perlis ke Indonesia, terdapat juga aspek kerjasama antara Indonesia dengan Tanah Melayu sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Kerajaan Tanah Melayu telah menghantar seorang pegawai penerangannya, Che Hassan, ke Indonesia untuk mengkaji sistem penerangan awam negara itu selama tiga minggu. Beliau juga mengkaji bagaimana Indonesia bertindak untuk menghapuskan buta huruf di kalangan rakyatnya sejak negara itu merdeka.[216] Terdapat juga kerjasama antara kedua-dua pihak dalam soal bahasa. Pihak Indonesia telah menghantar perwakilannya ke Kongres Bahasa Melayu yang diadakan di Johor pada tahun 1957. Dalam kongres ini, perbincangan diadakan bagaimana hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan umum bagi kedua-dua negara.[217]

---

213 Suruhanjaya Perlembagaan Reid telah menggubal Perlembagaan Tanah Melayu pada tahun 1956. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 1082.

214 *Antara: Daily News Bulletin*, 22 Januari 1957.

215 *Ibid.*

216 *Ibid.*

217 *Ibid.*

Pada awal tahun 1957, kerajaan Tanah Melayu telah mendirikan pejabat kedutaannya di Jakarta. Tetapi pejabat ini tidak berfungsi sebagai kedutaan yang sepenuhnya. Tujuan mendirikan kedutaan di Jakarta adalah sebagai langkah pertama untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Indonesia selepas Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957.[218] Penubuhan kedutaan di Jakarta tidak sebenar menunjukkan hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia sebagai suatu hubungan yang istimewa kerana Tanah Melayu telah mengambil langkah yang sama di beberapa negara yang dianggap penting bagi Tanah Melayu seperti Britain, Australia dan India.[219] Tetapi tindakan penubuhan kedutaan di Jakarta ada keistimewaannya, kerana Indonesia merupakan sebuah negara yang berada di luar Komanwel manakala Britain, Australia dan India merupakan ahli Komanwel. Pada 31 Ogos 1957, kedutaan Tanah Melayu di Jakarta dinaikkan ke taraf kedutaan penuh dan Indonesia membuka kedutaannya di Kuala Lumpur sebagai mengiktiraf kemerdekaan kedaulatan Tanah Melayu.

Menjelang akhir bulan Mei 1957, satu persetujuan dicapai oleh kerajaan Indonesia, United Kingdom dan Persekutuan Tanah Melayu tentang pembukaan Pejabat Perwakilan Perdagangan Persekutuan Tanah Melayu di Indonesia. Tujuan utama perwakilan ini adalah untuk memajukan lagi perdagangan antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Di samping itu, perwakilan ini juga akan membuat persediaan untuk membuka kedutaan Tanah Melayu selepas Tanah Melayu mengisytiharkan kemerdekaannya.[220] Sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, satu perbincangan diadakan di Singapura, antara Ahli Parlimen Indonesia, Mohd. Yamin[221] dengan Tunku Abdul Rahman dan para pemimpin Tanah Melayu yang lain, supaya Tanah Melayu mengikuti bentuk dasar luar yang sama seperti yang diamalkan oleh Indonesia. Pihak Indonesia berminat dalam hal ini kerana kedudukan geografi Tanah Melayu-Indonesia yang rapat yang cuma dipisahkan oleh Selat Melaka dan

---

218 *Malaysia's Case in the United Nations*, hlm. 2.

219 Temu bual penulis dengan Encik Mohd. Arshad Hussain, Ketua Penolong Setiausaha Asia Tenggara I, Kementerian Luar Negeri, di pejabat beliau di Wisma Putra pada 24 Februari 1989.

220 *Antara: Daily News Bulletin*, 22 Mei 1957.

221 Mohd. Yamin seorang sejarawan dan nasionalis Indonesia yang terkenal. Beliau seorang yang sangat percaya kepada idea Indonesia Raya dan merupakan penasihat yang rapat kepada Presiden Sukarno. J.A.C. Mackie pula menyifatkan Yamin sebagai pujangga di Istana Sukarno. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 23.

penduduk majoriti kedua-dua negara berasal daripada rumpun bangsa yang sama serta mempunyai asas bahasa yang sama.[222] Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak tidak mengambil sebarang keputusan pada waktu itu kerana soal tersebut memerlukan perbincangan yang lebih mendalam.

Perhatian juga diberi kepada soal kebudayaan dan pelajaran kerana ikatan antara kedua-dua negara. Serombongan 27 orang pelajar dari Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, melawat Indonesia pada bulan Jun 1957. Semasa lawatan ini mereka mengkaji ciri-ciri sistem ejaan Indonesia yang boleh diserapkan ke dalam sistem ejaan bahasa Melayu.[223] Mereka juga melawat Presiden Sukarno pada 11 Julai 1957. Sukarno berpesan kepada mereka supaya selepas Tanah Melayu merdeka, mereka harus berusaha menentang imperialisme dan kolonialisme.[224]

Sebagai langkah awal mengalu-alukan kemerdekaan Tanah Melayu, Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio, telah mengumumkan bahawa Dr. Razif akan dilantik sebagai Duta Besar Republik Indonesia ke Tanah Melayu. Indonesia merupakan negara pertama yang telah menamakan duta ke Tanah Melayu. Sementara itu *Malaya Merdeka*, iaitu lidah rasmi UMNO, mengukuhkan lagi kenyataan Raja Perlis yang dikeluarkan pada awal tahun 1957, iaitu Presiden Sukarno akan melawat Tanah Melayu selepas hari merdeka. *Malaya Merdeka* berpendapat bahawa lawatan Presiden Sukarno akan menguatkan lagi ikatan persaudaraan antara Tanah Melayu dengan Indonesia.[225]

Bagi merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara, selepas kemerdekaan Tanah Melayu, Pengurus Besar *Garuda Indonesian Airways* (GIA), Dr. Sutoto, berunding dengan Menteri Pengangkutan Tanah Melayu, Ong Yook Lin, untuk mendapatkan kebenaran mendarat di Kuala Lumpur.[226] Kapal terbang GIA dibenarkan mendarat dua kali seminggu di Kuala Lumpur dalam perjalanannya antara Jakarta dengan Bangkok. Dua hari sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, Dr. Subandrio dan Timbalan Perdana Menteri Pertama Indonesia, Hardi, bersama-sama dengan 12 orang perwakilan yang lain dari Indonesia tiba di Tanah Melayu untuk menghadiri perisytiharan dan perayaan kemerdekaan

222 *Antara: Daily News Bulletin*, 7 Jun 1957.
223 *Ibid.*, 20 Jun 1957.
224 *Ibid.*, 11 Julai 1957.
225 *Ibid.*, 25 Jun 1957 dan 23 Julai 1957.
226 *Ibid.*, 30 Julai 1957.

Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Dr. Subandrio dan Hardi merupakan wakil rasmi Indonesia[227] yang menghadiri perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Kehadiran mereka telah menguatkan lagi hubungan Tanah Melayu-Indonesia.

227 *Ibid.*, 29 Ogos 1957.

BAB 2

HUBUNGAN TANAH MELAYU-INDONESIA SEJAK KEMERDEKAAN TANAH MELAYU SEHINGGA CADANGAN PENUBUHAN MALAYSIA

Bab ini melanjutkan perbincangan tentang hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa tahun-tahun awal kemerdekaan Tanah Melayu. Hubungan kedua-dua jiran pada peringkat ini, bermula dengan mesra tetapi cepat berakhir dengan konflik. Ini disebabkan terdapat banyak perselisihan politik antara kedua-dua pihak dalam isu Irian Barat, Pemberontakan Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI), penyeludupan dan penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Pada tahap ini, Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam hubungan kedua-dua negara serumpun ini. Penglibatan beliau dapat dilihat dalam masalah Irian Barat dan penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Di samping itu, pihak Indonesia mendakwa Tunku Abdul Rahman terlibat dalam isu pemberontakan PRRI kerana kerajaannya memberi suaka politik kepada para pemberontak itu. Hubungan Tanah Melayu-Indonesia menjadi dingin kerana Tunku Abdul Rahman dan pemimpin Indonesia, iaitu Presiden Sukarno tidak sehaluan dalam isu-isu yang melibatkan kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, dalam tempoh empat tahun, Tanah Melayu telah berusaha untuk mewujudkan satu hubungan yang aman dan mesra dengan jiran besarnya, Indonesia, di selatan.[1] Ini disebabkan Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai hubungan yang luas dalam pelbagai aspek seperti yang dibincangkan dalam Bab 1 dan Indonesia dianggap sebagai "abang" kerana mempunyai warisan kebudayaan yang banyak serta pengalaman yang luas menentang penjajahan.

---

1 Marvin C. Ott 1971. "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy Toward Indonesia and the Philippines: 1957–1965". Tesis Ph. D. Baltimore: John Hopkins University, hlm. 106.

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia dari segi politik, ekonomi, sosial, pendirian Tanah Melayu-Indonesia terhadap Negara China dan perbezaan pendapat Tanah Melayu-Indonesia terhadap penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Aspek politik akan membincangkan isu seperti tuntutan Irian Barat, pemberontakan PRRI, peluasan perbatasan laut Indonesia, masalah nelayan dan masalah mengadakan perjanjian ekstradisi. Di samping itu, terdapat kerjasama antara kedua-dua negara dalam bentuk lawatan muhibah dan perjanjian persahabatan turut dikaji. Soal ekonomi pula membincangkan perdagangan dua hala, kerjasama menstabilkan harga bahan mentah, kerjasama melabur bijih timah dan masalah penyeludupan. Sementara isu sosial pula membincangkan hubungan sukan, agama, kebudayaan, kebajikan, pelajaran dan bahasa.

Dalam membincangkan hal ini, kelima-lima tema yang telah dibincangkan dalam hubungan awal Tanah Melayu-Indonesia masih berterusan selepas kemerdekaan. Tema persaudaraan dapat dilihat melalui lawatan muhibah yang dilakukan oleh pemimpin kedua-dua negara, bantuan yang diberikan oleh rakyat Tanah Melayu kepada mangsa bencana alam di Indonesia, dan juga melalui kerjasama dalam bidang pelajaran, bahasa serta kebudayaan. Tema kerjasama pula kelihatan dalam aspek ekonomi terutamanya dalam menstabilkan harga bahan mentah. Dalam soal politik, kedua-dua negara bekerjasama menandatangani perjanjian persahabatan. Kerjasama tambah ketara dalam aspek sosial khasnya, dalam soal bahasa dan pelajaran. Tema konflik pula timbul dalam isu-isu seperti Irian Barat, pemberontakan PRRI, penyeludupan dan soal penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Seterusnya tema komunisme dapat dilihat melalui penglibatan PKI dalam soal tuntutan Irian Barat dan pendirian Tanah Melayu-Indonesia terhadap Negara China. Akhirnya, tema keserantauan muncul dalam soal penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Walaupun terdapat lima tema penting, persaudaraan, kerjasama dan konflik merupakan tema yang penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia sebelum cadangan penubuhan Malaysia.

Sebagai dua buah negara yang berdaulat, Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai empat persamaan yang penting. Pertama, kedua-dua negara ini tidak menyertai SEATO kerana bagi Tanah Melayu, AMDA menjamin keselamatannya dan bagi Indonesia, SEATO akan menjejaskan dasar berkecuali Indonesia terhadap perang dingin Timur-Barat. Kedua, Tunku Abdul Rahman dan Sukarno mempunyai peranan yang penting dalam menggubal dasar luar negara masing-masing. Sejak mer-

deka, pembentukan dasar luar Tanah Melayu dikendalikan oleh sekelompok elit yang terdiri daripada empat atau lima orang, akibatnya dasar-dasar pada kebiasaannya dibuat melalui perbincangan yang tidak formal.[2] Dasar luar Indonesia pula menjadi "Sukarno's personal domain", dan beliau memainkan peranan yang istimewa untuk menguatkan kedudukan Indonesia dalam politik antarabangsa.[3] Di samping Sukarno, Dr. Subandrio juga mempunyai peranan sebagai Menteri Luar Negeri dalam melaksanakan dasar luar Indonesia. B. Grant berpendapat:

> "While Sukarno is the great brewer of Indonesian revolutionary spirit, Dr. Subandrio became its leading dispenser."[4]

Berikutnya, kedua-dua negara ini berminat untuk mengadakan pertubuhan serantau tetapi tidak sehaluan. Tanah Melayu telah mencadangkan penubuhan pertubuhan serantau yang bercorak ekonomi dan sosial di Asia Tenggara tetapi Indonesia ingin meluaskan kerjasama serantau dalam konteks Afro-Asia untuk kemakmuran bersama. Indonesia menolak untuk menyertai sebarang pertubuhan di rantau Asia Tenggara selagi ketuaannya tidak dijamin. Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman tidak berminat menyertai kumpulan Afro-Asia kerana pada tahun 1955, sewaktu Persidangan Bandung diadakan di Indonesia, Tunku Abdul Rahman meminta Tanah Melayu diberi taraf pemerhati tetapi permintaan itu ditolak. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman berpendapat tidak ada sebab Tanah Melayu harus menjadi sebahagian daripada gerakan negara-negara Afro-Asia.[5] Persamaan keempat ialah kedua-dua negara ini menentang penjajah berdasarkan prinsip Persidangan Bandung dan bersimpati dengan perjuangan antipenjajahan di Dunia Ketiga.[6]

Di samping mempunyai beberapa persamaan, terdapat juga beberapa perbezaan penting antara kedua-dua negara. Pertama, oleh sebab

---

2 Marvin C. Ott 1972. "Foreign Policy Formulation in Malaysia", *Asian Survey*, Jil. XII, No. 3, Mac, hlm. 225. Kelompok elit itu terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Dato' Dr. Ismail, Encik (Tan Sri kemudiannya) Mohd. Ghazali Shafie dan Tun Tan Siew Sin.

3 Michael Leifer 1983. *Indonesia's Foreign Policy*. London: George Allen and Unwin, hlm. 56.

4 Bruce Grant 1966. *Indonesia*. Melbourne: Melbourne University Press, hlm. 157.

5 Lihat nota kaki 11 dalam Abdullah Ahmad 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, hlm. 42.

6 Grant, *Indonesia*, hlm. 157.

kemerdekaan Indonesia diperoleh melalui revolusi, maka ini menyebabkan rakyat Indonesia menganggap diri mereka lebih unggul daripada rakyat Tanah Melayu dari segi moral.[7] Para nasionalis Indonesia melihat kemerdekaan Tanah Melayu sebagai satu penghinaan dan pengejekan, atau kemerdekaan yang bukan tulen kerana diberi dengan keadaan yang sungguh aman. Selain itu, tentera British masih ada di Tanah Melayu.[8] Hubungan Tanah Melayu dengan bekas penjajahnya (British) adalah baik dan diperkukuhkan lagi dengan Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya (AMDA). Sebaliknya, hubungan Indonesia dengan bekas penjajahnya (Belanda) dingin dan bertambah buruk dengan tuntutan Indonesia terhadap wilayah Irian Barat. Di samping itu, Indonesia menganggap "adalah satu dosa untuk bekerjasama dengan bekas penjajah, walaupun untuk kepentingan kedua-dua pihak".[9]

Kedua, terdapat perbezaan pendapat tentang bentuk kerajaan yang diamalkan oleh Tanah Melayu dan Indonesia. Pihak Indonesia melihat Tanah Melayu sebagai kawasan hulu yang tidak maju, mengamalkan sistem politik feudal dan parti yang memerintah Tanah Melayu (Perikatan) merupakan parti gabungan golongan aristokrat Melayu dan para jutawan Cina. Kemakmuran ekonominya berada di tangan kapitalis Barat dan Cina.

Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid, Tanah Melayu merupakan contoh yang wujud bagi apa yang diisytiharkan oleh pemimpin-pemimpin Indonesia sebagai tidak sesuai dan tidak akan tercapai dalam situasi di Asia Tenggara. Indonesia menganggap demokrasi berparlimen yang liberal tidak sesuai untuknya tetapi Tanah Melayu mengamalkannya dengan berjaya.[10] Indonesia pula mengamalkan demokrasi terpimpin yang lebih bercorak kediktaktoran. Para pemimpin Indonesia menganggap sistem kerajaan Persekutuan tidak sesuai bagi Indonesia tetapi Tanah Melayu mengamal kerajaan berbentuk persekutuan. Dasar ekonomi yang liberal telah membawa kemakmuran dan kemajuan di Tanah

---

7 J.B. Dalton 1967. "The Development of Malayan External Policy 1957–1963". Tesis Ph.D. Oxford: University of Oxford, hlm. 132.

8 *Ibid.*, hlm. 132.

9 Zainal Abidin bin Abdul Wahid 1986. "Malaysia, Southeast Asia and World Politics", dalam Wang Gung Wu (ed.). *Malaysia: A Survey.* New York: Federick A. Praeger, hlm. 371.

10 *Ibid.*, hlm. 371. Pada 21 Februari 1957, Presiden Sukarno telah mengumumkan demokrasi terpimpin sebagai sistem pentadbiran baru di Indonesia yang menamatkan demokrasi perlembagaan ala Barat di Indonesia. Lihat Bruce Grant 1966. *Indonesia*, hlm. 46, 148 dan 156.

Melayu tetapi ekonomi terpimpin Indonesia telah menyebabkan kemiskinan dan kebuluran di negara tersebut.[11]

Kerajaan Tanah Melayu secara semula jadinya telah menolak gambaran-gambaran ejekan yang diberi oleh pihak Indonesia. Sebaliknya, Tanah Melayu juga mempunyai pandangannya tersendiri terhadap kerajaan Indonesia, yang mengamalkan demokrasi terpimpin, sebagai kerajaan yang tidak bertanggungjawab, kerajaan yang menyokong perjuangan komunis dan kerajaan yang berani merosakkan ekonomi Indonesia melalui tabiat suka berperang kerana cintakan tanah air mereka (jingoism).[12]

Ketiga, menurut Dalton, kedua-dua rejim adalah berbeza pada dasarnya. Jakarta, merupakan rejim yang tidak stabil, bersifat neutral dalam dasar luarnya, *xenophobia*, bersifat antikapitalis, membelanjakan peruntukan besar untuk menghapuskan pemberontakan dalam negeri, dan lebih mementingkan peperangan dengan Belanda daripada membangunkan negara. Sementara itu, rejim Kuala Lumpur pula merupakan rejim yang pro-Barat dan bersayap kanan, prokapitalis, moderate dan pragmatik.[13] Kedua-dua pihak mempunyai perasaan syak wasangka terhadap satu sama lain. Indonesia berasa bimbang akan kemakmuran ekonomi Tanah Melayu manakala Tanah Melayu pula bimbang tentang dua perkara iaitu perkembangan pengaruh komunis di Indonesia dan sokongan PKI terhadap Presiden Sukarno kerana sokongan itu merupakan muslihat pihak komunis untuk berkuasa di Indonesia.[14]

Keempat, terdapat juga pertentangan personaliti antara Tunku Abdul Rahman dengan Presiden Sukarno. Tunku, seorang aristokrat yang telah diberi kuasa oleh rakyat, manakala Sukarno memperoleh kuasa melalui pengorbanan dan perjuangan. Pertentangan personaliti wujud dalam soal penubuhan badan serantau di Asia Tenggara. Apabila surat jemputan untuk mengadakan pertubuhan serantau dihantar oleh Tunku Abdul Rahman kepada negara di Asia Tenggara termasuk Indonesia, Sukarno menolak cadangan tersebut dan menjawab Indonesia mahukan hubungan dua hala dengan jiran-jirannya. Sukarno menolak cadangan penubuhan pertubuhan serantau kerana beliau tidak suka melihat timbulnya satu pakatan baru yang mungkin akan mencabar ketokohan beliau dalam kumpulan Afro-Asia.[15] Lagipun, Sukarno tidak

---

11 Zainal Abidin Abdul Wahid, "Malaysia", hlm. 371.

12 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 133.

13 *Ibid.*, hlm. 132–133.

14 *Ibid.*, hlm. 133. Lihat juga editorial dalam *Straits Times*, 4 September 1957.

15 Oliver E. Clubb, Jr. 1966. *The United States and the Sino-Soviet Block in Southeast*

suka cadangan itu datang dari Tanah Melayu yang dianggap olehnya sebagai "Adik Kecil" kepada Indonesia.

Kelima, dari segi ketenteraan, Indonesia mempunyai angkatan tentera yang terbesar dan paling kuat di rantau ini, dengan kira-kira 350 000 orang askar yang terlatih serta tentera laut dan tentera udara yang kuat. Pada bulan Disember 1960, Indonesia menerima peralatan tentera dan senjata yang berharga kira-kira AS$1000 juta dari Soviet Union untuk kempen membebaskan Irian Barat.[16] Di samping itu, pihak tentera Indonesia juga memain peranan penting dalam pentadbiran negara dan penstabilan politik Indonesia. Presiden Sukarno menggunakan tentera Indonesia untuk mengimbangi kekuatan PKI dan sebaliknya.[17] Dalam tempoh yang sama, Tanah Melayu tidak mempunyai angkatan tentera yang kuat, malahan tidak mempunyai sebuah jet pejuang pun. Sebaliknya, Tanah Melayu bergantung pada Britain untuk menghadapi ancaman luar melalui perjanjian pertahanan AMDA yang ditandatangani pada bulan Oktober 1957.[18]

Keenam, Indonesia merupakan negara terbesar di rantau Asia Tenggara dan mempunyai bilangan penduduk kira-kira 100 juta orang, iaitu sepuluh kali ganda daripada penduduk di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pendapatan kasar negara Tanah Melayu adalah lebih tinggi daripada pendapatan kasar Indonesia. Malahan, pendapatan kasar negara Tanah Melayu adalah yang kedua tertinggi di Asia, selepas Jepun.[19] Dalam tempoh ini, Indonesia telah memiliknegarakan harta dan syarikat-syarikat asing, khususnya orang Belanda berikutan daripada soal Irian Barat.[20] Manakala Tanah Melayu tidak berbuat demikian, sebalik-

---

Asia. Washington D.C.: The Brooking Institution, hlm. 31–33. Kumpulan Afro-Asia muncul bersama-sama Persidangan Bandung yang diadakan pada tahun 1955 dengan Indonesia menjadi negara penaja persidangan tersebut.

16 Sila lihat Grant, *Indonesia*, hlm. 150, dan Donald Hindley, "Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search for Motives", *Asian Survey*, Jil. IV, No. 6, Jun 1964, hlm. 910.

17 Hindley, "Indonesia's Confrontation", hlm. 909.

18 Dengan adanya AMDA, Britain bersetuju mempertahankan Tanah Melayu dari serangan luar serta melatih dan memajukan angkatan bersenjata Tanah Melayu. Sebaliknya, Tanah Melayu berjanji membantu Britain melindungi tanah jajahan Britain di rantau ini. Lihat Abdullah Ahmad 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia, 1963–1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, hlm. 32.

19 *Malaysia's Case in The United Nations Security Council*, Ministry of External Affair, Kuala Lumpur: Government Press, 1964, hlm. 2.

20 Hindley, "Indonesia Confrontation", hlm. 910, dan *Britannica Book of the Year 1958*. London, hlm. 249.

nya telah menggalakkan lebih banyak pelabur asing untuk melabur di Tanah Melayu.

Selain itu, terdapat perbezaan dari segi keagamaan antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Islam adalah agama rasmi Tanah Melayu tetapi di Indonesia, Islam bukan agama rasmi, sungguhpun majoriti penduduknya beragama Islam.[21] Ini kerana Pancasila dijadikan falsafah asas negara Indonesia untuk menyatupadukan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang mengamalkan pelbagai kepercayaan.[22]

Kelapan, dalam tempoh yang sama ini, terdapat perbezaan dasar luar antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Pada awal era kemerdekaan, Tanah Melayu mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan anti-komunis. Menurut Tunku Abdul Rahman:

> "Dasar luar Tanah Melayu bukanlah berkecuali kerana pertimbangan-pertimbangan pokok terhadap keselamatan negara tidak syak lagi menjadikannya antikomunis tetapi bukanlah bermaksud untuk memerangi komunis. Ia hanya untuk melindungi kemerdekaan kita."[23]

Bagi tujuan pertahanan, Tanah Melayu mengadakan perjanjian AMDA dengan Britain dan tidak menyertai SEATO yang ditubuhkan untuk menghadapi ancaman Cina komunis di rantau Asia Tenggara. Keengganan Tanah Melayu menyertai SEATO menunjukkan sikap berkecualinya terhadap komunisme antarabangsa.[24] Keengganan tersebut juga

---

21 Agama Islam tidak mendapat tempat dalam perlembagaan Indonesia kerana Indonesia menggunakan Pancasila sebagai alat untuk menyatukan rakyat Indonesia yang mengamalkan pelbagai agama. Dengan adanya Pancasila setiap warga Indonesia berhak untuk menganuti agama masing-masing. Lihat Michael Leifer, *Indonesia's Foreign Policy*, hlm. XVI.

22 Mohammad Hatta, "Indonesia's Foreign Policy", *Foreign Affairs*, Jil. 31, No. 4, April 1954, hlm. 450–452 dan temu bual penulis dengan M. Rachmat, Kounselor Politik Kedutaan Indonesia pada 15 Mac 1989 di Kedutaan Besar Republik Indonesia, Kuala Lumpur.

23 Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 32. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk G.P. Bhattacharjee 1976. *Southeast Asian Politics: Malaysia and Indonesia*. Calcutta: Minerva Associates, hlm. 94–96. South East Asia Treaty Organization (SEATO) dibentuk pada tahun 1954 atas inisiatif Amerika Syarikat untuk menghalang perluasan pengaruh komunis di Asia Tenggara. John Gullick dan Bruce Gale 1986. *Malaysia: It's Political and Economic Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, hlm. 199.

24 Lihat T.H. Silcock 1963. "Development of a Malayan Foreign Policy", *Australian Outlook*, Jil. 17, No. 1, April, hlm. 50.

menunjukkan bahawa Tanah Melayu yakin terhadap jaminan yang diberikan oleh AMDA yang menjanjikan kehadiran Commonwealth Strategic Reserve.[25] Pendirian Tanah Melayu tentang SEATO telah menyangkal pendapat para pemimpin Indonesia yang menyatakan dasar luar Tanah Melayu dikawal oleh London.[26]

Sebaliknya, dasar luar Indonesia pada umumnya adalah bersifat berkecuali, antipenjajahan dan menumpukan perhatian kepada kerjasama dalam lingkungan Afro-Asia.[27] Perjuangan menentang penjajahan merupakan aspek penting dalam dasar luar Indonesia semasa era demokrasi terpimpin Indonesia. Aspek ini berpunca daripada perjuangan negara itu untuk memperoleh kemerdekaan (1945–1949) dan tuntutannya terhadap Irian Barat daripada penjajahan Belanda. Oleh itu, hubungan Indonesia dengan negara-negara blok Barat adalah tidak mesra kerana mereka tidak bersimpati dengan tuntutan Indonesia terhadap Irian Barat. Sebaliknya, negara-negara blok Timur, iaitu Soviet Union dan RRC menyokong tuntutan Indonesia itu.[28] Di samping itu, Indonesia membenarkan kegiatan PKI dan hubungan Indonesia dengan negara-negara komunis bertambah rapat khususnya selepas Persidangan Bandung.[29] Dalam tempoh yang sama, Tanah Melayu tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan negara-negara blok Timur. Satu lagi aspek dalam dasar luar Indonesia adalah sikap berkecuali terhadap perang dingin antara Barat dengan Timur dan sikap ini diperkuatkan lagi dengan kegiatan aktif Jakarta dalam kumpulan Afro-Asia. Sungguhpun bersikap berkecuali, Indonesia lebih mendekati blok Timur kerana Sukarno berpendapat bahawa blok komunis juga menentang penjajahan seperti Indonesia.[30] Dasar luar Indonesia adalah melihat politik dunia

---

25 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 72. Tunku Abdul Rahman berkata, "a defence agreement with Britain is sufficient for our national defence". Lihat *Straits Budget*, 4 September 1957.

26 George McT. Kahin 1964. "Malaysia and Indonesia", *Pacific Affairs*, Jil. 36, No. 3, hlm. 252.

27 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 100–106.

28 Leifer, *Indonesia Foreign Policy*, hlm. 56–74.

29 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 116. Menurut Ide Anak Agung bekas Menteri Luar Negeri Indonesia, "Though Indonesia's foreign policy was still termed as nonalignment, it was clear that Indonesia had veered more and more to the left and that the ship of state had been blown by the prevailing Eastern winds from its former course between the two giant cliffs towards the troubled water of the communist countries". Lihat Ide Anak Agung, 1973. *Twenty Years Indonesian Foreign Policy – 1945–1965*. The Hague: Mouton, hlm. 266.

30 *Ibid.*, hlm. 128.

sebagai penentangan antara Old Established Forces (OLDEFOS) dengan New Emerging Forces (NEFOS).[31] Indonesia mendakwa Tanah Melayu sebagai ahli OLDEFOS kerana Tanah Melayu mempunyai ikatan pertahanan dan ekonomi yang kuat dengan Britain.

Pada peringkat awal kemerdekaan, hubungan Tanah Melayu-Indonesia nyata berada dalam suasana yang penuh mesra. Kemesraan jelas apabila kerajaan Indonesia mengarahkan radio Republik Indonesia yang dimilikinya mengharamkan penyiaran lagu popular Indonesia yang berjudul *Terang Bulan* sebagai menghormati jirannya yang baru merdeka. Ini kerana lagu kebangsaan Tanah Melayu, iaitu *Negaraku*, telah diubah suai daripada lagu *Terang Bulan*.[32] Di samping itu, Indonesia merupakan negara pertama menghantar Duta Besar ke Kuala Lumpur.[33]

Akhbar-akhbar Indonesia juga mengalu-alukan kemerdekaan Tanah Melayu. Lidah pengarang *Duta Masyarakat* menulis seperti yang berikut:

> "Malaya would be able to remain at peace with nations of the world, and particularly with her close neighbour, Indonesia. Indonesia, which for centuries had established close relations with Malaya in the cultural and other fields, is happy to welcome free Malaya to the community of nations."[34]

Akhbar *Suluh Indonesia* berkata, dengan kemerdekaan Tanah Melayu, barisan Afro-Asia bertambah kuat dalam politik antarabangsa.[35]

Sementara itu, Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio, yang berada di Kuala Lumpur untuk perayaan kemerdekaan Tanah Melayu berkata, "Kebebasan Tanah Melayu akan membuka satu babak baru dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Ini akan meningkatkan kerjasama kebudayaan dan bahasa".[36] Pada masa yang sama, Tun Abdul

---

31 OLDEFOS terdiri daripada negara-negara kapitalis, dan NEFOS terdiri daripada negara-negara Afro-Asia, Amerika Latin dan negara-negara sosialis. Leifer, *Indonesia Foreign Policy*, hlm. 59.

32 Sila lihat *Antara Daily News Bulletin*, New York, 3 September 1957 dan Robert Curtis, "Malaya and Indonesia", *New Left Review*, No. 28, November-Disember 1964, hlm. 16.

33 *Malaysia's Case in the United Nations*, hlm. 2, dan *Malaya/Indonesia Relations*, 31 Ogos 1957–15 September 1963. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, 1963, hlm. 1.

34 *Antara Daily News Bulletin*, 4 September 1959.

35 *Ibid.*

36 *Berita Harian*, 3 September 1957.

Razak telah menolak berita yang disiarkan oleh *Antara* (Indonesia National News Agency) bahawa Tanah Melayu berjanji menyokong tuntutan Indonesia terhadap Irian Barat. Menurut Tun Abdul Razak, Dr. Subandrio dan Hardi yang berada di Kuala Lumpur untuk perayaan kemerdekaan tidak berbincang tentang soal Irian Barat dengan Tanah Melayu.[37] Perbezaan pendapat ini menandakan bahawa sudah wujud konflik antara kedua-dua negara.

Namun begitu, Indonesia dan kumpulan Afro-Asia menyokong Tanah Melayu menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tanpa syarat apabila Britain dan Australia telah membawa usul ke Majlis Keselamatan PBB supaya Tanah Melayu diterima sebagai ahli PBB.

Wakil tetap Indonesia ke PBB, Ali Sastroamidjojo menegaskan:

> "Representing a nation and friendly neighbour country to Malaya, I am happy with the struggle of Malayan people which today has achieved a new result with the decision of the Security Council to accept the Federation of Malaya as a member of United Nation."[38]

Apabila permohonan Tanah Melayu untuk menjadi ahli PBB diterima, akhbar *Times of Indonesia* berkata:

> "Sahabat-sahabat Malaya akan merasa bangga kerana negeri itu dapat menyertai PBB. Kita (Indonesia) sendiri bersukacita kerana bilangan ahli dalam kumpulan Afro-Asia akan menjadi 28. Soal Irian Barat akan muncul semula dalam Majlis Perhimpunan Agung dan undi Malaya akan menguatkan lagi tuntutan Irian. Malaya pasti mengundi menyokong kita dan kemungkinan kita mencapai kejayaan dalam tahun ini kerana peluang menjadi lebih baik daripada masa-masa yang sudah."[39]

Pendapat akhbar Indonesia itu menunjukkan bahawa Indonesia seolah-olah menyokong kemasukan Tanah Melayu ke dalam PBB dengan mengharapkan Tanah Melayu menyokong usahanya untuk memperoleh Irian Barat daripada penjajah Belanda dan menguatkan kumpulan Afro-Asia yang ditaja oleh Indonesia. Ini menunjukkan bahawa Indonesia tidak benar-benar jujur dengan Tanah Melayu yang baru merdeka. Sebaliknya, Tanah Melayu berharap penyertaannya dalam PBB akan me-

---

37 *Ibid.*, 6 September 1957.

38 *Antara Daily News Bulletin*, 4 September 1957.

39 Sila lihat *Berita Harian*, 9 September 1957 dan *Times of Indonesia*, 8 September 1957.

nguatkan perpaduan Afro-Asia dan kerjasama dengan jiran-jiran khususnya dengan Indonesia, kerana rakyat Indonesia dan rakyat Tanah Melayu bersaudara.[40]

Isu-isu Penting dalam Hubungan Politik

Hubungan politik Tanah Melayu-Indonesia[41] pada awal kemerdekaan tidak bermula sebagai hubungan yang baik kerana berbagai-bagai masalah. Salah satu daripada masalah tersebut timbul pada tahun 1957, apabila kerajaan Indonesia mengeluarkan dikri untuk memperluaskan kawasan perairannya di Selat Melaka sepanjang dua belas batu dari wilayah Indonesia. Dengan dikri ini Indonesia mengisytiharkan semua kawasan perairan pulau Indonesia tanpa berunding dengan kerajaan Tanah Melayu, sedangkan kawasan perairan Tanah Melayu juga terlibat dalam isu ini. Kawasan perairan Indonesia yang baru di Selat Melaka kini meliputi juga kawasan perairan Persekutuan Tanah Melayu yang cuma tiga batu sahaja daripada pantainya.

Masalah timbul apabila kerajaan Indonesia menutup beberapa kawasan yang dikenali sebagai kawasan penangkapan ikan tradisional bagi nelayan-nelayan Tanah Melayu. Pihak Indonesia telah menahan dan merampas hasil penangkapan dan bot-bot nelayan yang masuk ke kawasan tersebut dengan alasan terlibat dalam penyeludupan.[42]

Masalah berikutnya ialah gangguan polis marin Indonesia terhadap nelayan-nelayan dan saudagar-saudagar Tanah Melayu yang berniaga dengan Sumatera kerana didakwa terlibat dalam penyeludupan. Mereka yang ditahan dibawa ke Indonesia dan dipenjarakan ataupun didenda tanpa perbicaraan yang adil.[43] Pada tahun 1960, terdapat 31 kejadian yang melibatkan pihak berkuasa Indonesia menghalau nelayan-nelayan Tanah Melayu yang memasuki perairan mereka. Dalam beberapa kejadian, pihak berkuasa Indonesia telah memasuki kawasan perairan Tanah Melayu untuk menyekat kemasukan nelayan-nelayan Tanah Melayu ke perairan Indonesia.[44]

---

40 *Antara Daily News Bulletin*, 4 September 1957.

41 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 7. Lihat juga Michael Leifer 1978. *Straits of Malacca, Singapore and Indonesia*. The Netherlands: Sifthoff and Nodrdhoff, hlm. 17–19.

42 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 7.

43 *Ibid.*

44 *Ibid.* Lihat juga *Parliamentary Debates: Dewan Rakyat, Official Report*, Jil. II, No. 39, 15 Disember 1960, Lajur 4248.

Pihak kerajaan Tanah Melayu membuat bantahan yang keras dari semasa ke semasa supaya kerajaan Indonesia tidak mengganggu nelayan-nelayan Tanah Melayu. Jakarta tidak mahu bertolak ansur dalam hal ini kerana mereka mendakwa nelayan-nelayan tersebut merupakan penyeludup.[45] Indonesia tegas dalam hal ini kerana kegiatan penyeludupan yang dijalankan di Selat Melaka telah banyak merugikan ekonomi mereka. Di samping itu, pihak pemberontak PRRI yang berpusat di Sumatera terlibat dalam kegiatan penyeludupan ini dan mereka menyeludup senjata dari Singapura dan Tanah Melayu.[46]

Masalah seterusnya adalah tentang perjanjian penyerahan atau *Extradition Treaty*. Pada 28 Januari 1960, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio, mengirim surat kepada kerajaan Tanah Melayu untuk mengadakan perjanjian penyerahan antara kedua-dua negara supaya dapat mengadakan pertukaran penjenayah-penjenayah yang melarikan diri daripada negara asal. Dalam suratnya itu, Dr. Subandrio menulis seperti yang berikut:

> "Sebagai warisan dari zaman yang lampau, maka hubungan antara kita diliputi oleh berbagai kegiatan-kegiatan *illegal* yang berlangsung di antara pantai Indonesia dan pantai Malaya. Kegiatan *illegal* ini di samping mengandungi unsur-unsur politis, ekonomis, dan juga mengandungi unsur pensenjataan."[47]

Justeru itu, beliau berkata, kerajaan Indonesia mewujudkan usul perjanjian penyerahan antara kedua-dua negara. Perkara yang menjadi luar biasa dalam usul ini adalah pihak Indonesia mahu memasukkan pelarian politik dalam perjanjian tersebut.[48]

Menteri Luar Tanah Melayu pada masa itu, Dato' Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman, tidak bersetuju dengan cadangan Indonesia untuk memasukkan pelarian politik dalam perjanjian penyerahan. Ini disebabkan cadangan tersebut melanggar undang-undang antarabangsa. Dalam undang-undang antarabangsa, tidak ada ruang yang membenarkan pelarian politik ataupun pesalah-pesalah politik diserahkan semula kepada negara asal mereka.[49] Dato' Dr. Ismail berkata, Tanah Melayu

---

45 *Parliamentary Debates*, Jil. II, No. 40, 16 September 1960.

46 Gullick dan Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, hlm. 200.

47 "Proposal For Extradition Treaty", Lampiran V. *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 35.

48 *Parliamentary Debates*, Jil. VI, No. 38, 12 Mac 1963, lajur 4126.

49 *Ibid.*, dan juga *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5, Lihat juga H.F. Armstrong, "The Troubled Birth of Malaysia", *Foreign Affairs*, Jil. 41, No. 4, Julai 1963, hlm. 681.

sedia berbincang tentang perjanjian penyerahan jika perjanjian itu hanya melibatkan penyerahan penjenayah sahaja. Dalam suratnya kepada Dr. Subandrio, Dato' Dr. Ismail menulis seperti yang berikut:

> "Kerajaan Persekutuan adalah berpatah teguh kepada dasar yang sudah ditentukan dari segi hukum-hukum dan amalan internasional, umpamanya di dalam hal perjanjian penyerahan maka soal penyerahan tidak akan timbul terhadap orang-orang didakwa atau dituduh atau menjadi banduan kerana perkara-perkara yang berunsur politik."[50]

Oleh yang demikian, Indonesia agak kecewa dengan jawapan Tanah Melayu dan sejak itu Tanah Melayu tidak pernah menerima jawapan daripada pihak Indonesia tentang hal ini. Sebaliknya, pihak media Indonesia membuat komen bahawa Tanah Melayu enggan bekerjasama dengan kerajaan Indonesia kerana negara itu memberi bantuan kepada pemberontak PRRI untuk menentang kerajaan Indonesia. Sebenarnya, Tanah Melayu akan bersetuju mengadakan perjanjian penyerahan yang melibatkan jenayah politik jika perkara tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang antarabangsa.[51]

Masalah keempat timbul kerana kegiatan rakyat Tanah Melayu di Indonesia. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sebilangan rakyat Tanah Melayu yang berhaluan kiri telah melarikan diri ke Indonesia untuk menjalankan kegiatan bagi menggulingkan pemerintahan British di Tanah Melayu dan menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia sebagai satu negara. Antara mereka yang terpenting ialah Ibrahim Hj. Yaakub dan Ahmad Boestamam. Mereka mendapat sokongan daripada pihak Indonesia, khususnya daripada golongan berhaluan kiri seperti Parti Murba.[52] Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Ibrahim Hj. Yaakub yang menetap di Medan, Indonesia, berhubung dengan kumpulan pelampau kiri di Tanah Melayu, termasuk pihak komunis, untuk menggulingkan kerajaan Tanah Melayu pimpinan Tunku

---

50 "Reply To Indonesia Proposal For Extradition Treaty", Lampiran VI, *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 37.

51 Tujuan Indonesia mengadakan perjanjian penyerahan yang melibatkan jenayah politik adalah kerana pihak berkuasa Tanah Melayu menahan 30 orang yang masuk secara haram ke Tanah Melayu. Kerajaan Indonesia meminta mereka itu diserahkan kepada pihaknya tetapi Tanah Melayu menolak permintaan itu dengan alasan sebagai pemberontak undang-undang antarabangsa. Sila lihat Zainal Abidin Wahid 1978. *Sejarah Dasar Luar Malaysia.* Siri Kebudayaan, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hlm. 17.

52 *Malaya/Indonesia Relation*, hlm. 6.

Abdul Rahman.[53] Sementara itu, Ahmad Boestamam pula mengadakan perjanjian sulit dengan parti-parti politik di Indonesia untuk menghantar ahli-ahli Parti Rakyat yang terpilih bagi mendapatkan latihan politik di Indonesia.[54] Pada awal tahun 1960-an, para pemimpin Parti Rakyat dari Tanah Melayu berkunjung ke Indonesia untuk mendapatkan latihan sulit tersebut. Ahmad Boestamam telah bercadang untuk bekerjasama dengan pihak komunis Indonesia bagi menyatukan Indonesia, Filipina, Borneo, Thai Selatan, Tanah Melayu dan Singapura di bawah Melayu Raya.[55] Walau bagaimanapun, beliau ditahan oleh polis Tanah Melayu pada bulan Februari 1963 kerana rancangan beliau yang mengancam keselamatan negara. Dalam hal ini, pihak Indonesia, sama ada kerajaannya ataupun parti-parti tertentu di Indonesia, telah terlibat secara tidak langsung untuk menjatuhkan kerajaan Tanah Melayu.

Pada 1958, persaingan berlaku antara Tanah Melayu dengan Indonesia untuk menjadi tuan rumah bagi Persidangan Colombo Plan. Semasa menghadiri Persidangan Colombo Plan yang ketujuh di Seattle, Amerika Syarikat, pada tahun yang sama, ketua perwakilan Tanah Melayu, iaitu Khir Johari, telah melobi wakil-wakil dalam persidangan tersebut untuk menyokong Tanah Melayu menjadi tuan rumah bagi persidangan berikut.[56] Pada masa yang sama, pihak Indonesia juga berhasrat untuk menjadi tuan rumah. Justeru itu, ketua perwakilannya, Dr. Subandrio, meminta ketua perwakilan Tanah Melayu supaya memberi peluang kepada Indonesia. Demi mengekalkan hubungan persaudaraan yang baik dan aman, Khir Johari telah bersetuju. Tetapi persetujuan diberi dengan syarat apabila Dr. Subandrio memberi ucapan untuk mempelawa negeri-negeri Colombo Plan menghadiri persidangan yang akan diadakan di Indonesia, Subandrio hendaklah menyebut bahawa Tanah Melayu yang mula-mula hendak menjadi tuan rumah tetapi disebabkan Indonesia ingin menjadi tuan rumah maka Tanah Melayu memberi peluang kepada pihaknya. Dr. Subandrio bersetuju dengan syarat ini akan tetapi semasa membuat ucapan, beliau tidak menepati janjinya itu.[57] Tindakan Dr. Subandrio itu seolah-olah memperkecilkan jasa baik Tanah Melayu yang telah memberi peluang supaya hubungan Indonesia-Tanah Melayu tidak menjadi tegang.

---

53 *Ibid.*, hlm. 6. Lihat juga *Straits Times*, 28 April 1963 dan 17 Mei 1963.

54 *Parliamentary Debates*, 12 Mac 1963, lajur 4132.

55 *Ibid.*, lajur 4131.

56 *Ibid.*, 13 Mac 1963, lajur 4197.

57 *Ibid.*, lajur 4198.

Masalah kelima adalah tentang pemberontakan Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI).[58] Pemberontakan ini yang berpangkalan di Padang, Sumatera Barat, meletus pada tahun 1958 untuk menentang kerajaan pusat di Jakarta. Pemberontakan ini meletus akibat perbezaan pendapat antara kerajaan pusat dengan para pemimpin daerah. Menurut Robert Curtis, dalam rencananya yang bertajuk "Malaysia and Indonesia", faktor utama adalah keinginan komander-komander tentera daripada beberapa bahagian Sumatera dan Sulawesi untuk menubuhkan kerajaan kerantauan yang bebas daripada kerajaan pusat di Jakarta.[59] Menurut Benjamin dan Jean Higgins, pemberontakan ini juga berpunca akibat daripada masalah ekonomi di Indonesia.[60] Kadar inflasi dan hutang negara Indonesia telah meningkat akibat perbelanjaan besar yang diperuntukkan bagi pihak tentera untuk membebaskan Irian Barat daripada penjajah Belanda. Marvin Ott pula berpendapat bahawa pemberontakan ini adalah bertujuan untuk menentang rejim Jakarta yang didominasikan oleh orang Jawa. Pihak PRRI merupakan kumpulan yang konservatif, yang berpegang teguh kepada agama Islam, lebih pro-Barat, dan terdiri daripada orang bukan Jawa.[61] PRRI juga bertujuan untuk menghapuskan pengaruh komunis dalam kerajaan Indonesia.[62] Sementara Arnold Bracknam dalam bukunya, *Southeast Asia's Second Front*,

---

58 Pemberontakan PRRI dipimpin oleh Lt. Kol. Ahmad Saleh dan Sjafruddin Prawiranegara, bekas Gabenor Bank Indonesia. Mereka telah mengisytiharkan Republik Indonesia Baru dengan menjadikan Bukit Tinggi sebagai ibu kota PRRI. Pada tempoh yang sama, meletus juga pemberontakan yang sama di Sulawesi yang dikenali sebagai Pemberontakan Permesta atau Perjuangan Semesta (*Universal Struggle*). Sila lihat Justus M. van der Kroef 1958. "Disunited Indonesia", *Far Eastern Survey* Jil. xxvii, No. 4, April, hlm. 49.

Pemberontakan PRRI di Sumatera memberi kesan yang penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Faktor geografi memain peranan penting dalam hal ini. Sumatera dan Tanah Melayu dipisahkan oleh Selat Melaka yang lebarnya cuma dua puluh empat batu sahaja. Ini membolehkan pemberontak-pemberontak tersebut melarikan diri ke Tanah Melayu dengan mudah sekali dan bersembunyi di pulau-pulau bakau di sepanjang pantai Tanah Melayu. Pihak peronda Indonesia dan Tanah Melayu mendapati sukar untuk menghapuskan kegiatan ini. Lihat Amstrong, "The Troubled Birth of Malaysia", hlm. 681.

59 Komander tentera ini mendapat sokongan daripada ahli politik tempatan dan juga penduduk tempatan. Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 21.

60 Benjamin dan Jean Higgins 1958. "Indonesia: Now or Never", *Foreign Affairs*. Jil. 37, No. 1, Oktober, hlm. 158.

61 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 116.

62 Kroef, "Disunited Indonesia", hlm. 49.

berpendapat PRRI bukan merupakan kumpulan pemisah tetapi pemberontakan mereka bertujuan untuk memulihkan sistem berperlembagaan di Indonesia dan mengekalkan Sukarno sebagai Presiden Indonesia. Akan tetapi kerajaan Indonesia di Jakarta telah mengeluarkan mitos bahawa matlamat PRRI adalah untuk berpisah dari Republik Indonesia.[63]

Walau apa pun tujuan PRRI itu, kerajaan Tanah Melayu telah membuat pendirian rasmi untuk tidak campur tangan dalam isu ini pada bulan Mac tahun 1958. Tanah Melayu mengamalkan dasar tidak campur tangan kerana berpendapat bahawa soal pemberontakan PRRI itu merupakan soal dalam negeri Indonesia. Lagipun, kerajaan Indonesia tidak mengisytiharkan "a state of insurgency" kerana isu ini dapat menjadi soal antarabangsa.[64] Walaupun Tanah Melayu menjalankan dasar berkecuali semasa pemberontakan PRRI berlaku, ramai pemberontak PRRI telah masuk dan keluar dengan bebas dari Tanah Melayu dan Singapura.[65] Mereka juga mendapat simpati dari Tanah Melayu. Kebebasan anggota PRRI keluar-masuk Tanah Melayu telah dikritik oleh pihak Indonesia. Akhbar-akhbar Indonesia menuduh Tanah Melayu memberi perlindungan kepada para pemberontak PRRI. Tuduhan-tuduhan ini ditolak oleh Kuala Lumpur. Duta Tanah Melayu ke Indonesia, Senu Abdul Rahman, memberitahu akhbar *Waspada* bahawa tidak adanya bukti yang menunjukkan Tanah Melayu memberi perlindungan kepada para pemberontak Indonesia itu. Tanah Melayu tidak menghalang anggota PRRI keluar-masuk ke Tanah Melayu kerana tidak ada undang-undang yang boleh menghalang mereka masuk ke wilayah Tanah Melayu.[66] Beliau menegaskan bahawa sikap Tanah Melayu itu tidak bermakna Tanah Melayu memberi perlindungan kepada para pemberontak.

Kerajaan Indonesia kemudian meminta Tanah Melayu mengambil langkah-langkah luar biasa untuk membantu kerajaan Indonesia mem-

---

63 Arnold Brackman 1963. *Southeast Asia's Second Front: The Power Struggle in the Malay Archipelago*. New York: Frederick A. Praeger, hlm. 98. Menurut Brackman, "The Padang Ultimatum, 10 February, 1958, appealed to Hatta and to the Sultan of Jogjakarta to establish a national working cabinet pending general election, and to Sukarno to "resume his Contitutional Status", since that Djakarta and its opologists have promoted the myth that the objective of the rebellion was to dismember the Indonesia Republic".

64 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 4 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 29.

65 Mackie 1974. *Konfrontasi: The Dispute of Malaysian–Indonesian Relation*. Kuala Lumpur: OUP, hlm. 29 dan juga Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 16.

66 *Antara Daily News Bulletin*, 22 Mei 1958.

banteras pemberontakan.[67] Misalnya, kerajaan Tanah Melayu diminta menghalang kemasukan para pemberontakan PRRI ke wilayahnya. Tetapi Tanah Melayu menolak tuntutan Indonesia dengan alasan bahawa selagi para pemberontak PRRI menggunakan dokumen perjalanan dan pasport Indonesia yang sah, Tanah Melayu tidak menyekat kemasukan mereka.[68] Pihak Indonesia pula tidak mengharamkan pasport para pemberontak kerana tindakan yang sedemikian akan dianggap sebagai pengiktirafan pihak kerajaan Indonesia tentang kewujudan keadaan pemberontakan di Indonesia.[69]

Berikutan daripada kegagalan pemberontakan pada pertengahan tahun 1958, lebih kurang 30 orang pemimpin pemberontakan termasuk pemimpin-pemimpin parti Masjumi dan Parti Sosialis Indonesia telah melarikan diri ke Tanah Melayu dan memohon perlindungan politik.[70] Mereka dibantu oleh rakyat Tanah Melayu keturunan Sumatera yang bersimpati dengan perjuangan PRRI.[71] Pelarian-pelarian yang penting termasuklah Profesor Sumitro (bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian Indonesia), Kolonel Des Alwi dan Kolonel A.E. Kawilarang.[72] Para pelarian ini lebih rela meminta perlindungan politik di Tanah Melayu daripada menyerah diri kepada kerajaan Indonesia yang belum menawarkan pengampunan kepada mereka. Kerajaan Tanah Melayu memberi perlindungan politik kepada para pelarian tersebut dengan syarat tidak akan terlibat dalam kegiatan menentang kerajaan Indonesia, yang boleh menjejaskan hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia. Perlindungan atau suaka politik yang diberi adalah bersesuaian dengan pelaksanaan undang-undang antarabangsa. Tunku Abdul Rahman telah memberi perlindungan tersebut atas faktor kemanusiaan yang tulen.[73] Sebaliknya, kerajaan Indonesia berpendapat bahawa pemberian perlindungan itu merupakan sokongan Tanah Melayu terhadap pemberontakan PRRI.[74]

Semasa lawatan Tun Abdul Razak ke Indonesia pada bulan No-

---

67 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 4.

68 *Ibid.*, hlm. 5 dan Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 16.

69 Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 16 dan 17.

70 *The Malay Mail*, 2 Jun 1963. Parti Masjumi dan Parti Sosialis Indonesia telah diharamkan oleh Presiden Sukarno. Lihat Brackman, *Southeast's Second Front*, hlm. 95.

71 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 117.

72 *Ibid.*, lihat juga Armstrong, "The Troubled Birth of Malaysia", hlm. 681.

73 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5.

74 Lihat B.K. Gordon 1966. *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia*. New Jersey: Prentice-Hall, hlm. 87.

vember 1958, soal memberi perlindungan politik kepada pemberontakan PRRI telah timbul. Tun Abdul Razak berkata bahawa kerajaan Tanah Melayu akan menamatkan pemberian suaka politik jika kerajaan Indonesia memberi senarai nama pemberontak dan membatalkan dokumen perjalanan mereka.[75] Cadangan ini dikemukakan oleh Tun Abdul Razak kerana Tanah Melayu ingin mengekalkan persahabatan dengan Indonesia. Cadangan Tun Abdul Razak disambut baik oleh pihak Indonesia, terutamanya oleh Duta Indonesia ke Tanah Melayu. Kerajaan Indonesia menyediakan satu senarai seperti yang diminta oleh Kuala Lumpur. Apabila kerajaan Indonesia membatalkan pasport mereka yang dipercayai terlibat dalam pemberontakan maka Tanah Melayu menolak kemasukan mereka ke Tanah Melayu.[76]

Menyentuh hal ini, agensi berita rasmi Indonesia, *Antara Daily News Buletin*, melaporkan bahawa Tanah Melayu dan Singapura membuat keputusan bersama supaya tidak akan membenarkan pemberontak Indonesia masuk ke wilayah mereka.[77] Sungguhpun Tanah Melayu bekerjasama dengan Indonesia tetapi konflik tetap wujud dalam kerjasama mereka. Merujuk senarai rakyat Indonesia yang dibatalkan dokumen perjalanan, didapati bahawa ramai antara mereka yang disenaraikan itu telah pun diberi perlindungan politik oleh Tanah Melayu sebelum pihak Indonesia membatalkan pasport mereka.[78] Oleh sebab mereka sudah diberi perlindungan politik sebelum kerajaan Indonesia memberi senarai pembatalan dokumen perjalanan, maka Tanah Melayu tidak mengambil sebarang tindakan untuk menghantar balik mereka ke Indonesia.[79] Kerajaan Indonesia sangat mengharapkan pemberontak yang diberi perlindungan politik dihantar pulang oleh Tanah Melayu tetapi Tanah Melayu tidak berbuat demikian. Akibatnya, hubungan Tanah Melayu–Indonesia bertambah dingin. Di samping itu, pihak Kedutaan Indonesia telah membuat pemeriksaan ke atas rakyat Indonesia yang menetap di negeri-negeri utara Tanah Melayu (Pulau Pinang dan Perlis) dengan tujuan untuk memastikan orang Indonesia yang berada di sana tidak menjalankan aktiviti bagi pihak pemberontak.[80] Pemeriksaan tersebut adalah untuk mengelakkan sebarang kegiatan propemberontak dijalan-

---

75 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy," hlm. 118.

76 *Ibid.*, lihat juga Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 29 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5.

77 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Februari 1959.

78 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 118.

79 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 29.

80 *Antara Daily News Bulletin*, 6 Januari 1959.

kan oleh rakyat Indonesia. Jurucakap Kedutaan Indonesia berkata adalah menjadi harapan kami (Indonesia) untuk mengekalkan keharmonian dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia.[81]

Masalah pemberontakan ini memuncak apabila polis marin Tanah Melayu menahan sebuah bot yang membawa 30 orang pemberontak Indonesia ke perairan Tanah Melayu, berhampiran Sungai Krian. Mereka telah dibawa ke Pulau Pinang untuk dibicara atas tuduhan memasuki wilayah Tanah Melayu secara haram dan memiliki senjata api secara haram.[82] Kerajaan Indonesia telah mengemukakan tuntutan rasmi kepada kerajaan Tanah Melayu supaya menyerahkan 30 orang pemberontak kepada pihak Indonesia. Kerajaan Tanah Melayu tidak menunaikan permintaan Indonesia kerana kalau 30 orang itu dianggap sebagai pemberontak, maka mereka berhak untuk memohon perlindungan politik mengikut undang-undang antarabangsa. Penyerahan itu juga bermakna pengiktirafan akan wujudnya pemberontakan di Indonesia.[83] Pada masa yang sama, kerajaan Indonesia tidak mengiktiraf kewujudan pemberontakan di negaranya. Sekiranya kumpulan itu tidak dianggap sebagai pemberontak, maka Tanah Melayu enggan menyerahkan mereka kepada Indonesia, kerana kedua-dua negara tidak mempunyai perjanjian penyerahan.[84] Menteri Luar Negeri Tanah Melayu, Dato' Dr. Ismail, memberi jawapan rasmi tentang para pemberontak tersebut kepada Duta Besar Indonesia ke Tanah Melayu, Dr. Mohd. Razif, seperti yang berikut:

> "With regard to the request by the Indonesia Government that the prisoners should be handed over, this cannot be done, since this matter must be treated in accordance with the established principles of international law and code of international conduct by which the Federation, as an independent country and a member of the United Nations, is bound to uphold and so because there was no extradition agreement between the two countries."[85]

Pada masa yang sama, akhbar-akhbar di Jakarta telah mendesak kerajaan Tanah Melayu untuk menyerahkan 30 anggota PRRI kepada kerajaan Indonesia. Kenyataan dalam lidah pengarang akhbar-akhbar

---

81 *Ibid.*

82 *Ibid.*, 8 Januari 1960.

83 Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 17 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5

84 *Ibid.*, lihat juga *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5.

85 *Antara Daily News Bulletin*, 12 Januari 1960.

Indonesia merumitkan lagi hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Akhbar *Indonesia Observer* menulis:

> "The friendly relations between Indonesia and Malaya are put under severe strain at the moment by the refusal of the latter to hand over 30 armed rebels detained by Malaya Police authorities to the Indonesia Government. It is hoped that the Federation of Malaya Government realizes the importance of keeping high the spirit of treaty of friendship and consequently does not resort to juridical hairsplitting in finding a solution for the case of armed rebels."[86]

Sementara itu, akhbar *Straits Times* pula mengkritik permintaan kerajaan Indonesia terhadap para pemberontak tersebut. *Straits Times* berkata bahawa ketiadaan perjanjian penyertaan bukanlah sebab Tanah Melayu tidak menyerahkan para pemberontak tersebut kepada pihak Indonesia tetapi pihak Indonesia sendiri tidak mengetahui mereka yang terlibat dan juga apa-apa maklumat tentang mereka kecuali keterangan yang diberikan oleh para pemberontak yang dalam perjalanan dari Riau ke Aceh.[87]

Para pemberontak itu telah dibicarakan di Mahkamah Pulau Pinang. Dalam keterangan di mahkamah, Johannes Chuldi, jurucakap bagi para pemberontak berkata, beliau dan rakan-rakannya tidak berniat untuk membawa senjata ke Tanah Melayu. Mereka memasuki perairan Tanah Melayu semasa perjalanan dari Riau ke Aceh kerana bot mereka telah rosak dan angin kencang telah menukar haluan perjalanan mereka.[88] Mahkamah Pulau Pinang menjatuhi hukuman penjara enam bulan dan mendenda $100 setiap seorang untuk kesalahan pertama dan denda $125 setiap seorang, dan penjara sebulan bagi kesalahan kedua.[89]

---

86 *Antara Daily News Bulletin*, 11 Januari 1960.

87 Lihat *Straits Times*, 23 Januari 1960 dan *Antara Daily News Bulletin*, 25 Januari 1960.

88 *Antara Daily News Bulletin*, 14 Januari 1960.

89 *Antara Daily News Bulletin*, 8 Februari 1960. Pada bulan Mei 1960, 30 orang pemberontak dibebaskan dan diberi pas sementara untuk tinggal di Pulau Pinang tetapi mahkamah telah melarang mereka memasuki Semenanjung Tanah Melayu. Sementara itu, kerajaan Tanah Melayu menolak permintaan mereka untuk mendapatkan perlindungan politik sebagai mematuhi janji yang diberikan oleh Tun Abdul Razak kepada kerajaan Indonesia semasa lawatannya pada tahun 1958. Oleh sebab Tanah Melayu tidak memberi perlindungan politik, maka 22 daripada 30 orang pemberontak telah memohon perlindungan politik di Thailand dan lapan orang lagi telah balik ke Indonesia. Lihat *Antara Daily News Bulletin*, 8 Februari 1960 dan 12 Mei 1960.

Dalam usahanya untuk mendapatkan 30 orang pemberontak itu, kerajaan Indonesia telah meminta kerajaan Tanah Melayu untuk mengadakan satu perjanjian penyerahan yang melibatkan para pesalah politik. Permintaan Indonesia telah ditolak oleh Tanah Melayu kerana dalam undang-undang antarabangsa, tidak termaktub untuk menyerahkan para pesalah politik.[90] Perselisihan antara Tanah Melayu dan Indonesia masih berterusan apabila sekumpulan diplomat Indonesia di Eropah yang menyokong pemberontakan PRRI telah meminta perlindungan politik di Tanah Melayu. Pada mulanya Tanah Melayu telah menolak permohonan mereka tetapi selepas memohon beberapa kali, mereka diberi perlindungan politik atas dasar perikemanusiaan dengan syarat mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti politik.[91] Antara mereka ada yang berpeluang bercakap di Radio Malaya dan mereka menggunakan kesempatan ini untuk mempropaganda perjuangan PRRI akan tetapi kerajaan Tanah Melayu menolak dakwaan tersebut.[92]

Pendirian Tanah Melayu tidak campur tangan dalam soal pemberontakan PRRI dipertikaikan oleh pihak Indonesia. Pemberian perlindungan politik kepada para pemberontak yang melarikan diri ke Tanah Melayu dan keengganan Tanah Melayu mengadakan perjanjian penyerahan yang melibatkan penyerahan penjenayah politik dengan Indonesia dilihat oleh Indonesia sebagai sokongan yang diberikan oleh Tanah Melayu kepada pemberontakan PRRI. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, menuduh bahawa Tunku Abdul Rahman telah memberi semua jenis bantuan kepada pihak pemberontak dengan harapan Sumatera dapat digabungkan dengan Tanah Melayu.[93] *Antara Daily News Bulletin*, melaporkan bahawa pemimpin PRRI di Tanah Melayu bekerjasama rapat dengan Tunku Abdul Rahman untuk menyatukan Sumatera dengan Tanah Melayu. Akhbar tersebut juga melaporkan bahawa terdapat persediaan baru untuk aktiviti subversif.[94] Menurut Dr. Subandrio, tujuan Tunku Abdul Rahman adalah untuk memisahkan Sumatera daripada orbit Jakarta dan menyatukannya dalam orbit Tanah Melayu dan Singapura supaya dapat mengimbangi penduduk bangsa Melayu

---

90 Sila lihat subtajuk *Isu Penting dalam Hubungan Politik* untuk keterangan lanjut tentang perjanjian ekstradisi.

91 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 6 dan juga Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy," hlm. 119.

92 Armstrong, "The Troubled Birth of Malaysia", hlm. 681.

93 Gordon, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 88.

94 *Ibid.*

dengan penduduk Cina di Tanah Melayu.[95] Menyentuh soal penyatuan Tanah Melayu dan Sumatera, terdapat pandangan daripada penduduk Sumatera sendiri bahawa Sumatera akan mencapai kemakmuran yang tinggi jika telah bersatu dengan Tanah Melayu.[96]

Konsul Jeneral Indonesia di Singapura, iaitu Brigedier Jeneral Gusti Djatikusomo telah secara terus terang dan tidak berdiplomatik memberi ucapan-ucapan yang menentang pemberontakan dan mereka yang bersimpati dengan pemberontakan di Singapura dan Tanah Melayu. Beliau juga menggalakkan orang Melayu di Tanah Melayu dan Singapura mengenali diri mereka sebagai rakyat Indonesia. Djatikusomo menghubungi pelbagai kumpulan pro-Indonesia dan menyediakan kumpulan-kumpulan tersebut sebagai organisasi perisikan.[97] Kerajaan Tanah Melayu mengikuti kegiatan Djatikusomo dengan rapi supaya tidak mengancam keselamatan Tanah Melayu.[98]

Satu lagi aspek yang menimbulkan ketegangan dalam isu PRRI adalah soal penyeludupan. Para pemberontak PRRI telah menyeludup bahan-bahan pengeluaran penting Sumatera termasuk getah, lada hitam, tembakau dan kelapa sawit.[99] Kerajaan pusat telah kehilangan sejumlah besar pertukaran asing dan duti kastam akibat perbuatan pemberontak PRRI mahupun Permesta yang menyeludup barang-barang keluaran Indonesia ke pelabuhan-pelabuhan di Singapura dan Tanah Melayu.[100] Kegiatan penyeludupan ini telah menguntungkan para pengusaha kapal dan saudagar-saudagar di Singapura. Kerajaan Indonesia mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan penyeludupan yang dilakukan oleh pemberontak PRRI, misalnya mengharamkan perdagangan *barter* yang berlangsung antara Indonesia dan Tanah Melayu serta Singapura. Tentera Laut Indonesia pula menyekat tongkang-tongkang yang terlibat dalam perdagangan *barter* dan menahan para saudagar Cina yang berkenaan dalam kegiatan ini.[101] Di samping itu, tentera laut Indonesia menahan dan mengancam bot-bot nelayan Tanah Melayu di Selat Me-

---

95 *Parliamentary Debates*, 11 Mac 1963, lajur 3962 dan Curtis, "Malaysian and Indonesia", hlm. 21.

96 Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 21.

97 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 30. Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 121.

98 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 122.

99 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 30 dan *Antara Daily News Bulletin*, 3 Januari 1958.

100 Hindley, "Indonesia's Confrontation with Malaysia", hlm. 907 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 39.

101 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Januari 1958, 14 Mei 1958 dan 4 Oktober 1961.

laka atas alasan mereka bergiat dalam penyeludupan. Duta Indonesia, Dr. Mohd. Razif, telah meminta kerajaan Kuala Lumpur menghapuskan penyeludupan di Selat Melaka.[102]

Sungguhpun Tanah Melayu dan Singapura terlibat dalam penyeludupan ini, tetapi Singapura merupakan pusat penyeludupan yang penting. Kerajaan Tanah Melayu dan pihak berkuasa British di Singapura telah dituduh tidak berusaha membanteras penyeludupan oleh Indonesia. Pihak British khususnya membisu dalam hal ini kerana kegiatan penyeludupan sangat menguntungkan ekonomi Singapura.[103] Para pemberontak ini membeli senjata untuk perjuangan mereka dengan hasil penyeludupan mereka di Singapura kerana Singapura merupakan pusat tempat pertemuan bagi pemberontak PRRI.[104] Selain itu, para pemberontak juga mendapat bantuan dari Taiwan dan pihak Barat, khususnya Amerika Syarikat. Kebanyakan daripada bantuan ini disalurkan melalui *Central Intelligence Agency* (CIA).[105] Bantuan juga diterima secara sulit dari Tanah Melayu tetapi Tanah Melayu bukan pembekal senjata yang penting bagi PRRI.[106]

Pemberontakan PRRI dapat dipatahkan pada pertengahan tahun 1958 oleh tentera Indonesia di bawah pimpinan Jeneral Nasution. Walau bagaimanapun, pemberontakan secara kecil-kecilan masih berterusan sehingga tahun 1962. Selepas mematahkan pemberontakan secara besar-besaran, kerajaan Indonesia telah menawarkan pengampunan kepada para pemberontak yang mendapat perlindungan politik di Tanah Melayu. Kebanyakan daripada pemberontak itu menerima pengampunan tersebut dan pulang ke Indonesia, dan cuma sebilangan kecil sahaja yang menetap di Tanah Melayu. Isu pemberontakan PRRI telah menimbulkan konflik dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia kerana pihak Indonesia menganggap jirannya menyokong pemberontakan tersebut dengan memberi perlindungan politik kepada para pemberontak dan enggan mengadakan perjanjian penyerahan yang melibatkan penjenayah

---

102 *Ibid.*, 24 Januari 1958.

103 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 143.

104 Para pemberontak PRRI membeli senjata di Singapura dan di sempadan Tanah Melayu–Thailand dengan hasil penjualan bahan mentah Sumatera. Sila lihat Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 117; Gullick, *Malaysia: Its Political and Economics Development*, hlm. 20 dan Dalton, "The Development of Malaysian External Policy", hlm. 143.

105 Curtis, "Malaysia and Indonesia", hlm. 21 dan Hindley, "Indonesia's Confrontation with Malaysia," hlm. 907.

106 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 144.

politik. Keengganan ini disalah faham oleh pihak Indonesia sebagai sokongan yang diberikan kepada pemberontakan PRRI.

Isu tuntutan Irian Barat[107] oleh Indonesia menjadi isu politik yang terakhir dan terpenting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Tuntutan ini menjadi masalah dalam hubungan kedua-dua negara berikutan pendirian Tanah Melayu yang berkecuali, apabila Indonesia membawa isu Irian Barat ke dalam agenda mesyuarat PBB pada bulan September 1957 dengan harapan Tanah Melayu menyokong usulnya. Menurut kerajaan Tanah Melayu, pihaknya berkecuali dalam hal ini kerana inilah kali pertama perwakilan Tanah Melayu menghadiri perbincangan dalam

---

107 Semasa Rundingan Meja Bulat diadakan pada tahun 1949 untuk menyerahkan kedaulatan Kepulauan Indonesia daripada pihak Belanda kepada Republik Indonesia, soal Irian Barat tidak diselesaikan sepenuhnya. Dalam Artikel 2, perjanjian pemindahan kedaulatan Indonesia menyatakan bahawa, *status quo* kedudukan Irian Barat akan diselesaikan dalam setahun dari tarikh pemindahan kedaulatan kepada Indonesia. Pihak Belanda menganggap kawasan Irian Barat sebagai satu kawasan yang berasingan dari Indonesia berdasarkan perbezaan kaum dan bangsa. Belanda berpendapat bahasa dan bangsa kaum Papua adalah berbeza daripada rumpun dan bangsa Indonesia. Pihak Indonesia pula menganggap Irian Barat sebagai sebahagian dari Indonesia berasaskan bekas tanah jajahan Belanda di Hindia Timur iaitu dari Sabang ke Merauke. Dalam ucapan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1950, Sukarno berkata, "Irian is also Indonesia territory, not tomorrow, not the day after tomorrow, but now, at this very moment. The Dutch de facto authority over Irian is recognized for this year only". Walau bagaimanapun, Belanda tidak berhasrat untuk meninggalkan Irian Barat dan cuba menguasai Irian seberapa lama yang boleh. Rundingan yang diadakan di sepanjang tempoh tahun 1950–1953 telah gagal mencapai persetujuan. Tambahan pula, Amerika Syarikat bersikap berkecuali dalam hal ini kerana Belanda adalah sekutu tentera Amerika dalam NATO (*North Atlantic Treaty Organization*). Keadaan ini membenarkan pengaruh komunis meluas di Indonesia. Antara tahun 1954–1957, Indonesia telah berusaha membawa isu Irian Barat ke agenda Perhimpunan Agung PBB tetapi gagal kerana Indonesia tidak mendapat undi majoriti dua pertiga. Ini kerana negara Barat menentang usul Indonesia; cuma negara-negara blok komunis dan Afro-Asia menyokong Indonesia. Oleh itu, sikap anti-Barat meluas di Indonesia. Parti Komunis Indonesia (PKI) telah membentuk Biro Irian Barat untuk menggembleng sokongan rakyat Indonesia dalam tuntutan kembali Irian Barat. Sila lihat Leifer, *Indonesia's Foreign Policy*, hlm. 29–35; J.R. Angel, "Indonesian Foreign Policy Since Independence", *The Year Book of World Affairs 1977*, London Institute of World Affairs, hlm. 134–139; Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesia Foreign Policy, 1945–1965*, hlm. 79–108; John M. Reinhardt, *Foreign Policy and National Integration: The Case of Indonesia*, Monograf No. 17, Yale University Southeast Asia Studies, 1971, hlm. 68–69 dan Bernhard Dahm 1988. *Sejarah Indonesia Abad Kedua Puluh*. (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 186–187.

Perhimpunan PBB dan Tanah Melayu baru tiga hari menjadi ahli PBB.[108]

Akan tetapi pendirian Tanah Melayu telah disalahertikan oleh pihak Indonesia yang menganggap Tanah Melayu tidak menyokong perjuangan Indonesia menuntut Irian Barat. Akhbar-akhbar Indonesia telah mengecam pendirian berkecuali Tanah Melayu terhadap isu Irian tersebut. Akhbar *Indonesian Observer* misalnya, mengkritik seperti yang berikut:

> "All is well if only the Indonesian Government would realize that Malaya, although similar in many respects to Indonesia, has her own interests in her struggle for survival. We should have refrained from too much enthusiasm when Malaya received her Independence."[109]

Sementara itu, akhbar *Times of Indonesia* pula berasa hairan terhadap pendirian Tanah Melayu dan menyatakan bahawa kesemua 21 negara Afro-Asia, kecuali Farmosa, Laos dan Tanah Melayu, telah menyokong resolusi Indonesia.[110] Akhbar *Utusan Melayu* di Kuala Lumpur mengemukakan pandangan bahawa pendirian berkecuali oleh Tanah Melayu terhadap soal Irian Barat telah memberi satu gambaran yang salah terhadap Tanah Melayu. Menurut akhbar itu, Irian Barat masih diperdebatkan di PBB dan ini akan memberi peluang kepada Tanah Melayu untuk membuktikan bahawa ia mengamalkan dasar berbaik-baik dengan jirannya, iaitu Indonesia.[111]

Ketua perwakilan Tanah Melayu di PBB, Dato' Dr. Ismail menjelaskan kepada Dr. Ali Sastromidjoyo, wakil tetap Indonesia di PBB, tentang pendirian berkecuali Tanah Melayu dalam isu Irian Barat. Merujuk kepada kedua-dua sebab yang dikemukakan oleh kerajaannya, Dato' Dr. Ismail menjelaskan bahawa Tanah Melayu baru sahaja menyertai PBB, tidak mahir dalam cara pengundian badan dunia itu dan hendak mengkaji dengan lebih mendalam soal Irian Barat. Menurut Dr. Ismail, tujuan berkecuali adalah untuk membolehkan Tanah Melayu mencari jalan yang sesuai supaya menyokong Indonesia.[112]

---

108 Sila lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 31; Peter Boyce 1968. *Malaysia and Singapore in International Diplomacy: Document and Comentaries*. Sydney: Sydney University Press, hlm. 54; dan Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 145.

109 *Antara Daily News Bulletin*, 2 Oktober 1957 dan juga Hazra, "Malaya's Foreign Relations", hlm. 161.

110 *Antara Daily News Bulletin*, 2 Oktober 1957.

111 *Ibid.*, 9 Oktober 1957.

112 *Parliamentary Debates*, 12 Mac 1963, lajur 4122–4123

Selain alasan-alasan yang dikemukakan, Tunku Abdul Rahman pula menjelaskan bahawa Tanah Melayu berkecuali dalam isu Irian Barat disebabkan oleh faktor dalam negeri. Rakyat Tanah Melayu terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan setiap bangsa mempunyai pendirian yang berbeza daripada bangsa yang lain terhadap sesuatu isu. Oleh itu, apa jua tindakan yang diambil di PBB oleh Tanah Melayu akan menjejaskan kepentingan mana-mana kumpulan rakyat Tanah Melayu. Atas sebab ini, wakil Tanah Melayu di PBB akan mengundi dalam isu-isu yang berkaitan langsung dengan Tanah Melayu sahaja sedangkan dalam isu-isu yang lain Tanah Melayu akan bersikap berkecuali.[113]

Alasan etnik yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman tidak diterima oleh akhbar *Times of Indonesia*. Menurut akhbar itu, penjelasan Tunku Abdul Rahman tidak munasabah kerana rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu tidak menentang sokongan kerajaan mereka bagi Indonesia dalam isu Irian Barat.[114] Ini kerana soal Irian Barat tidak menjejaskan kepentingan bangsa-bangsa di Tanah Melayu. Sementara itu, akhbar *Merdeka* pula merasa hairan dan kecewa dengan pendirian berkecuali Tanah Melayu kerana negara-negara yang baru merdeka, seperti Ghana, Tunisia dan Moroko, menyokong usul yang dibawa oleh Indonesia. Tetapi Tanah Melayu yang sebangsa dengan Indonesia serta mempunyai pertalian darah mengambil sikap berkecuali telah mengecewakan pihak Indonesia.[115]

Pendirian berkecuali oleh Tanah Melayu pada sesi PBB yang ke-12, mesyuarat 682 terhadap usul Indonesia, membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat PBB, telah menimbulkan perselisihan antara kedua-dua negara. Tetapi lima tahun berikutnya Tanah Melayu telah menyokong Indonesia menuntut Irian Barat sehingga tuntutan itu selesai.[116] Pada 26 November 1959, buat kali terakhir Indonesia telah membawa usul Irian Barat ke Perhimpunan Agung PBB tetapi gagal menerima undi dua pertiga.[117] Dalam pengundian pada 26 November itu, Tanah

---

113 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Oktober 1957.

114 *Ibid.*

115 *Straits Budget*, 2 Oktober 1957 dan juga Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 145.

116 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 31.

117 *Britannica Book of The Year Book 1958*, hlm. 247. Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio, telah memberi amaran bahawa Indonesia tidak ada pilihan lain untuk mendapat Irian Barat kecuali di luar PBB. Berikutan kegagalan mendapat majoriti dua pertiga, pihak Indonesia telah mengambil tindakan keras terhadap Belanda dan melancarkan kempen anti-Belanda. Kerajaan Indonesia melarang kapal terbang ke-

Melayu telah menyokong Indonesia akan tetapi sokongannya itu tidak mencukupi bagi Jakarta meminta PBB untuk menyelesaikan isu Irian Barat.

Kegagalan kerajaan Indonesia untuk membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat Perhimpunan Agung PBB telah memberi peluang kepada Parti Komunis Indonesia (PKI) untuk meluaskan pengaruhnya di Indonesia. Semua pihak dan parti di Indonesia telah menyokong tuntutan Irian Barat sebagai tuntutan kebangsaan Indonesia tetapi Presiden Sukarno dan PKI telah mengeluarkan suara yang lantang menyokong tuntutan tersebut. Dengan memberi sokongan yang kuat kepada Sukarno dalam menuntut Irian Barat, PKI dapat membentuk satu pandangan yang baik di kalangan rakyat Indonesia terhadap usahanya yang menentang imperialisme Barat.[118] Perkembangan di Indonesia telah membawa kebimbangan kepada Tanah Melayu dari dua segi; pertama, kemungkinan peperangan terbuka akan meletus antara Indonesia dengan Belanda dan kedua, kemungkinan Jakarta akan meminta bantuan negara-negara komunis kerana PKI mempunyai pengaruh yang kuat dalam kerajaan Indonesia.[119]

Pada tahun 1958 dan tahun 1959, perjuangan Indonesia mendapatkan Irian Barat tidak diberi tumpuan yang sepenuhnya oleh kerajaan Indonesia kerana terdapat pemberontakan PRRI dan Permesta. Perhatian sepenuhnya hanya dapat diberikan selepas pemberontakan PRRI dan Permesta dihapuskan pada tahun 1960. Sebagai langkah pertama, Indonesia menamatkan hubungan diplomatiknya dengan Belanda pada 17 Ogos 1960. Tentera Indonesia yang bersikap antikomunis berminat untuk membeli senjata dari Amerika bagi menguatkan lagi kempen Irian Barat. Bagi tujuan tersebut, pada bulan Oktober 1960, Jeneral Nasution, Menteri Pertahanan Indonesia telah mengunjungi Washington tetapi gagal mendapatkan bantuan Amerika kerana Amerika bersikap berke-

---

punyaan Syarikat Penerbangan Belanda (KLM) mendarat di Indonesia. Tentera Indonesia pula telah mengambil alih syarikat-syarikat Belanda. Sementara itu, Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia (SOBSI) yang dipengaruhi PKI juga telah mengambil alih syarikat-syarikat Belanda dan melancarkan mogok. Kerajaan Indonesia telah memaksa 48 000 orang Belanda meninggalkan Indonesia tetapi dakwaan ini dinafikan oleh Indonesia yang meminta dengan sopan supaya rakyat Belanda meninggalkan Indonesia. *Ibid.*, dan juga Angel, "Indonesian Foreign Policy", hlm. 53.

118 Mohd. Hatta 1958. "Indonesia Between the Power Blocs", *Foreign Affairs*, Jil. XXXVI, No. 3, April, hlm. 486–7; dan juga Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 140.

119 *Malay Mail*, 2 Jun 1963.

cuali dalam soal Irian Barat. Oleh itu, Nasution pergi ke Moscow pada bulan Disember 1960 dan berjaya mendapat bantuan ketenteraan dari Soviet Union. Antara tahun 1961 hingga tahun 1962, Soviet Union telah memberi bantuan ketenteraan sebanyak satu bilion (AS Dolar) kepada Indonesia.[120]

Memandangkan keadaan semakin genting antara Belanda dengan Indonesia di Irian Barat, Tunku Abdul Rahman menawarkan jasa baiknya menjadi orang tengah untuk menyelesaikan isu tersebut. Tunku Abdul Rahman menawarkan perkhidmatannya sebagai orang tengah adalah kerana:

> "I fear the trouble will explode into open conflict unless a settlement is reached. Such a conflict would not be contained but would involve other countries. The Communists would undoubtedly exploit the situation as they always do at such times."[121]

Di samping itu, jika berlaku konflik terbuka antara Indonesia dengan Belanda di Irian Barat, maka ini akan melibatkan semua negara di rantau ini, khususnya Tanah Melayu kerana merupakan jiran yang rapat dengan Indonesia. [122]

Oleh yang demikian, pada 20 September 1960, Tunku Abdul Rahman menulis surat kepada Presiden Sukarno untuk mengetahui sama ada Tanah Melayu boleh membawa penyelesaian dalam masalah Irian Barat yang mengancam keselamatan dan keamanan Asia Tenggara. Tunku Abdul Rahman juga menerangkan bahawa beliau sudi menjadi orang tengah untuk menyelesaikan persengketaan antara Belanda dengan Indonesia.[123] Surat tawaran daripada Tunku Abdul Rahman tidak dijawab oleh Sukarno kerana beliau berada di luar negeri. Oleh itu, Dr. Djuanda sebagai Pemangku Presiden telah menjawab bahawa pihak Indonesia pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan Tunku Abdul Rahman yang mahu Irian Barat diamanahkan kepada PBB untuk suatu

---

120 Sila lihat Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 140; Justus M. van der Kroef 1961. "Nasution, Sukarno and the West New Guinea Dispute", *Asian Survey*, Jil 1, No. 6, Ogos, hlm. 2023 dan Hindley, "Indonesia's Confrontation Against Malaysia", hlm. 910.

121 *Straits Times*, 15 November 1960.

122 *Parliamentary Debates*, 6 Disember 1960, lajur 3414.

123 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 8. Dalton berpendapat, tawaran Tunku Abdul Rahman menjadi orang tengah dalam pertikaian Irian Barat telah menjadikan isu tersebut sebagai "duri dalam daging" dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Dalton, "The Development of Malaya External Policy", hlm. 148.

tempoh yang tidak melebihi setahun.[124]

Sebelum menulis surat pada 20 September 1960, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan soal Irian Barat dalam Persidangan Menteri Komanwel pada awal tahun 1960 untuk mendapat sokongan Komanwel. Kemudian Tunku Abdul Rahman telah pergi ke The Hague, Belanda untuk berbincang dengan Menteri Luar Negeri Belanda, J.M.A.H. Luns. Tunku Abdul Rahman diberitahu bahawa Belanda sedia menyerahkan pentadbiran Irian Barat kepada badan amanah PBB.[125] Pada bulan September 1960, Tunku Abdul Rahman mengarahkan Senu Abd. Rahman, Duta Tanah Melayu ke Indonesia, untuk berbincang dengan Sukarno tentang pendirian Belanda. Belanda tidak bersetuju menyerahkan kedaulatan Irian Barat terus kepada kerajaan Indonesia tetapi tidak keberatan menyerahkan Irian Barat di bawah amanah PBB.[126]

Dalam suratnya bertarikh 20 September, Tunku Abdul Rahman telah menghuraikan cadangan-cadangannya untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat. Cadangan Tunku Abdul Rahman adalah seperti yang berikut:

(i) Kerajaan Belanda hendaklah bersetuju menyerahkan Irian Barat kepada PBB sebagai sebuah daerah amanah.
(ii) PBB hendaklah menerima daerah ini sebagai daerah amanah untuk ditadbir mengikut cara sistem amanah.
(iii) Amanah itu hendaklah mengandungi satu syarat bahawa Irian Barat akhirnya akan diserahkan kepada Indonesia dengan seberapa segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Majlis Amanah.[127]

Sementara itu, pihak Indonesia telah memberitahu Senu Abd. Rahman, bahawa negara itu tidak membantah penyerahan Irian Barat menerusi PBB selepas PBB menerima pentadbiran Irian Barat dari Belanda. Menurut Indonesia, PBB harus mengambil langkah-langkah yang segera untuk penyerahan Irian Barat kepada Indonesia dalam tempoh kurang daripada satu tahun. Di samping itu, surat jawapan daripada Dr. Djuanda

---

124 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 148.
125 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 126.
126 Surat Tunku Abdul Rahman kepada Sukarno dalam *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 39.
127 *Ibid.*

bertarikh 28 September 1960 juga menekankan bahawa Indonesia mahu amanah PBB di Irian Barat berlangsung bertujuan menyerahkan kedaulatan Irian Barat kepada Indonesia tanpa syarat.[128]

Selain mandat yang diberikan oleh Dr. Djuanda, Jeneral Nasution juga menggalakkan Tunku Abdul Rahman memulakan usaha perdamaian tentang isu Irian Barat semasa beliau berada di Kuala Lumpur.[129] Menurut Tunku Abdul Rahman, Nasution memberi sokongan sepenuhnya.[130] Akhbar-akhbar Indonesia seperti *Times of Indonesia* dan *Indonesian Observer* juga mengalu-alukan tawaran Tunku Abdul Rahman untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat.[131]

Bagi mengadakan perbincangan tentang masalah Irian Barat dengan pemimpin negara-negara Amerika Syarikat, Kanada dan Belanda, pada pertengahan bulan Oktober 1960, Tunku Abdul Rahman telah berangkat ke tempat tersebut. Sewaktu di Amerika dan Kanada, Tunku Abdul Rahman menekankan betapa pentingnya mencari penyelesaian bagi masalah Irian Barat. Tunku menegaskan konflik di Irian Barat akan memberi peluang kepada komunis mengeksploitasi keadaan konflik untuk kepentingan mereka. Tunku Abdul Rahman meminta sokongan moral yang penuh dari Amerika dan Kanada untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat.[132] Tunku Abdul Rahman juga mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung PBB, Dag Hammverskjold, tentang masalah Irian Barat. Tunku telah pergi ke The Hague untuk berbincang dengan Perdana Menteri Belanda, Prof. Jan de Quay; Menteri Luar Negeri, Dr. J.M.A.H. Luns; dan Setiausaha Negara bagi Irian Barat, T.H. Bot. Pada 25 November 1960, kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bersama yang mengatakan bahawa kerajaan Belanda bersedia menyerahkan tanah jajahannya di Irian Barat untuk disiasat dan diadili oleh PBB:

"That the Netherlands Government are willing to subject their policies

---

128 *Ibid.*, hlm. 44.

129 *Times of Indonesia*, 15 Oktober 1963.

130 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Oktober 1960, dan Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 127. Kenyataan Nasution dalam *Straits Times* adalah menghairankan. Nasution berkata, "... there must be no question of a United Nations trusteenship in setting the West Irian question. The Dutch have to return it to us completely and unconditionally". *Straits Times*, 13 Oktober 1960.

131 *Antara Daily News Bulletin*, 19 Oktober 1960.

132 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 8 dan *Asia Recorder: Weekly Digest*, New Delhi, 24–31 Disember 1960, hlm. 3707.

in West Irian to the scruitiny and judgement of the United Nations."[133]

Dalam persidangan akhbar yang diadakan selepas mengeluarkan kenyataan bersama itu, Tunku Abdul Rahman membuat tafsiran bahawa Belanda sedia menerima dan menghormati sebarang pengadilan oleh PBB yang berkaitan dengan masa depan wilayah Irian Barat. Bagi membuat pengadilan, PBB harus menghantar Suruhanjaya Penyiasatan ke Irian Barat. Akan tetapi sebelum Tunku Abdul Rahman berangkat pulang ke Kuala Lumpur, Menteri Luar Negeri Belanda, Luns dalam laporan akhbarnya menyatakan Tunku Abdul Rahman telah membuat interpretasi yang tidak betul terhadap kenyataan bersama mereka. Menurut Luns, Belanda hanya akan membenarkan PBB untuk mengadili dasar Belanda dalam pembangunan Irian Barat.[134]

Sebelum Tunku Abdul Rahman pulang ke Kuala Lumpur, Dr. Subandrio, telah mengecam usaha Tunku Abdul Rahman serta menolak pandangan beliau untuk menghantar suruhanjaya penyiasat PBB ke Irian Barat. Dr. Subandrio berkata, Indonesia tidak mahu isu Irian Barat menjadi isu antarabangsa di bawah PBB. Beliau juga mengatakan bahawa adalah tidak berguna untuk PBB menghantar pesuruhjayanya ke Irian Barat kerana Irian Barat adalah wilayah Indonesia.[135] Perkara yang mengecewakan Tunku Abdul Rahman ialah kritikan Dr. Subandrio bahawa Tunku Abdul Rahman bertindak tanpa berunding dengan pihak berkuasa Indonesia. Kenyataan Dr. Subandrio itu menimbulkan konflik antara kedua-dua negara. Akhbar-akhbar Indonesia melancarkan kempen mengkritik usaha Tunku Abdul Rahman sebagai orang tengah menyelesaikan isu Irian Barat.[136]

Tunku Abdul Rahman memberitahu para wartawan di Kuala Lumpur bahawa beliau tidak mungkin mengumumkan cadangannya kepada awam jika mengetahui lebih awal sikap Dr. Subandrio. Beliau ragu sama ada kerajaan Indonesia juga mempunyai pendirian yang sama dengan Dr. Subandrio.[137] Dalam laporannya tentang usaha perdamaian Irian

---

133 *Straits Times*, 26 November dan juga Dalton, "The Development of Malaya External Policy," hlm. 149.

134 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 128.

135 *Antara Daily News Bulletin*, 29 November 1960. Lihat juga Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 31.

136 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 9, Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 31 dan Armstrong, "The Troubled Birth of Malaysia", hlm. 681.

137 *Asian Recorder*, 24–31 Disember 1960, hlm. 3706.

Barat kepada Presiden Sukarno, Tunku Abdul Rahman telah menerangkan bahawa beliau terkejut dengan bantahan yang dibuat oleh Dr. Subandrio. Tunku Abdul Rahman menjelaskan perbuatan ini telah menimbulkan pandangan buruk di kalangan rakyat Indonesia terhadapnya.[138] Dalam menjawab laporan Tunku Abdul Rahman, Presiden Sukarno berkata bantahan Dr. Subandrio perlu kerana untuk mengekalkan persahabatan kedua-dua negara. Sukarno menerangkan bahawa kenyataan bersama Tunku Abdul Rahman dengan pihak Belanda seolah-olah memaksa Indonesia mengakui kedaulatan Belanda di Irian Barat dan ini akan menimbulkan reaksi yang hebat di kalangan rakyat Indonesia terhadap pemerintah Indonesia dan juga kepada Tunku Abdul Rahman. Oleh itu, Dr. Subandrio membuat bantahan terhadap usaha Tunku Abdul Rahman. Sukarno mengatakan reaksi Indonesia itu tidak sebenarnya ditujukan kepada Tunku Abdul Rahman atau kepada Tanah Melayu tetapi ditujukan kepada kerajaan Belanda.[139]

Sungguhpun begitu, Dr. Subandrio dan pihak media di Indonesia masih meneruskan kritikan mereka dengan mengatakan Tunku Abdul Rahman telah mengambil usaha dalam urusan Indonesia tanpa dijemput. Dr. Subandrio yang memulakan kritikan terhadap usaha Tunku Abdul Rahman berkata, penghantaran Suruhanjaya PBB ke Irian Barat tidak akan menyelesaikan isu Irian Barat. Hanya terdapat satu cara sahaja untuk menyelesaikan isu Irian Barat, iaitu Belanda menyerahkan terus pentadbiran Irian Barat kepada Indonesia.[140] Tunku Abdul Rahman mengulas pandangan Dr. Subandrio seperti yang berikut:

> "If Dr. Subandrio represents the official view of the Indonesian Government, then my next move is to sleep in bed happily."[141]

Bagi Tunku Abdul Rahman, minatnya dalam Isu Irian Barat adalah kerana ingin memelihara keamanan di Asia Tenggara. Akhbar *Suluh Indonesia* menolak menjadikan isu Irian Barat sebagai masalah antarabangsa dan menegaskan, Indonesia boleh mendapat kembali Irian Barat dengan atau tanpa bantuan pihak lain. Akhbar tersebut juga berkata, Indonesia bersyukur jika Tunku Abdul Rahman menyalurkan usahanya

---

138 Lampiran IX dalam *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 47.

139 Lampiran X dalam *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 50.

140 *Asian Recorder*, 24–31 Disember 1960, hlm. 3706 dan 15–21 Januari 1961, hlm. 3736.

141 *Ibid.*, hlm. 3706.

dalam semangat perjuangan Indonesia seperti yang dikatakan oleh Dr. Subandrio bahawa Belanda hendak menyerahkan Irian Barat terus kepada Indonesia tanpa syarat. Akhbar *Berita Indonesia* pula menjelaskan Tunku Abdul Rahman membuang masa dan tenaganya. Akhbar tersebut juga menuduh Tunku Abdul Rahman tidak berunding dengan Presiden Sukarno, Dr. Djuanda, Dr. Subandrio atau pemimpin Indonesia yang lain sebelum menjalankan usaha perdamaiannya. Akhbar *Merdeka* pula menuduh Tunku Abdul Rahman sebagai ejen SEATO dan British. Menurut akhbar tersebut, hanya rakyat dan tentera Indonesia sahaja yang boleh menyelesaikan masalah Irian Barat.[142]

Kerajaan Tanah Melayu telah membantah kritikan-kritikan yang dibuat oleh pihak media Indonesia dan Dr. Subandrio terhadap usaha Tunku Abdul Rahman. Tanah Melayu telah memberitahu Duta Besar Indonesia bahawa surat Dr. Djuanda kepada Tunku Abdul Rahman yang menyokong peranan Tunku Abdul Rahman dalam penyelesaian masalah Irian Barat, akan disiarkan. Berikutan itu, Dr. Subandrio selaku Menteri Luar Negeri Indonesia, telah menghantar surat jawapannya kepada kerajaan Tanah Melayu melalui Suska, pegawai di Kementerian Luar Indonesia.[143] Dalam suratnya yang bertarikh 30 November 1960, Dr. Subandrio menghargai usaha perdamaian yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman.[144] Dr. Subandrio menulis bahawa "Rakyat dan Pemerintah Republik Indonesia sangat menghargai usaha yang mulia itu".[145]

Suska yang berada di Kuala Lumpur berkata, kerajaan Tanah Melayu telah salah faham dengan pendirian Indonesia dalam isu Irian Barat.[146] Menurut Suska, adalah betul bahawa Indonesia pernah bersetuju menyebabkan reaksi yang tidak diingini timbul di Indonesia.[147] Sebaliknya, Suska berjanji bahawa Indonesia tidak akan lagi mengeluarkan kenyataan akhbar yang mengecam usaha perdamaian Tunku Abdul Rahman.[148]

Sungguhpun keadaan hubungan Tanah Melayu-Indonesia beransur pulih berikutan lawatan Suska, tetapi dalam beberapa hari selepas beliau pulang ke Indonesia, keadaan menjadi dingin semula akibat siaran

---

142 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 10 dan *Straits Times*, 29 November 1960.

143 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 10.

144 *Ibid.* Sebenarnya Dr. Subandrio telah menyindir tajam terhadap usaha perdamaian Tunku Abdul Rahman.

145 *Ibid.*

146 *Ibid.*

147 *Ibid.*

148 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 10.

laporan akhbar di Jakarta. Pada 5 Disember 1960, seorang pegawai tertinggi Kementerian Luar Negeri Indonesia telah mengisytiharkan bahawa kerajaan Indonesia percaya Tunku Abdul Rahman telah menyalahgunakan hak beliau sebagai orang tengah.[149] Kerajaan Tanah Melayu menghantar nota bantahan yang keras kepada Duta Besar Indonesia terhadap dakwaan tersebut. Kerajaan Tanah Melayu juga mengecam akan menyiarkan surat Dr. Djuanda, jika pihak Indonesia tidak menarik balik dakwaan terhadap Tunku Abdul Rahman. Dua hari kemudian, jurucakap Kementerian Luar Negeri Indonesia mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa tidak ada pegawai tertinggi Indonesia yang memberi kenyataan seperti yang didakwa oleh kerajaan Tanah Melayu.[150]

Oleh sebab Tunku Abdul Rahman kecewa dengan sikap pihak Indonesia yang tidak mahu berterus terang dengan usaha perdamaian beliau terhadap isu Irian Barat, maka Tunku Abdul Rahman telah mengambil keputusan untuk tidak lagi menjadi orang tengah dalam isu ini.[151] Tunku Abdul Rahman telah menuduh pihak akhbar Indonesia kerana memainkan peranan dalam mensabotajkan usaha beliau. Di samping itu, Belanda dan Indonesia telah menolak cadangan beliau untuk mengadakan badan amanah pentadbiran Irian Barat untuk memindahkan kuasa dari Belanda kepada Indonesia.[152] Dengan itu, kerajaan Tanah Melayu berasa malu kerana terlibat dalam isu Irian Barat. Akan tetapi Tunku Abdul Rahman mengakui bahawa, "Indonesia is our closest neighbour so we have no choice but to be in sympathy with it".[153]

Sementara itu, parti-parti politik di Tanah Melayu seperti Parti Rakyat dan Parti Malaya menyokong perjuangan Indonesia untuk memperoleh semula Irian Barat. Setiausaha Parti Malaya, Tadjuddin Kahar, mengkritik kerajaan Tanah Melayu kerana berdiri tegas di belakang Indonesia untuk membebaskan Irian Barat.[154] Pemimpin Parti Rakyat, Ahmad Boestamam, menyokong penuh perjuangan rakyat Indonesia mendapatkan semula Irian Barat. Di samping itu, Persatuan Pelajar-pelajar Tanah Melayu di Indonesia juga menyokong perjuangan rakyat Indonesia untuk memperoleh Irian Barat.[155]

---

149 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 150.
150 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 10–11.
151 *Parliamentary Debates*, 16 Disember 1960, lajur 4313–4314.
152 *Antara Daily News Bulletin*, 4 April 1961.
153 *Parliamentary Debates*, 18 Oktober 1961, lajur 1852.
154 *Antara Daily News Bulletin*, 29 Mac 1961.
155 *Ibid.*, 9 dan 26 Januari 1961.

Sungguhpun Tunku Abdul Rahman kecewa dalam usahanya tetapi kerajaan Tanah Melayu pimpinan beliau tetap menyokong Indonesia mendapatkan semula Irian Barat berikutan keadaan di Irian Barat bertambah tegang pada tahun 1961 dan tahun 1962. Oleh itu, kerajaan Tanah Melayu mengarahkan supaya kapal-kapal Belanda tidak diberi kemudahan semasa belayar ke Irian Barat.[156] Kuala Lumpur juga meminta pihak British di Singapura supaya tidak membenarkan tentera Belanda mendarat di Singapura.[157]

Pada bulan Disember 1961, Presiden Sukarno melancarkan kempen pengambilan sukarelawan di Indonesia untuk membebaskan Irian Barat daripada penjajahan Belanda. Kempen tersebut turut diadakan di Tanah Melayu dan kerajaan Tanah Melayu tidak membantah pengambilan sukarelawan tersebut.[158] Pengambilan sukarelawan ini mendapat sambutan yang menggalakkan di Tanah Melayu. Ramai rakyat Tanah Melayu menyertai pengambilan sukarelawan berdasarkan hubungan darah yang rapat dan rumpun bangsa yang sama. Menjelang akhir bulan Januari 1962, kira-kira 1500 rakyat Tanah Melayu mendaftar sebagai sukarelawan di Kedutaan Indonesia. Kebanyakan yang mendaftar itu mempunyai pengalaman tentera sebagai Home Guard dan ada juga antara mereka telah meminta pihak Indonesia supaya menghantar mereka ke barisan hadapan.[159] Pihak Kedutaan Indonesia mengatakan lebih kurang 15 orang mendaftar sebagai sukarelawan setiap hari. Selain itu, rakyat Tanah Melayu telah menyalurkan bantuan dalam bentuk pakaian dan juga wang tunai. Pada bulan Mac 1962, kira-kira $16 580 didermakan oleh rakyat Tanah Melayu untuk membebaskan Irian Barat.[160]

Sungguhpun Tanah Melayu membenarkan Kedutaan Indonesia mendaftarkan sukarelawan untuk membebaskan Irian Barat tetapi kerajaan tidak memberi pengiktirafan rasmi terhadap projek ini kerana disyaki sukarelawan tersebut akan dilatih untuk kegiatan anti-Malaysia.[161] Pada bulan April 1962, seramai 100 orang rakyat Tanah Melayu telah berangkat bersama-sama 15 orang rakyat Singapura ke Jakarta untuk mendapatkan latihan tentera.[162] Tidak ada seorang dari-

156 Ott, "The Sources and Content of Malayan Foreign Policy", hlm. 131. Lihat juga *Straits Times*, 28 Oktober 1963 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 11.

157 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 11.

158 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 31.

159 *Antara Daily News Bulletin*, Februari 1962.

160 *Ibid.*, 29 Mac 1962.

161 Boyce, *Malaya and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 55.

162 *Antara Daily News Bulletin*, 29 Jun 1962.

pada mereka dihantar ke medan pertempuran di Irian Barat. Di Jakarta, mereka mendapat latihan tentera dan politik yang tidak berkaitan dengan Irian Barat. Mereka dilatih untuk menentang gagasan Malaysia.[163]

Pada mulanya, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak bekerjasama untuk menghantar sukarelawan ke Indonesia sungguhpun kerajaan bersimpati dengan perjuangan Indonesia. Ini disebabkan bantuan sukarelawan ke Irian Barat sebenarnya tidak diperlukan.[164] Pendirian ini dianggap sebagai pendirian tidak setiakawan oleh parti-parti pembangkang Tanah Melayu seperti Parti Rakyat dan PMIP (Pan Malayan Islamic Party). Menjelang bulan Mei 1962, kerajaan Tanah Melayu telah mengubah pendiriannya dan mengambil pendirian yang sederhana, iaitu kerajaan Tanah Melayu tidak akan menghalang pemergian sukarelawan ke Indonesia untuk menyertai tentera Indonesia tetapi kerajaan tidak akan menghantar mereka secara rasmi.[165] Menurut Encik Khir Johari, Menteri Pelajaran Tanah Melayu, perubahan pendirian ini adalah berikutan daripada desakan dalam negeri dan permintaan daripada Duta Besar Indonesia yang mengatakan bahawa kedatangan sukarelawan dari Tanah Melayu untuk membebaskan Irian Barat akan meningkatkan semangat perjuangan pihak Indonesia.[166]

Sementara itu, bantuan dan sokongan kepada Indonesia dari negara-negara komunis, terutamanya Soviet Union dan RRC bertambah untuk kempen pembebasan Irian Barat. Soviet Union telah membekalkan peralatan tentera bernilai satu bilion (AS Dolar) kepada Indonesia dalam tempoh dua tahun (1961–1962). Sementara itu, hubungan Republik Rakyat China (RRC) dengan Indonesia bertambah kuat dengan adanya perjanjian persahabatan yang ditandatangani pada tahun 1961. Pihak RRC berjanji akan menyokong penuh perjuangan Indonesia sehingga Indonesia berjaya memperoleh Irian Barat.[167] Pada masa yang sama, dasar Amerika terhadap isu Irian Barat berubah berikutan pemilihan J.F. Kennedy sebagai Presiden Amerika Syarikat. Pentadbiran Kennedy (1961) mengikis dasar berkecuali pentadbiran Eisenhower terhadap isu Irian Barat dan mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.[168]

---

163 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 32 dan Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 132.

164 *Straits Times*, 26 Mei 1962.

165 *Ibid.*, 30 Mei 1962.

166 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 132.

167 *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1962.

168 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 142.

Presiden Kennedy menghantar adiknya, Robert, sebagai wakilnya ke Jakarta dan The Hague untuk memujuk kedua-dua pihak supaya bersetuju menyelesaikan masalah Irian Barat tanpa berperang. Pada bulan Ogos 1962, Belanda dan Indonesia mengadakan rundingan sulit di Virginia yang dipengerusikan oleh Ellsworth Bunker. Kedua-dua pihak telah bersetuju dengan cadangan Bunker untuk menyelesaikan isu Irian Barat dan menandatangani perjanjian untuk menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia.[169] Sebenarnya cadangan Bunker itu tidak banyak berbeza dengan cadangan Tunku Abdul Rahman yang mengatakan bahawa Irian Barat hendak diletakkan di bawah amanah PBB untuk tempoh kurang setahun sebelum diserahkan kepada pihak Indonesia.[170] Belanda menyerahkan pentadbirannya di Irian Barat selama tujuh bulan sebelum menyerahkan wilayah tersebut kepada Indonesia pada 1 Mei 1963.

Isu Irian Barat telah menambahkan suasana dingin dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia daripada isu-isu lain. Ini disebabkan Presiden Sukarno telah menolak cadangan Tunku Abdul Rahman yang menyusul supaya amanah PBB mentadbir Irian Barat untuk tempoh kurang dari setahun sebelum menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia.[171] Pihak media, terutamanya akhbar-akhbar Indonesia, telah melancarkan kempen memburuk-burukkan usaha perdamaian yang dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman. Kempen-kempen ini dipercayai berpunca daripada Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio. Akhirnya, Indonesia menerima cadangan Bunker yang hampir sama dengan cadangan Tunku Abdul Rahman, sebagai penyelesaian terhadap isu Irian Barat[172] yang menjadi masalah dalam hubungan Indonesia-Belanda selama 12 tahun. Tindakan-tindakan Indonesia menunjukkan seolah-olah Indonesia menghina usaha perdamaian Tanah Melayu. B.K. Gordon, Profesor Sains Politik Amerika, menghuraikan reaksi pihak Tanah Melayu terhadap sikap Indonesia seperti berikut:

> "These developments widened and reinforced the derision with which the Indonesian leaders may already have been regarded in Kuala

---

169 *Ibid.*, hlm. 142–143 dan Asian Recorder, 27 Ogos–2 September 1962, hlm. 4762. Elsworth Bunker ialah bekas Duta Amerika ke India dan merupakan wakil Setiausaha Agung PBB untuk menyelesaikan masalah Irian Barat.

170 Dalton, "The Development of Malaysian External Policy" hlm. 153 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 11. Sila lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesia Foreign Policy*, hlm. 305–306. Untuk keterangan lanjut tentang cadangan Bunker.

171 Asian Recorder, 27 Oktober–4 November 1962, hlm. 4866.

172 Sila lihat Gordon, *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 131.

Lumpur and they certainly eroded any confidence in President Sukarno that Rahman might have had."[173]

Isu Irian Barat telah banyak menonjolkan tema konflik dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Konflik bermula sejak Tanah Melayu berkecuali dalam pengundian membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat agung PBB pada bulan September 1960. Ini diikuti oleh kecaman-kecaman yang dilemparkan oleh akhbar-akhbar Indonesia terhadap pendirian awal Tanah Melayu tentang Irian Barat. Konflik ini memuncak dengan kritikan-kritikan yang dilemparkan oleh Dr. Subandrio dan akhbar-akhbar Indonesia terhadap usaha perdamaian Tunku Abdul Rahman terhadap isu Irian Barat. Akhbar-akhbar Indonesia mendakwa Tunku Abdul Rahman melibatkan diri dalam urusan negara mereka tanpa diundang, padahal Tunku Abdul Rahman telah menerima mandat daripada Dr. Djuanda, Naib Presiden Indonesia yang membenarkan Tunku Abdul Rahman mencari penyelesaian damai bagi isu ini. Perkara yang sangat menghina Tanah Melayu ialah apabila Indonesia menerima cadangan Bunker yang hampir sama dengan cadangan Tunku Abdul Rahman yang dikemukakan lebih awal sebagai penyelesaian untuk isu Irian Barat.

Di samping tema konflik, terdapat juga tema persaudaraan dalam isu Irian Barat. Ramai rakyat Tanah Melayu melihat perjuangan Indonesia untuk memperoleh Irian Barat sebagai perjuangan saudara besar mereka terhadap penjajahan. Oleh itu, apabila Indonesia mengerahkan sukarelawan untuk pembebasan Irian Barat maka terdapat rakyat Tanah Melayu yang sanggup mendaftar di Kedutaan Indonesia sebagai sukarelawan ke Irian Barat. Kerajaan Tanah Melayu tidak menghalang rakyatnya berbuat demikian. Akan tetapi segala usaha dan bantuan yang diberi oleh pemerintah dan rakyat menjadi sia-sia kerana Indonesia tidak bersikap jujur terhadap sumbangan Tanah Melayu untuk menyelesaikan masalah Irian Barat.

Tema komunisme juga wujud dalam masalah Irian Barat. Mulai tahun 1960, Indonesia meningkatkan tuntutannya terhadap Irian Barat. Oleh sebab sebahagian besar pendapatan negara dibelanjakan untuk kelengkapan tentera, kehidupan rakyat menjadi kucar-kacir. Parti Komunis Indonesia (PKI) mengambil kesempatan ini untuk meluaskan pengaruhnya di kalangan rakyat Indonesia. PKI menyokong kuat kerajaan Indonesia dalam tuntutan Irian Barat dan sebaliknya menggunakan kele-

173 *Ibid.*, hlm. 131 dan 132.

mahan ekonomi negara untuk meluaskan pengaruhnya. Di samping itu, negara-negara komunis, terutamanya RRC dan Soviet Union, memberi sokongan dan bantuan penuh kepada Indonesia untuk menentang Belanda setelah Indonesia gagal memperoleh bantuan daripada pihak Amerika. Justeru itu, hubungan Indonesia dengan blok komunis bertambah kuat.

Sungguhpun hubungan politik Tanah Melayu-Indonesia bermula sebagai hubungan yang tidak mesra yang penuh dengan konflik dan persaingan tetapi ini tidak bermakna unsur kerjasama tidak ada langsung dalam hubungan awal. Di samping tema konflik, terdapat juga tema kerjasama dan persaudaraan dalam hubungan awal Tanah Melayu dengan Indonesia. Bagi mewujudkan hubungan persaudaraan yang baik antara Tanah Melayu dengan Indonesia, Tun Abdul Razak telah mengetuai satu rombongan muhibah ke Indonesia pada 19 November 1958.[174] Rombongan Tanah Melayu berada selama seminggu di Indonesia dan pihak Indonesia menyambut baik rombongan tersebut. Dalam ucapan menyambut kedatangan rombongan Tanah Melayu, Menteri Penerangan Indonesia, Ruslan Abdul Gani, telah berkata:

> "... the two countries are inseperable, only political development keeping them apart. In the field of friendship, however, no force can separate them since both hold to the ideals of freedom and independence."[175]

Sementara itu, Tun Abdul Razak pula berkata bahawa:

> "Malaya is looking to Indonesia as an example and inspiration in order to be able to bring a common welfare and a common security to both. Relations which have existed for so long between Indonesia and Malaya should enable them to make joint efforts on the international plans in their mutual interest."[176]

Khir Johari, Menteri Pelajaran Tanah Melayu, pula menyatakan bahawa lawatannya ke Indonesia adalah dengan perasaan muhibah kepada

---

174 Sila lihat, *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 1. *Malaysia's Case in The United Nations*, hlm. 2 dan *Antara Daily News Bulletin*, 12 dan 14 November 1958. Rombongan Tun Abdul Razak terdiri daripada (1) Cheah Owe Keat (Federal Legislative Caunselor), (2) Mohd. Ghazali Shafie (Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri), (3) Syed Nasir (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), dan (4) Mohd. Khir Johari (Menteri Pelajaran).

175 *Antara Daily News Bulletin*, 21 November 1958 dan juga *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2.

176 *Ibid.*

saudara tua. Ini jelas menunjukkan tema persaudaraan dalam hubungan kedua-dua jiran itu. Beliau juga berharap Tanah Melayu dan Indonesia akan sentiasa bekerjasama.[177] Tun Abdul Razak menghadiahkan sepasang cawan dan piring perak kepada Presiden Sukarno sebagai tanda peringatan dan persahabatan.[178]

Semasa berada di Indonesia, Tun Abdul Razak selaku Menteri Pertahanan Tanah Melayu telah melawat Akademi Tentera Kebangsaan Indonesia di Magelang dan Akademi Tentera Laut di Surabaya. Tun Abdul Razak berjanji bahawa Tanah Melayu akan bekerjasama dengan Indonesia untuk menyekat kemasukan pemberontak Indonesia ke Tanah Melayu. Sementara itu, Khir Johari telah mengadakan perbincangan tentang soal kerjasama bahasa antara kedua-dua negara.[179]

Pihak media Indonesia juga menyambut baik kedatangan rombongan Tanah Melayu ke Indonesia. Kalau media Indonesia sebelum ini telah mengkritik Tanah Melayu sebagai tempat perlindungan untuk pemberontak dari Indonesia, kini mereka menulis tentang hubungan baik serta kerjasama Tanah Melayu-Indonesia. Lidah pengarang akhbar *Times of Indonesia*, yang bertajuk "We must apologize" menulis:

> "... The Indonesian complaint about Indonesia rebels on Malaya territory was lodged just before the goodwill mission took off for Djakarta. It was in particular bad taste for the Indonesian Embassy in Kuala Lumpur to release the news of complain to the press so that the story was in all Djakarta papers when the Malaya good will mission arrived."[180]

Akhbar *Indonesian Observer* pula mengatakan lawatan rombongan Tanah Melayu akan membolehkan Indonesia dan Tanah Melayu bekerjasama untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia ini.[181]

Pada 27 November 1958, lawatan tersebut berakhir dengan Tun Abdul Razak dan Naib Perdana Menteri Indonesia, Hardi, mengeluarkan kenyataan bersama. Dalam kenyataan tersebut mereka bersetuju bahawa untuk merapatkan lagi hubungan dan kerjasama Tanah Melayu-Indonesia, perlu diadakan perjanjian persahabatan dan kebudayaan antara kedua-dua negara. Kedua-dua pihak juga bersetuju menguatkan lagi ikatan tradisi kekeluargaan dan keturunan yang memberi faedah

---

177 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Disember 1958.
178 *Ibid.*, 21 November 1958.
179 *Ibid.*, 12 November 1958 dan 24 November 1958.
180 *Ibid.*, 1 Disember 1958.
181 *Ibid.*

kepada mereka. Kedua-dua jiran itu sedar akan pentingnya kerjasama dalam soal memajukan bahasa Melayu/Indonesia, menyamakan sistem ejaan dan mengadakan pertukaran rombongan kebudayaan.[182] Selepas lawatan itu, draf perjanjian persahabatan dirangka.

Bagi memperkukuhkan lagi hubungan Tanah Melayu-Indonesia, Perdana Menteri Indonesia, Dr. H. Djuanda Kartawidjaja, mengadakan lawatan balas lima hari ke Tanah Melayu pada bulan April 1959.[183] Dr. Djuanda dan rombongannya disambut baik oleh kerajaan Tanah Melayu yang menganggap Dr. Djuanda sebagai sahabat tulen Tanah Melayu.[184] Semasa beliau berada di Tanah Melayu, Yang di-Pertuan Agong mengurniakan pingat Seri Mangku Negara yang membawa gelaran Tun kepada Dr. Djuanda. Sementara itu, Dr. Prijono, Menteri Pelajaran Indonesia, yang mengiringi Dr. Djuanda, dikurniakan pingat Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Dato'.[185]

Lawatan rasmi Dr. Djuanda mencapai kemuncaknya dengan termeterainya Perjanjian Persahabatan dan Kebudayaan antara Tanah Melayu dengan Indonesia pada 17 April 1959 di Kuala Lumpur.[186] Perjanjian persahabatan ini merupakan perjanjian pertama yang ditandatangani oleh Tanah Melayu selepas merdeka. Perjanjian ini menjadi simbol keinginan penduduk Tanah Melayu untuk bekerjasama dengan pihak Indonesia.[187] Bagi Dr. Djuanda, perjanjian ini merupakan simbol

---

182 "Kenyataan Bersama Republik Indonesia dan Rombongan Muhibah Tanah Melayu" dalam *Antara Daily News Bulletin*, 4 Disember 1958 dan *Malaya/Indonesia Relations*, Lampiran 1, hlm. 21–24.

183 *Antara Daily News Bulletin*, 13 April 1959.

184 Hazra Niranjan Kumar 1965. "Malay's Foreign Relations 1957–1963", Tesis Sarjana, Singapore: University of Singapore, hlm. 155. Menurut kertas putih kerajaan Tanah Melayu, Dr. Djuanda telah disambut secara peribadi di lapangan terbang oleh Tunku Abdul Rahman dan telah menghabiskan sebahagian besar masanya bersama-sama Dr. Djuanda. *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2:

185 *Antara Daily News Bulletin*, 20 April 1959 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2. Pingat Seri Mangku Negara merupakan darjat kebesaran tertinggi yang diberi oleh Yang di-Pertuan Agong.

186 *Perjanjian Persahabatan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Indonesia*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1959; *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2; *Antara Daily News Bulletin*, 20 April 1959; *Malaysia's Case in The United Nations*, hlm. 2; Gullick dan Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, hlm. 200 dan Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 113.

187 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2. Indonesia merupakan negara pertama yang membuat perjanjian persahabatan dengan Tanah Melayu dan negara pertama melancarkan penentangan bersenjata terhadap Malaysia. Zainal Abidin A[illegible] Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 16.

bagi hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara. Ghazali Shafie pula menyifatkan perjanjian ini sebagai "extremely significant" dan "an affirmation of the renewal of historical, racial and culture ties".[188] Bagi pemimpin Tanah Melayu itu, perjanjian ini bertujuan memulihkan ikatan sejarah, bangsa dan kebudayaan sejak zaman prasejarah serta meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara. Sementara itu, Marvin Ott berpendapat bahawa, "the document did little more than lay down possible areas of cooperation to be given substance by future reciprocal agreements".[189]

Berikutan perjanjian persahabatan ini, terdapat lawatan para pemimpin Tanah Melayu ke Jakarta dan Medan untuk mengkaji perkembangan di Indonesia dan untuk mengekalkan persahabatan dengan rakyat Indonesia. Terdapat juga pertukaran kumpulan kebudayaan antara kedua-dua negara pada tahun 1959, 1960, 1961 dan 1962.[190] Terdapat juga lawatan rasmi yang dilakukan oleh Jeneral Nasution, iaitu Ketua Angkatan Tentera Indonesia selaku Menteri Pertahanan Indonesia. Beliau dan rombongannya tiba di Tanah Melayu pada bulan Oktober 1960.[191] Rombongan Nasution diberi sambutan yang baik oleh kerajaan dan rakyat Tanah Melayu. Semasa berada di Tanah Melayu, beliau melawat markas-markas tentera dan mengadakan rundingan dengan Tunku Abdul Rahman tentang soal Irian Barat.[192] Jeneral Nasution mengatakan bahawa Indonesia sedia memberi kemudahan latihan kepada para pegawai tentera laut dan udara Tanah Melayu, jika dikehendaki.[193]

Hubungan Ekonomi

Hubungan ekonomi Tanah Melayu-Indonesia bukanlah suatu yang baru tetapi merupakan warisan sejarah sejak zaman Srivijaya lagi. Hubungan

---

188 *Antara Daily News Bulletin*, 20 April 1959. Pihak pembangkang (*People's Progressive Party*) di Tanah Melayu juga mengalu-alukan perjanjian persahabatan antara Tanah Melayu dan Indonesia tetapi mereka (khasnya kaum Cina) bimbang terhadap penekanan yang banyak diberi pada soal agama dan etnik dalam perjanjian tersebut. Sila lihat Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 136.

189 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 113.

190 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2 dan *Malaysia's Case in The United Nations*, hlm. 2.

191 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3.

192 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Oktober 1960 dan *Times of Indonesia*, 15 Oktober 1960.

193 *Times of Indonesia*, 15 Oktober 1960.

ini sentiasa diperdalami oleh aspek-aspek kerjasama dan konflik. Kedua-dua tema ini berterusan dalam hubungan ekonomi antara kedua-dua negara selepas merdeka. Perdagangan antarabangsa Tanah Melayu dengan Indonesia merupakan perdagangan yang memberi keuntungan kepada pihak Indonesia. Ini disebabkan Indonesia mengeksport lebih banyak barang pengeluarannya ke Tanah Melayu daripada mengimport barangan dari Tanah Melayu. (lihat Jadual 1).

Pada tahun 1958, Tanah Melayu mengimport barangan bernilai $1657.5 juta; daripada angka ini import barangan dari Indonesia adalah $228 juta atau 13.8 peratus. Pada tahun 1959, jumlah import dari Indonesia bernilai $213 juta, iaitu 12.3 peratus daripada jumlah import Tanah Melayu yang bernilai $1739.3 juta. Jumlah angka import ini telah meningkat pada tahun 1960. Daripada jumlah import yang bernilai $2150.6 juta, barangan yang diimport dari Indonesia bernilai $324.6 juta (15.1 peratus). Walau bagaimanapun, angka ini telah menurun pada tahun 1961; Tanah Melayu mengimport barangan bernilai $250.1 juta atau 11.2 peratus daripada jumlah import yang bernilai $2230.5 juta. Pada tahun 1962, nilai import dari Indonesia bernilai $293.3 atau 12 peratus daripada jumlah yang bernilai $2447.4 juta.[194]

Indonesia merupakan negara kedua terbesar yang mengeksport barang-barang ke Tanah Melayu selepas United Kingdom. Kebanyakan barang yang dieksport ke Tanah Melayu berupa bahan mentah termasuk getah, kelapa sawit, lada hitam, kopi,[195] tembakau dan bijih timah. Barang-barang ini dieksport ke Pulau Pinang; dari sini Tanah Melayu akan mengeksport semula barang-barang tersebut ke negara-negara lain. Pulau Pinang merupakan pusat perdagangan penting bagi Indonesia (khususnya bagi Sumatera). Perdagangan barter antara Pulau Pinang dengan Sumatera telah meningkat maju selepas beberapa perubahan dibuat dalam urusan jual beli antara tahun 1948 hingga tahun 1951. Kemajuan perdagangan Pulau Pinang-Sumatera telah menyebabkan kerajaan Tanah Melayu membuka pejabat Konsulat di Medan, Sumatera Utara, bagi memperkemaskinikan perdagangan antara kedua-dua kawasan tersebut.[196]

---

194 Lihat Jadual 31 dalam *Malaysian: Official Year Book 1963*. Kuala Lumpur: Government Press, 1964, hlm. 523.

195 Indonesia merupakan pengeksport kopi yang terbesar ke Tanah Melayu. Pada tahun 1958, Indonesia mengeksport 35 188 tan kopi ke Tanah Melayu. *Antara Daily News Bulletin*, 18 Mac 1959.

196 Konsulat Tanah Melayu di Medan telah dibuka pada 11 Disember 1958 dan Mohd.

Jadual 1 Perdagangan antarabangsa Tanah Melayu dengan Indonesia, 1958–1962

Tahun	Import dari Indonesia (nilai dalam $ Tanah Melayu)	Eksport ke Indonesia (nilai dalam ($ Tanah Melayu)	Lebihan perdagangan kepada Indonesia (nilai dalam $ Tanah Melayu)
1958	228.5 juta	11.5 juta	217.0 juta
1959	213.0 "	12.3 "	200.7 "
1960	324.6 "	23.1 "	301.5 "
1961	250.1 "	38.7 "	211.4 "
1962	293.3 "	26.5 "	266.8 "

Sumber: Angka-angka ini dikumpulkan daripada statistik dalam *Malaysia: Offical Year Book 1963*. Kuala Lumpur: Government Press,1964, hlm. 523 dan 524

Sungguhpun Indonesia merupakan negara pengeksport kedua terbesar kepada Tanah Melayu dalam tempoh ini, Indonesia tidak merupakan negara pengimport barang-barang Tanah Melayu yang penting. Pada tahun 1958, daripada eksport Tanah Melayu yang berjumlah $1885 juta, cuma barangan yang bernilai $11.5 juta (0.6 peratus) sahaja dieksport ke Indonesia. Pada tahun 1959, Indonesia mengimport barangan bernilai $12.3 juta, iaitu 0.5 peratus daripada jumlah eksport Tanah Melayu yang bernilai $2476.0 juta. Pada tahun 1961, angka ini telah meningkat menjadi 1.4 peratus daripada jumlah $2626.1 juta yang bernilai $38.7 juta. Tetapi pada tahun 1962, import barangan menjadi satu peratus yang bernilai $26.5 juta daripada jumlah eksport Tanah Melayu yang berjumlah $2625.7 juta.[197]

Pada keseluruhannya, perdagangan Tanah Melayu-Indonesia memberi lebihan yang melebihi $200 juta setiap tahun kepada Indonesia (lihat Jadual 1). Kebanyakan daripada lebihan ini diperoleh melalui perdagangan barter antara Sumatera dengan Pulau Pinang. Selain perdagangan dua hala ini, terdapat juga kerjasama ekonomi yang lain antara kedua-dua jiran ini.

Salah satu daripada kerjasama tersebut adalah untuk mengenal pasti

---

Hashim bin Sam Abdul Latif dilantik sebagai Konsul. *Antara Daily News Bulletin*, 24 Oktober 1958.

197 Lihat Jadual 32 dalam *Malaysian: Official Year Book 1963*, hlm. 524.

peluang perdagangan antara kedua-dua pihak. Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu terdapat kajian yang dibuat oleh pihak Indonesia untuk mengenal pasti peluang perdagangan yang ada di Tanah Melayu dan juga Singapura. Sejajar dengan langkah itu, dua orang wakil perdagangan Indonesia, iaitu Taher Ibrahim, Ketua Pengarah Perdagangan Indonesia, dan Sarbini Sumatwinata, Ketua Biro Perangkaan Pusat Indonesia, telah membuat kajian tersebut untuk meluaskan lagi perdagangan Indonesia di Tanah Melayu.[198]

Indonesia sebagai pengeluar getah terbesar di dunia dan Tanah Melayu sebagai pengeluar kedua terbesar telah bersependapat untuk bekerjasama menghadapi persaingan daripada getah tiruan. Subiarto, Ketua Institusi Penyelidikan Getah Indonesia, telah meminta kedua-dua negara bekerjasama untuk menghadapi persaingan getah tiruan.[199] Semasa lawatan Perdana Menteri Indonesia, Dr. Djuanda, ke Tanah Melayu, persetujuan untuk bekerjasama dalam pengeluaran getah telah dicapai. Kedua-dua negara telah bersetuju mengadakan pertukaran hasil penyelidikan dan maklumat lain yang berkaitan dengan pengeluaran dan pemasaran getah. Pertukaran ini termasuklah pertukaran guru, para ahli sains dan maklumat pengeluaran. Persetujuan ini dipercepatkan kerana terdapat persaingan daripada getah tiruan di pasaran dunia.[200] Tanah Melayu dan Indonesia, bersama-sama dengan negara pengeluar utama yang lain, telah bersetuju untuk mengambil tindakan bersama terhadap pelepasan stok penimbal getah asli oleh Amerika Syarikat dan Britain.[201] Tindakan bersama ini perlu untuk memastikan harga getah asli di pasaran dunia tidak terjejas.

Tanah Melayu dan Indonesia juga bekerjasama dalam pengeluaran bijih timah. Menteri Pembangunan dan Industri Asas Indonesia, Chaeral Saleh, telah mengumumkan bahawa Indonesia akan memindahkan pusat pemprosesan bijih timah Indonesia dari Arnhem, Belanda, ke Pulau Pinang di Tanah Melayu dan Texas di Amerika Syarikat. Langkah ini diambil kerana berlakunya ketegangan antara Belanda dengan Indonesia kerana soal tuntutan Irian Barat oleh Indonesia. Indonesia telah memberhentikan penghantaran bijih timah ke Arnhem sejak bulan April tahun 1960 dan mula menghantar bijih timah ke Pulau Pinang dan Texas

---

198 *Antara Daily News Bulletin*, 13 September 1957.

199 *Ibid.*, 21 November 1958. Dalam masa sepuluh tahun Tanah Melayu dijangka menjadi pengeluar utama getah asli dunia. *Straits Times,* 6 Mac 1958.

200 *Antara Daily News Bulletin*, 24 April 1959.

201 *Ibid.*, 16 September 1960 dan 30 September 1960.

pada 10 Mei 1960.[202] Di Pulau Pinang, bijih timah dari Indonesia dilebur oleh Syarikat Straits Trading. Hatta, Ketua Bahagian Perdagangan di Konsulat Indonesia, berkata, penghantaran bijih timah ke Pulau Pinang adalah lebih ekonomi dan senang di samping Tanah Melayu merupakan negara sahabat. Indonesia menghantar sekurang-kurang seribu tan bijih timah setiap bulan ke Butterworth untuk diproses.[203] Indonesia telah menghantar dua pertiga daripada timah ke Pulau Pinang dan satu pertiga daripada bijih timah ke Texas untuk diproses. Menjelang bulan Januari 1962, Indonesia menghantar semua hasil bijih timah ke Pulau Pinang untuk diproses. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1964, Indonesia tidak lagi menghantar bijih timah ke Pulau Pinang kerana ia telah memiliki loji memproses bijih timahnya sendiri.[204] Selain itu, Tanah Melayu dan Indonesia, sebagai pengeluar bijih timah yang pertama dan kedua di dunia, telah bekerjasama melalui Majlis Timah Antarabangsa untuk menstabilkan harga bijih timah.[205]

Kedua-dua negara ini turut bekerjasama dalam bidang perikanan. Pada tahun 1959, Tanah Melayu mempunyai lebihan ikan kering daripada hasil penangkapan ikan yang banyak oleh nelayan-nelayan dari Pantai Barat Tanah Melayu. Untuk mengeksport lebihan ikan kering tersebut, Tanah Melayu menghantar contoh ikan kering ke Indonesia untuk dipasarkan di sana. Indonesia telah memberi kerjasama kepada Tanah Melayu dengan membeli lebihan ikan kering daripada jirannya.[206]

Seterusnya, Indonesia dan Tanah Melayu bekerjasama dalam perkhidmatan penerbangan awam. Indonesia telah membenarkan Malayan Airways beroperasi ke Jakarta sejak mencapai kemerdekaan dan juga telah membenarkan Malayan Airways menggandakan perkhidmatannya ke Jakarta dari dua kepada empat penerbangan seminggu.[207]

Di samping kerjasama, terdapat juga konflik dalam hubungan ekonomi Tanah Melayu-Indonesia. Konflik ini berpunca daripada soal penyeludupan antara Sumatera, Tanah Melayu dengan Singapura. Pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang merupakan pusat penyeludupan yang penting bagi barang-barang dari Sumatera. Pelabuhan-pelabuhan Swettenham, Melaka dan Muar juga terlibat dalam penyeludupan. Ba-

---

202 *Ibid.*, 12 Mac 1960.
203 *Ibid.*, 13 dan 14 Jun 1960.
204 *Ibid*, 15 Februari 1963.
205 *Ibid.*, 14 Mac 1958.
206 *Ibid.*, 29 Jun 1959 dan 14 Julai 1959.
207 *Straits Times*, 1 Januari 1958 dan *Antara Daily News Bulletin*, 23 Mac 1961.

rang-barang dari Sumatera seperti getah, tembakau, lada hitam dan kelapa sawit diseludup ke pelabuhan-pelabuhan di Singapura dan Tanah Melayu.[208] Ini mengakibatkan kerajaan pusat Indonesia mengalami kerugian besar dari segi pertukaran asing dan cukai kastam.[209] Kerajaan Indonesia bertambah marah apabila para pemberontak PRRI menyeludup barang-barang dari Sumatera dan membeli senjata dengan hasil penjualan barang-barang itu.[210] Penyeludupan bukan merupakan satu masalah yang baru kerana semasa Revolusi Indonesia, para nasionalis Indonesia menyeludup barang-barang dari Sumatera, terutamanya getah, untuk membeli senjata bagi menentang penjajahan. Selepas kemerdekaan, kegiatan penyeludupan masih berleluasa.

Para pengusaha kapal dan saudagar dari Singapura mengaut keuntungan yang besar hasil daripada kegiatan penyeludupan.[211] Kegiatan penyeludupan sukar dikawal kerana berlakunya perdagangan barter antara Sumatera, Tanah Melayu dengan Singapura. Oleh itu, pihak berkuasa Indonesia sukar mengenal pasti antara bot yang menjalankan perdagangan barter dengan bot yang menyeludup barang. Dengan tujuan untuk menghapuskan penyeludupan, kerajaan Indonesia telah mengharamkan semua jenis perdagangan *barter* mulai 16 September 1958.[212] Kerajaan Indonesia mendakwa pihak berkuasa di Singapura dan Tanah Melayu tidak mahu menghalang kegiatan haram ini kerana kegiatan penyeludupan sangat menguntungkan mereka. Walau bagaimanapun, akibat pengharaman perdagangan barter oleh kerajaan Indonesia, perdagangan di Pulau Pinang telah kehilangan berjuta-juta ringgit. Untuk memulakan semula perdagangan *barter* Sumatera-Pulau Pinang, pihak Indonesia telah meminta bayaran $20 juta daripada para saudagar di Pulau Pinang pada tahun 1962.[213]

Konflik turut wujud dalam aspek mata wang. Konflik ini berpunca daripada berita yang disiarkan di Indonesia bahawa Tanah Melayu akan menilai semula mata wang ringgitnya berikutan penilaian semula mata wang rupiah Indonesia. Menteri Kewangan Tanah Melayu, Tan Siew

---

208 *Antara Daily News Bulletin*, 27 November 1957, 3 Januari 1958 dan 24 Januari 1958.

209 Hinley, "*Indonesia's Confrontation with Malaysia*", hlm. 907 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 30.

210 Dalam beberapa bulan sahaja pemberontak PRRI dapat mengumpulkan $40 juta melalui perdagangan *barter*. *Straits Times*, 6 Mac 1958.

211 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 30.

212 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Oktober 1958.

213 *Ibid.*, 27 Februari 1962.

Sin, telah menghantar bantahan kepada Duta Indonesia di Kuala Lumpur tentang perkara ini.[214]

Pada keseluruhannya, kerjasama dalam hubungan ekonomi Tanah Melayu-Indonesia lebih ketara daripada konflik. Ini kerana Tanah Melayu dan Indonesia merupakan pengeluar utama getah asli dan bijih timah, dan mereka perlu bekerjasama untuk menghadapi masalah yang sama, iaitu soal ketidakstabilan harga bahan-bahan tersebut. Sungguhpun persaingan wujud antara mereka dalam memasarkan getah dan bijih timah, Tanah Melayu dan Indonesia sanggup bekerjasama untuk menghadapi persaingan getah tiruan dan masalah pelepasan stok pengimpal getah asli oleh Amerika Syarikat. Dari segi lain, konflik juga terdapat dalam hubungan ekonomi Tanah Melayu-Indonesia. Konflik ini berpunca daripada kegiatan penyeludupan di Selat Melaka yang merugikan kerajaan Indonesia yang sepatutnya diperoleh daripada pertukaran asing dan duti kastam. Indonesia menuduh Tanah Melayu tidak membantu pihaknya untuk menghapuskan kegiatan ini kerana penyeludupan menguntungkan Tanah Melayu.

Hubungan Sosial

Hubungan sosial Tanah Melayu dengan Indonesia bermula dalam keadaan yang baik. Indonesia menghantar pasukan bola sepaknya ke Pesta Bola Sepak Merdeka yang diadakan di Kuala Lumpur sempena merayakan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.[215] Indonesia turut menghantar pasukan bola sepaknya pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1961 dan 1962, Indonesia telah menjuarai Pesta Bola Merdeka tersebut.[216] Kehadiran pasukan bola sepak Indonesia bukan sahaja memeriahkan perayaan kemerdekaan Tanah Melayu tetapi juga telah merapatkan hubungan persaudaraan antara penduduk Tanah Melayu dengan Indonesia.

---

214 *Ibid.*, 28 September 1958.

215 Bagi memeriahkan lagi perayaan kemerdekaan Tanah Melayu pada 30 Ogos 1957, Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Malaya (FAM), telah mengemukakan idea mengadakan pertandingan bola sepak antarabangsa dan telah menjemput sembilan buah negara ke pertandingan tersebut. Dengan itu, Pesta Bola Merdeka bermula dan diadakan setiap tahun kerana mendapat sambutan yang menggalakkan di Asia Tenggara. Lihat *Berita Harian*, 27 Ogos 1957 dan *Malaya Official Year Book 1961*. Kuala Lumpur: Government Press, 1962, hlm. 370.

216 *Malaysia Year Book 1963*, hlm. 427.

Sementara itu, Tanah Melayu juga menghantar pasukan badminton ke Indonesia untuk bertanding dalam kejohanan di sana. Persatuan Badminton Melayu Se-Malaya menghantar satu pasukan yang terdiri daripada lima orang pemain dan empat orang pegawai untuk menyertai Kejohanan Badminton Terbuka Kebangsaan Indonesia pada tahun 1960.[217] Di samping itu, para pemain Indonesia telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Badminton Malaya.[218]

Persaudaraan ini dipereratkan lagi dengan lawatan-lawatan muhibah oleh rakyat Indonesia dan juga rakyat Tanah Melayu. Misalnya, tiga orang wartawan Tanah Melayu telah melawat Indonesia atas jemputan kerajaan Indonesia pada akhir tahun 1957. Lawatan mereka ini lebih merupakan "lawatan kajian" daripada lawatan muhibah. Mereka telah mengkaji peranan akhbar di Indonesia.[219] Walau bagaimanapun, lawatan Tun Abdul Razak pada bulan November 1958 dan lawatan Dr. Djuanda pada bulan April 1959, mempunyai kesan yang penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Hasil lawatan kedua-dua pemimpin itu telah menyebabkan kedua-dua negara mengadakan perjanjian persahabatan.[220] Perjanjian persahabatan ini telah merapatkan lagi hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia. Tanah Melayu turut menghantar kumpulan-kumpulan sivik ke Medan dan Jakarta untuk mengekalkan hubungan persahabatan dengan penduduk di sana di samping mengkaji pembangunan di Indonesia.[221] Indonesia juga menghantar rombongan muhibahnya ke Tanah Melayu. Isu Konfrontasi kemudian menghalang lawatan rombongan muhibah tersebut berterusan. Dalam tempoh tiga setengah tahun selepas perjanjian persahabatan ditandatangani, cuma terdapat tiga rombongan muhibah Tanah Melayu yang melawat Indonesia dan tiga rombongan muhibah Indonesia yang melawat Tanah Melayu.[222]

Pada peringkat awal kemerdekaan, hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia berada dalam keadaan yang mesra. Ini jelas dapat dilihat apabila pihak Indonesia menaja pameran seni di Kuala Lumpur pada bulan Februari 1959. Pameran ini diadakan di Balai Seni Kebangsaan dan kira-kira 90 orang seniman Indonesia mempamerkan hasil seni mere-

---

217 *Times of Indonesia*, 5 Oktober 1960.

218 *Antara Daily News Bulletin*, 29 Mac 1961.

219 *Ibid.*, 19 November 1957.

220 Lihat subtajuk *Isu Penting Dalam Hubungan Politik* untuk keterangan lanjut tentang Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu-Indonesia.

221 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 2 dan 3.

222 *Let the World Judge*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, 1964, hlm. 6.

ka.[223] Persahabatan dan persaudaraan antara Tanah Melayu dengan Indonesia turut wujud apabila kerajaan Indonesia menghadiahkan 31 ekor kambing jenis "Ettawa" kepada kerajaan Tanah Melayu pada bulan November 1959. Pemberian ini adalah untuk memenuhi janji yang diberikan oleh Dr. Djuanda semasa lawatannya ke Tanah Melayu pada bulan April 1959. Pemberian ini menguatkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara.[224]

Selepas perjanjian persahabatan ditandatangani, pihak Indonesia telah menghantar satu rombongan seniman ke Tanah Melayu pada akhir bulan November 1960 di bawah rangka perjanjian persahabatan. Rombongan kebudayaan ini mengadakan 41 pertunjukan selama 21 hari di Tanah Melayu.[225] Memang tidak dapat dinafikan bahawa rombongan tersebut telah menambah pengetahuan rakyat Tanah Melayu tentang kebudayaan Indonesia.[226] Sebahagian besar pertunjukan yang diadakan adalah tentang kebesaran kebudayaan Indonesia dan menunjukkan perbezaan daripada kebudayaan Tanah Melayu.[227] Dengan itu, jelas bahawa rombongan seniman Indonesia telah memperkecilkan kebudayaan Tanah Melayu sungguhpun tujuan lawatan mereka adalah untuk menunjukkan persamaan dalam kebudayaan Tanah Melayu-Indonesia yang dapat merapatkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara. Tetapi dalam pertunjukan kebudayaan tersebut, pihak Indonesia cuba mengatakan kepada kerajaan Tanah Melayu bahawa "You are different; you must go your own way".[228]

Walaupun pihak Indonesia telah memperkecilkan kebudayaan Tanah Melayu, dari segi lain, kerajaan Indonesia telah membantu jirannya. Misalnya, Indonesia menghantar seorang seniman popular Indonesia, Bing Selamat ke Radio Malaya untuk melatih para ahli muzik dan artis-artis lain.[229] Kerjasama yang diberikan oleh pihak Indonesia ini disebabkan adanya perjanjian persahabatan dengan Tanah Melayu. Kerjasama

---

223 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3.

224 *Antara Daily News Bulletin*, 11 November 1960 dan 30 Disember 1960.

225 *Ibid.*, 23 November 1960, dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3.

226 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3.

227 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 115.

228 *Ibid.* Menurut Mohd. Ghazali Shafie, "Yet, it is a fact that Indonesia seemed most reluctant to accept the principle of exchange. All Indonesia was interested in doing was to promote one-way cultural traffic from Indonesia to this country". Lihat Mohd. Ghazali Shafie 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creation Enterprise, hlm. 45.

229 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3.

dan persaudaraan antara kedua-dua negara juga kelihatan apabila pihak Indonesia menghantar perwakilannya bersama Menteri Hal Ehwal Agama ke pertandingan membaca al-Quran di Kuala Lumpur pada tahun 1961. Penghantaran perwakilan Indonesia ke pertandingan tersebut menguatkan lagi persaudaraan antara kedua-dua negara, khususnya di kalangan rakyat yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, pada tahun 1962 dan tahun 1963,[230] Indonesia tidak menghantar wakilnya ke pertandingan membaca al-Quran di Kuala Lumpur. Jabatan Agama Indonesia membatalkan pemergian wakil negaranya ke Kuala Lumpur kerana ketegangan hubungan Tanah Melayu-Indonesia akibat soal penubuhan Malaysia. Indonesia membantah penubuhan Malaysia sebagai neokolonialisme.

Sungguhpun terdapat kerjasama dan konflik dalam hubungan sosial antara kedua-dua negara tetapi hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia diperkukuhkan dengan lawatan muhibah kapal perang latihan Indonesia, Dewarutji, ke Pelabuhan Swettenham.[231] Kapal Dewarutji telah berada di pelabuhan tersebut selama lima hari dan anak kapal dilayan mesra oleh tentera Tanah Melayu. Anak-anak kapal dibawa melawat akademi tentera di Port Dickson. Mereka disambut oleh pegawai-pegawai tentera dan sivil atas semangat persaudaraan. Selain itu, terdapat kerjasama menerbitkan filem secara usaha sama antara kedua-dua negara. Perfina, syarikat filem dari Indonesia, dan Merdeka Filem Cooperation dari Tanah Melayu, telah bersetuju mengeluarkan filem usaha sama dengan membahagikan kos perbelanjaan sama rata. Filem tersebut diberi nama *Habis Gelap Terbitlah Terang* dan penggambarannya pula diadakan di Studio Perfina.[232]

Kerjasama dalam kebajikan turut wujud dalam hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia.[233] Semasa Jawa Barat dilanda banjir pada awal tahun 1961, sepuluh ribu orang kehilangan rumah dan beribu-ribu ekar sawah padi musnah. Kerajaan Tanah Melayu telah menghulurkan bantuannya kepada mangsa banjir tersebut dengan menghantarkan makanan dan pakaian. Secara peribadinya, Tunku Abdul Rahman telah menulis surat simpati kepada Perdana Menteri Indonesia, Dr. Djuanda. Begitu juga pada tahun 1963, rakyat Tanah Melayu menghulurkan

---

230 *Ibid.*, dan *Antara Daily News Bulletin*, 18 Februari 1963.

231 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Jun 1958 dan *Berita Harian*, 26 Mei 1958.

232 *Antara Daily News Bulletin*, 21 Januari 1959 dan 10 Februari 1959 serta *Berita Harian*, 19 Januari.

233 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3 dan *Antara Daily News Bulletin*, 29 Julai 1963.

bantuan kepada mangsa letupan gunung berapi di Pulau Bali. Rakyat Tanah Melayu telah menolong mangsa banjir dan letupan gunung berapi di Indonesia bukan sekadar sikap perikemanusiaan tetapi juga kerana tali persaudaraan.

Selain tema kerjasama dan persaudaraan, tema konflik juga wujud dalam bubungan sosial kedua-dua negara, apabila Indonesia menaja persidangan wartawan Afro-Asia di Jakarta pada tahun 1963. Dalam persidangan tersebut, perwakilan dari Tanah Melayu meminta pihak Indonesia menamatkan dasar Konfrontasinya terhadap cadangan Malaysia dan menyelesaikan ketegangannya dengan Tanah Melayu melalui semangat Bandung.[234] Malangnya, permintaan itu tidak dihiraukan oleh Jakarta. Konflik wujud apabila Presiden Sukarno menyanyikan lagu *Negaraku*, iaitu lagu kebangsaan Tanah Melayu, seperti menyanyi lagu "folk" di persidangan tersebut. Tindakan beliau merupakan satu penghinaan terhadap Tanah Melayu. Sukarno berbuat demikian di persidangan tersebut kerana beliau menentang usaha Tanah Melayu membentuk gagasan Malaysia yang akan meliputi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara. Oleh itu, akhbar *Utusan Melayu* (Kuala Lumpur) meminta kerajaan Tanah Melayu memutuskan hubungan dengan Indonesia kerana pihak Indonesia tidak menghormati kedaulatan Tanah Melayu dan telah memperkecilkan kedaulatannya di persidangan yang dihadiri oleh wartawan dari negara-negara Asia dan Afrika.[235] Mujurlah, kerajaan Tanah Melayu tidak menerima cadangan akhbar itu.

Dari aspek pelajaran, jelas menunjukkan kerjasama tanpa sebarang konflik. Hubungan Indonesia-Tanah Melayu dalam bidang ini telah bermula dalam keadaan yang baik. Dua minggu selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, kerajaan Indonesia telah menawarkan lima biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu yang ingin mengikuti kursus dalam bidang bahasa dan sastera, sejarah purba dan arkeologi di universiti Indonesia.[236] Semasa perbincangan awal tentang mengadakan perjanjian persahabatan dan kebudayaan antara Tanah Melayu-

---

234 *Antara Daily News Bulletin*, 2 Mei 1963. Tunku Abdul Rahman mengalu-alukan usaha Indonesia yang mengadakan Persidangan Wartawan Afro-Asia di Jakarta kerana persidangan tersebut dapat menguatkan persefahaman antara wartawan-wartawan Afro-Asia dan merapatkan lagi hubungan antara negara-negara Afro-Asia, *Antara Daily News Bulletin*. 1 April 1963.

235 *Antara Daily News Bulletin*, Mei 1963.

236 *Ibid.*, 12 September 1957. Cik Halimah Mohd Latiff merupakan pelajar pertama Tanah Melayu yang mendapat biasiswa daripada Badan Persahabatan Indonesia-Tanah Melayu. *Antara Daily News Bulletin*, 16 Mac 1961.

Indonesia, Duta Indonesia, Dr. Razif, telah berunding dengan Menteri Pelajaran Tanah Melayu, Khir Johari, bahawa di bawah perjanjian persahabatan dan kebudayaan, Tanah Melayu akan memperoleh sebilangan guru terlatih dari Indonesia untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah di Tanah Melayu.[237] Pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu dan penghantaran guru-guru Indonesia ke Tanah Melayu dilaksanakan selepas perjanjian persahabatan dimeterai antara kedua-dua negara.

Bagi meningkatkan lagi kerjasama pelajaran antara kedua-dua negara, sekumpulan guru dari Tanah Melayu telah melawat Indonesia pada tahun 1960. Kumpulan guru tersebut, terdiri daripada sepuluh orang yang diketuai oleh Yaakob bin Muhammad. Mereka menjalankan kajian tentang sistem pelajaran Indonesia selama dua minggu dengan memberi penumpuan kepada mata pelajaran vokasional. Mereka mengkaji sistem pelajaran Indonesia dari sekolah rendah hingga ke universiti dan mengkaji pelajaran bagi orang dewasa.[238]

Sementara itu, Kesatuan Guru-guru Melayu Kelantan meminta kerajaan Tanah Melayu menghantar lebih ramai guru Melayu ke Indonesia untuk mendapatkan pengalaman mengajar di sekolah rendah dan menengah.[239] Kesediaan Indonesia memberi bantuan kepada Tanah Melayu dalam bentuk biasiswa, dan penghantaran guru-gurunya telah merapatkan lagi hubungan kedua-dua negara. Tanah Melayu juga melihat kemajuan sistem pelajaran Indonesia sebagai contoh bagi melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kerana Indonesia telah menggunakan bahasa Indonesia dengan berkesan pada semua peringkat pendidikan.

Selain itu, kerjasama Tanah Melayu-Indonesia diperkukuhkan lagi dengan tawaran Indonesia untuk melatih rakyat Tanah Melayu dalam bidang penerbangan awam. Indonesia menawarkan kemudahan kepada empat orang rakyat Tanah Melayu untuk berlatih dalam bidang tersebut di Aviation Academy, Tjurung dekat Jakarta. Mereka mendapat latihan sebagai juruterbang sehingga mendapat "International Commercial Aviation Certificates". Keempat-empat rakyat Tanah Melayu (tiga Melayu dan seorang Cina) mendapat biasiswa tersebut pada tahun 1960.[240]

Dalam bidang bahasa pula, kajian telah pun dijalankan oleh kedua-

---

237 *Ibid.*, 29 Januari 1958.
238 *Ibid.*, 3 Februari 1959 dan 24 Mac 1960.
239 *Ibid.*, 16 Mei 1960.
240 *Ibid.*, 29 Mei 1958.

dua pihak untuk mengintegrasikan dan menyatukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berasal daripada rumpun bahasa yang sama. Akibat penjajahan, pengaruh Barat membezakan kedua-dua bahasa. Bahasa Melayu mempunyai pengaruh bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia mempunyai pengaruh bahasa Belanda.[241] Kajian-kajian awal untuk menyatukan kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia telah pun bermula, sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya.[242] Kemudian, pada awal kemerdekaan, Tanah Melayu meminta persetujuan kerajaan Indonesia untuk membentuk jawatankuasa bersama bagi menyamakan sistem ejaan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia. Bagi tujuan ini, Tanah Melayu menghantar wakilnya ke Jakarta untuk mengadakan perbincangan yang lebih lanjut.[243] Tidak lama kemudian, Indonesia menerima cadangan tersebut.

Sementara itu, Kementerian Pelajaran Tanah Melayu telah membentuk sebuah jawatankuasa yang dipimpin oleh Za'ba untuk membuat kajian awal tentang menyamakan ejaan. Jawatankuasa ini kemudiannya bersatu dengan Jawatankuasa Bersama Tanah Melayu-Indonesia. Langkah ini dilaksanakan selepas mengadakan perjanjian dengan pihak Indonesia. Di samping itu, Tanah Melayu bercadang mengadakan pertukaran pakar-pakar dan pelajar-pelajar bahasa sebagai satu usaha menyatukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia supaya menjadi satu bahasa yang umum.[244] Sembilan orang pakar bahasa dari Tanah Melayu tiba di Indonesia pada bulan Mei 1958 untuk mengkaji cara bahasa Indonesia diajar kepada murid-murid yang bertutur bahasa daerah dan juga orang asing.[245]

Pada bulan Ogos 1958, kedua-dua negara telah memberi persetujuan untuk mengadakan perjumpaan para pakar bahasa dari Tanah Melayu dan Indonesia. Mereka mengadakan pertemuan singkat untuk mencari jalan mewujudkan sistem ejaan yang sama bagi kedua-dua bahasa tersebut.[246] Mereka juga bersetuju mengadakan rundingan untuk menyamakan sistem ejaan kedua-dua negara pada bulan Oktober 1958. Pengerusi Jawatankuasa Ejaan Tanah Melayu, Syed Nasir bin Ismail pula berada di Jakarta untuk membuat rundingan permulaan dengan

241 *Ibid.*, 12 September 1957.
242 Lihat Bab Pertama, hlm. 96.
243 *Antara Daily News Bulletin*, 23 Oktober 1957.
244 *Ibid.*, 23 Oktober 1957.
245 *Ibid.*, 3 April 1958.
246 *Malay Mail*, 9 Ogos 1958 dan *Antara Daily News Bulletin*, 4 Ogos 1958.

Pengerusi Ejaan Indonesia, Dr. Prijono, yang juga Menteri Pelajaran Indonesia.[247]

Usaha menyatukan sistem ejaan kedua-dua bahasa tersebut telah diperkukuhkan semasa lawatan Dr. Djuanda ke Tanah Melayu pada bulan April 1959. Perbincangan diadakan antara Syed Nasir dengan Dr. Prijono, yang mengikuti rombongan Dr. Djuanda. Pihak Indonesia menerangkan, mereka akan menyemak semula sistem ejaan dan sebarang perubahan akan mengambil masa untuk melaksanakannya.[248] Kerjasama untuk menyatukan sistem ejaan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia telah diakui oleh Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu-Indonesia 1959. Perkara enam dalam perjanjian itu menyebut bahawa kedua-dua bahasa berasal daripada rumpun yang sama dan Tanah Melayu dan Indonesia akan bekerjasama seberapa luas yang boleh demi perkembangan dan penggunaan bahasa tersebut.[249]

Selepas perjanjian persahabatan ditandatangani, usaha penyamaan sistem ejaan bahasa Melayu-Indonesia berjalan dengan lancar. Kedua-dua negara telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Ejaan Bahasa Melayu-Indonesia.[250] Pada bulan Disember 1959, perwakilan Tanah Melayu yang diketuai oleh Syed Nasir telah pergi ke Indonesia untuk berbincang dengan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Indonesia. Selepas berbincang beberapa hari, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk melaksanakan sistem ejaan baru bagi bahasa Melayu dan Indonesia tidak lewat dari bulan Januari 1961.[251] Kedua-dua pihak bersetuju bahawa kerajaan Tanah Melayu dan Indonesia harus memberi kelulusan untuk melaksanakan ejaan baru bagi bahasa Melayu dan Indonesia.

Apabila cadangan untuk melaksanakan sistem ejaan baru dikemukakan kepada kerajaan Tanah Melayu dan Indonesia, kerajaan Tanah Melayu telah memberi persetujuan dengan serta-merta tetapi kerajaan Indonesia tidak membuat keputusan tanpa memberi sebarang alasan.[252]

---

247 *Berita Harian*, 7 Ogos 1958. Tuan Syed Nasir juga merupakan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Lihat juga Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 114.

248 *Malay Mail*, 10 April 1959.

249 *Teks Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu-Indonesia*, hlm. 10.

250 *Antara Daily News Bulletin*, 24 Disember 1959. Jawatankuasa Ejaan Bersama telah memberi laporan pertama kepada kerajaan Indonesia. Jawatankuasa tersebut bersetuju untuk mengamal sistem ejaan yang sama.

251 "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 114 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 3 dan 4.

252 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 4. Menurut Mohd. Ghazali Shafie, Presiden

Ini menyebabkan kerajaan Tanah Melayu mendesak Indonesia memberi jawapannya. Walau bagaimanapun, Indonesia tetap tidak berbuat demikian. Malangnya, Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia telah menjadikan kerjasama bahasa antara kedua-dua negara terbengkalai buat sementara waktu.[253]

Pada umumnya boleh disimpulkan bahawa persaudaraan dan kerjasama merupakan tema penting tetapi diganggu juga oleh tema konflik yang wujud akibat perbezaan pendapat dalam hubungan kedua-dua negara. Kerjasama dan persaudaraan menonjol melalui kegiatan sukan, agama, lawatan muhibah, bantuan kebajikan, bantuan latihan dan pelajaran, dan usaha menyamakan sistem ejaan bahasa Melayu-Indonesia. Sementara itu, konflik timbul daripada sikap rombongan kebudayaan Indonesia yang memperkecilkan kebudayaan Tanah Melayu, Indonesia memulaukan pertandingan membaca al-Quran dengan tidak menghantar wakil dan dalam soal penyamaan ejaan. Tema konflik ini mengganggu persaudaraan dan kerjasama yang terjalin dalam hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia.

Pendirian Tanah Melayu dan Indonesia terhadap Negara China

Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai pendirian yang berbeza terhadap masalah antarabangsa yang melibatkan RRC. Indonesia yang mendapat kedaulatan penuh pada tahun 1949 telah mengiktiraf kerajaan RRC di Peking sebagai kerajaan tunggal bagi keseluruhan wilayah yang dahulunya dikuasai oleh China Kebangsaan. Indonesia tidak mengiktiraf kerajaan Chiang Kai Shek di Taiwan.[254] Pada bulan Jun 1950, RRC telah

---

Sukarno enggan memberi persetujuannya untuk melaksanakan cadangan tersebut. Mohd. Ghazali Shafie 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise, hlm. 46.

253 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 114. Menurut En. Rachmat (Kedutaan Indonesia), bukan isu Konfrontasi sahaja yang menghalang kerjasama bahasa tetapi di Indonesia sendiri, tidak semua rakyat menggunakan bahasa Indonesia dengan sepenuhnya. Ini menyebabkan Indonesia tidak dapat memberi jawapan dengan serta merta tentang penggunaan ejaan baru. Temu bual penulis dengan En. Rahchmat, Kaunselor politik pada 15 Mac 1989 di Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur.

254 Hubungan Indonesia–RRC sejak akhir tahun 1960 sehingga Gerakan 30 September 1965, dikatakan mempunyai pengalaman seperti berbulan madu. Mary F. Somers Heidhues 1966. "Peking and the Overseas Chinese: The Malaysian Dispute", *Asian Survey*, Jil. VI, No. 5, Mei, hlm. 276.

mengiktiraf kerajaan Indonesia dan kedua-dua pihak menjalin hubungan diplomatik. Sementara itu, Tanah Melayu yang merdeka pada 31 Ogos 1957 tidak mengiktiraf kedua-dua kerajaan China, iaitu RRC di Beijing dan China Kebangsaan di Taipeh, sungguhpun RRC dan kerajaan Taipeh mengiktiraf kemerdekaan Tanah Melayu. Kedua-dua kerajaan China juga berminat untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Kuala Lumpur.[255] Sebenarnya Tanah Melayu enggan memberi pengiktirafan kepada RRC dan China Nasional kerana bimbang terhadap kesetiaan kaum Cina di Tanah Melayu akan berbelah bahagi antara Tanah Melayu dengan RRC atau China Nasional.[256]

Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai pendirian yang berbeza tentang masalah kedua-dua negara China itu. Tanah Melayu mengamalkan dasar mengakui kedua-dua negara China. Dasar ini tidak diterima baik oleh Beijing mahupun Taipeh. Dasar mengakui kedua-dua negara China itu muncul daripada politik dalam negeri dan keselamatan negara.[257] Pihak pembangkang yang berhaluan kiri di Tanah Melayu pula mendesak kerajaan supaya mengiktiraf RRC dan menyokong negara itu mendapatkan kerusi di PBB.[258] Sejak merdeka, Tanah Melayu tidak menyokong RRC menyertai PBB. Tanah Melayu tidak mengiktiraf RRC kerana Beijing merupakan rejim yang agresif. Pendirian Tanah Melayu ini mula berubah pada tahun 1960. Bagi Tunku Abdul Rahman, beliau menyokong RRC memasuki PBB tetapi Tanah Melayu tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan RRC.[259] Tunku Abdul Rahman mencadangkan RRC dan Formosa perlu sama-sama menduduki kerusi PBB. Formosa hendaklah diakui sebagai negara yang merdeka, berdaulat dan tidak boleh dipanggil sebagai China Kebangsaan.[260]

Sementara itu, Indonesia mempunyai pendirian bahawa terdapat hanya sebuah negara China, iaitu RRC. Formosa dianggap sebagai sebahagian daripada RRC dan Indonesia menyokong perjuangan RRC men-

---

255 *Antara Daily News Bulletin*, 9 September 1957; *Straits Times*, 31 Ogos 1957; dan Boyce, *Malaysian and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 146.

256 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 93. Tanah Melayu menghalang RRC mahupun China Kebangsaan menuntut rakyat Cina di Tanah Melayu sebagai rakyat masing-masing.

257 Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 34.

258 *Antara Daily News Bulletin*, 9 Januari 1962.

259 *Asian Recorder*, 3–9 September 1960, hlm. 3524 dan *Parliamentary Debates*, 20 April 1960, lajur 27.

260 *Asian Recorder*, 24–31 Disember 1960, hlm. 3707. China Kebangsaan juga dikenali sebagai Formosa dan Taiwan.

dapatkan semula Formosa.[261] Indonesia melihat usaha RRC memperoleh Formosa adalah sama dengan perjuangannya menuntut Irian Barat. Indonesia mengakui bahawa RRC berhak untuk mendapatkan kerusi di PBB dan Indonesia menyokong RRC memperoleh kerusi tersebut.[262]

Tanah Melayu melihat faham komunis sebagai ancaman besar kepada keselamatan Asia Tenggara manakala Indonesia melihat penjajahan Barat sebagai ancaman. Antara tahun 1948 hingga tahun 1960, Tanah Melayu telah mengalami ancaman pemberontakan komunis yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang berorientasikan Peking.[263] Semasa Darurat, PKM mendapat sokongan dari RRC untuk melancarkan pemberontakan. Oleh sebab RRC memberi sokongan kepada pihak komunis di Asia Tenggara, Tanah Melayu melihat RRC sebagai satu ancaman besar kepada rantau Asia Tenggara. Sebaliknya, Indonesia, khususnya Presiden Sukarno, tidak melihat RRC sebagai satu ancaman tetapi sebagai satu contoh bagi dirinya. Indonesia lebih melihat penjajahan Barat sebagai ancaman kerana Belanda masih menguasai Irian Barat (sehingga bulan Oktober 1962). Selepas lawatan Sukarno ke RRC, beliau tertarik dengan kejayaan yang dicapai oleh RRC menentang Kuomintang, pengaruh dan campur tangan pihak Barat di negara China. Sukarno percaya masalah politik Indonesia boleh diselesaikan jika negaranya mengamalkan corak pentadbiran RRC, iaitu "democratic centralism".[264] Sistem pentadbiran RRC yang dipimpin oleh Mao Tse-Tung menjadi asas kepada demokrasi terpimpin yang diperkenalkan oleh Sukarno pada tahun 1959.

Sukarno, PKI dan PNI (Parti Nasional Indonesia) melihat RRC sebagai sahabat tetapi pemimpin-pemimpin parti Islam pula melihat RRC sebagai satu ancaman. Ini kerana RRC memberi bantuan kepada PKI untuk menyebarkan pengaruhnya.[265] Semasa parti Masjumi yang dipim-

---

261 *Ibid.*, 9–15 Januari 1960, hlm. 3099. Lihat juga Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 114.

262 *Asian Recorder*, 23–29 Julai 1961, hlm. 4068 dan juga *Eastern World*, Jilid 15, No. 6, Jun 1961, hlm. 22.

263 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 32. Tanah Melayu melihat ancaman komunis dari RRC lebih bahaya daripada Soviet Union kerana RRC lebih dekat dengan rantau ini.

264 Sila lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 251–255. Sukarno sangat tertarik dengan kejayaan komunis menentang Kuomintang yang mendapat sokongan daripada pihak Barat dalam masa yang singkat. *Ibid.*, hlm. 251.

265 Franklin B. Weinstein 1976. *Indonesian Foreign Policy and the Dilema of Dependence: From Sukarno to Soeharto*. New York: Cornell University Press, Ithaca, hlm. 90–91.

pin oleh Sukiman, mentadbir Indonesia pada awal dekad 1950-an, mereka telah mengadakan gerakan membanteras komunis di Indonesia. Ramai ahli PKI telah ditahan oleh kerajaan Indonesia. Pemimpin terkemuka PKI pada waktu itu, Alimin, diberi perlindungan oleh Kedutaan RRC di Jakarta.[266]

Tanah Melayu menolak tuntutan RRC mahupun Taiwan bahawa masyarakat Cina di Tanah Melayu sebagai rakyat mereka. Tanah Melayu melihat masyarakat Cina di Tanah Melayu yang mempunyai kerakyatan Tanah Melayu sebagai rakyat Tanah Melayu sahaja. Dalam hal ini, Indonesia dan RRC mempunyai Perjanjian Dua Kerakyatan (1955) yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak selepas Persidangan Bandung. Perjanjian ini memberi peluang kepada masyarakat Cina di Indonesia memilih sama ada mereka mahu kerakyatan Indonesia atau RRC dalam tempoh satu hingga dua tahun.[267]

Dari segi ekonomi pula, Tanah Melayu tidak mengadakan hubungan ekonomi terus dengan RRC tetapi melalui saluran orang tengah terutamanya melalui Britain. Di samping itu, Tanah Melayu melarang akhbar-akhbar dari RRC dipesan atau diterbit semula di Tanah Melayu. Lagu-lagu "folk" yang subversif dari RRC juga diharamkan oleh Kuala Lumpur. Cawangan Bank of China di Tanah Melayu yang dimiliki oleh RRC diarahkan tutup oleh kerajaan Tanah Melayu. Tanah Melayu juga menghalang kemasukan beberapa jenis tekstil dari RRC dengan alasan akan menjejaskan industri tekstil tempatan.[268]

Sementara itu, Indonesia mempunyai hubungan ekonomi langsung dengan RRC, dan sebaliknya, mengharamkan hubungan ekonomi dengan Taiwan. Pada bulan Disember 1959, Indonesia telah mengarahkan penutupan semua cawangan Bank Great Eastern Banking Corporation yang dimiliki oleh Taiwan.[269] Indonesia menjalinkan kerjasama ekonomi dengan RRC seperti yang dipersetujui pada bulan April 1961.[270] Sebaliknya, RRC sudi memberi bantuan kewangan kepada Indonesia. Mao Tse Tung pernah menegaskan kepada Dr. Djuanda, "Just say how

---

266 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 109.

267 *Ibid.*, hlm. 112 dan *Asian Recorder*, 15–21 Januari 1961, hlm. 3735.

268 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 103. Tanah Melayu juga menghalang perwakilan Kesatuan Sekerja pergi ke RRC. *Parliamentary Debates*, 8 Ogos 1960, lajur 1044.

269 *Asian Recorder*, 9–15 Januari 1960, hlm. 3099.

269 *Asian Recorder*, 9–15 Januari 1960, hlm. 3099.

270 *Ibid.*, 15–21 Januari 1961, hlm. 3735.

much credit Indonesia needs. We'll supply it".[271] Semasa Sukan Asia diadakan di Jakarta pada tahun 1962, Indonesia telah menghalang Taiwan mengambil bahagian sebagai menunjukkan sokongannya kepada RRC. Indonesia juga menaja Games of New Emerging Forces (GANEFO) di Jakarta setelah Indonesia disingkirkan oleh Majlis Olimpik Antarabangsa kerana menghalang Taiwan menyertai sukan Asia. GANEFO memberi peluang kepada RRC membuktikan kebolehannya dalam bidang sukan mahupun diplomatik.[272]

Hubungan Indonesia dengan RRC berada pada tahap yang baik pada awal tahun 1960-an. Hal ini jelas apabila rusuhan anti-China meletus di Indonesia terutama di Bogor dan Surabaya pada bulan Mei 1963.[273] Dalam rusuhan ini banyak harta benda kaum Cina di Indonesia musnah dan kerajaan RRC tidak menunjukkan sebarang bantahan terhadap rusuhan tersebut.[274] Sebaliknya, kerajaan Indonesia mengambil tindakan tegas terhadap rusuhan tersebut. Sukarno memberi amaran bahawa rusuhan tersebut boleh mengancam revolusi rakyat Indonesia. Menurut beliau:

> "The incidents against the Chinese had spoiled Indonesia's name. How can we condemn racialism against the Negroes in the United States and against coloured people in South Africa and practise it against the Chinese in our country?"[275]

RRC bersama Indonesia telah mengecam cadangan gagasan Malaysia sebagai plot neokolonialisme. Indonesia dan RRC telah menyokong pemberontakan Brunei yang menentang gagasan Malaysia. Perdana Menteri RRC, Chou En-Lai, menjelaskan "the Chinese people, like the Indonesian people, supported the righteous struggle of the Brunei people". Begitu juga dengan Pengerusi RRC, Liu Shao Chi, semasa lawatannya ke Indonesia pada bulan April 1963, beliau menegaskan sokongan RRC kepada Indonesia untuk menentang gagasan Malaysia.[276]

Menyentuh tentang pencerobohan RRC terhadap Tibet, Tanah Me-

---

271 *Ibid.*, 13–19 Februari 1960, hlm. 3160.

272 Carl Taylor 1963. "Indonesian Views of China", *Asian Survey*, Jil. 3, No. 3, Mac, hlm. 168 dan Grant, *Indonesia*, hlm. 155.

273 *Asian Recorder*, 25 Jun–Julai 1963, hlm. 5272.

274 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 114.

275 *Asian Recorder*, 25 Jun–1 Julai 1963, hlm. 5272.

276 Somers Heidhues, "Peking And The Overseas Chinese", hlm. 279.

layu mengkritik dan menentang tindakan itu. Pencerobohan tersebut menyebabkan rakyat Tibet kehilangan hak kemanusiaan. Pemimpin Tibet, Dalai Lama, dan ramai rakyat Tibet melarikan diri ke India dan Nepal. Pentadbiran RRC menyebabkan struktur agama, sosial dan kehidupan politik serta ekonomi penduduk Tibet terhapus.[277] Pada sesi ke-14 Persidangan PBB, Tanah Melayu bersama Ireland telah meminta masalah "inscription" Tibet tentang pencerobohan RRC dibawa ke agenda mesyuarat agung PBB. Draf revolusi tentang isu ini kemudian diterima oleh PBB untuk menguatkan lagi pendirian PBB terhadap hak asasi manusia, terutamanya tentang hak asasi rakyat Tibet serta kebudayaan dan agama mereka.[278] Sebaliknya, Indonesia tidak menentang sikap agresif RRC terhadap Tibet. Akan tetapi Indonesia telah menentang isu "inscription" Tibet yang dibawa ke agenda perhimpunan agung PBB. Indonesia bersama 13 buah negara lain telah menentang "inscription" tersebut kerana Tibet berada di bawah pentadbiran RRC dan RRC tidak mempunyai perwakilan di PBB.[279] Wakil Indonesia di PBB berkata:

> "We believe that all Tibetan people and all peoples have their foundamental human rights. Tibetans must retain their right to worship according to their religion and to devote their own culture".[280]

Pendirian Indonesia yang tidak mengutuk pencerobohan dan penjajahan RRC terhadap Tibet telah bercanggah dengan prinsip Bandung (1955) yang menentang penjajahan dan pencerobohan. Lebih penting lagi, Indonesia sendiri menjadi penaja Persidangan Bandung. Ini bermakna Indonesia tidak mengamalkan prinsip-prinsip yang ditaja olehnya sendiri.

Dalam soal perang sempadan Sino-India, Tanah Melayu telah mengambil pendirian yang pro-India dan menentang pencerobohan tentera RRC terhadap wilayah India di Himalaya.[281] Semasa lawatan Tunku Abdul Rahman ke India pada bulan Oktober 1962, beliau telah membidas sikap agresif RRC. Beliau juga berkata, "in the event of a de-

---

277 Tunku Abdul Rahman 1965. "Malaysia: Key Area in Southeast Asia", *Foreign Affairs*, Jil. 43, No. 4, Julai, hlm. 664; Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, hlm. 47, dan *Asian Recorder*, 23–29 April 1960, hlm. 3277.

278 *The Federation of Malaysia: Year Book 1962*. Kuala Lumpur: Malay Mail Publishing, 1963, hlm. 75.

279 *Times of Indonesia*, 14 Oktober 1960.

280 *Ibid.*

281 Dalton, "The Development of Malayan External Policy," hlm. 100.

claration of war between India and China, Malaya would give India, all out support".[282] Bagi menyokong India dalam masalah sempadan Sino-India, Tunku Abdul Rahman telah melancarkan Tabung Selamatkan Demokrasi (Save Democracy Fund) pada 3 November 1962. Tabung ini berjaya mengumpulkan satu juta ringgit.[283] Parti-parti pembangkang di Tanah Melayu (Parti Buruh, Parti Rakyat, PMIP atau Parti Islam Se-Malaya dan Parti Progresif Rakyat) melihat pendirian Tunku Abdul Rahman sebagai tidak arif dan meminta kerajaan mencari penyelesaian yang aman untuk menyelesaikan masalah ini.[284]

Sementara itu, Indonesia pula mengambil pendirian berkecuali terhadap keagresifan RRC. Dr. Subandrio menegaskan, RRC dan India adalah sahabat Indonesia dan Indonesia bukan pasif dalam hal ini. Beliau dan Presiden Sukarno telah berusaha untuk mencari penyelesaian bagi masalah tersebut.[285] Manakala Ide Anak Agung, bekas Menteri Luar Negeri Indonesia, menuduh rejim Sukarno tidak bersuara terhadap keagresifan RRC pada hal India pernah menyokong perjuangan kemerdekaan Indonesia terhadap Belanda.[286] PKI pula mengkritik Nehru bersikap agresif dan tidak mahu menyelesaikan masalah sempadan secara aman. Ini disebabkan India telah membeli jet pejuang MIG-21 dari Soviet Union untuk menguatkan pertahanannya.[287] Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Presiden Sukarno dan Presiden RRC, Liu Shao Chi, berikutan lawatan Presiden RRC ke Indonesia pada bulan April tahun 1963, Indonesia dan RRC bersetuju bahawa masalah sempadan India-RRC harus diselesaikan berdasarkan semangat Persidangan Bandung. Indonesia juga berkata, pengunduran tentera RRC dari wilayah India dan penyerahan tawanan perang India akan membuka jalan kepada penyelesaian damai.[288]

Dalam melihat pendirian Tanah Melayu dan Indonesia terhadap isu-

---

282 Tunku Abdul Rahman "Malaysia: Key Area", hlm. 565.

283 *Ibid.*, dan lihat juga Vishal Singh, "The Reactions of South East Asian Countries", *International Studies*, Jil. 5, 1963–1964, hlm. 81. Tunku Abdul Rahman mengumumkan bahawa masalah antara RRC dengan India adalah masalah antara demokrasi dengan komunis. Ini adalah bertujuan mengelakkan pandangan di kalangan rakyat keturunan Cina di Tanah Melayu bahawa pendirian Tanah Melayu tidak terhadap masyarakat Cina tetapi terhadap idealogi komunis.

284 Vishal Singh, "The Reaction of SEA Countries", hlm. 81.

285 *Ibid.*, hlm. 83.

286 Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 361.

287 Vishal Singh, "The Reaction of SEA Countries", hlm. 83.

288 *Asian Recorder*, 11–17 Jun 1963, hlm. 5250.

isu yang berkaitan dengan RRC, tema komunisme adalah tema yang terpenting. Tanah Melayu melihat RRC sebagai satu ancaman besar kepada rantau ini kerana RRC menyokong perjuangan pihak penentang kerajaan yang sah di Asia Tenggara. Di Tanah Melayu, Parti Komunis Malaya (PKM) yang berorientasikan Peking melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap kerajaan yang sah di Tanah Melayu. Ini menyebabkan Tanah Melayu tidak mengiktiraf RRC dan enggan mengadakan hubungan diplomatik dengannya. Di samping itu, Tunku Abdul Rahman mengutuk RRC dalam isu-isu antarabangsa seperti masalah Tibet dan perang sempadan Sino-India.

Sementara itu, Indonesia, khususnya Presiden Sukarno dan penyokongnya, melihat RRC sebagai negara sahabat. Indonesia melihat kejayaan pihak komunis menentang pihak Kuomintang yang mendapat sokongan dari Barat sebagai contoh untuknya. Lebih penting lagi adalah sistem pemerintahan totalitarian RRC yang digunakan oleh Presiden Sukarno untuk merangka sistem demokrasi terpimpin di Indonesia. Bantuan yang diberi oleh RRC kepada Indonesia untuk menuntut Irian Barat telah merapatkan hubungan RRC dengan Indonesia. Ini menyebabkan Indonesia bersikap berkecuali apabila RRC menyerang Tibet dan mencéroboh masuk ke India. Hubungan Indonesia dengan RRC bertambah kukuh dengan lawatan yang dilakukan oleh pemimpin kedua-dua negara. Indonesia dan RRC melihat kolonialisme pihak Barat sebagai ancaman besar. Oleh itu, kedua-dua negara mengesyaki gagasan Malaysia yang ditaja oleh Tunku Abdul Rahman dan pihak British akan meluaskan lagi imperialisme British di rantau Asia Tenggara.

Pendirian Tanah Melayu dan Indonesia terhadap Pertubuhan Serantau di Asia Tenggara

Dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia antara tahun 1957 hingga tahun 1961, pertubuhan-pertubuhan serantau di Asia Tenggara seperti SEATO (Southeast Asia Treaty Organization), Kumpulan Afro-Asia, Blok Muslim, SEAFET (Southeast Asia Friendship and Economic Treaty) dan ASA (Association of Southeast Asia) telah mempengaruhi hubungan kedua-dua negara tersebut.[289] Tema keserantauan akan

289 Selain itu, terdapat juga Maphilindo (*Malaysia, Philippines and Indonesia Confederation*) dan Kumpulan Afro-Asia. Maphilindo akan dibincangkan dalam bab ketiga kerana Maphilindo berkaitan dengan soal penubuhan Malaysia. Di sini akan dibincangkan tentang Kumpulan Afro-Asia kerana berkaitan dengan hubungan Tanah

banyak diperhatikan dalam bahagian ini.

SEATO yang ditubuhkan pada tahun 1954 di Manila, merupakan badan serantau bercorak ketenteraan yang pertama di rantau Asia Tenggara. Tujuannya adalah untuk membendung kemaraan ideologi komunis di rantau ini. Amerika Syarikat merupakan negara penaja utama kepada SEATO dan tujuh buah negara lain, termasuk Britain, Perancis, Pakistan, Thailand, Filipina, Australia dan New Zealand.[290]

Indonesia tidak menyertai SEATO kerana menganggap pertubuhan ini sebagai pakatan tentera menentang blok komunis sedangkan Indonesia menerima bantuan dari negara-negara komunis. Indonesia yang mengamalkan dasar luar yang berkecuali, melihat SEATO sebagai satu yang bercanggah dengan dasar luar negerinya kerana memihak kepada blok Barat.[291] Sungguhpun Indonesia mengamalkan dasar luar yang berkecuali tetapi ciri-ciri anti-Barat juga kelihatan dalam dasar luarnya. Sikap anti-Barat telah berpunca daripada perjuangan Indonesia memperoleh kemerdekaan dan tuntutan Indonesia terhadap Irian Barat yang dikuasai oleh Belanda. Indonesia kecewa dengan sikap dingin Amerika yang enggan memberi bantuan ketenteraan kepadanya. Indonesia juga tidak berpuas hati dengan sokongan yang diberi oleh Amerika kepada Belanda, sekutunya dalam NATO tetapi memusuhi Indonesia dengan isu Irian Barat.[292] Jadi, Indonesia tidak ingin membantu Amerika dengan menyertai SEATO.

Oleh sebab pada dasarnya SEATO merupakan pertubuhan anti-komunis, dan Indonesia pula menerima bantuan kewangan dan ketenteraan dari Soviet Union, Sukarno berpendapat, adalah sukar bagi negaranya untuk menentang pihak komunis dengan menjadi sekutu dalam SEATO kerana Indonesia pada waktu itu sangat memerlukan bantuan tersebut dari Soviet Union.[293] Bantuan ini sangat diperlukan untuk menguatkan kempen pembebasan Irian Barat dari Belanda. Jadi, Indo-

---

Melayu-Indonesia, padahal Afro-Asia Solidarity merupakan kumpulan negara-negara dari Asia dan Afrika yang muncul selepas Persidangan Bandung (1955) di Indonesia. Afro-Asia bukanlah pertubuhan serantau seperti SEATO ataupun ASA yang mempunyai peraturan tertentu. Kumpulan Afro-Asia ialah negara-negara Asia-Afrika yang merdeka, bekerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan politik. Lihat Lampiran 13, "Final Communique of the Bandung Conference", Ide Anak Agung, *Twenty Years of Indonesian Foreign Policy*, hlm. 574–584.

290 Ide Anak Agung, *ibid.*

291 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 48.

292 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 33.

293 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 93.

nesia tidak menyertai SEATO kerana keanggotaannya akan menjejaskan hubungan dengan negara-negara komunis yang menyokong Indonesia dalam menentang penjajahan.

Seperti Indonesia, Tanah Melayu juga tidak menyertai SEATO. Tanah Melayu mempunyai alasannya tersendiri iaitu perjanjian pertahanan dengan Britain, AMDA, dianggap cukup untuk menjamin keselamatannya. Menurut Tunku Abdul Rahman, "a defence agreement with Britain is sufficient for our national defence". Menurut beliau lagi, Tanah Melayu tidak perlu menjadi anggota SEATO kerana berpuas hati dengan perjanjian AMDA.[294] Selain itu, keanggotaan Tanah Melayu dalam SEATO boleh menyakitkan sejumlah negara-negara Asia sedangkan Tanah Melayu mahu berbaik-baik dengan mereka.[295] Misalnya, India dan Ceylon tidak menggalakkan penyertaan Tanah Melayu dalam SEATO kerana keanggotaan itu boleh menjejaskan kepentingan Afro-Asia. Sementara Indonesia pula berpendapat bahawa jika Tanah Melayu menyertai SEATO maka Tanah Melayu akan mempunyai dasar luar yang menyimpang daripada dasar luar Indonesia. Sebaliknya, Australia dan Filipina menggalakkan Tanah Melayu menyertai SEATO.[296]

Menurut Ali Sastroamidjojo, bekas Perdana Menteri Indonesia, kerajaan Indonesia tidak membantah Tanah Melayu menyertai SEATO kerana penyertaan itu adalah urusan Tanah Melayu dan bukannya urusan Indonesia. Beliau menjelaskan bahawa kemasukan Tanah Melayu tidak mewujudkan permusuhan dengan Indonesia kerana negara Filipina telah menjadi ahli SEATO tetapi masih mempunyai hubungan yang baik dengan Indonesia.[297] Sebaliknya, PKI melihat SEATO dan penyertaan Tanah Melayu di dalamnya sebagai ancaman terhadap keselamatan Indonesia.[298]

Sungguhpun begitu, keengganan Tanah Melayu menyertai SEATO juga berkaitan dengan pendirian sebilangan rakyat Tanah Melayu. Penduduk Melayu yang pro-Indonesia menganggap SEATO bercanggah dengan semangat Bandung yang menentang pakatan bercorak ketenteraan. Sementara itu, kaum Cina pula melihat SEATO sebagai pakatan anti-China. Oleh itu, salah satu sebab kerajaan tidak menyertai SEATO ada-

---

294 Lihat *Straits Budget*, 4 September 1957 dan *Far Eastern Economic Review* (FEER), 28 Julai 1960, hlm. 163, dipetik oleh Delton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 72.

295 Michael Liefer, *The Foreign Relations of the New States*, Victoria, 1974, hlm. 47.

296 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 72.

297 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 117.

298 Zainal Abidin Wahid, "Malaysia: A Survey", hlm. 374.

lah kerana ini boleh mewujudkan ketegangan perkauman di Tanah Melayu.[299]

Walaupun Indonesia dan Tanah Melayu sama-sama tidak menyertai SEATO, akan tetapi sebab-sebab mereka adalah berbeza. Indonesia lebih mementingkan dasar luar negeri yang tanpa pihak, manakala Tanah Melayu mengutamakan perjanjian pertahanan dengan Britain yang cukup untuk keselamatannya dan mengelakkan ketegangan antara etnik-etnik di dalam negeri.

Seperti SEATO, kumpulan Afro-Asia juga mempunyai perkaitannya dalam hubungan Tanah Melayu dan Indonesia. Kumpulan ini terdiri daripada negara-negara Dunia Ketiga yang telah bersatu selepas Persidangan Bandung 1955. Blok Afro-Asia memperjuangkan dasar luar yang tanpa pihak dan menentang penjajahan, di samping mengelakkan diri daripada perang dingin antara Blok Barat dengan Blok Timur.[300] Di kalangan negara-negara Afro-Asia, Indonesia mempunyai martabat yang tinggi kerana telah menjadi negara penaja.[301] Pada tahun 1955, Tanah Melayu telah meminta jasa baik Nehru untuk mendapatkan taraf pemerhati di Persidangan Bandung tetapi Nehru telah menyatakan keraguannya untuk menolong Tanah Melayu. Jadi, selepas merdeka, Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa tidak ada sebab Tanah Melayu harus menjadi sebahagian daripada gerakan kumpulan Afro-Asia.[302] Tunku Abdul Rahman tidak yakin tentang kumpulan Afro-Asia dan pernah membuat kenyataan yang menyinggung perasaan kumpulan itu seperti lokasi ibu pejabat kumpulan itu.[303] Jadi, adalah jelas bahawa Tunku Abdul Rahman tidak begitu tertarik dengan kumpulan Afro-Asia.

Namun begitu, Tanah Melayu menerima dan mengamalkan dengan baik sepuluh prinsip Bandung. Ini jelas dilihat apabila Tanah Melayu menentang kolonialisme di Asia dan Afrika, pencerobohan RRC terhadap Tibet dan India, menentang dasar perkauman di Afrika Selatan dan mencadangkan gagasan Malaysia untuk membebaskan Singapura, Sarawak, Borneo Utara dan Brunei daripada penjajahan.[304] Sebaliknya,

---

299 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 96. Lihat juga, Silcock, "Development of a Malayan Foreign Policy", hlm. 50.

300 Sila lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 223–227 dan 237–238 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 32.

301 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 32.

302 Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 42.

303 Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Dasar Luar Malaysia*, hlm. 14.

304 Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, hlm. 43–47 dan Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 176–177.

Indonesia sebagai negara penaja kumpulan Afro-Asia tidak bersungguh-sungguh mengamalkan prinsip Bandung. Indonesia bersikap berkecuali dalam isu sempadan Sino-India sungguhpun pencerobohan itu bertentangan dengan prinsip Bandung. Bagi mengekalkan hubungan baik dengan RRC, Indonesia juga tidak mengutuk penaklukan RRC terhadap Tibet.[305] Begitu juga Jakarta menuduh gagasan Malaysia sebagai neo-kolonialisme, sebaliknya, berdiam diri terhadap penjajahan Portugal di Timur.[306] Indonesia dianggap tidak bersikap jujur dalam mengamalkan prinsip-prinsip Persidangan Bandung yang menjadi asas kepada kumpulan Afro-Asia. Padahal, Indonesia merupakan negara penaja Afro-Asia. Sebaliknya, Tanah Melayu lebih bersungguh-sungguh mengamalkan prinsip-prinsip kumpulan Afro-Asia walaupun kurang penting daripada Indonesia dalam kumpulan Afro-Asia kerana Tanah Melayu lebih rapat dengan pertubuhan Komanwel.

Sungguhpun SEATO dan kumpulan Afro-Asia mempunyai kaitan dengan hubungan Tanah Melayu-Indonesia, tetapi kedua-duanya mempunyai kelemahan. Pertama, SEATO yang ditaja oleh Amerika untuk membendung pengaruh komunis di Asia Tenggara merupakan sebuah pertubuhan serantau yang bercorak ketenteraan. Ini secara tidak langsung akan membawa anggota-anggotanya melibatkan diri dalam perang dingin dengan blok Timur. Di samping itu, SEATO dianggotai oleh negara-negara dari luar rantau Asia Tenggara seperti Pakistan, Britain, Perancis dan Amerika Syarikat. Kumpulan Afro-Asia pula merupakan kumpulan yang lebih luas dan tidak meliputi satu rantau tertentu. Sebaliknya, kumpulan ini meliputi dua benua besar, iaitu Asia dan Afrika. Oleh itu, kepentingannya meliputi kawasan yang luas.

Oleh sebab SEATO dan kumpulan Afro-Asia mempunyai kelemahan, semasa berada di Colombo Sri Lanka, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan hasratnya untuk menubuhkan sebuah pertubuhan serantau di Asia Tenggara yang tidak bercorak ketenteraan, politik dan tidak berkaitan dengan mana-mana blok ideologi.[307] Tunku Abdul Rahman men-

---

305 Sila lihat Bab 2 untuk keterangan lanjut tentang pendirian Indonesia.

306 Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, hlm. 46.

307 Tunku Abdul Rahman telah pergi ke Sri Lanka (Ceylon) untuk menghadiri perayaan ulang tahun kemerdekaan Sri Lanka yang ke-10. Sebelum ke Colombo, Tunku Abdul Rahman telah melawat Vietnam Selatan dan Thailand. Lihat *Berita Harian*, 6 Februari 1958; Silcock, "The Development of a Malayan Foreign Policy", hlm. 47; Mohd. Hear, "Malaysia dan Kerjasama Serantau di Asia Tenggara", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 192 dan Gordan, *Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 166.

cadangkan pertubuhan serantau di kalangan negara-negara Asia Tenggara untuk memajukan keadaan sosial dan ekonomi penduduk di negara-negara tersebut. Tunku Abdul Rahman menerangkan:

> "Kita kaya dengan hasil-hasil bumi, kita kaya dengan cita-cita keadilan, hak-hak kemanusiaan, kemerdekaan dan kebebasan. Kita juga mempunyai masalah yang serupa dan saya percaya jalan yang boleh kita mengatasi kesulitan-kesulitan kita itu ialah dengan berdamping, bekerjasama dan membuat rancangan bersama dengan lebih rapat lagi. Jika kita berpecah belah maka bahaya mungkin kita hadapi ialah kita terpaksa bergantung kepada sokongan negara-negara besar, yang akibatnya kemerdekaan yang sangat hargai itu akan menjadi kurang bererti nya."[308]

Tunku Abdul Rahman juga pernah menegaskan bahawa keselamatan Tanah Melayu tidak akan terjamin selagi negara ini dan jiran-jirannya masih hidup berpecah belah dan berbagai-bagai haluan. Perpaduan di kalangan negara Asia Tenggara adalah perlu bagi membangunkan dengan sempurna dan melegakan diri bukan sahaja dari tekanan komunis tetapi juga dari terus bergantung pada kuasa-kuasa luar.[309] Idea dasar Tunku Abdul Rahman mencadangkan pertubuhan serantau di Asia Tenggara adalah untuk membendung peluasan pengaruh komunis di rantau ini. Tunku Abdul Rahman percaya bahawa dengan pertubuhan serantau yang dapat menguatkan kerjasama ekonomi, kemiskinan akan dapat dihapuskan. Beliau menyedari bahawa kemiskinan merupakan jalan utama bagi komunisme meluaskan pengaruhnya.[310]

Bagi menguatkan hujahnya, Tunku Abdul Rahman menekankan bahawa negara-negara Asia Tenggara berada dalam keadaan merbahaya dan "menari mengikut rentak kuasa-kuasa besar". Oleh itu, Tunku Abdul Rahman menghujah:

> "I think, it is a mistake for these nations to concern themselves underly with world politics or Afro-Asia politics, when politics in Southeast Asia are in the melting pot."[311]

---

308 *Berita Harian*, 6 Februari 1958. Menurut Mohd. Ghazali Shafie, cadangan Tunku Abdul Rahman bersifat revolusioner pada masa itu kerana politik dunia didominasi oleh pertentangan ideologi antara blok Barat dengan Timur. Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, hlm. 160.

309 Mohd. Hear, "Malaysia dan Kerjasama Serantau", hlm. 194 dan *Straits Times*, 18 November 1959.

310 Lihat Gordan, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 166.

311 Silcock, "Development of a Malayan Foreign Policy", hlm. 48.

Kenyataan Tunku Abdul Rahman kemudian dikritik oleh sebuah akhbar berhaluan kiri dari Indonesia atas sebab mengetepikan prinsip-prinsip Persidangan Bandung. Kenyataan Tunku Abdul Rahman juga telah menyebabkan Menteri Luar Indonesia menangguhkan lawatannya ke Tanah Melayu kerana telah mengecewakan pihak Indonesia dan memperkecilkan politik Afro-Asia.[312] Pandangan Tunku Abdul Rahman seolah-olah menghina Indonesia kerana Indonesia merupakan negara penaja bagi kumpulan Afro-Asia.

Bagi mempercepatkan usaha penubuhan pertubuhan serantau, Tunku Abdul Rahman melawat Manila pada bulan Januari tahun 1959. Tunku Abdul Rahman dan Presiden Garcia berbincang tentang cadangan Tunku Abdul Rahman yang dikeluarkan di Colombo. Tunku Abdul Rahman menamakan pertubuhan yang ada dalam cadangan beliau sebagai Southeast Asian Friendship and Economic Treaty (SEAFET).[313] SEAFET yang dicadangkan itu akan menjadi negara-negara Asia Tenggara yang pro-Barat dan berkecuali, seperti Burma dan Indonesia. SEAFET bertujuan untuk merapatkan kerjasama ekonomi dan kebudayaan di Asia Tenggara.[314] Pada 9 April 1960, Tanah Melayu dan Filipina mencapai persetujuan untuk mengadakan pakatan tersebut dengan mengutarakan enam syarat.[315]

Selain itu, pihak Filipina telah mencadangkan supaya Taiwan, Jepun, Korea Selatan dan Australia dimasukkan dalam SEAFET, supaya pertubuhan itu benar-benar berfungsi sebagai pertubuhan antikomunis. Tetapi Tunku Abdul Rahman menolak cadangan tersebut kerana ke-

---

312 *Ibid.*

313 Gordan, *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 166.

314 Tunku Abdul Rahman berkata, Tanah Melayu dan jiran-jirannya merupakan pengeluar bahan mentah seperti getah dan bijih timah, dan mereka tidak mempunyai pertubuhan untuk melindungi harga bahan-bahan itu. Ini menyebabkan negara pembeli menentukan harga bahan-bahan tersebut. Jika ada satu pertubuhan seperti yang dicadangkan olehnya, negara-negara berkenaan dapat mengawal harga bagi bahan mentah dari rantau ini. *Asian Recorder*, 7–12 Mei 1960, hlm. 3306.

315 Keenam-enam syarat SEAFET yang dipersetujui oleh Tanah Melayu dan Filipina ialah: (i) It would non-political non-ideological and not tied to any military alliance, (ii) It would seek economic development and a rise in living standard in Southeast Asia through co-operation among its members; (iii) It would adhere to the Bandung Principles; (iv) The Philippines and Malaya would ask Burma, Indonesia, South Vietnam, Laos, Cambodia and Thailand to co-sponsor the alliance; (v) They would invite self-governing territories such as Singapore to join as associate members, and (vi) Adhesion of other States would be left to joint decision of the sponsoring states. *Ibid.*

masukan negara-negara dari luar rantau ini akan menjejaskan SAEFET sebagai pertubuhan bukan politik. Kemasukan Australia juga boleh menjejaskan ciri-ciri Asia dalam SEAFET.[316] Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman dan Presiden Garcia telah bersetuju bahawa Indonesia harus dimasukkan dalam pertubuhan serantau yang baru di Asia Tenggara kerana Indonesia mempunyai ikatan ras atau bangsa yang rapat dengan Tanah Melayu dan Filipina.[317] Tunku Abdul Rahman pada masa itu mengharapkan:

> ..."a rebirth of the Malay race from the Straits of Malacca to the Western border of the Pacific Ocean. There will yet be a rebirth of the Malay race after having been separated for so long by Western dominance".[318]

Pada bulan Oktober 1959, Tunku Abdul Rahman menulis surat kepada semua pemimpin negara-negara Asia Tenggara, kecuali Vietnam Utara, untuk mendapatkan sokongan mereka bagi membincangkan projek SEAFET dalam mesyuarat yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada awal tahun 1960.[319] Pada umumnya, sambutan dari negara-negara Asia Tenggara tidak menggalakkan. Semua negara kecuali Thailand menolak cadangan itu.[320]

Di Indonesia, pihak kerajaan dan media negara itu menolak cadangan SEAFET.[321] Kerajaan Indonesia menegaskan bahawa negara itu tidak akan menghadiri persidangan peringkat menteri untuk membincangkan SEAFET yang ditaja bersama oleh Tanah Melayu dan Filipina kerana Jakarta mahukan persidangan itu diaturkan dalam persidangan Afro-Asia.[322] Indonesia telah menolak cadangan SEAFET kerana projek tersebut boleh menjejaskan hubungan dalam kumpulan Afro-Asia. Oleh

---

316 *Straits Times*, 18 April 1959.

317 Silcock, "Development of a Malayan Foreign Policy", hlm. 48.

318 *Antara Daily News Bulletin*, 21 Januari 1959. Menurut Dalton, di kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura terdapat prasangka terhadap SEAFET, iaitu SEAFET ialah satu perikatan di kalangan bangsa Melayu untuk menentang kaum Cina di Asia Tenggara (the Nanyang Chinese). Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 175.

319 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 175.

320 Pihak Thai mencadangkan pertubuhan ini dikenali sebagai *Southeast Asia Community Organization* (SEACOR). Gardon, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 167.

321 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 175.

322 *Antara Daily News Bulletin*, 20 Februari 1959.

itu, Indonesia mahukan hubungan sepihak untuk melaksanakan Prinsip Bandung.[323] Menurut R.A.S. Hardojo, Setiausaha Pertama Kedutaan Indonesia di Manila, Indonesia inginkan hubungan dua hala daripada perjanjian yang melibatkan dua atau lebih negara kerana bagi Indonesia hubungan dua hala lebih berkesan dalam membawa persefahaman dan kerjasama antara negara-negara Asia.[324]

Sementara itu, Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio pula berkata, walaupun pihaknya telah menolak cadangan SEAFET, Indonesia ingin mengekalkan hubungan rapat dengan jiran-jirannya dalam aspek kebudayaan, pelajaran, sosial dan ekonomi. Beliau mengulangi pendirian Indonesia bahawa negara itu tidak akan menyertai mana-mana perikatan kerana boleh menjejaskan kemerdekaannya dan dasar luar negerinya yang bebas.[325] Di samping itu, Dr. Subandrio berkata, pihaknya melihat bahawa tidak ada perkara yang meyakinkannya dalam penubuhan SEAFET. Beliau juga menekankan bahawa Indonesia tidak perlu mengadakan perikatan dengan mana-mana negara dari segi ideologi kerana Indonesia mempunyai ideologinya sendiri, iaitu Pancasila.[326] Presiden Sukarno pula menerangkan bahawa Indonesia faham tentang perlunya pertubuhan serantau di Asia Tenggara tetapi menolak pertubuhan yang melibatkan dua atau lebih negara kerana boleh mewujudkan perselisihan dalam kumpulan yang sedia ada (Afro-Asia). Oleh itu, beliau mahukan persetujuan dua hala dengan jiran-jiran di Asia Tenggara dan kerjasama dalam kumpulan Afro-Asia.[327]

Isu pemberontakan PRRI juga telah menjadi alasan untuk Indonesia menolak cadangan SEAFET. Penglibatan Tanah Melayu dalam isu PRRI, terutamanya dengan memberi perlindungan politik kepada pihak pemberontak, telah menjadi satu faktor menyebabkan Indonesia menolak SEAFET yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. Indonesia bimbang bahawa Sumatera akan masuk ke dalam orbit Tanah Melayu-Singapura berdasarkan sokongan yang diberi oleh Tanah Melayu kepada para pemberontak PRRI.[328] Presiden Sukarno juga telah menuduh Tunku Abdul Rahman, cuba menubuhkan blok Muslim yang merangkumi Sumatera dan Filipina Selatan.[329]

---

323 *Ibid.*, 13 April 1960.
324 *Ibid.*, 13 Julai 1960.
325 *Ibid.*, 19 Ogos 1960.
326 *Ibid.*, 19 Januari 1959.
327 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 175.
328 *Ibid.*, hlm. 144.
329 *Ibid.*

Sementara itu, akhbar-akhbar Indonesia tidak ketinggalan mengecam cadangan SEAFET yang dicadangkan bersama oleh Tunku Abdul Rahman dan Garcia. Menurut akhbar *Suluh Indonesia* dan *Harian Rakyat* (suara PKI) bahawa cadangan SEAFET akan boleh mengurangkan kepentingan kerjasama di kalangan negara-negara Afro-Asia dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan mahupun politik seperti yang telah pun dipersetujui dalam Persidangan Bandung 1955. *Suluh Indonesia* menyatakan:

> "From a realistic point of view it was difficult to see any benefit in forming an economic union of Southeast Asian States. Therefore, it is hard for us to support, not to speak of participating in it."[330]

Times of Indonesia pula menolak cadangan penubuhan serantau di Asia Tenggara kerana dianggap tidak berguna.[331]

Oleh yang demikian, SEAFET telah gagal mendapat sokongan dari negara-negara Asia Tenggara khususnya Indonesia kerana SEAFET dianggap sebagai pertubuhan antikomunis. Terdapat juga khabar angin bahawa SEAFET diilhamkan oleh pihak Barat dan seakan-akan sama seperti SEATO[332] Indonesia yang mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara komunis telah menolak cadangan SEAFET kerana Indonesia mengharapkan bantuan kewangan dan ketenteraan dari negara-negara komunis. Negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Burma dan Kemboja adalah negara berkecuali, maka mereka tidak berminat untuk menyertai sebarang pakatan. Oleh itu, cadangan SEAFET terbengkalai, tetapi Tunku Abdul Rahman tidak berputus asa dan pada bulan Julai 1960, beliau mengumumkan penubuhan ASAS (Association of Southeast Asian States). ASAS kemudiannya disingkatkan menjadi ASA (Association of Southeast Asia).[333]

Bagi meneruskan rancangan ini, pada bulan Februari 1961, Setiausaha Luar Negeri Filipina, Felixberto Serrano, berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman dan Thanat Khoman, Menteri Luar Negeri Thailand, untuk melancarkan idea SEAFET semula dengan nama baru, iaitu

---

330 *Antara Daily News Bulletin*, 15 Januari 1959.

331 *Ibid.*

332 Pihak Indonesia juga telah menganggap SEAFET sebagai peluasan samaran SEATO untuk membendung pengaruh komunis. *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1960.

333 Lihat Silcock, "Development of Malayan Foreign Policy", dan Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 177.

ASA.[334] ASA merupakan pertubuhan serantau yang bukan politik dan bebas daripada mana-mana kuasa besar.[335] ASA bertujuan mewujudkan kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan ahlinya. Negara-negara penaja ASA telah mempelawa Indonesia untuk menyertai ASA tetapi mendapat sambutan yang dingin. Menurut Tunku Abdul Rahman, pihak Indonesia telah menolak pelawaan tersebut dengan alasan bahawa ASA adalah alat imperialisme Amerika tanpa menghayati matlamat ASA. Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa ASA atau mana-mana pertubuhan serantau[336] di Asia Tenggara akan menjadi tidak bermakna jika Indonesia tidak ikut serta kerana Indonesia ialah negara terbesar di Asia Tenggara dengan potensi untuk menjadi pemimpin rantau ini. Presiden Sukarno pula enggan menyertai ASA kerana beliau berpendapat ASA sama seperti SEATO yang antikomunis. Penyertaan ASA akan menjejaskan dasar luar Indonesia yang tanpa pihak.[337] Pendapat Sukarno disokong dengan penjelasan Dr. Subandrio bahawa negaranya menolak ASA kerana kumpulan baru ini akan digunakan untuk menentang ideologi tertentu (iaitu komunisme) atau pakatan tertentu (blok komunis).[338] Di samping itu, Sukarno enggan menyertai ASA kerana beliau menganggap pertubuhan baru ini tidak akan mengakui kepimpinan beliau dalam kumpulan tersebut.[339]

Selain masalah-masalah yang dihuraikan, Indonesia menolak ASA kerana pihaknya lebih mementingkan hubungan dua hala di Asia Tenggara. Menurut Dr. Subandrio, bagi Indonesia, "ASA is something unreal as long as the bilateral relations between the countries comprise are still unfulfilled". Beliau memberi alasan bahawa Indonesia mahukan dasar berbaik-baik dengan jiran-jirannya yang dapat dicapai dengan lebih berkesan melalui hubungan dua hala. Apabila Duta Tanah Melayu ke Indonesia, Encik Senu Abd. Rahman, berjumpa dengan beliau untuk berbincang tentang keengganan Indonesia menerima cadangan ASA, Dr. Subandrio tidak memberi jawapan yang tepat. Beliau hanya mengatakan perkara ini harus diselesaikan melalui saluran diplomatik yang

---

334 J. Saravanamuttu 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957–1977.* Pulau Pinang: Penerbit USM, hlm. 43; Silcock, "Development of a Malayan Foreign Policy", hlm. 48, Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 177, dan *Straits Times*, 29 Julai 1960.

335 *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1962, hlm. 4581.

336 Tunku Abdul Rahman, "Malaysia: A Key Area", hlm. 665.

337 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 32.

338 *Antara Daily News Bulletin*, 15 Februari 1961.

339 Gullick dan Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development*, hlm. 200.

sulit.[340] Pada bulan April tahun 1961, Dr. Subandrio sekali lagi menegaskan bahawa negaranya tidak akan menyertai ASA dan beliau kali ini memberi alasan bahawa negara-negara Asia Tenggara mempunyai latar belakang yang berbeza-beza.[341] Walau bagaimanapun, menurut beliau, ini tidak bermakna bahawa negaranya tidak mahu bekerjasama dengan jiran-jirannya.

ASA ditolak oleh Indonesia kerana salah satu sebab disyaki sebagai alat imperialisme Amerika Syarikat. Ini kerana negara-negara penaja ASA mempunyai hubungan pertahanan dengan Amerika dan Britain, Thailand dan Filipina adalah sekutu Amerika dalam SEATO, manakala Britain mempunyai perjanjian pertahanan dengan Tanah Melayu. Hal ini dijadikan alasan bagi Indonesia mahupun negara-negara lain bahawa ASA merupakan topeng strategi kuasa-kuasa Barat.[342] Indonesia akan sentiasa menolak menyertai sebarang pertubuhan di rantau ini selagi keketuaannya tidak terjamin. Menurut Abdullah Ahmad, Indonesia mungkin sanggup menyertai pertubuhan serantau jika Indonesia sendiri mengambil daya usaha untuk membentuk pertubuhan serantau di Asia Tenggara atau pertubuhan serantau seperti ASA hendaklah menampung kedudukan khas kepada Indonesia sebagai negara yang besar dan gagah di rantau ini.[343]

Walaupun Indonesia tidak menyokong cadangan ASA, Tanah Melayu, Filipina dan Thailand telah meneruskan usaha mereka untuk menubuhkan pertubuhan serantau itu. Selepas mengadakan beberapa kali mesyuarat bersama, maka ASA dengan rasmi ditubuhkan pada 31 Julai 1961. Deklarasi Bangkok telah menjadi asas kepada ASA.[344] Penubuhan ASA merupakan satu kejayaan besar negara-negara Asia Tenggara khususnya kepada Tanah Melayu sungguhpun keahlian ASA terhad. ASA, yang muncul akibat inisiatif dan usaha Tunku Abdul Rahman merupakan satu bab penting dalam diplomasi keserantauan Tanah Melayu.[345]

---

340 *Ibid.*, 17 Februari 1961.

341 *Ibid.*, 12 April 1961.

342 Mohd. Hear, "Malaysia dan Kerjasama Serantau", hlm. 193. Menurut Ott, jika Indonesia bersetuju menyertai ASA maka Tanah Melayu perlu bekerja keras untuk menjadikan ASA benar-benar sebagai pertubuhan bukan politik. Lihat Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 123.

343 Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 40.

344 Lihat, J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence*, hlm. 43, dan Robert Fluker, "Regionalism and the Modernization of Southeast Asia, *The Review of Politics*, Jilid 3, No. 2, April, hlm. 200.

345 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 172.

Tidak seperti pertubuhan serantau yang lain di Asia Tenggara, ASA telah diilhamkan dan dibentuk oleh orang Asia sendiri.[346] Menurut Dalton, ASA merupakan:

> "... pioneer achievement because, unlike ECAFE, the Colombo Plan and SEATO, ASA was a purely Asian Organization, created by Asian in which Asian States were directors and not the junior members."[347]

ASA berbeza daripada SEATO kerana ASA mengutamakan hubungan antara negara-negara Asia Tenggara sedangkan SEATO pula menjalin hubungan antara negara-negara Asia Tenggara dengan negara-negara luar.[348]

Penubuhan ASA menyebabkan Tanah Melayu bersaing dengan Indonesia dalam menganjurkan keserantauan kerana membolehkan Tunku Abdul Rahman menonjolkan diri sebagai pemimpin pertubuhan serantau. Secara tidak langsung beliau menjadi pesaing kepada pimpinan Sukarno dalam Afro-Asia.[349] Walau bagaimanapun, ASA mengalami kebuntuan akibat pertikaian antara Tanah Melayu dengan Filipina tentang soal tuntutan Filipina ke atas Sabah.[350]

Selain ASA, terdapat juga usaha Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan blok Islam. Tanah Melayu, sebagai sebuah negara Islam, berminat melibatkan diri dalam politik Se-Islam (Pan-Islamic) dan membentuk persatuan negara-negara Islam. Apabila Tanah Melayu memperkenalkan politik Se-Islam, malangnya, cadangan itu ditentang oleh pihak Indonesia. Ini kerana pada tahun 1958, Sukarno telah menuduh Tunku Abdul Rahman berusaha untuk membentuk blok Islam di Asia Tenggara yang meliputi Tanah Melayu, Sumatera, Pakistan, Borneo Utara dan Filipina Selatan. Sukarno juga menuduh blok Islam ini akan bersatu dengan blok Barat dalam perang dingin.[351] Pihak Indonesia juga mendakwa bahawa Tanah Melayu telah menyokong gerakan pemisahan di Sumatera dan Filipina Selatan. Pada waktu itu, di Indoesia terdapat

---

346 Gordon, *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 162.

347 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 172.

348 Richard Butwell 1964. "Malaysia And Its Impact on the International Relations of Southeast Asia", *Asian Survey*, Jil. 10, No. 7, Julai, hlm. 942.

349 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 186.

350 Mohd. Hear, "Malaysia dan Kerjasama Serantau", hlm. 193.

351 Dalton, "The Development of Malayan External Policy", hlm. 202, *Singapore Standard*, 16 April 1958 dan *Straits Times*, 15 April 1958.

pemberontakan PRRI dan bahaya jika Sumatera dipisahkan dari Indonesia. Oleh yang demikian, Indonesia membuat tuduhan tersebut. Tunku Abdul Rahman menjawab bahawa pihaknya tidak akan menyertai pertubuhan yang boleh mencetuskan permusuhan atau menjejaskan kepentingan ekonomi dan politik Tanah Melayu. Menurut beliau, Tanah Melayu cuba berbaik-baik dengan semua jiran di Asia Tenggara.[352]

Walaupun terdapat kritikan dari Indonesia, Tunku Abdul Rahman telah membawa idea membentuk blok Islam ke persidangan Komanwel yang diadakan pada tahun 1961. Semasa berada di London, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan pandangannya untuk membentuk Komanwel negara-negara Islam yang hampir sama dengan Komanwel British.[353] Beliau menerangkan bahawa Komanwel British adalah contoh kepada negara-negara Islam untuk bersatu dan bekerjasama atas prinsip persaudaraan Islam. Sekali lagi pada tahun 1962, Tunku Abdul Rahman mengemukakan pandangan yang sama memandangkan hubungan Tanah Melayu dengan Mesir, Pakistan dan Indonesia agak mesra. Cadangan Tunku Abdul Rahman telah ditolak oleh Indonesia kerana terdapat perselisihan faham antara kedua-dua negara.[354] Di samping itu, cadangan Tunku Abdul Rahman tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari negara-negara Islam. Maka usaha untuk membentuk Komanwel Islam terbengkalai begitu sahaja sehingga penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam (Organization of Islamic Conference – OIC) pada tahun 1970.

Walaupun terdapat ketegangan tentang bentuk pertubuhan serantau, Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai kesedaran bahawa keserantauan adalah penting untuk mewujudkan persefahaman dengan jiran-jiran mahupun dengan negara-negara di luar rantau ini. Tetapi pertubuhan serantau yang mereka tekankan adalah berbeza. Tanah Melayu lebih mementingkan pertubuhan serantau di Asia Tenggara untuk menyelesaikan masalah-masalah yang wujud di rantau Asia Tenggara. Indonesia pula menekankan pertubuhan serantau yang lebih luas yang merangkumi Dunia Ketiga. Bagi Tanah Melayu masalah di Asia Tenggara, iaitu ancaman komunis adalah perkara penting untuk menubuhkan pertubuhan serantau, manakala Indonesia lebih mementingkan ancaman

---

352 *Straits Times*, 15 April 1958.

353 *Asian Recorder*, 16–22 April 1961, hlm. 3905 dan juga Boyce, *Malayan and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 175.

354 Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 175 dan *Parliamentary Debates*, 11 Mac 1963, lajur 3965.

imperialisme Barat dan masalah perang dingin untuk mengadakan kumpulan Afro-Asia. Dari segi lain, kedua-dua negara menentang pertubuhan serantau yang bercorak ketenteraan, iaitu SEATO, kerana tidak mahu terlibat dalam konflik antara blok Barat dengan blok Timur. SEATO telah ditaja oleh Amerika Syarikat untuk menyekat pengaruh komunis merebak di Asia Tenggara.

Dapat disimpulkan bahawa tema keserantauan sangat menonjol dalam bab ini. Selain itu, tema komunisme juga muncul dalam soal penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. SEATO ditubuhkan untuk membendung pengaruh komunis. Begitu juga SEAFET dan ASA dikatakan pertubuhan yang bukan politik dan bukan ketenteraan. Faktor komunisme juga merupakan salah satu sebab penting bagi Tanah Melayu menggalakkan Thailand menyertai SEAFET.[355] Tunku Abdul Rahman melihat komunisme sebagai satu ancaman besar kepada keselamatan rantau ini. Sebaliknya, Sukarno berjinak dengan ideologi komunis dan membenarkan PKI bergiat cergas dalam politik Indonesia. Sukarno tidak melihat komunisme sebagai ancaman kerana negara-negara komunis telah banyak menyokong Indonesia menentang penjajahan di Irian Barat.

Tema konflik dan persaingan juga wujud dalam soal penubuhan pertubuhan serantau. Indonesia menentang idea penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara sejak Tunku Abdul Rahman menyatakan hasratnya di Manila. Ini kerana pihak Indonesia bimbang bahawa pertubuhan serantau di Asia Tenggara boleh menjejaskan kepentingan kumpulan Afro-Asia yang wujud pada tahun 1955 dan ditaja oleh pihak Indonesia. Lebih penting lagi, pihak Indonesia bimbang kemunculan SEAFET atau ASA boleh menyebabkan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara, khususnya Tunku Abdul Rahman menjadi pesaing kepada Presiden Sukarno yang memimpin Afro-Asia sebagai jaguh keserantauan. Indonesia enggan memberi persetujuan kepada cadangan SEAFET mahupun ASA kerana pertubuhan seperti itu tidak akan mengakui Indonesia sebagai pemimpin rantau ini walaupun negara itu merupakan negara terbesar di Asia Tenggara.

---

355 Butwell, "Malaysia and Its Impact", hlm. 942.

BAB 3

HUBUNGAN TANAH MELAYU-INDONESIA SEMASA PENUBUHAN MALAYSIA

Perbincangan dalam bab ini akan ditumpukan kepada soal penubuhan Persekutuan Malaysia yang merupakan isu kemuncak dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Di samping itu, hubungan ekonomi dan sosial kedua-dua pihak pada tempoh ini akan turut dikaji. Dalam jangka waktu ini, Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dan tegas dalam hubungan kedua-dua negara kerana beliau ingin menjayakan Persekutuan Malaysia. Penubuhan Malaysia kemudiannya menjadi punca utama berlakunya Konfrontasi Malaysia-Indonesia.

Isu penubuhan Malaysia telah mencetuskan konflik besar dalam politik Dunia Melayu. Isu ini bukan sahaja mewujudkan permusuhan antara Tanah Melayu dengan Indonesia, tetapi juga mendinginkan hubungan Tanah Melayu-Filipina berikutan soal tuntutannya terhadap Sabah. Indonesia pula menentang idea Malaysia kerana melihat gagasan baru itu sebagai alat neokolonialisme, yang direka untuk menjamin kepentingan imperialis British. Pihak Indonesia juga melihat penubuhan Malaysia sebagai persaingan kepada Indonesia Raya yang diidamkan oleh Presiden Sukarno dan rakannya, Prof. Mohd. Yamin, berdasarkan empayar Majapahit pada abad ke-14.[1]

Pembentukan Malaysia bermakna penyatuan wilayah-wilayah jajahan British di Borneo dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Reaksi Indonesia terhadap cadangan Malaysia dapat dibahagikan kepada dua peringkat. Reaksi peringkat pertama adalah sebelum meletusnya Pemberontakan Brunei iaitu dari 27 Mei 1961 hingga 7 Disember

---

1 Indonesia Raya meliputi Republik Indonesia, Tanah Melayu, Burma, Siam, Vietnam dan Filipina. Lihat *Indonesian Intentions Towards Malaysia* 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, hlm. 1.

1962. Reaksi peringkat kedua pula bermula selepas Pemberontakan Brunei, iaitu dari 9 Disember 1962 hingga 16 September 1963. Pada tahap pertama, Indonesia tidak menunjukkan sebarang penentangan tegas terhadap usaha penubuhan Malaysia, malahan mereka mengucapkan selamat berjaya kepada Tanah Melayu untuk menjayakan penubuhan Malaysia. Pada tahap kedua pula, Indonesia menentang keras penubuhan Malaysia dengan melancarkan Konfrontasi. Indonesia juga memberi amaran bahawa perang mungkin berlaku jika Tanah Melayu meneruskan cadangan tersebut. Di samping itu, bab ini juga akan membincangkan tentang usaha pemulihan hubungan Tanah Melayu-Indonesia yang menjadi dingin akibat soal penubuhan Malaysia. Persidangan di Manila antara Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina yang cuba mengurangkan ketegangan antara negara-negara ini juga dihuraikan.

Reaksi Indonesia terhadap Penubuhan Malaysia Sebelum Pemberontakan Brunei

Isu pembentukan Malaysia yang menjadi sebab Indonesia melancarkan Konfrontasi terhadap Kuala Lumpur, adalah berpunca daripada cadangan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu, pada tahun 1961 untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan tanah jajahan British di Asia Tenggara sebagai satu persekutuan yang besar.[2] Pada 27 Mei 1961, ketika Tunku Abdul Rahman menghadiri majlis jamuan yang dianjurkan oleh Foreign Correspondents Association of South-East Asia di Adelphi Hotel, Singapura, beliau telah berucap bahawa:

> "Malaya today as a nation realises that she cannot stand alone and in isolation. Sooner or later Malaya should have an understanding with Britain and the people of Singapore, North Borneo, Brunei and Sarawak. It is premature for me to say now how this closer understanding can be brought about, but it is inevitable that we should look ahead to this objective and think of a plan whereby these territories are brought closer together in political and economic cooperation."[3]

---

2 Usaha penyatuan Tanah Melayu dengan tanah jajahan British di Asia Tenggara bukanlah suatu yang baru. Pada tahun 1894, Lord Brassey, seorang pengarah Syarikat British Borneo pernah meminta kerajaan British supaya menggabungkan tanah jajahan British sebagai satu koloni yang besar tetapi cadangannya ditolak. Selepas Perang Dunia Kedua, Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, juga pernah mengusulkan penyatuan seperti ini. Lihat R.S. Milne 1967. *Government and Politics in Malaysia*. Boston: Houghton Mifflin, hlm. 62.

3 *Malaysia Official Year Book 1963*. Kuala Lumpur: Government Press, 1964, hlm. 33

Cadangan Tunku Abdul Rahman ini telah mendapat sokongan dan juga penentangan daripada negeri-negeri yang terlibat. Di Tanah Melayu sendiri, parti-parti pembangkang seperti Parti Islam Se-Malaya (PAS), Parti Buruh, Barisan Sosialis, Parti Rakyat Malaya dan Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan telah menentang cadangan Tunku Abdul Rahman.[4] PAS atau PMIP meminta kerajaan Tanah Melayu supaya berunding dengan Indonesia dan jiran-jiran lain di Asia Tenggara sebelum memulakan gagasan Malaysia. PAS yang terpengaruh dengan konsep Indonesia Raya telah meminta supaya Indonesia dan Filipina disertakan dalam gagasan baru itu.[5] Ini kerana PAS berasa bimbang bahawa kemasukan Singapura ke dalam Malaysia akan menyebabkan penduduk keturunan Cina menjadi penduduk majoriti di Malaysia. Oleh itu, jika Indonesia dan Filipina disertakan dalam Malaysia, maka ini akan menjamin kepentingan orang Melayu.[6] Parti Buruh pula menentang cadangan Malaysia kerana akan menjamin kepentingan ekonomi British di rantau ini. Menurut V. David, salah seorang pemimpin Parti Buruh:

> "The British Government does not want these countries to have anything to do with Indonesia. In other words, if these countries align themselves with Indonesia, the economic interest of the British Government will be greatly affected."[7]

Oleh yang demikian, menurut Parti Buruh, rancangan Malaysia bertujuan menghalang wilayah-wilayah Borneo daripada bersatu dengan Indonesia.

---

dan 56; Ide Anak Agung 1973. *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*. The Hague: Mouton, hlm. 447; W.A. Hanna 1963. *Malaysia: A Federation in Prospect*. AUFS Report, New York: Southeast Asia Series, hlm. 1; dan D.C. Watt (ed.) 1977. "Malaysia, Indonesia and the Philippines: Prelude to Confrontation", *Survey of International Affairs 1963*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 121.

4 Bhattacharjee 1976. *Malaysia and Indonesia*. Calcutta: Minerva Associates, hlm. 152 dan 153. Lihat juga Gordon P. Means 1963. "Malaysia A New Federations in Southeast Asia", *Pacific Affairs*, Jil. 36, No. 2, hlm. 152.

5 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 153.

6 *Prospects for Malaysia*, Roger Hilsman's report to the Secretary of State, Department of State, Bureau of Intelligence and Research, 5 September 1962. Dokumen ini daripada John F. Kennedy Library, Document from 1961–1965. Untuk dokumen ini dan dokumen-dokumen lain daripada John Kennedy Library, penulis terhutang budi kepada Dr. Pamela Sodhy kerana sudi meminjamkan salinan dokumen-dokumen tersebut kepada penulis.

7 *Parliamentry Debates: Dewan Rakyat, Official Report*, 18 Oktober 1961, lajur 1832.

Di Singapura, People's Action Party (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew telah menyokong penuh usaha penubuhan Malaysia. Malahan PAP memperjuangkan kemerdekaan Singapura melalui percantuman dengan Tanah Melayu dalam Persekutuan Malaysia.[8] Sementara itu, parti-parti pembangkang yang berhaluan kiri di Singapura, seperti Barisan Sosialis, Workers Party (Parti Pekerja) dan United People's Party, telah menentang gagasan Malaysia. Antara alasan mereka adalah rakyat Singapura terpaksa memiliki taraf kerakyatan yang tidak sama dengan orang Melayu, iaitu rakyat Singapura akan menjadi warganegara kelas dua dalam Persekutuan Malaysia. Di samping itu, mereka mendakwa gagasan Malaysia adalah plot neokolonialisme dan Tanah Melayu berusaha untuk membentuk sebuah empayarnya sendiri.[9]

Di Sarawak, hampir semua parti politik, kecuali Sarawak United People's Party (SUPP), telah menyokong cadangan Malaysia. SUPP yang dianggotai oleh masyarakat Cina kelas bawahan menentang penubuhan Malaysia kerana cadangan itu tidak mengandungi kemerdekaan Sarawak tetapi hanya merupakan pemindahan kuasa politik dari Britain kepada sebuah negara asing yang lain. SUPP juga enggan menerima Islam sebagai agama rasmi negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.[10] Sementara di Sabah (Borneo Utara) pula, United National Kadazan Organization (UNKO) dan Parti Pasok Momogun telah menentang cadangan Malaysia pada peringkat awal. Akan tetapi kemudiannya, kedua-dua parti itu telah mengubah pendirian masing-masing kerana berasa bimbang kemungkinan Indonesia akan menuntut negeri mereka seperti Indonesia menuntut Irian Barat. *The North Borneo News* dan *Sabah Times* menyiarkan kebimbangan tersebut seperti yang berikut:

> "If the Indonesians are able to make short shrift of Dutch New Guinea, there is the chance that eyes may turn toward what the Indonesians call Kalimantan Utara-North Borneo. ... If they can claim that West Irian is

---

8 Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 142.

9 Sila lihat *ibid.*, hlm. 144; dan juga Gullick 1967. *Malaysia and Its Neighbours.* London: Routledge and Kegan Paul, hlm. 47–49.

10 *The Report of Commission of Inquiry, North Borneo and Sarawak,* Dokumen 12 dalam Gullick, *Malaysia and Its Neighbours,* hlm. 91 dan 92. Lihat juga Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 146, 147 dan 149. Menurut Tunku Abdul Rahman, masyarakat Cina Sarawak enggan menyertai Malaysia dengan alasan bahawa kedudukan ekonomi mereka berada lebih baik di bawah naungan British. Tunku Abdul Rahman 1980. *Pandang Balik.* Kuala Lumpur: Heinemann Education Book, hlm. 101.

Indonesian by virtue of their claim that it was once part of the Empire of Madjapahit, a similar and stronger claim can also be made in respect of the Borneo territories; it may have been forgotten here but many such claims had already been made by Indonesian leaders."[11]

Reaksi Brunei dapat dilihat dari dua aspek. Pertama, Sultan Brunei ingin menyertai Malaysia tetapi pada masa yang sama baginda ingin memelihara mahkotanya dan menjaga kekayaan sumber petroleum negerinya.[12] Kedua, Parti Rakyat Brunei, iaitu parti yang menguasai Majlis Perundangan Brunei menentang cadangan Malaysia. Ini kerana pemimpin parti itu, A.M. Azahari dan sekutunya mempunyai rancangan untuk menyatukan semula Sarawak dan Sabah dengan Kesultanan Brunei.[13] Mereka juga berhasrat menubuhkan Malaysia Raya yang meliputi Indonesia dan kemungkinan Filipina.[14] Parti Rakyat juga telah membentuk barisan bersatu bersama dengan SUPP dan UNKO untuk menentang "Mighty Malaysia".[15]

Sementara itu, pada awal bulan Julai 1961, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan lawatan muhibah ke wilayah-wilayah Borneo untuk menerangkan lebih lanjut tentang cadangan beliau. Kerajaan Tanah Melayu juga menggunakan mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel yang diadakan di Singapura pada akhir bulan tersebut untuk menerangkan konsep Malaysia kepada para pemimpin Brunei, Sabah dan Sarawak. Sebagai hasilnya, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia atau Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) ditubuhkan pada 28 Julai 1861.[16] MSCC bertujuan mengumpulkan dan membandingkan pandangan penduduk di wilayah-wilayah Borneo. MSCC berjaya meningkatkan pemahaman terhadap cadangan Malaysia di kalangan penduduk Borneo.[17]

---

11 Sila lihat *The North Borneo News* dan *Sabah Times*, 30 Disember 1961.

12 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 100.

13 Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 155. Menurut Means, A.M. Azahari pernah mendapat pendidikan di Indonesia semasa penjajahan Jepun dan kemudian beliau menyertai Revolusi Indonesia menentang penjajahan Belanda. Lihat Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 150.

14 Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 152.

15 *Straits Times*, 10 Julai 1961.

16 William Shaw 1976. *Tun Abdul Razak: His Life and Times*. Kuala Lumpur: Longman, hlm. 151.

17 *Malaysia Year Book 1963*, hlm. 35. MSCC telah mengadakan empat kali mesyuarat di Kuala Lumpur, Singapura, Jesselton dan Kuching antara tempoh 28 Julai 1961–17 November 1961, iaitu sebelum Tunku Abdul Rahman pergi ke London untuk

Pada masa yang sama, Duta Besar Tanah Melayu di Jakarta, iaitu Senu Abd. Rahman, telah menerangkan kepada kerajaan Indonesia tentang cadangan Malaysia. Ini kerana Indonesia merupakan jiran tetangga yang rapat dengan Tanah Melayu, mahupun dengan wilayah-wilayah British di Borneo. Jadi, jika Malaysia dibentuk maka Malaysia dan Indonesia akan mempunyai sempadan umum di Borneo sepanjang 900 batu. Oleh yang demikian, pihak Tanah Melayu memberitahu hal ini kepada Jakarta supaya tidak menimbulkan sebarang masalah sempadan dengan Indonesia pada masa depan. Senu Abd. Rahman juga bertanggungjawab menjelaskan kepada Presiden Sukarno dan Dr. Subandrio tentang cadangan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman.

Semasa menerangkan cadangan Malaysia kepada Sukarno, Senu Abd. Rahman mendapati Presiden Sukarno bercakap seolah-olah beliau yang harus menimbulkan idea persekutuan bangsa Melayu bukannya Britain atau Tanah Melayu.[18] Ini kerana Indonesia mempunyai cita-cita untuk membentuk Indonesia Raya yang meliputi Indonesia, Tanah Melayu, wilayah-wilayah Borneo dan juga Filipina berdasarkan warisan empayar Majapahit pada abad ke-15. Sementara itu Tunku Abdul Rahman pula berpendapat bahawa Sukarno tidak memberi jawapan positif kepada Malaysia kerana beliau dan Dr. Subandrio mempunyai dendam terhadap Tunku Abdul Rahman tentang masalah Irian Barat.[19] Sungguhpun pihak Indonesia tidak memprotes cadangan tersebut tetapi mereka tidak menunjukkan kegembiraan terhadap idea itu. Sukarno saja berkata, "If Tunku can do it we have no objection."[20] Menurut Tunku Abdul Rahman, kenyataan Sukarno itu dianggap sebagai Kuala Lumpur tidak mendapat sokongan positif daripada pihak Indonesia dan kerana kenyataan itu juga menunjukkan bahawa Sukarno tidak gembira terhadap cadangan Malaysia.[21]

Namun begitu, 18 hari selepas Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan Malaysia, laporan akhbar yang pertama tentang pendirian Indonesia disiarkan. Pada 14 Jun 1961, ketika berada di Singa-

---

bincangkan gagasan Malaysia dengan kerajaan British. Lihat juga Armstrong 1963. "The Troubled Birth of Malaysia", *Foreign Affairs*, Jil. 41, No. 4, Julai, hlm. 682.

18 Marvin Ott 1971. "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy, Towards Indonesia and the Philippines: 1957–1965". Disertasi Ph.D. Baltimore: John Hopkins University, hlm. 139.

19 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 109.

20 *Ibid.*

21 *Ibid.*

pura, Dr. Subandrio telah mengumumkan bahawa negaranya tidak berminat terhadap cadangan Tunku Abdul Rahman.[22] Menurut Dr. Subandrio lagi:

> "It is a matter for the countries concerned to decide for themselves. So long as no Indonesian territory is involved and there is no conflict of interest, we are not concerned with it."[23]

Menurut kertas putih kerajaan Malaysia, reaksi ini telah menimbulkan harapan kepada Kuala Lumpur bahawa pihak Indonesia mengamalkan dasar persahabatan dan kerjasama yang tulen terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia.[24] Di samping itu, masalah Irian Barat belum diselesaikan dan Indonesia memerlukan sokongan Tanah Melayu mahupun British untuk menuntut kembali Irian Barat dari Belanda.

Semasa Dr. Subandrio berada di Singapura, Lord Selkirk, Pesuruhjaya Agung British bagi Asia Tenggara, telah menerangkan kepada beliau bahawa cadangan Malaysia Raya adalah cadangan yang sesuai untuk jangka waktu yang panjang. Menurut Lord Selkirk, cadangan Malaysia adalah cadangan Tunku Abdul Rahman yang sangat menarik serta membina dan tidak sesiapa pun mencadangkan idea itu kepadanya.[25] Lord Selkirk menerangkan hal ini kepada Dr. Subandrio kerana ingin meyakinkan Menteri Indonesia itu bahawa pihak British tidak terlibat dalam menggubal cadangan Malaysia dan projek tersebut tidak bertujuan menjamin kepentingan British di rantau ini.

Pada awal bulan Ogos 1961, semasa melawat Indonesia, Lord Selkirk telah membincangkan soal Malaysia dengan pihak Indonesia, khasnya dengan Dr. Subandrio. Dr. Subandrio memberi jawapan yang tidak jelas terhadap cadangan Malaysia. Dr. Subandrio berkata bahawa beliau tidak menyokong atau menentang gagasan tersebut. Beliau menekankan bahawa hal ini harus ditentukan oleh penduduk di wilayah-wilayah yang terlibat.[26] Sikap ini membuka jalan kepada pembentukan Suruhanjaya Cobbold. Beliau menjelaskan bahawa Indonesia mahukan

---

22 *Straits Times*, 14 Jun 1961.

23 *Ibid.*

24 *Malaya/Indonesia Relations*, 31 Ogos 1957–15 September 1963. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, 1963, hlm. 11.

25 *Ibid.*

26 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Ogos 1961; Parliamentry Debates, 11 Mac 1963, Lajur 3954; dan B. Grant 1966. *Indonesia.* Melbourne: Melbourne University Press, hlm. 151.

jiran-jirannya membangun dengan cara yang betul.[27]

Bagi memperoleh sokongan terbuka daripada pihak Indonesia terhadap gagasan Malaysia, sewaktu menyambut hari kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1961 di Jakarta, Senu Abd. Rahman telah memohon kepada pihak Indonesia supaya memberi sokongan rasmi kepada cadangan Malaysia.[28] Malangnya, pada hari yang sama, PKI melalui akhbarnya, *Harian Rakyat*, telah mengkritik gagasan Malaysia sebagai neokolonialisme. PKI merupakan parti pertama dari Indonesia yang menentang cadangan Malaysia secara terbuka.[29] Walau bagaimanapun, belum ada bantahan rasmi daripada pihak kerajaan Indonesia terhadap gagasan Malaysia.

Kerajaan Indonesia tidak mengeluarkan sebarang bantahan terhadap gagasan Malaysia kerana empat sebab. Pertama, masalah tuntutan Irian Barat belum diselesaikan pada masa itu. Kedua, Indonesia bimbang bahawa jika Jakarta menentang Malaysia, maka Indonesia akan kehilangan sokongan blok Barat (khususnya Amerika) untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat. Ini kerana Jakarta bimbang Indonesia akan digolongkan sebagai negara *expansionist*. Ketiga, Indonesia juga berhasrat untuk memperoleh bantuan dari Amerika Syarikat untuk membangunkan ekonomi selepas masalah Irian Barat diselesaikan.[30] Keempat, Indonesia juga memerlukan sokongan Tanah Melayu di PBB untuk membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat badan dunia tersebut. Jika Indonesia menentang gagasan Malaysia, Indonesia bukan sahaja akan kehilangan sokongan negara-negara Barat tetapi juga sokongan Tanah Melayu sendiri.

Oleh yang demikian, Dr. Subandrio, sewaktu berucap pada 9 November 1961 dalam sesi ke-16, Perhimpunan Agung PBB, beliau menjelaskan bahawa negaranya tidak mempunyai cita-cita meluaskan wilayah dari bekas tanah jajahan Belanda di Hindia Timur. Jakarta tidak mempunyai tuntutan wilayah terhadap Tanah Melayu, Filipina, Timur dan Borneo Utara walaupun negeri-negeri tersebut mempunyai ikatan

---

27 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Ogos 1961.

28 *Straits Times*, 2 September 1961.

29 B.D. Arora 1978. "India, Indonesia and The Emergence of Malaysia", *International Studies*. Vikas Publication House Pvt. Ltd., September, hlm. 565.

30 *Ibid.*, George Mc.T. Kahin, "Malaysia and Indonesia", *Pacific Affairs*, Jil. 37, No. 3, Musim Luruh 1964, 260–261; dan Justus M. van der Kroef 1963. "The West New Guinea Settlement: Its Origins and Implications", *Orbis*, Jil. 7, No. 7, Musim Bunga, hlm. 139.

ras yang rapat dengan Indonesia. Wilayah Indonesia hanya meliputi bekas tanah jajahan Belanda di Hindia Timur.[31] Dengan alasan ini, Indonesia menuntut hanya Irian Barat sahaja sebagai wilayahnya.

Empat hari kemudian, Dr. Subandrio menulis sepucuk surat kepada akhbar *New York Times* tentang gagasan Malaysia. Surat ini ditulis dengan tujuan mengikis pandangan negatif masyarakat antarabangsa tentang reaksi Indonesia terhadap gagasan Malaysia. Dalam suratnya yang bertarikh 13 November 1961, beliau mendakwa:

> "As an example of our honesty and lack of expansionist intent, one fourth of the island of Kalimantan, constituting three Crown Colonies of Great Britain (sic) is now becoming a target of the Malayan government for a merger. Of course, the people there are ethnologically and geographically very close to the others living in the Indonesian territory. Still, we do not show any objection towards this Malaysian policy of merger. On the contrary, we wish the Malayan government well if it can succeed with this plan."[32]

Pada 20 November 1961, Dr. Subandrio sekali lagi menegaskan di Perhimpunan Agung PBB bahawa Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah di British Borneo, walaupun terdapat persamaan faktor geografi dan etnologi. Beliau menjelaskan pendirian kerajaan Indonesia seperti berikut:

> "We are not only disclaiming the territories outside the former Netherlands East Indies, though they are of the same island, but more than that when Malaya told us of its intentions to merge with the three (*sic*) British Crown Colonies of Sarawak, Brunei dan British North Borneo as one Federation, we told them that we had no objections and that we wished them success with this merger so that everyone might live in peace and freedom.
>
> For the sake of clarification, I may tell this Assembly that three-quarter of the island of Borneo is Indonesia territory, while the remainder constitutes the aforementioned three (*sic*) British Crown Colonies. Naturally, ethnologically and geographically speaking, this British part is closer to Indonesia than, let us say, to Malaya. But we

---

31 Brackman 1966. *Southeast Asia's Second Front: The Power Struggle in the Malay Archipelago.* New York: Frederick A. Praeger, hlm. 118.

32 *Ibid.* Lihat juga Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 157; Armstrong, "Troubled Birth of Malaysia", hlm. 683; Ott, "The Sources and Content of Malaysia Foreign Policy", hlm. 140; Micheal Leifer 1983. *Indonesian Foreign Policy.* London: George Allen and Union, hlm. 77; *Parliamentry Debates*, 11 Mac 1963, lajur 3955 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 11. Surat Dr. Subandrio itu disiarkan dalam *New York Times*, pada 17 November 1961.

still told Malaya that we had no objection to such a merger, based upon the will for freedom of the peoples concerned."[33]

Duta Besar Indonesia ke Tanah Melayu, Lt. Jen. Djatikusomo, telah mengukuhkan lagi ucapan Dr. Subandrio dengan mengatakan bahawa jika Malaysia akan membawa kestabilan politik dan menjamin keselamatan wilayah-wilayah tersebut, maka Indonesia mengucapkan selamat berjaya kepada cadangan tersebut. Beliau juga mengatakan idea Malaysia merupakan idea yang baik dan baru.[34]

Ucapan Dr. Subandrio dan Djatikusomo telah menggembirakan Tunku Abdul Rahman kerana Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah kecuali Irian Barat. Di samping itu, MSCC telah memberi laporan yang menggalakkan terhadap cadangan Malaysia menjelang musim luruh tahun 1961. Parlimen Tanah Melayu juga meluluskan cadangan Malaysia pada bulan Oktober 1961. Bagi mempercepatkan penubuhan Malaysia, Tunku Abdul Rahman melawat London pada 17 November 1961.[35] Rundingan Tunku Abdul Rahman dengan kerajaan British berhasil pada 23 November apabila kedua-dua pihak menyetujui prinsip percantuman dan membentuk satu suruhanjaya untuk menentukan pandangan penduduk Sabah dan Sarawak sebelum keputusan muktamad tentang Malaysia diambil.[36] Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank of England, dan dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold.[37] Suruhanjaya ini akan menjalankan tugasnya di Sabah dan Sarawak. Brunei dikecualikan kerana kemasukannya dalam Persekutuan bergantung pada keputusan Sultan Brunei. Di Singapura, Lee Kuan Yew mengadakan pungutan suara terhadap penyertaan Singapura ke dalam Malaysia.

---

33 Boyce 1968. *Malaysia and Singapore in International Diplomacy: Documents and Commentaries*. Sydney: Sydney University Press, hlm. 67; Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 156; Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 118; dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 1.

34 *Straits Times*, 17 November 1961; dan Mackie 1974. *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963–1966*. Kuala Lumpur: OUP, hlm. 105.

35 Armstrong, "Troubled Birth of Malaysia", hlm. 682 dan Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 129.

36 Sila lihat *Keesing's Contemporary Archives (KCA)*, 2–9 Disember 1961, hlm. 184; Armstrong, "Troubled Birth of Malaysia", hlm. 683; dan Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 107.

37 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 107. Suruhanjaya Cobbold dianggotai oleh Mohd. Ghazali Shafie (Kementerian Luar Tanah Melayu), Datuk Wong Pow Nee (Ketua Menteri Pulau Pinang), Sir David Watherson (Ketua Setiausaha British terakhir ke Tanah Melayu) dan Sir Anthony Abell (bekas Gabenor Sarawak).

Kemasukan wilayah-wilayah ini ke dalam Penubuhan Malaysia telah dibantah oleh Indonesia. Menjelang akhir tahun 1961, parti-parti politik Indonesia mula menyuarakan bantahan mereka terhadap gagasan Malaysia melalui akhbar. Mereka membantah gagasan Malaysia sebagai neokolonialisme. Akhbar *Bintang Timor* yang dimiliki oleh Partindo, mengatakan bahawa imperialis Inggeris membangkitkan idea "Mighty Malaysia" di Asia Tenggara dan Tunku Abdul Rahman berdiri di barisan hadapan untuk menjayakan idea ini.[38] Sungguhpun idea Malaysia tidak menjejaskan kepentingan Indonesia tetapi idea ini sampai ke ambang pintu utara Indonesia dan lambat-laun akan menjadi masalah bagi Indonesia serta perdamaian Asia Tenggara umumnya. *Bintang Timor* juga mengkritik pembentukan Malaysia atas sebab-sebab menguatkan lagi kedudukan tentera British di Asia Tenggara dan menguasai kepentingan sumber alam Brunei, Sarawak dan Sabah melalui saluran neokolonialisme.[39]

Akan tetapi bantahan daripada PKI terhadap Malaysia adalah lebih kuat daripada parti-parti lain di Indonesia. Dalam perhimpunan Jawatankuasa Pusat PKI yang ketiga, yang diadakan pada 30 dan 31 Disember 1961 di Jakarta, parti itu telah meluluskan satu resolusi untuk menentang penubuhan Malaysia.[40] PKI berpendapat, cadangan Malaysia merupakan satu tipu helah oleh pihak penjajah British untuk menjamin kepentingan mereka di rantau ini.[41] PKI menuduh Britain tidak dapat meneruskan penjajahan bentuk lama di Kalimantan Utara kerana rakyat di wilayah-wilayah tersebut menuntut kemerdekaan. PKI menambah lagi bahawa Malaysia yang sedang dirancang itu ialah satu bentuk neokolonialisme untuk mengawal tuntutan kemerdekaan daripada penduduk Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak. PKI mengatakan:

> "By establishing this Federation, the British Colonies intend to utilise native hands, particularly those of the Prime Minister of this Federation of Malaysia to suppress the democratic and patriotic movements of the peoples in these five countries which aim at the attainment of genuine national independence and freedom from imperialism."[42]

---

38 *Bintang Timor*, 9 Disember 1961.

39 *Ibid.*

40 Arora, "The Emergence of Malaysia", hlm. 565.

41 *Ibid.* Lihat juga Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 141.

42 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 52. Lihat juga Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 68 dan 69.

Justeru itu, PKI telah mendesak rakyat dan kerajaan Indonesia supaya berjaga-jaga terhadap imperialis British yang mengusahakan Persekutuan Malaysia, iaitu pemusatan baru koloni-koloni.[43] Walaupun terdapat desakan daripada PKI mahupun parti politik yang lain seperti Partindo untuk menentang penubuhan Malaysia, kerajaan Indonesia tidak mengeluarkan sebarang bantahan terhadap gagasan Malaysia. Di samping itu, kerajaan Indonesia juga tidak mengeluarkan bantahan mahupun komen tentang kenyataan bersama Tunku Abdul Rahman dan Harold MacMillan, Perdana Menteri British, pada 23 November 1961 tentang peluasan perjanjian AMDA kepada wilayah Malaysia. Soal penggunaan pangkalan British di Singapura untuk tujuan SEATO juga tidak menentu.[44] Menurut kenyataan bersama itu, Britain boleh menggunakan pangkalan di Singapura untuk tujuan SEATO dengan persetujuan Malaysia.[45] Dalam hal ini, Indonesia, sebagai sebuah negara tanpa pihak yang memangnya menentang kehadiran SEATO, telah membisu kerana ingin menyelesaikan masalah Irian Barat dengan segera. Bagi tujuan tersebut, Jakarta memerlukan pertolongan negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat. Oleh sebab Amerika merupakan pengasas SEATO, Indonesia telah berhati-hati dalam hal ini. Indonesia mula menunjukkan bantahannya terhadap soal pangkalan SEATO selepas Irian Barat berada dalam pentadbiran amanah PBB, sebelum dipindahkan kepada pentadbiran Indonesia.[46]

Sungguhpun kerajaan Indonesia tidak membantah secara rasmi terhadap penubuhan Malaysia, tetapi sikap pemimpin-pemimpin Indonesia, seperti Sukarno, Dr. Subandrio dan Prof. Mohd. Yamin, telah mengecam Kuala Lumpur. Mereka melihat Malaysia sebagai persaingan kepada idea Indonesia Raya yang diimpikan oleh mereka. Pada masa yang sama, terdapat juga pemimpin-pemimpin Indonesia yang moderat seperti Dr. Djuanda, Jeneral Nasution dan Mohd. Hatta yang tidak membantah penubuhan Malaysia.[47] Walau apa pun pendirian pihak Indonesia, Kuala Lumpur ingin mempercepatkan penubuhan Malaysia kerana

---

43 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 53.

44 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 105. Untuk keterangan lanjut tentang kenyataan bersama Tunku Abdul Rahman dan MacMillan, sila lihat, *KCA*, 2–9 Disember 1961, hlm. 18463.

45 *KCA*, 2–9 Disember 1961, hlm. 18463 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 48.

46 *Asian Recorder*, 29 Oktober–4 November 1962, hlm. 4862.

47 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 131.

ancaman komunis di kawasan ini hanya boleh dibendung melalui penubuhan Malaysia.

> "The Malayan Government is aware, however, that communism can only be contained if these territories are joined with Malaya to present a common bulwark against Communism. The establishment of the Federation of Malaysia, therefore, is the key to the problem and this must be done in the quickest possible time. ... This is no time for wrangling."[48]

Bagi mengetahui pendapat penduduk Sabah dan Sarawak terhadap Persekutuan Malaysia dan untuk mengatasi kritikan pihak Indonesia bahawa Malaysia merupakan ciptaan neokolonialisme, Suruhanjaya Cobbold memulakan tugasnya pada bulan Februari 1962. Suruhanjaya ini mengadakan mesyuarat, temu ramah dan meneliti memorandum daripada pelbagai pihak di Sabah dan Sarawak selama dua bulan. Setelah meneliti pandangan penduduk Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya Cobbold membuat kesimpulan bahawa dua pertiga daripada rakyat Sabah dan Sarawak ingin menyertai Malaysia, manakala bakinya menyokong pemerintahan British.[49] Britain dan Tanah Melayu telah menerima laporan Suruhanjaya Cobbold pada bulan Julai 1962 dan bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Kedua-dua pihak membentuk Jawatankuasa Antara Kerajaan di bawah pimpinan Lord Landsdowne untuk menggubal perlembagaan Malaysia.[50] Sementara itu, pungutan suara di Singapura pada 1 September 1962 menunjukkan bahawa lebih 70 peratus daripada rakyat Singapura menyokong Malaysia. Sultan Brunei juga memberi sokongan kepada gagasan Malaysia tetapi baginda belum mengambil keputusan muktamad untuk menyertai Malaysia. Pada masa yang sama, Parti Rakyat telah menguasai Majlis Perundangan Brunei dan tidak menunjukkan penentangan langsung kepada gagasan Malaysia tetapi menyuarakan bahawa wilayah-wilayah Borneo harus bersatu di bawah pemerintahan Sultan Brunei sebelum menyertai Malaysia.[51] Pendirian Parti Rakyat ini tidak dipersetujui oleh Sultan Brunei, kerana majoriti penduduk peribumi Sabah dan Sarawak adalah orang bukan Melayu dan orang Melayu Brunei akan menjadi

---

48 *Straits Times*, 27 November 1961.

49 *KCA*, 18–25 Ogos 1962, hlm. 18937 dan Watt, *Prelude to Confrontation*, hlm. 132.

50 *The Federation of Malaysia*, British Information Service, 1963, hlm. 55.

51 *Ibid.*

minoriti jika bersatu dengan kedua-dua kawasan tersebut.[52] Di samping itu, kekayaan minyak Brunei terpaksa diagihkan kepada pembangunan kedua-dua negeri tersebut.

Pemimpin Parti Rakyat Brunei, A.M. Azahari, telah mengadakan hubungan sulit dengan kerajaan Indonesia untuk mencapai hasrat mereka. A.M. Azahari melawat Jakarta beberapa kali dan mendesak kerajaan Indonesia membantu perjuangannya. Pihak Indonesia telah berjanji untuk memberi bantuan kewangan dan kebendaan kepadanya, di samping mendirikan sebuah pangkalan tentera di Malinau, Kalimantan, Indonesia, untuk melatih tentera gerila yang dikenali sebagai Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU).[53] Para pemuda militer Brunei menyeberangi hutan untuk pergi ke Malinau bagi mendapat latihan ketenteraan daripada pihak Indonesia. Sementara itu, A.M. Azahari juga menghantar perwakilannya ke Manila, berikutan daripada tuntutan rasmi kerajaan Filipina terhadap Sabah pada bulan Jun 1962.[54] Manila enggan melibatkan diri secara rasmi dalam kegiatan Parti Rakyat tetapi bersimpati dengan perjuangan parti tersebut. Di Tanah Melayu dan Singapura, Parti Rakyat Brunei juga telah meminta sokongan daripada kumpulan-kumpulan anti-Malaysia seperti Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Malaya.

Sikap kerajaan Indonesia yang mengalu-alukan gagasan Malaysia di PBB tidak berkekalan berikutan dengan penyelesaian masalah Irian Barat pada bulan Ogos 1962, apabila Belanda bersetuju menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia melalui pentadbiran amanah PBB. Dalam jangka masa yang singkat, Indonesia mula menunjukkan taringnya terhadap cadangan Malaysia. Pada 24 September 1962, Ali Sastroamidjojo, bekas Perdana Menteri Indonesia dan juga Pengerusi PNI, mengisytiharkan bahawa Indonesia tidak akan menjadi boneka terhadap penubuhan Malaysia dan harus menentukan sama ada Malaysia itu menguntungkan atau merugikan pihak Indonesia.[55] Ini kerana Indonesia dan Malaysia akan mempunyai sempadan yang sama di Borneo. Ali Sastroa-

---

52 Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 151.

53 *Ibid.*, hlm. 152. Lihat juga Grant, *Indonesia*, hlm. 152.

54 Kerajaan Filipina menuntut Sabah berdasarkan perjanjian antara Sultan Sulu dengan Alfred Dent dan Baron von Overbeck, tentang pemindahan hak ke atas Sabah (Borneo Utara). Kerajaan Filipina sebagai waris kepada Sultan Sulu menuntut semula Borneo Utara dengan alasan bahawa dalam perjanjian tahun 1878 itu, Sultan Sulu hanya membenarkan Dent dan Overbeck memajak Borneo Utara. Sila lihat Dokumen 28. "A Guide to Philippine Claims to North Borneo", Gullick, *Malaysia,* hlm. 148–150.

55 *Asian Recorder*, 29 Oktober – 4 November 1962, hlm. 4868; Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 130 dan juga *Straits Times*, 20 Oktober 1962.

midjojo juga tidak bersetuju dengan komen Dr. Subandrio tentang cadangan Malaysia di PBB pada November 1961, bahawa Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah di luar bekas tanah jajahan Belanda di Hindia Timur. Bagi beliau, Indonesia masih mempunyai hak untuk menuntut wilayah-wilayah di Borneo.[56] Manakala Prof. Mohd. Yamin pula menyifatkan komen Dr. Subandrio sebagai satu kesilapan yang bodoh.[57]

Akhbar-akhbar di Tanah Melayu telah memprotes kenyataan Ali Sastroamidjojo. Pada hari berikutnya, Tunku Abdul Rahman memberi jawapan Tanah Melayu:

> "Whether a view expressed by this person (Sastroamidjojo) represents those of Indonesian Government, I am unable to say. But he seems to be an important person in Indonesia. I fail to understand in what manner Malaysia can be of advantage or disadvantage to Indonesia. We have existed as an entity for many years. We have no quarrel with Indonesia nor have we attempted in any way to interfere with their affairs. Everybody is free to follow developments on Malaysia. But I say categorically: keep your hands out of our affairs."[58]

Tunku Abdul Rahman mengeluarkan jawapan tegas ini kerana beliau dan para pegawai Wisma Putra bimbang bahawa PNI merupakan parti yang mempunyai hubungan rapat dengan Presiden Sukarno. Oleh itu, pendapat yang dikeluarkan oleh Ali Sastroamidjojo mungkin akan menjadi dasar rasmi kerajaan Indonesia. Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa beliau terpaksa memberi jawapan tegas terhadap kenyataan para pemimpin Indonesia kerana beliau tidak dapat bersabar lagi dengan sikap mereka. Di samping itu, Wisma Putra juga bimbang kemungkinan parti-parti politik bukan komunis di Indonesia mengikut jejak langkah PKI untuk menentang cadangan Malaysia.[59]

Sementara itu, semasa berada di Singapura pada bulan September 1962, Dr. Subandrio memberitahu akhbar *Straits Times* bahawa Indonesia dan Tanah Melayu dipisahkan oleh laut tetapi dengan kedatangan Malaysia akan mempunyai sempadan bersama di Borneo. Oleh itu, Indonesia tidak boleh berdiam diri sungguhpun Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah.[60] Beliau bertanya:

---

56 Bernard K. Gordon 1966. *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia.* Englewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., hlm. 97.

57 *Ibid.*

58 *Asian Recorder*, 20 Oktober–4 November 1962, hlm. 4868 dan juga *Straits Times*, 25 Oktober 1962.

59 *Malay Mail*, Oktober 1962.

60 Sila lihat *Straits Times*, 27 September 1962; *Asian Recorder*, 29 Oktober–4 Novem-

> "How can we remain indifferent to this? If everything goes on smoothly, then we shall not be concerned – it is their business. But if the things go wrong, then we must take notice to protect our interests."[61]

Dr. Subandrio juga mengingatkan bahawa negaranya akan bertindak balas jika terdapat pembinaan pangkalan tentera di Sabah, Sarawak dan Brunei selepas penubuhan Malaysia. Beliau memberi contoh, jika terdapat pangkalan Amerika di bahagian Malaysia di Borneo maka negaranya akan mempelawa pihak Soviet Union membuka pangkalan mereka di wilayah Indonesia di Borneo.[62] Wartawan Wee Kim Wee dari *Straits Times*, yang mengadakan temu ramah dengan Dr. Subandrio telah mengesahkan bahawa kenyataan Dr. Subandrio tentang pangkalan tentera di Borneo adalah benar. Menurut Wee lagi, Dr. Subandrio dan Presiden Sukarno mengecam hebat terhadap Tunku Abdul Rahman kerana beliau mengamalkan sikap bermusuhan terhadap Indonesia.[63] Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, juga memberi pandangan beliau terhadap kenyataan Dr. Subandrio. Menurut Lee Kuan Yew, Indonesia tidak perlu bimbang tentang soal pangkalan tentera di Borneo Utara kerana tidak sesiapa pun, termasuklah orang Amerika yang akan membuka pangkalan di sana oleh sebab kemunduran sistem komunikasi di kawasan tersebut.[64]

Sementara itu, Presiden Sukarno tidak ketinggalan dalam menunjukkan ketidakpuasan Indonesia terhadap perkembangan gagasan Malaysia. Sukarno menegaskan kepada rakyatnya bahawa perjuangan mereka menentang penjajahan belum tamat dengan menandatangani perjanjian dengan Belanda terhadap penyelesaian Irian Barat. Menurut beliau, rakyat Indonesia harus meneruskan perjuangan mereka kerana Indonesia masih dikelilingi oleh imperialisme dan "Old Established Forces". Beliau juga menegaskan bahawa Indonesia tidak berhasrat untuk meluaskan wilayahnya.[65] Seterusnya, Ruslan Abdul Gani, Naib Pengerusi Majlis Penasihat Agung Indonesia, yang melawat Tanah Melayu secara tidak rasmi pada bulan November 1962 menerangkan ba-

---

ber 1962, hlm. 4868 dan *Antara Daily News Bulletin*, 8 Oktober 1962.

61 *Asian Recorder*, 29 Oktober–4 November 1962, hlm. 4868.

62 *Ibid.* Lihat juga *Antara Daily News Bulletin*, 8 Oktober 1962 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 129.

63 Telegram daripada Donhauser, U.S. Consulate, Singapore, kepada Secretary of State. John F. Kennedy Library bertarikh 9 Oktober 1962.

64 *Antara Daily News Bulletin*, 2 Oktober 1962.

65 *Ibid*, 10 Oktober 1962.

hawa terdapat aspek-aspek positif dan negatif tentang percantuman Singapura dan wilayah-wilayah British Borneo dalam Persekutuan Malaysia. Secara peribadi beliau mengatakan, "I welcome any new country around us that wants to get rid of colonial chains."[66]

Sungguhpun Sukarno mengatakan negaranya tidak mempunyai tuntutan wilayah dan Ruslan Abdul Gani pula mengalu-alukan kemunculan negara baru yang ingin bebas daripada penjajahan, tetapi pendirian Indonesia terhadap penubuhan Malaysia masih kabur. Ini kerana, pada masa yang sama, pihak Indonesia melatih dan memberi senjata kepada TNKU yang bersiap sedia menentang Persekutuan Malaysia. Di samping itu, pihak Indonesia melatih sukarelawan pembebasan Irian Barat dari Tanah Melayu dan Singapura dengan latihan ketenteraan dan politik yang bersifat anti-Malaysia.[67] Akhirnya, pendirian sebenar kerajaan Indonesia terhadap gagasan Malaysia dapat dilihat dengan meletusnya pemberontakan Brunei pada 8 Disember 1962. Dengan pemberontakan itu, maka bermulalah ketegangan yang lebih hebat dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia.

Pada tahap pertama hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa proses penubuhan Malaysia, konflik antara kedua-dua negara tidaklah jelas kelihatan. Apabila Tanah Melayu mengumumkan gagasan Malaysia, pihak kerajaan Indonesia tidak menunjukkan sebarang bantahan, malahan telah mengucap selamat berjaya. Walau bagaimanapun, PKI telah membantah cadangan tersebut sebagai neokolonialisme, di samping PKI menyatakan cadangan Malaysia sebagai satu alat untuk membanteras perkembangan ideologi komunis di Borneo dan Singapura. Pemimpin-pemimpin Indonesia seperti Presiden Sukarno dan Prof. Mohd. Yamin melihat cadangan Malaysia sebagai persaingan kepada impian Indonesia Raya yang ingin mereka tubuhkan. Konflik antara kedua-dua negara mula tercetus apabila Indonesia dan Belanda menandatangani perjanjian untuk menyelesaikan isu Irian Barat. Indonesia mula menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap cadangan Malaysia selepas Belanda menyerahkan pentadbiran Irian Barat kepada pentadbiran amanah PBB pada bulan Ogos 1962. Dengan itu, perang saraf antara kedua-dua pihak bermula dan kerajaan Indonesia secara terbuka menunjukkan penentangannya terhadap cadangan Malaysia selepas Pemberontakan Brunei meletus.

---

66 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 13. Ruslan Abdul Gani juga merupakan Menteri Penerangan Malaysia.

67 Untuk keterangan lanjut, sila lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 106 dan dalam Bab 2.

Pemberontakan Brunei

Pemberontakan Brunei yang meletus pada bulan Disember 1962, merupakan titik tolak yang sangat penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Peristiwa ini telah menjadi alasan kepada kerajaan Indonesia untuk menentang gagasan Malaysia secara terbuka. Indonesia melihat peristiwa itu sebagai tanda bahawa gagasan Malaysia tidak mendapat sokongan di kalangan rakyat Borneo Utara. Di samping itu, pemberontakan ini juga meningkatkan ketegangan yang sedia ada dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia akibat isu pemberontakan PRRI dan Irian Barat.

Pemberontakan Brunei yang meletus pada malam 7 Disember 1962 adalah berpunca daripada perjuangan politik Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari. Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, Parti Rakyat Brunei menuntut taraf berkerajaan sendiri di Brunei.[68] Di samping itu, A.M. Azahari pernah menyatakan hasratnya untuk menyatukan wilayah-wilayah Borneo pada tahun 1959. Dalam kongres pertama Parti Rakyat pada bulan Februari 1960, satu resolusi tentang penubuhan persekutuan wilayah-wilayah Borneo di bawah Sultan Brunei telah diluluskan. Parti tersebut juga menggunakan isu ini untuk kempen pilihan raya yang dijangkakan pada tahun 1961.[69] Apabila Tunku Abdul Rahman mencadangkan Malaysia, Parti Rakyat Brunei telah menentang cadangan tersebut. Sebaliknya, Sultan Brunei dan pengikutnya telah menunjukkan minat untuk menyertai gagasan Malaysia. Bagi membalas gagasan Malaysia, A.M. Azahari telah mencadangkan penyatuan Brunei, Sarawak dan Sabah dengan Sultan Brunei sebagai ketua berperlembagaan bagi kesatuan tersebut.[70]

Pada masa yang sama, Parti Rakyat Brunei juga mempunyai hubungan rapat dengan parti-parti pembangkang di Singapura dan Tanah Melayu yang menentang gagasan Malaysia. Semasa menghadiri mesyuarat pertama Barisan Sosialis Singapura, A.M. Azahari mengeluar-

---

68 T.E. Smith 1963. "The Brunei Revolt: Background and Consequences", *World Today*, Jil. 19, No. 3, Mac, hlm. 136.

69 Pilihan raya Majlis Perundangan Brunei yang sepatutnya diadakan pada tahun 1961 telah ditunda ke bulan Ogos 1962. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 115. Lihat juga A.G. Mezerik (ed.), *Malaysia-Indonesia Conflict*, International Review Service, Jil. XI, No. 86, New York, (Tahun tidak diberi, kemungkinan 1966).

70 Smith, "The Brunei Revolt", hlm. 136. Penyatuan Brunei, Sarawak dan Sabah dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU). Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 142.

kan kenyataan bahawa wilayah-wilayah Borneo tidak akan menyertai Malaysia sehingga mereka mendapat kemerdekaan penuh.[71] Menjelang akhir bulan Ogos 1962, pilihan raya bagi Majlis Perundangan Brunei diadakan, dan Parti Rakyat Brunei telah memenangi kesemua 16 kerusi yang dipertandingkan.[72] Beberapa bulan sebelum pilihan raya ini, kegiatan pengambilan anggota-anggota untuk TNKU telah bermula. Sejak bulan Mac 1962, kumpulan pemuda Brunei telah menyeberang sempadan ke Indonesia untuk mendapat latihan ketenteraan. Menjelang bulan November 1962, pemuda-pemuda Brunei membeli secara terbuka pakaian seragam warna hijau, pisau dan kelengkapan lain.[73]

Sementara itu, A.M. Azahari telah berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada pihak pembangkang di Sabah, Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu.[74] Pada 9 September 1962, Parti Rakyat Brunei bersama-sama dengan parti-parti yang menentang penubuhan Malaysia telah menghantar bantahan kepada PBB dengan mengatakan bahawa Malaysia dibentuk tanpa mengambil kira hak penentuan diri rakyat Borneo. Bantahan itu mendakwa laporan Suruhanjaya Cobbold tidak benar dan meminta PBB supaya menghalang penubuhan Malaysia atau mengadakan pungutan suara untuk memastikan kehendak rakyat Borneo. Walau bagaimanapun, PBB tidak mengambil sebarang tindakan terhadap bantahan ini.[75]

Menjelang akhir bulan November, Parti Rakyat Brunei mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa pihaknya akan membawa satu usul ke Majlis Perundangan Brunei dan akan meminta pihak British menyerahkan Sarawak dan Sabah kepada Kesultanan Brunei. Kenyataan itu juga menyebut bahawa Parti Rakyat Brunei hendak menubuhkan persekutuan wilayah-wilayah Borneo. Cadangan Parti Rakyat Brunei tidak mendapat sokongan Sultan Brunei kerana baginda berpendapat adalah sukar untuk menuntut Sabah dan Sarawak daripada pihak British. Penyatuan wilayah-wilayah itu dengan Brunei boleh menyebabkan orang Melayu Brunei kehilangan majoriti kepada penduduk peribumi bukan Melayu.[76]

---

71 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 19.

72 Majlis Perundangan Brunei mempunyai 33 buah kerusi iaitu 16 kerusi tidak rasmi (dipilih) dan 17 kerusi rasmi (dilantik).

73 Smith, "The Brunei Revolt", hlm. 137.

74 Parti Rakyat Brunei mendapat sokongan daripada parti-parti berhaluan kiri di Singapura dan Tanah Melayu, lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 80.

75 *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 20 dan 67.

76 Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 151.

Hasrat Parti Rakyat Brunei membawa usul penyatuan Brunei, Sabah dan Sarawak berkecai apabila Sultan Brunei dengan sengaja menangguhkan persidangan Majlis Perundangan Brunei yang sepatutnya diadakan pada 5 Disember 1962 kerana baginda masih berhasrat untuk menyertai Malaysia.[77] Pada masa yang sama, iaitu pada awal bulan Disember 1962, Parti Rakyat Brunei telah menghantar telegram kepada Tunku Abdul Rahman bahawa parti itu menentang keras penubuhan Persekutuan Malaysia.[78]

Parti Rakyat Brunei yang kecewa dengan penangguhan persidangan Majlis Perundangan Brunei telah melancarkan pemberontakan pada malam 7 Disember 1962. TNKU telah menyerang kawasan penggalian petroleum di daerah Seria dan Kuala Belait. Pemberontakan ini dirancang oleh A.M. Azahari dan Jawatankuasa Pusat Parti Rakyat Brunei dengan harapan Sultan Brunei akan menyokong perjuangan mereka.[79] Semasa pemberontakan ini berlaku, A.M. Azahari berada di Manila dan dari sana beliau membuat perisytiharan kemerdekaan penyatuan Brunei, Sabah dan Sarawak yang dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) dengan Sultan Brunei sebagai ketua negara dan dirinya sebagai Perdana Menteri NKKU.[80] Sebaliknya, Sultan Brunei telah mengisytiharkan darurat dan mengharamkan Parti Rakyat Brunei. Baginda meminta bantuan tentera British di Singapura untuk memulihkan keadaan.[81] Menjelang 17 Disember 1962, tentera British menghancurkan pemberontakan tersebut dengan mudah kerana para pemberontak kekurangan bekalan senjata dan makanan untuk terus berjuang dan bantuan daripada pihak Indonesia yang mereka harapkan itu tidak sampai. Para pemberontak melarikan diri ke hutan di Kalimantan. Pemberontakan ini juga gagal mendapat sokongan daripada Sabah dan Sarawak, malahan Majlis Perundangan Negeri Sabah dan Majlis Negeri Sarawak mengutuk pemberontakan tersebut.[82]

Pemberontakan di Brunei telah menguatkan lagi ketegangan antara

---

77 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 116.

78 *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 19.

79 Douglas Hyde 1965. *Confrontation in the East*. London: The Bodley Head, hlm. 63.

80 Pada hari berikut, TNKU telah menguasai semua bandar utama di Brunei. Pemberontakan juga merebak ke kawasan sempadan Sarawak dan Sabah. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 117, 118; Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 142 dan "Malaya, Singapore and British Borneo: Developments Since October 29, 1962", J.F. Kennedy, 14 Mac 1963.

81 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 117 dan Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 137.

82 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 20.

Tanah Melayu dengan Indonesia. Peristiwa itu telah membolehkan pihak Indonesia mendakwa bahawa cadangan Malaysia yang sedang diusahakan oleh Tanah Melayu tidak mendapat sokongan padu di Brunei mahupun di Sabah atau Sarawak.[83] Wakil Indonesia di Majlis Keselamatan PBB, Dr. Sudjarno, pernah berkata bahawa pemberontakan di Brunei merupakan titik tolak kepada sikap Indonesia terhadap Malaysia.[84] Para pemimpin Indonesia menyokong pemberontakan di Brunei berdasarkan ideologi dan strategi. Dari segi ideologi, Indonesia melihat Pemberontakan Brunei sebagai perjuangan rakyat menentang penjajahan. Indonesia mengkritik tindakan tentera British untuk menghapuskan pemberontakan tersebut. Pihak Indonesia yakin bahawa penggunaan kekerasan oleh Britain untuk menghapuskan pemberontakan jelas menunjukkan bahawa penubuhan Malaysia berlangsung tanpa persetujuan rakyat di wilayah-wilayah yang terlibat. Oleh itu, adalah menjadi *moral duty* dan *a matter of principle* untuk Indonesia menyokong perjuangan kemerdekaan rakyat Kalimantan Utara terhadap penjajahan British.[85]

Dari segi strategi pula, Indonesia melihat percantuman Brunei, Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia sebagai ancaman kepada keselamatan negaranya. Ini kerana perjanjian AMDA akan diperluaskan ke seluruh kawasan Malaysia.[86] Indonesia berasa bimbang untuk berkongsi sempadan dengan Malaysia yang mempunyai pangkalan tentera asing kerana kehadiran pangkalan tentera asing boleh mengancam keselamatan dan keamanan Indonesia serta rantau ini.[87] Tetapi harus diingat bahawa kedudukan Indonesia tanpa Malaysia adalah lebih terancam kerana Britain yang menguasai wilayah-wilayah Borneo Utara lebih bebas untuk berbuat sesuatu yang boleh mengancam Indonesia. Dengan adanya Malaysia, kebebasan Britain dihadkan, dan pangkalan British di Malaysia hanya boleh digunakan untuk menjaga keselamatan Malaysia dan wilayah jajahan British di rantau ini.

Tujuan Indonesia menyokong Pemberontakan Brunei adalah bukan untuk membentuk sebuah negeri Brunei yang merdeka tetapi untuk

---

83 Frederick P. Bunnell 1966. "Guided Democracy Foreign Policys, 1960–1965: Presiden Sukarno Moves From Non-Alignment To Confrontation", *Indonesia*. Modern Indonesian Project, New York: Cornell University, Oktober, hlm. 59.

84 *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 22.

85 *Why Indonesia Opposes British–Made Malaysia*, Rep. of Indonesia Publication, Jakarta, 1964, hlm. 57–58. Dipetik oleh Arora, "The Emergence of Malaysia", hlm. 568.

86 *Ibid.*

87 Cindy Adams 1965. *Sukarno: An Autobiography as Told to Cindy Adams*. New York: Bobbs Merril Inc. hlm. 302.

menghalang penubuhan Persekutuan Malaysia.[88] Ini kerana Indonesia juga berhasrat untuk menubuhkan Indonesia Raya yang meliputi Indonesia dan seluruh kawasan Malaysia. Di samping itu, pihak Indonesia bimbang gagasan baru itu akan membolehkan pengaruh orang Cina berkembang luas. Indonesia berasa bimbang orang Cina mungkin akan mengambil alih Malaysia. Jika Malaysia ditubuhkan, komposisi penduduk Melayu akan menjadi 39 peratus daripada 11 juta orang penduduk dan komposisi penduduk Cina ialah 42 peratus.[89] Ini akan membolehkan orang Cina dengan mudahnya berkuasa di Malaysia. Oleh itu, bekas Naib Presiden Indonesia, Mohd. Hatta berpendapat, "the creation of a Malaysia is nothing but the creation of a second China using the mask of Malay, a new colony dominated by Chinese capitalists, oppressing the Malay Nation."[90]

Sementara itu, kerajaan Tanah Melayu juga menyedari masalah ini. Antara tahun 1948 hingga tahun 1960, Tanah Melayu berjuang menghapuskan pengganas komunis, yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Cina. Ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman enggan jika Singapura sahaja bercantum dengan Tanah Melayu kerana beliau bimbang pengaruh komunis mudah merebak dari Singapura ke Tanah Melayu dan beliau juga bimbang penduduk Cina akan menjadi majoriti di Malaysia. Ini kerana 85 peratus daripada penduduk Singapura adalah daripada keturunan Cina. Lagipun, kebanyakan mereka masih menganggap Tanah Besar China sebagai tanah air mereka.[91] Oleh yang demikian, Tunku Abdul Rahman ingin memasukkan Sabah, Sarawak dan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia bagi mengimbangi komposisi penduduk Cina. Di samping itu, Tanah Melayu berasa bimbang kemungkinan wilayah-wilayah Borneo akan menjadi medan peluasan kuasa RRC ataupun Indonesia selepas Britain meninggalkan rantau ini.[92]

Menurut Jeneral Nasution, penubuhan Malaysia tidak dapat menyelesaikan masalah penduduk Cina di Tanah Melayu, malahan perkara tersebut akan berkembang ke wilayah-wilayah di Borneo Utara yang

---

88 Donald E. Weatherbee 1962. "Indonesia and Malaysia: Confrontation in Southeast Asia", *Orbis*, Jil. VII, No. 2, Musim Panas, hlm. 337.

89 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 16.

90 Arora, "The Emergence of Malaysia". Lihat juga Mohammad Hatta 1965. "One Indonesian View of the Malaysia Issue", *Asian Survey*, Jil. V, No. 3, Mac, hlm. 143.

91 Roger Hilsman, *Prospects for Malaysia*.

92 Lihat Weatherbee, "Indonesia and Malaysia: Confrontation in Southeast Asia", hlm. 338.

bersempadan dengan Indonesia.[93] Ini bermakna masalah penduduk Cina akan turut merebak ke Indonesia melalui wilayah-wilayah ini. Nasution percaya dari Singapura pengaruh China akan berkembang ke Sarawak dan Sabah dan akhirnya mengancam Indonesia.[94] Pada pendapat beliau, Indonesia menentang Malaysia kerana bimbang persekutuan itu membuka jalan kepada penduduk Cina menguasai wilayah-wilayah Borneo Utara.[95] Dalam jangka masa panjang, ini memudahkan perluasan kuasa Cina di rantau ini. Mohd. Hatta juga mempunyai pandangan yang sama seperti Nasution. Beliau yang melawat Tanah Melayu pada tahun 1962 mendapati semua bandar di Tanah Melayu dikuasai oleh masyarakat Cina.[96] Kebimbangan tentang kaum Cina telah diakui oleh seorang pemimpin Islam Indonesia: "We are not afraid of Mao's atom bomb; it is the Overseas Chinese that worry us. The Overseas Chinese are a trojan horse."[97] Perasaan bimbang terhadap masyarakat Cina wujud di Indonesia kerana masyarakat tersebut menguasai ekonomi Indonesia dengan berfungsi sebagai saudagar, orang tengah dan peminjam wang. Menurut Prof. George Mc.T. Kahin, Indonesia mengamalkan dasar anti-Malaysia kerana gagasan tersebut merupakan penyatuan terbesar masyarakat Cina seberang laut. Indonesia berasa takut kerana hal ini boleh menyebabkan masyarakat Cina mempunyai potensi politik yang kuat untuk berkuasa di rantau ini.[98]

Pendirian Indonesia terhadap Penubuhan Malaysia Selepas Pemberontakan Brunei

Selepas peristiwa 8 Disember 1962 di Brunei, hubungan Tanah Melayu-Indonesia memasuki satu era yang berbeza. Jika sebelum Pemberon-

---

93 Temu ramah Prof. George Mc.T. Kahin dari Cornell University dengan Duta Amerika Syarikat ke Indonesia, H.P. Jones, Djakarta, akhir bulan Jun dan awal bulan Julai 1963. Untuk nota-nota temu bual Prof. Kahin, penulis terhutang budi kepada pelajar Prof. Kahin, iaitu Dr. Pamela Sodhy, kerana sudi meminjamkan bahan-bahan tersebut kepada penulis.

94 *Ibid.*

95 Temu ramah Prof. George Mc.T. Kahin dengan Lt. Kol. George Benson, Pegawai Tentera Indonesia, Djakarta, 16 Julai 1963.

96 Temu ramah Prof. Kahin dengan Mohd. Hatta, bekas Naib Presiden Indonesia, 18 Julai 1963.

97 Franklin B. Weinstein 1976. *Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Dependence, From Sukarno to Soeharto.* Ithaca: Cornell University Press, hlm. 121. Nama pemimpin Indonesia itu tidak disebutkan.

98 Lihat Kahin, "Malaysia and Indonesia", hlm. 264–65.

takan Brunei, reaksi Indonesia terhadap cadangan Malaysia adalah tidak begitu kuat dan samar-samar tetapi selepas pemberontakan tersebut, reaksi Indonesia adalah lebih berterus terang. Berikutan pemberontakan itu, kerajaan Indonesia dengan tegas menentang penubuhan Malaysia. Hubungan Tanah Melayu-Indonesia seterusnya dipenuhi dengan perang mulut antara kedua-dua negara, pengumuman Konfrontasi oleh Indonesia dan beberapa reaksi pihak Indonesia, seperti menceroboh sempadan Sarawak dan mengganggu nelayan Tanah Melayu. Di samping itu, terdapat usaha pemulihan hubungan antara Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina yang menuntut Sabah. Ringkasnya, tempoh yang dikaji ini merupakan satu era yang sangat menarik dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Dalam pengkajian tempoh ini, tema persaudaraan, kerjasama, keserantauan, komunisme dan konflik adalah ternyata dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia.

Selepas Pemberontakan Brunei meletus, PKI telah mengisytiharkan sokongan mereka kepada pemberontakan itu. Pada 10 Disember 1962, Presiden Sukarno mengumumkan sokongan beliau kepada pemberontakan tersebut.[99] Beliau menyifatkan pemberontakan itu sebagai mencerminkan perjuangan "the emerging forces" yang disokong oleh Indonesia.[100] Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman menuduh pihak Indonesia terlibat dalam pemberontakan tersebut berdasarkan laporan sulit. Pada 11 Disember 1962, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan di Dewan Rakyat bahawa TNKU mendapat latihan tentera di Malinau, Indonesia, selama beberapa bulan sebelum mereka melancarkan pemberontakan. Beliau juga mendakwa latihan tersebut ditaja oleh pihak komunis dan pihak berhaluan kiri di Indonesia. TNKU telah dilatih oleh Kolonel Suharja, iaitu seorang pegawai tentera yang berhaluan kiri.[101] Walau bagaimanapun, pihak Indonesia menolak dakwaan Tunku Abdul Rahman dan menegaskan apa yang berlaku di Brunei adalah perjuangan rakyat untuk memperoleh kemerdekaan dan kebahagiaan daripada kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme.[102] Akan tetapi, Indonesia kemudiannya memberi perlindungan politik kepada A.M. Azahari dan pemimpin-pemimpin lain NKKU serta membantu kegiatan anti-Ma-

---

99 Howard P. Jones 1971. *Indonesia: The Possible Dream.* New York: Harcourt Brace Jovanovich, hlm. 268.

100 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 21.

101 Sila lihat *KCA*, 23 Februari–2 Mac 1963, hlm. 19262; Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 68 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 120–121.

102 *KCA*, 23 Februari–2 Mac 1963, hlm. 19262.

laysia di wilayah-wilayah Borneo pada bulan-bulan berikutnya.[103] Wakil Indonesia di PBB, Dr. Sudjarno pernah berkata:

> "My people and my Government could not but support this anti-colonial freedom struggle, since we have always supported as strongly as possible the struggle against colonialism all over the world, particularly in Asia and Africa. The revolutionary youth of my country began to prepare voluntarily to join their brothers as guerilla fighters in North Borneo itself."[104]

Sementara itu, semasa Dr. Subandrio berada di Singapura pada 16 Disember 1963, beliau telah menuduh bahawa Tunku Abdul Rahman mengambil sikap bermusuhan terhadap Indonesia. Beliau juga mengisytiharkan bahawa, "there must be an end to the humiliating statements by the Tunku about Indonesia."[105] Di Kuala Lumpur, Pejabat Perdana Menteri menghantar bantahan rasmi bertarikh 18 Disember 1962 kepada kerajaan Indonesia terhadap tuduhan Dr. Subandrio. Kerajaan Tanah Melayu menerangkan pihaknya tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang mengaitkan Jakarta dengan Pemberontakan Brunei. Akan tetapi Kuala Lumpur ingin menarik perhatian bahawa elemen-elemen dan parti-parti tertentu di Indonesia telah memberi galakan dan bantuan kepada A.M. Azahari dan kumpulannya.[106]

Dalam pemberontakan yang berlaku selama sepuluh hari, Tanah Melayu telah memberi sokongan kepada Sultan Brunei. Ini dapat dilihat melalui kesediaan Kuala Lumpur menghantar pasukan polis untuk menghapuskan pemberontakan itu. Sementara itu, Indonesia telah bersimpati dengan para pemberontak kerana mereka berjuang menentang penjajahan dan neokolonialisme. Presiden Sukarno berkata:

> "What was happening in Brunei could not be separated from the struggle of the newly emerging forces. So it is clear to us that the people's unheaval in North Borneo is struggle for independence and happiness."[107]

Oleh itu, beliau meminta rakyat Indonesia memberi sokongan kepada Pemberontakan Brunei. Mereka yang tidak memberi sokongan

---

103 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 121.

104 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 22.

105 *Ibid.*

106 *Ibid.* Lihat juga telegram daripada Duta Besar Baldwin, Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur kepada Setiausaha Negara, 19 Disember 1962. John F. Kennedy Library.

107 *Asian Recorder,* 8–14 Januari 1963, hlm. 4977–4978.

kepada pemberontakan itu didakwa sebagai pengkhianat. Menteri Penerangan Indonesia, Ruslan Abdul Gani, mendesak akhbar-akhbar Indonesia supaya menyokong pemberontakan ini.[108] Hal ini menyebabkan pihak British memujuk kerajaan Indonesia supaya memberi jaminan bahawa tidak akan mencampuri urusan penyertaan wilayah-wilayah Borneo ke dalam Persekutuan Malaysia tetapi Indonesia enggan bekerjasama kerana Malaysia merupakan kolonialisme berbentuk baru.[109]

Selain sokongan kerajaan Indonesia, PKI juga memainkan peranan penting dalam menyokong pemberontakan tersebut, malahan PKI merupakan parti politik pertama di Indonesia yang menyokong para pemberontak di Brunei. Semua organisasi yang dipimpin oleh PKI, seperti Kesatuan Sekerja, telah menyokong pemberontakan itu dan menentang penubuhan Malaysia. Parti-parti politik yang lain seperti PNI, Partindo juga menyokong PKI.[110] Sementara itu, pihak tentera Indonesia juga memberi sokongan kepada pihak pemberontak kerana melihat Pemberontakan Brunei sebagai perjuangan kemerdekaan daripada kolonialisme British. Jeneral Nasution berkata bahawa, "far from being dead, colonialism was encircling and threatening Indonesia." Walau bagaimanapun, beliau menegaskan Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah di Borneo Utara. Beliau mengisytiharkan bahawa Indonesia akan menentang penjajahan di mana sahaja berada dan Indonesia akan memberi pertolongan kepada perjuangan kemerdekaan di mana jua pun.[111]

Bagi memperkuatkan lagi sokongan Indonesia kepada Pemberontakan Brunei, parti-parti politik di Indonesia, terutama PKI, telah membentuk satu jawatankuasa yang dipanggil National Committee of Kalimantan Solidarity (NCNKS). Jawatankuasa ini telah menaja satu perhimpunan umum di Jakarta pada 22 Disember 1962 untuk memburukkan gagasan Malaysia dan mendesak kerajaan Indonesia membantu perjuangan A.M. Azahari dan mengiktirafkan kerajaan buangan beliau.[112]

---

108 *Straits Times*, 12 Disember 1962. Pihak Indonesia telah membenarkan A.M. Azahari membentuk kerajaan buangan di Jakarta.

109 Justus M. van der Kroef 1963. "Indonesia, Malaya and the North Borneo Crisis", *Asian Survey*, Jil. III, No. 4, April, hlm. 179; dan *Asia Recorder*, 22–28 Januari 1963, hlm. 5002. Menurut Hyde, keengganan Indonesia untuk bekerjasama membuktikan bahawa negara itu terlibat dalam Pemberontakan Brunei. Melalui Radio Jakarta pada 19 Disember 1962, Presiden Sukarno telah mengumumkan simpatinya kepada pemberontak tersebut. Hyde, *Confrontation in the East*, hlm. 65.

110 Arora, "The Emergence of Malaysia", hlm. 570.

111 *Ibid.*, hlm. 571.

112 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 147 dan 149; Asian Recorder, 12–18 Februari 1963, hlm. 5043, dan Arora, "The Emergence of

Dalam perhimpunan tersebut, mereka membakar patung Tunku Abdul Rahman dan bendera British. Tunjuk perasaan juga diadakan di hadapan kedutaan British dan Tanah Melayu di Jakarta. Selain itu, terdapat desakan pengambilan sukarelawan untuk pembebasan Kalimantan (Borneo) Utara.[113] Pada 27 Disember 1962, terdapat satu kenyataan di Jakarta bahawa kira-kira 33 000 askar Indonesia berada di Kalimantan untuk berjuang secara sukarela bagi pihak pemberontak dan mereka cuma menunggu perintah sahaja daripada kerajaan.[114] Jeneral Nasution, Menteri Pertahanan Indonesia, sekali lagi menegaskan bahawa negaranya tidak mempunyai tuntutan wilayah di Borneo Utara tetapi menentang penjajahan di sana.[115]

Sementara itu, Tunku Abdul Rahman telah mengkritik PKI kerana parti itu mempengaruhi dasar kerajaan Indonesia terhadap Pemberontakan Brunei dan penubuhan Malaysia. PKI juga menggunakan parti-parti di Tanah Melayu seperti Parti Rakyat Malaya untuk menjalankan kegiatan anti-Malaysia. Menurut Tunku Abdul Rahman, hubungan Tanah Melayu-Indonesia akan terus menjadi dingin sekiranya PKI tidak dihapuskan.[116] Beliau menambah lagi, masalah yang wujud dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia akibat Pemberontakan Brunei merupakan satu ujian kesetiaan bagi rakyat Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman menuduh mereka yang menyokong Indonesia dalam masalah ini sebagai komunis dan beliau memberi amaran supaya jangan melibatkan diri dengan kegiatan subversif.[117] Tunku Abdul Rahman pernah berkata, pihak komunis berhasrat menguasai wilayah-wilayah Borneo Utara tetapi rancangan mereka gagal berikutan usaha-usaha ke arah penubuhan Malaysia. Justeru itu, mereka menuduh Malaysia sebagai neokolonialisme. Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa "there is no imperialism as bad as the Communist imperialism."[118]

Di samping itu, Tunku Abdul Rahman menuduh Sukarno berasa cemburu terhadap gagasan Malaysia.[119] Oleh itu, Sukarno mendesak

---

Malaysia", hlm. 570. NCNKS dianggotai oleh D.N. Aidit, Pengerusi PKI, Ali Sastroamidjojo, Pengerusi PNI dan Chaerul Saleh, Pengerusi People's Consultative Congress.

113 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1963 dan *Malay Mail*, 20–21 Disember 1962.

114 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1963.

115 *Ibid.* Lihat juga *Antara Daily News Bulletin*, 20 Disember 1962.

116 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1963, hlm. 5042.

117 *Ibid.*

118 Kroef, "Indonesia, Malaya, and the North Borneo Crisis", hlm. 174.

119 *Ibid.*, hlm. 178.

rakyat Indonesia menentang gagasan Malaysia sebagai neokolonialisme. Tunku Abdul Rahman menerangkan bahawa rakyat Indonesia tidak mengetahui keadaan sebenar tentang Pemberontakan Brunei tetapi menyokong pemberontakan itu secara membuta tuli. Sementara itu, Tun Abdul Razak menuduh pemimpin-pemimpin komunis dan prokomunis di Indonesia telah memburukkan hubungan Tanah Melayu-Indonesia.[120] Akan tetapi kerajaan Indonesia, khasnya Presiden Sukarno, menolak dakwaan Kuala Lumpur, yang pihak komunis telah mempengaruhi sikap kerajaan Indonesia dalam isu Pemberontakan Brunei. Sukarno menegaskan negaranya menyokong perjuangan kemerdekaan Brunei seperti menyokong perjuangan kemerdekaan di Algeria dan Angola.[121]

Keadaan hubungan Tanah Melayu-Indonesia bertambah buruk apabila jurucakap Kementerian Luar Negara Indonesia, Ganis Harsono, menggambarkan Tanah Melayu sebagai "Police State" dan menuduh Tunku Abdul Rahman tidak melayan Dr. Djuanda dengan baik semasa beliau melawat Kuala Lumpur pada tahun 1959. Harsono juga menuduh bahawa Tunku Abdul Rahman pernah berhasrat untuk menguasai Sumatera pada tahun 1958, iaitu semasa pemberontakan PRRI berlaku di Indonesia.[122] Tunku Abdul Rahman kecewa dengan sikap pihak Indonesia dan berkata, "... we plead to God to save us from chaos which may be caused by our own blood brothers."[123] Tanah Melayu yang serumpun dan sebangsa dengan Indonesia tidak menduga saudara mereka di Indonesia membuat tuduhan sedemikian terhadapnya. Sementara itu, sumber-sumber diplomatik Tanah Melayu menjelaskan bahawa kenyataan Harsono itu sebagai mengkritik Tanah Melayu dengan tuduhan palsu dan memalukan oleh jentera propaganda Indonesia yang tidak bertanggungjawab.[124]

Walau bagaimanapun, Pemberontakan Brunei telah memberi peluang kepada kerajaan Indonesia untuk menyatakan pendirian sebenarnya terhadap penubuhan Malaysia. Malahan peristiwa itu merupakan satu titik tolak yang penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Pihak Indonesia telah menggunakan pemberontakan ini sebagai tuduhan asas bahawa penubuhan Malaysia tidak mendapat sokongan yang meluas daripada rakyat Brunei mahupun daripada rakyat Sabah dan Sara-

---

120 *Antara Daily News Bulletin*, 3 Januari 1963.
121 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1963, hlm. 5042.
122 *Straits Times*, 10 Februari 1963.
123 *Ibid.*, 15 Mac 1963.
124 *Ibid.*, 10 Februari 1963.

wak.[125] Presiden Sukarno, dengan tegasnya telah menolak gagasan Malaysia pada 8 Januari 1963.[126] Akan tetapi pendirian kerajaan Indonesia terhadap gagasan Malaysia jelas kelihatan apabila Menteri Luar Negeri, Dr. Subandrio, mengisytiharkan konfrontasi terhadap penubuhan Malaysia pada 21 Januari 1963. Dr. Subandrio mengumumkan dasar tersebut selepas beliau pulang dari RRC, dan inilah kali pertama Indonesia menggunakan istilah konfrontasi untuk menentang penubuhan Persekutuan Malaysia.[127] Menurut Dr. Subandrio, negaranya mengamalkan dasar konfrontasi kerana Tanah Melayu berfungsi sebagai saluran neokolonialisme dan neoimperialisme, serta mengamalkan dasar bermusuhan dengan Indonesia.[128] Beliau turut menerangkan bahawa Indonesia yang bersikap antipenjajahan terpaksa melancarkan konfrontasi terhadap jiran tetangganya, sungguhpun Indonesia melihat Tanah Melayu sebagai negara sahabat dan saudara. Ini kerana Tanah Melayu telah menjadi alat kepada imperialisme dan kolonialisme.[129] Jurucakap Kementerian Luar Indonesia berkata, "Confrontation is a direct offensive in economic and social spheres but would not take military form."[130] Pandangan ini cuma betul dalam teori sahaja kerana selepas Malaysia dibentuk pada 16 September 1963, Indonesia telah melancarkan konfrontasi ketenteraan dan kemudian barulah konfrontasi ekonomi dijalankan.

Tunku Abdul Rahman menghuraikan kenyataan Dr. Subandrio sebagai "a virtual declaration of Cold War".[131] Dalam bukunya bertajuk

---

125 Bunnell, "Guided Democracy Foreign Policy, 1960–1965", hlm. 59.

126 Grant, *Indonesia*, hlm. 152.

127 *Ibid.* Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 268; Lihat juga Arora, "The Emergence of Malaysia", hlm. 568; Kroef, "Indonesia, Malaya, and the North Borneo Crisis", hlm. 173 dan *Berita Harian*, 22 Januari 1963. Menurut Kroef, "The term Confrontation (Konfrontasi) has a special meaning in Indonesia, it might be noted, for it was the official designation for Indonesia's accelerated campaign against the Dutch, initiated in the of 1959, to acquire West New Guinea, and its refers to a pattern of intense diplomatic pressure, press campaigns, mobilization of public opinion and threat of military force. Ostensibly Indonesia is motivated in its "Confrontation" of Malaya by her announced support for rebel elements in Brunei and in North Borneo generally who oppose Tunku's plan to create a new state of Malaysia." Kroef, "Indonesia, Malaya and the North Borneo Crisis", hlm. 173.

128 *Berita Harian*, 22 Januari 1963 dan *Malay Mail*, 21 Januari 1963.

129 *Asian Recorder*, 26 Mac–1 April 1863, hlm. 5109.

130 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 70. Pada peringkat itu, makna konfrontasi adalah tidak jelas. Menurut Dr. Subandrio, ini tidak bermakna Indonesia melancarkan perang terhadap isu Malaysia. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 126.

131 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 149.

Pandang Balik, Tunku Abdul Rahman mengatakan bahawa sebelum ini, Dr. Subandrio mengumumkan beliau menerima Malaysia dengan syarat tidak akan melanggar kedaulatan Indonesia tetapi apabila melihat rancangan Malaysia berjalan lancar maka beliau menarik balik kata-katanya dan kemudiannya melancarkan konfrontasi.[132] Tunku Abdul Rahman menyifatkan istilah konfrontasi sebagai "... a typical Communist expression, but we don't know exactly what it means".[133] Beliau telah memberi jaminan bahawa Persekutuan Malaysia akan tetap wujud seperti yang dijadualkan, tidak kira sama ada Jakarta merestuinya atau tidak, dan sama ada Brunei akan menyertainya atau menentang.[134]

Sebagai menunjukkan bantahan terhadap dasar Konfrontasi Indonesia, pada 30 Januari 1963, kerajaan Tanah Melayu telah memanggil balik dutanya di Jakarta, Kamaruddin Hj. Idris, untuk satu tempoh yang tidak dinyatakan. Abdullah bin Ali, Charge d' Affaires telah mengambil alih tugas kedutaan sehingga Kamaruddin Haji Idris dihantar semula ke Indonesia. Manakala Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pula dipimpin oleh Charge d' Affaires, Tun Hassan, sejak Dr. Razif menamatkan perkhidmatan sebagai Duta Besar pada bulan Disember 1962. Ini kerana Indonesia tidak berpuas hati dengan hubungan persahabatan Tanah Melayu-Britain yang dianggap oleh Jakarta mengancam keselamatannya.[135]

Sementara itu, pada 11 Februari 1963, Dr. Subandrio memberi amaran bahawa konflik senjata mungkin meletus antara Indonesia dengan Tanah Melayu jika Tanah Melayu meneruskan usaha penubuhan Malaysia.[136] Beliau mendakwa Tanah Melayu bermusuhan dengan Indonesia dan Tunku Abdul Rahman berusaha untuk melemahkan rejim Sukarno. Jadi, jika Malaysia dibentuk, sikap permusuhan yang sedia wujud akan berkembang luas. Ini boleh menyebabkan peperangan berlaku antara mereka kerana kedua-dua negara akan mempunyai sempadan umum. Oleh itu, beliau berkata:

> "I do not know how physical conflict can be avoided when we have common borders with unfriendly Malaya."[137]

---

132 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 115.
133 *Malay Mail*, 25 Januari 1963.
134 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 154.
135 *Straits Times*, 31 Januari 1963.
136 *Asian Recorder*, 26 Mac–1 April 1963, hlm. 5109.
137 *Ibid.*

Keadaan ini bertambah buruk apabila RRC dan Soviet Union menyokong penentangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia sebagai neokolonialisme.[138] Vietnam Utara juga turut menentang penubuhan Malaysia.[139] Antara ketiga-tiga negara ini, sokongan RRC kepada Indonesia adalah sangat kuat. Sokongan ini dapat dilihat melalui ucapan Naib Pengerusi RRC, Liu Shao Chi, pada bulan April 1963. Beliau mengisytiharkan:

> "Indonesia and China are comrades in arms and China praises Indonesia's just stand in opposing the neo-colonialist scheme of Malaysia and in supporting the revolutionary struggle of the people of North Brunei."[140]

RRC sangat membenci Malaysia kerana Tanah Melayu pernah mengutuk keras pencerobohan RRC terhadap Tibet dan sempadan India.

Selain sokongan negara-negara komunis, Indonesia juga mendapat sokongan daripada parti-parti pembangkang di Tanah Melayu dan Singapura. Parti Rakyat Malaya telah membentuk satu pertubuhan sulit yang bekerjasama dengan PKI untuk memberi bantuan kebendaan kepada Pemberontakan Brunei. Di Singapura, parti Barisan Sosialis telah memberi sokongannya kepada pemberontakan tersebut kerana menentang neokolonialisme. Walau bagaimanapun, kegiatan parti-parti ini dihalang oleh kerajaan masing-masing dengan menahan pemimpin-pemimpin pembangkang yang terlibat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).[141]

Pada masa yang sama, beribu-ribu sukarelawan Indonesia dilaporkan bersedia menyokong perjuangan A.M. Azahari. Jeneral Ahmad Jani, Ketua Angkatan Tentera Indonesia, berkata sukarelawan Indonesia hanya menunggu perintah untuk memasuki wilayah-wilayah British Borneo bagi membantu para pemberontak.[142] Keadaan menjadi kelamkabut apabila sebuah bot tentera laut Indonesia menyerang sebuah tong-

---

138 Sila lihat Armstrong, "Troubled Birth of Malaysia", hlm. 692–693; Nadia Derkach 1965. "The Soviet Policy Towards Indonesia in The West, Irian and The Malaysian Disputes", *Asian Survey*, Jil. V, No. 11, November, hlm. 562–563 dan Kahin, "Malaysia and Indonesia", hlm. 263.

139 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 150.

140 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 13.

141 Lihat *Asian Recorder*, 25 Mac–1 April 1963, hlm. 5110; Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 152–154 dan *Malayan Times*, 3, 4 dan 14 Februari 1963.

142 *Straits Times*, 2 Februari 1963. Lihat juga Grant, *Indonesia*, hlm. 152.

kang Tanah Melayu di perairan Tanah Melayu dengan alasan terlibat dalam penyeludupan. Kuala Lumpur membantah tindakan Indonesia, walaupun pihak Indonesia bertujuan menghapuskan penyeludupan, kerana kemasukan bot tentera laut Indonesia ke dalam perairan Tanah Melayu tetap merupakan satu kesalahan.[143] Selain itu, bot-bot nelayan Tanah Melayu juga selalu menjadi sasaran tentera laut dan polis marin Indonesia. Kebanyakan nelayan Tanah Melayu menyelesaikan ancaman pihak keselamatan Indonesia dengan memberi rasuah sebanyak $5.00 kepada polis marin Indonesia supaya tidak mengganggu mereka.[144] Walau bagaimanapun, tentera laut Indonesia tidak menerima rasuah seperti polis marin sejak konfrontasi dilancarkan.[145] Sementara itu kerajaan Tanah Melayu menasihatkan kira-kira 2000 hingga 3000 nelayannya supaya jangan memasuki kawasan perairan yang dituntut oleh Indonesia demi keselamatan mereka. Bagi mengatasi ancaman seperti ini, tentera laut Tanah Melayu telah menambahkan rondaan di perairannya.[146] Dalam usaha memperkuatkan lagi tentera laut, kerajaan Tanah Melayu telah membeli helikopter dan bot laju dari Britain dan Perancis supaya dapat mengimbangi kekuatan tentera laut Indonesia.[147]

Sebaliknya, pihak Indonesia juga telah menggunakan Persidangan Afro-Asia Solidariti untuk menentang Malaysia secara diplomatik. Semasa persidangan ini diadakan pada awal bulan Februari 1963 di Moshi, Tanganyika, pihak Indonesia bersama-sama dengan RRC telah melobi perwakilan Afro-Asia supaya memulaukan wakil-wakil dari Tanah Melayu dan Singapura.[148] Mereka berjaya berbuat demikian dan wakil-wakil Tanah Melayu dan Singapura tidak diberi tempat duduk di persidangan itu. Jadi, wakil-wakil Tanah Melayu dan Singapura tidak berpeluang menerangkan tentang penubuhan Malaysia. Tempat-tempat tersebut diberikan kepada dua orang wakil dari Kalimantan Utara.[149] Da-

---

143 Kejadian seperti ini sering berlaku sejak tahun 1956, apabila pemberontak PRRI menjalankan penyeludupan untuk tabung perjuangan mereka.

144 Sila lihat, *Malay Mail*, 21 Februari 1963 dan *Straits Times*, 20 Februari 1963.

145 *Ibid.*

146 *Straits Times*, 2 Februari 1963. Di samping pencerobohan bot tentera laut, jet-jet tentera udara Indonesia juga pernah menceroboh ruang udara Singapura. *Ibid.*, 8 Februari 1963.

147 *Malay Mail*, 21 Februari 1963.

148 *Straits Times*, 6 Februari 1963 dan lihat juga Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 156. Rombongan Tanah Melayu diketuai oleh En. Othman Wok dan rombongan Singapura pula diketuai oleh En. Devan Nair.

149 Means, "Malaysia–A New Federation", hlm. 156. Means berpendapat bahawa wakil-wakil Kalimantan Utara merupakan orang Indonesia dari Jakarta.

lam persidangan ini wakil Indonesia, Siraddjudin Abbas, telah menggesa negara-negara Afro-Asia supaya menyokong kerajaan revolusioner Brunei pimpinan A.M. Azahari dan mengutuk penubuhan Malaysia. Akibatnya, persidangan di Moshi telah meluluskan dua resolusi anti-Malaysia tanpa perbahasan kerana perwakilan Afro-Asia terpengaruh dengan propaganda Indonesia dan RRC.[150]

Dengan kejayaan tersebut, pada 14 Februari 1963, Presiden Sukarno telah mengisytiharkan bahawa Indonesia dengan rasminya menentang penubuhan Malaysia.[151] Beliau menegaskan bahawa Indonesia tidak mahu dikepung oleh neokolonialisme dan menuduh Malaysia sebagai hasil usaha imperialis. Menurut Sukarno:

> "Malaysia is the product of the brain and efforts of neo-colonialism... Malaysia is to protect the safety of tin for the imperialists, Malaysia is to protect rubber for the imperialists, and Malaysia is to protect oil for the imperialists. For this reason we are determinedly opposed, without any reservation against Malaysia."[152]

Beliau juga menegaskan bahawa penentangan Indonesia terhadap Malaysia tidak dipengaruhi oleh pihak komunis tetapi dibuat kerana Malaysia mewakili neokolonialisme. Sebaliknya, negaranya menyokong Pemberontakan Brunei kerana perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan dan juga menentang neokolonialisme. Prinsip-prinsip Indonesia adalah antikolonialisme dan antiimperialisme. Oleh itu, Indonesia menyokong semua negara yang berjuang untuk kemerdekaan.[153]

Setiausaha United Malay National Organization (UMNO), Syed Jaafar Albar, mengkritik sikap Indonesia yang mengamalkan Konfrontasi terhadap Malaysia sebagai satu usaha untuk menyorok kelemahan ekonominya.[154] Semasa Indonesia melancarkan Konfrontasi, keadaan ekonomi Indonesia adalah tenat dan dibebani dengan hutang luar negeri. Beliau menuduh bahawa selepas isu Irian Barat selesai, Presiden Sukarno dan Dr. Subandrio membangkitkan isu Malaysia dan mereka membuat tuduhan liar terhadap isu tersebut. Beliau menegaskan Tanah

---

150 *Ibid.* Lihat juga Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 463.

151 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 149.

152 Watt, "Prelude To Confrontation", hlm. 119 dan *Antara Daily News Bulletin*, 20 Februari 1963.

153 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 14.

154 *Antara Daily News Bulletin*, 5 Februari 1963.

Melayu sentiasa ingin bersahabat dengan Indonesia tetapi kerajaan Indonesia mengamalkan sikap bermusuhan.[155] Syed Jaafar Albar memberi contoh bahawa pada tahun 1955, Tunku Abdul Rahman telah melawat Indonesia tetapi Presiden Sukarno tidak pernah melawat Kuala Lumpur, walaupun telah dijemput dua kali oleh kerajaan Tanah Melayu. Beliau juga tidak memberi jawapan kepada jemputan itu.[156] Syed Jaafar Albar mengingatkan Jakarta bahawa Indonesia tidak boleh mengamalkan Konfrontasi terhadap Malaysia seperti yang diamalkan terhadap Belanda dalam isu Irian Barat. Ini kerana:

> "If this confrontation is continued it will boomerang because the people in Indonesia come from the same stock as the people in Malaya."[157]

Dengan kata lain, Konfrontasi boleh mengancam hubungan persaudaraan di kalangan penduduk kedua-dua negara yang berasal daripada rumpun bangsa yang sama. Kenyataan beliau menegaskan bahawa Malaysia dan Indonesia tidak boleh melupakan bahawa mereka adalah saudara sedarah sebangsa.

Sementara itu, pada 15 Februari 1963, Presiden Amerika Syarikat, J.F. Kennedy, telah mengumumkan sokongannya untuk penubuhan Persekutuan Malaysia. Beliau melihat cadangan Malaysia sebagai "the best hope of security for that very vital part of the world".[158] Sokongan Kennedy telah memberi semangat kepada Tanah Melayu untuk meneruskan usaha penubuhan Malaysia. Sokongan Amerika ini dapat mengimbangi sokongan Soviet Union dan RRC bagi Indonesia menentang cadangan Malaysia.

Pada hari yang sama, Tun Abdul Razak pula mengumumkan bahawa oleh sebab tindakan pihak Indonesia mengancam keselamatan Tanah Melayu, Kuala Lumpur perlu mengambil langkah-langkah untuk

---

155 *Ibid.* Sebaliknya, pihak Indonesia menuduh Kuala Lumpur bermusuhan dengan Indonesia. Ini berdasarkan perlindungan yang diberikan oleh Tanah Melayu kepada pemberontakan PRRI dan sikap berkecuali Tanah Melayu tentang isu Irian Barat pada tahun 1957.

156 *Ibid.*, 28 Februari 1963. Pihak Indonesia menafikan dakwaan ini dan Sukarno pernah memberi jawapan rasmi kepada jemputan tersebut pada 15 Mac 1962 bahawa beliau tidak sempat melawat Tanah Melayu.

157 *Ibid.*, 5 Februari 1963.

158 *Asian Recorder*, 26 Mac–1 April 1963, hlm. 5110 dan Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 269. Kennedy yakin Malaysia boleh mempertahankan diri daripada ancaman komunis di Asia Tenggara.

menjamin keselamatannya. Beliau menegaskan bahawa Tanah Melayu perlu menguatkan angkatan tentera darat, laut dan udaranya untuk menghadapi ancaman Indonesia.[159] Di samping itu, Tanah Melayu juga membatalkan pemergian tambahan 800 orang tenteranya ke Congo sebagai tentera keamanan PBB dan bercadang memanggil balik tenteranya yang sedang berkhidmat di Congo. Sementara itu, Britain pula menghantarkan 2000 orang tenteranya dari Unit "Strategic Reserve" bagi menguatkan pertahanan Tanah Melayu.[160]

Hubungan Tanah Melayu-Indonesia menjadi semakin tegang berikutan ucapan Presiden Sukarno yang mengarahkan tenteranya bersiap sedia untuk tugas baru selepas kejayaan di Irian Barat.[161] Beliau merujuk kepada penubuhan Malaysia sebagai mengepung dan mengancam keselamatan Indonesia. Pada 18 Februari 1963, Jeneral Nasution mengatakan Indonesia menentang Malaysia kerana dua sebab penting. Pertama, Malaysia akan menjadi ancaman militari kerana mungkin digunakan oleh kuasa asing di Asia Tenggara. Kedua, Malaysia akan menjadi "haven for economic subversion" yang melibatkan kegiatan penyeludupan dan perdagangan barter secara haram di sempadan Malaysia-Indonesia. Kegiatan ini telah pun menyebabkan Indonesia kehilangan 20 peratus hingga 30 peratus daripada jumlah pendapatan eksport tahunan negaranya. Sekali lagi beliau menegaskan bahawa Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah di Borneo Utara tetapi menyokong penuh revolusi Borneo Utara.[162] Sebaliknya, pada 23 Februari, Tunku Abdul Rahman memberi amaran kepada pihak Indonesia jika negara itu menyerang Tanah Melayu, Kuala Lumpur bukan sahaja akan dapat bantuan daripada negara-negara yang ada perjanjian pertahanan dengannya tetapi juga daripada negara-negara yang bersimpati dengan Tanah Melayu.[163] Amaran ini merupakan amaran yang paling tegas pernah diberi oleh Tunku Abdul Rahman sejak Indonesia melancarkan Konfrontasi. Tunku Abdul Rahman sekali lagi mengingatkan pihak Indonesia bahawa Malaysia akan pasti dibentuk pada 31 Ogos 1963, walau apa pun

---

159 *Ibid.* Lihat juga *Malay Mail*, 14 Februari 1963.

160 *Straits Times*, 29 Januari 1963.

161 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 14.

162 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 72.

163 *Asian Recorder*, 30 April–6 Mei 1963, hlm. 5176. Tunku Abdul Rahman tidak menjelaskan negara-negara mana yang akan membantu Tanah Melayu jika Indonesia menyerang. Kemungkinan tentera Amerika termasuk Seventh Fleet akan membantu Tanah Melayu. Lihat *Antara Daily News Bulletin*, 6 Mac 1963.

terjadi dalam usaha penubuhan itu.[164] Beliau menambah lagi:

> "We will face whatever consequences come our way. We shall not drop the Malaysia plan because we know that the Indonesian government is not always satisfied with what it already possesses. We shall try and find ways and means to avoid such a thing like a war from taking place."[165]

Pada masa yang sama, pemuda UMNO telah mendesak kerajaan Tanah Melayu supaya memasukkan Kepulauan Riau dalam gagasan Malaysia kerana satu ketika dahulu, Kepulauan Riau merupakan sebahagian daripada kerajaan Johor. Kepulauan Riau kemudian dipisahkan dari Johor melalui perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Sejak itu, Riau diperintah oleh Belanda sehingga kemerdekaan Indonesia pada tahun 1949. Pemuda UMNO meminta kerajaan Tanah Melayu supaya membawa tuntutan Kepulauan Riau ke PBB untuk diadili. Pihak Indonesia melihat tuntutan ini sebagai langkah agresif dan peluasan kuasa oleh Tanah Melayu. Indonesia juga mendakwa Tunku Abdul Rahman bersikap "blind recklessness" kepada desakan UMNO dan desakan menuntut Riau jelas menunjukkan bahawa idea Malaysia merupakan neokolonialisme.[166] Barisan Pemuda Indonesia membantah tuntutan pemuda UMNO dan menuduh Tanah Melayu bersikap anti-Indonesia.[167]

Selain melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia, pihak Indonesia, khasnya kedutaannya di Kuala Lumpur, juga menganjurkan kegiatan subversif di Tanah Melayu. Kegiatan subversif bertambah pesat selepas pelantikan Lt. Jen. Djatikusumo sebagai Duta Besar Indonesia ke Tanah Melayu pada bulan April 1963.[168] Pihak pembangkang di Tanah Melayu bekerjasama dengan Kedutaan Indonesia untuk menjalankan kegiatan anti-Malaysia. Kegiatan subversif yang dilakukan ini bukanlah satu perkara yang baru kerana sebelum ini Djatikusumo semasa bertugas sebagai Konsul Indonesia di Singapura sejak tahun 1958,

---

164 *Asian Recorder*, 30 April–1 Mei 1863, hlm. 5176.

165 *Antara Daily News Bulletin*, 6 Mac 1963; *Straits Times*, 10 Februari 1963 dan *Malay Mail*, 25 Januari 1963.

166 *Antara Daily News Bulletin*, 15 dan 18 Mac 1963.

167 *Ibid.*, 19 Mac 1963.

168 Djatikusumo mengambil alih tugas Dr. Mohd. Razif yang menamatkan perkhidmatannya pada bulan Disember 1962. Sementara itu, En. Kamaruddin kembali ke Jakarta untuk meneruskan tugasnya sebagai Duta Besar Tanah Melayu.

pernah melibatkan diri dalam kegiatan seperti itu.[169] Ini membayangkan cita-cita Indonesia untuk menubuhkan Indonesia Raya yang meliputi Tanah Melayu dan Singapura.

Pada masa yang sama, Presiden Filipina, Macapagal, juga mengecam Tanah Melayu dengan mengumumkan sokongannya terhadap Indonesia. Beliau berkata Filipina tidak dapat menerima kewibawaan Tanah Melayu ke atas Sabah, Sarawak dan Brunei kerana pembentukan Malaysia akan mengancam keselamatan Filipina. Filipina berasa bimbang bahawa pengaruh komunis dengan mudahnya akan dapat merebak ke wilayahnya jika Malaysia jatuh ke tangan komunis. Beliau berpendapat Tanah Melayu masih diancam PKM, padahal Tanah Melayu berjaya menghapuskan ancaman tersebut pada tahun 1960. Menurut Tunku Abdul Rahman, Macapagal lupa bahawa di Filipina sendiri terdapat ancaman komunis Hukbalahap.[170] Naib Presiden Filipina, Emmanuel Pelaez, pula mengumumkan negaranya keberatan menerima Malaysia kerana gagasan Malaysia merupakan batu penghalang kepada keamanan di Asia Tenggara.[171] Di sini harus juga diingat bahawa Filipina telah gagal mencapai hasil yang positif daripada mesyuarat Aglo-Filipina tentang soal tuntutan Sabah yang diadakan dari 24 Januari 1963 hingga 1 Februari 1963 di London.[172] Soal tuntutan Sabah merupakan soal pokok Filipina menentang gagasan Malaysia. Berbanding dengan penentangan Indonesia, penentangan Filipina tidaklah radikal. Ini kerana Filipina cuba mencari jalan keluar untuk menyelesaikan masalah penubuhan Malaysia secara rundingan.

Terdapat laporan akhbar di Amerika Syarikat yang mengatakan bahawa Manila ingin mengadakan satu persidangan kemuncak ketua-ketua kerajaan Tanah Melayu, Indonesia, Filipina dan Thailand bagi membincangkan masalah-masalah yang wujud di rantau ini.[173] Bagi membincangkan masalah yang wujud akibat penubuhan Malaysia, pada bulan Februari 1963, Pelaez, sewaktu pulang ke Manila dari menghadiri mesyuarat Anglo-Filipina telah mencadangkan mesyuarat kemuncak antara Macapagal, Sukarno dan Tunku Abdul Rahman. Tanah Melayu telah mengalu-alukan cadangan Pelaez tersebut tetapi Indonesia pula

---

169 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 5.

170 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 116. Lihat juga *Asian Recorder*, 26 Mac–1 April 1963, hlm. 5110.

171 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 116.

172 Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 141 dan juga *KCA*, 23 Februari–2 Mac 1963, hlm. 19266.

173 Sila lihat, Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 142.

tidak memberi sebarang ulasan terhadap cadangan itu. Tunku Abdul Rahman menerangkan bahawa adalah menjadi tugasnya untuk menyertai persidangan seperti itu, jika bertujuan untuk keamanan. Tetapi beliau enggan menghadiri mesyuarat seperti itu jika diadakan untuk menghalang penubuhan Malaysia.[174] Akhbar *Indonesian Herald*, (lidah tidak rasmi Kementerian Luar Negeri Indonesia), mendesak Indonesia harus menghadiri persidangan tersebut dengan tujuan dapat melambatkan penubuhan Malaysia.[175] Kerajaan Filipina sekali lagi mengusulkan perkara tersebut di persidangan Economy Commission for Asia and the Far East (ECAFE) di Manila. Dr. Subandrio yang mengetuai rombongan Indonesia memberi persetujuannya.[176]

Pada masa yang sama, Dr. Subandrio telah berunding dengan pemimpin-pemimpin Filipina supaya Indonesia dan Filipina membentuk satu barisan bersama untuk menentang penubuhan Malaysia. Beliau juga menekankan bahawa Filipina dan Indonesia perlu mengadakan perjanjian pertahanan bagi menghadapi Malaysia.[177] Reaksi Filipina terhadap cadangan Dr. Subandrio tidak menggalakkan. Filipina tidak berminat dalam soal penubuhan Malaysia kerana menuntut Sabah sebagai haknya, manakala Indonesia pula melihat Malaysia sebagai ciptaan neokolonialisme dengan pangkalan tentera asing yang boleh mengancam keselamatan Indonesia.

Sementara itu, Tunku Abdul Rahman berada di Manila pada 2 hingga 4 April 1963 untuk menghadiri mesyuarat ASA. Tunku Abdul Rahman mengulangi bahawa beliau akan menghadiri persidangan kemuncak seperti yang dicadangkan oleh Filipina jika persidangan tersebut membawa faedah.[178] Beliau juga mengusulkan agar mengadakan pertemuan Menteri-Menteri Luar sebelum mengadakan pertemuan ketua-ketua kerajaan Indonesia, Tanah Melayu dan Filipina. Cadangan ini dipersetujui oleh ketiga-tiga negara tersebut. Sebagai persediaan untuk mesyuarat peringkat menteri, satu mesyuarat pada peringkat pegawai atau Timbalan Menteri diadakan supaya dapat membentuk agenda mesyuarat pada peringkat menteri.[179]

---

174 *Malay Mail*, 10 Mac 1963.

175 *Straits Times*, 1 Mac 1963.

176 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 16. Rombongan ECAFE Tanah Melayu pula diketuai oleh Tun Abdul Razak.

177 *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1963, hlm. 5201.

178 *Ibid.*

179 Lihat *Antara Daily News Bulletin*, 20 Mac dan 16 April 1963 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 16.

Pada 9 April 1963, perbincangan peringkat Timbalan Menteri diadakan di Manila dan berlangsung selama lapan hari.[180] Mesyuarat ini merupakan mesyuarat formal tiga hala yang pertama diadakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang wujud akibat cadangan Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pada 17 April 1963, mereka tidak menyebut tentang Malaysia.[181] Wakil-wakil dari ketiga-tiga negara bersetuju untuk mengadakan persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri pada pertengahan tahun 1963. Mereka bersetuju bahawa agenda bagi mesyuarat itu akan mengandungi dua perkara. Pertama, pertukaran pandangan tentang masalah-masalah semasa yang berkaitan dengan kestabilan, keselamatan dan pembangunan ekonomi di negara-negara tersebut khususnya dan di rantau secara amnya. Kedua, negara-negara ini akan mencari jalan untuk bekerjasama dan membantu sesama sendiri untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan di atas.[182]

Semasa mesyuarat peringkat Timbalan Menteri berlangsung, tentera Indonesia telah menyerbu masuk dan menyerang sebuah kampung di daerah Serian, Sarawak, pada 12 April 1963.[183] Ini merupakan pencerobohan pertama pihak Indonesia sejak Konfrontasi dilancarkan. Di samping itu, perang saraf antara kedua-dua pihak juga berterusan. Sukarno menuduh pembentukan Malaysia merupakan perlanjutan penjajahan yang ditentang oleh Indonesia. Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman menuduh Sukarno sebagai "the Red Chinese stooge" dan meminta beliau supaya "mind his own business" kerana ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak.[184] Sukarno juga menghina Tanah Melayu dengan menyanyikan lagu kebangsaan Tanah Melayu seperti lagu pop di Persidangan Wartawan Afro-Asia, di Jakarta pada bulan April tahun 1963. Tindakan ini menyebabkan akhbar *Utusan Melayu* mendesak kerajaan Tanah Melayu memutuskan hubungan diplomatik dengan Jakarta.[185] Presiden Sukarno sekali lagi mengingatkan bahawa negaranya

---

180 Tanah Melayu diwakili oleh Mohd. Ghazali Shafie, Indonesia diwakili oleh Dr. Suwito Kusumowidagdo, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Filipina diwakili oleh Salvador P. Lopez, Timbalan Setiausaha Luar Negeri. Sila lihat *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 16.

181 *Asian Recorder*, 2–3 Julai 1963, hlm. 5282.

182 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 15.

183 Indonesia pernah menggunakan taktik "hit and talk" ini dengan berkesan sekali dalam kempen Irian Barat. Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 181.

184 Gordon, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 70 dan *Antara Daily News Bulletin*, 8 Mei 1963.

185 *Antara Daily News Bulletin*, 13 Mei 1963.

akan melanjutkan dasar Konfrontasi jika Tanah Melayu meneruskan pembentukan Malaysia. Beliau berkata:

> "We must remain faithful to our principle, we must oppose the neo-colonialist effort.... Let the entry of one hundred million Indonesian people from Sabang to Merauke stand erect as one man to bring down imperialisme."[186]

Seterusnya, pada bulan Mei 1963, Indonesia telah mengambil langkah untuk memulihkan ekonominya yang semakin merosot. Indonesia memerlukan bantuan kewangan Amerika Syarikat untuk memulihkan ekonominya. Oleh itu, secara mendadak Sukarno meninggalkan dasar agresifnya terhadap Malaysia supaya negaranya dapat memperoleh bantuan ekonomi dari Amerika.[187] Semasa berada di Tokyo pada akhir bulan Mei 1963, Presiden Sukarno telah menjemput Tunku Abdul Rahman untuk mengunjungi beliau.[188] Jemputan Sukarno menarik perhatian kerana sebelum ini kedua-dua pemimpin sentiasa berperang mulut dan mereka juga mempunyai pandangan yang berbeza terhadap politik antarabangsa. Laporan dari Tokyo mengatakan bahawa perjumpaan antara Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno adalah hasil inisiatif Presiden Sukarno sendiri. Tetapi, *Antara Daily News Bulletin*, menolak laporan tersebut. Perjumpaan Tunku Abdul Rahman-Sukarno berpunca daripada pujukan Presiden Macapagal dan tekanan kerajaan Amerika Syarikat.[189] Tunku Abdul Rahman pergi ke Tokyo dengan tujuan untuk menerangkan kepada Sukarno bahawa Malaysia bukan merupakan ancaman kepada Indonesia serta memberitahu beliau tentang tarikh penubuhan Persekutuan Malaysia.[190]

---

186 *Ibid.*, 17 Mei 1963.

187 Gordon, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 70. Sila lihat Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 146–149, untuk memperoleh keterangan lanjut tentang hubungan ekonomi Amerika dengan Indonesia. Indonesia mempunyai masalah dalam soal cari gali minyak dengan syarikat-syarikat minyak Amerika di Indonesia.

188 Di Tokyo, Sukarno, berunding dengan syarikat-syarikat minyak Amerika tentang perjanjian penggalian minyak di Kepulauan Indonesia. Lihat Gordon, *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*, hlm. 70.

189 Watt, "Prelude to Confrontation", hlm. 149. Macapagal mengambil inisiatif untuk pertemuan Tunku Abdul Rahman-Sukarno, sungguhpun Filipina ada tuntutan ke atas Sabah. Filipina bimbang terhadap sokongan RRC kepada Indonesia untuk menentang Malaysia. Sokongan RRC kepada Indonesia menyebabkan Filipina mula mengubah pendiriannya terhadap Malaysia dan yakin Malaysia mampu menentang komunis. Lihat *Asian Recorder*, 16–22 Julai 1963, hlm. 5306.

190 Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 200.

Tunku Abdul Rahman dan Sukarno mengadakan perjumpaan tidak rasmi di Tokyo selama dua hari, iaitu pada 31 Mei hingga 1 Jun 1963.[191] Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk menamatkan kecaman yang dibuat sesama sendiri. Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pada 1 Jun 1963, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa perjumpaan sesama mereka perlu untuk mengatasi masalah yang wujud akibat cadangan Malaysia. Tunku Abdul Rahman dan Sukarno telah mengukuhkan lagi kesetiaan mereka menerusi Perjanjian Persahabatan Indonesia-Tanah Melayu (1959) dan bersetuju untuk menyelesaikan masalah mereka dengan semangat muhibah dan kejiranan. Presiden Sukarno dan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman merestui supaya mengadakan mesyuarat pada peringkat menteri antara Filipina, Indonesia dan Tanah Melayu pada 7 Jun 1963, sebelum mengadakan sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan.[192]

Dalam mesyuarat ini juga, Tunku Abdul Rahman telah memberitahu Presiden Sukarno bahawa beliau akan pergi ke London untuk menandatangani perjanjian yang menetapkan tarikh penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Sukarno meminta Tunku Abdul Rahman supaya menangguhkan tarikh tersebut tetapi Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa beliau tidak dapat berbuat demikian kerana akan menimbulkan pelbagai masalah lagi.[193] Semasa berada di lapangan terbang, kedua-dua pemimpin mengakui perbincangan mereka adalah mesra dan terus terang tetapi mereka enggan memberi keterangan lanjut tentang rundingan selama dua hari kepada para pemberita.[194] Tunku Abdul Rahman kemudiannya menerangkan bahawa Presiden Sukarno bersetuju untuk menarik balik dasar Konfrontasinya.[195] Tetapi dalam kenyataan bersama mereka, hal ini tidak dinyatakan. Kebanyakan pemerhati politik tidak tahu sama ada Indonesia memberi restunya kepada Malaysia atau tidak. Tun Abdul Razak menjelaskan bahawa beliau tidak tahu sama ada Indonesia mengiktiraf Malaysia atau tidak. Walau bagaimanapun, para diplomat asing berpendapat Sukarno tidak mungkin menamatkan Konfron-

---

191 Tunku Abdul Rahman dan Sukarno bertemu di rumah Menteri Luar Negeri Jepun, En. Masayoshi Ohira pada 31 Mei 1963. Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 181.

192 Sila lihat "Joint Statement Sukarno-Tunku", dalam *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 54.

193 *Ibid.*, hlm. 16.

194 *Straits Times*, 1 Jun 1963 dan *Asian Recorder*, 16–22 Julai 1963, hlm. 5306.

195 *Straits Times*, 5 Jun 1963.

tasinya, tetapi akan menguatkannya dalam saluran diplomatik.[196]

Perjumpaan Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno di Tokyo telah berjaya mengurangkan sementara waktu ketegangan dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Selepas rundingan Tokyo, aktiviti militari Indonesia berkurangan di Borneo dan Selat Melaka. Pada bulan Jun 1963, tentera laut Tanah Melayu melaporkan tidak ada kejadian pencerobohan Indonesia di perairan Tanah Melayu.[197] Rundingan ini juga membuka jalan kepada kerjasama serantau pada masa depan. Di samping itu juga, membuka jalan kepada mesyuarat Menteri-Menteri Luar Filipina, Indonesia dan Tanah Melayu antara 7 hingga 11 Jun 1963.[198]

Pada 7 Jun 1963, Menteri-Menteri Luar Negeri ketiga-tiga negara itu mengadakan mesyuarat di Manila. Tanah Melayu diwakili oleh Tun Abdul Razak, Indonesia diwakili oleh Dr. Subandrio dan Filipina diwakili oleh Emmanuel Pelaez. Suasana pertemuan ini adalah mesra dan ramah, ini terbukti dengan ucapan Subandrio:

> "No power on earth can divide us, especially since we have firmly accepted as a historical fact that we belong to the same stock."[199]

Pertemuan empat hari antara Tun Abdul Razak, Dr. Subandrio dan Pelaez telah menghasilkan dokumen yang dikenali sebagai "Manila Accord" atau Persetujuan Manila. Dalam persetujuan itu, mereka telah mencadangkan bahawa Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina harus bertanggungjawab untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan rantau ini daripada kegiatan subversif.[200] Perenggan 6, "Manila Accord" mengesahkan cadangan Macapagal untuk membentuk persekutuan tiga buah negara tersebut (MAPHILINDO) di bawah satu pertubuhan, tanpa menyerahkan mana-mana bahagian kedaulatan mereka.[201] Perkara yang paling penting dalam Persetujuan Manila adalah soal penentuan diri

---

196 Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 201.

197 *Straits Times*, 7 Jun 1963.

198 W.A. Hanna 1964. *The Formation of Malaysia*. New York: American Universities Fields Staff Inc., hlm. 235.

199 *Antara Daily News Bulletin*, 11 Jun 1963.

200 Sila lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 181; dan *Asian Recorder*, 6–12 Ogos 1963, hlm. 5349.

201 *Asian Recorder*, 6–12 Ogos 1963, hlm. 5349 dan Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 118. MAPHILINDO adalah hasil percantuman Malaya, Philippine, Indonesia.

sendiri bagi penduduk di wilayah-wilayah yang tidak berkerajaan sendiri. Dalam hal ini, Indonesia dan Filipina mengatakan bahawa mereka menyambut baik pembentukan Malaysia, dengan syarat sokongan penduduk wilayah-wilayah Borneo ditentukan oleh sebuah badan bebas yang tidak berpihak, iaitu Setiausaha Agung PBB atau wakilnya.[202] Tanah Melayu menyatakan penghargaannya terhadap sikap Indonesia dan Filipina dan berjanji berunding dengan kerajaan British, dan Borneo untuk mempelawa Setiausaha Agung PBB mengambil langkah-langkah wajar bagi memastikan hasrat rakyat di Borneo Utara.[203] Persetujuan Manila juga mencadangkan supaya mengadakan sidang kemuncak di Manila tidak lewat dari akhir bulan Julai. Para Menteri Luar itu juga mengatakan suasana persaudaraan dan kemesraan telah meresapi persidangan mereka.[204]

Sumber-sumber persidangan Menteri-Menteri Luar tiga penjuru menunjukkan bahawa Indonesia dan Filipina telah menggugurkan penentangan mereka terhadap penubuhan Malaysia kerana Tanah Melayu bersetuju meminta Setiausaha Agung PBB mengadakan pungutan suara terhadap penentuan rakyat Borneo Utara bagi menyertai Malaysia.[205] Selepas pulang ke Jakarta, pada 12 Jun, Dr. Subandrio menjelaskan bahawa persidangan di Manila itu hanya merupakan satu cadangan dan perlu disahkan oleh sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan ketiga-tiga negara. Beliau menegaskan persidangan Manila tidak menghalang Indonesia untuk terus menyokong perjuangan kemerdekaan di Borneo Utara (perjuangan A.M. Azahari).[206] Pada masa yang sama, sebilangan kecil tentera Indonesia sering menceroboh sempadan Sabah dan Sarawak untuk menghalang elit-elit politik Sabah dan Sarawak meneruskan penyatuan wilayah mereka di bawah Malaysia.[207]

Sementara itu, Mohd. Ghazali Shafie yang mengikuti Tun Abdul Razak ke mesyuarat Menteri-Menteri Luar menolak kenyataan bahawa Indonesia dan Filipina bersetuju dengan penubuhan Malaysia jika PBB mengadakan pungutan suara di Sabah dan Sarawak. Beliau mengingat-

---

202 *Manila Accord* – perenggan 10 dan juga Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 188–182.

203 *Manila Accord* – perenggan 11 dan Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 118.

204 *Manila Accord* – perenggan 14 dan 15 dan *American Foreign Policy: Current Documents*, Dept. of State Publication, 1967, hlm. 819.

205 *Asian Recorder*, 6–12 Ogos 1963, hlm. 5350.

206 *Ibid.*

207 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 182.

kan bahawa Indonesia mengalu-alukan Malaysia jika kehendak rakyat Borneo Utara dihormati. Oleh itu, menurut beliau, pungutan suara tidak perlu diadakan.[208] Kuala Lumpur dan Singapura melihat persidangan Manila sebagai satu kejayaan untuk diplomasi Tun Abdul Razak kerana dalam persidangan itu tidak ada penentangan terhadap penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963.[209] Walau bagaimanapun, Tanah Melayu menyedari persidangan Manila adalah bertujuan untuk melambatkan pembentukan Malaysia. Tun Abdul Razak menghadiri persidangan tersebut untuk mengikuti perkembangan pendapat Filipina dan Indonesia tentang gagasan Malaysia.[210]

Menjelang 9 Julai 1963, Tanah Melayu dan United Kingdom telah menandatangani perjanjian untuk memindahkan kedaulatan British di Sabah, Sarawak dan Singapura kepada Malaysia pada 31 Ogos 1963.[211] Tindakan ini telah menimbulkan kemarahan kerajaan Indonesia dan menegangkan semula hubungan Tanah Melayu-Indonesia yang beransur pulih selepas pertemuan Tunku Abdul Rahman dan Sukarno di Tokyo. Pada 9 Julai 1963, Dr. Subandrio memberi amaran bahawa Indonesia akan memperbaharui dasar Konfrontasinya. Menurut beliau lagi:

> "The principle of self-determination should be carried out in the Borneo territories. Malaysia without Indonesia's friendship, whosoever supports it, will still be a question mark."[212]

Sementara itu, pada 11 Julai 1963, Presiden Sukarno mengeluarkan

---

208 *Asian Recorder*, 6–12 Ogos 1963, hlm. 5350.

209 *Straits Times*, 14 dan 18 Jun 1963. Satu perkara yang tidak menyenangkan masyarakat Cina Tanah Melayu dan Singapura tentang Persidangan Menteri-Menteri Luar di Manila adalah soal "Confederation" yang dicadangkan oleh Macapagal. Masyarakat Cina melihat cadangan tersebut sebagai perikatan anti-China di kalangan negara-negara rumpun Melayu.

210 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 118.

211 Brunei tidak dimasukkan dalam Malaysia kerana tidak mencapai persetujuan dengan Tanah Melayu tentang soal pembahagian hasil minyak Brunei dan soal giliran perlantikan Sultan Brunei sebagai Yang di-Pertuan Agong. Perjanjian tentang Malaysia diterbitkan sebagai "Blue Book" pada 11 Julai. Untuk keterangan lanjut tentang perjanjian ini, sila lihat *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19716–19717; *Asian Recorder*, 13–19 Ogos 1963, hlm. 5356 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 182.

212 *Asian Recorder*, 13–19 Ogos 1963, hlm. 5356. Sejak pertemuan Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno hingga persidangan Menteri-Menteri Luar di Manila, Indonesia tidak pernah berkata bahawa ia akan menggugurkan dasar Konfrontasi.

satu kenyataan kuat yang menuduh Tunku Abdul Rahman telah melanggar janji yang dibuat di Tokyo apabila menandatangani perjanjian Malaysia di London.[213] Menurut kertas putih kerajaan Tanah Melayu, semasa perjumpaan Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno di Tokyo, beliau telah memberitahu kepada presiden itu tentang soal menentukan tarikh penubuhan Malaysia. Tanah Melayu juga telah mengingatkan Indonesia semasa mesyuarat peringkat Timbalan Menteri dan peringkat Menteri Luar tentang hal tersebut di Manila. Namun begitu, wakil-wakil Indonesia tidak pernah membantah dan tidak menimbulkan keraguan terhadap hasrat Tanah Melayu untuk meneruskan usaha-usaha penubuhan Malaysia.[214] Akan tetapi, menurut Ichsan, Ketua Setiausaha Presiden Sukarno, semasa rundingan di Tokyo, Tunku Abdul Rahman telah bersetuju untuk menguji sokongan rakyat Borneo sebelum Malaysia dibentuk.[215] Ichsan turut menerangkan bahawa Tanah Melayu sedia untuk menangguhkan tarikh penubuhan Malaysia.[216] Sukarno pula mendakwa pengumuman tarikh penubuhan Malaysia adalah bertentangan dengan "Manila Accord". Menurut beliau, Malaysia sepatutnya dibentuk selepas PBB menyiasat kehendak penduduk Sabah dan Sarawak. Sukarno dengan lantangnya berkata:

> "I declare to the world that Tunku Abdul Rahman is a man who does not keep his word. I declare that the Indonesian people not only disagree with Malaysia but will oppose Malaysia at all costs."[217]

Sebaliknya, Tun Abdul Razak pula menjawab bahawa tuduhan-tuduhan Presiden Sukarno adalah tidak betul dan beliau mengharapkan tuduhan-tuduhan tersebut akan diselesaikan dalam persidangan kemuncak.[218]

Bagi menguatkan lagi bantahan Indonesia terhadap Malaysia, Pre-

---

213 *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19717 dan Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 278.

214 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 17.

215 Temu bual Prof. George McT.Kahin dengan Ketua Setiausaha Presiden Sukarno, Ichsan, di Manila, 31 Julai 1963.

216 *Ibid.* 2 Ogos 1963.

217 *KCA*, 2–9 November 1963 dan juga *Antara Daily News Bulletin*, 12 Julai 1963.

218 *Antara Daily News Bulletin*, 12 Julai 1963. Tun Abdul Razak menjelaskan bahawa Malaysia hanya akan wujud selepas kerajaan-kerajaan yang terlibat mengesahkan perjanjian Malaysia. Menurut beliau lagi, masih terdapat masa yang lama bagi Setiausaha Agung PBB atau wakilnya untuk meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak seperti yang dipersetujui dalam *Manila Accord*. Lihat *Straits Times*, 16 September 1963.

siden Sukarno mengatakan bahawa beliau mungkin tidak akan menghadiri sidang kemuncak yang akan diadakan pada 30 Julai 1963 antara beliau, Tunku Abdul Rahman dan Macapagal. Tindakan ini adalah untuk membantah perjanjian Malaysia yang diadakan pada 9 Julai 1963. Beliau juga menguatkan semula dasar Konfrontasi terhadap penubuhan Malaysia. Sukarno menegaskan bahawa kerajaan dan rakyat Indonesia bukan sahaja tidak bersetuju dengan Malaysia tetapi mereka akan menentang idea itu sehingga kegagalannya.[219] Tindakan Sukarno ini telah mengejutkan Tunku Abdul Rahman, kerana beliau telah pun memberitahu Sukarno tentang penandatanganan Perjanjian Malaysia di Tokyo dan sekali lagi sebelum beliau berangkat ke London pada 27 Jun 1963 untuk menandatangani perjanjian Malaysia. Pada ketika itu Sukarno tidak membantah tindakan Tanah Melayu dan Britain mengadakan perjanjian penubuhan Malaysia.[220] Kemudian semasa menghadiri persidangan tiga penjuru di Manila, Tun Abdul Razak juga mengumumkan perkara ini kepada Dr. Subandrio dan beliau turut tidak membangkang hal tersebut.[221] Apa yang mengkhuatirkan Jakarta tentang perjanjian Malaysia ialah Perkara 6 yang membenarkan pihak Britain bebas menggunakan pangkalan tenteranya di Malaysia untuk memelihara keamanan di Asia Tenggara. Perkara ini bertentangan dengan apa yang telah dipersetujui dalam "Manila Accord", iaitu negara-negara MAPHILINDO bertanggungjawab untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan di rantau ini.[222] Pada masa yang sama, Haji Anwar Tjokroaminoto, Pengerusi Jawatankuasa Parlimen Indonesia bagi hal ehwal luar negeri, mengingatkan Konfrontasi Indonesia tidak bermakna menentang rakyat Tanah Melayu tetapi menentang idea neokolonialisme British untuk menubuhkan Malaysia, yang dapat menguatkan lagi kedudukan tentera dan ekonomi British.[223] Menteri Buruh Indonesia, Ahem Erningapradja, menegaskan pekerja Indonesia mungkin mengambil alih syarikat-syarikat British sebagai membantah penubuhan Malaysia.[224]

Di samping itu, Jakarta juga bersiap sedia untuk membuat ancaman ketenteraan terhadap penubuhan Malaysia. Pada 16 Julai 1963, tentera

---

219 *Straits Times*, 11–12 Julai 1963.

220 Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 214.

221 *Malay Mail*, 30 Julai 1963.

222 *Straits Times*, 28 Julai 1963.

223 *Antara Daily News Bulletin*, 18 Julai 1963.

224 *Asian Recorder*, 13–19 Ogos 1963, hlm. 5357.

laut Indonesia mengumumkan bahawa pihaknya telah membentuk satu armada khas yang dipanggil Armada Siaga (Alert Fleet) untuk menentang Malaysia. Di samping itu juga, tentera laut dan udara Indonesia mengadakan latihan perang yang mengancam penubuhan Malaysia di Laut China Selatan dan Selat Melaka.[225]

Dalam satu perhimpunan umum pada 27 Julai 1963, Presiden Sukarno telah mengumumkan penetapan Indonesia untuk mengganyang Malaysia. Beliau mengatakan penubuhan Malaysia sebagai projek British yang bertujuan menghancurkan Revolusi Indonesia.[226] Sebelum itu, pada 23 Julai 1963, Macapagal menjemput Tunku Abdul Rahman dan Sukarno menghadiri sidang kemuncak di Manila pada 31 Julai 1963. Tunku Abdul Rahman menerima jemputan tetapi Sukarno enggan menerima jemputan tersebut. Macapagal terpaksa memujuk Sukarno dan Sukarno bersetuju untuk menghadiri mesyuarat itu pada saat-saat akhir.[227]

Persidangan kemuncak Manila bermula dalam keadaan yang aman dan mesra. Pada hari pertama persidangan tersebut, ketiga-tiga pemimpin itu menandatangani "Manila Accord". Persidangan ini juga menghasilkan dua lagi dokumen, iaitu Perisytiharan Manila (Manila Declaration) dan Kenyataan Bersama. Dalam persidangan ini, Indonesia dan Filipina bersetuju menerima Malaysia jika Setiausaha Agung PBB atau wakilnya dapat memastikan bahawa majoriti penduduk Sabah dan Sarawak menyokong Malaysia berdasarkan Resolusi 1541 Perhimpunan Agung PBB. Tunku Abdul Rahman, Sukarno dan Macapagal juga bersetuju untuk mengambil langkah-langkah bagi membentuk MAPHILINDO melalui rundingan dan perbincangan pada semua peringkat dari semasa ke semasa menerusi apa yang dikenali sebagai Musyawarah MAPHILINDO.[228] Filipina dan Amerika Syarikat melihat MAPHILINDO sebagai halangan untuk China komunis meluaskan pengaruhnya. Tanah Melayu dan Britain menganggap MAPHILINDO sebagai tanda Indonesia menerima penubuhan Malaysia. Indonesia pula menganggap MAPHILINDO sebagai kejayaannya untuk memimpin

---

225 Lihat Mackie, *Konfrontasi,* hlm. 156 dan *Straits Times*, 23 Julai 1963.

226 KCA, 2–9 November 1963, hlm. 19717. Lihat juga *Straits Times,* 28 Julai 1963.

227 Lihat perenggan 4 dalam *Tripartite Summit Meeting-Joint Statement* dan juga *ECAFE Paper*, 20th ECAFE Plemary Session, Tehran, Iran, 2–17 Mac 1964. Menurut Ide Anak Agung, Lee Kuan Yew, pemimpin-pemimpin pro-Malaysia di Sabah dan Sarawak serta kerajaan British menentang persetujuan Manila ini.

228 *Tripartite Summit Meeting – Joint Statement*, perenggan 9.

rantau itu pada masa depan.[229]

Sementara itu, ketiga-tiga pemimpin MAPHILINDO telah meminta Alfred MacKenzie, seorang Pegawai Kanan PBB di Manila untuk menghubungi Setiausaha Agung PBB, U Thant, memohon supaya beliau menghantar satu rombongan untuk menyelidik hasrat penduduk Borneo tentang penubuhan Malaysia.[230] Pada 8 Ogos 1963, U Thant bersetuju untuk menghantar rombongan PBB ke Borneo dan mengumumkan bahawa rombongannya memerlukan enam minggu untuk menyelidik kehendak rakyat Borneo. Beliau mengenakan tiga syarat sebelum PBB memulakan tugasnya. Pertama, Britain hendaklah bersetuju dengan penyelidikan PBB. Kedua, kerajaan-kerajaan MAPHILINDO harus menanggung perbelanjaan bagi tujuan tersebut, dan ketiga, semua pihak harus menerima keputusan penyelidikan PBB.[231]

Persidangan kemuncak Manila berakhir pada 5 Ogos 1963 dengan kejayaan, iaitu ketiga-tiga negara mencapai persetujuan untuk menyelesaikan masalah Malaysia secara aman dengan kerjasama PBB. Mereka juga bersetuju untuk membentuk MAPHILINDO bagi merapatkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara rumpun Melayu. Menurut Tunku Abdul Rahman:

> "The conference had succeeded in bringing about a peaceful approach to Indonesian apposition to Malaysia and to the settlement of the dispute over North Borneo."[232]

Tunku Abdul Rahman juga berkata, beliau mungkin menangguhkan tarikh penubuhan Malaysia jika perlu, tetapi beliau juga berharap segala masalah tentang penubuhan Malaysia akan diselesaikan menjelang 31 Ogos 1963.[233] Sementara Sukarno pula menghuraikan begini, "MAPHILINDO and the summit are just a beginning. We are marching on to the dawn."[234]

Persidangan Manila telah menghasilkan satu formula yang membolehkan Indonesia dan Filipina menerima Malaysia tanpa menjejaskan maruah mereka. Kedua-dua negara itu mengatakan mereka sudi mene-

---

229 Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front,* hlm. 185, dan Laymen M. Tondel, JR. 1966. *The Southeast Asia Crisis*. New York: Ocean Publication Inc., hlm. 35.

230 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik,* hlm. 124. Mac Kenzie ialah Ketua Misi Bantuan Teknikal PBB Kanada di Manila.

231 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 193.

232 *Asian Recorder*, 24–30 September 1963, hlm. 5426.

233 *Ibid.*

234 *Ibid.*

rima Malaysia jika sokongan rakyat Borneo ditentukan oleh Setiausaha PBB atau wakilnya.[235] Di samping itu, persidangan di Manila membolehkan Presiden Sukarno menghampiri cita-citanya untuk memimpin Indonesia Raya yang meliputi Indonesia, Filipina, Tanah Melayu dan wilayah-wilayah British Borneo. Ini kerana MAPHILINDO yang dipersetujui di Manila meliputi kawasan yang diimpikan oleh Sukarno dalam Indonesia Raya. Indonesia sebagai negara terbesar di rantau ini dengan penduduk seramai 100 juta dapat memainkan peranan yang dominan dalam MAPHILINDO. Lebih penting lagi, Sukarno mendapat pengiktirafan daripada Tunku Abdul Rahman dan Macapagal bahawa pangkalan tentera asing di kedua-dua negara adalah bertaraf sementara sahaja. Pangkalan tersebut tidak akan digunakan untuk menggulingkan kemerdekaan ketiga-tiga negara tersebut.[236] Ini kerana Indonesia melihat kehadiran pangkalan tentera Amerika dan Britain sebagai suatu ancaman kepada keselamatannya.

MAPHILINDO seperti ASA merupakan pertubuhan serantau di Asia Tenggara tetapi idea keserantauannya berbeza daripada ASA. ASA dibentuk kerana Tunku Abdul Rahman dan Presiden Garcia dari Filipina menyedari ancaman komunis di rantau ini dan berpendapat kerjasama ekonomi serantau dapat membendung ancaman tersebut. MAPHILINDO pula wujud akibat muslihat Macapagal dan Sukarno untuk menggagalkan penubuhan Malaysia.[237] MAPHILINDO diasaskan tanpa rangka dasar yang kuat dan wujud di atas persengketaan. MAPHILINDO dirancang untuk melambatkan penubuhan Malaysia dan untuk menghalang Sabah menyertai Malaysia.[238] Tanah Melayu pula bersetuju dengan MAPHILINDO untuk membolehkan Indonesia dan Filipina menerima penubuhan Malaysia.

MAPHILINDO lebih merupakan satu alat atau jalan bagi ketiga-tiga negara yang terlibat untuk menyelesaikan masalah yang muncul akibat penubuhan Malaysia. Profesor George McT.Kahin melihat konsep MAPHILINDO sebagai titik permulaan dalam hubungan persahabatan yang baru antara Tanah Melayu dengan Indonesia.[239] Pengumum-

---

235 Bunnell, "Guided Democracy Foreign Policy, 1960–1965", hlm. 60. Lihat juga temu ramah Prof. George McT.Kahin dengan Duta Amerika H.P. Jones, Jakarta, akhir Jun dan awal Julai 1963.

236 Lihat perenggan 2 dalam *Tripartite Summit Meeting – Joint Statement.*

237 B.K. Gordon, "A Formula for Southeast Asian Stability", *Solidarity*, Jil. I, No. 1, Jan – Mac 1966, hlm. 4.

238 *Ibid.*, hlm. 5.

239 Ide Anak Agung, *Twenty Years in Indonesian Foreign Policy*, hlm. 482.

an gagasan MAPHILINDO yang mengandungi ciri-ciri antikomunis dan anti-China menimbulkan reaksi daripada pelbagai pihak.[240] PNI percaya bahawa gagasan baru itu akan menghalang Indonesia menjalankan dasar luarnya dengan bebas kerana Indonesia merupakan sebuah negara tanpa pihak. PKI pula berpendapat MAPHILINDO merupakan "anak SEATO" dan "anak saudara ASA". PKI juga menuduh MAPHILINDO sebagai gagasan perkauman dan berpendapat gagasan baru ini mengurangkan kepimpinan Sukarno di Solidariti Afro-Asia kepada rantau Asia Tenggara.[241] Oleh itu, PKI mendesak kerajaan Indonesia menentang MAPHILINDO dan meneruskan Konfrontasi. Pada masa yang sama, RRC dan Vietnam Utara menentang MAPHILINDO dan mereka turut mendesak Sukarno supaya meneruskan kempen mengganyang Malaysia.[242] Sementara itu, Dr. Subandrio mengumumkan bahawa kerajaannya menyokong MAPHILINDO berdasarkan faktor kebudayaan dan untuk menghapuskan aktiviti penyeludupan, terutamanya dari Indonesia ke Singapura. Kegiatan ini dijalankan oleh orang Cina.[243] Presiden Sukarno pula melihat MAPHILINDO sebagai langkah penting ke arah kerjasama serantau. Beliau juga berhasrat untuk mengembangkan MAPHILINDO kepada negara-negara Asia Tenggara yang lain.[244]

Kerajaan Tanah Melayu pula tidak melihat konsep MAPHILINDO dengan serius. Menurut Mohd. Ghazali Shafie, MAPHILINDO merupakan satu taktik sahaja. Gagasan seperti ini tidak dapat dipraktikkan mengikut perjanjian kerana Sukarno akan berusaha untuk menguasainya. Sungguhpun begitu, Tanah Melayu sedia menyertai gagasan ini jika dasar Konfrontasi ditamatkan oleh Indonesia.[245] Sementara itu, masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura tidak senang dengan MAPHILINDO kerana mereka melihat gagasan itu sebagai ikatan negara-negara rumpun Melayu untuk membendung mereka.[246] Manakala penduduk berketurunan Melayu melihat MAPHILINDO sebagai satu ikatan bangsa Melayu untuk mengimbangi penguasaan masyarakat Cina tempatan dalam bidang ekonomi dan juga politik.[247] Ketiga-tiga

---

240 Arora, "The Emergence of Malaysia", hlm. 575.

241 *Ibid.*, dan lihat juga Grant, *Indonesia*, hlm. 154.

242 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 285.

243 Temu ramah Prof. George McT.Kahin dengan Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio, Jakarta, 30 Jun 1963.

244 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 285.

245 *Ibid.*

246 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 166.

247 *Ibid.*

negara yang terlibat telah menunjukkan minat masing-masing terhadap gagasan ini di persidangan kemuncak Manila. Mereka belum mengambil langkah-langkah ke arah pembentukan gagasan MAPHILINDO kerana soal menentukan hasrat rakyat Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia belum dipastikan oleh Setiausaha PBB atau wakilnya.

Atas permintaan kerajaan Tanah Melayu, pada 8 Ogos 1963, Indonesia dan Filipina, Setiausaha PBB, U Thant bersetuju menyiasat pandangan rakyat Sabah dan Sarawak bagi menyertai Malaysia. Menyentuh soal kedatangan rombongan PBB untuk menyiasat hasrat penduduk Sabah dan Sarawak, kerajaan Singapura bersama Britain, Sabah dan Sarawak tidak berpuas hati dengan tindakan Tunku Abdul Rahman yang tunduk kepada permintaan Indonesia dan Filipina. Pemimpin-pemimpin di Singapura, Sabah dan Sarawak marah dengan pengumuman Tunku Abdul Rahman bahawa kemungkinan tarikh penubuhan Malaysia akan ditunda berdasarkan kepantasan rombongan Setiausaha PBB menjalankan tugas mereka di Sabah dan Sarawak. Pemimpin-pemimpin tersebut mengisytiharkan bahawa mereka akan menganggap kemunculan Malaysia pada 31 Ogos 1963 seperti yang tercatat dalam perjanjian yang ditandatangani di London. Menurut Lee Kuan Yew:

> "We represented Singapore in London (and) signed the agreement which said Malaysia would come into being on August 31. We are not parties to the Manila agreement; therefore as far as we are concerned, August 31 is Malaysia day ... the proposed ascertaiment of wishes of Borneo territories was by Sukarno (the international blackmailer) to wreck the Malaysian Federation before it could be constituted."[248]

Tunku Abdul Rahman terpaksa memujuk serta meyakinkan pihak British, wilayah-wilayah yang akan menyertai Malaysia dan juga parti Perikatan, bahawa beliau memberi keutamaan kepada tuntutan Sukarno adalah untuk mendapatkan sokongan Indonesia bagi Persekutuan Malaysia.[249] Sementara itu, pada 10 Ogos 1963, kerajaan British bersetuju membenarkan rombongan PBB menjalankan tugas mereka di Borneo selepas Tunku Abdul Rahman mengemukakan permintaan tersebut dan juga kerana penyiasatan tersebut dijalankan di bawah pimpinan peribadi Setiausaha Agung PBB dan bukan di bawah pengawasan badan dunia itu. Britain berpendapat PBB tidak perlu mengadakan pungutan suara di

248 *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19718.
249 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 170.

Sabah dan Sarawak kerana sebelum ini rakyat di sana telah memberi persetujuan mereka untuk menyertai Malaysia.[250] Ini kerana Suruhanjaya Cobbold sebelum ini telah pun memastikan keinginan penduduk Sabah dan Sarawak.

Pada 12 Ogos 1963, U Thant telah mengumumkan ahli-ahli yang akan menyertai pasukan peninjaunya. Beliau telah melantik Lawrence V. Michelmore dari Amerika Syarikat sebagai ketua rombongan dan George Janacek dari Czechoslovakia sebagai timbalannya.[251] Tugas rombongan ini adalah menggunakan "fresh approach" untuk memastikan hasrat rakyat Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia. Mereka dikehendaki memastikan:

(a) Sama ada isu Malaysia menjadi isu penting dalam pilihan raya yang diadakan di Sabah dan Sarawak baru-baru ini.
(b) Sama ada senarai daftar pengundi disusun dengan betul atau tidak.
(c) Sama ada undi dikira dengan betul atau tidak.
(d) Sama ada pilihan raya diadakan secara bebas atau dengan paksaan.

Rombongan ini juga dikehendaki memastikan sama ada pengundi-pengundi yang layak mengundi, tidak dapat mengundi kerana mereka ditahan sebagai tahanan politik atau tidak hadir untuk mengundi.[252]

Rombongan PBB tiba di Sarawak pada 16 Ogos 1963. Semasa mereka tiba di lapangan terbang Kuching, sekumpulan rakyat Sarawak yang anti-Malaysia mengadakan tunjuk perasaan. Kebanyakan mereka adalah penyokong parti SUPP. Pada hari yang sama, kira-kira 50 orang pengganas yang berpangkalan di Indonesia telah bertempur dengan tentera Gurkha di sempadan Sarawak.[253] Rombongan PBB telah dibahagi-

---

250 *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19718 dan juga *Asian Recorder,* 24–30 September 1963, hlm. 5427.

251 Anggota-anggota lain dalam rombongan ini ialah George Howard (Argentina), Neville Kanakakaratne (Ceylon), Kenneth Dadzie (Ghana), Ishar Baqal (Pakistan), Yasushi Akashi (Jepun), Abdel Dejani (Jordan) dan Jose Machado (Brazil). U Thant mengarahkan mereka supaya penyiasatan tidak berat sebelah. Semua pihak berpuas hati dengan pemilihan ini dan Indonesia dikatakan sangat gembira dengan pemilihan ini. Lihat *Asian Recorder*, 24–30 September 1963, hlm. 5424 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 193.

252 Lihat *Tripartite Summit Meeting – Joint Statement*, perenggan 4.

253 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 74.

kan kepada dua kumpulan, satu kumpulan dipimpin oleh Michaelmore yang akan menjalankan penyiasatan di Sarawak dan sebuah kumpulan lagi diketuai oleh Janacek untuk memulakan tugas di Sabah. Rombongan PBB tidak dapat menjalankan tugas mereka seperti yang dijadualkan kerana terdapat masalah tentang kehadiran bilangan pemerhati Indonesia dan Filipina yang akan mengiringi pasukan peninjau PBB. Dalam dokumen-dokumen yang ditandatangani di Manila tidak dinyatakan tentang kehadiran bilangan pemerhati Indonesia dan Filipina untuk mengamati bagaimana pasukan yang dihantar oleh U Thant menjalankan tugas. Tetapi, Perkara 7 dalam kenyataan bersama Manila menyatakan tentang kehadiran pemerhati dari negara-negara yang terlibat dan Tanah Melayu akan berusaha untuk mendapat kerjasama Britain untuk menerima kehadiran pemerhati.[254] Dalam hal ini, pemerhati-pemerhati Indonesia dan Filipina dibenarkan mengikuti pasukan PBB dengan syarat mereka tidak akan mengganggu tugas pasukan itu seperti mengambil bahagian dalam perbincangan mereka dan mengambil bahagian dalam tugas kumpulan PBB tersebut.[255] Sungguhpun Tanah Melayu menyedari soal kehadiran pemerhati Indonesia dan Filipina ke Sabah dan Sarawak merupakan satu tipu helah, tetapi ia telah meminta pihak British membenarkan pemerhati daripada kedua-dua negara. Ini kerana Kuala Lumpur tidak mahu mendinginkan hubungannya dengan Manila dan Jakarta yang baru sahaja pulih selepas persidangan Manila.

Masalah tentang kehadiran pemerhati berpunca daripada tuntutan Indonesia supaya membenarkan 30 orang pemerhati Indonesia mengikuti rombongan PBB. Tuntutan ini sama sekali ditolak oleh pihak British kerana 30 orang itu adalah terlalu ramai dan adalah sukar untuk menyediakan kemudahan bagi mereka.[256] Sebaliknya, cadangan Britain hanya membenarkan empat orang pemerhati sahaja dan Indonesia mendapati bilangan ini terlalu sedikit. Oleh itu, pada 19 Ogos 1963, Dr. Subandrio menuduh pihak British cuba mengkhianati perjanjian Manila dengan mengurangkan bilangan pemerhati.[257] Bagi mengatasi masalah ini, pada 23 Ogos 1963, U Thant telah mencadangkan supaya empat orang pembantu kerani dibenarkan mengikut sama empat orang pemer-

---

254 *Tripartite Summit Meeting–Joint Statement*, perenggan 7.

255 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 18. Mackie memberi gambaran yang panjang lebar tentang masalah pemerhati Indonesia dan Filipina. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 172 dan 173.

256 *Ibid.*, hlm. 19.

257 *Straits Times*, 20 Ogos 1963.

hati.[258] Cadangan ini diterima oleh Britain dan Filipina tetapi Indonesia meminta semua wakilnya diberi taraf pemerhati. Di samping itu, Indonesia juga meminta Britain supaya memberi hak pendaratan kepada kapal terbang tentera udaranya untuk memudahkan para pemerhatinya keluar masuk Sabah dan Sarawak.[259] Britain menolak kedua-dua permintaan Indonesia kerana permintaan tersebut merupakan taktik Indonesia untuk melambatkan penyiasatan rombongan PBB.[260] Britain membenarkan para pemerhati Indonesia pergi ke Singapura dan dari sana mereka dibawa ke Kuching oleh pesawat biasa atau pesawat tentera udara British.[261] Britain mula menyedari Indonesia berusaha untuk melambatkan penubuhan Malaysia seberapa lama yang boleh dan kemudian menghancurkannya.[262]

Masalah kehadiran pemerhati telah melambatkan tugas pasukan PBB selama sepuluh hari. Ini kerana masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan segera oleh pihak Britain dan Indonesia. Dengan tidak membuang masa, pasukan PBB telah memulakan penyiasatan mereka pada 26 Ogos 1963, tanpa kehadiran para pemerhati. Para pemerhati tidak dapat bersama-sama mengikuti rombongan PBB kerana terdapat masalah pemberian visa oleh kerajaan British kepada pemerhati Indonesia. Para pemerhati menyertai rombongan PBB pada minggu berikutnya iaitu pada 1 September 1963. Keadaan bertambah tegang apabila Britain enggan menyediakan kemudahan kepada empat orang pembantu kerani Indonesia yang datang bersama-sama para pemerhati Indonesia. Ini kerana keempat-empat orang itu adalah pegawai perisikan Indonesia.[263] Dua daripada mereka, Rudy Gontha dan Kolonel Abdulrachman, merupakan pegawai perisikan berpangkat tinggi.[264] Di samping itu, pihak British juga menjalankan pemeriksaan keselamatan terhadap pemerhati Indonesia dan merampas risalah Indonesia sebelum membenarkan mereka menyertai rombongan penyiasatan PBB.[265]

Sementara itu, pada 28 Ogos 1963, ketika Presiden Sukarno meng-

---

258 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 172.
259 *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19718.
260 *Ibid.*
261 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 287.
262 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 172.
263 *Ibid.* Lihat juga Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 287 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 19.
264 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 287.
265 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 127.

hadiri persidangan PNI di Purwokerto, beliau menegaskan, "Indonesia, akan tunduk kepada dan mengikut", jika rakyat Borneo bersetuju untuk menyertai Malaysia. Sebaliknya, beliau berkata bahawa pihaknya mengharapkan mereka menolak Malaysia.[266] Pada masa yang sama, pihak tentera Indonesia telah menyerbu masuk kawasan Sarawak. Mereka menyerbu dan menyerang sebanyak lima kali pada bulan Ogos 1963 khususnya selepas persidangan kemuncak di Manila.[267] Tentera British telah mengambil tindakan terhadap pencerobohan Indonesia tersebut. Tindakan penyerbuan Indonesia itu menunjukkan bahawa negara itu mencemarkan persetujuan yang dicapai di Manila. Sementara itu, sedang peninjau PBB berjalan dengan lancar, ketua pemerhati Indonesia, Brig. Jeneral Otto Abdul Rachman dan timbalannya pulang ke Jakarta dan mengeluarkan kenyataan bahawa rombongan PBB tidak menjalankan peninjauan dengan betul.[268] Ini mungkin kerana Otto mendapati penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju dengan Malaysia.

Memandangkan PBB tidak dapat menyelesaikan tugasnya sebelum 31 Ogos 1963, maka Tanah Melayu dengan persetujuan kerajaan Sabah, Sarawak, Singapura dan Britain telah memindah tarikh penubuhan Malaysia dari 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963. Pada 29 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan perisytiharan diraja tentang tarikh baru penubuhan Malaysia.[269] Perkara ini diberitahu kepada Duta Indonesia dan Filipina di Kuala Lumpur. Kerajaan Tanah Melayu mengumumkan 16 September 1963 sebagai tarikh perisytiharan Malaysia kerana yakin bahawa penyiasatan PBB di Sabah dan Sarawak akan memberi hasil yang positif kepada penubuhan Malaysia. Kuala Lumpur juga menghantar Mohd. Ghazali Shafie ke Jakarta untuk memberi penerangan tentang pengumuman tarikh baru Malaysia. Pengumuman tarikh baru perlu dibuat sebelum 31 Ogos 1963 kerana jika tidak Malaysia secara automatiknya akan wujud pada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian Malaysia.[270]

Sungguhpun begitu, pengumuman tarikh baru bagi penubuhan Malaysia telah menimbulkan kemarahan pihak Indonesia dan juga Filipina. Indonesia menuduh bahawa Tanah Melayu telah melanggar perjanjian

---

266 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 177.

267 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 197.

268 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 19 dan juga Gullick, *Malaysia*, hlm. 133–136.

269 *Asian Recorder*, 8–14 Oktober 1963, hlm. 5457.

270 Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 199–200 dan *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 20.

yang dibuat di Manila.[271] Pada 3 September 1963, Jakarta telah membantah dengan lantang tentang pengumuman tarikh tersebut. Kerajaan Indonesia melihat keputusan Tanah Melayu itu sebagai, "a reckless and premature decision ... a unilateral act contravening the letter and spirit of the Manila agreement".[272] Pada pendapat U Thant, pengumuman Tunku Abdul Rahman tentang tarikh baru Malaysia membawa perasaan salah faham dan kemarahan Indonesia dan Filipina. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya tarikh Malaysia diumumkan selepas keputusan tinjauan disiarkan.[273] Kesilapan ini telah dijadikan sebagai satu alasan oleh pihak Indonesia bagi menolak penubuhan Malaysia. Sementara itu, kerajaan negeri Kelantan yang diperintah oleh parti PAS, iaitu parti yang pro-Indonesia, telah membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi Tanah Melayu tetapi gagal.[274]

Pada 14 September 1963, U Thant mengumumkan hasil tinjauan rombongan PBB di Sabah dan Sarawak (26 Ogos–5 September 1963) bahawa majoriti penduduk Sabah dan Sarawak menyokong Malaysia.[275] U Thant melaporkan seperti yang berikut:

> "... it is my conclusion that the majority of the people of the two territories, having taken them into account, wish to engage, with the people of the Federation of Malaya and Singapore, in a enlarged Federation of Malaysia through which they can strive together to realize the fulfilment of their destiny."[276]

Apabila U Thant mengumumkan keputusan pasukan penyiasatannya, Jakarta terkejut dengan keputusan itu. Indonesia menuduh tinjauan yang dibuat oleh rombongan PBB tidak bersungguh-sungguh.[277] Kuala Lumpur telah meminta Jakarta dan Manila untuk menyokong Malaysia seperti yang dijanjikan dahulu, tetapi kedua-dua pihak tidak berbuat demikian. Mereka mempersoalkan bagaimana rombongan PBB boleh membuat penyelidikan dalam masa yang singkat di sebuah wilayah yang besar, tambahan pula kemudahan untuk berkomunikasi adalah sangat

---

271 Reinhardt, *Foreign Policy and National Integration*, hlm. 92.

272 *Straits Times*, 6 September 1963. Lihat juga Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 76.

273 Kahin, "Malaysia and Indonesia", hlm. 269.

274 *KCA*, 2–9 November 1963, hlm. 19720.

275 *Malaysia/Indonesia Relations*, hlm. 20. Untuk laporan lengkap, sila lihat *Final Conclusions of The Secretary General Regarding Malaysia*, SG/1583, 13 September 1963 dalam Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 106–108.

276 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 28.

277 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 291.

susah.[278] Sementara itu, pemerhati Filipina telah mengkritik penyiasatan pasukan PBB sebagai satu pelancongan yang dipandu oleh pihak berkuasa British di Sabah dan Sarawak.[279]

Pada 15 September 1963, Dr. Subandrio mengumumkan negaranya tidak akan menyokong Persekutuan Malaysia yang akan wujud pada 16 September 1963. Beliau telah meminta U Thant mengadakan penyiasatan semula. Menurut beliau:

> "Indonesia would withhold recognition of Malaysia until the United Nations "had made corrections" in its recent survey in North Borneo and Sarawak."[280]

Tambahan pula, Presiden Sukarno mengulangi bahawa penyiasatan yang diadakan itu tidak dijalankan dengan betul berdasarkan persetujuan Manila.[281] Sementara itu, Tunku Abdul Rahman telah memohon kepada Sukarno supaya Indonesia mengubah pendiriannya terhadap Malaysia berdasarkan semangat Manila tetapi beliau gagal memujuk Sukarno. Pada masa yang sama, polis dan tentera Indonesia mengepung kedutaan Tanah Melayu dan British berikutan khabar angin bahawa demonstrasi anti-Malaysia akan berlaku.[282] Pada 16 September 1963, Malaysia menjadi kenyataan. Dr. Subandrio mengingatkan Duta Malaysia, En. Kamaruddin, bahawa beliau tidak lagi mempunyai status sebagai duta di Indonesia kerana negaranya tidak mengiktirafkan Persekutuan Malaysia.[283]

Hubungan Ekonomi dan Sosial

Ketegangan politik yang wujud akibat soal penubuhan Persekutuan Malaysia telah menimbulkan kesan negatif dalam hubungan ekonomi dan sosial Tanah Melayu-Indonesia. Kerjasama ekonomi dan sosial seperti perdagangan dua hala, lawatan muhibah, kerjasama menyelaraskan ejaan dan kegiatan sukan telah merosot kerana konflik politik antara kedua-dua pihak.

Pada peringkat awal proses penubuhan Malaysia, kesan buruk dari

---

278 *Ibid.*

279 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 30.

280 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 292 dan *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5503.

281 Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 291.

282 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 201.

283 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 20.

segi ekonomi tidak jelas kelihatan kerana tahap perdagangan dua hala masih berada pada paras yang memuaskan. Nilai jumlah import dan eksport kedua-dua negara tidak banyak berubah. Misalnya, nilai import Tanah Melayu dari Indonesia pada tahun 1961, ialah $250 juta dan pada tahun 1962, angka ini meningkat sedikit menjadi $293.3 juta. Sebaliknya, eksport Tanah Melayu ke Indonesia pada tahun 1961 bernilai $38.7 juta dan pada tahun 1962 pula bernilai $26.5 juta. Walau bagaimanapun, kemerosotan perdagangan dua hala ini ternyata pada tahun 1963 berikutan pemberontakan Brunei pada bulan Disember 1962 yang meningkatkan lagi suasana dingin dalam hubungan kedua-dua negaranya. Pada tahun 1963, jumlah import Tanah Melayu dari Indonesia jatuh kepada angka $212.5 juta. Begitu juga dengan nilai eksport yang telah menurun dengan ketara kepada $6 juta.[284]

Walaupun jumlah perdagangan dua hala menurun, pada masa yang sama, Indonesia juga merupakan salah satu daripada tiga buah negara pengeksport utama ke Tanah Melayu bersama Britain dan Jepun.[285] Pada tahun 1961 dan tahun 1962, Indonesia menduduki tempat kedua selepas Britain dan pada tahun 1963, menduduki tempat ketiga selepas Britain dan Jepun sebagai pengeksport utama ke Tanah Melayu. Kebanyakan barangan eksport Indonesia ke Tanah Melayu adalah barangan yang sama pernah dieksportnya sebelum ini, iaitu bahan mentah seperti getah asli, bijih timah, kelapa sawit dan lada hitam. Bahan-bahan ini dihantar ke Tanah Melayu untuk dieksport semula ke negara-negara lain. Selain itu, Indonesia juga menghantar bekalan bijih timahnya ke Tanah Melayu untuk diproses. Sejak tahun 1962, Indonesia telah menghantar kesemua hasil bijih timah ke Pulau Pinang untuk diproses kerana kos memproses bijih di Amerika Syarikat dan Belanda adalah tinggi.[286]

Penghantaran bijih timah ke Pulau Pinang menunjukkan kerjasama ekonomi yang baik antara kedua-dua pihak tetapi terdapat juga yang berpunca daripada kegiatan penyeludupan yang berlaku sejak zaman revolusi Indonesia lagi. Kegiatan tersebut merugikan kerajaan Indonesia dari segi pertukaran mata wang cukai kastam kerana bahan-bahan mentah Indonesia diseludup ke Tanah Melayu oleh kumpulan anti-Sukarno dan saudagar-saudagar dari Singapura.[287] Oleh itu, Jakarta meminta Kuala Lumpur membantunya membanteras penyeludupan tetapi keraja-

---

284 Sila lihat Jadual 32 dan 33 dalam *Malaysia: Official Year Book 1964*. Kuala Lumpur: Government Press, 1966, hlm. 691–692.

285 *Ibid.*

286 *Antara Daily News Bulletin*, 15 Februari 1963.

287 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 30.

an Tanah Melayu tidak menunjukkan minat terhadap permintaan Indonesia kerana kegiatan tersebut menguntungkan ekonominya. Sikap ini telah menguatkan lagi konflik antara kedua-dua negara.

Sementara itu, hubungan sosial Tanah Melayu-Indonesia semasa proses penubuhan Malaysia turut mengalami kemerosotan akibat perselisihan politik. Pada tempoh ini, lawatan muhibah dan rasmi oleh pemimpin-pemimpin dari kedua-dua negara jarang berlaku berbanding dengan zaman awal kemerdekaan awal. Pada masa itu cuma terdapat beberapa lawatan tidak rasmi. Misalnya, pada bulan November 1962, Menteri Penerangan Indonesia, Ruslan Abdul Gani melawat Tanah Melayu.[288] Namun begitu, pemimpin-pemimpin dari kedua-dua negara sering bertemu di luar negeri untuk menyelesaikan masalah penubuhan Malaysia.[289] Soal penubuhan Malaysia juga menyebabkan kerjasama menyelaraskan sistem ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia tergendala. Kerajaan Indonesia enggan memberi sokongannya untuk meneruskan rancangan penyelarasan tersebut.[290]

Dalam bidang sukan, pada tahun 1961 dan tahun 1962, Indonesia menunjukkan persahabatannya dengan menghantar pasukan bola sepak ke pertandingan tahunan Pesta Bola Merdeka yang dianjurkan oleh Tanah Melayu.[291] Akan tetapi pada tahun berikutnya, Indonesia tidak menghantar pasukannya kerana hubungan politik antara kedua-dua negara semakin meruncing akibat pengumuman dasar Konfrontasi oleh Jakarta pada awal tahun 1963. Perselisihan politik juga menjejaskan penghantaran peserta Indonesia ke pertandingan tahunan membaca al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur. Pada tahun 1962 dan tahun 1963, pihak Indonesia membatalkan penghantaran pesertanya ke pertandingan tersebut sebagai membantah usaha kerajaan Tanah Melayu meneruskan penubuhan Persekutuan Malaysia.[292] Jadi, dapat disimpulkan bahawa ketegangan politik Tanah Melayu-Indonesia telah menjejaskan kerjasama dan persaudaraan dalam hubungan ekonomi dan sosial.

---

288 *Malaya/Indonesia Relations*, hlm. 13.

289 Manila dan Tokyo merupakan pusat pertemuan penting bagi para pemimpin dari Tanah Melayu dan Indonesia untuk berunding menyelesaikan masalah tentang gagasan Malaysia.

290 Lihat Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 114 dan Mohd. Ghazali Shafie 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise, hlm. 46.

291 Pada tahun 1961 dan 1962, pasukan bola sepak Indonesia menjuarai pertandingan tersebut. Lihat *Malaysia Year Book 1964*, hlm. 566.

292 *Antara Daily News Bulletin*, 18 Februari 1963.

BAB 4

HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA SEMASA KONFRONTASI

Bab ini akan mengkaji hubungan Malaysia-Indonesia yang dingin semasa kedua-dua negara ini bermusuhan akibat penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3, permusuhan ini berpunca daripada pengumuman dasar konfrontasi oleh Indonesia terhadap Persekutuan Malaysia, yang didakwa oleh Jakarta sebagai neokolonialisme. Era Konfrontasi merupakan satu jangka masa yang sangat penting dalam sejarah kedua-dua negara kerana pada tempoh itu, Malaysia dan Indonesia telah berkonflik dan memutuskan hubungan diplomatik selama tiga tahun.

Kuala Lumpur telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Jakarta dan juga dengan Manila pada 17 September 1963, kerana kedua-dua kerajaan itu enggan mengiktiraf kewujudan persekutuan baru. Hubungan Malaysia-Indonesia hanya pulih pada 11 Ogos 1966, apabila kedua-dua negara menandatangani perjanjian untuk memulihkan hubungan mereka selepas berkonfrontasi lebih kurang 33 bulan. Begitu juga dengan hubungan Malaysia-Filipina pulih berikutan dengan kenaikan Marcos sebagai Presiden Filipina pada tahun 1965.

Perbincangan bab ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu penting yang berlaku semasa Konfrontasi. Antaranya termasuklah soal pencerobohan tentera Indonesia di wilayah-wilayah Malaysia di Borneo; putusnya hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Indonesia; usaha perdamaian Robert Kennedy yang ditaja oleh Amerika Syarikat untuk menamatkan konflik Malaysia-Indonesia; rundingan damai peringkat menteri di Bangkok dan persidangan kemuncak tiga penjuru kedua di Tokyo; pendaratan tentera Indonesia di Johor dan perbahasan tentang pencerobohan itu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB); kedudukan Singapura dalam hubungan Malaysia-Indonesia; dan peristiwa

GESTAPU yang mengakibatkan pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia.

Perjalanan Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dapat dilihat melalui tiga aspek. Pertama, dari segi ketenteraan, terdapat pertempuran antara kedua-dua pihak di sepanjang sempadan di Borneo dan juga pencerobohan sukarelawan Indonesia di Johor, Semenanjung Malaysia. Di samping itu, ejen-ejen Indonesia menjalankan kegiatan subversif di Singapura dan Semenanjung Malaysia.[1] Kedua, dari sudut ekonomi, Indonesia melarang rakyatnya menjalankan semua bentuk urus niaga dengan wilayah-wilayah Malaysia sebagai membantah penubuhan Persekutuan Malaysia. Di samping itu, pihak Indonesia juga memiliknegarakan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh warganegara Malaysia. Ketiga, dari segi politik, Indonesia telah melobi negara-negara Afro-Asia supaya tidak mengiktiraf kewujudan negara baru yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia. Sebaliknya, Kuala Lumpur juga telah berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada negara-negara Afro-Asia untuk menyokong persekutuan tersebut.

Terdapat minat antara kedua-dua negara untuk menyelesaikan masalah penubuhan Malaysia secara aman. Hal ini terbukti apabila kedua-dua negara secara rasminya mengadakan gencatan senjata di sempadan Borneo selepas Robert Kennedy mengadakan usaha perdamaian pada awal bulan Januari 1964. Di samping itu, Malaysia dan Indonesia juga berusaha untuk menyelesaikan persengketaan mereka dengan mengadakan rundingan pada peringkat menteri di Bangkok pada 9 Februari 1964. Selain itu, pemimpin-pemimpin Malaysia, Indonesia dan Filipina menghadiri mesyuarat kemuncak kedua di Tokyo pada bulan Jun 1964 untuk tujuan yang sama. Akan tetapi kedua-dua rundingan ini gagal mencapai persetujuan. Ada juga sumber yang mengatakan bahawa Presiden Sukarno pernah menghantar Brig. Jeneral Sukendro ke Kuala Lumpur pada awal tahun 1965 untuk mencari peluang bagi menyelesaikan Konfrontasi.[2]

Dalam mengkaji tempoh ini, tema-tema yang sangat ketara ialah

---

1 Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Peter Boyce 1968. *Malaysia and Singapore in International Diplomacy: Documents, and Commentaries*. Sydney: Sydney University Press, hlm. 83–84 dan juga *Indonesian Intensions Towards Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1964, hlm. 16 dan 17.

2 Franklin B. Weinstein 1969. *Indonesia Abandons Confrontation: An Inquiry Into the Functions of Indonesian Foreign Policy*. Ithaca, New York: Modern Indonesia Project, Cornell University, hlm. 4.

tema konflik dan komunisme. Tema konflik dapat dilihat dengan jelas kerana Indonesia membantah kewujudan Malaysia. Berikutan itu beberapa keganasan berlaku; rakyat Indonesia telah merosakkan bangunan Kedutaan Malaysia di Jakarta, tentera Indonesia menceroboh masuk ke wilayah Sabah dan Sarawak dan kerajaan Indonesia telah mengadakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia. Konflik bertambah kuat apabila Malaysia membalas tindakan Indonesia tersebut. Rakyat Malaysia turut merosakkan Kedutaan Indonesia, di samping tentera Malaysia dengan bantuan tentera Komanwel menyekat pencerobohan tentera Indonesia.

Semasa Konfrontasi, tema komunisme juga merupakan tema penting kerana PKI merupakan kumpulan pendesak terpenting yang mendesak kerajaan Indonesia melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia. Pada masa yang sama, hubungan Indonesia dengan negara-negara komunis, khasnya RRC, sangat erat dan RRC menyokong Indonesia meneruskan Konfrontasi kerana Malaysia dibentuk untuk menghalang perkembangan komunisme di rantau ini. Selain tema-tema ini, tema persaudaraan dan kerjasama wujud dalam usaha perdamaian antara kedua-dua pihak pada peringkat akhir Konfrontasi. Konfrontasi Indonesia dengan Malaysia lebih merupakan satu konflik kekeluargaan dalam perkembangan politik di dunia Melayu. Ini kerana kedua-dua negara tersebut mempunyai ikatan sejarah, bahasa, bangsa, adat resam dan agama.

Rusuhan dan Pemutusan Hubungan Malaysia-Indonesia

Oleh sebab Indonesia dan Filipina enggan mengiktiraf kewujudan Malaysia, pada 17 September 1963, Tunku Abdul Rahman mengadakan mesyuarat dengan kabinetnya untuk membincangkan sikap kedua-dua jiran itu. Dalam mesyuarat itu, Tunku Abdul Rahman dan kabinet bersetuju memanggil balik Duta Malaysia di Manila dan Jakarta. Malaysia juga mengambil keputusan rasmi untuk memutuskan hubungan dengan Indonesia dan Filipina pada 17 September 1963.[3] Pejabat Konsul di Medan juga diarahkan tutup oleh kerajaan Malaysia. Tunku Abdul Rahman memberi tempoh seminggu kepada para diplomat Indonesia dan Filipina untuk meninggalkan Malaysia. Begitu juga diplomat-diplomat Malaysia

3 Sila lihat telegram daripada Duta Besar Baldwin kepada The Secretary of State, 17 September 1963; Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 37 dan Ide Anak Agung 1973. *Twenty Years Indonesia Foreign Policy 1945–1965*. The Hague: Mouton, hlm. 490.

di Jakarta, Medan, dan Manila diarahkan pulang.[4] Kerajaan Thai kemudian bersetuju untuk mewakili Malaysia di Indonesia dan Filipina.[5]

Malaysia memutuskan hubungan dengan Indonesia kerana sebelum ini negara tersebut sudah pun berbuat demikian. Sementara itu, Malaysia enggan menerima tawaran Filipina untuk mengurangkan taraf hubungan diplomatik antara mereka kerana Malaysia ialah sebuah persekutuan yang digabungkan dari Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, jika Filipina enggan mengiktiraf Malaysia ini bermakna negara itu tidak mempunyai perwakilan diplomatik di Kuala Lumpur.[6]

Pada 17 September 1963, wakil Indonesia di PBB, Lambertus Palar, telah membantah keputusan Perhimpunan Agung PBB sesi yang ke-18 untuk mengiktiraf perwakilan Persekutuan Tanah Melayu sebagai perwakilan Malaysia.[7] Sementara itu, Duta Malaysia di Indonesia, En. Kamaruddin, telah berangkat pulang ke Kuala Lumpur pada 18 September dan diikuti oleh pegawai-pegawai lain pada 19 September 1963.[8] Keselamatan mereka di Indonesia tidak terjamin kerana berlaku rusuhan anti-Malaysia dan anti-British secara besar-besaran sejak Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963.

Bagi menjaga kepentingan Malaysia di Indonesia dan Filipina, kerajaan Malaysia telah meminta bantuan kerajaan Thailand.[9] Sebaliknya, kerajaan Indonesia telah meminta kerajaan Mesir untuk menjaga kepentingan Indonesia di Kuala Lumpur kerana di Kuala Lumpur juga berlaku rusuhan anti-Indonesia.[10]

Selain kerajaan Indonesia yang menentang penubuhan Malaysia, rakyat Indonesia juga turut menunjuk perasaan terhadap penubuhan Malaysia.[11] Pada hari Malaysia diisytiharkan, pemuda-pemuda Indonesia

---

4 *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5504.

5 *Keesing's Contemporary Archives*, (berikutnya disingkatkan sebagai KCA) 16–23 November 1963, hlm. 19747.

6 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 37.

7 Sila lihat *Cuttings from The Times*, 18 September 1963 (disingkatkan sebagai *Times*) University Micro Flims Ltd., England dan *Antara News*, 18 September 1963.

8 *Antara News*, 19 September 1963. Sebelum ini Tunku Abdul Rahman telah meminta keluarga para diplomat Malaysia di Indonesia meninggalkan negara itu kerana Jakarta tidak mengiktiraf penubuhan Malaysia. Lihat *Times*, 16 September 1963.

9 *Antara News*, 19 September 1963.

10 *Ibid.*, 22 September 1963.

11 Penentangan rakyat Filipina terhadap Malaysia tidaklah begitu ketara berbanding dengan Indonesia. Ini kerana di Filipina tidak berlaku rusuhan seperti yang berlaku di Indonesia. Di Manila, cuma terdapat tunjuk perasaan anti-Malaysia yang dianjurkan

yang berhaluan kiri melancarkan tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Malaysia dan British sebagai tanda membantah penubuhan Malaysia. Para penunjuk perasaan dianggarkan lebih kurang 10 000 orang telah melontarkan batu ke arah bangunan Kedutaan Malaysia sambil melaungkan slogan anti-British dan anti-Malaysia.[12] Kemudian para pemimpin penunjuk perasaan telah menyerahkan nota bantahan mereka kepada Setiausaha Pertama untuk diserahkan kepada kerajaan Malaysia. Semasa tunjuk perasaan di Kedutaan Malaysia tidak berlaku sebarang keganasan yang teruk. Kemudian para penunjuk perasaan telah mara ke Kedutaan British. Pegawai-pegawai British enggan menerima nota bantahan para penunjuk perasaan yang berarak di hadapan bangunan mereka. Akibatnya, para penunjuk perasaan merosakkan pagar dan membakar bendera British, Union Jack, dan kereta Duta British. Akhirnya, Duta British, Andrew Gilchrist, terpaksa menerima bantahan daripada pihak penunjuk perasaan dalam suasana yang dingin.[13] Sir Gilchrist dan Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri British membuat bantahan keras kepada kerajaan Indonesia terhadap kejadian yang berlaku di Kedutaan British.[14] Sementara itu, Mohd. Ghazali Shafie menuduh pihak berkuasa Indonesia gagal mengawal keadaan sedangkan itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan itu.[15] Sebaliknya, Dr. Subandrio mengumumkan, kerajaan Indonesia amat kesal terhadap kerosakan bangunan Kedutaan British dan Tanah Melayu dan berjanji tindakan akan diambil terhadap mereka yang bersalah.[16]

Pada masa yang sama, tunjuk perasaan berlaku di Medan, tempat pejabat Konsul British dan Konsul Malaysia menjadi sasaran. Dalam rusuhan tersebut, pejabat Konsul Malaysia telah dirosakkan. Para pegawai dan kakitangan Konsul Malaysia diberi perlindungan oleh Konsul Jeneral Amerika. Konsul Malaysia, Ali bin Abdullah, terpaksa berlindung

---

oleh Kesatuan Sekerja di hadapan Kedutaan British dan Malaysia. Lihat *Antara News*, 16 September 1963.

12 Lihat *Antara News*, 16 September 1963; *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19746, dan *Asian Recorder*, 5–11 November 1963.

13 Sila lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 185–186; *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19746; *Antara News*, 16 September 1963; dan *Times*, 17 September 1963. Menurut *Times*, semua 938 keping cermin tingkap di bangunan itu dipecahkan dalam tunjuk perasaan ini.

14 *KCA*, 16–23 September 1963, hlm. 19746.

15 *Ibid.*, 18 September 1963. Berita tentang serangan pejabat konsul lambat diterima di London.

16 *Antara News*, 17 September 1963.

dalam kapal Norway yang berlabuh di tempat tersebut.[17] Tunku Abdul Rahman menuduh bahawa pasukan polis hanya datang ke tempat kejadian selepas para penunjuk perasaan merosakkan bangunan Konsul Malaysia.[18]

Pada hari berikutnya, hubungan dengan Jakarta putus dan kejadian-kejadian di Indonesia yang disiarkan dalam akhbar-akhbar Malaysia telah menyebabkan rakyat Malaysia marah. Di Kuala Lumpur, kira-kira 1000 orang rakyat Malaysia telah menyerang bangunan Kedutaan Indonesia dengan batu dan mercun. Mereka telah menyerbu masuk ke dalam bangunan tersebut dan menurunkan perisai Garuda dan mengotorkannya.[19] Rakyat Indonesia melihat tunjuk perasaan di Kuala Lumpur sebagai satu penghinaan terhadap kerajaan mereka. Oleh itu, pada 18 September 1963, satu tunjuk perasaan yang lebih dahsyat daripada apa yang berlaku pada 16 September dilancarkan. Dalam tunjuk perasaan itu, harta benda kerajaan dan rakyat British dibakar kerana para penunjuk perasaan berpendapat bahawa British merupakan pihak yang bertanggungjawab membentuk Malaysia. Tentera Indonesia terpaksa campur tangan dan mengisytiharkan darurat di Jakarta untuk mengawal keadaan. Setiausaha Luar British, Lord Home, membantah kejadian di Jakarta dan meminta kerajaan Indonesia menjamin keselamatan rakyat dan harta benda rakyat British.[20]

Memandangkan keadaan di Jakarta semakin tegang maka kira-kira 30 orang rakyat Malaysia merampas rumah kediaman Duta Indonesia dan mengancam akan membakar bangunan itu jika polis atau tentera campur tangan. Mereka juga mengancam bahawa tebusan itu akan dibunuh jika para diplomat Malaysia dan keluarga mereka tidak dapat pulang dengan selamat ke tanah air.[21] Tunku Abdul Rahman dan Mohd.

---

17 Temu bual penulis dengan Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 15 Mac 1989 di pejabat beliau di UKM.

18 *Antara News*, 21 September 1963.

19 Sila lihat *ibid.*, 18 September 1963; *KCA* 16–23 November 1963, hlm. 19747; *Straits Times*, 17 September 1963; *Times*, 18 September 1963 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 202.

20 Sila lihat *KCA*, 16–23 November 1063; hlm. 19747; *Antara News* 19 September 1963; Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 183–189 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 202.

21 Lihat *Malay Mail*, 19 September 1963; *Straits Times*, 19 September 1963; *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747 dan *Antara News*, 20 September 1963. Menurut telegram No. 265 kepada the Secretary of State daripada Duta Besar Baldwin, 19 September 1963, mereka juga merampas rumah Duta Indonesia tetapi tidak meng-

Ghazali Shafie terpaksa campur tangan. Tunku Abdul Rahman memberi jaminan bahawa para diplomat berada dalam keadaan selamat dan mereka dalam perjalanan pulang ke Malaysia.[22]

Selain mencetuskan rusuhan anti-Malaysia dan anti-British, penubuhan Malaysia juga menyebabkan konflik dalam aspek ekonomi. Kesatuan-kesatuan sekerja di Indonesia mula mengambil alih syarikat-syarikat milik warganegara British seperti minyak Shell, Dunlop Rubber, Ocean Insurance, Harrison & Crossfield, Unilever dan British-American Tobacco.[23] Walau bagaimanapun, selepas mesyuarat Komando Tertinggi Ekonomi (KOTOE) pada 21 September 1963, kerajaan Indonesia menyatakan Jakarta tidak akan memiliknegarakan syarikat-syarikat British.[24] Ringkasnya, penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 telah mencerminkan tema konflik dengan mendalam terhadap hubungan Malaysia-Indonesia.

Pemutusan Hubungan Ekonomi Malaysia-Indonesia

Pada awal minggu penubuhan Malaysia, kedudukan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia, adalah tidak jelas. Tidak ada berita yang disiarkan tentang pengambilalihan syarikat-syarikat Malaysia. Pada 20 September 1963, Presiden Sukarno telah mengarahkan kesatuan-kesatuan sekerja yang menguasai syarikat-syarikat British supaya menyerahkan kepada pihak kerajaan.[25] Arahan itu dikeluarkan supaya pengeluaran berjalan dengan lancar dan untuk menjamin keselamatan syarikat-syarikat tersebut. Tindakan tersebut bukan bertujuan untuk memiliknegarakan syarikat-syarikat British. Sukarno mengingatkan dasar konfrontasi dengan Malaysia tidak harus dikaitkan dengan pengeluaran syarikat-syarikat British, khasnya Shell Oil.[26] Pengeluaran harus berjalan lancar supaya ekonomi Indonesia tidak bertambah buruk.

---

ganggu barang-barang peribadi beliau walaupun mereka telah mengoyak gambar Sukarno dan menggantikannya dengan gambar Tunku Abdul Rahman.

22 Sila lihat, *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19727; *Straits Times*, 20 September 1963 dan telegram No. 270 dari Kuala Lumpur kepada the Secretary of State, 19 September 1963.

23 Lihat *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5504 dan *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747.

24 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 181.

25 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 77 dan 78; *Times*, 19 September 1963, hlm. 5504.

26 *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5504.

Di Indonesia, pada 16 September 1963, pekerja-pekerja Chartered Bank, Hong Kong Bank (milik British) dan Overseas Chinese Bank (milik Singapura) melancarkan mogok anti-Malaysia selama sehari. Mereka melancarkan mogok tersebut atas arahan yang dikeluarkan oleh Syarikat Buruh Seluruh Indonesia.[27] Sementara itu, pada hari yang sama, Kesatuan Sekerja Lapangan Terbang juga enggan memberi perkhidmatan kepada pesawat-pesawat yang dimiliki oleh Malaysian Airways, British Overseas Airways (BOAC), dan Canadian Pasific yang mendarat di Jakarta kerana membantah penubuhan Malaysia.[28] Berikut itu, Presiden Kesatuan Sekerja Keretapi Malaysia, Donald Uren, meminta semua pekerja pengangkutan Malaysia supaya memulaukan semua kenderaan milik Indonesia kerana di Indonesia, pekerja-pekerja lapangan terbang Indonesia memulaukan pesawat-pesawat Malaysian Airways.[29]

Hubungan Malaysia-Indonesia bertambah rumit apabila Presiden Sukarno, memutuskan hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Indonesia selepas mesyuarat KOTOE pada 21 September 1963.[30] Kerajaan Indonesia melancarkan Konfrontasi ekonomi terhadap Malaysia, khasnya Tanah Melayu dan Singapura kerana Indonesia mendapati pihak Malaysia memperoleh keuntungan.[31] Indonesia mengadakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia kerana pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang bergantung pada bahan-bahan mentah dari Indonesia untuk dieksport semula ke negara-negara lain. Perdagangan entrepot Singapura merupakan sasaran utama Konfrontasi ekonomi Indonesia.[32] Menjelang akhir tahun 1963, Singapura kehilangan pendapatan kira-kira $100 juta akibat Konfrontasi ekonomi.[33] Pihak Malaysia menganggarkan kira-kira lapan peratus daripada pendapatan dalam negeri Singapura terjejas akibat putusnya hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia, di samping mewujudkan 10 000 orang penganggur. Sementara itu, Pulau Pinang kehilangan lima peratus atau enam peratus daripada pendapatan, di samping penganggur seramai 1000 orang.[34] Keberkesanan angka-angka ini

---

27 *Antara News*, 16 September 1963.

28 *Times*, 18 September 1963.

29 *Antara News*, 20 September 1963.

30 Sila lihat *Antara News*, 22 September 1963 dan Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 37.

31 *Antara News*, 22 September 1963.

32 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 37.

33 *Ibid.*

34 Telegram No. 317, dari Kuala Lumpur kepada the Secretary of State, 30 September 1963.

bergantung pada ketegasan pihak Indonesia mengadakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia. Sekatan ini juga meningkatkan aktiviti penyeludupan antara kedua-dua negara.[35]

Pada masa yang sama, Menteri Kewangan Malaysia, Tan Siew Sin, menegaskan tindakan Indonesia memutuskan hubungan ekonomi dengan Malaysia akan menjejaskan perdagangan entrepot Singapura dan Pulau Pinang tetapi ekonomi Indonesia akan mengalami penderitaan yang lebih teruk dari Malaysia.[36] Ini kerana Indonesia akan menghadapi masalah besar untuk mengesport barang pengeluarannya dan kadar inflasi akan turut meningkat di negara itu. Tunku Abdul Rahman pula berkata, beliau tidak hairan dengan sikap Indonesia memutuskan hubungan ekonomi dengan Malaysia. Beliau menambah lagi bahawa sekatan ekonomi tidak akan memaksa Malaysia melutut kepada Indonesia kerana dasar Konfrontasi ekonomi melemahkan kedua-dua negara. Oleh itu, Malaysia dan Indonesia harus mencari penyelesaian.[37]

Manakala, Penolong Setiausaha Agung Barisan Nasional Indonesia, Imam Pratiagnya, menjelaskan langkah pemutusan hubungan ekonomi dengan Malaysia adalah langkah merevolusikan perdagangan luar Indonesia. Langkah ini dapat menghapuskan pandangan bahawa perdagangan luar Indonesia bergantung pada Malaysia dan Singapura. Dengan putusnya hubungan ekonomi tersebut, Indonesia dijangka memperoleh keuntungan yang lebih kerana negara itu akan mengeksport terus kepada negara pembeli.[38] Tindakan ini akan memberhentikan keuntungan yang dinikmati oleh saudagar-saudagar Cina di Singapura yang bertindak sebagai orang tengah.[39]

Sebagai langkah awal pelaksanaan sekatan ekonomi terhadap Malaysia, Indonesia menghentikan penghantaran bijih timah untuk diproses di Pulau Pinang.[40] Sebaliknya, Indonesia telah membuat perjanjian semula dengan Belanda untuk memproses bijih timah. Perjanjian ini ditandatangani oleh Brig. Jeneral Rudy Pirngadie bagi pihak Indonesia dan A.V. Roon bagi pihak Belanda. Semasa krisis Irian Barat, Indonesia menghantar bijih timahnya ke Pulau Pinang untuk diproses tetapi apa-

---

35 *Ibid.*

36 *Antara News*, 23 September 1963. Menurut Mackie, "... in the short run Indonesia had to pay a high price to achieve this long term goal". Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 217.

37 *Antara News*, 28 September 1963.

38 *Ibid.*, 24 September 1963.

39 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 217.

40 *Antara News*, 19 September 1963.

bila berkonfrontasi dengan Malaysia, Indonesia menghantar semula bijih timah ke Belanda untuk diproses.[41] Pada masa yang sama, kerajaan Indonesia melarang pemuatan minyak dan gas asli ke Malaysia.[42] Pekerja-pekerja pelabuhan Indonesia enggan memuatkan barang-barang ke dalam tongkang-tongkang yang mengibarkan bendera Malaysia.[43] Pada 22 September 1963, pihak Indonesia menghantar kawat ke Kuala Lumpur dengan menyatakan bahawa mulai hari berikutnya pesawat-pesawat Malaysian Airways tidak akan diberi hak pendaratan di Jakarta dan Medan.[44] Justeru itu, Malaysian Airways dengan rasminya membatalkan semua penerbangan ke Indonesia sehingga satu notis baru diumumkan.[45] Syarikat Penerbangan Indonesia, Garuda, juga mengumumkan bahawa mulai 25 September 1963, semua penerbangan ke Kuala Lumpur dan Singapura akan dibatalkan.[46]

Akibat Konfrontasi ekonomi Indonesia, Kepulauan Riau menghadapi masalah kekurangan bahan makanan kerana bergantung pada Singapura yang disekat pembekalan bahan makanan. Penggantungan ini telah menyebabkan dolar Singapura digunakan dalam urusan jual beli di sana sebelum Konfrontasi dibatalkan. Bagi mengatasi kekurangan bekalan makanan, kerajaan Indonesia telah menghantar dua buah kapal yang berisi dengan barang-barang keperluan untuk kepulauan tersebut. Kerajaan Indonesia juga telah memperkenalkan rupiah Indonesia untuk digunakan dalam urusan jual beli.[47] Dengan tindakan itu, Jakarta berharap dapat mengelakkan Kepulauan Riau bergantung pada Singapura. Kerajaan Indonesia juga memajukan pelabuhan Tanjung Periuk, Sabang, Belawan, dan Makasar sebagai pelabuhan bebas.[48] Tindakan ini dibuat dengan tujuan membolehkan Indonesia menjalankan sekatan

---

41 *Antara Weekly Review*, 5 Oktober 1963, (berikutnya akhbar ini akan disingkat sebagai *AWR*). Lihat juga Bab 2 untuk keterangan lanjut tentang hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia semasa krisis Irian Barat.

42 Sila lihat *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747; *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5505 dan *Times*, 24 September 1963.

43 *AWR*, 5 Oktober 1963.

44 *Times*, 23 September 1963 dan juga *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747.

45 *Antara News*, 23 September 1963.

46 *Ibid.*, 24 September 1963.

47 Sila lihat, *AWR*, 12 Oktober 1963; *Antara News*, 24 September 1963 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 218. Kerajaan Indonesia mengharamkan penggunaan mata wang Malaysia termasuk dolar Singapura. Jakarta juga menghantar barang-barang makanan seperti beras, gula, garam, daging, air dan minyak masak ke Riau. Lihat *Asian Recorder*, 26 November – 2 Disember 1963, hlm. 5534.

48 *AWR*, 12 Oktober 1963.

ekonomi terhadap Malaysia dan Singapura dengan berkesan sekali kerana pembukaan Tanjung Periuk dapat meningkatkan kegiatan perdagangan antarabangsa Indonesia.

Pembentukan pelabuhan perdagangan bebas ini bertujuan memperbaiki ekonomi Indonesia. Menurut kenyataan kerajaan Indonesia, pelabuhan perdagangan bebas itu akan memudahkan peniaga tempatan berurus niaga dengan pembeli luar negeri. Pembukaan pelabuhan bebas adalah untuk mengeksport terus barang-barang Indonesia ke negara pengguna terakhir tanpa perkhidmatan orang tengah di Singapura. Malangnya, tindakan Indonesia mengeksport bahan-bahan mentahnya melalui pelabuhan-pelabuhan baru tidak dapat dijalankan dengan berkesan pada peringkat awal kerana kebanyakan kapal kargo tidak dapat mengubah jadual perjalanan mengikut perubahan dasar Indonesia.[49] Jadi, pengenalan sistem perdagangan luar negeri yang baru di Indonesia tidak memberi kesan yang baik kepada Indonesia. Malahan, Indonesia kehilangan pertukaran asing kerana berlaku penyelewengan dalam penghantaran muatan ke kapal-kapal.[50] Penyeludupan juga berlaku antara Indonesia dan Singapura. Untuk menghapuskan masalah ini, kerajaan Indonesia mengenakan hukuman berat termasuk hukuman mati, tetapi penyeludupan tetap berlaku.[51]

Tindakan Indonesia mengadakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia telah menjejaskan ekonomi Malaysia, khasnya Singapura. Harga di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura jatuh 20 peratus dalam tempoh dua minggu.[52] Industri-industri memproses bahan mentah di Singapura turut menghadapi masalah berikutan kekurangan bahan mentah dari Indonesia akibat sekatan ekonomi tersebut. Sementara itu, pihak Indonesia telah memasarkan getahnya melalui Belanda di Eropah. Indonesia juga memberhentikan operasi cawangan Bank Negara Indonesia di Singapura. Kerajaan Malaysia tidak menghalang aktiviti bank tersebut di Singapura tetapi Indonesia menutup banknya kerana berpendapat Konfrontasi harus dijalankan dengan tegas tanpa tawar-menawar.[53]

---

49 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 219.

50 *Ibid.*

51 *Ibid.*

52 *AWR*, 19 Oktober 1963. Akibat sekatan ini juga, harga barang-barang makanan seperti sayur, buah-buahan dan daging telah meningkat kerana bekalan dari Indonesia terputus. Nelayan-nelayan dari Malaysia dilarang menangkap ikan di perairan Indonesia. Lihat *Asian Recorder*, 26 November –2 Disember 1963, hlm. 5534.

53 *Ibid.*, 11 November 1963.

Satu lagi tindakan Indonesia dalam konfrontasi ekonomi ialah mengambil alih pentadbiran syarikat-syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia pada bulan November 1963. Dikri Presiden No. 7/ KOTOE/1963, telah melantik Menteri Kewangan Indonesia untuk mengawasi operasi syarikat-syarikat Malaysia.[54] Kebanyakan syarikat tersebut adalah kilang-kilang memproses getah dan rumah asap yang dimiliki oleh saudagar Cina dari Singapura.[55] Kerajaan Indonesia mengambil alih syarikat-syarikat itu kerana Jakarta mendapati getah yang diproses di kilang-kilang ini diseludup keluar ke Singapura dan Pulau Pinang.[56]

Kerajaan Indonesia juga telah mengharamkan rakyatnya mendengar siaran Radio Malaysia. Sebelum pengharaman tersebut, siaran Radio Malaysia, yang disiarkan melalui gelombang pendek, dapat diterima dengan jelas di Indonesia tetapi kini menghadapi gangguan. Kerajaan Indonesia telah mengenakan hukuman penjara setahun kepada mereka yang mendengar siaran Radio Malaysia. Akan tetapi masih terdapat rakyat Indonesia yang mendengar siaran tersebut.[57] Selepas pengumuman Konfrontasi ekonomi pada 25 September 1963, pihak Indonesia juga memutuskan semua bentuk hubungan telekomunikasi dengan Malaysia.

Tindakan Indonesia mengadakan sekatan ekonomi terhadap Persekutuan Malaysia telah menunjukkan bahawa negara itu telah memperkuatkan lagi penentangannya untuk mengganyang Malaysia. Indonesia membuat sekatan ekonomi dengan harapan ekonomi Malaysia menghadapi kerumitan tetapi tindakan Indonesia telah merumitkan lagi ekonomi negaranya sendiri. Ini kerana ekonomi kedua-dua negara saling bergantung antara satu sama lain.

Konflik Ketenteraan dan Kegiatan Subversif

Memandangkan hubungan antara Jakarta dengan Kuala Lumpur menjadi sangat runcing maka pada 18 September 1963, kerajaan Malaysia mengisytiharkan *a state of preparedness* untuk menghadapi penentangan dari Indonesia dan Filipina.[58] Justeru itu juga, kerajaan Malaysia

---

54 *Ibid.* Antara syarikat-syarikat Malaysia yang diambil alih oleh kerajaan Indonesia ialah Hok Tong, Remifa, Remco, Sumatera Rubber dan Sunan. Syarikat-syarikat ini beroperasi di Sumatera. Lihat *KCA*, 14–21 Disember 1963, hlm. 19804.

55 *Ibid.*, dan lihat juga Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 218.

56 *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747.

57 *Ibid.* Lihat juga Times, 26 September 1963 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 218.

58 *Asian Recorder*, 5–11 November 1963, hlm. 5504.

membentuk Majlis Pertahanan Malaysia untuk mengambil langkah-langkah bagi menjamin keselamatan negara. Langkah-langkah segera diambil untuk mengemaskinikan pasukan keselamatan untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Pada masa yang sama, pihak British memberitahu Tunku Abdul Rahman bahawa Britain sedia membantu Malaysia untuk mempertahankan kedaulatannya.[59] Australia juga mengumumkan bahawa akan menghantar tenteranya ke wilayah-wilayah Malaysia di Borneo jika terdapat pencerobohan.[60]

Kedudukan pertahanan Malaysia sangat lemah dan berada pada tahap pembangunan. Kerajaan Malaysia cuma membelanjakan lapan peratus daripada belanjawan negara untuk pertahanan.[61] Tentera Darat Malaysia mempunyai lapan batalion infantri termasuk dua dari Singapura, beberapa kereta perisai dan pasukan meriam yang kecil. Walau bagaimanapun, kehadiran tentera Komanwel dengan kelengkapan ketenteraan yang canggih di bawah perjanjian AMDA telah menguatkan pertahanan Malaysia. Sebaliknya, Indonesia mempunyai satu angkatan tentera yang besar dengan peralatan tentera yang canggih.[62]

Dengan kekuatan tentera ini, pada 25 September 1963, Presiden Sukarno mengumumkan satu tahap baru dalam Konfrontasinya terhadap Malaysia. Beliau berkata, Indonesia akan menentang dan menghancurkan Malaysia.[63] Pada hari berikutnya, seramai 60 orang gerila Indonesia menyerbu masuk ke kawasan Serikin di Bahagian Satu, Sarawak.[64] Peristiwa itu merupakan pencerobohan pertama pihak Indonesia ke kawasan Malaysia selepas Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963.

Pencerobohan ini dilakukan oleh empat kumpulan: pertama, anggota Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) yang terlibat dalam Pemberontakan Brunei pada tahun 1962; kedua, anggota Tentera Indo-

---

59 *Ibid.* Britain sedia membantu Malaysia kerana mempunyai perjanjian pertahanan AMDA dengan bekas tanah jajahannya yang ditandatangani pada tahun 1957 dan kemudian diperbaharui pada bulan Jun 1963.

60 *Ibid.*, hlm. 5505. Tentera-tentera Australia dan New Zealand yang ditempatkan di Melaka dan Butterworth adalah sebahagian daripada Commonwealth Strategic Reserve yang bertanggungjawab kepada keselamatan Malaysia berdasarkan perjanjian AMDA.

61 *Straits Times*, 20 September 1963.

62 *Times*, 20 September 1963.

63 *Ibid.*

64 Lihat *Indonesian Involvement in Eastern Malaysia*. Kuala Lumpur: Department of Information, 1965 hlm. 47–74.

nesia yang menggelarkan diri mereka sebagai sukarelawan; ketiga, pengganas komunis di Sarawak yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Cina; dan keempat, rakyat Indonesia yang menjadi sukarelawan untuk membebaskan Kalimantan Utara daripada penjajah.[65] Pencero-boh-penceroboh ini menggunakan teknik *hit and run* untuk menyerang kawasan sempadan Sabah dan Sarawak.[66] Pada peringkat awal penyerbuan, tentera Indonesia tidak terlibat dalam serangan gerila di sepanjang sempadan tetapi mereka memainkan peranan penting dalam mengerah dan melatih penduduk Sabah dan Sarawak yang anti-Malaysia.[67] Menurut Ketua Menteri Sarawak, Dato' Stephen Kalong Ningkan, lebih 1000 orang Cina Sarawak telah menyertai gerila Indonesia untuk menentang Malaysia.[68] Kebanyakan mereka merupakan ahli-ahli pertubuhan komunis di Sarawak yang dinamakan Clandestine Communist Organization (CCO). Selain itu, pemuda-pemuda Melayu yang anti-Malaysia dari Sarawak turut menyertai gerila Indonesia.[69]

Sungguhpun ahli-ahli CCO berketurunan Cina yang mendapat latihan di Indonesia untuk menjalankan aktiviti subversif, tetapi tentera Indonesia tidak begitu berminat untuk menggunakan khidmat mereka. Tentera Indonesia lebih suka CCO berketurunan Melayu untuk menjalankan kegiatan haram. Ini kerana pihak tentera secara terbuka berkata mereka menentang Malaysia kerana berasa bimbang bahawa masyarakat Cina komunis akan menguasai Malaysia dan kerana tidak mahu sebuah "China Kedua" berada di ambang pintunya.[70] Oleh yang demikian, pihak Indonesia menggunakan satu atau dua orang CCO bagi setiap kumpulan penyerbu Indonesia yang terdiri daripada sepuluh orang.[71]

Semenjak 16 September 1963 hingga 19 Jun 1964, tentera Indonesia atas nama sukarelawan telah menyerbu masuk ke wilayah Sarawak

---

65 Sila lihat *Parliamentary Debate*, 11 Disember 1963; *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747; Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 211, Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 206–213 dan Ott "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 264.

66 *KCA*, 16–23 November 1963, hlm. 19747.

67 Lihat Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 264; Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 211; Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 39 dan *Antara Daily News Bulletin*, New York, 12 Disember 1963.

68 *Far Eastern Economic Review (FEER)*, 16 Julai 1964, hlm. 108.

69 Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 207.

70 *Ibid.*, hlm. 210.

71 *Ibid.*

sebanyak 116 kali dan sebanyak 61 kali di Sabah.[72] Di sepanjang pencerobohan ini tentera Malaysia, khasnya tentera British dan Gurkha terpaksa mengadakan rondaan di sempadan Sabah dan Sarawak untuk mematahkan penyerbuan Indonesia. Sementara itu tentera Malaysia dan British yang berada di perbatasan Borneo itu tidak pernah masuk ke wilayah Indonesia untuk menyerang gerila Indonesia. Walau bagaimanapun, pihak Indonesia sering kali mendakwa tentera British memasuki wilayah-wilayahnya.[73] Selain pencerobohan darat, pihak Indonesia juga melancarkan pencerobohan udara. Antara 13 November 1963 hingga 24 Mei 1964, terdapat 33 pencerobohan yang dilakukan oleh tentera udara Indonesia ke atas ruang angkasa Malaysia.[74] Bagi mengatasi ancaman udara Indonesia, pada 20 September 1964, Malaysia dengan rasminya meminta pihak British memberi pertahanan udara.[75]

Memandangkan Indonesia bersikap agresif terhadap Malaysia, maka Amerika Syarikat memberhentikan bantuan ketenteraan kepada Indonesia. Amerika Syarikat memberhentikan pemberian bantuan ketenteraan tahunan sebanyak AS$15 juta kepada Indonesia.[76] Walau bagaimanapun, Indonesia yang kecewa dengan sekatan bantuan Amerika Syarikat telah mengadakan perjanjian pembelian senjata baru dengan Soviet Union. Pada bulan Disember 1963, Jeneral Nasution menandatangani perjanjian tersebut di Moscow.[77] Dengan perasaan marah Presiden Sukarno mengulas sekatan bantuan Amerika Syarikat, "*go to hell with your aid.*"[78]

Akibatnya, pihak Indonesia telah menguatkan lagi kedudukan tenteranya di sempadan Sarawak. Pada 3 Mei 1964 dan 16 November. 1969, Sukarno mengarahkan pemuda-pemuda Indonesia mendaftarkan

---

72 Lihat *Indonesian Involvement in Eastern Malaysia*, hlm. 47–48. Sebelum penubuhan Malaysia, gerila Indonesia telah menyerbu sebanyak 36 kali di Sarawak.

73 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 212. Misalnya, pada 6 Januari 1964, Indonesia menghantar bantahan ke PBB dengan mengatakan pesawat-pesawat British dan Malaysia menceroboh ruang angkasanya. Sebelum ini Malaysia menghantar bantahan ke PBB tentang pencerobohan darat dan udara yang dilakukan oleh pihak Indonesia. Lihat *Asian Recorder*, 29 Januari 1964 –4 Februari 1964, hlm. 5648.

74 *Indonesian Involvement in Eastern Malaysia*, hlm. 75–78.

75 *Asian Recorder*, 4–10 Mac 1964, hlm. 5708.

76 D.C. Watt (ed.) 1977. "Malaysia, Indonesia, and the Philippines: Prelude to Confrontation", dalam *Survey of International Affairs 1963*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 166.

77 *Asian Recorder*, 19–25 April 1964, hlm. 5661.

78 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 39.

diri sebagai sukarelawan untuk kempen mengganyang Malaysia.[79] Menjelang akhir tahun 1964, dianggarkan kira-kira 30 000 orang tentera Indonesia ditempatkan di sempadan Sabah dan Sarawak. Sementara itu, pihak British dan Komanwel telah membantu menguatkan pertahanan Malaysia di Borneo. Pada bulan Januari 1964, pihak British sahaja menempatkan 50 000 tenteranya di Asia Tenggara untuk menghadapi sebarang kemungkinan.[80]

Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak tidak mengisytiharkan perang terbuka di Borneo. Sebaliknya, cuma pencerobohan dan perang gerila berlaku di sepanjang sempadan sehingga konfrontasi berakhir. Pencerobohan Indonesia tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan; cuma golongan berhaluan kiri dan CCO sahaja menyokong pencerobohan itu. Pencerobohan juga tidak mendapat sambutan di kalangan rakyat Sabah dan Sarawak kerana keselamatan mereka sering terancam akibat tindakan tersebut, sehingga orang awam turut terbunuh dalam serangan pihak Indonesia.[81] Misalnya, dalam satu serangan yang berlaku di jalan Kuching-Serian pada 27 Jun 1965, empat orang awam terbunuh.[82] Pencerobohan Indonesia di Borneo juga gagal kerana ada antara sukarelawan Indonesia yang terlibat dalam penyerbuan sempadan kerana dipaksa oleh pihak berkuasa Indonesia untuk berjuang dan mereka tidak mendapat latihan ketenteraan yang sempurna.[83]

Pada masa yang sama, pihak Indonesia juga menganjurkan kegiatan subversif di Singapura dan Semenanjung Malaysia. Semasa kempen pembebasan Irian Barat (1962), pihak Indonesia telah melatih sukarelawan dari Malaysia dengan propaganda anti-Malaysia. Mereka ini dihantar pulang dan diarahkan membentuk pertubuhan sulit dengan kerjasama Kedutaan Indonesia bagi menggulingkan kerajaan Malaysia.[84] Ke-

---

79 *Asian Recorder*, 8–14 April 1964, hlm. 5761 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 215 dan 352.

80 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 215. Lihat juga Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 40–44. Di samping bantuan pihak Komanwel, kerajaan Malaysia telah menggandakan peruntukan pertahanannya. Misalnya, pada tahun 1963, peruntukan pertahanan Malaysia berjumlah $196 juta tetapi pada tahun berikutnya telah meningkat menjadi $316 juta. Sila lihat *Malaysian Year Book*, bagi tahun-tahun 1963, 1964, 1965 dan 1966, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

81 *FEER*, 12 Disember 1965, hlm. 548.

82 *Ibid.*

83 Lihat Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 211 dan 212 dan juga Douglas Hyde 1965. *Confrontation in the East*. London: The Bodley Head, hlm. 75–76.

84 *Parliamentary Debates*, 18 Disember 1963, lajur 2607–2608.

rajaan Indonesia juga telah membentuk sebuah pertubuhan perisikan di Kepulauan Riau untuk melatih pemuda-pemuda dari Malaysia membaca peta, mengguna radio, memasang bom untuk merosakkan harta benda.[85]

Seterusnya, pihak Indonesia cuba mewujudkan konflik ras di Malaysia dengan menggunakan siaran radionya. Dalam siaran bahasa Melayu, pihak Indonesia menyiarkan propaganda anti-China dan dalam siaran bahasa Cina pula mereka menyiarkan propaganda anti-Melayu. Pihak Indonesia juga menyebarkan risalah-risalah anti-Malaysia yang bertemakan perkauman. Risalah-risalah diseludup masuk ke Singapura dari Kepulauan Riau oleh peniaga barter dan kemudian diedarkan oleh kumpulan pelampau di Singapura.[86]

Aktiviti propaganda perkauman Indonesia memberi kesannya apabila rusuhan perkauman berlaku di Singapura pada 22 Julai 1964 dan berterusan selama tiga hari.[87] Tunku Abdul Rahman menuduh pihak Indonesia telah mencetuskan rusuhan tersebut. Tunku Abdul Rahman menekankan beliau ada bukti yang menunjukkan bahawa pihak Indonesia terlibat dalam mencetuskan rusuhan tersebut. Sementara itu, laporan polis menunjukkan kongsi gelap Cina di Singapura terutamanya "Gang 108" dan Ang Bin Hoay dibayar oleh ejen-ejen Indonesia untuk menguatkan lagi ketegangan ras di Singapura. Pada 8 September 1964, Tun Abdul Razak mengumumkan ejen-ejen Indonesia yang bertanggungjawab mencetuskan rusuhan telah ditahan oleh pihak polis Singapura.[88] Jadi, masalah pencerobohan pihak Indonesia di Borneo dan kegiatan subversif mereka di Malaysia, khasnya di Singapura, telah menyebabkan konflik antara Malaysia dengan Indonesia semakin tegang.

Usaha Perdamaian antara Malaysia-Indonesia

Pada awal tahun 1964, konflik ketenteraan masih berterusan antara gerila Indonesia dengan tentera Malaysia yang dibantu oleh tentera British di Borneo. Di samping itu, terdapat juga usaha perdamaian yang dica-

---

85 *Ibid.* Lihat juga Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy*, hlm. 84.

86 Untuk keterangan lanjut tentang siaran radio Indonesia, sila lihat Hyde, *Confrontation in the East*, hlm. 100.

87 *Asian Recorder*, 19–25 Ogos 1964, hlm. 6000. Dalam rusuhan ini, 22 orang telah mati, lebih 500 orang cedera dan kira-kira 1700 orang ditahan. Kira-kira 10 000 orang tentera dan polis dikerah untuk mengawal keadaan. Sila lihat *ibid.*, dan *KCA*, 20–27 Februari 1965, hlm. 20394.

88 *KCA*, 20–27 Februari 1965, hlm. 20594.

dangkan oleh pihak ketiga, iaitu Robert Kennedy (Peguam Negara Amerika) dan Putera Norodom Sihanouk (Presiden Kemboja) untuk membawa masalah penubuhan Malaysia ke meja rundingan.

Tanda-tanda bagi mengadakan rundingan untuk mengatasi masalah Malaysia mula kelihatan dengan pertemuan Sukarno dengan Macapagal di Manila pada 7 Januari 1964.[89] Dalam pertemuan itu, Presiden Sukarno dan Macapagal mengumumkan bahawa mereka ingin mencari penyelesaian yang aman bagi masalah Malaysia berdasarkan Perjanjian Manila iaitu melalui musyawarah MAPHILINDO.[90] Pada akhir lawatan itu, kedua-dua pemimpin mengharapkan satu lagi persidangan kemuncak bersama Tunku Abdul Rahman akan diadakan.[91]

Selepas mengadakan rundingan dengan Macapagal, Sukarno telah mengadakan lawatan tidak rasmi ke Tokyo. Ketika di Tokyo, pada 17 Januari 1964, wakil khas Presiden Amerika, Robert Kennedy, telah bertemu dengan Sukarno dan Dr. Subandrio.[92] Dalam pertemuan itu, Kennedy menekankan bahawa tujuannya bertemu dengan Sukarno adalah untuk menolong menyelesaikan masalah Malaysia secara aman melalui rundingan damai. Seterusnya Kennedy pergi ke Manila dan tiba di Kuala Lumpur pada 21 Januari 1964. Secara kebetulan pada masa itu Putera Sihanouk juga turut melawat Malaysia. Lawatan kedua-dua pemimpin ini telah membuka jalan kepada pertemuan tiga penjuru Menteri-Menteri Luar Malaysia, Indonesia dan Filipina di Bangkok pada awal bulan Februari 1964.[93]

Kennedy dan Sihanouk mengadakan pertemuan yang berasingan dengan Tunku Abdul Rahman. Pertemuan Tunku Abdul Rahman de-

---

89 Lihat *The Malay Mail*, 7 Januari 1964 dan *Asian Recorder*, 29 Januari – 4 Februari 1964, hlm. 5648. Sukarno diiringi oleh Dr. Subandrio dan Mejar Jeneral Achmad Jani, Panglima Angkatan Darat Indonesia. Rombongan ini tiba di Manila dengan tujuan mendapat sokongan Filipina terhadap konfrontasi ekonomi Indonesia.

90 *Asian Recorder*, 29 Januari – 4 Februari 1964, hlm. 5648. Sebaliknya, Jakarta juga memberi jaminan bahawa akan menyokong tuntutan Filipina ke atas Sabah manakala Manila pula berjanji untuk menolong memajukan pelabuhan bebas baru di Asia Tenggara supaya dapat bersaing dengan Singapura. Lihat *Straits Times*, 14 Januari 1964.

91 *Asian Recorder*, 29 Januari–4 Februari 1964, hlm. 5648.

92 Pada hari tersebut, akhbar *Harian Raayat,* lidah PKI, mengkritik rundingan Sukarno dengan Kennedy. Pengerusi PKI, D.N. Aidit, menegaskan "Adalah tugas PKI untuk menentang rundingan ini dan menghancurkan Malaysia sepenuhnya". Lihat Alex Josey, "Aidit and Malaysia", *FEER*, Jilid XLIII, No. 8, 20 Februari 1964.

93 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1964, hlm. 5669.

ngan Sihanouk telah membuka jalan kepada pertemuannya dengan Macapagal di Phnom Penh, ibu kota Kemboja. Putera Sihanouk telah menerangkan kepada Tunku Abdul Rahman tentang hasrat Macapagal ingin berunding dengan beliau. Selanjutnya, Tunku Abdul Rahman bertemu dengan Macapagal dari 10 hingga 12 Februari 1964. Kedua-dua pemimpin membincangkan soal tuntutan Sabah. Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak bersetuju mengkaji cadangan untuk mengadakan hubungan diplomatik pada peringkat konsul.[94]

Sementara itu dalam pertemuan Tunku Abdul Rahman dengan Kennedy, beliau berkata, Indonesia mesti mengiktiraf Malaysia dan mengundurkan tenteranya dari wilayah Malaysia sebelum mengadakan rundingan.[95] Walau bagaimanapun, dalam rundingannya dengan pemimpin-pemimpin Malaysia, Kennedy telah memujuk mereka supaya berunding dengan Sukarno. Kennedy mengumumkan bahawa Sukarno telah memberi jaminan untuk mengadakan persidangan kemuncak dan gencatan senjata di Borneo. Sukarno juga berjanji untuk mengundurkan tenteranya dari Malaysia jika British berundur dari Borneo.[96] Akhirnya, Tunku Abdul Rahman bersetuju dengan cadangan Kennedy untuk mengadakan gencatan senjata, dengan Thailand sebagai pengawas gencatan senjata yang berkecuali.

Selepas berunding dengan Tunku Abdul Rahman, Peguam Negara Amerika Syarikat itu berangkat ke Jakarta untuk bertemu dengan Sukarno sekali lagi. Kennedy menerangkan kesediaan Kuala Lumpur untuk mengadakan gencatan senjata. Pada 22 Januari 1964, Presiden Sukarno telah mengumumkan gencatan senjata di perbatasan Sabah-Sarawak dengan tujuan membawa isu Malaysia ke meja perundingan.[97]

Kerajaan Malaysia memberi sokongan penuh untuk menjalankan gencatan senjata tersebut dan berpuas hati dengan usaha Kennedy memujuk untuk menamatkan pertempuran.[98] Tetapi ternyata pendirian Sukarno terhadap Malaysia masih kabur walaupun beliau mengisytiharkan gencatan senjata. Pada masa yang sama, beliau juga menegaskan, Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia belum tamat dan akan dite-

---

94 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 84.

95 Lihat Abdullah Ahmad 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia, 1963–1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

96 Ott, "The Sources and Content of Malaysia Foreign Policy", hlm. 293. Lihat juga Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 44.

97 *Straits Times*, 23 Januari 1964.

98 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1964, hlm. 5670.

ruskan.[99] Pendirian Sukarno ini menunjukkan bahawa Indonesia tidak berminat untuk mengadakan gencatan senjata atau menamatkan isu Malaysia secara damai.

Berikutan lawatan Kennedy, pada awal bulan Februari 1964, persidangan tiga penjuru peringkat menteri bermula, seperti yang dijadualkan di Bangkok. Dalam persidangan ini rombongan Indonesia diketuai oleh Dr. Subandrio, Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak dan Filipina diwakili oleh Salvador P. Lopez. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Menteri Luar Thailand, Thanat Koman. Malaysia pada mula mengsyaki tentang kejujuran pihak Indonesia menghadiri persidangan itu. Ini kerana Indonesia masih meneruskan sikap Konfrontasinya sebagaimana Sukarno pernah berkata, "taktik-taktiknya boleh bertukar 24 kali sehari tetapi tujuannya masih lagi sama, iaitu Konfrontasi dan mengganyang Malaysia".[100] Namun begitu, Malaysia menghadiri rundingan tiga penjuru kerana desakan daripada Robert Kennedy dan juga jaminan yang diberi oleh Thanat Koman yang mengatakan bahawa Sukarno dan juga Macapagal mahukan keamanan.[101]

Dalam persidangan pusingan pertama, soal tentang gencatan senjata dan pengunduran tentera dibincangkan. Bagi Malaysia, pengunduran tentera harus diselesaikan dahulu sebelum penyelesaian politik diuruskan. Tetapi pihak Indonesia pula berpendapat sebaliknya, iaitu penyelesaian politik harus dibuat sebelum pengunduran tentera dan gencatan senjata diamalkan. Akibatnya, perundingan di Bangkok ini telah berakhir tanpa sebarang penyelesaian. Akan tetapi satu kenyataan bersama telah dikeluarkan oleh ketiga-tiga pihak. Perkara 6 dalam kenyataan yang sama mengatakan mereka mengalu-alukan gencatan senjata di Sabah dan Sarawak sebagai langkah mewujudkan suasana yang baik bagi musyawarah MAPHILINDO. Mereka juga bersetuju untuk menjemput Setiausaha Agung PBB melantik Thailand untuk mengawasi gencatan senjata tersebut.[102] Ketiga-tiga Menteri Luar Negeri Malaysia, Indonesia dan Filipina bersetuju untuk berunding dengan kerajaan ma-

99 *KCA*, 18–25 Julai 1964, hlm. 20181. Lihat juga Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 83 dan Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 225. Oleh itu, pihak Malaysia, khasnya Tunku Abdul Rahman, mempersoalkan kejujuran Sukarno terhadap mengadakan rundingan perdamaian.

100 *Ibid.*, 3 Februari 1964.

101 Lihat Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 297.

102 Lihat *Joint Communique of the Bangkok Ministrial Meeting, 11 February 1964*, dalam Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 114 dan *AWR*, 8 Februari 1964.

sing-masing tentang mengadakan satu lagi mesyuarat peringkat menteri sebelum mengadakan Persidangan Kemuncak.[103]

Selepas persidangan pusingan pertama di Bangkok tamat, Tun Abdul Razak atas arahan Tunku Abdul Rahman mengingatkan bahawa Malaysia akan terus menghalang gerila Indonesia di samping menunggu untuk rundingan seterusnya. Menurut beliau lagi, persidangan di Bangkok merupakan satu perubahan yang menggalakkan ke arah mencari penyelesaian.[104] Manakala Dr. Subandrio pula berpendapat, walaupun ada kemajuan tetapi persetujuan itu adalah sangat rapuh.[105]

Pada 2 Mac 1964, sedang tuduh-menuduh dan pertempuran senjata antara Malaysia dengan Indonesia berterusan, persidangan tiga penjuru peringkat kedua bermula di Bangkok. Rundingan tahap kedua ini adalah ringkas dan isu pengunduran tentera masih merupakan isu penting yang dibincangkan. Malaysia berpendapat sebelum sidang kemuncak diadakan, Indonesia harus mengundurkan tenteranya. Tun Abdul Razak pernah berkata, "We cannot discuss anything, until the Indonesian agree to this condition".[106] Jakarta pula tetap dengan pendiriannya, iaitu penyelesaian politik harus dicapai dahulu untuk menamatkan permusuhan antara kedua-dua negara.

Dalam rundingan pusingan kedua, Dr. Subandrio telah mencadangkan agar langkah-langkah pengunduran dijalankan seiring dengan kemajuan penyelesaian dari segi politiknya. Cadangan ini ditolak oleh Tun Abdul Razak kerana ia merupakan satu rundingan di bawah paksaan. Sementara itu, Tun Abdul Razak juga menolak cadangan pengunduran secara berperingkat-peringkat yang dicadangkan oleh Thailand dan Filipina kerana tidak yakin dengan perkataan berperingkat-peringkat itu.[107]

Walau bagaimanapun, pada saat-saat akhir pihak Malaysia bersetuju dengan cadangan Filipina yang mengutarakan antara lain:

(1) Pengunduran tentera ke wilayah masing-masing.
(2) Rundingan ke arah penyelesaian politik dilakukan pada masa yang sama.
(3) Sidang kemuncak diadakan antara Tunku Abdul Rahman,

---

103 Lihat Perkara 7 dalam *Joint Communique of the Bangkok Ministrial Meeting*.
104 Lihat *AWR*, 8 Februari 1964.
105 *Straits Times*, 12 Februari 1964.
106 *Malay Mail*, 3 Mac 1964. Lihat juga *Asian Recorder*, 1–7 April 1964, hlm. 5756.
107 Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 308.

Sukarno, Macapagal sebaik sahaja semua pengunduran penuh dilakukan.[108]

Malaysia yang sangat mengutamakan pengunduran tentera telah berpuas hati dengan cadangan yang dikemukakan oleh Lopez dari Filipina. Indonesia pula tidak memberi persetujuan kepada cadangan Lopez.[109] Jadi, rundingan tiga penjuru peringkat menteri di Bangkok ternyata gagal mencapai sebarang persetujuan kerana Malaysia dan Indonesia tidak mahu bertolak ansur dalam pendirian masing-masing. Oleh itu, persidangan tiga penjuru di Bangkok tidak dapat menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara.

Sebaliknya, konflik antara kedua-dua pihak bertambah hebat. Selepas kegagalan rundingan di Bangkok, Sukarno mengumumkan bahawa Konfrontasi sedang bergerak ke arah berperang.[110] PKI telah mendesak kerajaan Indonesia supaya mengadakan konfrontasi terhadap Malaysia secara menyeluruh.[111] Serangan terhadap wilayah-wilayah Malaysia juga berterusan sejak kegagalan persidangan di Bangkok. Misalnya, pada 6 Mac 1964, 60 orang gerila Indonesia telah menyerbu masuk ke Sarawak dan membunuh tiga orang askar Gurkha.[112] Sementara di Sabah, dalam satu pertempuran, dua orang gerila Indonesia dan seorang askar Malaysia terbunuh dan dua orang lagi gerila Indonesia ditawan.[113]

Merujuk sikap Indonesia yang menjadi semakin agresif, maka pada 7 Mac 1964, Tunku Abdul Rahman mengumumkan bahawa beliau akan membawa kes pencerobohan gerila Indonesia ke PBB jika pihak Indonesia meneruskan pencerobohan. Memandangkan keganasan Indonesia bertambah, pada 10 Mac 1964, Tunku Abdul Rahman mengumumkan penguatkuasaan Ordinan Perkhidmatan Kebangsaan 1952 untuk mengerahkan rakyat lelaki Malaysia yang sihat dan berumur antara 21 hingga 29 tahun bagi menghadapi sebarang keadaan akibat keagresifan Konfrontasi Indonesia.[114] Sebagai membalas tindakan Tunku Abdul Rah-

---

108 Lihat *Asian Recorder*, 1–7 April 1964, hlm. 5756; *Straits Times*, 6 Mac 1964 dan *Times*, 6 Mac 1964.

109 Lihat *Asian Recorder*, 1–7 April 1964, hlm. 5756.

110 *Straits Times*, 9 Mac 1964.

111 *Malay Mail*, 8 Mac 1964.

112 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 87.

113 *Asian Recorder*, 1–7 April 1964, hlm. 5757.

114 Lihat *ibid.; KCA*, 18–25 Julai 1965, hlm. 20182; Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 87. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 229–230; Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 61; dan Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 133.

man, Sukarno telah melancarkan Komando Gerakan Sukarelawan untuk kempen mengganyang Malaysia pada 16 Mac 1964. PKI telah memainkan peranan penting dalam kempen mengarah sukarelawan untuk mengganyang Malaysia. PKI juga menggunakan isu Malaysia untuk menguatkan kedudukannya di Indonesia.

Sementara itu, dua perkembangan pada pertengahan tahun pertama 1964 telah memberi tamparan kepada Indonesia. Pertama adalah kejayaan Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman yang memenangi pilihan raya umum pada 25 April 1964. Dalam pilihan raya itu, Perikatan memenangi 89 kerusi daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.[115] Kemenangan itu memberi semangat kepada kerajaan Tunku Abdul Rahman untuk terus menghadapi ancaman Indonesia. Kemenangan itu juga menunjukkan kepada dunia bahawa tuduhan Indonesia yang mengatakan Malaysia dibentuk tanpa persetujuan rakyatnya adalah salah. Perkembangan kedua adalah pemulihan hubungan antara Kuala Lumpur dengan Manila pada peringkat konsulat. Pada 18 Mei 1964, kedua-dua negara telah mengadakan hubungan semula.[116] Pemulihan ini seolah-olah telah memecah pakatan Manila-Jakarta untuk menentang Malaysia. Indonesia kelihatan bersendirian menentang Malaysia kerana pemulihan hubungan Manila-Kuala Lumpur menunjukkan bahawa Filipina mula mengiktiraf Malaysia.

Selepas Filipina memulihkan hubungan dengan Malaysia, kerajaan itu mengambil usaha untuk membawa Indonesia dan Malaysia ke meja rundingan supaya dapat mencari jalan penyelesaian. Pada bulan Mei 1964, Macapagal menghantar satu nota ke Bangkok yang mencadangkan, pertama, pengunduran tentera Indonesia sekali gus dengan permulaan sidang kemuncak dan, kedua, satu persidangan peringkat menteri diadakan semasa sidang kemuncak dan pengunduran tentera.[117] Macapagal melantik Salvador Lopez sebagai wakil khasnya untuk mengikuti

---

115 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 252, dan *Asian Recorder*, 27 Mei – 2 Jun 1964, hlm. 5851. Dalam pilihan raya pada tahun 1964, Perikatan menggunakan isu konfrontasi sebagai isu penting dalam kempennya. Perikatan mengatakan mengundi pembangkang bermakna menyokong penguasaan kuasa asing (Indonesia) dan mengundi Perikatan bermakna mengundi bagi pertahanan negara dan keamanan. Lihat *Malay Mail*, 15 Februari 1964.

116 Pemulihan hubungan ini adalah berpunca daripada rundingan Tunku Abdul Rahman dengan Macapagal di Phnom Penh pada bulan Februari 1964, mereka bersetuju untuk mengkaji pemulihan hubungan. Lihat *Asian Recorder*, 27 Mei – 2 Jun 1964, hlm. 5852.

117 *Parliamentary Debates*, 6 Julai 1964, lajur 640.

perkembangan lanjut tentang cadangannya.[118] Untuk tujuan ini, Lopez telah berulang kali berangkat ke Jakarta dan Kuala Lumpur. Akhirnya, beliau berjaya memujuk kedua-dua kerajaan supaya menerima cadangan Macapagal.

Menjelang persidangan baru Menteri-Menteri Luar ketiga-tiga negara bermula, satu pasukan perhubungan tentera Malaysia dan Indonesia bertemu di Bangkok untuk mengkaji lebih mendalam tentang pengunduran tentera. Pihak Malaysia mahukan 31 pusat pemeriksaan diadakan di wilayah Malaysia dan di sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia. Malaysia juga mahukan pengunduran tentera diadakan secara terbuka. Sebaliknya, pihak Indonesia mencadangkan cuma satu pusat pemeriksaan sahaja, iaitu di Pontianak Kalimantan, kira-kira 100 batu dari sempadan Malaysia.[119] Indonesia mahukan pengunduran tentera dibuat secara sulit. Akhirnya, kedua-dua pihak mencapai persetujuan tentang pusat pemeriksaan yang dicadangkan oleh Thailand, iaitu dua pusat pemeriksaan; satu di sempadan Sarawak dengan Indonesia dan satu lagi di sempadan Sabah dengan Indonesia.[120] Pengunduran tentera akan diawasi oleh pihak Thai.

Seterusnya, pada 12 Jun 1964, Tun Abdul Razak dan rombongan Malaysia berangkat ke Tokyo untuk menghadiri sidang kemuncak. Rombongan Indonesia tiba di Tokyo lebih awal dan Sukarno sampai di Tokyo pada 8 Jun 1964. Tunku Abdul Rahman tidak ikut bersama dengan rombongan Malaysia kerana beliau sudah bosan dengan janji-janji palsu yang dibuat oleh pihak Indonesia. Oleh itu, beliau pergi ke Tokyo pada 14 Jun, iaitu dua hari selepas rombongan Malaysia berangkat.[121] Rombongan Malaysia tidak menaruh harapan yang tinggi kerana mereka menganggap bahawa Persidangan Tokyo cuma merupakan propaganda Indonesia untuk menggambarkan kepada dunia bahawa negara itu inginkan perdamaian.[122]

---

118 *Straits Times*, 9 Mei 1964. Lihat juga *KCA*, 18–25 Mei 1964, hlm. 20182.

119 *Straits Times*, 10 Jun 1964.

120 *Ibid.*, hlm. 322. Lihat juga Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 232.

121 Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 134.

122 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 322. Lihat juga *Malay Mail*, 14 Jun 1964 dan *Parliamentary Debates*, 6 Julai 1964, lajur 638–648. Menurut Frances L. Starner, Malaysia menghadiri persidangan di Tokyo kerana dua faktor: pertama, Filipina membuat usaha untuk persidangan; dan kedua, untuk mengikis pandangan bahawa Malaysia negara yang tidak suka menyesuaikan diri dan mendapatkan pandangan yang baik dari negara-negara Afro-Asia. Lihat Frances L. Sterner 1965. "Malaysia's First Year", *Asia Survey*, Jil. 5, No. 2, Februari, hlm. 115.

Sementara itu, pada 15 Jun 1964, Malaysia dan Indonesia bersetuju dengan isu pengunduran dan pusat pemeriksaan yang dicadangkan oleh Thailand. Malaysia dan Indonesia memilih lokasi pusat pemeriksaan.[123] Pada 18 Jun 1964, pemerhati-pemerhati Thai telah mengesahkan seramai 32 orang gerila Indonesia menyeberang keluar dari wilayah Malaysia di Tebedu, Sarawak, dan pihak Thai melaporkan bahawa pengunduran tentera telah bermula.[124] Pada masa yang sama, Menteri-Menteri Luar Malaysia, Indonesia dan Filipina memulakan mesyuarat mereka untuk menyediakan agenda bagi persidangan kemuncak.[125]

Pada 21 Jun 1964, Tunku Abdul Rahman, Sukarno, dan Macapagal memulakan sidang kemuncak. Dalam persidangan itu, Sukarno secara terus terang mengisytiharkan bahawa beliau tidak dapat menerima Malaysia kerana persekutuan itu ditubuhkan tidak berdasarkan Perjanjian Manila.[126] Perang mulut antara Tunku Abdul Rahman dengan Sukarno bermula dan akhirnya Persidangan Kemuncak Tokyo gagal menghasilkan sebarang persetujuan. Menurut Mezerik, sidang kemuncak itu juga gagal kerana Malaysia meminta semua gerila Indonesia berundur dalam tempoh empat minggu. Permintaan ini ditolak oleh Jakarta.[127]

Bagi mengatasi perselisihan ini, Presiden Macapagal yang berfungsi sebagai pendamai dalam sidang itu mencadangkan "Suruhanjaya Pendamai Afro-Asia".[128] Sukarno bersetuju dengan cadangan baru ini tetapi Tunku Abdul Rahman cuma menerima pada dasarnya sahaja.[129] Usaha untuk mengadakan Suruhanjaya Pendamai Afro-Asia ini telah luput apabila Indonesia memperkuatkan konfrontasinya terhadap Malaysia.

Kegagalan Persidangan Tokyo dengan sendirinya membatalkan pengunduran tentera Indonesia. Dasar Konfrontasi diteruskan dan Indonesia menyatakan pihaknya bebas melaksanakan dasar Konfrontasinya untuk menghancurkan Malaysia.[130] Kegagalan sidang kemuncak di Tok-

---

123 *Malay Mail*, 14 Jun 1964.

124 Pihak Malaysia mendakwa 32 orang gerila kelihatan cuma berada dalam hutan selama 24 jam sebelum berundur balik ke Malaysia. Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 233 dan Hyde, *Confrontation in the East*, hlm. 82–83.

125 *Malay Mail*, 18 Jun 1964 dan Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 90.

126 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 233; Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 220 dan *Straits Times*, 22 Jun 1964.

127 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 46.

128 Lihat *The Tokyo Summit Communique* dalam Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 115.

129 *Asian Recorder*, 15–21 Julai 1964, hlm. 5931.

130 *Berita Harian*, 25 Jun 1964.

yo pada pandangan Malaysia tidak merugikan kerana menurut Tunku Abdul Rahman:

> "Kita telah menunjukkan kepada dunia bahawa kita telah berusaha sedaya upaya untuk menjamin keamanan dalam wilayah-wilayah kita. Dengan memberi persetujuan hendak mengundurkan tentera dan gerila dari Sabah dan Sarawak, Indonesia telah mengakui tentera dan gerilanya tidak berhak berada di negeri orang lain."[131]

Kegagalan di Tokyo merupakan satu kemenangan moral yang besar kepada Malaysia yang memperlihatkan kepada dunia kedudukan Malaysia dalam menghadapi Konfrontasi Indonesia. Tunku Abdul Rahman menganggap kegagalan tersebut sebagai satu amaran kepada dunia bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai jiran yang tidak menghormati hak-hak kemanusiaan.[132] Selepas pulang dari Tokyo, Tunku Abdul Rahman juga memberi amaran kepada rakyat Malaysia untuk bersedia menghadapi tindakan yang buruk dari Indonesia.[133] Oleh yang demikian, kegagalan rundingan damai telah menguatkan lagi konflik antara Malaysia dengan Indonesia.

Peluasan Konflik Ketenteraan dan Perbahasan Kes Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Kegagalan sidang kemuncak di Tokyo menunjukkan sikap Indonesia yang tidak mahu mengiktiraf kewujudan Malaysia dan terus ingin menghancurkan Malaysia. Indonesia mula memperhebatkan lagi Konfrontasi ketenteraannya terhadap Malaysia. Pada masa yang sama, iaitu antara 22 Jun 1964 hingga 2 Julai 1964, Anastas Mikoyan, Timbalan Perdana Menteri Soviet Union melawat Jakarta untuk membincangkan bantuan ketenteraan Soviet Union kepada Indonesia. Lawatan ini telah memberi sokongan moral dan ketenteraan kepada Indonesia untuk memperkuatkan lagi Konfrontasinya terhadap Malaysia.[134] Di samping Soviet Union,

---

131 *Ibid.*, 22 Jun 1964.

132 *Ibid.*, 23 Jun 1964.

133 *KCA*, 18–25 Julai 1964, hlm. 20183.

134 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 48 dan 90. Akan tetapi sokongan Soviet Union kepada Indonesia dalam krisis Malaysia adalah tidak sehebat dengan sokongan yang diberikan kepada negara itu dalam krisis tuntutan Irian Barat dari Belanda. Ini kerana Soviet Union tidak berpuas hati dengan hubungan Indonesia-RRC. Lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 495, dan Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 59–62.

Indonesia juga memperoleh bantuan ketenteraan daripada rakan utamanya, RRC yang menyokong kuat Konfrontasi Indonesia menentang Malaysia.[135]

Sementara itu, Malaysia membuat persediaan untuk menghadapi Konfrontasi Indonesia selepas kegagalan Persidangan Tokyo. Pada 30 Jun 1964, Majlis Pertahanan Malaysia memutuskan penubuhan *Vigilance Corps* untuk menghadapi aktiviti sabotaj Indonesia.[136]

Selepas kegagalan sidang kemuncak Tokyo, Indonesia menguatkan lagi pencerobohan di Borneo. Menurut Mejar Jeneral W.C. Walter, Pengarah Operasi di Borneo, sejak persidangan tersebut pihak Indonesia menghantar lebih ramai tentera biasa untuk memasuki wilayah Malaysia.[137] Pada masa yang sama, Indonesia telah memperluaskan pencerobohan dari Borneo ke Tanah Melayu. Di samping itu, aktiviti perlanunan oleh bot-bot peronda Indonesia bertambah rancak di perairan Malaysia.[138] Dari bulan Jun 1964 hingga akhir tahun tersebut, kira-kira 70 kes dilaporkan. Kebanyakan mangsa bot peronda Indonesia ialah nelayan dan peniaga pesisiran pantai.[139]

Sebagai tanda peluasan konfrontasi dari Borneo ke Tanah Melayu, pada 17 Ogos 1964, Indonesia mendaratkan tenteranya di Pontian, Johor melalui laut. Pada hari tersebut juga, wakil Malaysia di PBB, R. Ramani, melaporkan pendaratan tersebut kepada Majlis Keselamatan PBB.[140] Pada hari berikutnya, jurucakap Kementerian Luar Indonesia mendakwa bahawa mereka tidak mengetahui sebarang maklumat tentang pendaratan tersebut.

Pada 2 September 1964, pendaratan kedua berlaku berhampiran Labis, Johor.[141] Tujuan Indonesia membuat pendaratan kedua adalah

---

135 *Asian Recorder*, 5–11 Februari 1965, hlm. 6286.

136 *Ibid.*, 12–18 Ogos 1964, hlm. 5982.

137 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 90.

138 *Asian Recorder*, 19–25 Ogos 1964, hlm. 6000. Lihat juga Harvey Stockwin, "Pointless Attack" dalam *FEER*, Jil. XLVI, No. 7, November 1964, hlm. 338, untuk mengetahui keterangan tentang kegiatan bot peronda marin Indonesia.

139 Gangguan bot peronda Indonesia berlaku sejak masalah PRRI muncul dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Lihat bab dua untuk keterangan lanjut.

140 Lihat *Communication with the Security Council on Indonesian Aggression*, 11 Ogos–28 Mei 1965. Kuala Lumpur: Government Press, 1965, hlm. 3.

141 Lihat surat daripada Wakil Tetap Malaysia di PBB, Dato' Ong Yoke Lin, kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB bertarikh 3 September 1964 dalam *Indonesian Aggression*, hlm. 4. Untuk butir lanjut tentang pencerobohan Indonesia di Borneo dan Tanah Melayu, sila lihat lampiran-lampiran dalam *Indonesian Aggression*.

untuk mendirikan sebuah kem latihan di hutan Malaysia bagi mengerah dan melatih pengkhianat tempatan.[142] Tetapi pendaratan ini juga gagal kerana pasukan keselamatan Malaysia dengan kerjasama penduduk tempatan telah bertindak dengan cepat untuk menangkap mereka. Jakarta sekali lagi menafikan berita pendaratan tenteranya di Labis dan mendakwanya sebagai propaganda kerajaan Malaysia untuk memburukkan imej Indonesia.[143] Oleh sebab pencerobohan Indonesia semakin bertambah, maka pada 3 September 1964, kerajaan Malaysia mengisytiharkan Darurat dalam negeri dan telah meminta Majlis Keselamatan PBB mengadakan sidang segera untuk mengambil tindakan terhadap Indonesia.[144] Majlis Keselamatan PBB bersidang antara 9 hingga 17 September 1964 untuk meneliti pengaduan Malaysia berdasarkan Perkara VII, Artikel 39, dalam Piagam PBB terhadap penyerbuan Indonesia.[145] Ketua Perwakilan Malaysia ke PBB, Dato' Dr. Ismail mengumumkan Malaysia membawa kes pencerobohan Indonesia ke PBB kerana pencerobohan negara itu semakin bertambah.[146]

Dalam perbahasan pada 9 hingga 17 September 1964, perwakilan Malaysia telah menerangkan secara panjang lebar tentang pencerobohan Indonesia di wilayah Malaysia, khasnya pendaratan tentera Indonesia di Labis pada 2 September 1964.[147] Pada mulanya, pihak Indonesia menafikan tuduhan Malaysia tetapi selepas Malaysia membawa bukti-bukti pencerobohan Indonesia seperti senjata, dokumen, dan juga pakaian seragam pencerobоh Indonesia, maka akhirnya pihak Indonesia mengakui pencerobohannya.[148]

Bagi menyelesaikan persengketaan antara Malaysia dengan Indonesia tentang pencerobohan Indonesia di Labis, Norway telah mencadangkan satu resolusi yang mengutarakan:

"Requests the parties concerned to make every effort to avoid the

---

142 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 261, dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 236.

143 *Asian Recorder*, 30 September–6 Oktober 1964, hlm. 6072.

144 *Straits Times*, 4 September 1964.

145 Lihat *Malay Mail*, 4 September 1964.

146 Dokumen Malaysia 1964. *Let The World Judge*. Kuala Lumpur: Department of Information, hlm. 25.

147 Untuk mengetahui butir lanjut perbahasan di Majlis Keselamatan PBB, sila rujuk *Malaysia's Case in the United Nations Security Council*. Kuala Lumpur: Government Printer, 1964.

148 Untuk keterangan lanjut, lihat *Malaysia's Case in the United Nations*.

> recurrence of such incidents. Calls upon the parties to refrain from all threat or use of force and to respect the territorial integrity and political independence of each other, and thus to create a conducive atmosphere the continuation of their talks."[149]

Resolusi Norway ini disambut baik oleh pihak Malaysia tetapi Indonesia enggan menerimanya. Apabila pengundian diadakan pada 17 September 1964 terhadap resolusi Norway itu, Soviet Union dan Czechoslovakia telah mengundi menentang resolusi tersebut manakala sembilan lagi ahli Majlis Keselamatan mengundi menyokongnya.[150] Walau bagaimanapun, Soviet Union menggunakan kuasa vetonya untuk membatalkan resolusi itu bagi menyelamatkan maruah Indonesia di kalangan masyarakat antarabangsa.[151]

Namun begitu, penggunaan kuasa veto oleh Soviet Union terhadap resolusi Norway merupakan satu kemenangan kepada pihak Malaysia kerana berjaya mendedahkan pencerobohan Indonesia kepada dunia. Sementara itu, keputusan pengundian di Majlis Keselamatan telah mengecewakan pihak Indonesia.

Kegagalan di PBB telah menguatkan lagi pencerobohan Indonesia ke wilayah Malaysia. Kini Indonesia telah menambahkan pendaratan tenteranya di Tanah Melayu di samping menguatkan pencerobohannya di Borneo. Walau bagaimanapun, usaha pihak Indonesia mendarat di Tanah Melayu sering mengalami kegagalan kerana kapal-kapal perang British, Australia dan Malaysia di Selat Melaka sering membuat rondaan.[152] Selain pendaratan di Tanah Melayu, Indonesia menguatkan serangan gerilanya di Borneo. Semua kejadian ini dilaporkan kepada Majlis Keselamatan PBB oleh wakil tetap Malaysia di PBB.[153] Sepanjang

---

149 Lihat "Resolution Introduced By Norway" and "VOTE", Security Council 17 September 1964, dalam Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 116.

150 Negara-negara yang mengundi menyokong resolusi itu ialah Bolivia, Brazil, Republik China (Farmosa), Perancis, Ivory Coast, Moroko, Norway, United Kingdom dan Amerika Syarikat. *Malaysia's Case in the United Nations*, hlm. 80. Lihat juga Stockwin, "What Now?", hlm. 6; Harvey Stockwin, "9–2 Against", *FEER*, Jil. XLVI, No. 3, 16 Oktober 1964, hlm. 131 dan Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 116.

151 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 267.

152 *KCA*, 20–27 Februari 1965, hlm. 20592. Walau bagaimanapun, antara 7– 28 Januari 1965, Indonesia menghantar tenteranya menyusup ke Tanah Melayu. Lihat *Indonesian Aggression*, hlm. 27.

153 Sila lihat surat akuan yang dibuat oleh Wakil Tetap Malaysia di PBB kepada Majlis Keselamatan dalam *Malaysia Aggression*, hlm. 5–29.

tahun 1964, dilaporkan berlaku 200 kejadian pencerobohan Indonesia yang mengakibatkan lebih 100 tentera Malaysia termasuk tentera Komanwel mati serta cedera dan lebih 500 orang tentera atau gerila Indonesia terkorban atau cedera.[154]

Sedang konflik ketenteraan berterusan antara kedua-dua negara, satu lagi konflik baru meletus antara Malaysia dengan Indonesia di PBB. Hal ini berpunca daripada pelantikan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB untuk tempoh selama satu tahun. Pada tahun 1963, Malaysia dan Czechoslovakia telah berkompromi untuk membahagikan tempoh anggota tidak tetap Majlis Keselamatan tanpa bertanding. Dengan kompromi itu, Czechoslovakia menduduki kerusi Majlis Keselamatan pada tahun pertama (1964) dan Malaysia pula menduduki pada tahun berikutnya (1965).[155]

Pelantikan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan ditentang oleh Indonesia. Pada 31 Disember 1964, Sukarno telah mengisytiharkan bahawa Indonesia akan mengundur diri daripada PBB jika Malaysia menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB.[156] Menurut Sukarno:

> "We cannot bear the fact that Malaysia was elected a non-permanent member of United Nations Security Council. We cannot remain an idle spectator to the fact Malaysia, which, as far as we are concerned, does not exist, sits in the United Nations Security Council."[157]

Pada 21 Januari 1964, kerajaan Indonesia menghantar surat kepada Setiausaha Agung PBB yang mengatakan bahawa Indonesia dengan rasminya keluar daripada PBB.[158]

Tindakan Indonesia itu bukan sahaja kerana tidak mahu Malaysia

---

154 *KCA*, 20–27 Februari 1965, hlm. 20594.

155 Lihat, Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 238; Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 71; dan L.C. Green 1965. "Indonesia, The United Nations and Malaysia", *Journal of Southeast Asia History*. Jil. 6, No. 2, hlm. 83. Kompromi antara Malaysia dengan Czechoslovakia telah dipersetujui oleh PBB pada sesi ke-19 apabila pengundian diadakan untuk memilih anggota-anggota tidak rasmi Majlis Keselamatan. Lihat *KCA*, 6–13 Februari 1965, hlm. 20576.

156 Lihat "Withdrawal From UN, Indonesia Statements, as Reported in *Antara*, 5, 6, 11 Januari 1965" dalam Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 118. Lihat juga *KCA*, 6–13 Februari 1965, hlm. 20576.

157 B.D. Arora 1978. "India, Indonesia, and the Emergence of Malaysia", *International Studies*. Vikas Press, House Pvt. Ltd., hlm. 585.

158 *Asian Recorder*, 5–11 Februari 1965, hlm. 6286.

menduduki kerusi Majlis Keselamatan tetapi juga kerana kecewa dengan kehilangan sokongan di PBB, khasnya daripada negara-negara Afro-Asia. Di samping itu, pengunduran daripada PBB dikaitkan dengan perkembangan pengaruh PKI dalam kabinet Sukarno. Menurut Mackie, pengunduran Indonesia mungkin ada kaitannya dengan tekanan daripada RRC untuk berbuat demikian.[159] Pengunduran Indonesia telah merapatkan hubungan Indonesia dengan RRC kerana RRC sahaja mengalu-alukan tindakan Indonesia itu. Pada 28 Januari, RRC meluluskan pinjaman sebanyak AS$100 juta kepada Indonesia, termasuk AS$10 juta dalam bentuk wang tunai.[160] Hubungan yang rapat antara RRC-Indonesia telah membahayakan lagi kedudukan Malaysia kerana RRC memberi sokongan penuh kepada Indonesia untuk meneruskan Konfrontasi terhadap Malaysia.[161]

Perkembangan konfrontasi ketenteraan Indonesia dari Borneo ke Semenanjung Malaysia telah menguatkan lagi konflik antara kedua-dua negara. Pencerobohan baru di Semenanjung telah menyebabkan kerajaan Malaysia meminta Majlis Keselamatan PBB mengadakan sidang khas bagi mengambil tindakan. Dalam perbahasan di Majlis Keselamatan, pencerobohan Indonesia didedahkan dan diakui oleh perwakilan Indonesia. Soviet Union terpaksa menggunakan kuasa veto untuk menyelamatkan maruah Indonesia kerana Indonesia merupakan negara prokomunis. Tema konflik dan komunisme jelas apabila Malaysia dilantik sebagai anggota tidak rasmi Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965. Indonesia menentang perlantikan tersebut kerana baginya Malaysia tidak wujud. Oleh sebab PBB tidak menghiraukan bantahan Indonesia, maka Indonesia telah keluar daripada PBB. Pengunduran ini juga berpunca desakan PKI dan RRC untuk berbuat demikian. Pengunduran daripada PBB telah memperkuatkan lagi hubungan Indonesia dengan RRC dan keadaan ini mengancam Malaysia. RRC dan Indonesia terus menentang Malaysia dalam persidangan-persidangan Afro-Asia.

Konfrontasi dan Diplomasi Afro-Asia

Selain Konfrontasi ketenteraan dan ekonomi, Indonesia juga melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia dalam bidang diplomatik. Sebenar-

159 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 240.
160 Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 94.
161 *KCA*, 6–13 Februari 1965, hlm. 20576.

nya, Konfrontasi diplomatik Indonesia terhadap Malaysia bermula lebih awal daripada Konfrontasi ketenteraan dan ekonomi. Sejak Persidangan Afro-Asia di Moshi, Tanzania, pada bulan Februari 1963, Indonesia telah melobi menentang penubuhan Malaysia sebagai neokolonialisme yang ditaja oleh British. Dalam persidangan itu, Indonesia dan RRC berjaya menghalang kehadiran wakil-wakil Malaysia.[162]

Selepas Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963, Indonesia memperkuatkan Konfrontasi diplomatik anti-Malaysia dengan cara yang meluas di kalangan negara-negara Afro-Asia. Indonesia mempunyai kelebihan untuk menjalankan propaganda anti-Malaysia kerana negara itu mempunyai rangkaian diplomatik yang luas berbanding dengan Malaysia.[163] Dengan rangkaian diplomatik yang luas, Indonesia berjaya mempengaruhi negara-negara Afro-Asia bahawa Malaysia adalah ciptaan neokolonialisme dan berusaha memencilkan Malaysia daripada masyarakat antarabangsa.

Tunku Abdul Rahman memandang berat ancaman Konfrontasi Indonesia ini. Dalam menghadapi ancaman propaganda Indonesia, beliau telah mengambil keputusan untuk menghantar rombongan peringkat tertinggi ke luar negeri, khasnya ke negara-negara Afro-Asia. Pada 21 Januari 1964, di bawah arahan Tunku Abdul Rahman, satu rombongan dari Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, telah mengadakan lawatan ke negara-negara di benua Afrika selama seminggu.[164] Rombongan itu melawat Mesir, Tunisia, Moroko, Algeria, Mali, Ivory Coast, Ghana, Nigeria, Tanzania dan Kenya. Tujuan rombongan ini ialah untuk memberi *counter attack* terhadap propaganda Indonesia dan mereka berjaya dalam tugas itu.[165]

Sekali lagi Tunku Abdul Rahman menghantar rombongan ke benua Afrika pada 13 November 1964 untuk mendapatkan sokongan negara-negara Afro-Asia. Pada kali ini Tun Abdul Razak mengetuai rombongan tersebut.[166] Tunku Abdul Rahman menghantar rombongan ini ke Afrika kerana ingin mendapatkan tempat dalam persidangan Afro-Asia yang

---

162 Untuk keterangan lanjut sila lihat Bab 3.

163 Indonesia mempunyai pejabat diplomatiknya di seluruh dunia termasuk di blok Barat, blok Timur di Amerika Latin dan juga Afrika. Malaysia cuma mempunyai pejabat diplomatik di negara-negara Komanwel dan Amerika Syarikat.

164 *Ibid.*, 21 Januari 1964; dan lihat juga Antony Oei 1964. "Off to Afrika", *FEER*, Jil. XLII, No. 6, 6 Februari, hlm. 294–295.

165 *Berita Harian*, 28 Februari 1964.

166 *Asian Recorder*, 8–14 Januari 1965, hlm. 6241.

akan diadakan di Algeria pada bulan Jun 1965. Malaysia perlu menghadiri persidangan di Algeria kerana sebelum ini iaitu pada bulan Oktober 1964, Indonesia telah mengadakan kempen anti-Malaysia dalam Persidangan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM) di Kaherah.[167] Bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang di persidangan kemuncak Afro-Asia yang kedua, yang akan diadakan di Algeria, Tunku Abdul Rahman menghantar rombongan yang diketuai oleh Tun Abdul Razak ke benua Afrika. Tun Abdul Razak mengunjungi Mesir, Algeria, Moroko dan Tunisia. Semasa lawatannya, negara-negara tersebut telah memberi sokongan mereka kepada Malaysia. Algeria pula menyokong Malaysia menghadiri persidangan Afro-Asia pada bulan Jun 1965 dan berminat untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia.[168] Sebagai tindak balas terhadap lawatan Tun Abdul Razak ke benua Afrika, pada bulan Februari 1965, Indonesia telah menghantar satu rombongan yang diketuai oleh Ali Sastroamidjojo, bekas Perdana Menteri (1955) ke Timur Tengah untuk meyakinkan negara-negara di sana terhadap pendiriannya menentang Malaysia.[169] Bagi menguatkan lagi sokongan negara-negara Afrika terhadap Malaysia, pada bulan Mac 1965, sekali lagi Tun Abdul Razak melawat benua Afrika. Beliau telah mendapat sokongan negara-negara tersebut untuk menghadiri Persidangan Afro-Asia yang akan diadakan pada bulan Jun 1965. Di samping itu, beliau turut menerangkan tentang pencerobohan Indonesia terhadap Malaysia.[170]

Semasa kedua-dua negara itu bersaing melawat negara-negara Afro-Asia, pada bulan April 1964, Indonesia mengadakan satu mesyuarat Afro-Asia sebagai persediaan bagi Persidangan Kemuncak Afro-Asia yang kedua.[171] Dalam mesyuarat itu wakil dari India mencadangkan bahawa Malaysia dan Soviet Union harus dijemput ke persidangan tersebut. Cadangan India ini ditentang oleh RRC dan Indonesia dengan alasan Soviet Union merupakan sebuah negara Eropah dan Malaysia

---

167 Lihat Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 70. Persidangan tersebut diadakan antara 5–11 Oktober 1964 dan dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan dari 47 buah negara. Lihat Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, hlm. 93.

168 *Berita Harian*, 28 November 1964.

169 *Ibid.*, 25 Februari 1965. Lihat juga Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, hlm. 502.

170 *Berita Harian*, 29 Mac, 2 dan 3 April 1965. Lihat juga *Asian Recorder*, 28 Mei–3 Jun 1965, hlm. 6477.

171 *KCA*, 25 September – 2 Oktober 1965, hlm. 20983.

sebagai neokolonialisme.[172] Kerjasama Indonesia-RRC menghalang Malaysia dan Soviet Union dijemput ke Afro-Asia menunjukkan bahawa Indonesia semakin condong ke arah komunis. Tunku Abdul Rahman pula berpendapat bahawa Malaysia berhak untuk menghadiri Persidangan Afro-Asia di Algeria pada tahun 1965. Menurut beliau:

> "Afro Asian countries must stand by Malaysia. There is no need for us to go down on our knees and humble ourselves before the communists and their stooges, in order to seek admission to this conference ... The world cannot go on humouring a mad man like Sukarno."[173]

Berikutnya, pada bulan Mac 1965, Indonesia telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan Islam Afro-Asia dan tidak membenarkan Malaysia menghantar perwakilannya.[174] Dalam persidangan itu, Indonesia dan RRC telah menyebarkan propaganda anti-Malaysia tetapi gagal kerana negara-negara Afro-Asia yang menghadiri persidangan itu telah menolak draf resolusi Indonesia yang mendakwa Malaysia sebagai boneka British. Kegagalan resolusi Indonesia dan RRC telah menunjukkan bahawa negara-negara Afro-Asia tidak lagi percaya kepada propaganda Indonesia yang selama ini mendakwa Malaysia sebagai neokolonialisme. Jadi, ternyata bahawa Indonesia telah gagal dalam usahanya menghantar utusan ke Afro-Asia bagi menerangkan bahawa Indonesia menyokong rakyat Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak memperoleh kemerdekaan berdasarkan prinsip Persidangan Bandung.[175] Sebaliknya, Persidangan Islam Afro-Asia memberi satu kemenangan moral kepada Malaysia kerana mendapat sokongan negara-negara itu walaupun Malaysia tidak dibenarkan menghadiri persidangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa rombongan Malaysia ke Afro-Asia bukan sahaja berjaya mengikis propaganda Indonesia tetapi memperoleh simpati dan sokongan daripada negara-negara itu.

Dari 17 hingga 19 April 1965, Indonesia merayakan perayaan ulang tahun ke-10 Persidangan Bandung dengan menjemput 37 negara Afro-Asia. Pada masa ini, Sukarno telah mengisytiharkan Konfrontasi Indo-

---

172 Guy J. Parker 1965. "The Rise and Fall of Afro-Asian Solidarity", *Asian Survey*, Jil. 9, No. 5, Disember, hlm. 427. Menurut Mackie, India berminat menjemput Soviet Union menyertai kumpulan Afro-Asia kerana ingin mengimbangi pengaruh RRC. Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 290.

173 Stockwin, "9–2 Against", hlm. 132.

174 *KCA*, 25 September – 2 Oktober 1965, hlm. 20983.

175 Lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesia's Foreign Policy*, hlm. 500.

nesia terhadap Malaysia akan berjaya dan mencabar pihak imperialis untuk menghadapi Afro-Asia. Kebanyakan negara Afro-Asia tidak tertarik dengan pendirian Indonesia yang menggambarkan Malaysia sebagai neokolonialisme dan desakan Sukarno yang menolak kewujudan Malaysia. Negara-negara Afro-Asia berpendapat semangat Persidangan Bandung tidak harus digunakan sebagai satu kewajipan mereka untuk mengutuk Malaysia. Kebanyakan negara Afro-Asia yang menghadiri perayaan ulang tahun tersebut, enggan menerima dakwaan Indonesia bahawa Malaysia merupakan *manifestation of neo-colonialism.*[176] Menurut Michael Leifer, pengarang buku *Indonesia Foreign Policy*, dan pengkaji politik Asia Tenggara yang terkenal:

> "Indeed, instead of Indonesia being able to promote the international isolation of the federation, it was itself placed in such a position."[177]

Sementara itu, persidangan kemuncak Afro-Asia yang kedua tidak dapat diadakan di Algeria seperti yang dijadualkan kerana menjelang 19 Jun 1965, satu rampasan kuasa berlaku di Algeria, tempat Presiden Ben Bella digulingkan oleh Kolonel Houari Boumedienne. Rampasan kuasa itu telah menghalang hasrat Indonesia untuk menentang habis-habisan penubuhan Malaysia. Kalau persidangan tersebut diadakan seperti yang dijadualkan, Malaysia mungkin dijemput ke persidangan tersebut kerana pemerhati politik berpendapat negara-negara Afro-Asia tidak lagi terpengaruh dengan propaganda Indonesia.[178] Pada bulan November 1964, Presiden Ben Bella secara peribadi pernah berkata kepada Tun Abdul Razak bahawa pihaknya akan berusaha untuk membolehkan Malaysia turut menghadiri persidangan kemuncak Afro-Asia yang kedua.[179]

Dalam Konfrontasi diplomatik, ternyata bahawa tema konflik dan komunisme wujud dengan ketara sekali. Malaysia dan Indonesia telah bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan sokongan negara-negara Afro-Asia terhadap pendirian masing-masing. Indonesia berkempen di negara-negara Afro-Asia bahawa Malaysia ialah satu projek

---

176 Leifer 1983. *Indonesian Foreign Policy*. London: George Allen & Unwin, hlm. 104, dan lihat juga Parker, "Afro-Asian Solidarity", hlm. 427.

177 Leifer, *Indonesian Foreign Policy*, hlm. 104.

178 Dipetik oleh Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 289 dan T.B. Miller dan J.D.B. Miller, *Afro-Asia Disunity*, Algiers, 1965; *Australian Outlook*, Jil. XIX, No. 3, Disember 1965, hlm. 315.

179 Abdullah Ahmad, *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, hlm. 73.

neokolonialisme yang dibentuk bertentangan dengan prinsip Persidangan Bandung. Manakala Malaysia terpaksa mempertahankan kedudukannya daripada propaganda Indonesia di samping juga mendedahkan pencerobohan Indonesia yang mengancam keselamatan dan kedaulatan Malaysia. Usaha Indonesia mengecam Malaysia semakin lama semakin kurang mendapat sokongan daripada negara-negara Afro-Asia. Ini kerana Malaysia telah mengambil langkah-langkah, seperti menghantar rombongan diplomatik ke Afro-Asia, untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya.

Tema komunisme juga dapat dilihat dalam Konfrontasi diplomatik Indonesia terhadap Malaysia kerana hubungan rapat Indonesia-RRC menunjukkan bahawa negara itu semakin bergantung pada RRC untuk menentang Malaysia. Hubungan yang rapat antara RRC dan Indonesia telah menyebabkan Indonesia semakin terpencil daripada dunia Barat. Walau bagaimanapun, segala usaha Indonesia yang disokong kuat oleh RRC tidak berjaya menggugat Malaysia kerana Tunku Abdul Rahman telah mendapatkan pertahanan dari Britain dan beliau juga berjaya meyakinkan sebilangan besar negara Afro-Asia bahawa Malaysia bukan boneka seperti yang didakwa oleh Indonesia.

Peringkat Akhir Konfrontasi dan Hubungan Pulih

Semasa Konfrontasi masih berterusan, pihak Indonesia sekali lagi menunjukkan minat untuk mengadakan rundingan perdamaian yang baru.[180] Sewaktu berada di Bangkok pada akhir bulan Februari 1965, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio telah menyatakan hasrat negaranya untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia. Beliau mencadangkan kepada Menteri Luar Thailand, Thanat Koman, bahawa Indonesia ingin mengadakan rundingan pada peringkat menteri dan kemuncak. Beliau juga berjanji bahawa Indonesia akan memberhentikan semua aktiviti permusuhan terhadap Malaysia.[181] Thanat Khoman kemudiannya telah menghubungi kerajaan Malaysia dan menerangkan cadangan Indonesia. Tunku Abdul Rahman berkata bahawa beliau gembira dengan cadangan Indonesia dan mungkin akan bertemu dengan Sukarno tanpa syarat.[182]

---

180 *Malay Mail*, 27 Februari 1965.
181 *Straits Times*, 12 Mac 1965.
182 *Ibid.*, 2 Mac 1965.

Sementara itu, sumber-sumber yang boleh dipercayai mengatakan Presiden Sukarno pernah menghantar Brig. Jen. Sukendro ke Kuala Lumpur pada awal tahun 1965 untuk meninjau peluang bagi menyelesaikan Konfrontasi.[183] Memandangkan Sukarno telah mengambil inisiatif untuk berunding, maka Tunku Abdul Rahman menegaskan beliau sanggup bertemu dengan Sukarno di mana sahaja tanpa mengira masa.[184] Pada masa yang sama, Mohd. Ghazali Shafie telah mengkritik sikap para wakil Indonesia (khasnya Dr. Subandrio) yang tidak jujur dalam rundingan di Bangkok sebelum ini. Kritikan Mohd. Ghazali Shafie ini telah menyebabkan Presiden Sukarno enggan datang ke Bangkok untuk berunding dengan Tunku Abdul Rahman. Kerajaan Indonesia berpendapat ucapan Mohd. Ghazali telah menghina pihaknya.[185]

Kegagalan mengadakan rundingan baru di Bangkok tidak menghalang kerajaan Jepun untuk mengadakan satu lagi usaha perdamaian. Pada bulan April 1965, kerajaan Jepun menghantar Shojiro Kawashima, Naib Presiden Parti Liberal Demokratik sebagai wakil khas ke Malaysia dan Indonesia.[186] Beliau telah memujuk Tunku Abdul Rahman dan Sukarno untuk mengadakan rundingan di Tokyo pada bulan Mei 1965.[187] Sebelum itu, dalam ucapan Hari Raya Haji melalui siaran Radio Malaysia pada 11 April 1965, Tunku Abdul Rahman menuduh Indonesia berkonfrontasi dengan Malaysia kerana ditekan oleh pihak komunis. Menurut Tunku Abdul Rahman, pihak komunis telah mempengaruhi Presiden Sukarno untuk mengganyang Malaysia kerana Malaysia menentang ideologi mereka.[188] Ucapan Tunku Abdul Rahman telah menyinggung perasaan Presiden Sukarno. Oleh itu, Sukarno mengumumkan bahawa beliau tidak akan pergi ke Tokyo untuk bertemu dengan Tunku Abdul Rahman. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa Indonesia mempunyai satu matlamat iaitu mengganyang Malaysia. Persoalan untuk berunding cuma satu muslihat sahaja.[189]

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan kedua tahun 1965, dua perkara penting berlaku di Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia,

---

183 Lihat Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 4 dan juga *Straits Times*, 9 Mac 1965.

184 *Straits Times*, 7 Mac 1965.

185 *Ibid.*, 12 Mac 1965.

186 *Ibid.*, 20 April 1965 dan *Asian Recorder*, 20 Mei–3 Jun 1965, hlm. 6477.

187 *Asian Recorder*, 28 Mei–3 Jun 1965, hlm. 6477.

188 *Ibid.*

189 *Ibid.*

pada 9 Ogos 1965, Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat penuh[190] dan di Indonesia pula, berlaku rebutan kuasa pada 30 September 1965. Kedua-dua peristiwa ini mempunyai kesan yang besar dalam hubungan Malaysia-Indonesia.

Pemisahan Singapura dari Malaysia dilihat oleh Indonesia sebagai kejayaan Konfrontasinya. Pada 9 Ogos 1965, Dr. Subandrio mengumumkan bahawa negaranya sedia mengiktiraf kemerdekaan Singapura dan menawarkan hubungan diplomatik dengannya.[191] Di samping itu, Singapura menunjukkan minatnya untuk memperbaiki hubungannya dengan Indonesia. Malaysia telah membantah sikap Singapura yang mahu mengadakan hubungan dengan Indonesia. Tunku Abdul Rahman berkata bahawa mengizinkan Singapura berdagang dengan Indonesia bermakna "to support a country determined to crush us right to our door step".[192]

Sementara itu, satu pergolakan politik berlaku di Indonesia pada malam 30 September 1965. Sekumpulan anggota tentera yang prokomunis bersama-sama Pemuda Rakyat (Pergerakan Pemuda PKI) dan GERWANI (Pergerakan Wanita PKI) telah membunuh enam orang jeneral. Tindakan gerakan ini ditamatkan pada hari berikutnya selepas Mejar Jeneral Suharto, iaitu orang kanan Jeneral Nasution, mengarahkan tentera di bawah arahannya untuk bertindak balas. Jeneral Suharto berjaya mengawal keadaan di Jakarta. Leftenan Kolonel Untung (Komander Pegawal Istana) mengumumkan bahawa beliau telah mengetuai Gerakan September 30 (GESTAPU) itu. Alasan yang diberikan oleh beliau adalah Majlis Jeneral dengan kerjasama CIA telah merancang merampas kuasa daripada Presiden Sukarno.[193]

Menurut sumber-sumber rasmi, pihak komunis telah merancangkan GESTAPU. Pada bulan Ogos 1965, kesihatan Sukarno terjejas dan doktor (dari RRC) yang memeriksa beliau memberitahu Pengerusi PKI bahawa Sukarno tidak akan hidup lama. Oleh itu, D.N. Aidit, Pengerusi

---

190 Untuk mendapat gambaran lengkap tentang isu pemisahan Singapura, sila rujuk Nancy Mc. Henry Fletcher 1969. *The Separation of Singapore from Malaysia.* New York: Cornell University Press.

191 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 297 dan *Asian Recorder*, 3–9 September 1966, hlm. 6049.

192 *Straits Times*, 15 Ogos 1965.

193 Untuk keterangan lanjut, sila lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 308–11; Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 293; *KCA*, 30 Okt – 6 Nov 1965, hlm. 21039; dan *Asian Recorder*, 19–25 November 1965, hlm. 6783–6784 dan J.D. Legge 1972. *Sukarno: A Political Biography.* New York: Praeger Publisher, hlm. 386–387.

PKI, telah bersiap sedia untuk merampas kuasa dengan menggunakan Leftenan Kolonel Untung yang mempunyai hubungan dengan PKI.[194] Walau bagaimanapun, Mejar Jeneral Suharto telah berjaya mengawal keadaan dan ini diikuti dengan tunjuk perasaan antikomunis dan anti-RRC di Indonesia.[195] Pada bulan Oktober 1965 juga tentera memulakan kempen memburu pengganas komunis.[196]

Sementara itu, Presiden Sukarno dan Dr. Subandrio mengumumkan bahawa dasar Konfrontasi terhadap Malaysia akan diteruskan. Sukarno dan Dr. Subandrio telah menamakan semula KOTI sebagai Komando Ganyang Malaysia (KOGAM) dan mereka mengatakan Konfrontasi terhadap Malaysia akan dipercepatkan.[197] Keadaan dalam negeri Indonesia masih huru-hara akibat tunjuk perasaan antikomunis.

Akhirnya, Jeneral Suharto mengambil keputusan untuk mengambil tindakan bagi memulihkan keadaan. Pada 11 Mac 1966, beliau telah memaksa Sukarno menyerahkan kuasa eksekutif kepadanya untuk memastikan keadaan dalam negara stabil dan tenang. Sukarno tetap berfungsi sebagai Presiden Indonesia tetapi kuasa sebenar sudah diambil oleh Jeneral Suharto.[198]

Selepas Jeneral Suharto memperoleh kuasa daripada Presiden Sukarno, beliau telah mengharamkan PKI. Tindakan ini mendapat sambutan daripada para pelajar dan juga parti-parti politik utama kecuali PNI. Pada 18 Mac 1966, atas arahan Jeneral Suharto, Dr. Subandrio bersama-sama dengan 15 orang menteri lain dalam kabinet telah ditahan. Pada 24 Mac 1966, kabinet baru dibentuk dengan Adam Malik, sebagai Menteri Luar Negeri.[199] Dengan perubahan ini, bermulalah satu tahap baru dalam hubungan Indonesia dengan Malaysia kerana usaha pemulihan dimulakan oleh Jakarta selepas Adam Malik menjadi Menteri Luar Indonesia.

Usaha Pemulihan Hubungan Malaysia-Indonesia

Sebenarnya, usaha pemulihan hubungan antara kedua-dua negara de-

---

194 Lihat Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 310–311 dan Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, hlm. 291–293.

195 Lihat *Asian Recorder*, 29 Jan – 4 Feb 1966, hlm. 6905.

196 Menjelang bulan Januari 1966, tentera Indonesia telah membunuh kira-kira 200000 orang anggota komunis.

197 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 317.

198 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 317 dan *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1966, hlm. 7077. Sukarno telah menaikkan pangkat Suharto daripada Mejar Jeneral kepada Jeneral.

199 *Asian Recorder*, 14–20 Mei, hlm. 7077.

ngan menamatkan Konfrontasi telah bermula lebih awal daripada peristiwa GESTAPU. Pada bulan Ogos 1965, terdapat beberapa siri rundingan sulit antara pegawai-pegawai tentera Indonesia dengan pegawai-pegawai kerajaan Malaysia.[200] Menurut sumber-sumber yang dipercayai dari Malaysia, Indonesia dan Amerika Syarikat, pegawai-pegawai dari Komando Strategis Angkatan Darat (KOSTRAD) atas arahan Jeneral Suharto telah mengadakan hubungan sulit dengan pihak Malaysia.[201]

Rundingan-rundingan sulit ini diatur oleh Des Alwi, bekas pegawai tentera Indonesia yang juga merupakan pemimpin PRRI. Pegawai-pegawai tentera Indonesia dan pegawai-pegawai Malaysia telah mengadakan sekurang-kurangnya tujuh rundingan sulit di luar negeri.[202] Di samping itu, pegawai-pegawai tentera Indonesia termasuk Kolonel Ali Moertopo telah mengadakan lawatan sulit ke Kuala Lumpur. Mohd. Ghazali Shafie juga turut melawat Jakarta secara sulit dan berunding dengan pegawai-pegawai atasan tentera yang diketuai oleh Jeneral Nasution.[203] Semua rundingan berjalan dengan lancar kerana ada di kalangan pegawai-pegawai yang terlibat mempunyai hubungan kekeluargaan, misalnya isteri Mohd. Ghazali Shafie mempunyai hubungan persaudaraan dengan Jeneral Nasution. Mohd. Ghazali Shafie juga merupakan kawan rapat Kolonel Benny Moerdani.[204] Walau bagaimanapun, perjalanan rundingan sulit terbengkalai dengan berlakunya GESTAPU.

Peristiwa GESTAPU disambut baik oleh kerajaan Malaysia kerana memberi harapan bahawa pengaruh PKI dapat dihapuskan dan Konfrontasi ditamatkan. Pada 9 Januari 1966, Tunku Abdul Rahman berkata bahawa pihak Indonesia telah menghantar wakil pendamainya ke Kuala Lumpur untuk meninjau pendapat kerajaan Malaysia bagi menamatkan Konfrontasi.[205] Sementara itu, Presiden Sukarno telah menolak dakwaan Tunku Abdul Rahman tentang kehadiran wakil pendamai Indonesia di Kuala Lumpur. Menurut Sukarno, Indonesia akan meneruskan Konfron-

---

200 *Antara News*, 2 Ogos 1966.

201 Lihat Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 8 dan Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 350.

202 *Ibid.*

203 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 350.

204 *Ibid.*, dan Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 8.

205 *Asian Recorder*, 19–25 Februari 1965, hlm. 6933. Menurut Tunku Abdul Rahman, sejak bulan Oktober 1965, pihak tentera dan ahli-ahli politik Indonesia menghantar perwakilan mereka secara berasingan untuk mencari jalan bagi menamatkan konflik antara Malaysia dan Indonesia. Lihat *Antara News*, 10 Januari 1966.

tasi terhadap Malaysia yang merupakan neokolonialisme.[206]

Dr. Subandrio juga menafikan dakwaan Tunku Abdul Rahman. Menurut Dr. Subandrio, kegiatan wakil pendamai mungkin diusahakan oleh orang tengah yang ingin menikmati semula keuntungan daripada pemulihan perdagangan Indonesia-Malaysia. Dr. Subandrio juga mempelawa pemimpin-pemimpin Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura untuk berunding dengan Indonesia bagi menyelesaikan masalah yang timbul akibat penubuhan Malaysia kerana Malaysia tidak lagi wujud berikutan perpisahan Singapura.[207] Tunku Abdul Rahman telah membantah pelawaan Dr. Subandrio kerana jika Indonesia ingin berunding maka Jakarta harus berbuat demikian dengan kerajaan Pusat Malaysia dan bukan dengan pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak.[208]

Walau bagaimanapun, wujud tanda-tanda untuk memulihkan hubungan kedua-dua jiran selepas Jeneral Suharto berkuasa dan pelantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar Indonesia.[209] Pada 4 April 1966, Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia akan menilai semula dasar luarnya. Menyentuh tentang Konfrontasi, secara peribadi Adam Malik mengatakan beliau ingin melihat Konfrontasi ditamatkan secepat mungkin. Walaupun, secara rasmi Indonesia meneruskan Konfrontasi.[210] Sebaliknya, Tunku Abdul Rahman nampak hilang kesabarannya kerana tujuh bulan selepas GESTAPU, pihak Indonesia belum mengambil langkah untuk menamatkan Konfrontasi.

Pada masa yang sama, kerajaan baru di Indonesia mempunyai sebab-sebab yang penting mereka tidak dapat memulakan usaha pemulihan dengan segera seperti yang diharapkan oleh Tunku Abdul Rahman. Jeneral Suharto dan kabinet barunya sedar tentang sokongan yang diberikan oleh polis marin, tentera udara dan beberapa kumpulan dalam tentera kepada Presiden Sukarno. Di samping itu, Sukarno juga masih popular di Jawa Tengah dan Jawa Timur tempat separuh daripada penduduk Indonesia. Bagi mengelakkan perang saudara meletus di Indonesia, maka pemimpin-pemimpin baru telah berhati-hati dalam meng-

---

206 *Asian Recorder*, 19–26 Februari 1965, hlm. 6933.

207 Lihat Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 21.

208 *Ibid.*

209 Lihat Michael Leifer 1966. "Indonesia and Malaysia: The Changing Face of Confrontation", *World Today*. Jil. 22, No. 9, September, hlm. 397, dan *Malay Mail*, 22 Mac 1966.

210 Nicholas Turner, "Malik Manoeuvres", *FEER*, Jil. II, No. 4, April 1964, hlm. 177, dan *Antara News*, 2 Mei 1966.

ambil tindakan untuk menamatkan Konfrontasi.[211] Sebaliknya, pihak Malaysia berasa bimbang bahawa kelambatan pemulihan hubungan oleh rejim baru mungkin akan membolehkan Sukarno mendapat semula kuasa yang diserahkan kepada Suharto.[212] Pada pendapat Tunku Abdul Rahman, sejak rejim baru berkuasa, mereka tidak membuat pengumuman secara terbuka tentang pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia.

Sebagai langkah memulakan semula rundingan damai, pada akhir bulan April 1966, Adam Malik telah memberi ucapan yang menjelaskan bahawa Jakarta sentiasa menghormati hak kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara dan bahawa Indonesia adalah fleksibel dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang wujud.[213] Jeneral Suharto juga menekan kenyataan Menteri Luarnya dengan mengatakan Indonesia akan menerima Malaysia jika Persekutuan itu dapat membuktikan bahawa rakyat Sabah dan Sarawak benar-benar menginginkan Malaysia.[214] Pada 5 Mei 1966, Adam Malik mengisytiharkan Konfrontasi akan berakhir jika hak penentuan rakyat Sabah dan Sarawak dijamin dan pangkalan British di Asia Tenggara ditutup.[215] Malaysia juga bersetuju dengan tawaran Indonesia untuk mengadakan rundingan secara langsung tanpa menggunakan khidmat orang tengah.[216] Menyentuh tawaran yang dibuat oleh Indonesia, pada 18 Mei 1966, kabinet Malaysia memutuskan supaya mengadakan rundingan langsung dengan Indonesia pada peringkat Menteri Luar. Perkara yang sangat meyakinkan pihak Malaysia untuk berdamai adalah kenyataan Adam Malik tentang kewujudan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia.[217]

Sementara itu, Adam Malik mengumumkan bahawa pertemuannya dengan Tun Abdul Razak akan diadakan di Bangkok sebelum akhir bulan Mei 1966. Jeneral Nasution juga menegaskan isu Malaysia harus diselesaikan segera kerana Indonesia mahukan penyelesaian yang aman.[218] Pihak Indonesia mahu menyelesaikan masalah Konfrontasi pada peringkat Menteri Luar dan tidak mahu masalah itu dilanjutkan ke peringkat kemuncak kerana berasa bimbang Presiden Sukarno mungkin

211 Leifer, "The Changing Face of Confrontation", hlm. 396.
212 Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 354.
213 Ott, "The Sources and the Content of Malaysian Foreign Policy", hlm. 355.
214 Mackie, *Konfrontasi*, hlm. 319.
215 Leifer, "The Changing Face of Confrontation", hlm. 400.
216 *Asian Recorder*, 18–24 Jun 1966, hlm. 7144.
217 *Ibid.*
218 *Antara* (Cologne), 18 Mei 1966.

akan mengkhianati penyelesaian pada peringkat tersebut.[219]

Sebagai membuktikan kejujuran menginginkan perdamaian dan penamatan Konfrontasi, pada 27 Mei 1966, pihak Indonesia telah menghantar satu rombongan KOGAM yang diketuai oleh Omar Basri Sjaaf, Timbalan Ketua KOSTRAD, ke Kuala Lumpur. Rombongan ini menerangkan hasrat Jeneral Suharto untuk mengakhiri Konfrontasi dan hidup aman dengan Malaysia. Sjaaf menegaskan bahawa pihaknya ingin menyelesaikan Konfrontasi dengan segera.[220] Kehadiran rombongan muhibah tentera Indonesia adalah penting kerana meyakinkan pihak Malaysia bahawa pemimpin rejim baru, Jeneral Suharto, begitu berminat untuk menyelesaikan Konfrontasi.[221]

Selepas berunding dengan kabinet Malaysia, rombongan ini melawat Tunku Abdul Rahman di Alor Setar. Di sana, rombongan ini disambut dengan suasana yang penuh persaudaraan. Penduduk Alor Setar menyambut rombongan Indonesia dengan panji yang mengandungi kata-kata aluan, "Selamat datang rombongan sedarah sedaging dari Indonesia".[222] Tunku Abdul Rahman berpendapat lawatan rombongan Indonesia merupakan demonstrasi terbesar kerajaan Indonesia yang menunjukkan kejujuran Indonesia untuk menamatkan Konfrontasi.[223]

Sebagai langkah menghormati kewujudan Malaysia, kerajaan Indonesia mengarahkan akhbar-akhbar di Indonesia supaya menulis Malaysia tanpa menggunakan tanda petik (" ").[224] Sejak Konfrontasi bermula akhbar-akhbar Indonesia telah menulis Malaysia dengan menggunakan tanda pembuka kata. Pendek kata, walaupun lawatan rombongan muhibah tentera Indonesia cuma merupakan satu lawatan yang sangat singkat, tetapi kesannya dalam hubungan Malaysia-Indonesia adalah sangat mendalam kerana telah mewujudkan suasana persaudaraan. Lawatan rombongan itu juga mewujudkan suasana yang

---

219 Lihat Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 48.

220 Turut menyertai rombongan ini ialah Brig. Jen. Kemal Idris, Kolonel Ali Moertopo, Komodor Udara Susanto, Kolonel Tjokropranoto, Kolonel Yoga Soegone, Lt. Kolonel Soegeng Djarut, Atase Tentera di Bangkok, Lt. Herlina, pegawai wanita dalam KOSTRAD dan Trisula, setiausaha rombongan ini. Lihat *Antara News*, 28 Mei 1966.

221 Lihat *Asian Recorder*, 2–8 Julai 1966, hlm. 7164.

222 Lihat Harvey Stockwin, "Nearly Finished", *FEER*, Jil. LII, No. 9, 2 Jun 1966, hlm. 434.

223 *Straits Times*, 29 Mei 1966 dan juga "Visit of Indonesian Military Goodwill Mission", *Foreign Affairs Malaysia* (FAM), Jil. 1, No. 1, Ministry of Foreign Affairs Malaysia, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 49–50.

224 Stockwin, "Nearly Finished", hlm. 470, dan *Malay Mail*, 29 Mei 1966.

mesra di Bangkok semasa rundingan damai diadakan pada 29 Mei 1966.[225]

Pada 29 Mei 1966, Tun Abdul Razak yang mengetuai perwakilan Malaysia telah mengadakan rundingan secara langsung dengan Adam Malik yang mengetuai rombongan Indonesia di Bangkok. Selepas berunding selama tiga hari, pada 1 Jun 1966, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan terhadap tiga prinsip yang membolehkan masalah antara kedua-dua negara diselesaikan. Pertama, mereka bersetuju untuk menamatkan permusuhan antara Malaysia dengan Indonesia. Kedua, mereka bersetuju untuk memulihkan semula hubungan diplomatik selepas sahaja menandatangani perjanjian, dan, ketiga, menyediakan peluang secepat mungkin untuk meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak sama ada mereka ingin terus bersatu dalam Malaysia.[226] Kerajaan Malaysia dan Order Baru Jeneral Suharto menyambut baik persetujuan Bangkok tetapi Presiden Sukarno menentangnya kerana Malaysia masih merupakan neokolonialisme dan hak penentuan rakyat Sabah dan Sarawak belum diselesaikan lagi.[227]

Sementara itu, di Bangkok, satu perkembangan penting juga berlaku. Adam Malik telah mengumumkan satu langkah baru untuk mengadakan kerjasama serantau antara Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. Sebelum ini beliau mencadangkan kepada Thailand untuk mengadakan satu ikatan baru yang dikenali dengan Union of Southeast Asia (USO) untuk menggantikan ASA.[228] Adam Malik mengumumkan bahawa Thailand dan Filipina bersetuju untuk menyertai pertubuhan serantau baru pada prinsipnya, dan Malaysia pula menyambut baik cadangan tersebut.[229] Lee Kuan Yew pula menjawab bahawa pihaknya tidak keberatan untuk menyertai pertubuhan serantau kerana ini akan menguatkan lagi hubungan ekonomi, kebudayaan dan sosial di kalangan negara-negara di rantau Asia Tenggara.[230] Persidangan di Bangkok bukan sahaja memulihkan hubungan Malaysia-Indonesia tetapi juga telah mencetuskan satu idea baru untuk mengadakan pertubuhan serantau

225 Stockwin, "Nearly Finished", hlm. 470.

226 *KCA*, 9–16 Julai 1966, hlm. 21493 dan Weinstein, *Indonesia Abandons Confrontation*, hlm. 55.

227 Leifer, "The Changing Face of Confrontation", hlm. 402.

228 Lihat Davies, "Sprouting Olives", hlm. 434.

229 *Asian Recorder*, 16–22 Julai 1966, hlm. 7190. Lihat juga "Temu ramah antara Harvey Stockwin dengan Tun Razak", *FEER*, Jil. LII, No. 10, 9 Jun 1966, hlm. 471.

230 *Asian Recorder*, 16–22 Julai 1966, hlm. 7190.

yang lebih besar. Persidangan Bangkok ini boleh dikatakan telah menjadi batu asas kepada penubuhan ASEAN pada tahun berikutnya.

Akhirnya, pada 9 Ogos 1966, Jeneral Suharto dan Adam Malik mengumumkan bahawa Tun Abdul Razak akan datang ke Jakarta dalam tempoh dua hari sebagai wakil kerajaan Malaysia untuk menandatangani persetujuan yang dicapai di Bangkok.[231] Berikutnya, Tun Abdul Razak dan perwakilan Malaysia telah pergi ke Jakarta untuk menandatangani perjanjian perdamaian. Pada 11 Ogos 1966, Tun Abdul Razak dan Adam Malik mewakili kerajaan masing-masing telah menandatangani perjanjian untuk memulihkan semula hubungan antara Malaysia dengan Indonesia.[232] Dengan itu, Konfrontasi selama 33 bulan telah ditamatkan secara rasmi.

Perjanjian pemulihan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia mengandungi tiga perkara penting:

(1) Malaysia bersetuju akan memberi peluang kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk memastikan hasrat mereka untuk terus berada dalam Malaysia atau tidak dengan mengadakan satu pilihan raya yang bebas.
(2) Kedua-dua pihak bersetuju akan mengadakan hubungan diplomatik dan mengadakan pertukaran perwakilan diplomatik dengan segera.
(3) Malaysia dan Indonesia bersetuju akan menamatkan langsung semua bentuk permusuhan antara mereka.[233]

Dengan termeterainya perjanjian ini, maka suasana persaudaraan dalam hubungan kedua-dua negara telah diperkukuhkan. Semasa menandatangani Perjanjian Pemulihan, Tun Abdul Razak telah berjanji bahawa pilihan raya akan diadakan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1967 dan beliau juga mengumumkan bahawa sebahagian daripada tentera British akan diundurkan dengan segera.[234] Jeneral Suharto pula mengatakan bahawa tentera dan sukarelawan Indonesia akan diundurkan dari Borneo.[235] Bagi menguatkan lagi hubungan antara kedua-dua nega-

---

231 Lihat *ibid.*, 9 Ogos 1966 dan *Straits Times*, 10 Ogos 1966.

232 Kedua-dua pemimpin itu menandatangani perjanjian di hadapan Jeneral Suharto. Lihat gambar dalam *FAM*, Jil. 1, No. 3, 1966, hlm. 22.

233 Lihat *Agreement to Normalize Relations between The Republic of Indonesia and Malaysia, FAM*, Jil. 1, No. 3, 1963, hlm. 1–2.

234 *Straits Times*, 12 Ogos 1966.

235 *Ibid.*, 14 Ogos 1966.

ra, Adam Malik telah mengetuai satu rombongan yang terdiri daripada 45 orang ke Malaysia bersama-sama Tun Abdul Razak pada 12 Ogos 1966.[236] Justeru itu, bermulalah satu era baru dalam hubungan Malaysia-Indonesia.

236 *KCA*, 20–27 Ogos 1966, hlm. 21576 dan juga *Straits Times*, 13 Ogos 1966.

BAB 5

HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA SELEPAS KONFRONTASI SEHINGGA TAHUN 1970

Bab ini mengkaji tempoh lima tahun akhir selepas Konfrontasi dalam hubungan Malaysia-Indonesia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman di Malaysia dan Presiden Suharto[1] di Indonesia. Kemesraan dalam hubungan ini dapat dikaji melalui bidang politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan keserantauan. Hubungan politik menonjolkan pemulihan hubungan, lawatan rasmi oleh Tunku Abdul Rahman dan Suharto serta termeterainya perjanjian-perjanjian yang menguatkan semula hubungan kedua-dua negara serumpun. Di samping itu, isu tuntutan Sabah oleh Filipina dan hubungan dengan RRC turut dikaji. Hubungan ekonomi meninjau pemulihan perdagangan dua hala, pemberian layanan "the most favoured nation" dan kerjasama menstabilkan harga bahan mentah daripada kedua-dua pihak. Hubungan sosial pula mengkaji kerjasama penyelarasan ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, pertukaran guru-guru dan pensyarah-pensyarah, kerjasama bagi penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dan kerjasama muhibah. Hubungan keselamatan pula menekankan penghapusan ancaman komunis dan masalah lanun serta kerjasama dari segi latihan ketenteraan. Hubungan keserantauan mempamerkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam penubuhan *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dan *Organization of Islamic Conference* (OIC). Pada keseluruhannya, hubungan

---

1 Akibat daripada peristiwa GESTAPU, Jeneral Suharto memperoleh kuasa eksekutif secara berperingkat-peringkat di Indonesia. Pada 11 Mac 1966, Presiden Sukarno memberi kuasa kepada beliau untuk memulihkan kekacauan politik dalam negeri Indonesia. Kemudian pada 12 Mac 1967, Parlimen Indonesia atau MPRS melantik Suharto sebagai Pemangku Presiden dan sebagai Presiden penuh pada 27 Mac 1968 kerana tidak berpuas hati dengan sikap Sukarno yang menyokong perjuangan komunis.

dalam aspek politik paling menonjol sekali pada tempoh ini. Dalam mengkaji hubungan aspek-aspek ini, tema persaudaraan, kerjasama, keserantauan dan komunisme menonjol dengan ketara sekali. Tema konflik jarang terbayang akibat persefahaman yang wujud antara kedua-dua jiran tersebut.

Pada tahap ini, kepimpinan Tunku Abdul Rahman semakin menyerlah melalui sikap beliau yang tidak mendendam terhadap tawanan Konfrontasi dan menyerahkan semula mereka kepada kerajaan Indonesia sebaik sahaja Konfrontasi tamat. Pada tahun 1968, Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan rasmi ke Indonesia untuk menguatkan lagi pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia. Ketokohannya sebagai pemimpin terus menonjol menerusi sikap kerjasama beliau dalam penubuhan ASEAN bagi menguatkan kerjasama serantau di Asia Tenggara. Kepimpinan Tunku Abdul Rahman semakin menonjol apabila beliau dilantik sebagai Setiausaha Pertama OIC pada tahun 1970.

Hubungan Politik

Dengan termeterainya perjanjian pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia pada 11 Ogos 1966, maka wujudlah kerjasama dan persaudaraan dalam hubungan kedua-dua negara tersebut. Kerajaan dan rakyat kedua-dua negara menyambut baik pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia. Masyarakat antarabangsa juga menyambut baik pemulihan hubungan tersebut kerana ini dapat mengurangkan ketegangan politik di Asia Tenggara yang sedang bergolak akibat konflik di Indochina.[2] Jadi, pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia bukan sahaja penting bagi kedua-dua negara tetapi juga untuk keamanan seluruh rantau ini.

Tunku Abdul Rahman mengharapkan keamanan dan persahabatan dengan Indonesia akan berkekalan selama-lamanya kerana rakyat Indonesia dan Malaysia bertutur dalam bahasa yang sama, menganuti agama yang sama, dan berasal daripada rumpun bangsa yang sama.[3] Selepas menandatangani perjanjian pemulihan hubungan, Tun Abdul Razak dan rombongannya pulang ke Malaysia pada 12 Ogos 1966. Beliau dan rombongannya diberi "Here's welcome" di Kuala Lumpur. Kerajaan negeri Selangor memberi cuti pada hari tersebut dan mengarahkan kaki-

2 Antara negara-negara yang menyambut baik pemulihan hubungan tersebut ialah Amerika Syarikat, Britain, Thailand, Pakistan, Filipina, Korea Selatan dan juga PBB. Lihat *Straits Times*, 13 Ogos 1966.

3 *Ibid.*, 12 Ogos 1966.

tangannya berada di Lapangan Terbang Subang untuk menyambut kepulangan rombongan Tun Abdul Razak.[4] Pada hari yang sama, Adam Malik dan rombongan muhibahnya seramai 45 orang tiba di Kuala Lumpur untuk memeriahkan suasana pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia. Adam Malik dan rombongannya mengadakan lawatan singkat selama satu hari ke Malaysia. Rombongan Indonesia itu bertemu dengan Tunku Abdul Rahman dan kemudian bersembahyang bersama-sama dengan para pemimpin Malaysia di Masjid Negara.[5]

Semasa dikunjungi oleh rombongan itu, Tunku Abdul Rahman mengingatkan kedua-dua pihak supaya melupakan Konfrontasi dan bekerjasama untuk masa depan kedua-dua negara. Menurut beliau:

> "We should now do away with whatever misunderstandings of the last three years and look forward to a bright new future. Let us work together to meet any threat aimed at our destruction."[6]

Tunku Abdul Rahman mengharapkan kerjasama Indonesia untuk menghadapi ancaman komunis yang mengganggu keselamatan kedua-dua negara. Sementara itu, Adam Malik berpendapat bahawa Malaysia dan Indonesia harus memberi keutamaan untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi dan kebudayaan tetapi jika terdapat ancaman, maka kedua-dua negara perlu bekerjasama untuk menghadapinya.[7] Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman juga telah mengumumkan Malaysia sudi menaja Indonesia menyertai semula PBB.[8] Adam Malik mengatakan negaranya hanya menunggu masa yang sesuai untuk berbuat demikian. Indonesia tidak menghadapi masalah untuk menyertai semula PBB kerana Adam Malik telah berunding dengan U Thant, Setiausaha Agung PBB, dan Abdul Rahman Pazwak, Presiden Perhimpunan Agung PBB, serta menerangkan pendirian Indonesia, iaitu negaranya tidak pernah mengundurkan diri daripada PBB tetapi cuma kurang aktif sejak 1 Januari 1965.[9] Pada 29 September 1966, Indonesia dengan rasminya

---

4 *Ibid.* Kira-kira 15 000 orang berada di Subang untuk menyambut kepulangan Tun Abdul Razak dan rombongan beliau.

5 *Ibid.*, 13 Ogos 1966.

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 *Ibid.* Pihak Indonesia tidak menganggap negara mereka keluar daripada PBB tetapi cuma berhenti memberi kerjasama yang aktif dalam badan dunia tersebut. Lihat *Asia Almanac*, 1966, hlm. 1622.

9 Lihat *Djakarta Times*, 26 September 1966.

menyertai semula PBB dan juga agensi-agensi PBB. Malaysia mengalu-alukan penyertaan semula Indonesia di PBB. Semasa berada di PBB Tun Abdul Razak berkata:

> "On behalf of my country, I wish to take this opportunity of extending a formal welcome back to this organization of the delegation of Indonesia whose wise counsel in our debates had always been available to this organization and which again will be available with fresh vigour and a new earnestness."[10]

Menyentuh tentang pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia, di Indonesia sendiri, pelbagai pihak seperti Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI), Kesatuan Aksi Pemuda dan Pelajar Indonesia (KAPPI) dan parti-parti politik kecuali Parti Nasional Indonesia (PNI) menyambut baik pemulihan tersebut. Mereka melaungkan slogan-slogan seperti "Hidup Malaysia" dan "Hidup Tun Razak".

Walau bagaimanapun, Presiden Sukarno dan RRC masih menentang penamatan Konfrontasi dan pemulihan hubungan itu. Dalam perhimpunan hari kemerdekaan Indonesia pada tahun 1966, Presiden Sukarno berkata bahawa beliau enggan mengesahkan perjanjian Bangkok yang membuka jalan kepada pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia dan negaranya hanya akan mengiktiraf Malaysia selepas pungutan suara diadakan di Sabah dan Sarawak.[11] Pendirian Sukarno ini telah menimbulkan kemarahan para hadirin, khasnya golongan pelajar. Mereka telah mengejek dan mengkritik ucapan Sukarno. Sementara itu, lima pertubuhan Islam yang bergabung di bawah parti Nahdlatul Ulama, telah mengeluarkan satu kenyataan di Bandung bahawa mereka menentang ucapan Sukarno pada hari kemerdekaan dan enggan mengakui beliau sebagai ketua negara.[12] Mereka juga mendesak Majlis Permusjawaratan Rakyat Sementara (MPRS) atau Parlimen Indonesia supaya memecat Presiden Sukarno sebagai ketua negara dan menghalang beliau menghadiri majlis-majlis rasmi. Nahdatul Ulama menegaskan bahawa ucapan presiden itu tidak mewakili pendirian rakyat Indonesia.[13] Sementara itu,

---

10 *Ibid.*

11 Sila lihat, Keesing's Contemporary Archives, (disingkatkan sebagai *KCA*), 20–27 Ogos 1966, hlm. 21576 dan *Times Paper Cutting*, 18 Ogos 1967. (Berikutnya keratan akhbar ini disingkatkan sebagai *Times*.)

12 *Times*, 18 Ogos 1966. Lihat juga *Far Eastern Review* (*FEER*), 25 Ogos 1966, hlm. 341–342.

13 KCA, 20–27 Ogos 1966, hlm. 21576.

akhbar-akhbar di Indonesia juga mengkritik sikap Sukarno yang enggan mengiktiraf kewujudan Malaysia.[14]

Walau bagaimanapun, ucapan Presiden Sukarno tidak menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia yang baru sahaja pulih selepas tiga tahun berkonfrontasi. Ini adalah kerana kuasa *de facto* tidak lagi berada di tangan Presiden Sukarno tetapi di tangan Jeneral Suharto selaku Pengerusi Kabinet Presidium. Tunku Abdul Rahman berkata beliau tidak faham sebab-sebab Presiden Sukarno bersikap demikian.[15] Sementara itu, para pemimpin tentera Indonesia menegaskan bahawa sikap Presiden Sukarno tidak akan menghalang Order Baru mengekalkan pemulihan hubungan dengan Malaysia. Pada 22 Ogos 1966, pemimpin-pemimpin tentera Indonesia menarik balik Komando Ganyang Malaysia (KOGAM) yang diubahsuai khas daripada Komando Tertinggi (KOTI) untuk menghancurkan Malaysia.[16] Ini menunjukkan bahawa Order Baru di Indonesia sangat mementingkan pemulihan hubungan dengan Malaysia. Selain itu, kedua-dua negara telah mengadakan rundingan tentang pembebasan tahanan Konfrontasi Indonesia di Malaysia. Pada awal bulan September 1966, pihak Indonesia telah menghantar satu rombongan untuk berunding dengan kerajaan Malaysia.[17] Sebagai tanda muhibah dan persaudaraan, kerajaan Tunku Abdul Rahman telah bersetuju untuk membebaskan tahanan-tahanan Konfrontasi. Pada akhir bulan September juga, kerajaan Indonesia telah menghantar kapal khas ke Pelabuhan Swettenham untuk membawa pulang kira-kira 900 tahanan Konfrontasi dari Malaysia.[18]

Sikap pemimpin-pemimpin baru Indonesia yang mengutamakan pemulihan hubungan dengan Malaysia ditentang oleh RRC, iaitu sekutu rejim Sukarno. RRC menuduh para jeneral Indonesia, "have made a 180 degree about turn by signing a truce with Malaysia".[19] RRC juga mengkritik sikap Indonesia menyertai semula PBB sebagai "another move to curry favour with U.S. Imperialism."[20] Kritikan RRC tidak menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia kerana pada masa yang sama hubungan Peking dengan Jakarta adalah tegang akibat peristiwa GESTAPU.

---

14 *Straits Times*, 19 Ogos 1966.
15 *Times*, 22 Ogos 1966.
16 *Ibid.*, 23 Ogos 1966 dan *KCA*, 20–27 Ogos 1966, hlm. 21576.
17 Lihat *Times*, 14 September 1969.
18 *Djakarta Times*, 28 September 1966.
19 *Straits Times*, 17 Ogos 1966.
20 *Djakarta Times*, 24 September 1966.

Namun begitu, perjanjian pemulihan Malaysia-Indonesia telah membuka jalan kepada para pegawai kedua-dua negara memulakan rundingan untuk memulihkan hubungan komunikasi, perdagangan, pertukaran kebudayaan dan juga menjalankan operasi keselamatan bersama di sempadan Borneo.[21] Pada bulan September 1966, satu rombongan perwakilan tentera Indonesia seramai 18 orang tiba di Kuala Lumpur untuk mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai Malaysia berkenaan pelaksanaan Perjanjian Keamanan yang ditandatangani di Jakarta pada 11 Ogos 1966. Rombongan Indonesia diketuai oleh Kolonel Soedarsono Pradjomiseno.[22] Perwakilan Malaysia pula diketuai oleh Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia. Mereka berunding tentang soal-soal ketenteraan dan awam termasuk perdagangan dan kebudayaan. Rundingan ini berjalan lancar dalam suasana yang mesra sambil bertukar-tukar pandangan. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan perjanjian keselamatan tentang kawasan sempadan selepas mendapat persetujuan daripada kerajaan masing-masing.[23] Perjanjian keselamatan sempadan diluluskan oleh kedua-dua kerajaan pada 11 Mac 1967. Dengan perjanjian ini, Malaysia dan Indonesia bekerjasama untuk menentang ancaman komunis di sempadan Borneo dan membanteras masalah perlanunan di Selat Melaka.[24]

Selain itu, mereka juga bersetuju untuk mengesyorkan kepada kerajaan masing-masing supaya berunding tentang pelbagai bidang. Perundingan yang diadakan pada bulan September ini membuka jalan kepada kerjasama dalam bidang imigresen, perhubungan udara, perkhidmatan pos dan telekom antara kedua-dua negara.[25] Sungguhpun begitu, hubungan diplomatik antara kedua-dua pihak belum dipulihkan tetapi Pejabat Perhubungan Malaysia di Jakarta dan Pejabat Perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur menjalankan tugas kedutaan dengan sempurna sejak pemulihan hubungan pada bulan Ogos 1966. Oleh itu, hu-

---

21 Lihat *Straits Times*, 12, 16 dan 31 Ogos 1966.

22 *Asian Recorder*, 22–28 Oktober 1966, hlm. 7358 dan Ucapan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong di Parlimen pada 14 Jun 1967, Parliamentary Debates, Dewan Rakyat: Official Reports, Jil. IV, 1, 14 Jun 1967, lajur 177–178.

23 *Asian Recorder*, 22–28 Oktober 1966, hlm. 7358; *Times*, 9 September 1966. Lihat juga "Joint Press Release Issued After the Conclusion of Consultation Held Between Malaysia and Indonesia Delegation from 6th to 13th September 1966 in Kuala Lumpur", *FAM*, Jil. 1, No. 3, 1966, hlm. 6–62.

24 *Ibid.*, dan Parliamentary Debates, 14 Jun 1967, lajur 177–178.

25 Parliamentary Debates, 14 Jun 1967, lajur 177–178.

bungan antara kedua-dua negara berada dalam suasana yang penuh mesra.[26]

Pada bulan Februari 1967, satu peristiwa penting berlaku dalam politik Indonesia. MPRS tidak menerima penjelasan Sukarno tentang kelemahan pentadbiran beliau dan membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah kepimpinan pada sesi khas MPRS yang akan datang.[27] Kemudian, pada bulan yang sama, Jeneral Suharto pergi ke Bogor untuk bertemu dengan Sukarno. Di sana, Suharto memujuk Sukarno menyerahkan kuasa pentadbirannya.[28] Pada 12 Mac 1967, MPRS telah melantik Jeneral Suharto sebagai Pemangku Presiden Indonesia sehingga pilihan raya umum diadakan. Beliau mengangkat sumpah sebagai Pemangku Presiden di hadapan Jeneral Nasution, Pengerusi MPRS.[29] Sukarno cuma menjadi Presiden pada nama sahaja. Setahun kemudiannya, pada 27 Mac 1968, Jeneral Suharto dilantik sebagai Presiden Republik Indonesia menggantikan Sukarno. MPRS meminta Jeneral Suharto membentuk Kabinet Pembangunan untuk meneruskan pembangunan ekonomi Indonesia.[30] Perlantikan Suharto sebagai Presiden Indonesia memang mempunyai kesan positif dalam hubungan Malaysia-Indonesia kerana beliau seperti pemimpin-pemimpin Malaysia mengutamakan pembangunan ekonomi, kerjasama serantau dan menentang pergerakan komunis di dalam negeri. Perubahan pucuk pimpinan itu merapatkan lagi hubungan Malaysia-Indonesia kerana mengubah iklim untuk berunding dengan Indonesia.

Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman mengarahkan kerajaannya untuk menjemput para pemerhati dari Indonesia, Filipina, Thailand, Jepun dan India bagi menyaksikan perjalanan pilihan raya di Sabah. Pilihan raya tersebut diadakan bukan sahaja untuk memilih kerajaan negeri tetapi juga sebagai memenuhi syarat dalam perjanjian pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia.[31] Pemerhati Indonesia, Kolonel

---

26 *Ibid.* Lihat juga *Malaysia Year Books 1988*, hlm. 122.

27 *Asian Recorder*, 5–11 Mac 1967, hlm. 7576.

28 Legge, *Sukarno*, hlm. 406.

29 *Ibid.*, Untuk keterangan lanjut tentang kenaikan Jeneral Suharto, sila lihat Roeder 1969. *The Smiling General: President Soeharto of Indonesia.* Jakarta: Gunung Agung, hlm. 139–153.

30 *Asian Recorder*, 22–28 Julai 1968, hlm. 8437.

31 *Straits Times*, 18 Mac 1967. Pilihan raya di Sarawak ditangguhkan kerana terdapat masalah politik dan perlembagaan di samping ancaman komunis. Oleh itu, darurat diisytiharkan di Sarawak sehingga keadaan pulih. Lihat "Situation in Sarawak", *FAM*, Jil. 1, No. 3, 1966, hlm. 60.

Soebandi yang meninjau perjalanan kempen pilihan raya mendapati bahawa perasaan atau sentimen anti-Malaysia tidak wujud dalam suasana pilihan raya di Sabah.[32] Sementara itu, Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia selepas pilihan raya di Sabah. Beliau berharap rakyat Sabah akan menyokong Malaysia dan Indonesia dan menerima keputusan tersebut.[33] Sebelum itu, pada awal tahun 1967, kerajaan Indonesia pernah mengumumkan Malaysia dan Indonesia akan mengadakan hubungan diplomatik yang penuh pada pertengahan tahun 1967.[34]

Sebenarnya, semenjak menandatangani perjanjian pemulihan hubungan, kerajaan Malaysia ingin mengadakan hubungan diplomatik dengan Indonesia secepat mungkin tetapi pihak Indonesia menangguhkan perkara tersebut. Menurut Soehenda Ijas, wakil Persatuan Palang Merah Indonesia yang berada di Kuala Lumpur, kelambatan pihak Indonesia mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia adalah disebabkan perbezaan pendapat di kalangan rakyat Indonesia tentang Malaysia.[35] Ketua Pegawai Perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur berkata, pemulihan hubungan diplomatik dengan Malaysia hanya "matter of time".[36] Pada bulan Julai 1967, urusan hubungan dengan Malaysia dan Singapura diletakkan semula di bawah pengawasan Kementerian Luar Negeri Indonesia dan bukan lagi di bawah KOTI. Langkah ini mempercepatkan lagi pemulihan hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia.

Menjelang 25 Ogos 1967, Adam Malik sekali lagi mengumumkan bahawa Indonesia akan mengadakan hubungan diplomatik peringkat kedutaan pada akhir bulan Ogos 1967. Menurut beliau, "this is going to be a big surpise for Malaysia".[37] Jawatankuasa Luar Negeri Parlimen Indonesia berpendapat, pemulihan hubungan diplomatik dengan Malaysia dan juga Singapura sangat penting kerana ini dapat mengatasi masalah ekonomi, telekom dan penyeludupan. Di Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak menyambut baik pengumuman pihak Indonesia tersebut[38] kerana pengumuman inilah yang mereka nantikan selama ini. Pada 30 Ogos 1967, wakil khas Pemangku Presiden Indo-

32 *Ibid.*, 13 April 1967.
33 *Ibid.*, 16 April 1967.
34 *Ibid.*, 2 Januari 1968. Lihat juga *Djakarta Times*, 4 Januari 1967.
35 *Straits Times*, 28 Jun 1967.
36 *Djakarta Times*, 6 April 1967.
37 *Ibid.*, 19 Julai 1967.
38 *Ibid.*, 25 Ogos 1967.

nesia, Brig. Jeneral Sunarso, tiba di Kuala Lumpur. Beliau dan Tunku Abdul Rahman telah mengadakan pertukaran nota tentang pemulihan hubungan diplomatik peringkat kedutaan mulai 31 Ogos 1967.[39] Berikutan itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan mengatakan bahawa kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia bersetuju mengadakan hubungan diplomatik peringkat kedutaan pada 31 Ogos 1967 atas dasar timbal balik.

Pada hari kemerdekaan Malaysia, taraf pejabat perhubungan Malaysia di Jakarta dan pejabat perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur dinaikkan ke taraf kedutaan. Malaysia melantik Lt. Kolonel Wan Ismail b. Mohamed Salleh sebagai *Charge d' Affair* di Jakarta sehingga perlantikan Duta Besar ke Republik Indonesia. Begitu juga kerajaan Indonesia melantik Kolonel Benny Moerdani sebagai *Charge d' Affair* di Kuala Lumpur.[40] Akhbar The Djakarta Times menyifatkan pemulihan hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia sebagai hadiah istimewa yang diberi oleh negara jiran dan saudara kepada Malaysia yang merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-10 pada 31 Ogos 1967.[41] Pada bulan November 1967, kerajaan Malaysia melantik Tan Sri Yaacob bin Abdul Latif sebagai Duta Malaysia yang pertama ke Indonesia. Semasa menerima pelantikan tersebut pada 14 Disember 1967, Presiden Suharto berkata:

> "I am sure this friendship will continue to be closer than even before. It is my sincere hope that our friendship through cooperation in the economic and cultural fields will continue to widen and to extend into other fields."[42]

Pihak Indonesia pula melantik Brig. Jeneral Abdul Thalip sebagai Duta Besar pada bulan Mei 1968. Yang di-Pertuan Agong yang menerima perlantikan itu berkata, "the cloud of misunderstanding in the relations between Malaysia and Indonesia had disappeared, to be replaced by mutual understanding and sincere friendship".[43] Dengan perlantikan ter-

---

39 Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2344 dan *Straits Times*, 30 Ogos 1967.

40 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2344 dan *Djakarta Times*, 1 September 1967.

41 *Djakarta Times*, 1 September 1967. Seminggu kemudian Indonesia dan Singapura mengadakan hubungan diplomatik.

42 "His Excellency President Suharto's Reply", *FAM*, Jil. 1, No. 7 dan 8, Mac 1968, hlm. 36.

43 *Asian Recorder*, 22–28 Julai 1968, hlm. 8442. Brig. Jeneral Abdul Thalip berkata, tugas utama beliau sebagai duta adalah untuk memulihkan hubungan Malaysia– Indonesia sepenuhnya. Lihat *Bernama*, 21 Mei 1968.

sebut maka terbukalah satu babak baru dalam ikatan persaudaraan dan persahabatan kedua-dua negara.

Bagi merapatkan lagi hubungan dengan Indonesia, Tunku Abdul Rahman pernah menyuruh negara-negara maju supaya menghulurkan bantuan kepada Indonesia bagi memulihkan ekonominya. Semasa Presiden Johnson dari Amerika Syarikat melawat Malaysia pada tahun 1968, Tunku Abdul Rahman pernah menyahut seruan tersebut. Indonesia sendiri berusaha kuat untuk mendapatkan bantuan ekonomi daripada luar negeri.[44] Sementara itu, satu rombongan pegawai kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Nasruddin Mohamed melawat Indonesia pada bulan Januari 1967 atas jemputan kerajaan Indonesia. Rombongan ini mengadakan rundingan dengan pihak Indonesia untuk menguatkan lagi kerjasama dalam bidang perdagangan dan ekonomi, pelajaran, sains dan kebudayaan, serta imigresen antara kedua-dua negara. Rombongan ini sebenarnya melanjutkan perbincangan yang telah diadakan oleh rombongan Soedarsono Prodjomisono di Kuala Lumpur pada bulan September 1966.[45] Kedua-dua pihak mencapai persetujuan untuk menjalankan kerjasama dalam bidang-bidang yang disebutkan supaya dapat memberi faedah kepada kedua-dua negara.

Sungguhpun kerjasama antara kedua-dua negara berkembang dengan pesat sejak termeterainya perjanjian pemulihan tetapi perselisihan juga turut wujud. Laporan dari Jakarta menyebut bahawa Malaysia tidak menunjukkan sikap persahabatan yang tulen terhadap Indonesia semenjak Konfrontasi tamat. Ini kerana *Antara* melaporkan bahawa terdapat gambar kartun dalam sebuah akhbar Malaysia yang mengkritik keadaan di Indonesia. Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman telah menolak kenyataan tersebut dan menegaskan bahawa Malaysia tidak berniat demikian kerana ini akan menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.[46]

Dalam usaha mengukuhkan hubungan dengan Indonesia, Tunku Abdul Rahman melawat Indonesia dari 4 hingga 8 Mac 1968. Ini merupakan lawatan muhibah Tunku Abdul Rahman yang pertama selepas Konfrontasi tamat. Beliau diberi sambutan yang meriah dan Presiden Suharto menyambut Tunku Abdul Rahman mengalu-alukan kerjasama

---

44 *Times*, 13 Oktober 1966 dan Perbahasan Parlimen: Dewan Rakyat yang kedua, Penggal Kedua 1968, 23 Januari 1968, lajur 3700.

45 "Joint Statement Issued in Jakarta at the Conclusion of Malaysia–Indonesia Talks on January 28th, 1967", *FAM*, Jil. 1 No. 4 dan 5, April 1967.

46 *Straits Times*, 23 dan 25 April 1967.

antara kedua-dua negara dalam bentuk dua hala mahupun dalam konteks ASEAN untuk meningkat taraf hidup rakyat masing-masing.[47] Beliau juga menegaskan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia merupakan satu bahasa dan adalah menjadi tugas kedua-dua negara memastikan kedua-dua bahasa itu berkembang ke arah yang betul.[48]

Semasa berucap dengan para wartawan asing di Jakarta, Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa lawatannya ke Indonesia mempunyai implikasi dalam pelbagai cara. Menurut beliau:

> "To us, our visit has a greater significance. Coming after the unfortunate misunderstanding we had during confrontation, I hope our stay in Djakarta would be able to place a seal, once and for all, on the dark pages in the unfortunate chapter in the history of our relations so that both of us could look forward with confidence to the era of close and mutual cooperation in the future."[49]

Tunku Abdul Rahman juga menekankan bahawa ASEAN boleh menguatkan lagi kerjasama antara Malaysia dengan Indonesia dalam aspek-aspek menstabilkan harga barang-barang seperti getah dan bijih timah serta melindungi daripada eksploitasi negara-negara maju yang menetapkan harga yang murah terhadap barang-barang pengeluaran.[50]

Pada akhir lawatan muhibah tersebut, Tunku Abdul Rahman dan Presiden Suharto mengeluarkan satu kenyataan bersama yang menekankan bahawa mereka akan berusaha mencari penyelesaian aman jika timbul sebarang perselisihan pada masa depan.[51] Suasana persaudaraan dan persahabatan jelas kelihatan apabila kedua-dua pemimpin itu bersetuju untuk menguatkan lagi hubungan persaudaraan dan persahabatan yang sedia ada antara kedua-dua negara. Lawatan itu juga menguatkan kerja-

---

47 Lihat *Asian Recorder*, 6–12 Mei 1968; *Asian Almanac*, 1965, hlm. 2710 dan *Antara*, Bonn edition, (berikut disingkatkan sebagai Antara Bonn). Tunku Abdul Rahman diiringi isterinya dan dua orang menteri kabinetnya, Dr. Lim Swee Aun, Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan En. V. Manickavasagam, Menteri Buruh. Ini merupakan lawatan Tunku Abdul Rahman yang kedua ke Indonesia selepas tahun 1955.

48 "Tunku's Speech at State Banquet in Jakarta", *FAM*, Jil. 1, No. 7 dan 8, Mac 1968, hlm. 73–75.

49 "Address by the Prime Minister of Malaysia to the Jakarta Foreign Correspondent's Club, 5th March 1968", *FAM*, Jil. 1, No. 7 dan 8, Mac 1968, hlm. 76.

50 Untuk keterangan lanjut, sila lihat *ibid.*, hlm. 76–84 dan juga *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2711.

51 *Asian Recorder*, 6–12 Mei 1968, hlm. 8307.

sama dan persefahaman dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang ekonomi dan kebudayaan antara kedua-dua negara jiran terebut.[52] Semasa lawatan itu, Tunku Abdul Rahman dan Suharto turut bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian persahabatan baru berdasarkan semangat persaudaraan dan persahabatan yang wujud dalam hubungan Malaysia-Indonesia.[53] Perjanjian ini akan menggantikan Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu-Indonesia yang ditandatangani pada tahun 1959 di Kuala Lumpur.[54]

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengkaji kemungkinan meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara, khasnya untuk menstabilkan harga bahan-bahan mentah yang merupakan sumber pendapatan yang penting. Dalam hal ini, mereka juga bersetuju untuk mempercepatkan penubuhan satu suruhanjaya bersama seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Asas tentang Hubungan Perdagangan dan Ekonomi bertarikh 11 Mei 1967.[55] Semasa lawatan itu, kedua-dua pemimpin menekankan bahawa mereka berminat untuk meneruskan usaha menyamakan ejaan bahasa Melayu/Indonesia dan mengkaji perkembangan kedua-dua bahasa yang berasal daripada rumpun yang sama. Satu lagi pencapaian penting lawatan ini ialah Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan hasrat kerajaan Malaysia untuk meluaskan kawasan perairan Malaysia dari tiga batu nautika kepada 12 batu nautika. Berhubung dengan itu, kedua-dua ketua kerajaan bersetuju untuk mengadakan rundingan pada peringkat pegawai tentang masalah wilayah perairan kedua-dua negara tidak lama lagi.[56]

Tunku Abdul Rahman dan Suharto juga menyedari bahawa negara-negara Asia Tenggara mempunyai tanggungjawab bersama terhadap keselamatan, keamanan dan pembangunan rantau ini. Mereka berpuas hati dengan kemajuan kerjasama dalam konteks ASEAN. Akhirnya, Tunku Abdul Rahman menyampaikan jemputan Yang di-Pertuan Agong ke-

---

52 "Joint Communique Indonesia–Malaysia", *FAM*, Jil. 1, No. 7 dan 8, Mac 1968, hlm. 86.

53 *Ibid.*, *Asian Recorder*, 6-12 Mei 1968, hlm. 8307 dan *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2711.

54 *Antara-Bonn*, 14 Mac 1968 dan *Straits Times*, 8 Mac 1968. Untuk keterangan lanjut tentang perjanjian lama itu, sila lihat Bab 2.

55 Joint Communique Indonesia-Malaysia", hlm. 86 dan Perbahasan Parlimen, 6 Jun 1968, lajur 185–186.

56 *Ibid.*, dan juga *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2712. Inilah pertama kalinya pihak Indonesia memberi kerjasama untuk berunding tentang soal perairan Selat Melaka sejak tahun 1957. Lihat *Straits Times*, 24 Mei 1968.

pada Presiden Suharto untuk melawat Malaysia. Presiden Suharto menerima jemputan itu dan mengumumkan akan mengunjungi Malaysia pada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian.[57] Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia telah membuka satu babak penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia kerana banyak persetujuan dan kerjasama dicapai oleh kedua-dua negara dalam suasana persaudaraan dan persahabatan. Suasana ini memuncak apabila kedua-dua negara bersetuju untuk memperbaharui perjanjian persahabatan tahun 1959.

Sebagai tanda persahabatan, pada 15 Mei 1968, kerajaan Malaysia menyerahkan semula kediaman rasmi Duta Besar Indonesia di Jalan Maxwell, Kuala Lumpur kepada pihak Indonesia selepas ketegangan antara kedua-dua negara tamat. Rumah ini diambil alih oleh kerajaan Malaysia semasa Konfrontasi. Setiausaha Pertama Kedutaan Indonesia, Abdul Karim Sumitro berkata, hubungan kedua-dua negara benar-benar pulih.[58] Bagi merapatkan lagi hubungan dengan pemimpin-pemimpin Malaysia, pihak kedutaan Indonesia telah menjemput Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak ke perayaan ulang tahun kemerdekaan Indonesia di Kedutaan Indonesia pada 17 Ogos 1968.[59]

Sedang hubungan Kuala Lumpur-Jakarta bertambah baik, masalah-masalah kecil juga timbul. Selepas tamatnya Konfrontasi pada bulan Ogos 1966, masalah kemasukan nelayan-nelayan Malaysia ke perairan Indonesia telah timbul semula. Pihak tentera laut dan Polis Marin Indonesia sering menahan bot-bot Malaysia yang menceroboh perairan Indonesia. Selepas Konfrontasi tamat, pihak berkuasa Indonesia tidak lagi membedil bot-bot nelayan Malaysia seperti yang berlaku semasa Konfrontasi. Misalnya, pada bulan Mei 1968, seramai 15 orang nelayan Malaysia ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia kerana menceroboh masuk ke perairan Indonesia. Jurucakap tentera laut Indonesia berkata, mereka mungkin dibebaskan jika terdapat penyelesaian diplomatik.[60] Pada zaman Konfrontasi dan sebelumnya cadangan penyelesaian diplomatik tidak pernah wujud kerana hubungan kedua-dua negara semasa rejim Sukarno tegang. Duta Malaysia ke Indonesia berkata, pihaknya

---

57 "Joint Communique Indonesia-Malaysia", hlm. 85–87.

58 *Straits Times*, 15 Mei 1968.

59 *Bernama*, Ogos 1968. Dalam perayaan, itu Duta Besar Indonesia menekankan hubungan mesra Malaysia-Indonesia harus diluaskan untuk mencapai keamanan bagi seluruh rantau Asia Tenggara. Lihat Ucapan Duta Besar Indonesia, pada perayaan Hari Kemerdekaan Indonesia, 17 Ogos 1968.

60 *Straits Times*, 24 Mei 1968.

mengambil langkah-langkah wajar untuk membebaskan nelayan-nelayan yang ditahan di Indonesia. Beliau juga menjelaskan, dalam hal ini kerajaan Indonesia memberi segala bantuan yang diperlukan.[61] Mahkamah Indonesia di Dumai, Sumatera, membebaskan mereka selepas dua bulan dengan bayaran denda $20.00.[62]

Sementara itu, untuk mengawal masalah imigresen di sempadan Borneo, pada bulan Mei 1967, kerajaan Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Perjanjian Menyeberang Sempadan (Border Crossing Arrangement).[63] Dengan persetujuan itu kedua-dua pihak berharap dapat mengawal aktiviti ulang alik rakyat masing-masing di kawasan sempadan mereka. Dari 31 Oktober 1968 hingga 2 November 1968, kedua-dua pihak mengadakan mesyuarat untuk melaksanakan persetujuan tersebut. Suasana mesyuarat adalah mesra, persefahaman dan penuh ikhlas.[64] Kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan perjanjian tersebut pada 26 November 1968. Justeru itu, rakyat Malaysia atau Indonesia yang ingin menyeberangi sempadan di Borneo perlu mendapat pas daripada pegawai Imigresen di pusat kawalan Malaysia atau daripada Otorita Daerah Perbatasan di pusat kawalan Indonesia. Pas-pas ini sah digunakan selama setahun dari tarikh dikeluarkan untuk melawat wilayah jiran dan pemegang pas boleh tinggal selama 30 hari setiap lawatan. Akan tetapi mereka tidak dibenarkan mencari pekerjaan dengan menggunakan pas ini.[65] Di samping itu, kedua-dua pihak bersetuju mendirikan pusat kawalan di sepanjang sempadan di wilayah masing-masing.[66] Walaupun kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan perjanjian ini pada 26 November 1968, tetapi pihak Indonesia telah meminta Malaysia menangguhkan perjanjian ini selama setahun

---

61 *Bernama*, 24 Jun 1968.

62 *Straits Times*, 28 Jun 1968. Menurut nelayan-nelayan yang dibebaskan itu, mereka pernah dipukul dan diberi layanan buruk oleh pihak berkuasa Indonesia.

63 Lihat *Siaran Akhbar*, Kuala Lumpur; Jabatan Penerangan Malaysia, 2 November 1968.

64 Perwakilan Malaysia diketuai oleh Ibrahim bin Ali, Controller-General of Immigration Malaysia, manakala perwakilan Indonesia pula ialah Kolonel Benny Moerdani, Konsular Kedutaan Indonesia.

65 Sila lihat *Ibid.*, *Bernama,* 2 November 1968 dan *Malay Mail*, 3 November 1968.

66 Malaysia mendirikan pusat kawalan di Long Pasia, Pensiangan dan Tawau di Sabah; dan Biawak, Sarikie Padawan, Bunan Orega, Batu Lintang dan Semantan di Sarawak. Indonesia pula mendirikan pusat kawalan di Sungai Udang, Sungai Antu, Naga Balau, Long Mawang, Long Apari dan Nukunan. Lihat *Siaran Akhbar*, 2 November 1968.

kerana mereka menghadapi masalah pentadbiran.[67] Bagi mempercepatkan pelaksanaan perjanjian ini, Tunku Abdul Rahman mengarahkan Hamzah Abu Samah, Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia, melawat Indonesia pada 9 Januari 1969. Hamzah menegaskan kepada pihak Indonesia bahawa pengganas komunis di sempadan Borneo akan mengambil kesempatan akibat penangguhan ini.[68] Akhirnya, pihak Indonesia bersetuju melaksanakan perjanjian tersebut mulai 26 Februari 1969.[69]

Kerjasama politik Malaysia-Indonesia terus berkembang maju pada bulan September 1969, apabila kedua-dua pihak mengadakan rundingan tertutup tentang pembahagian perairan Selat Melaka berdasarkan kenyataan bersama Tunku Abdul Rahman dan Suharto pada bulan Mac 1968. Rundingan ini sangat penting kerana kedua-dua pihak menuntut kawasan perairan sepanjang 12 batu nautika dari pantai masing-masing padahal lebar Selat Melaka cuma 20 batu sahaja. Ini menimbulkan masalah melampaui perbatasan ke atas tuntutan kedua-dua negara. Rombongan Malaysia diketuai oleh Dato' Mohamed Salleh Abas, manakala rombongan Indonesia diketuai oleh Prof. Mokhtar Kesumatmadja.[70] Butir-butir rundingan tidak diumumkan kepada pihak media tetapi dalam kenyataan bersama pada 22 September 1969, kedua-dua pihak mengakui tentang perlunya penentuan perbatasan pelantar benua dengan segera antara kedua-dua negara.[71] Satu persetujuan dicapai oleh kedua-dua pihak tentang pembahagian pelantar benua di Selat Melaka dan Laut China Selatan.[72] Perwakilan dari kedua-dua negara menyarankan kerajaan masing-masing membincangkan masalah yang berkaitan dengan sempadan laut. Dengan persetujuan ini, kedua-dua negara boleh menjalankan aktiviti cari gali galian di dasar laut tanpa sebarang masalah.

Seterusnya, pada 26 Oktober 1969, Menteri Galian Indonesia, Prof. Dr. Soemantri Brodjonegoro, dan Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Abdul Kadir, menandatangani Perjanjian Dasar Laut atau Pelantar Benua di Kuala Lumpur. Prof. Brodjonegoro menyifatkan perjanjian itu kena tepat pada masanya dan beliau mengharapkan lebih banyak kerja-

---

67 *Bernama*, 9 Januari 1969.

68 *Straits Times*, 10 Januari 1969.

69 *Bernama*, 17 Januari 1969.

70 *Ibid.*, 9 September 1969 dan *Straits Times*, 10 September 1969.

71 "Initialling of Agreement On Continental Shelves", *Siaran Akhbar*, 22 September 1969.

72 *Bernama*, 22 September 1969 dan *Straits Times*, 26 Oktober 1969.

sama diadakan pada masa depan.[73] Menurut Tan Sri Abdul Kadir, perjanjian Perbatasan Dasar Laut dengan Indonesia merupakan perjanjian pertama diadakan.[74] Menurut beliau, perjanjian ini menunjukkan semangat kerjasama dan muhibah antara kedua-dua negara. Beliau mengharapkan perjanjian tersebut akan membuka jalan kepada kemajuan ekonomi dan kemakmuran Malaysia-Indonesia. Tan Sri Abdul Kadir juga menegaskan perjanjian tersebut dapat mengelakkan sebarang perselisihan faham pada masa depan antara kedua-dua negara.[75]

Pada masa yang sama, Tan Sri Abdul Kadir mengumumkan bahawa Malaysia dan Indonesia akan meneruskan perbincangan tentang perbatasan pelantar benua dan juga tentang penyerahan balik penjenayah antara kedua-dua negara pada November 1969.[76] Pada 6 November 1969, beliau mengetuai satu rombongan Malaysia ke Indonesia untuk membincangkan soal pertukaran penjenayah dan perbatasan pelantar benua antara kedua-dua negara.[77]

Pada peringkat akhir pentadbiran Tunku Abdul Rahman, iaitu pada bulan Mei 1969, rusuhan kaum yang dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei berlaku di Malaysia.[78] Rusuhan kaum ini berlaku antara masyarakat Cina dengan Melayu selepas pilihan raya tahun 1969. Akibatnya, Darurat diisytiharkan di Malaysia dan parlimen dibubarkan. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mentadbirkan negara. Pada umumnya, rusuhan kaum tersebut tidak menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia. Menurut Duta Malaysia di Jakarta, Tan Sri Yaacob, perhubungan ekonomi berjalan dengan baik walaupun Darurat diisytiharkan di Malaysia.[79] Malahan rusuhan kaum itu menimbulkan rasa simpati rakyat Indonesia terhadap rakyat Malaysia. Rakyat Sumatera Utara telah menderma kira-kira 25 tan sayur-sayuran kepada mangsa rusuhan kaum di Malaysia.[80] Namun begitu, dari sudut yang lain, segolongan masyarakat Cina di Malaysia mentafsirkan lawatan Presiden Suharto ke Malaysia pada

---

73 *Bernama*, 26 Oktober 1969.

74 *Ibid.*, 27 Oktober 1967.

75 *Ibid.*

76 Menurut beliau, setakat ini Malaysia ada perjanjian pertukaran penjenayah dengan Thailand dan Singapura dan sering berunding dengan semua negara Komanwel tentang perjanjian ini. *Ibid.*, dan *Utusan Malaysia*, 28 Oktober 1969.

77 *Bernama*, 6 November 1967.

78 Untuk keterangan lanjut tentang Peristiwa 13 Mei, sila lihat Goh Cheng Teik 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: OUP.

79 *Bernama*, 29 Mei 1969.

80 *Ibid.*, 31 Mei 1969.

bulan Mac 1970 sebagai satu komplot jahat Kuala Lumpur-Jakarta untuk menindas masyarakat Cina.[81] Akan tetapi pemimpin-pemimpin masyarakat Cina moderat yang berhaluan kiri seperti Dr. Tan Chee Koon menolak pandangan sedemikian kerana di Indonesia sendiri kerajaan Suharto mula memperbaiki dasar terhadap masyarakat Cina Indonesia.[82] Jakarta juga menegaskan bahawa lawatan Suharto ke Malaysia bukan untuk meningkatkan semangat orang Melayu menentang orang Cina tetapi untuk membalas lawatan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1968 dan mungkin Suharto ingin memberi penghormatan rasmi kepada Tunku Abdul Rahman, salah seorang pejuang kemerdekaan yang agung di Asia sebelum beliau bersara. Peristiwa 13 Mei telah menyebabkan Tunku Abdul Rahman mengumumkan persaraannya kerana gagal mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia.[83]

Lawatan Presiden Suharto ke Malaysia dari 16 hingga 20 Mac 1970, merupakan kemuncak hubungan politik Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Beliau diiringi oleh isterinya, Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan Indonesia. Mereka diberi sambutan permaidani merah.[84] Timbalan Yang di-Pertuan Agong menyambut kehadiran rombongan Presiden Suharto dan dalam ucapannya, baginda menyifatkan bahawa lawatan itu merupakan satu detik sejarah yang besar ertinya dan akan dicatat dengan tinta emas dalam sejarah hubungan Malaysia-Indonesia.[85] Dalam ucapannya di majlis santapan diraja, Presiden Suharto menerangkan bahawa sejak tiba di Malaysia beliau merasakan berada di tengah-tengah keluarganya sendiri dan bukan di sebuah negara asing. Ini kerana kedua-dua negara mempunyai ikatan sejarah dan kebudayaan yang menguatkan hubungan rakyat mereka. Menurut Presiden Suharto, Malaysia dan Indonesia bukan sahaja negara tetangga dan saudara tetapi lebih penting, kedua-dua negara mempunyai kepentingan bersama, menghadapi masalah yang sama dan memiliki landasan pemikiran yang sama.[86]

---

81 Antony Polsky, "A Modest Booster", *FEER*, Jil. LXVIII, No. 13, 26 Mac 1970, hlm. 7.

82 *Ibid.*

83 *Ibid.* Tunku Abdul Rahman mengumumkan persaraannya sebagai Perdana Menteri pada 8 Februari 1970. Lihat *Berita Harian*, 8 Februari 1970.

84 *Berita Harian*, 16 Mac 1970.

85 *Ibid.*, 17 Mac 1970 dan *Bernama*, 16 Mac 1970.

86 Lihat *Berita Harian*, 17 Mac 1970 dan juga "Address of His Excellency President Suharto at the Royal Banquet Given by His Highness the Timbalan Yang di-Pertuan Agong on 17 March 1970".

Lawatan Presiden Suharto ke Malaysia telah mencatat sejarah yang penting kerana pada 17 Mac 1970, Tun Abdul Razak dan Adam Malik telah menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Perjanjian Pembahagian Wilayah Perairan bagi pihak masing-masing.[87] Tunku Abdul Rahman dan Suharto turut menyaksikan majlis tersebut. Perjanjian persahabatan baru ini tidak banyak berbeza daripada perjanjian persahabatan tahun 1959 yang terbatal akibat Konfrontasi. Isi kandungan kedua-dua perjanjian itu diumumkan selepas pengesahan MAGERAN dan Parlimen Indonesia.[88]

Menurut Tun Abdul Razak yang mewakili Tunku Abdul Rahman, termeterainya kedua-dua perjanjian itu menunjukkan kerjasama yang dicapai oleh kedua-dua negara jiran dalam suasana yang penuh mesra, saling mengerti, persefahaman dan persaudaraan. Beliau berkata:

> "Bagi kami di Malaysia, dari zaman-berzaman Selat Melaka itu bukan selat perantaraan. Bahkan selat itu adalah selat yang bersejarah, meriwayatkan tali perhubungan yang abadi yang belum pernah diputuskan dan tidak dapat diputuskan oleh lautan atau sejarah."[89]

Beliau mengharapkan kedua-dua perjanjian tersebut membuka era baru untuk bekerjasama dengan Indonesia. Sementara itu, Adam Malik menyifatkan kedua-dua perjanjian itu sebagai wahana yang mengeratkan hubungan kedua-dua negara sambil menegakkan keutuhan dan keamanan di seluruh Asia Tenggara.[90] Kedua-dua perjanjian ini merupakan "milestone" yang sangat penting dalam sejarah hubungan Malaysia-Indonesia kerana dengan perjanjian ini, kedua-dua negara dapat bekerjasama dengan lebih erat untuk kepentingan bersama dan juga ASEAN. Di samping itu, masalah-masalah sempadan yang sering wujud juga dapat diatasi dengan Perjanjian Perbatasan Wilayah Perairan. Oleh itu, Tun Abdul Razak menyifatkan, Perjanjian Persahabatan dan Perbatasan Wilayah Perairan Malaysia-Indonesia sebagai jambatan emas yang menghubungi kedua-dua negara.[91]

Pada akhir lawatan Suharto, satu kenyataan bersama dikeluarkan yang mengatakan bahawa beliau dan Tunku Abdul Rahman bersama-

---

87 *Asian Recorder*, 18–24 Jun 1970, hlm. 9603.
88 *Berita Harian*, 18 Mac 1970.
89 *Bernama*, 17 Mac 1970 dan juga *FAM*, Jil. 3, No. 1, 1970, hlm. 17.
90 *Berita Harian*, 18 Mac 1970.
91 *Ibid.*, 17 Mac 1970.

sama dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang lain mengadakan perbincangan dengan bebas, ikhlas dan penuh persahabatan untuk menguatkan lagi hubungan kedua-dua negara pada masa depan. Di samping itu, mereka juga bersetuju untuk bekerjasama dalam isu-isu antarabangsa, terutamanya yang berkaitan dengan masalah di rantau ini. Kedua-dua pihak mengumumkan bahawa Malaysia dan Indonesia memegang kuat pada Piagam PBB, Sepuluh Prinsip Bandung (1955) serta Deklarasi ASEAN. Mereka menegaskan bahawa kedua-dua pihak menentang kuat penggunaan kekerasaan untuk menyelesaikan masalah antarabangsa.[92] Presiden Suharto dan Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa mereka berpuas hati dengan kerjasama yang dialami oleh kedua-dua negara dalam pelbagai bidang. Mereka juga mahukan semua persetujuan dan perjanjian yang ditandatangani diamalkan.[93] Pada 20 Mac 1970, Presiden Suharto dengan rombongannya berangkat ke Bangkok untuk meneruskan lawatan mereka ke Thailand.

Hubungan Ekonomi

Hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia terputus pada awal tahun 1964 akibat konfrontasi ekonomi yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno. Hubungan ekonomi tersebut mendapat nafas baru selepas pemulihan hubungan antara kedua-dua negara. Menjelang akhir bulan November 1966, perwakilan-perwakilan dari Malaysia dan Indonesia bertemu di Kuala Lumpur untuk membuka semula perdagangan antara kedua-dua negara.[94] Ketua perwakilan Indonesia, Kolonel Moerdani berkata, hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia pulih dalam skala yang kecil selepas tiga tahun berkonfrontasi. Beberapa tongkang pesisir pantai dari Malaysia telah mula membawa barang-barang dagangan ke Indonesia pada akhir tahun 1966.[95] Mesyuarat pada akhir bulan November 1966 itu bukan sahaja membuka jalan kepada pemulihan perdagangan tetapi juga pemulihan hubungan dalam bidang lain seperti pos, telefon, telegraf, pengeluaran dan pengangkutan yang tergendala akibat Konfrontasi.[96]

Pada 24 November 1966, perkhidmatan pos antara Malaysia dengan

---

92 "Malaysia-Indonesia Joint Communique", *FAM*, Jil. 2, No. 1, 1970, hlm. 21 dan "Malaysia-Indonesia Joint Communique", *Siaran Akhbar*, 19 Mac 1970.

93 *Ibid.*

94 *Asian Recorder*, 1–7 Januari 1967, hlm. 7469.

95 *Ibid.*

96 *Ibid.*, hlm. 7473. Lihat juga *Times*, 28 November 1966.

Indonesia diadakan semula. Beg surat pertama dari Malaysia ke Indonesia dihantar pada 27 November 1966 melalui pesawat Garuda Airways Service.[97] Hubungan telefon Malaysia-Indonesia dimulakan pada 1 Disember 1966 apabila Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom Malaysia, Tan Sri V.T. Sambanthan, membuat panggilan pertama kepada rakan sejawatnya di Indonesia, Komodor Udara Sutopo.[98] Pemulihan hubungan telekom antara Malaysia-Indonesia merapatkan lagi hubungan kedua-dua pihak, khasnya antara rakyat kedua-dua negara.

Pada masa yang sama (30 November 1966), Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa kerajaan Malaysia bersetuju untuk memansuhkan larangan perdagangan barter dengan Indonesia.[99] Menurut beliau, pemansuhan larangan tersebut dikuatkuasakan dengan serta-merta. Kemudian Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia, Dr. Lim Swee Ann, menegaskan bahawa perdagangan barter dengan Indonesia hanya dibenarkan di beberapa pelabuhan sahaja, iaitu Pulau Pinang, Port Swettenham, Melaka dan Batu Pahat kerana di tempat-tempat itu sahaja kastam dan imigresen menjalankan perkhidmatan mereka. Saudagar-saudagar Indonesia dibenarkan berada di Malaysia selama 36 jam dengan bayaran deposit $200 kepada Pejabat Imigresen. Mereka tidak dibenarkan bergerak bebas semasa bot-bot mereka berada di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Menurut Dr. Lim lagi, kerajaan tidak menghalang bot-bot saudagar Malaysia berniaga di Indonesia. Beliau menasihati saudagar Malaysia mendapatkan visa sebelum mendarat di pelabuhan-pelabuhan Indonesia kerana kedua-dua negara belum mencapai kata sepakat tentang dasar perdagangan.[100] Di samping itu, Malaysia juga memansuhkan satu lagi larangan, iaitu penghantaran peralatan senjata ke Indonesia melalui pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Larangan tersebut dibuat semasa konfrontasi tetapi selepas pemulihan hubungan dengan Indonesia kerajaan Malaysia memansuhkannya pada 15 Disember 1966 kerana Indonesia bukan lagi mengancam keselamatannya.[101]

---

97 *Ibid.* Pesawat yang sama juga membawa beg surat dari Indonesia ke Malaysia. Lihat *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1830.

98 "Inauguration of Telephone Link Between Malaysia and Indonesia", *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April, hlm. 40–41. Lihat juga *Straits Times*, 2 Disember 1966.

99 Sila lihat "Malaysia Resume Between Trade with Indonesia", *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5. April 1967 hlm. 36; *Straits Times*, 1 Disember 1966; *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1830 dan *Asian Recorder*, 1–7 Januari 1967, hlm. 7473.

100 *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1830 dan *Asian Recorder*, 22–28 Januari 1967, hlm. 7518.

101 *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1830.

Bagi merapatkan lagi hubungan Malaysia dengan Indonesia, Tunku Abdul Rahman mengarahkan satu rombongan Malaysia, yang diketuai oleh Nasruddin Mohamed, melawat Indonesia pada 22 Januari 1967. Semasa berada di Indonesia, rombongan beliau dan pegawai-pegawai Indonesia bersetuju mencadangkan kepada kerajaan masing-masing supaya menempatkan pegawai-pegawai Indonesia di beberapa tempat di Malaysia dan pegawai-pegawai Malaysia di Indonesia bagi memudahkan urusan perdagangan antara kedua-dua negara.[102]

Semasa lawatan itu, pihak Malaysia dan Indonesia bersetuju bahawa mereka harus bekerjasama untuk memelihara harga getah asli dan bijih timah di pasaran antarabangsa.[103] Sebagai pengeluar utama getah asli dan bijih timah, kerjasama antara mereka adalah sangat perlu bagi menstabilkan harga bahan-bahan mentah tersebut di pasaran dunia. Kerjasama seperti ini bukanlah amalan yang baru kepada Malaysia dan Indonesia kerana sebelum Konfrontasi, kedua-dua negara ini pernah bekerjasama bagi tujuan sedemikian. Dalam bidang pengeluaran getah khasnya, kedua-dua negara bersetuju untuk menubuhkan badan rundingan bersama, bekerjasama dalam penyelidikan dan pertukaran pakar-pakar.[104]

Sebagai pengeluar utama getah asli, Malaysia dan Indonesia mempunyai pendirian yang sama terhadap masalah pelepasan stok penimbal getah oleh negara-negara maju, khasnya Amerika Syarikat di pasaran dunia. Pelepasan stok penimbal sentiasa menjejaskan harga getah di pasaran dunia. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah mengadakan Persidangan Pengeluar-Pengeluar Getah Asli pada bulan Oktober 1967.[105] Dalam persidangan itu, Malaysia dan Indonesia bersama-sama dengan negara-negara pengeluar getah asli yang lain mengambil keputusan meminta kerajaan Amerika supaya mengurangkan pelepasan stok penimbal. Mereka juga mencadangkan kepada negara itu supaya jangan menjual getah pada paras kurang daripada AS20 sen bagi setiap paun.[106] Dalam persidangan itu juga, negara-negara pengeluar getah bersetuju menubuhkan

---

102 "Joint Statement Issued in Jakarta at the Conclusion of Malaysia/Indonesia Talks on January 2nd 1967", *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April 1967, hlm. 58.

103 *Ibid.*

104 *Ibid.*

105 Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Singapura, Thailand, Liberia dan Vietnam Selatan menghantar perwakilan mereka. Burma dan Kemboja menghantar pemerhati ke persidangan ini. Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2447.

106 Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2448 dan *Asian Recorder*, 5–11 November 1967, hlm. 8208.

persatuan negara pengeluar getah dengan satu sekretariat tetap untuk mengatasi masalah kejatuhan harga getah. Indonesia telah mendesak Malaysia mengambil inisiatif bagi menubuhkan persatuan tersebut. Wakil Indonesia Brig. Jeneral Abdul Rahman berkata, negaranya sedia memberi sokongan yang kuat.[107]

Malaysia dan Indonesia turut bekerjasama dalam bidang penerbangan awam. Selepas Konfrontasi, Malaysia dan Indonesia mengadakan rundingan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1966 untuk memulihkan perkhidmatan udara antara kedua-dua negara.[108] Rombongan Indonesia diketuai oleh Kolonel Ashadi Tjahjadi, Pengarah Penerbangan Awam Indonesia, manakala rombongan Malaysia diketuai oleh Raja Azam Raja Kamarulzaman, Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan semula penerbangan di antara Jakarta dengan Kuala Lumpur.[109] Justeru itu, Garuda Airways memulakan penerbangannya ke Kuala Lumpur mulai 26 November 1966 dan Malaysia Airways pula menjalankan perkhidmatannya ke Indonesia mulai bulan Disember 1966.[110] Bagi mempertingkatkan kerjasama antara kedua-dua negara, pada 10 Februari 1968, Raja Azam bagi pihak Malaysia dan Komodor Ashadi (sebelum ini beliau berpangkat Kolonel) bagi pihak Indonesia menandatangani satu perjanjian udara. Menurut perjanjian ini, Malaysia akan membenarkan pesawat-pesawat Garuda mendarat di Kuala Lumpur dalam perjalanannya ke Eropah dan pesawat-pesawat Malaysia-Singapore Airlines (MSA) dibenarkan mendarat di Jakarta dalam perjalanannya ke Australia dan New Zealand.[111] Selain perkhidmatan pengangkutan udara, perkhidmatan pengangkutan laut juga merapatkan hubungan antara kedua-dua negara. Pada tahun yang sama perkhidmatan feri antara Dumai, Sumatera dengan Melaka diadakan di samping perkhidmatan feri di antara Belawan dengan Pulau Pinang.[112]

Demi mempertingkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, maka pada 11 Mei 1967, Malaysia dan Indonesia menandatangani Perjanjian Asas tentang Hubungan Perdagangan dan Ekonomi yang

---

107 *Straits Times*, 6 Oktober 1967.

108 *Ibid.*, 25 Oktober 1966.

109 *Djakarta Times*, 26 Oktober 1966.

110 *Ibid.*, 26 November 1966 dan *Times*, 28 November 1966.

111 Lihat "Air Service Negotiation between Indonesia and Malaysia", *FAM*, Jil. 1, Nov. 7 dan 8 Mac 1968, hlm. 67; *Antara–Bonn*, 12 Februari 1968 dan *Straits Times*, 10 Februari 1968.

112 *Antara–Bonn*, 5 Januari 1968.

meliputi aktiviti perdagangan, pameran perdagangan, kerjasama ekonomi dan teknikal dalam pelbagai bidang termasuk perkapalan, perikanan, industri membina kapal dan pengeluaran bahan mentah seperti getah dan bijih timah.[113] Dengan perjanjian ini, Malaysia memberi keistimewaan "the most favoured nation" kepada Indonesia, dan Indonesia juga memberi keistimewaan tersebut kepada Malaysia.[114] Perjanjian ini juga dengan rasminya memulihkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara yang terjejas akibat Konfrontasi selama tiga tahun.[115] Kedua-dua pihak bersetuju membentuk satu suruhanjaya bersama untuk melaksanakan perjanjian tersebut dan untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.[116]

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas menandatangani perjanjian itu, kedua-dua pihak mengakui bahawa mereka mengadakan rundingan dalam suasana yang mesra, persahabatan dan ikhlas. Mereka juga menegaskan bahawa adalah perlu bagi kedua-dua negara untuk merapatkan lagi kerjasama ekonomi yang akan membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak.[117] Menurut Raja Mohar Raja Badiozaman, Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia yang menandatangani perjanjian perdagangan dengan Indonesia, perjanjian ini membuka jalan kepada kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Indonesia berdasarkan keuntungan bersama. Arifin Harahap, Setiausaha Agung, Jabatan Perdagangan Indonesia, menegaskan:

> "To us, the most important thing in the agreement is that it brings Indonesia and Malaysia closer. It is our hope that the implementation of the agreement would be smooth."[118]

Seperti yang tercatat dalam perjanjian perdagangan ini, Malaysia dan Indonesia telah menubuhkan suruhanjaya bersama pada 29 Mei 1968, semasa Menteri Perdagangan Indonesia, Mejar Jeneral Mohd. Yusof, melawat Malaysia.[119] Pada masa yang sama, Indonesia menyeru Ma-

---

113 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2126 dan lihat juga Artikel VII Perjanjian tersebut. *FAM*, Jil. 1, No. 6, September 1967, hlm. 3.

114 Lihat Artikel I Perjanjian Asas Tentang Perdagangan dan Ekonomi Malaysia-Indonesia, *FAM*, Jil. 1, No. 6, September 1967, hlm. 1.

115 *Djakarta Times*, 16 Mei 1967 dan *Asian Recorder*, 2–8 Julai 1967, hlm. 7791.

116 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2126.

117 "Malaysia-Indonesia Trade Agreement-Joint Communique", *FAM*, Jil. 1, No. 6, September 1967, hlm. 39.

118 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2126.

119 *Bernama*, 28 dan 29 Mei 1968.

laysia menubuhkan satu konsortium bank-bank untuk memberi kemudahan kredit bagi menjalankan perdagangan langsung antara kedua-dua negara. Malaysia dan Indonesia juga bersetuju untuk mengadakan perdagangan langsung antara mereka dan melipatgandakan usaha kerjasama yang lebih rapat dalam memasarkan bahan-bahan eksport mereka.[120]

Semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman, Suruhanjaya Bersama Ekonomi Malaysia-Indonesia telah bersidang sebanyak tiga kali. Sesi pertama diadakan pada 1 Julai 1968 di Jakarta, sesi kedua dari 24 hingga 28 Mac 1969 di Kuala Lumpur dan sesi ketiga pada 20 Ogos 1970 di Jakarta.[121] Dalam sesi pertama Suruhanjaya Bersama, isu mengadakan konsortium bank-bank dibincangkan kerana jumlah perdagangan Malaysia-Indonesia mula meningkat sejak pemulihan hubungan antara kedua-dua negara. Mereka meninjau kemungkinan mengadakan kerjasama dalam bidang teknik dan ekonomi tentang pengeluaran, pemprosesan dan pengeksportan bahan-bahan mentah yang tertentu, seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu balak. Dalam mesyuarat itu, mereka juga membincangkan soal perdagangan sempadan antara Kalimantan dengan Malaysia Timur.[122] Selepas sesi pertama ini, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk memberi kemudahan kredit eksport kepada Indonesia untuk memulihkan ekonominya. Keputusan ini diambil kerana ahli-ahli bank Malaysia bersetuju untuk menubuhkan konsortium bagi membantu Indonesia. Pihak Indonesia dengan rasminya telah mengemukakan permintaan tersebut.[123]

Pada 28 Mac 1969, iaitu pada sesi kedua, kedua-dua negara mencapai persetujuan tentang pemberian kredit untuk meningkatkan perdagangan Malaysia-Indonesia.[124] Pada sesi yang sama, kedua-dua pihak telah meneruskan perbincangan tentang perdagangan sempadan, kerjasama perkapalan dan perikanan. Kedua-dua negara juga bersetuju mengadakan hubungan telekomunikasi antara pusat-pusat perniagaan getah supaya dapat memberi maklumat dengan cepat kepada para peniaga.[125] Dalam sesi ketiga pada bulan Ogos 1970, kedua-dua negara membin-

---

120 *Ibid.*, 31 Mei 1968 dan juga "Joint Communique on Trade Talk", *Siaran Akhbar*, 31 Mac 1968.

121 Lihat *Malaysia Year Book 1971*. Kuala Lumpur: Malay Mail Press, 1971, hlm. 137.

122 Lihat *Bernama*, 25 dan 30 Jun 1968. Raja Mohar sekali lagi mengetuai rombongan Malaysia ke Indonesia.

123 *Ibid.*, 13 Julai 1968 dan *Sunday Times*, 14 Julai 1868.

124 *Asian Recorder*, 4–10 Jun 1969, hlm. 8958.

125 *Ibid.*

cangkan soal penyelaraskan harga bahan-bahan mentah seperti getah, lada hitam, kelapa sawit dan kelapa. Kedua-dua pihak juga mengadakan perjanjian perdagangan sempadan.[126]

Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama dalam soal penghantaran pekerja Indonesia ke Malaysia. Semasa lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia pada bulan Mac 1968, Menteri Buruh Malaysia, Manickavasagam, dan rakan sejawatnya dari Indonesia, Brig. Jeneral Awaluddin, menandatangani perjanjian buruh. Malaysia mengimport buruh dari Indonesia kerana mereka mudah bercampur gaul dalam masyarakat Malaysia dan mengamalkan cara hidup yang sama dengan rakyat tempatan. Kira-kira 25 000 buruh Indonesia dihantar ke Malaysia untuk bekerja dalam pelbagai sektor. Indonesia juga berjanji untuk meningkatkan penghantaran buruh jika Malaysia memerlukan tambahan tenaga buruh. Di samping itu, terdapat enam orang doktor Indonesia yang berkhidmat di Malaysia.[127]

Pada masa yang sama, isu perikanan merupakan satu masalah yang berterusan dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Indonesia tidak membenarkan nelayan-nelayan asing menangkap ikan di perairannya. Namun begitu, nelayan-nelayan Malaysia terus menangkap ikan di perairan Indonesia kerana tangkapan yang lumayan. Ada antara mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia kerana menceroboh perairan negara itu. Bagi mengatasi masalah ini, para nelayan Malaysia mendesak kerajaan supaya berunding dengan pihak Indonesia.[128] Di samping itu, terdapat nelayan kaya dari Malaysia yang berunding dengan komander-komander tentera daerah Indonesia supaya tidak mengambil tindakan terhadap mereka dan ada juga nelayan yang mendapat permit untuk menangkap ikan di perairan Indonesia melalui saudara mereka di Indonesia.[129] Semasa rundingan sesi pertama Suruhanjaya Bersama Ekonomi Malaysia-Indonesia, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang perikanan termasuk menangkap ikan bersama di Selat Melaka dan perairan sempadan Sabah dan Kalimantan.[130] Persetujuan ini bertujuan memberi kemudahan kepada para nelayan dari kedua-dua negara mendapat tangkapan yang lebih baik. Berkenaan hal ini, Menteri Pertanian dan Koperasi Malaysia, Haji Gazali Haji Jawi, berunding de-

126 *Malaysia Year Book 1971*, hlm. 137. Lihat juga *FAM*, Jil. 3, No. 1, 1970, hlm. 109.
127 *Antara-Bonn*, 13 Mac 1968.
128 *Ibid.*, 31 Mei 1968.
129 *Malaysia Year Book 1971*, hlm. 137.
130 *Ibid.*

ngan pihak Indonesia pada 1 November 1968. Kedua-dua pihak mencapai persetujuan untuk menubuhkan satu suruhanjaya khas bagi membincangkan masalah perikanan di Selat Melaka.[131] Pada bulan Ogos 1969, kedua-dua negara mengadakan perjanjian perikanan bersama yang membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam bidang penyelidikan, latihan dan memproses ikan. Di samping itu, nelayan Malaysia dan Indonesia boleh beroperasi secara berasingan di kawasan yang kaya dengan ikan di Selat Melaka.[132]

Kerjasama ekonomi Malaysia-Indonesia juga berterusan dalam bidang pengeluaran bijih timah. Menteri Perlombongan Indonesia, Prof. Dr. Soemetri Brodjonegoro, yang melawat Malaysia pada bulan Mac 1969 berkata, negaranya berminat bekerjasama dengan Malaysia dan Thailand dalam pengeluaran bijih timah. Beliau menerangkan bahawa Indonesia tidak berpuas hati dengan kuota pengeluaran yang diperuntukkan oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC). Malaysia menjelaskan bahawa kuota tersebut akan dihapuskan jika harga bijih timah naik.[133] Menteri Perdagangan Malaysia, Dr. Lim Swee Aun, mengatakan bahawa Malaysia sedia memberi bantuan teknikal kepada Indonesia dalam bidang perlombongan bijih timah. Pada masa yang sama, tiga pakar bijih timah Indonesia berada di Malaysia untuk mempelajari teknik-teknik moden untuk melombong bijih timah. Kedua-dua pihak mengakui mereka mencapai persetujuan untuk bekerjasama dalam perlombongan bijih timah dan mengadakan pertukaran pakar. Sementara itu, pihak Indonesia mengumumkan negaranya akan mengurangkan penghantaran bijih timah ke Pulau Pinang untuk diproses kerana sudah memiliki kilang memproses bijih timah di Bangka, Sumatera.[134]

Malaysia dan Indonesia turut bekerjasama dalam sektor pembalakan. Empat syarikat pembalakan Malaysia telah melabur kira-kira $24 juta dalam projek pembalakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Indonesia.[135] Kerajaan Indonesia telah memberi konsesi sebanyak 250 000 ekar hutang di Kalimantan Utara untuk projek usaha sama tersebut.[136] Selain itu, industri pelancongan juga meningkat maju di Indo-

---

131 *Ibid.*, dan *Bernama,* 15 Julai 1968. Pada awal tahun 1969, suruhanjaya tersebut dibentuk untuk meninjau masalah perikanan. *Berita Harian*, 12 Januari 1969.

132 *Straits Times*, 9 Ogos 1969.

133 *Bernama*, 17 Mac 1969.

134 *Ibid.*, 18 Mac 1969.

135 Syarikat-syarikat Malaysia ialah Limbang Timber Co., Simanggang Sawmill, dan Khong Tai Sawmill. Lihat *Straits Times*, 12 Julai 1969.

136 *Bernama*, 27 Julai 1969.

nesia sejak perkhidmatan feri jenis hidrofoil diperkenalkan di antara Pulau Pinang dengan Belawan pada tahun 1969. Bagi memajukan lagi industri pelancongan, konsul Indonesia di Pulau Pinang, R.M. Muharam, mendesak pengusaha-pengusaha hotel Malaysia supaya membina hotel di Sumatera yang kekurangan hotel.[137] Ini bukan sahaja akan memajukan ekonomi kedua-dua negara tetapi juga akan meningkatkan hubungan muhibah. Menurut R.M. Muharam, kerajaan Indonesia sedang mempertimbangkan pemberian kemudahan masuk ke Indonesia tanpa visa selama tujuh hari kepada pelancong Malaysia.[138]

Dari segi perdagangan dua hala, nilai perdagangan Malaysia dengan Indonesia selepas Konfrontasi telah meningkat maju (lihat Jadual 2). Misalnya, nilai eksport Malaysia ke Indonesia pada tahun 1965 (semasa Konfrontasi) adalah $0.1 juta tetapi pada tahun 1967 (selepas Konfrontasi) telah meningkat kepada $11 juta dan pada tahun 1970 kepada $29.1 juta (lihat Jadual 2). Begitu juga dengan import barangan dari Indonesia. Pada tahun 1965, nilai import dari Indonesia ialah tujuh juta ringgit tetapi meningkat menjadi $47.1 juta pada tahun 1967 (selepas Konfrontasi) dan terus meningkat menjadi $199.8 juta pada tahun 1970 (lihat Jadual 2). Namun begitu, dua tahun selepas Konfrontasi, iaitu pada tahun 1966 dan 1967, perdagangan dua hala Malaysia-Indonesia tidak berkembang dengan pesat kerana pada peringkat ini, kesan Konfrontasi ekonomi masih ada walaupun rundingan pemulihan hubungan ekonomi diadakan. Cuma selepas Perjanjian Asas tentang Hubungan Perdagangan dan Ekonomi ditandatangani pada bulan Julai 1967 barulah perdagangan antara kedua-dua negara bertambah maju. Eksport Malaysia ke Indonesia berlipat ganda dari $11.1 juta pada tahun 1967 menjadi $21.5 juta pada tahun 1968. Import Malaysia dari Indonesia pula meningkat dari $47.1 pada tahun 1967 kepada $184.2 juta pada tahun 1968, iaitu lebih empat kali ganda (lihat Jadual 2).

Dari segi imbangan perdagangan pula, perdagangan dua hala Malaysia-Indonesia menguntungkan pihak Indonesia kerana mendapat kelebihan perdagangan sebanyak $162.7 juta (1968), $149.5 juta (1969) dan $170.7 juta (1970). Malahan, imbangan perdagangan Malaysia-Indonesia sebelum Konfrontasi juga telah menguntungkan pihak Indonesia kerana Indonesia mengekport bahan-bahan mentahnya seperti getah dan bijih timah ke Malaysia, untuk dieksport semula atau diproses.[139]

---

137 *Ibid.*, 11 Julai 1969.

138 *Straits Times*, 24 Julai 1967.

139 Lihat Jadual 1 dalam Bab 2.

Jadual 2 Perdagangan antarabangsa Malaysia Barat dengan Indonesia, 1964–1970

	1964	**1965**	**1966**	**1967**	**1968**	**1969**	**1970**
Import dari Indonesia (nilai dalam $ Malaysia)	42.8	7.0	13.1	47.1	184.2	177.6	199.8
Eksport ke Indonesia	2.9	0.1	1.2	11.1	21.5	26.1	29.1
Imbangan perdagangan menguntungkan pihak Indonesia	39.9	6.9	11.9	36.0	167.7	149.5	170.7

Sumber: Jadual Statistik 5 dan 6 daripada *Malaysian Year Book 1968*, hlm. 372–373 dan *Malaysia Year Book 1970*, hlm. 594–595 (semua angka di atas dalam kiraan juta).

Walaupun perdagangan antarabangsa Malaysia-Indonesia meningkat maju selepas Konfrontasi, khasnya selepas tahun 1967, tetapi kedua-dua pihak mengakui bahawa pelaksanaan perdagangan antara mereka tidak mencapai tahap yang diharapkan. Ini kerana peraturan perdagangan antara kedua-dua pihak masih ketat dan tidak seperti peraturan perdagangan Singapura-Indonesia.[140]

Adalah jelas bahawa hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia mencerminkan tema kerjasama yang begitu nyata sekali. Kedua-dua negara sedar tentang perlunya pemulihan hubungan ekonomi yang terbengkalai selama hampir tiga tahun akibat Konfrontasi. Perjanjian Asas tentang Hubungan Pedagangan dan Ekonomi Malaysia-Indonesia bukan sahaja memansuhkan konfrontasi ekonomi dengan rasminya dan memulihkan semula kerjasama ekonomi malah memberi layanan istimewa "the most favoured nation" kepada satu sama lain. Layanan sedemikian tidak pernah wujud dalam hubungan ekonomi kedua-dua negara sebelum Konfrontasi. Selain itu, kedua-dua negara sebagai pengeluar utama bahan mentah seperti getah dan bijih timah, telah bekerjasama rapat untuk menstabilkan harga bahan-bahan tersebut di pasaran dunia.

140 *Asian Recorder*, 1–7 Januari 1969, hlm. 8695.

Hubungan Sosial

Hubungan sosial Malaysia-Indonesia selepas Konfrontasi menunjukkan tanda-tanda positif. Sebaik-baik sahaja perjanjian pemulihan hubungan diadakan pada 11 Ogos 1966, kesatuan-kesatuan pelajar dari kedua-dua negara mencadangkan lawatan muhibah antara satu sama lain untuk memperkuatkan lagi hubungan yang baru pulih itu.[141] Sebagai tanda persahabatan dan persaudaraan, Tunku Abdul Rahman dan Yang di-Pertuan Agong telah menghantar ucapan tahniah kepada Presiden Sukarno dan Jeneral Suharto yang merayakan ulang tahun kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1966. Jeneral Suharto telah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia atas ucapan tersebut.[142] Sebagai tanda pemulihan hubungan dan persahabatan, pada 26 Ogos 1966, Radio Indonesia telah menghentikan penyiaran rancangan yang mengandungi unsur anti-Malaysia dan mula menyiarkan rancangan yang berkaitan dengan pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia.[143]

Dalam hubungan sosial Malaysia-Indonesia, soal pelajaran dan usaha menyamakan ejaan Rumi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia merupakan aspek yang penting. Pada bulan September 1966, Tan Sri Syed Nasir, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), telah melawat Indonesia untuk berunding dengan pihak Indonesia bagi menyambung semula usaha penyamaan ejaan bahasa Melayu/Indonesia. Lawatan Syed Nasir telah membawa kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan sistem ejaan bersama yang dinamakan Malindo.[144] Pada bulan Mac 1967, kedua-dua pihak bersetuju untuk menandatangani perjanjian tentang penyamaan ejaan. Akan tetapi mesyuarat ejaan bersama ditunda ke satu tarikh yang belum ditetapkan kerana perkembangan politik di Indonesia. Oleh itu, perwakilan Indonesia tidak dapat datang ke Kuala Lumpur untuk meneruskan perbincangan tentang penyamaan ejaan.[145]

Menjelang akhir bulan Mei 1967, Menteri Pelajaran Malaysia, Khir Johari, telah melawat Indonesia selama seminggu. Semasa berada di

---

141 *Straits Times*, 13 dan 30 Ogos 1966.

142 *Ibid.*, 20 Ogos 1966.

143 *Ibid.*, 25 Ogos 1966.

144 *Ibid.*, 21, 24 dan 28 September 1966. Malindo bermakna Malaysia-Indonesia. Semasa berada di Jakarta, Syed Nasir juga membincangkan soal pertukaran pakar-pakar bahasa dan guru-guru dengan pegawai-pegawai Indonesia. Lihat *Djakarta Times*, 23 September 1966.

145 *Straits Times*, 27 Februari dan 6 Mac 1967.

Indonesia, beliau dan Menteri Pelajaran Indonesia, Sarino Mangoenpranoto, menandatangani satu perjanjian pelajaran pada 3 Jun 1967 yang meliputi pertukaran guru, pensyarah universiti dan perkara lain yang berkaitan dengan pendidikan. Dalam kenyataan bersama, kedua-dua pihak bersetuju membincangkan soal pendidikan dengan semangat persahabatan dan persefahaman. Mereka juga mengakui bahawa rundingan selama tujuh hari itu berlangsung dalam suasana yang mesra, saling menghormati dan ikhlas.[146] Kedua-dua negara bersetuju bagi melaksanakan perjanjian ini secepat mungkin.

Pada 20 Jun 1967, rundingan peringkat akhir untuk menyamakan ejaan bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Syed Nasir mengetuai perwakilan Malaysia dan Puan Rudjiati Muljadi mengetuai rombongan Indonesia.[147] selepas berunding selama seminggu, kedua-dua pihak mencapai persetujuan penuh untuk membentuk sistem ejaan baru. Di samping itu, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang-bidang lain dalam bahasa Malaysia dan Indonesia.[148] Pada 2 Ogos 1967, laporan tentang ejaan seragam ini diserahkan kepada kabinet masing-masing untuk diluluskan.[149]

Walaupun kedua-dua kerajaan telah meluluskan penggunaan sistem ejaan baru tetapi di Indonesia terdapat beberapa golongan seperti persatuan wartawan dan kesatuan pelajar yang menentang pelaksanaan sistem tersebut. Menurut Setiausaha Persatuan Wartawan Indonesia, Puan Simorangkir:

> "Good cooperation did not depend on a common spelling but on good relations between both sides. We should not rush to carry out the new plan."[150]

Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI) juga membantah pelaksanaan sistem ejaan baru kerana mereka berpendapat kerajaan Indonesia kekurangan wang untuk melaksanakannya. Jadi, mereka mendesak kerajaan Indonesia menumpukan perhatian dalam mengamalkan

---

146 *Djakarta Times*, 5 Jun 1967 dan *Asian Recorder*, 27 Ogos–2 September 1967, hlm. 7887.

147 *Straits Times*, 20 Jun 1967.

148 *Ibid.*, 28 Jun 1967.

149 *Ibid.*, 1 Ogos 1967.

150 *Straits Times*, 30 September 1967 dan *Bernama*, 18 Ogos 1968.

rancangan pembangunan ekonomi lima tahun. Pelaksanaan ejaan baru memerlukan kira-kira $96 juta. Oleh sebab Indonesia mengalami krisis ekonomi, KAMI berpendapat adalah wajar menyumbangkan wang tersebut dalam projek pembangunan.[151] Justeru itu, Adam Malik menegaskan, kerajaan Indonesia hanya menunggu masa yang sesuai melaksanakan sistem ejaan baru.[152] Kedua-dua negara mula mengamalkan sistem ejaan baru pada tahun 1972.

Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama dalam aspek pertukaran guru. Malaysia yang menghadapi masalah kekurangan guru untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah aliran bahasa kebangsaan, telah meminta kerjasama pihak Indonesia untuk menghantar guru ke Malaysia.[153] Pihak Indonesia mengumumkan kesediaan mereka untuk menghantar pensyarah, guru dan juga buku teks supaya dapat meningkatkan mutu pengajaran dalam bahasa Malaysia.[154] Semasa Menteri Pelajaran Indonesia yang baru, Mahsuri Salleh, melawat Malaysia, beliau dan Khir Johari mengadakan rundingan tentang pertukaran guru.[155] Hasilnya, kerajaan Malaysia menghantar empat orang pegawai ke Indonesia untuk mengambil kira-kira 88 orang guru sains, matematik dan mata pelajaran teknikal bagi tahun 1968.[156] Guru-guru Indonesia diperlukan sebagai tenaga pengajar mata pelajaran sains dan matematik kerana Malaysia tidak mempunyai guru-guru terlatih yang cukup bagi mengajar bidang-bidang tersebut dalam bahasa Melayu. Pada tahun berikut, Malaysia memerlukan kira-kira 200 orang guru kerana pihaknya juga menghadapinya masalah kekurangan guru. Namun begitu, Indonesia berjanji akan bekerjasama dengan Malaysia untuk mengamalkan sistem pendidikan baru di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.[157] Pada tahun 1970, kira-kira 74 orang guru Indonesia

---

151 *Berita Harian*, 4 Januari 1969.

152 *Bernama*, 18 Ogos 1968. Menurut Sayuti Malik, Ahli Parlimen Indonesia dan bekas pengarang akhbar *Suluh Indonesia*, penentangan terhadap penyamaan ejaan bersama akan berkurangan dengan sendiri kerana ada rakyat Indonesia kurang memahaminya. Kerjasama ejaan ini harus dijalankan tahap demi tahap kerana kesulitan yang dihadapi oleh Indonesia. *Berita Harian*, 4 Januari 1969.

153 Semasa Menteri Pelajaran Malaysia, Khir Johari, melawat Indonesia pada bulan Mei 1967, beliau telah mengemukakan permintaan ini dengan rasminya.

154 *Straits Times*, 2 Februari 1967.

155 *Bernama*, 13 Ogos 1968.

156 *Straits Times*, 15 Ogos 1968.

157 *Bernama*, 28 Oktober 1969. Menjelang akhir tahun 1969, terdapat 280 orang guru sains dan matematik Indonesia di Malaysia. Lihat Bob Reece, "Dare The Tunku Go?", *FEER*, Jil. LXVIII, No. 50, 11 Disember 1969.

berkhidmat di Malaysia.[158] Semua urusan pengambilan guru Indonesia dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA). Guru dari Indonesia dilarang campur tangan dalam politik Malaysia dan mereka diberi gaji tetap bulanan $850 untuk guru lelaki dan $750 untuk guru wanita.[159] Perkhidmatan guru Indonesia adalah berpunca daripada kerjasama yang erat antara kedua-dua kerajaan. Pada peringkat awal perkhidmatan guru-guru Indonesia ini, terdapat sedikit masalah ejaan bahasa Melayu atau istilah sains.[160] Selain guru Indonesia, terdapat juga pensyarah dari Indonesia yang berkhidmat secara kontrak di Universiti Malaya.[161]

Pada masa yang sama juga, pihak Indonesia sedia menerima pelajar-pelajar Malaysia berkelulusan *Higher School Certificate* (HSC) untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti Indonesia.[162] Menjelang akhir tahun 1970, terdapat kira-kira 663 orang pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti Indonesia[163] atas pembiayaan sendiri atau tajaan agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kebanyakan pelajar ini menuntut dalam bidang perubatan, pergigian dan mata pelajaran vokasional atau teknikal.[164] Sementara itu, pihak Indonesia telah mengemukakan kesediaannya untuk membantu Malaysia bagi menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak idea itu diumumkan pada tahun 1968. Menurut jurucakap Kedutaan Indonesia:

> "We have had co-operation with Malaysia in many fields in the past, such as in politics and commerce, and we will always be willing to give a hand to Malaysia in its efforts to establish a National University."[165]

Menteri Pelajaran Malaysia yang baru, Datuk Abdul Rahman Yaakub, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran mengadakan beberapa rundingan dengan pihak Indonesia di Jakarta untuk mendapatkan bantuan daripada Indonesia, khasnya daripada segi tenaga

---

158 *Berita Harian*, 4 Februari 1969.

159 Perbahasan Parlimen, 14 Januari 1969, lajur 3087.

160 *Berita Harian*, 25 Februari 1969.

161 *Djakarta Times*, 23 September 1966.

162 *Straits Times*, 2 Februari 1967.

163 Lihat lampiran 5 dalam Rohani Abdul Ghani, 'Hubungan Malaysia-Indonesia, 1966–1986', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989, hlm. 212.

164 *Utusan Malaysia*, 28 Julai 1969 dan *Antara-Bonn*, 18 Julai 1968.

165 *Bernama*, 18 Jun 1969.

pengajar.[166] Hasilnya, pada awal tahun 1970, pihak Indonesia bersetuju menghantar 17 orang pensyarah untuk berkhidmat dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum bulan Mei 1970 kerana sesi pertama UKM bermula pada bulan tersebut.[167]

Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid, salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Penaja UKM, Indonesia memberi bantuan kepada penubuhan UKM berdasarkan semangat muhibah dan persaudaraan yang wujud antara kedua-dua negara yang serumpun bangsa.[168] Menurut beliau lagi, Datuk Abdul Rahman Yaakub pernah menegaskan tanpa bantuan Indonesia bukan sahaja penubuhan UKM akan gagal tetapi pelaksaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal akan turut gagal.[169]

Sementara itu, sikap muhibah dan persahabatan juga berjaya menyelesaikan satu perselisihan kecil tentang isi kandungan buku sejarah *Tawarikh Dunia Untuk Sekolah Menengah Buku Tiga* oleh V. Rajendra dan N. Rajendra yang diterbitkan oleh Longman Malaysia Sdn. Bhd. Dalam buku ini, penulis tersebut telah menyatakan bahawa kemerdekaan Indonesia diberi oleh pihak Jepun. Oleh itu, pihak Kedutaan Indonesia telah meminta Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mendesak penerbit buku itu membetulkan kesilapan dengan penjelasan bahawa kemerdekaan Indonesia bukan diberi oleh mana-mana pihak tetapi diperoleh hasil perjuangan rakyat Indonesia sendiri. Tujuan pihak Indonesia meminta pindaan tersebut dibuat adalah supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan di kalangan pelajar sekolah yang menggunakan buku tersebut sebagai buku teks sekolah. Pihak Kementerian Pelajaran dan juga Penerbit Longman bersetuju membuat pindaan tersebut dan oleh yang demikian masalah ini dapat diselesaikan.[170]

---

166 *Berita Harian*, 22 Januari 1970.

167 *Ibid.*, 19 Januari 1970. UKM dibuka pada bulan Mei 1970 dengan tiga buah fakulti, iaitu Sastera, Sains dan Pengajian Islam. Kampus sementaranya terletak di Lembah Pantai. Untuk keterangan lanjut tentang penubuhan UKM, lihat Mohd. Ali Kamarudin 1981. *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

168 Temu bual penulis dengan Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid di pejabatnya di Jabatan Sejarah UKM, Bangi, pada 11 April 1989.

169 *Ibid.*

170 *Bernama*, 12 dan 13 Ogos 1969. Menurut *Antara Daily News Bulletin*, pihak kedutaan Indonesia menghantar bantahan kepada kerajaan Malaysia tentang perenggan buku sejarah tersebut yang menghina Indonesia dengan mengatakan bahawa kemerdekaan Indonesia adalah pemberian pihak Jepun. Pegawai akhbar kedutaan Indonesia, En. Minin Saleh, menerangkan bahawa pihaknya hanya meminta membetul-

Semangat muhibah dan persaudaraan juga wujud dalam aspek-aspek lain. Pada tahun 1966, Indonesia menghantar semula pesertanya ke pertandingan tahunan membaca al-Qur'an peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur. Kehadiran peserta dari Indonesia telah merapatkan semula persaudaraan antara kedua-dua negara yang terjejas akibat Konfrontasi. Dalam majlis pembukaan pertandingan tersebut, Tunku Abdul Rahman berkata:

> "On this auspicious occasion let us pray to God Almighty that the present government of Indonesia which has the support of those believes in God remain in power in the country and lead the nation along the road to security and prosperity."[171]

Penyertaan semula Indonesia itu bukan sahaja merapatkan hubungannya dengan Malaysia tetapi juga dengan negara-negara Islam. Syed Nasir pernah berkata, negara-negara Islam tidak pernah melihat Indonesia sebagai musuh kerana pernah berkonfrontasi dengan Malaysia.[172]

Bagi merapatkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara, pada bulan Oktober 1967, kerajaan Indonesia telah menghadiahkan seekor kuda kepada kerajaan Malaysia sebagai tanda muhibah dan tanda tamatnya Konfrontasi.[173] Selain itu, rakyat daripada kedua-dua negara tidak ketinggalan untuk membantu antara satu sama lain semasa menghadapi malapetaka. Misalnya, rakyat Malaysia telah menghulurkan bantuan wang tunai kepada mangsa bencana alam di Indonesia pada bulan Oktober 1966.[174] Begitu juga semasa banjir melanda Malaysia Barat pada awal tahun 1967, rakyat Sumatera Utara telah memberi sumbangan sebanyak lima tan beras kepada mangsa banjir tersebut.[175] Di samping itu, pihak tentera Indonesia juga telah menghantar pasukan kebudayaan ke Kuala Lumpur untuk mengutip derma bagi membantu mangsa banjir. Tujuan lawatan itu bukan sahaja untuk membantu mangsa banjir tetapi juga untuk meningkatkan persahabatan antara rakyat kedua-dua ne-

---

kan kesilapan tersebut dan bukan membantah seperti yang tersiar oleh *Antara Daily News Bulletin*. Lihat *Bernama* 13 Ogos 1969 dan juga *Straits Times*, 14 Ogos 1969.

171 *Straits Times*, 29 Disember 1966.

172 *Ibid.* Pada tahun berikutnya, Indonesia menghantar pesertanya ke Malaysia untuk bertanding. Pada tahun 1968, peserta wanitanya Mariwijah Harifai memenangi tempat kedua. Lihat *Asian Recorder*, 5–11 Mac 1969, hlm. 8808.

173 *Straits Times*, 28 Oktober 1967.

174 *Ibid.*, 3 November 1966.

175 *Ibid.*, 26 Januari 1966. Untuk keterangan lanjut tentang banjir di Malaysia, sila lihat *Times*, 6, 7, 18 Januari dan 22 Februari 1967.

gara.[176] Begitu juga semasa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 berlaku di Malaysia; rakyat Indonesia, khasnya dari Sumatera, telah menyumbangkan sayur-sayuran sebanyak 21.9 tan untuk diagihkan kepada mangsa rusuhan kaum tersebut. Sayur-sayuran itu diserahkan kepada Menteri Kebajikan Malaysia, Tan Sri Fatimah Haji Hashim, oleh Kolonel Moerdani, Konsular Kedutaan Indonesia. Semasa menyampaikan bantuan ini, Kolonel Moerdani mengumumkan bahawa sumbangan ini adalah tanda simpati dan dukacita rakyat Indonesia terhadap rusuhan kaum yang berlaku di Malaysia.[177]

Sementara itu, kedua-dua negara telah bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang kesihatan. Pada bulan Ogos 1969, Menteri Kesihatan Malaysia, Tan Sri Sardon Hj. Jubir dan Menteri Kesihatan Indonesia, Prof. G.A. Siwabessy, mengumumkan keputusan tersebut selepas berunding di Kuala Lumpur. Mereka bersetuju bekerjasama mengatasi ancaman penyakit malaria, mengadakan pertukaran doktor, pensyarah perubatan serta jururawat.[178]

Dalam bidang komunikasi dan penyiaran pula, Malaysia dan Indonesia turut bekerjasama. Antara *Daily News Bulletin* membuka cawangannya di Jakarta pada bulan Ogos 1967 sebagai tanda kerjasama dan meningkatkan persefahaman dengan Malaysia.[179] Pada tahun 1969, rundingan tentang pertukaran rancangan radio, televisyen dan filem diadakan di Kuala Lumpur. Kedua-dua negara juga mengambil bahagian dalam Seminar Antarabangsa tentang Drama dan Muzik Tradisi Asia Tenggara yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1969.[180] Pada bulan Februari 1970, Malaysia dan Indonesia secara prinsipnya bersetuju mengadakan pertukaran rancangan televisyen, radio, wartawan dan juga rombongan kebudayaan.[181] Di samping itu, kedua-dua negara bersetuju untuk menerbitkan bersama *ASEAN Magazine*.[182] Bagi mempercepatkan kerjasama dalam bidang komunikasi, Menteri

---

176 Pasukan kebudayaan itu mengadakan pertunjukan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Melaka, Alor Setar, Kuantan dan Kota Bharu. *Straits Times*, 25 Mac 1967.

177 Lihat *Siaran Akhbar*, Kedutaan Besar Republik Indonesia, Kuala Lumpur, 7 Jun 1969 dan *Bernama*, 31 Mei 1969.

178 Lihat *Utusan Malaysia*, 2 Ogos 1969 dan juga *Bernama*, 1 Ogos 1969.

179 Apabila *Bernama* membuka cawangan di luar negeri, Malaysia mengumumkan bahawa pembukaan cawangan pertamanya adalah di Jakarta. Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2344.

180 *Bernama*, 21 dan 24 Ogos 1969.

181 *Straits Times*, 7 Februari 1970.

182 *Ibid.*, dan *Bernama*, 8 Februari 1970.

Penerangan Malaysia, Dato' Hamzah Abu Samah, melawat Jakarta untuk berunding dengan pihak Indonesia pada 18 hingga 29 Jun 1970, iaitu ketika Indonesia merayakan perayaan ulang tahun ke-423 bandar raya Jakarta. Begitu juga Menteri Penerangan Indonesia, Timbalan Marsyal Udara, Budiardjo, melawat Malaysia untuk meneruskan rundingan tentang kerjasama dalam penyiaran, penerangan dan perfileman.[183]

Selepas Konfrontasi tamat, banyak lawatan muhibah diadakan oleh pelbagai lapisan rakyat kedua-dua negara. Antara lawatan penting ialah lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia pada tahun 1968 dan lawatan Presiden Suharto ke Malaysia pada tahun 1970. Lawatan kedua-dua pemimpin ini telah merapatkan lagi persaudaraan antara Malaysia dan Indonesia. Di samping itu, terdapat lawatan yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin politik dan tentera dari kedua-dua negara.[184] Selain itu, terdapat lawatan yang diadakan oleh rombongan kebudayaan Malaysia melawat Medan pada bulan Jun 1968.[185] Begitu juga rombongan kebudayaan angkatan tentera mengadakan pertunjukan di Malaysia.[186] Di samping itu, pelajar-pelajar Universiti Serividjaya, Palembang, pernah mengadakan pertunjukan kebudayaan di Malaysia pada tahun 1970.[187] Selepas Konfrontasi, lawatan-lawatan peribadi untuk mengunjungi saudara-mara juga berlaku. Misalnya, Menteri Luar Indonesia, Adam Malik, pernah melawat sanak saudaranya di Ipoh pada tahun 1968.[188] Dengan peningkatan lawatan rakyat kedua-dua negara untuk mengunjungi saudara-mara mereka, perkhidmatan feri di antara Sumatera dengan Malaysia Barat dipertingkatkan. Bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Indonesia melawat Malaysia, kerajaan Malaysia juga memberi kemudahan imigresen, iaitu rakyat Indonesia dibenarkan melawat Malaysia tanpa visa selama 7 hari. Kemudahan ini tergendala sementara semasa berlaku rusuhan kaum 13 Mei 1969.[189]

Kerjasama dan persaudaraan antara kedua-dua negara menjadi lebih

---

183 *Malaysia Year Book 1971*, hlm. 137.

184 *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April 1967.

185 *Bernama*, 20 Jun 1968.

186 *Ibid.*, 18 Ogos 1968.

187 *FAM*, Jil. 1, No. 2; 1970, halaman tidak dicetak.

188 *Bernama*, 11, 12 dan 13 April 1968. Semasa lawatan ini, beliau juga melawat pemimpin-pemimpin Malaysia termasuk Tunku Abdul Rahman, dan bermain golf dengannya. Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman berjanji untuk memberi bantuan kepada Indonesia untuk mengaturkan perlumbaan kuda di negara itu.

189 *Ibid.*, 30 Mei 1969.

nyata dalam hubungan sosial selepas Konfrontasi. Soal pelajaran dan ejaan bersama merupakan dua isu penting yang memperlihatkan tema kerjasama dan persaudaraan. Oleh sebab bahasa Melayu dan bahasa Indonesia berasal daripada rumpun yang sama, maka terdapat kesedaran antara kedua-dua pihak untuk menyamakan sistem ejaan kedua-dua bahasa itu. Lawatan-lawatan muhibah yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin Malaysia dan Indonesia telah menguatkan lagi kerjasama dan persaudaraan antara kedua-dua pihak.

Hubungan dari Aspek Keselamatan

Hubungan keselamatan antara Malaysia dan Indonesia merupakan satu aspek baru kerana sebelum ini kedua-dua negara tidak mempunyai ikatan keselamatan sesama mereka. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak pernah terlibat dalam konfrontasi ketenteraan akibat penubuhan Malaysia pada bulan September 1963. Pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia di bawah Order Baru telah menunjukkan bahawa kerjasama diperlukan antara kedua-dua jiran dalam bidang keselamatan kerana kedua-dua negara menghadapi ancaman yang serupa. Malaysia dan Indonesia menghadapi ancaman *Clandestine Communist Organisation* (CCO) di sempadan bersama di Borneo dan masalah lanun di Selat Melaka.[190]

Selepas menandatangani perjanjian pemulihan hubungan pada 11 Ogos 1966, kedua-dua negara mengumumkan hasrat masing-masing untuk bekerjasama dalam aspek keselamatan. Mereka mula mempertimbangkan cadangan untuk mengadakan rondaan bersama di sempadan Borneo, tempat terdapat kira-kira 700 orang gerila komunis.[191] Semasa berada di Kuala Lumpur, Adam Malik pernah menegaskan bahawa Malaysia dan Indonesia harus bekerjasama untuk menghapuskan ancaman komunis.[192] Menurut beliau lagi, Malaysia dan Indonesia perlu mengadakan rundingan tentang kerjasama meronda di Selat Melaka untuk menghapuskan masalah lanun dan di sempadan Borneo untuk menghapuskan masalah komunis.[193] Sementara itu, Tunku Abdul Rahman berpendapat, dengan termeterainya perjanjian pemulihan hubungan

190 CCO juga dikenali sebagai Sarawak Communist Organization (SCO).

191 *Times*, 13 Ogos 1966.

192 *Ibid.* Rejim Sukarno telah memberi senjata dan latihan kepada pihak komunis di sempadan Borneo untuk menggagalkan penubuhan Malaysia.

193 *Straits Times*, 13 Ogos 1966 dan juga *Asian Almanac*, 1966.

maka ini secara langsung membawa kepada pembanterasan komunis. Menurut Tunku Abdul Rahman, "we have the time, the men and the means at our disposal to crush them".[194]

Dengan perjanjian pemulihan itu juga, Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa pertahanan Malaysia Timur menjadi tanggungjawab kerajaan Malaysia dan bukan lagi menjadi tanggungjawab British.[195] Pada 12 Ogos 1966, kerajaan Malaysia melantik Mejar Jeneral Ibrahim Dato' Ismail sebagai pengarah operasi di Malaysia Timur bagi menggantikan Mejar Jeneral Lea daripada tentera British.[196] Pihak Malaysia meminta bantuan Indonesia untuk menjalankan gerakan bersama menghapuskan ancaman komunis di Malaysia Timur. Ini kerana pergerakan CCO akan mengancam perjalanan pilihan raya di Sabah dan Sarawak.[197] Ketua Menteri Sarawak, Penghulu Tawi Sli, misalnya, mencadangkan bahawa Indonesia boleh membantu dengan menggugurkan risalah-risalah yang mendesak pihak komunis menyerah diri.[198] Pengarah operasi di Malaysia Timur, Mejar Jeneral Ibrahim, mengatakan bahawa dengan bantuan Indonesia, Malaysia boleh menghapuskan ancaman komunis dengan mudah di Malaysia Timur, khasnya di Sarawak.[199]

Pada 16 Ogos 1966, kedua-dua negara telah bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Bersama bagi menyelesaikan masalah keselamatan Malaysia dan Indonesia. Pembentukan suruhanjaya ini meningkatkan kerjasama mereka.[200] Bagi mengukuhkan kerjasama dengan Malaysia, pihak Indonesia telah memberi amaran kepada Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) pimpinan A.M. Azahari supaya menghormati perjanjian pemulihan Malaysia-Indonesia.[201] Tambahan pula, pihak Indonesia mengumumkan akan mengundurkan tenteranya dari Borneo sebagai menghormati perjanjian pemulihan mulai bulan Oktober 1966. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk menempatkan pasukan perhubungan tentera masing-masing di sepanjang sempadan Sarawak–

194 *Straits Times*, 12 Ogos 1966.

195 *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1681.

196 *Times*, 13 Ogos 1966. Tentera British mula berundur dari Malaysia Timur dan kumpulan terakhir berundur pada 12 Januari 1967.

197 *Straits Times*, 12 Ogos 1966.

198 *Ibid.*, 13 Ogos 1966.

199 *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1681.

200 *Ibid.*, 17 Ogos 1966; *Times*, 17 Ogos 1966 dan *Asian Recorder*, 17–22 September 1966, hlm. 7294.

201 *Times*, 10 Oktober 1966. Sehingga bulan November 1966, seramai 65 orang anggota TNKU telah menyerah diri kepada kerajaan Malaysia. Lihat *ibid.*, 17 November 1966.

Kalimantan sebagai langkah awal bekerjasama untuk menghapuskan ancaman komunis di sempadan mereka.[202] Pada bulan yang sama, Malaysia dan Indonesia juga bersetuju untuk mengadakan rondaan bersama di sempadan.[203] Menurut H.J. Sjahri, ahli PMRS, usaha ke arah kerjasama keselamatan di sempadan Malaysia-Indonesia bukan satu yang sama dengan Pakatan NATO atas Warsaw tetapi satu kerjasama antara dua jiran yang berasal daripada rumpun bangsa yang sama.[204]

Usaha mengadakan perjanjian keselamatan antara Malaysia-Indonesia bermula sejak mesyuarat pertama Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia untuk melaksanakan perjanjian pemulihan hubungan. Dalam kenyataan bersama pada 14 September 1966 itu, kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan satu perjanjian pertahanan di sempadan bersama.[205] Bagi meneruskan perbincangan bagi mengadakan perjanjian keselamatan, Brig. Jeneral Senarso melawat Malaysia pada bulan November 1966.[206] Begitu juga, kedua-dua pihak telah mengadakan rundingan untuk mengatasi masalah lanun di Selat Melaka. Pada awal tahun 1967, satu rombongan pegawai tentera Malaysia, yang diketuai oleh Lt. Jeneral Abdul Hamid Bidin, melawat Sumatera untuk berunding dengan pihak berkuasa di sana. Ini kerana lanun-lanun mengancam perjalanan perdagangan barter antara Sumatera dengan Semenanjung Malaysia.[207]

Sementara itu, pada 10 Mac 1967, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Peraturan Keselamatan Kawasan Sempadan di Kuala Lumpur untuk menghadapi musuh bersama, iaitu komunis di sempadan Borneo. Dalam perjanjian ini, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menghapuskan ancaman lanun di Selat Melaka.[208] Dengan adanya perjanjian ini, pasukan keselamatan kedua-dua negara mula mengadakan rondaan bersama di kawasan sempadan untuk mengesan pergerakan

---

202 *Ibid.*, 22 Oktober 1966.

203 *Djakarta Times*, 10 Oktober 1966.

204 *Ibid*, 18 Oktober 1966.

205 *FAM*, Jil. 1, No. 3, 1966, hlm. 62.

206 *Ibid.*

207 *Djakarta Times*, 18 Januari 1967.

208 Lihat "Security Arrangements Between Malaysia And Indonesia", *FAM*, Jil. 1, No. 3 dan 4, April 1967, hlm. 50 dan *Asian Recorder*, 7–13 Mei 1967, hlm. 7692. Dalam menandatangani perjanjian ini, Malaysia diwakili oleh Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, dan Indonesia pula diwakili oleh Lt. Jeneral Umar Wirahadi Kusumah. Lihat *Straits Times*, 11 Mac 1967 dan *Djakarta Times*, 13 Mac 1967.

CCO. Kerjasama ini adalah sama dengan kerjasama keselamatan Malaysia-Thailand untuk menghapuskan pergerakan PKM di sempadan Malaysia-Thailand.[209] Justeru itu, Indonesia akan membantu Malaysia memburu kira-kira 1000 orang anggota CCO yang cuba masuk semula ke Malaysia selepas Konfrontasi tamat.[210] Semasa Konfrontasi mereka telah mendapat bantuan daripada rejim Sukarno untuk menentang Malaysia. Perjanjian keselamatan ini menguatkan lagi kerjasama dalam hubungan Malaysia-Indonesia untuk menghapuskan ancaman komunis, lanun, dan elemen subversif. Menurut Brig. Jeneral A.J. Wiltono, Komander Tentera Indonesia di Kalimantan Barat, kerjasama ketenteraan dengan Malaysia telah mempercepatkan usaha kerajaan Indonesia untuk menghapuskan komunis di negara itu dan telah menyebabkan pihak komunis terpaksa menghadapi serangan daripada kedua-dua pihak. Beliau menganggarkan cuma kira-kira 250 orang CCO sahaja bergiat aktif mengancam keselamatan kedua-dua negara dan kedudukan mereka adalah sangat buruk. Dengan adanya perjanjian keselamatan ini, tentera Indonesia menerima bantuan daripada pangkalan di Kuching untuk memburu CCO di kawasan sempadan dan kedua-dua negara dapat bertukar-tukar laporan perisikan tentang CCO.[211] Sementara itu, Tun Abdul Razak mengucapkan terima kasih kepada pihak Indonesia kerana membantu membanteras pengganas komunis di sempadan Sarawak.[212]

Di samping bekerjasama untuk menghapuskan ancaman komunis, pihak Indonesia telah menawarkan bantuan melatih pegawai-pegawai tentera Malaysia di Indonesia. Terdapat pegawai-pegawai tentera Malaysia yang mendapat latihan di Indonesia dan kebanyakan mereka adalah pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).[213]

Bagi meningkatkan persefahaman di kalangan pegawai-pegawai tentera, kedua-dua pihak telah menghantar rombongan muhibah. Misalnya, Malaysia menghantar satu rombongan muhibah yang diketuai oleh Mejar Jeneral Ibrahim Dato' Ismail ke Indonesia untuk mengambil bahagian dalam perayaan angkatan tentera Indonesia pada 5 dan 6 Oktober 1966.[214] Begitu juga Lt. Jeneral Rachmat Kartakusuma, Ketua Staff

---

209 *Straits Times*, 11 Mac 1967.

210 *Djakarta Times*, 9 Mac 1967.

211 *Antara–Bonn*, 31 Januari 1967 dan *Asian Almanac*, 1968, hlm. 3002.

212 Sejak Konfrontasi tamat, kira-kira 150 anggota CCO dibunuh dan 100 lagi menyerah diri dengan pihak berkuasa Malaysia. Lihat *Straits Times*, 30 Julai 1967.

213 *Utusan Malaysia*, 17 November 1969.

214 *Djakarta Times*, 26 September 1966.

Angkatan Tentera Indonesia selaku Menteri Pertahanan dan Keselamatan Indonesia, telah mengadakan lawatan muhibah ke Malaysia pada 18 Julai 1968.[215] Lawatan-lawatan ini telah meningkatkan kerjasama dan persaudaraan antara kedua-dua negara. Sementara itu, Menteri Luar Indonesia, Adam Malik, menegaskan bahawa Indonesia akan bekerjasama rapat dengan Malaysia dan Singapura untuk menguatkan keselamatan rantau ini.[216]

Dalam meneliti hubungan pertahanan Malaysia-Indonesia, dua tema penting jelas kelihatan, iaitu tema kerjasama dan komunisme. Malaysia dan Indonesia telah menyedari peranan yang dimainkan oleh pihak komunis dalam memburukkan hubungan mereka dan juga dalam peristiwa GESTAPU. Oleh itu, kerajaan Malaysia dan Order Baru di Indonesia telah bekerjasama untuk membendung saki-baki perjuangan komunis yang terdapat di sempadan Borneo. Kedua-dua pihak telah menyedari bahawa komunisme merupakan satu ancaman besar kepada mereka dan juga seluruh rantau Asia Tenggara. Justeru itu, kedua-dua pihak bekerjasama membendung ancaman ini di wilayah masing-masing.

Pertubuhan Serantau

Perubahan pucuk pimpinan di Indonesia daripada Presiden Sukarno kepada Jeneral Suharto bukan sahaja telah menamatkan Konfrontasi dan memulihkan hubungan dengan Malaysia tetapi juga membuka era baru dalam perkembangan keserantauan di Asia Tenggara.[217] Ini kerana sebelum kenaikan Jeneral Suharto, Indonesia sangat mementingkan solidariti Afro-Asia dan mengabaikan penubuhan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Malahan pada tahun 1958, Presiden Sukarno pernah menolak idea Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, semasa rundingan pe-

---

215 Lihat *Siaran Akhbar Malaysia*, 19 Julai 1968; *Bernama*, 17 Julai 1968 dan *Malay Mail*, 16 Julai 1968.

216 *Straits Times*, 8 September 1969. Beliau menegaskan bahawa Indonesia tidak melihat Singapura sebagai "Third China" tetapi sebagai salah sebuah negara Asia Tenggara serantau.

217 Sementara itu, di Filipina, Ferdinand Marcos telah berjaya menggantikan Macapagal sebagai Presiden selepas memenangi Pilihan Raya Presiden tahun 1965. Pemulihan hubungan diplomatik dengan Malaysia telah berlaku pada tahun 1966 dan ini membolehkan Association of Southeast Asia (ASA) berfungsi semula dengan kerjasama Malaysia, Filipina dan Thailand.

mulihan hubungan Malaysia-Indonesia, Adam Malik telah mengeluarkan hasrat untuk mengadakan satu pertubuhan serantau yang meliputi Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina bagi meningkatkan kerjasama ekonomi, teknikal dan kebudayaan antara mereka.[218]

Namun begitu, menurut Adam Malik, Indonesia tidak berhasrat menyertai Association of Southeast Asia (ASA) kerana Indonesia bukanlah negara penaja ASA.[219] Indonesia mahu menyertai ASA sebagai "junior member" kerana ini akan menjejaskan kedudukan dan imejnya sebagai negara terbesar di Asia Tenggara. ASA telah dibentuk oleh Malaysia, Filipina dan Thailand pada tahun 1961 dengan harapan untuk merapatkan kerjasama ekonomi sosial dan kebudayaan di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Beliau menegaskan bahawa Indonesia sememangnya menyokong kerjasama serantau.[220] Beliau mencadangkan agar ASA dan MAPHILINDO disatukan supaya kekurangan yang terdapat antara kedua-dua pertubuhan itu dapat diatasi.[221] Sungguhpun Indonesia berminat mengadakan kerjasama serantau tetapi tidak berminat menyertai ASA kerana ini melibatkan soal status dan prestij.

Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa idea kerjasama serantau merupakan cara terbaik untuk menghadapi ancaman dari utara (komunis dari RRC) dan juga untuk menstabilkan serta menguatkan ekonomi negara-negara di rantau Asia Tenggara.[222] Sementara itu, dalam satu temu ramah pada 26 Mac 1967, Adam Malik mengatakan bahawa negaranya akan menaja satu persidangan tujuh negara Asia Tenggara dalam tempoh tiga bulan untuk membincangkan tentang kerjasama serantau. Menurut beliau, Indonesia sedang berunding dengan Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Burma dan Kemboja untuk mengadakan Persidangan MAPHILINDO yang lebih besar bagi membincangkan kerjasama ekonomi, sosial, kebudayaan dan teknikal. Dengan mengadakan persidangan yang baru, Indonesia berharap perbezaan konsep ASA dan MAPHILINDO dapat diatasi.[223] Me-

---

218 Lihat *Asian Recorder*, 16–22 Julai 1966, hlm. 7190.

219 Mohd. Hear b. Hj. Awang, "Malaysia dan Kerjasama Serantau di Asia Tenggara" dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 195.

220 *Asian Almanac*, 1966, hlm. 1672 dan 1681.

221 *Ibid.*, hlm. 1681. Lihat juga *Straits Times*, 13 Ogos 1966.

222 Tunku Abdul Rahman mengemukakan pandangan ini semasa Persidangan Perdana Menteri Komanwel di London pada bulan September 1966. Lihat Bob Reece, "Walking at last?", *FEER*, Jil. LXVI, No. 49, 4 Disember 1969, hlm. 491.

223 Lihat *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1967, hlm. 7702–7703 dan *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2096.

nyentuh tentang kerjasama pertahanan, Adam Malik berkata, "the question of regional defence cooperation would be postponed as we look at only what we need now".[224] Husein Kartasosmita, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertahanan Parlimen Indonesia, turut menegaskan bahawa negara mereka hanya berminat untuk menyertai pertubuhan yang mementingkan perkembangan ekonomi dan pembangunan sahaja.[225]

Cadangan Indonesia untuk mengadakan pertubuhan serantau yang baru dengan menggabungkan ASA dan MAPHILINDO mendapat sambutan yang baik daripada Thailand, Filipina dan Singapura. Kemboja dan Burma mengumumkan bahawa mereka belum sedia untuk menyertai pertubuhan serantau yang baru. Pada mulanya Tunku Abdul Rahman tidak gembira dengan cadangan Indonesia kerana pada pendapat beliau, "We already have our regional organisation in ASA. I don't see the need to set up another regional economic grouping".[226] Beliau ingin menjayakan ASA dan menjemput Indonesia menyertainya. Akan tetapi pada 22 April 1967, Tunku Abdul Rahman sanggup mengubah pendiriannya tentang ASA dan memberi sokongan kepada cadangan Indonesia kerana tujuan keserantauan mereka adalah sama dan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan negara-negara Asia Tenggara yang kebanyakannya merupakan bekas tanah jajahan untuk menghadapi ancaman komunis dan imperialisme Barat. Beliau juga menyedari tentang kepentingan perpaduan di kalangan negara-negara Asia Tenggara untuk mempertahankan rantau ini kerana Britain pada tahun 1966, telah mengumumkan pengunduran tenteranya dari Timur Suez menjelang tahun 1971. Pengunduran tersebut akan menjejaskan keselamatan Asia Tenggara terutamanya Malaysia dan Singapura kerana payung pertahanan British di rantau ini akan luput, seterusnya akan mewujudkan kekosongan kuasa di kawasan ini. Dengan kekosongan tersebut, kuasa-kuasa besar lain akan bersaing untuk mengisi kekosongan itu. Selain masalah pengunduran tentera British, masalah perang Vietnam juga memerlukan perpaduan negara-negara Asia Tenggara untuk menghadapi kemungkinan kejatuhan Vietnam di tangan komunis yang boleh membuktikan kebenaran teori Domino.[227] Jadi, Tunku Abdul Rahman

---

224 *Asian Recorder*, 14–20 Mei 1967, hlm. 7703.

225 *Djakarta Times*, 29 Mac 1967.

226 *Ibid.*, 30 Mei 1967. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang sokongan yang diberi oleh Thailand, Filipina dan Singapura, sila lihat *Asian Almanac* 1967, hlm. 2097.

227 Pamela Sodhy 1987. "The Malaysian Connection in the Vietnam War", *Contemporary Southeast Asia*, Jil. 9, No. 1, hlm. 38–53.

menunjukkan sokongannya kepada cadangan Indonesia:

> "ASA has been with us for some time and shows a lot of promise. We have worked very hard to put some substance into this organisation. But if Dr. Malik has something new, we will always listen. As it is, I don't know anything about it but we have never said it was a bad idea."[228]

Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa Malaysia sedia mempertimbangkan pertubuhan yang lebih luas daripada ASA dan mengharapkan pertubuhan baru tersebut akan menjadi pembesaran versi ASA.[229]

Bagi membincangkan penubuhan yang baru dan besar, Indonesia mengambil inisiatif untuk mengadakan mesyuarat Menteri-menteri Luar pada bulan Ogos 1967. Oleh itu, Indonesia menghantar jemputan kepada Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina, Burma dan Kemboja. Semua pihak memberi sambutan positif kecuali Burma dan Kemboja. Indonesia memainkan peranan penting dalam menubuhkan pertubuhan ini kerana sedar akan perlunya kekuatan ekonomi di Asia Tenggara bagi menjamin kesejahteraan politik mahupun ketenteraan di rantau ini. Jakarta sedar akan bahaya subversif komunis di Asia Tenggara boleh diatasi melalui kerjasama serantau yang kuat. Selain itu, Indonesia ingin menghalang perlanjutan pengaruh Barat khasnya dalam bidang ketenteraan di Asia Tenggara.[230] Negara-negara yang terlibat juga mempunyai kebimbangan yang sama seperti Indonesia.

Berikutnya, pada 5 Ogos 1967, para Menteri Luar dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand bertemu di Bangkok untuk membincangkan penubuhan pertubuhan serantau yang baru di Asia Tenggara.[231] Jurucakap Kementerian Luar Negeri Thailand mengumum-

---

228 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2097. Menurut J. Saravanamuttu, perubahan ini berlaku kerana penggubal-penggubal dasar luar Malaysia menyedari tentang perlunya pertubuhan serantau yang luas di Asia Tenggara termasuk Indonesia. Lihat J. Saravanamuttu 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957–1977.* Pulau Pinang: Penerbit USM, hlm. 84.

229 *Djakarta Times*, 21 April 1967.

230 *Asian Recorder*, 20–26 Ogos 1967, hlm. 7876.

231 Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak, Indonesia oleh Adam Malik, Singapura oleh S. Rajaratnam, Filipina oleh Narciso Ramos dan Thailand oleh Thanat Khoman. Mereka mengadakan rundingan tidak rasmi pada 5 dan 6 Ogos di Bangsaen, sebelum membuat persetujuan rasmi di Bangkok pada 7 Ogos 1967. Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2268.

kan pertubuhan yang akan ditubuhkan dikenali sebagai *Southeast Asian Association for Regional Cooperation* (SEAARC). Nama ini dicadangkan oleh Indonesia tetapi penerimaannya bergantung pada para Menteri Luar lima negara tersebut.[232] Filipina telah menolak nama tersebut kerana ia berbunyi seperti "shark". Akhirnya, nama *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) diterima oleh kelima-lima orang menteri tersebut.[233] Pada 7 Ogos, kelima-lima menteri itu telah bersetuju untuk membentuk pertubuhan serantau yang baru di Asia Tenggara yang dikenali sebagai ASEAN.[234] Pada 8 Ogos 1967, Deklarasi ASEAN telah ditandatangani oleh para Menteri Luar Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina. Deklarasi ASEAN mengutamakan kerjasama ekonomi, sosial, dan kebudayaan di rantau ini.[235] Para Menteri Luar ASEAN bersetuju untuk mengadakan mesyuarat peringkat menteri yang kedua di Jakarta pada tahun 1968 dan menubuhkan Jawatankuasa Tetap bagi mengkaji kerjasama dalam bidang pelancongan, perkapalan, perikanan serta peluasan perdagangan dalam rantau ini.[236]

Selepas menandatangani Deklarasi ASEAN, Tun Abdul Razak yang mewakili Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Luar Negeri Malaysia mengumumkan bahawa rakyat Malaysia berasa sangat gembira kerana cita-cita dan aspirasi yang menubuhkan ASA enam tahun lalu kini membesar dan meluas dengan tertubuhnya ASEAN.[237] Sementara itu, Adam Malik pula menyifatkan penubuhan ASEAN sebagai "milestone" dalam sejarah Asia Tenggara.[238] Beliau menegaskan bahawa ASEAN tidak dibentuk oleh kuasa asing tetapi oleh negara-negara Asia Tenggara yang berminat untuk membangunkan ekonomi mereka. ASEAN memberi masa depan yang lebih luas untuk memulihkan hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta.[239] Walaupun ASEAN dibentuk untuk merapatkan kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan negara-negara rantau ini tetapi Malaysia

---

232 *Djakarta Times*, 4 Ogos 1967.

233 *Ibid.*, 8–9 Ogos 1967.

234 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2268.

235 Untuk keterangan lanjut tentang butir-butir deklarasi ini, sila lihat "The ASEAN Declaration", *FAM*, Jil. 1, No. 6, September 1967, hlm. 9–13 dan juga *Asian Almanac* 1967, hlm. 2267–2270.

236 "Joint Press Release at the First Meeting of the ASEAN", *FAM*, Jil. 1, No. 6, September 1967, hlm. 9.

237 *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2270.

238 *Ibid.*, hlm. 2271.

239 *Djakarta Times*, 12 dan 22 Ogos 1967.

dan Indonesia pernah mengeluarkan hasrat masing-masing tentang kerjasama ketenteraan. Namun begitu, mereka menegaskan ASEAN tidak akan menjadi pakatan tentera seperti SEATO.[240]

Memandangkan ASA dan ASEAN mempunyai tujuan yang sama, Tunku Abdul Rahman mengumumkan bahawa ASA tidak perlu lagi kerana Asia Tenggara tidak cukup kuat untuk menampung dua buah pertubuhan serantau. Beliau mengalu-alukan ASEAN akan membawa kesejahteraan kepada semua pihak dan mengharapkan negara-negara lain di rantau ini turut menyertainya.[241] Pada masa yang sama, Malaysia, Thailand dan Filipina mengambil keputusan untuk memindahkan projek-projek yang dicadangkan di bawah ASA kepada ASEAN. Keputusan ini diambil dalam Persidangan Keempat Menteri-Menteri Luar ASA di Kuala Lumpur pada 28 hingga 29 Ogos 1967.[242] Jawatankuasa ASEAN telah bersetuju dengan cadangan tersebut.[243] Di samping itu, sebagai pengeluar getah asli yang penting dan juga sebagai anggota ASEAN, Malaysia dan Indonesia bekerjasama dalam bidang pengeluaran getah.[244] ASEAN juga diharapkan menstabilkan dan melindungi harga bahan-bahan mentah yang dihasilkan oleh negara-negara ASEAN seperti getah dan bijih timah.

Bagi mempertingkatkan kerjasama di kalangan anggota-anggotanya, Jawatankuasa Tetap ASEAN telah menyarankan penubuhan Sekretariat Nasional ASEAN bagi setiap negara. Tujuan Sekretariat Nasional ini adalah untuk menentukan keutamaan dan peraturan projek-projek ASEAN. Pada peringkat awal ini, ASEAN disarankan untuk mengadakan projek-projek yang mudah dilaksanakan, yang tidak memerlukan perbelanjaan besar dan cepat memberi hasil.[245] Sementara itu, semasa lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia pada bulan Mac 1968, beliau dan Presiden Suharto mengumumkan bahawa kemajuan kerja-

---

240 *Ibid.*, 23 Ogos 1967.

241 *Ibid.*, 11 Ogos 1967.

242 Lihat *Asian Recorder*, 15–21 Oktober 1967, hlm. 7970 dan *Asian Almanac*, 1967, hlm. 1967.

243 Lihat *Djakarta Times*, 31 Ogos 1967. Antara projek-projek ASA yang diterima oleh ASEAN adalah pemansuhan visa, menubuhkan pusat pameran barang-barang pengeluaran, mengadakan ekspo perdagangan dan juga mengadakan pertukaran kebudayaan dan teknikal. Lihat *Asian Almanac*, 1967, hlm. 2296.

244 *Asian Recorder*, 30 September – 6 Oktober 1968, hlm. 8556. Lihat juga Reece, "Walking at Last", hlm. 2192.

245 Lihat *Malaysia Year Book 1968*, hlm. 126 dan Perbahasan Parlimen, 6 Jun 1965, lajur 185–188.

sama ASEAN telah meningkatkan lagi pendirian Malaysia dan Indonesia untuk mengambil langkah-langkah berkesan bagi menjayakan Deklarasi ASEAN.[246] Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman mengakui bahawa pada peringkat awal ini ASEAN belum lagi diuji dengan betul. Oleh itu, adalah sukar untuk menilai kekuatan ASEAN tetapi beliau yakin bahawa pertubuhan itu akan berjaya jika anggota-anggotanya bekerjasama dengan melabur modal dalam projek-projek ASEAN.[247]

Bagi meneruskan kerjasama serantau, pada bulan Ogos 1968, mesyuarat kedua Menteri-Menteri Luar ASEAN berlangsung di Jakarta. Semasa perasmian mesyuarat itu, Presiden Suharto menegaskan bahawa ASEAN merupakan tiang harapan bagi berjuta-juta rakyat di rantau ini untuk menikmati kemakmuran. Tun Abdul Razak yang mewakili Malaysia dalam mesyuarat ini mengatakan bahawa ASEAN adalah harapan terbaik untuk kerjasama serantau di Asia Tenggara bagi menjamin keamanan, kemajuan, kemakmuran dan kestabilan rantau ini.[248] Dalam mesyuarat ini, ASEAN telah menerima cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tetap bagi pengeluaran dan pengedaran bahan makanan, penerbangan awam, komunikasi penerbangan udara, perkhidmatan kaji cuaca, dan perkapalan. Di samping itu, para Menteri Luar ASEAN bersetuju menubuhkan jawatankuasa khas (*ad hoc*) bagi mengkaji soal kewangan yang berkaitan dengan projek-projek ASEAN dan juga mengkaji mengadakan tabung kewangan ASEAN. Mereka juga bersetuju bahawa projek-projek seperti pertukaran pakar, promosi pelancongan di ASEAN, penubuhan pusat pameran barangan pengeluaran, ekspo perdagangan dan peluasan pasaran untuk barang-barang eksport harus dilaksanakan dengan segera.[249] Menyentuh tentang pelancongan, negara-negara ASEAN telah bersetuju menyumbangkan sebanyak $10 000 setiap negara bagi mendirikan pusat pelancongan bersama di New York dengan harapan dapat menggalakkan lebih ramai pelancong dari Amerika Syarikat melawat ke rantau ini.[250] Projek-projek ini telah

---

246 Lihat *FAM*, Jil. 1, No. 7 dan 8 Mac 1968, hlm. 85.

247 *Ibid.*, hlm. 80.

248 Lihat *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2976.

249 Sila lihat *ibid.*, hlm. 2974; *Asian Recorder*, 4–10 November 1968, hlm. 8607; *Malaysia Year Book 1968*, hlm. 126 dan Kroef, *Indonesia After Sukarno*, hlm. 198.

250 *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2974. Sementara itu, bilangan rakyat Malaysia yang melawat Indonesia semakin meningkat berikutan keputusan kerajaan Indonesia membenarkan rakyat negara-negara ASEAN melawat Indonesia tanpa visa selama seminggu. Lihat *Straits Times*, 27 Oktober 1969.

meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN khasnya antara Malaysia dengan Indonesia. Projek-projek ini juga mengeratkan lagi kerjasama Malaysia dan Indonesia dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan yang sedia wujud melalui perjanjian dua hala. Pemimpin-pemimpin ASEAN, terutamanya dari Malaysia dan Indonesia, bersetuju agar usaha pembangunan diperhebatkan dan diselaraskan untuk menjayakan ASEAN. Menurut Adam Malik, ASEAN sedang bergerak maju tetapi usaha berlipat ganda diperlukan supaya ASEAN benar-benar berjaya.[251]

Selain itu, Malaysia dan Indonesia juga ingin melihat keanggotaan ASEAN bertambah luas. Semasa Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan Menteri Luar ASEAN yang ketiga di Cameron Highlands pada 16 hingga 17 Disember 1969, Tunku Abdul Rahman telah menjemput Laos dan Vietnam Selatan sebagai pemerhati ke persidangan tersebut.[252] Indonesia bersama-sama Thailand menyambut baik tindakan Malaysia kerana keanggotaan ASEAN akan diperluaskan dan peranannya sebagai pertubuhan serantau menjadi lebih kukuh. Dalam persidangan tersebut, soal menambah keanggotaan ASEAN dibangkitkan kerana Laos dan Vietnam Selatan berhasrat menyertai ASEAN. Malaysia, Indonesia dan Thailand menyokong penyertaan kedua-dua negara itu tetapi Singapura menentang cadangan tersebut.[253] Menurut S. Rajaratnam, Menteri Luar Singapura, "as things are, if you bring in one of two members at the cost of alienating or bringing animosity on the part of other members, ASEAN could not gain much".[254] Oleh yang demikian, soal kemasukan anggota baru ke dalam ASEAN gagal kerana sikap Singapura yang mengatakan kemasukan ahli baru akan melemahkan ASEAN.

Namun begitu, dalam persidangan di Cameron Highlands ini, Menteri-Menteri Luar ASEAN telah meluluskan 98 saranan yang meliputi projek kerjasama di kalangan negara ASEAN dalam bidang perusahaan,

---

251 *Bernama*, 16 Ogos 1968.

252 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1970, hlm. 9390 dan juga Anthony Polsky, "No Stopping The Tunku", *FEER*, Jil. XVII, No. 2, 1970, hlm. 5.

253 *Asian Recorder*, 12–18 Februari 1970, hlm. 9391. Laos mengatakan akan menyertai ASEAN selepas mengatasi krisis dalam negeri.

254 *Ibid.* Sementara itu, Indonesia mahu Vietnam Utara, Burma (Myanmar) dan Kemboja menganggotai ASEAN bersama-sama Vietnam Selatan dan Laos. Dalam hal Vietnam Utara, Malaysia menentang kemasukannya dalam ASEAN. Lihat Justus M. Van der Kroef 1971. *Indonesia After Sukarno*. Vancouver: University of British Colombia Press, hlm. 199.

perdagangan, pelancongan, perkapalan, pengangkutan, perikanan, sebaran am, kegiatan budaya dan kewangan. Mereka juga bersetuju untuk menjadikan Jawatankuasa Khas Kewangan, Perdagangan dan Perusahaan, Pelancongan dan Pengangkutan sebagai jawatankuasa tetap selaras dengan keperluan kerja yang terus menerus.[255] Dalam persidangan ini, Menteri-Menteri Luar ASEAN menandatangani dua perjanjian bagi menubuhkan Tabung ASEAN bernilai $15 juta untuk menaja projek bersama dan untuk meningkatkan kerjasama dalam media massa dan kegiatan kebudayaan.[256] Pada tahun berikutnya, Jawatankuasa Tetap Kewangan ASEAN telah meluluskan pembiayaan sembilan projek bersama. Antara projek tersebut termasuklah mengadakan pameran barang pengeluaran di ibu kota-ibu kota ASEAN, ekspo perdagangan bersama, kempen Tahun Melawat ASEAN 1971, penubuhan pusat penyelidikan kesusasteraan, kesenian dan sejarah, pertukaran bahan-bahan penerbitan radio dan televisyen dan pemberian biasiswa ASEAN kepada pelajar daripada negara-negara anggotanya.[257] Dengan projek-projek pembangunan ini, kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN, khasnya antara Malaysia dan Indonesia telah berkembang dengan pesat dan hubungan kedua-dua jiran menjadi lebih rapat. Tetapi haruslah diingat bahawa kerjasama Malaysia dan Indonesia dalam konteks ASEAN semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman masih berada pada peringkat awal kerana ASEAN ditubuhkan pada bulan Ogos 1967, sementara Tunku Abdul Rahman bersara pada bulan September 1970. Namun persetujuan yang dicapai dalam tempoh tiga tahun itu mencerminkan kejayaan ASEAN pada peringkat awal kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Kerjasama Malaysia dan Indonesia dalam konteks ASEAN terus berkembang pesat selepas pentadbiran Tunku Abdul Rahman.

Pendirian Malaysia-Indonesia terhadap Isu Tuntutan Sabah dan Hubungan dengan Republik Rakyat China (RRC)

Kedua-dua isu tersebut yang melibatkan keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara merupakan isu antarabangsa yang penting dalam

255 Lihat "ASEAN Meeting: Joint Communique", *FAM*, Jil., No. 1 dan 2.

256 *Asian Recorder*, 27 Ogos–2 September 1970, hlm. 9391 dan *Straits Times*, 18 Disember 1969.

257 *Ibid.*, 17 Ogos –2 September 1970, hlm. 9724.

hubungan Malaysia-Indonesia selepas Konfrontasi. Soal tuntutan Sabah oleh Filipina pada tahun 1962 telah mendinginkan hubungan Kuala Lumpur-Manila dan kedua-dua pihak telah memutuskan hubungan apabila Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963.[258] Walau bagaimanapun, pada bulan Mei 1964, kedua-dua negara telah memulihkan hubungan pada peringkat Konsular dan selepas Marcos menggantikan Macapagal sebagai Presiden Filipina. Hubungan diplomatik penuh diadakan pada bulan Jun 1966. Akan tetapi Filipina tidak menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan ini menimbulkan ketegangan semula dalam hubungan Malaysia-Filipina.[259] Pada bulan September 1968, hubungan ini menjadi dingin berikutan tindakan kerajaan Filipina meluluskan rang undang-undang yang mengisytiharkan Sabah sebagai wilayahnya. Pada 26 September 1968, Malaysia telah memanggil balik para pegawainya dari Manila dan ini menyebabkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara tergendala semula.[260]

Masalah tuntutan Sabah seolah-olah telah mengugat kedudukan ASEAN yang baru berusia setahun. Menyentuh tentang konflik Malaysia-Filipina tentang Sabah, Indonesia dan Thailand mengambil pendirian berkecuali tetapi Singapura menyokong kedudukan Sabah dalam Malaysia dan berjanji akan membantu Malaysia jika Filipina merampas Sabah.[261] Adam Malik menegaskan bahawa negaranya berpegang teguh kepada dasar tidak memihak dalam soal tuntutan Sabah dan mengharapkan penyelesaian secara aman diadakan.[262] Pada 10 Oktober 1968, Presiden Suharto menghantar wakil khasnya, Brig. Jeneral Ali Moertopo ke Kuala Lumpur dan Manila untuk mencari jalan penyelesaian. Presiden Suharto juga mencadangkan Jakarta sebagai tempat untuk mengadakan rundingan damai. Thailand turut menawarkan jasa baiknya untuk mena-

---

258 Presiden Macapagal dari Filipina menjadikan tuntutan Sabah sebagai isu berdasarkan perjanjian yang dibuat oleh dua ejen British iaitu Alfred Dent dan Baron von Overbeck dengan Sultan Sulu pada tahun 1878. Bhattacharjee, *Malaysia and Indonesia*, hlm. 182–183. Untuk keterangan lanjut, lihat Michael Leifer 1968. "The Philippines and Sabah Irredenta", *World Today*, Jil. 24, No. 10, Oktober, hlm. 421–428; dan Michael Leifer 1968. *The Phillipines Claim to Sabah*. Zug (Switzerland), Inter Documentation, 1968.

259 Bhattacharjee 1976. *Southeast Asian Politics: Malaysia and Indonesia*. Calcutta: Minerva Association, hlm. 184.

260 Lihat *Malaysia Year Book 1968*, hlm. 121; Saravanamuttu, *Dilemma of Independence*, hlm. 86 dan *Asian Almanac*, 1969, hlm. 3118–3119.

261 *Singapore Year Book 1968*. Singapura: Government Printing Office, 1969, hlm. 56–57.

262 *Bernama*, 18 Ogos 1968.

matkan soal tuntutan Sabah.[263] Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia sedia menjaga kepentingan Malaysia di Manila. Kerajaan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada kesediaan pihak Indonesia itu.[264]

Walaupun kerajaan Indonesia mengambil pendirian rasmi yang berkecuali dalam isu tuntutan Sabah tetapi terdapat pemimpin-pemimpin Indonesia yang membidas sikap Filipina mengemukakan tuntutan terhadap Sabah. Menurut Djamaluddin Malik, ahli MPRS Indonesia, sikap Marcos menandatangani rang undang-undang menyatukan Sabah dengan Filipina sebagai satu tindakan yang tidak bertanggungjawab, ganas dan tidak bererti. Beliau menegaskan tindakan Filipina menuntut Sabah tidak mempunyai asas yang kukuh dan menjejaskan semangat kerjasama dan persahabatan ASEAN. Beliau juga mengingatkan Filipina bahawa Indonesia tidak akan menghalang pemuda-pemudanya pergi ke Sabah untuk membantu Malaysia jika perang meletus antara kedua-dua negara.[265] Djamaluddin menggesa penduduk Islam di Indonesia, Malaysia, Mindanao, dan Sulu (selatan Filipina) supaya bersatu untuk mempertahankan Sabah.[266] Adalah jelas di sini bahawa faktor persaudaraan Islam menyebabkan Indonesia memberi sokongan tidak rasmi kepada Malaysia dalam isu tuntutan Sabah.

Sementara itu, Mohd. Hatta, bekas Naib Presiden Indonesia, menegaskan bahawa tuntutan Sabah adalah tidak berasas.[267] Bekas ahli Parlimen Indonesia dan pengarang akhbar *Suluh Indonesia*, Sayuti Malik, mengkritik tindakan Filipina menuntut Sabah sebagai wilayahnya adalah kurang ajar.[268] Malahan Adam Malik sendiri secara tidak langsung pernah mengatakan bahawa Filipina tidak harus menuntut Sabah. Menurut beliau, "the Philippines claim based on history was destroyed by the fact that Sabah had voted to be incorporated into Malaysia".[269] Mujurlah, ketegangan hubungan Malaysia akibat tuntutan Sabah dipulihkan

---

263 *Ibid.*, 10 Oktober 1968. Lihat juga Saravanamuttu, *Dilemma of Independence*, hlm. 86.

264 *Ibid.*, 27 November 1968.

265 *Ibid.*, 20 September 1968. Djamaluddin juga merupakan pemimpin Parti Nahdlatul Ulama, sebuah parti Islam yang berpengaruh di Indonesia. Beliau memberi sokongan ini semasa melawat Malaysia selama seminggu pada bulan September 1968.

266 *Straits Times*, 21 September 1968.

267 *Asian Almanac*, 1969, hlm. 321.

268 *Berita Harian*, 2 Januari 1969.

269 *Asian Almanac*, 1969, hlm. 3121. Dalam pilihan raya tahun 1967, rakyat Sabah mengundi untuk kerajaan Perikatan supaya terus kekal dalam Malaysia.

melalui rundingan-rundingan tidak formal yang diadakan semasa persidangan ASEAN pada tahun 1968 dan tahun 1969. Semasa Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN yang ketiga di Kuala Lumpur, kedua-dua negara bersetuju untuk memulihkan hubungan semula.[270] Semangat ASEAN telah membantu Malaysia dan Filipina memulihkan hubungan tetapi tuntutan Sabah sebagai wilayah Filipina hanya ditangguhkan pada tahun 1977.

Selain masalah Sabah, hubungan dengan RRC juga merupakan satu isu yang penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia pada zaman selepas Konfrontasi. Semasa ditadbir oleh rejim Sukarno, Indonesia melihat RRC sebagai negara sahabat dan sekutu yang sangat penting tetapi peristiwa GESTAPU telah menunjukkan bahawa RRC terlibat dalam rebutan kuasa di Indonesia. Oleh itu, Order Baru pimpinan Jeneral Suharto telah menuduh bahawa Konfrontasi dan GESTAPU berlaku akibat didalangi oleh RRC. Malaysia juga turut mendakwa bahawa Konfrontasi yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno pada tahun 1963 mempunyai kaitan dengan RRC.[271] Malaysia dan Indonesia melihat RRC sebagai ancaman besar terhadap keselamatan Asia Tenggara. Malaysia dan Indonesia berasa bimbang terhadap bantuan yang diberi oleh RRC kepada pergerakan komunis di Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia.[272] Kerajaan Indonesia telah menuduh RRC memberi perlindungan dan suaka politik kepada pemimpin-pemimpin komunis yang terlibat dalam GESTAPU.[273] Akibat prasangka bahawa RRC yang telah mendalangi peristiwa GESTAPU menyebabkan hubungan diplomatik antara RRC dengan Indonesia terputus pada 31 Oktober 1967. Indonesia memutuskan hubungan dengan RRC berikutan rusuhan anti-RRC berlaku di Indonesia sejak GESTAPU yang mendesak kerajaan memutuskan hubungan dengan RRC. Di samping itu, pemimpin-pemimpin tentera sedar jika hubungan dengan RRC tidak diputuskan maka RRC akan terus memberi sokongan dan latihan kepada pemuda-pemuda Indonesia keturunan Cina dan saki-baki ahli PKI untuk menjalankan kegiatan

---

270 Lihat *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1969,* hlm. 272.

271 Lihat Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence*, hlm. 88. Menurut Weinstein, sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin Indonesia melihat RRC sebagai ancaman yang besar kepada keselamatan Indonesia. Untuk keterangan lanjut tentang pandangan pemimpin-pemimpin Indonesia sila lihat Weinstein, *Indonesian Foreign Policy*, hlm. 90–95.

272 *Asian Recorder*, 6–12 Ogos 1966, hlm. 7224.

273 *Ibid.*, 22-28 Oktober 1968, hlm. 7352.

subversif bagi menghancurkan politik dan ekonomi Indonesia.[274]

Sikap RRC memberi bantuan kepada kegiatan komunis di Malaysia dan Indonesia merupakan punca utama keengganan kedua-dua negara memulihkan hubungan dengan RRC. Tunku Abdul Rahman pernah berkata, Malaysia sedia mengehadkan hubungan diplomatik dengan RRC sekiranya Peking berhenti campur tangan dalam urusan dalam negeri Malaysia.[275] RRC telah memberi bantuan kewangan dan senjata kepada perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menggulingkan kerajaan yang sah di Tanah Melayu.[276] Menurut Tunku Abdul Rahman, keselamatan Asia Tenggara diancam oleh komunis dari utara dan Malaysia sangat bimbang tentang ancaman ini. Selagi RRC kekal dengan sikap agresifnya maka mengadakan hubungan diplomatik dengan negara itu adalah sama seperti terbang ke dalam sarang labah-labah.[277] Sementara itu, di Indonesia, Presiden Suharto menegaskan bahawa negaranya hanya akan memulihkan hubungan dengan RRC jika Peking menghentikan campur tangan dalam urusan dalam negeri Indonesia.[278] Begitu juga dengan Adam Malik yang mengatakan bahawa "If China no longer sends agents to Indonesia for carrying out subversive activities or keeps accusing Indonesia leaders, there is no reason why relations between two countries cannot be restored".[279] Di Indonesia, selain terlibat dalam GESTAPU, RRC juga membantu gerakan pemisahan yang dilancarkan oleh Tentera Sukarela Republik Persatuan Sulawesi.[280]

Walaupun Malaysia dan Indonesia melihat RRC sebagai ancaman, terdapat perbezaan antara kedua-dua pihak dalam hal pengiktirafan Negara China. Pada tempoh selepas Konfrontasi, Indonesia tetap mengamalkan dasar satu China, iaitu hanya mengiktiraf kewujudan RRC dan menganggap Republik China atau Taiwan sebagai sebahagian daripada

---

274 Lihat Kroef, *Indonesia After Sukarno*, hlm. 184–185.

275 Tunku Abdul Rahman memberi penjelasan ini di parlimen sewaktu Setiausaha Democratic Action Party (DAP), Lim Kit Siang, mendesak kerajaan Malaysia mengiktiraf RRC yang mempunyai 700 juta orang penduduk. Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa kita tidak boleh bersahabat dengan negara yang cuba menggulingkan kerajaan demokrasi melalui kegiatan subversif. Jika kita mengadakan hubungan konsular dengan RRC, ini akan memudahkan lagi ejen-ejen RRC menjalankan subversif di Malaysia. Lihat *Asian Almanac*, 1969, hlm. 3296.

276 *Ibid.*, hlm. 3375 dan 3564.

277 *Antara–Bonn*, 13 Februari 1968.

278 *Djakarta Times*, 3 Januari 1967.

279 Kroef, *Indonesia After Sukarno*, hlm. 210.

280 *Asian Almanac*, 1969, hlm. 3225.

RRC.[281] Menurut Adam Malik, Indonesia menolak dasar dua China dan pihaknya mungkin akan mengiktiraf kerajaan di Pulau Formosa jika Republik China menukar namanya sebagai Republik Taiwan.[282] Kenyataan ini dibuat oleh beliau selepas kedatangan rombongan perdagangan dari Taiwan pada bulan Ogos 1967. Indonesia mengatakan pemulihan hubungan perdagangan Indonesia-Taiwan hanya membenarkan pihak Taiwan membuka pejabat perwakilan perdagangan sahaja dan tidak dibenarkan berurus dalam bidang politik.[283] Menyentuh tentang soal kemasukan RRC ke dalam PBB, Indonesia tidak mempunyai sebarang bantahan kerana Indonesia mengamal dasar satu China. Menurut Adam Malik, "It is a matter of principle that every state should become a member of the world organization".[284] Namun begitu, Indonesia tidak menghadiri untuk pengundian kemasukan RRC di PBB pada tahun 1968 dan tahun 1969 mungkin kerana membantah sikap agresif RRC terhadap rantau Asia Tenggara amnya.[285]

Sebaliknya, Malaysia tetap dengan dasarnya iaitu tidak mengiktiraf RRC dan juga Taiwan.[286] Sejak merdeka Malaysia mengamalkan dasar dua China. Namun begitu, Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Taiwan pada peringkat Konsulat. Pada 16 Disember 1969, Pejabat Konsulat dinaikkan ke taraf Konsulat Jeneral.[287] Menyentuh tentang kemasukan RRC ke dalam PBB, Tun Abdul Razak mengatakan, "Malaysia believed in the universality of UN membership and felt, therefore, that communist China should be given a set but not at the sacrifice of Formosa.[288]

Adalah jelas bahawa Malaysia dan Indonesia mempunyai pandangan yang sama terhadap RRC walaupun terdapat perbezaan dalam soal pengiktirafan RRC. Kedua-dua negara melihat RRC sebagai punca utama kepada pergerakan komunis di rantau Asia Tenggara. Ini kerana RRC memberi bantuan kewangan dan juga ketenteraan kepada pengganas komunis di rantau ini, khasnya di Indonesia dan Malaysia. Akibat

---

281 *Ibid.*, hlm. 3596 dan juga *Djakarta Times*, 23 Mei dan 28 Ogos 1967.

282 *Djakarta Times*, 28 Ogos 1967.

283 *Djakarta Times*, 28 Ogos 1967. Lihat juga Kroef, *Indonesia After Sukarno*, hlm. 188 dan Leifer, *Indonesia's Foreign Policy*, hlm. 127.

284 *Djakarta Times*, 28 Ogos 1968.

285 Kroef, *Indonesia's After Sukarno*, hlm. 188.

286 Lihat *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April 1967, hlm. 36.

287 *Asian Almanac*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April 1967, hlm. 36.

288 *FAM*, Jil. 1, No. 4 dan 5, April 1967, hlm. 36.

ancaman ini, Adam Malik pernah berkata, Indonesia sedia mempertahankan Malaysia dan Singapura daripada ancaman komunis selepas pengunduran tentera British. Menurut beliau:

> "This assurance does not come from me alone but from whole of the 110 million people. The 200 million people represented in ASEAN need not worry about any communist threat. We shall protect them even if the threat comes from Genghis Khan."[289]

Hubungan Malaysia dan Indonesia selepas Konfrontasi merupakan satu era yang sangat berbeza dengan semasa Konfrontasi mahupun sebelum Konfrontasi. Faktor-faktor bahasa, bangsa, agama, sejarah dan kebudayaan yang sama telah menyedarkan kedua-dua negara untuk bekerjasama erat dan mengelakkan perselisihan pendapat antara kedua-dua pihak. Pemulihan hubungan Malaysia dan Indonesia bukan sahaja mengeratkan kerjasama antara kedua-dua negara tetapi juga membawa persefahaman dan kerjasama di kalangan negara-negara Asia Tenggara melalui ASEAN. Dalam tempoh ini, menampakkan kecemerlangan pimpinan Tunku Abdul Rahman dalam dasar luar Malaysia, khasnya dalam hubungan dengan Indonesia. Kepimpinan itu disanjung melalui sikap beliau yang menyerahkan tawanan Konfrontasi kepada Indonesia dalam tempoh yang singkat, kerjasama yang diberi oleh beliau kepada penubuhan ASEAN dan lawatan beliau ke Indonesia untuk menguatkan lagi pemulihan hubungan Malaysia dan Indonesia. Walaupun beliau mendapat sanjungan terhadap dasar luarnya tetapi beliau dikritik kerana dasar dalam negerinya yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 dan akhirnya membawa kepada persaraan Tunku Abdul Rahman.

289 *Asian Almanac*, 1968, hlm. 2809.

BAB 6

PENUTUP

Seperti yang dibincangkan dalam kesemua bab, pentadbiran Tunku Abdul Rahman selama 13 tahun memberi tempat yang istimewa kepada Indonesia dalam dasar luarnya. Keistimewaan tersebut wujud dalam hubungan Malaysia dan Indonesia kerana kedua-dua negara ini mempunyai ikatan rumpun budaya serta merupakan jiran tetangga yang rapat. Kesimpulan untuk hubungan Malaysia dan Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman dibuat dengan menggabungkan pendekatan kronologi dan tema. Dari segi kronologi, pentadbiran beliau dapat dibahagikan kepada tiga tahap: sebelum Konfrontasi (1957–1963), semasa Konfrontasi (1963–1966), dan selepas Konfrontasi (1967–1970). Tahap sebelum Konfrontasi selama enam tahun dibincangkan dalam dua bab. Tahap Konfrontasi selama tiga tahun ditinjau dalam satu bab dan tahap selepas Konfrontasi selama empat tahun turut dikaji dalam satu bab. Bab 1 memberi latar belakang yang perlu untuk meninjau hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Sementara itu, pendekatan tema meninjau hubungan ini melalui lima tema utama iaitu persaudaraan, kerjasama, konflik, keserantauan dan komunisme.

Pada tahap sebelum Konfrontasi, kelima-lima tema tersebut menonjol dalam hubungan Tanah Melayu–Indonesia tetapi persaudaraan dan kerjasama merupakan tema penting. Persaudaraan terjalin dengan adanya kekuatan ikatan geografi, rumpun bangsa, bahasa dan agama yang sedia wujud dalam hubungan kedua-dua negara. Bagi merapatkan lagi persaudaraan antara mereka, kerajaan Indonesia telah menghantar Menteri Luar Negeri, Dr. Subandrio, ke Kuala Lumpur bagi menghadiri sambutan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Sebagai langkah untuk mengekalkan suasana ini, Tunku Abdul Rahman pula menghantar

satu rombongan muhibah yang diketuai oleh Tun Abdul Razak ke Indonesia pada tahun 1958. Lawatan ini membuka jalan kepada kedua-dua pihak bagi mengadakan perjanjian persahabatan yang mengukuhkan lagi hubungan mereka.

Kegiatan sukan turut mencerminkan persaudaraan dan persahabatan antara kedua-dua negara, apabila pihak Indonesia menghantar pasukan bola sepak ke Pesta Bola Merdeka yang dianjur oleh Kuala Lumpur untuk merayakan kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam hal ini, Tunku Abdul Rahman memainkan peranan penting kerana beliau merupakan Presiden Persatuan Bola Sepak Tanah Melayu. Kehadiran pasukan Indonesia bukan sahaja memeriahkan lagi sambutan kemerdekaan Tanah Melayu tetapi juga dapat merapatkan lagi persaudaraan antara kedua-dua negara. Pada masa yang sama, kegiatan bercorak keagamaan turut merapatkan persaudaraan antara kedua-dua pihak. Hal ini jelas kelihatan melalui penyertaan wakil-wakil dari Indonesia dalam pertandingan tahunan membaca al-Qur'an peringkat antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur.

Semasa penduduk Indonesia dilanda bencana alam seperti banjir di Jawa Barat pada tahun 1961 dan letupan gunung berapi pada tahun 1963, rakyat Tanah Melayu telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Bantuan dalam bentuk bahan makanan dan pakaian diberi bukan sekadar atas faktor peri kemanusiaan tetapi juga atas sebab persaudaraan. Elemen persaudaraan turut kelihatan dalam usaha yang diadakan oleh kedua-dua negara untuk menyamakan sistem ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia supaya seragam. Tambahan pula, Indonesia menghantar guru-gurunya untuk berkhidmat di sekolah-sekolah Tanah Melayu yang menghadapi kekurangan tenaga pengajar.

Tema persaudaraan juga terjalin dalam soal tuntutan Irian Barat walaupun, dari segi lain, isu itu telah menimbulkan konflik antara kedua-dua kerajaan. Ramai rakyat Tanah Melayu, khasnya orang Melayu melihat perjuangan rakyat Indonesia menuntut Irian Barat daripada Belanda sebagai perjuangan saudara besar mereka. Jadi, apabila kerajaan Indonesia mengerahkan sukarelawan untuk pembebasan Irian Barat, maka terdapat segolongan rakyat Tanah Melayu mendaftarkan diri sebagai sukarelawan melalui Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur. Selain itu, penduduk Tanah Melayu juga menghuklurkan derma dalam bentuk wang tunai, pakaian dan bekalan perubatan untuk kempen tersebut atas semangat persaudaraan.

Suasana persaudaraan turut wujud dalam hubungan Malaysia dan Indonesia sebelum Konfrontasi, semasa Tunku Abdul Rahman dan Pre-

siden Sukarno bertemu di Tokyo pada akhir bulan Mei 1963 untuk mencari penyelesaian antara kedua-dua pihak tentang masalah yang wujud akibat proses penubuhan Persekutuan Malaysia. Suasana yang sama telah membuka jalan kepada persidangan Manila untuk mengatasi perbezaan pendapat antara kedua-dua negara tentang penubuhan Malaysia. Akhirnya, Persekutuan Manila ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman, Sukarno dan Macapagal sebagai langkah penyelesaian masalah penubuhan Persekutuan Malaysia. Mereka juga bersetuju menubuhkan pertubuhan serantau yang dikenali sebagai MAPHILINDO berdasarkan faktor persaudaraan kerana Malaysia, Indonesia dan Filipina merupakan negara serumpun. Sungguhpun begitu, suasana persaudaraan ini tidak kekal lama berikutan tuduhan Indonesia dan Filipina bahawa kerajaan Tanah Melayu melanggar Persetujuan Manila kerana menetap tarikh Penubuhan Persekutuan Malaysia tanpa berunding dengan kedua-dua negara itu. Akibatnya, Indonesia menguatkan dasar Konfrontasi dan melancarkan konfrontasi ketenteraan terhadap Persekutuan Malaysia selepas 16 September 1963.

Tema kerjasama juga wujud pada tahap sebelum Konfrontasi. Dari segi politik, soal tuntutan Irian Barat merupakan isu yang awal memaparkan kerjasama antara kedua-dua negara. Dalam pengundian yang diadakan di PBB, kerajaan Tanah Melayu memberi sokongannya kepada Indonesia supaya membawa kes tuntutan Irian barat ke agenda mesyuarat agung PBB. Akan tetapi sokongan Tanah Melayu tidak mencukupi untuk pihak Indonesia berbuat demikian kerana negara-negara blok Barat menentang tuntutan tersebut. Sebagai tanda menyokong perjuangan Indonesia, pentadbiran Tunku Abdul Rahman juga telah menghalang kapal-kapal Belanda singgah di pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu semasa dalam perjalanan di antara Belanda dengan Irian Barat. Di samping itu, Tunku Abdul Rahman menawarkan jasa baiknya untuk menyelesaikan persengketaan ketenteraan antara Belanda dengan Indonesia secara aman. Pada mulanya, pihak Indonesia mengalu-alukan cadangan perdamaian Tunku Abdul Rahman tetapi kemudiannya kerajaan dan pihak media Indonesia telah mengkritik Tunku Abdul Rahman bahawa beliau telah menyeleweng daripada tugasnya.

Bidang ekonomi merupakan bidang yang paling ketara membayangkan kerjasama antara kedua-dua negara pada tahap sebelum Konfrontasi. Sebagai pengeluar utama bahan mentah, seperti getah asli dan bijih timah, kedua-dua negara telah bekerjasama untuk menstabilkan harga bahan-bahan tersebut di pasaran dunia akibat pelepasan stok penimbal getah dan bijih timah oleh Amerika Syarikat. Di samping itu,

kedua-dua pihak juga bekerjasama untuk menghadapi persaingan pengeluaran getah tiruan di pasaran supaya tidak menjejaskan harga getah asli. Selain itu, Indonesia juga telah meminta kerjasama Tanah Melayu untuk memproses bijih timah sewaktu Jakarta berkonfrontasi dengan Belanda akibat soal Irian Barat.

Kerjasama turut wujud dalam aspek sosial. Indonesia telah memberi kerjasamanya untuk melatih guru-guru Tanah Melayu bagi membolehkan mereka mengajar dalam bahasa kebangsaan di sekolah-sekolah menengah Tanah Melayu. Kerajaan Indonesia turut memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu yang melanjutkan pelajaran di negara itu.

Tema seterusnya dalam hubungan Malaysia dan Indonesia sebelum Konfrontasi adalah konflik. Pada peringkat ini, konflik antara kedua-dua pihak adalah lebih berbentuk bukan fizikal. Persengketaan antara kedua-dua negara berpunca daripada pendirian berkecuali awal Tanah Melayu terhadap usul Indonesia membawa kes tuntutan Irian Barat ke agenda mesyuarat PBB pada bulan September 1957. Sikap Tanah Melayu dikecam oleh pihak media Indonesia kerana dengan alasan tidak menyokong jiran tetangganya menentang penjajahan Belanda. Konflik dalam isu ini berterusan apabila Tunku Abdul Rahman mengusahakan perdamaian antara Indonesia dengan Belanda. Pihak Indonesia menuduh Tunku Abdul Rahman telah melibatkan diri dalam urusan negara itu tanpa diundang dan turut menolak rancangan perdamaian beliau. Pada masa yang sama, soal pemberontakan PRRI turut mencetuskan konflik dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Jakarta menuduh kerajaan Tunku Abdul Rahman memberi bantuan dan perlindungan kepada para pemberontak itu untuk menentang kerajaan pusat Indonesia. Konflik bertambah kuat apabila Kuala Lumpur enggan mengadakan perjanjian ekstradisi penjenayah termasuk pesalah-pesalah politik kerana bertentangan dengan pelaksanaan undang-undang antarabangsa. Konflik turut berlaku dalam bidang ekonomi akibat kegiatan penyeludupan. Aktiviti ini merugikan kerajaan Indonesia dari segi pertukaran mata wang asing dan cukai kastam kerana sebahagian besar barangan eksport Indonesia diseludup ke Tanah Melayu. Oleh itu, Indonesia meminta kerajaan Tunku Abdul Rahman membantunya. Akibatnya, Indonesia bertindak keras terhadap para nelayan Tanah Melayu yang masuk ke perairannya dengan alasan terlibat dalam penyeludupan.

Konflik antara kedua-dua negara memuncak dalam soal penubuhan persekutuan Malaysia. Indonesia menentang cadangan Tunku Abdul Rahman menubuhkan Malaysia sebagai neokolonialisme yang meng-

ancam keselamatannya. Pada peringkat awal, penentangan Indonesia adalah tidak radikal tetapi berikutan Pemberontakan Brunei, pada bulan Disember 1962, penentangan Indonesia menjadi tegas akibat pelancaran dasar konfrontasi terhadap gagasan Malaysia kerana mengesyaki persekutuan itu dibentuk tanpa persetujuan rakyat wilayah-wilayah terlibat. Menjelang bulan April 1963, konflik berbentuk fizikal kelihatan dalam hubungan kedua-dua pihak berikutan penyerbuan yang dibuat oleh gerila-gerila Indonesia di sempadan Sarawak. Walau bagaimanapun, Persidangan Manila telah mengurangkan konflik antara kedua-dua pihak kerana mereka bersetuju meminta Setiausaha PBB meninjau hasrat rakyat Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia. Akan tetapi konflik berlaku semula setelah Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan tarikh pembentukan Malaysia sebelum Setiausaha PBB mengumumkan keputusan wakilnya yang membuat tinjauan di Sabah dan Sarawak. Indonesia menuduh Tunku Abdul Rahman melanggar Persetujuan Manila dan menguatkan dasar Konfrontasinya. Jakarta juga enggan mengiktiraf kewujudan Malaysia dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kuala Lumpur.

Satu lagi tema penting dalam tahap sebelum Konfrontasi adalah keserantauan. Kedua-dua negara mempunyai kesedaran tentang keserantauan tetapi tidak sehaluan. Pada masa itu, Tanah Melayu mementingkan pertubuhan serantau di Asia Tenggara tetapi Indonesia menekankan pertubuhan serantau yang lebih luas, yang meliputi semua negara Dunia Ketiga. Tanah Melayu melihat ancaman komunis sebagai asas kepada pertubuhan serantau; sebaliknya, Indonesia pula menekankan ancaman imperialisme Barat dan masalah perang dingin sebagai punca mengadakan pertubuhan serantau. Jadi, apabila Tunku Abdul Rahman mencadangkan penubuhan pertubuhan serantau yang bercorak ekonomi dan kebudayaan di Asia Tenggara, Indonesia tidak setuju dengan cadangan tersebut. Ini kerana Indonesia sudah menjadi negara penaja kepada kumpulan Solidariti Afro-Asia sejak tahun 1955 dan cadangan Tunku Abdul Rahman itu juga seolah-olah menjejaskan cita-cita Indonesia untuk memimpin Asia Tenggara.

Oleh itu, apabila *Association of Southeast Asia* (ASA) dibentuk pada tahun 1961 atas cadangan Tunku Abdul Rahman, Indonesia enggan menyertainya kerana akan menjejaskan kepentingan Indonesia dalam Solidariti Afro-Asia. Indonesia tidak mahu ASA menjadi pesaing kepada Solidariti Afro-Asia dan Jakarta turut melihat ASA sebagai alat imperialisme Barat kerana anggota-anggota ASA, iaitu Tanah Melayu, Filipina dan Thailand, mempunyai hubungan rapat dengan kuasa-kuasa

Barat. Satu lagi perkara yang harus diambil kira adalah soal martabat atau prestij. Indonesia enggan menyertai ASA kerana idea penubuhan ASA muncul dari Tanah Melayu, sebuah negara kecil di rantau ini. Jakarta berpendapat, Indonesia sebagai negara besar dan kuat di Asia Tenggara sepatutnya mengemukakan idea penubuhan pertubuhan serantau seperti ASA. Sebagai negara terbesar di Asia Tenggara, Indonesia bercita-cita untuk memimpin rantau ini.

Semasa membincangkan masalah penubuhan Persekutuan Malaysia di Persidangan Manila, tema keserantauan ini turut ditimbulkan apabila Indonesia mencadangkan idea MAPHILINDO yang menyatukan negara-negara bangsa Melayu di bawah satu persekutuan yang besar. Walau bagaimanapun, idea mengadakan MAPHILINDO tidak kekal lama akibat pelancaran dasar Konfrontasi oleh Indonesia terhadap Malaysia.

Tema terakhir pada tahap sebelum Konfrontasi adalah komunisme. Pada tahap ini, Tanah Melayu melihat ideologi komunis sebagai suatu ancaman kepada keselamatan rantau Asia Tenggara tetapi Indonesia tidak beranggapan sedemikian dan sebaliknya melihat imperialisme Barat sebagai ancaman yang besar. Malahan, Jakarta mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara komunis, khasnya Soviet Union dan RRC, kerana negara-negara komunis menyokong kuat perjuangan Indonesia menuntut Irian Barat daripada penjajahan Belanda. Perbezaan pendirian terhadap ideologi komunis ini juga menjadi sebab hubungan Malaysia-Indonesia sebelum Konfrontasi tidak mesra. Idea pokok penubuhan ASA adalah untuk menyekat pengaruh komunis di Asia Tenggara melalui kerjasama ekonomi dan sosial. Akan tetapi pihak Indonesia, khasnya PKI, mendakwa bahawa ASA merupakan plot imperialisme Barat untuk menguasai rantau ini. Jadi, PKI mendesak kerajaan Indonesia menentang ASA.

Tema komunisme juga dapat diperhatikan dalam soal penubuhan Malaysia. PKI menyedari bahawa gagasan Malaysia adalah untuk menghalang perkembangan ideologi komunis di Asia Tenggara. Oleh itu, PKI mendesak kuat kerajaan Indonesia supaya menentang habis-habisan gagasan Malaysia. Malahan Tunku Abdul Rahman juga mengakui bahawa Malaysia dibentuk untuk membendung ancaman komunis di Sabah, Sarawak dan Singapura. Akibatnya, negara-negara komunis, khasnya RRC, menyokong Indonesia untuk menentang penubuhan persekutuan Malaysia.

Kelima-lima tema yang timbul pada tahap sebelum Konfrontasi, terus menjadi tema penting semasa Konfrontasi. Konflik dan komunisme merupakan tema utama pada peringkat ini. Persaudaraan, kerja-

sama dan keserantauan cuma kelihatan pada peringkat akhir Konfrontasi. Semasa Konfrontasi, konflik berbentuk fizikal lebih dibayangkan daripada konflik bukan fizikal dan tema ini dicerminkan dalam semua aspek hubungan kerana hubungan diplomatik kedua-dua negara terputus dengan rasminya pada tahap ini.

Sejak pembentukan Malaysia, tema konflik dipaparkan dalam hubungannya dengan Indonesia. Konflik berlaku apabila meletus rusuhan anti-Malaysia di Jakarta dan di Medan bagi menentang pembentukan tersebut. Kedutaan British dan Kedutaan Malaysia (atau Tanah Melayu kerana Indonesia tidak mengiktiraf Malaysia) menjadi sasaran para penunjuk perasaan. Sebagai membalas tindakan ini, rakyat Malaysia turut mengadakan rusuhan dan tunjuk perasaan anti-Indonesia di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Bangunan kedutaan dan konsulat Indonesia menjadi sasaran. Keadaan ini meruncingkan lagi hubungan kedua-dua pihak.

Bagi memperkuatkan Konfrontasi terhadap Malaysia, kerajaan Indonesia mengadakan sekatan ekonomi dan menghentikan semua bentuk hubungan ekonomi dan perdagangan dengan wilayah-wilayah Malaysia. Konflik bertambah hebat apabila pihak Indonesia menceroboh wilayah Malaysia di Borneo. Akibatnya, Malaysia terpaksa mempertahankan kedaulatannya dengan bantuan tentera British dan Komanwel. Justeru itu, konflik ketenteraan meletus di Borneo. Pada masa yang sama, bot-bot peronda Indonesia mula mengganas di Selat Melaka dan di Laut China Selatan dengan menyerang nelayan-nelayan Malaysia. Memandangkan masalah Konfrontasi semakin meruncing, kerajaan Amerika Syarikat mengambil usaha untuk menamatkan masalah ini. Washington menghantar Robert Kennedy untuk memulihkan hubungan Malaysia dan Indonesia dan beliau berjaya memujuk kedua-dua pihak mengadakan gencatan senjata dan menyelesaikan masalah di meja rundingan. Namun begitu, konflik berterusan akibat kedua-dua negara membuat pentafsiran yang berbeza terhadap gencatan senjata. Oleh itu, gencatan senjata tersebut gagal.

Dalam keadaan yang tegang ini, wakil-wakil dari Malaysia, Indonesia dan Filipina mengadakan rundingan damai tiga penjuru di Bangkok. Rundingan ini juga gagal kerana Malaysia dan Indonesia berbeza pendapat tentang pengunduran tentera dari kawasan sempadan bersama. Kegagalan tersebut menguatkan semula konflik antara kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, kerajaan Filipina kemudiannya telah memujuk Indonesia dan Malaysia ke satu lagi rundingan damai peringkat kemuncak di Tokyo. Persidangan kemuncak ini dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman, Sukarno dan Macapagal. Persidangan ini tidak membawa se-

barang hasil kerana Tunku Abdul Rahman dan Sukarno telah berperang mulut.

Kegagalan persidagangan kemuncak ini telah memperhebatkan lagi konfrontasi ketenteraan Indonesia. Jakarta meluaskan pencerobohan tenteranya dari Borneo ke Semenanjung Malaysia. Pencerobohan ini dibawa ke Majlis Keselamatan PBB untuk diadili. Dalam pengundian yang diadakan, Indonesia gagal mendapat sokongan daripada anggota-anggota Majlis Keselamatan PBB kecuali Soviet Union dan Czechoslovakia. Soviet Union telah menggunakan kuasa veto untuk menyelamatkan maruah Indonesia. Selain itu, permusuhan antara Malaysia-Indonesia berterusan apabila Malaysia dilantik sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi tahun 1965. Indonesia menentang pelantikan tersebut dengan alasan bahawa negara Malaysia tidak wujud tetapi bantahan ini telah ditolak oleh PBB dan Indonesia mengambil keputusan untuk keluar dari badan dunia itu.

Tema konflik ini turut ternyata dalam aspek diplomasi Afro-Asia. Indonesia telah menggunakan pengaruhnya di kalangan negara Afro-Asia bagi menjalankan kempen anti-Malaysia. Bagi menangkis propaganda tersebut, kerajaan Malaysia menghantar rombongan muhibah ke negara-negara Afro-Asia. Tujuan rombongan tersebut adalah untuk menerangkan tentang pencerobohan pihak Indonesia di wilayah-wilayah Malaysia dan untuk mendapatkan sokongan negara-negara tersebut supaya membolehkan Malaysia menghadiri persidangan kemuncak Afro-Asia di Algeria pada tahun 1965.

Selain itu, konflik berlaku apabila Indonesia menawarkan pengiktirafan kedaulatan Singapura selepas negeri itu berpisah dari Malaysia pada bulan Ogos 1965. Malaysia membantah tindakan Indonesia tersebut kerana ini akan membahayakan kedudukan keselamatan Malaysia. Kuala Lumpur khuatir Indonesia akan menggunakan Singapura sebagai batu loncatan untuk menjalankan kegiatan subversif di Malaysia. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman menentang keras Singapura mengadakan hubungan diplomatik dengan Indonesia sehingga Konfrontasi tamat. Mujurlah konflik antara kedua-dua negara tamat apabila Jeneral Suharto mengambil inisiatif untuk menamatkan Konfrontasi dengan Malaysia. Order Baru pimpinan beliau telah memulihkan hubungan dengan Malaysia dan terus mengeratkan hubungan dengan jiran tetangga mereka.

Pada era Konfrontasi, komunisme juga merupakan tema yang ketara dan boleh dilihat melalui latihan dan bantuan ketenteraan yang diberi oleh pihak Indonesia kepada *Clandestine Communist Organization* (CCO) di Sarawak untuk menentang Persekutuan Malaysia. Se-

lain itu, tema ini juga boleh ditinjau melalui sokongan kuat RRC kepada konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Ini kerana RRC mempunyai minat dan kerjasama dengan Indonesia untuk membahagikan rantau Asia Tenggara kepada lingkungan kawasan pengaruh iaitu Tanah Besar Asia Tenggara termasuk Semenanjung Malaysia sebagai lingkungan kawasan pengaruh RRC dan Kepulauan Asia Tenggara termasuk Sabah dan Sarawak sebagai lingkungan kawasan pengaruh Indonesia. Dengan kemunculan Malaysia, impian RRC dan Indonesia terhalang. Justeru itu, RRC bersama Indonesia menjalankan kempen anti-Malaysia di kalangan negara Afro-Asia supaya memulaukan Malaysia sebagai tajaan neokolonialisme. Hubungan rapat antara RRC dan Indonesia telah menyebabkan Indonesia terpencil dari dunia Barat mahupun dari blok Soviet Union. Hubungan rapat antara Indonesia dan RRC telah membentuk paksi Jakarta-Peking yang akhirnya membawa kepada kejatuhan rejim Sukarno dengan berlakunya peristiwa GESTAPU.

Peristiwa GESTAPU telah membolehkan tentera Indonesia berkuasa dan terus menghapuskan pengaruh komunis di negara itu. Penghapusan pengaruh komunis di Indonesia membuka era baru dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Ini kerana pemimpin-pemimpin Order Baru di Indonesia menyedari bahawa Konfrontasi adalah berpunca daripada pengaruh komunis dalam kerajaan Indonesia dan bukan daripada desakan rakyat negara itu menentang Malaysia.

Semasa Konfrontasi, hubungan persaudaraan tidak menonjol dengan ketara kerana diselindungi oleh ketegangan politik antara Malaysia-Indonesia. Namun begitu, semangat persaudaraan tersebut telah mendorong kedua-dua pihak berusaha untuk menamatkan Konfrontasi yang lebih merupakan konflik kekeluargaan. Suasana persaudaraan terbayang apabila satu rombongan muhibah tentera Indonesia yang diketuai oleh Omar Basri Sjaaf tiba di Kuala Lumpur pada bulan Mei tahun 1966. Rombongan ini juga melawat Tunku Abdul Rahman di kediaman peribadi beliau di Alor Setar, Kedah untuk menyampaikan salam muhibah daripada pemimpin-pemimpin Order Baru Indonesia. Kehadiran rombongan ini merupakan simbol bahawa Konfrontasi telah tamat secara tidak rasmi. Di samping itu, kehadiran mereka membuka jalan kepada rundingan penamatan Konfrontasi antara Tun Abdul Razak dan Adam Malik di Bangkok pada akhir bulan Mei 1966. Rundingan ini berjalan dalam suasana yang penuh mesra dan persaudaraan. Kemudian, majlis menandatangani perjanjian bagi menamatkan Konfrontasi secara rasmi pada 11 Ogos 1966 diadakan di Jakarta dalam suasana persaudaraan.

Pada masa yang sama, tema kerjasama jarang kelihatan sehingga meletusnya peristiwa GESTAPU di Indonesia yang membolehkan pihak tentera berkuasa di negara tersebut. Akibatnya, pegawai-pegawai tentera Indonesia dan pegawai-pegawai Tanah Melayu telah mula bekerjasama untuk menamatkan Konfrontasi. Pada peringkat awal, mereka mengadakan rundingan secara sulit tetapi selepas Jeneral Suharto mendapat kuasa eksekutif, kedua-dua pihak mengadakan rundingan secara terbuka dan akhirnya mereka bersetuju bersidang di Bangkok untuk menamatkan konfrontasi. Suasana kerjasama dan juga persaudaraan berterusan di persidangan tersebut dan kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menamatkan persengketaan selama tiga tahun itu.

Sementara itu, semasa bersidang di Bangkok, tema keserantauan turut ditimbulkan apabila Adam Malik, Menteri Luar Negeri Indonesia, mencadangkan penubuhan pertubuhan serantau yang lebih besar daripada ASA dan MAPHILINDO. Idea ini kemudiannya menjadi asas kepada penubuhan ASEAN.

Berikutnya, kelima-lima tema yang diutarakan sebelum ini telah ada dalam hubungan Malaysia-Indonesia selepas Konfrontasi, selama empat tahun. Pada peringkat selepas Konfrontasi, tema persaudaraan dan kerjasama timbul semula dengan ketara berbanding dengan tema-tema lain. Dalam jangka masa itu, tema keserantauan dan komunisme turut wujud, tetapi tidak berlaku konflik.

Bagi merapatkan lagi semangat persaudaraan yang mendapat nafas baru selepas Konfrontasi, Adam Malik mengetuai satu rombongan muhibah ke Malaysia sebaik sahaja perjanjian pemulihan ditandatangani di Jakarta. Akan tetapi unsur persaudaraan dalam hubungan Malaysia-Indonesia memuncak dengan lawatan rasmi yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman ke Indonesia pada tahun 1968 dan lawatan Presiden Suharto ke Malaysia pada tahun 1970. Kedua-dua lawatan ini membuka jalan kepada termeterainya Perjanjian Persahabatan tahun 1958. Dengan perjanjian ini, kedua-dua negara bekerjasama dalam aspek-aspek kebudayaan, pelajaran dan juga politik yang terbengkalai akibat Konfrontasi.

Suasana persaudaraan turut terbayang apabila pihak Indonesia menghantar perwakilannya semula ke pertandingan membaca al-Qur'an yang dianjurkan oleh pihak Malaysia pada setiap tahun. Faktor persaudaraan ini juga telah mendorong kedua-dua pihak meneruskan semula usaha-usaha untuk menyamakan sistem ejaan rumi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Atas dasar yang sama, pihak Indonesia turut memberi bantuan kepada pihak Malaysia untuk menubuhkan Universiti Kebang-

saan Malaysia. Tema persaudaraan dapat dilihat apabila rakyat kedua-dua negara membantu sesama sendiri akibat bencana alam. Pada bulan Oktober 1966, rakyat Malaysia menghulurkan bantuan wang tunai kepada saudara-mara mereka di Indonesia yang dilanda bencana alam. Begitu juga, rakyat Indonesia menghantar bantuan makanan kepada Malaysia yang dilanda banjir pada tahun 1967. Semasa rusuhan kaum 13 Mei meletus di Malaysia, rakyat Indonesia menghulurkan bantuan yang sama kepada mangsa rusuhan atas dasar persaudaraan dan simpati.

Tema persaudaraan turut dapat dilihat dalam isu tuntutan Sabah oleh Filipina. Dalam soal ini, kerajaan Indonesia mempunyai pendirian rasmi yang berkecuali tetapi secara tidak rasmi Jakarta menyokong Malaysia. Pada masa yang sama, terdapat segolongan rakyat Indonesia yang sanggup menjadi sukarelawan untuk mempertahankan Sabah sekiranya perang meletus antara Malaysia dengan Filipina. Sokongan rakyat Indonesia menguatkan lagi pendirian Malaysia untuk mempertahankan Sabah sebagai wilayah Malaysia.

Pada tahap selepas Konfrontasi, tema kerjasama juga merupakan tema yang sangat penting dan dicerminkan dalam hampir semua aspek hubungan Malaysia-Indonesia. Dalam bidang politik, Jakarta dan Kuala Lumpur telah bekerjasama erat untuk memulihkan hubungan kedua-dua negara. Malaysia dan Indonesia telah bekerjasama mengadakan perjanjian seperti perbatasan pelantar benua, perbatasan wilayah perairan dan penyeberangan sempadan. Dengan itu, kedua-dua negara jiran ini dapat mengatasi masalah-masalah yang wujud berkaitan dengan soal sempadan dan dapat menguatkan hubungan kedua-dua negara. Namun begitu, persetujuan kedua-dua negara mengadakan perjanjian persahabatan pada bulan Mac 1970 merupakan kemuncak kerjasama antara Malaysia-Indonesia. Perjanjian ini bukan sahaja menggantikan perjanjian persahabatan Tanah Melayu-Indonesia tahun 1959 tetapi juga merupakan perjanjian persahabatan pertama ditandatangani oleh kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman selepas Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963.

Tema kerjasama turut dilihat dalam bidang ekonomi apabila usaha pemulihan hubungan ekonomi diadakan selepas konfrontasi. Kerjasama ini dapat dilihat apabila kedua-dua negara mengambil usaha untuk memulihkan semula perkhidmatan penerbangan awam, perdagangan barter dan mengadakan semula perkhidmatan pos dan telegraf. Kedua-dua negara turut menggiatkan semula usaha untuk menstabilkan harga getah asli dan bijih timah di pasaran dunia selepas Konfrontasi tamat. Bagi mengeratkan kerjasama ekonomi, Malaysia dan Indonesia telah menan-

datangani perjanjian asas tentang perdagangan dan ekonomi yang saling memberi layanan. Layanan sedemikian tidak diberi kepada negara-negara lain oleh kedua-dua negara ini.

Dalam bidang pelajaran dan bahasa, kedua-dua negara serumpun ini mengadakan kerjasama yang erat. Indonesia telah membantu Malaysia untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru sains dan matematik di sekolah-sekolah aliran bahasa kebangsaan di Malaysia dengan menghantar guru-gurunya. Di samping itu, kedua-dua pihak telah mengumumkan untuk bekerjasama dalam aspek-aspek seperti bertukar-tukar pakar bahasa, pensyarah universiti, hasil penyelidikan, buku dan biasiswa.

Satu lagi aspek yang mencerminkan kerjasama dalam hubungan Malaysia-Indonesia selepas Konfrontasi adalah keselamatan. Kerjasama ini terjalin apabila kedua-dua negara mengadakan perjanjian keselamatan untuk mengatasi ancaman pengganas komunis di sempadan bersama Borneo dan ancaman lanun di Selat Melaka. Perjanjian ini membolehkan kedua-dua negara mengadakan rondaan bersama di kawasan sempadan untuk memburu saki-baki pengganas komunis di Borneo dan juga lanun di perairan kedua-dua negara. Kerjasama keselamatan menunjukkan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia selepas Konfrontasi menjadi sangat erat kerana sebelum ini kedua-dua pihak tidak pernah bekerjasama dalam bidang keselamatan.

Selepas Konfrontasi tamat, kesedaran untuk mengadakan pertubuhan serantau telah dikemukakan oleh pihak Indonesia dan juga Malaysia. Malaysia telah menjemput Indonesia untuk menyertai ASA tetapi Indonesia menolak cadangan tersebut kerana akan melibatkan martabat Indonesia. Sebaliknya, Indonesia berminat mengadakan MAPHILINDO yang lebih luas. Bagi mengatasi persaingan antara ASA dan MAPHILINDO, Menteri-Menteri Luar Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand bersidang di Bangkok pada tahun 1967 dan menubuhkan ASEAN. ASEAN merupakan pertubuhan serantau yang mementingkan kerjasama ekonomi, sosial, kebudayaan dan teknikal. Penubuhan ASEAN merupakan titik tolak yang sangat penting dalam sejarah kerjasama serantau di Asia Tenggara kerana inilah pertama kalinya Malaysia dan Indonesia menyertai pertubuhan serantau yang sama untuk mengeratkan kerjasama dan persahabatan di kalangan anggota-anggotanya. Penubuhan ASEAN merupakan titik tolak penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia kerana merapatkan lagi hubungan kedua-dua negara melalui kerjasama serantau.

Tema berikut pada tahap selepas Konfrontasi adalah komunisme.

Indonesia dan Malaysia mempunyai pendirian yang sama terhadap ancaman komunisme. Kedua-dua negara bersama-sama menyedari bahawa ancaman komunis dari RRC merupakan ancaman yang sangat berbahaya kepada keamanan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Peking memberi bantuan kewangan dan ketenteraan kepada pergerakan parti-parti komunis untuk menjatuhkan kerajaan bukan komunis di rantau ini. Justeru itu, kerajaan Order Baru di Indonesia memutuskan hubungan diplomatiknya dengan RRC. Namun begitu, Malaysia dan Indonesia mengadakan hubungan dengan negara-negara komunis di Eropah demi kepentingan ekonomi. Kedua-dua pihak ini tidak menganggap ideologi komunis sebagai ancaman selagi tidak mengganggu kestabilan negara masing-masing.

Seterusnya, tema konflik turut kelihatan pada tahap selepas Konfrontasi. Konflik ini berpunca daripada kemasukan nelayan-nelayan Malaysia ke perairan Indonesia. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi melalui persefahaman politik yang wujud antara kedua-dua negara.

Apabila meninjau hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman, tema persaudaraan dan kerjasama merupakan tema utama pada tahap sebelum Konfrontasi. Konflik dan komunisme merupakan ema-tema yang penting pada tahap Konfrontasi. Akhirnya, pada tahap selepas Konfrontasi pula, tema persaudaraan dan kerjasama timbul semula selepas pemulihan hubungan antara kedua-dua pihak. Di samping itu, keserantauan juga merupakan tema yang penting pada peringkat akhir pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Hubungan mesra Malaysia-Indonesia berterusan selepas Tunku Abdul Rahman terpaksa bersara sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 22 September 1970, akibat rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Malaysia.

Tunku Abdul Rahman kemudiannya diganti oleh Tun Abdul Razak (1971–1975), diikuti oleh Tun Hussein Onn (1976–1981) dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sehingga kini. Sementara itu, di Indonesia pula, Presiden Suharto terus menerajui pentadbiran Indonesia sehingga kini. Sepanjang tempoh lebih kurang 20 tahun ini, beberapa kerjasama penting telah dicapai oleh kedua-dua pihak. Antaranya adalah pelaksanaan sistem ejaan yang seragam bagi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia pada tahun 1972 seperti yang dipersetujui pada tahun 1968. Malaysia dan Indonesia sehingga hari ini meneruskan kerjasama untuk membanteras ancaman komunis di perbatasan Borneo dan sering mengadakan latihan ketenteraan bersama dari masa ke masa. Sikap melihat RRC sebagai ancaman kepada keselamatan rantau Asia Tenggara masih

berterusan pada dekad 1980-an. Akan tetapi kini sikap sedemikian semakin meleset kerana Jakarta dan Peking (Beijing) telah mengambil langkah untuk memulihkan hubungan. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur telah mengadakan hubungan diplomatik dengan RRC sejak tahun 1974. Satu lagi perkara penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia selepas pentadbiran Tunku Abdul Rahman ialah kerjasama dalam konteks ASEAN semakin meningkat. Melalui ASEAN, kedua-dua negara ini, bersama-sama dengan Singapura, Filipina dan Thailand berjaya mengisytiharkan Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) pada tahun 1971. Di samping itu, banyak kerjasama ekonomi diadakan di bawah ASEAN. ASEAN juga memainkan peranan untuk mencari penyelesaian aman bagi masalah Kemboja yang belum selesai lagi. Dalam hal ini, Indonesia lebih aktif daripada Malaysia. Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama untuk membanteras penyeludupan dadah di perairan mereka, khasnya di Selat Melaka.

Pada masa yang sama, konflik atau perselisihan pendapat antara kedua-dua pihak turut wujud. Isu peluasan sempadan laut oleh Indonesia pada tahun 1980 telah menimbulkan masalah kerana peluasan tersebut menyebabkan berlaku pertindihan sempadan laut Malaysia yang melibatkan kawasan perairan Sarawak dan Sabah iaitu sekitar kawasan Tanjung Datu dan Pulau Sebatik. Peluasan ini juga mengancam keutuhan sempadan laut Malaysia. Walau bagaimanapun, masalah ini diatasi dengan perjanjian laut 1982 di Jakarta. Selain itu, kedua-dua negara ini turut bersaing dalam bidang ekonomi, khasnya pengeluaran bahan mentah seperti getah asli dan minyak kelapa sawit. Malaysia bimbang dengan pengaliran teknologi memproses bahan-bahan itu ke Indonesia kerana Indonesia tidak banyak berusaha untuk meningkatkan teknologi sedemikian supaya mengadakan pertukaran kepakaran. Satu lagi masalah penting dalam hubungan Malaysia-Indonesia adalah kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia ke Malaysia. Sungguhpun kedatangan mereka ini menguntungkan ekonomi Malaysia kerana mereka merupakan tenaga buruh yang murah dan rajin tetapi kehadiran mereka juga dituduh telah meningkatkan kadar jenayah di Malaysia. Bagi mengatasi masalah-masalah ini, para pemimpin dari kedua-dua negara mengadakan perbincangan dari masa ke masa.

Oleh yang demikian, pencapaian yang dialami dalam hubungan Malaysia-Indonesia semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman seperti perjanjian persahabatan, pemberian layanan "most favoured nation", kerjasama menyelaraskan sistem ejaan bahasa Melayu-bahasa Indone-

sia, kerjasama menghapuskan pengganas komunis di sempadan bersama, kegiatan sukan, agama serta lawatan muhibah dan penubuhan ASEAN harus dikukuhkan dan dilanjutkan. Jika pencapaian ini dikekalkan maka hubungan Malaysia-Indonesia akan terus menjadi hubungan yang istimewa pada masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

Dokumen, Ucapan dan Penerbitan Rasmi

"Address of His Excellency President Suharto at the Royal Banquet Given by His Highness the Timbalan Yang di-Pertuan Agong"", 16 Mac 1970.

American Foreign Policy: Currrent Document 1963. Jabatan Penerbitan Negeri, 1967.

Background to Indonesia's Policy towards Malaysia, 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

Communication with the Security Council on Indonesian Aggression, 11th August 1964 to 28 May 1965. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Economic Commission for Asia and the Far East (ECAFE) Paper, 1964. Sidang Pleno ECAFE ke-20. Iran: Tehran, 2–17 Mac.

Federation of Malaya, Annual Report. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, pelbagai tahun (1950–1957).

Federation of Malaya, Official Year Book. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, pelbagai tahun (1958–1963).

Foreign Affairs Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Luar Negeri, pelbagai tahun (1966–1970).

Hillsman, Roger 1962. *Prospects for Malaysia.* Laporan kepada Setiausaha Jabatan Negeri, Biro Penyelidikan dan Perisik, 5 September.

Indonesian Intention towards Malaysia, 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

Indonesian Involvement in Eastern Malaysia, 1965. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

"Joint Communique on Trade Talks", 1968. *Siaran Akhbar*, 31 Mei.

Leifer, Michael 1968. *The Philippines Claim to Sabah.* Zug, Switzerland: Inter Documentation Company.

Let the World Judge, 1964. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

Malaya/Indonesia Relations, 31st August 1957–15th September 1963. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

Malaya, Singapore and British Borneo: Developments Since October 29, 1962, Perpustakaan J. F. Kennedy, 14 Mac 1963.

Malaysia-Indonesia Joint Communique, 1970. *Siaran Akhbar*, 19 Mac.

Malaysia's Case in the United Nations Security Council, 1964. Kuala Lumpur: Kementerian Luar Negeri.

Malaysia Official Year Book. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, pelbagai tahun (1964–1970).

Malaysia Year Book 1971. Kuala Lumpur: Penerbit Malay Mail, 1971.

Parliamentry Debates: Dewan Rakyat, Laporan Rasmi, pelbagai tahun (1958–1970).

Perjanjian Persahabatan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia, 1959. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Press Release, 1969. Kedutaan Besar, Republik Indonesia, Kuala Lumpur, 7 Jun.

Singapore Year Book 1968. Singapura: Pejabat Percetakan Kerajaan, 1969.

"Telegram from Ambassador Baldwin, U.S. Embassy, Kuala Lumpur to the Secretary of State", 19 Disember 1962.

"Telegram from Ambassador Baldwin to the Secretary of State", 17 September 1963.

"Telegram from Dean Rusk, Secretary of State to the American Embassy in Bangkok", 17 September 1963.

"Telegram No. 265 to the Secretary of State from Ambassador Baldwin", Kuala Lumpur, 19 September 1963.

"Telegram No. 270 from Kuala Lumpur to the Secretary of State", 19 September 1963.

"Telegram No. 317, from Kuala Lumpur to the Secretary of State", 30 September 1963.

"The Consolidated Treaty Series 1969. Jil. 78, New York: Ocean Publisher Inc., Dobbs Fenry.

Why Indonesia Opposes British Made Malaysia 1964. SE 499 3/1 Inter Documentation Company Zug, Switzerland.

Akhbar

Antara Daily News Bulletin (Bonn).

Antara Daily News Bulletin (Cologne).

Antara Daily News Bulletin (New York).

Antara News Bulletin (Jakarta).

Antara Weekly Review (Jakarta).

Asian Almanac (Singapura dan Johor Bahru).

Asian Recorder (New Delhi).

Berita Harian (Kuala Lumpur).

Bernama (Kuala Lumpur).

Bintang Timor (Jakarta).
Keesing's Contemporary Archives (Longman Group, London).
Suluh Indonesia (Jakarta).
The Djakarta Times (Jakarta).
The Malay Mail (Kuala Lumpur).
The North Borneo News and Sabah Times (Jesselton).
The Singapore Standard (Singapore).
The Straits Budget (Singapore).
The Straits Times (Singapore).
The Times (London) Keratan akhbar.
Times of Indonesia (Djakarta).
Utusan Malaysia (Kuala Lumpur).

Temu ramah

Temu ramah penulis dengan Bapak M. Rachmat. A, Kepala Bidang Politik (Konsulat Politik) Kedutaan Indonesia, pada 15 Mac 1989, di Kuala Lumpur.

Temu ramah penulis dengan Mohd. Arshad Hussain, Ketua Penolong Setiausaha Asia Tenggara I, pada 24 Februari 1989, di Wisma Putra, Kuala Lumpur.

Temu ramah penulis dengan Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 11 April 1989.

Temu ramah Profesor George McT. Kahin dengan Dr. Subandrio, Menteri Luar Negeri Indonesia, pada 30 Jun 1963, di Jakarta.

Temu ramah Profesor George McT. Kahin dengan H.P. Jones, Duta Amerika Syarikat ke Indonesia, pada akhir bulan Jun dan awal bulan Julai 1963, di Jakarta.

Temu ramah Profesor George McT. Kahin dengan Ichsan, Ketua Setiausaha Presiden Sukarno, pada 31 Julai 1963, di Manila.

Temu ramah Profesor George McT. Kahin dengan Lt. Kol. George Benson, Pegawai Tentera Indonesia, pada 16 Julai 1963 di Jakarta.

Temu ramah Profesor George McT. Kahin dengan Mohd. Hatta, bekas Naib Presiden Indonesia, pada 18 Julai 1963.

Buku

Abdul Rahman, Tunku 1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Education Book.

Abdullah Ahmad 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia: 1963–1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Adams, Cindy 1965. *Sukarno: An Autobiography as Told to Cindy Adams*. New York: Bobbs Merril Inc.

Allen, Richard 1970. *A Short Introduction to the History and Politics of Southeast Asia.* New York: Oxford University Press.

Andaya, B.W. dan Andaya, L.Y. 1982. *Sejarah Malaysia.* Kuala Lumpur: MacMillan.

Bhattacharjee, G.P. 1976. *Southeast Asian Politics: Malaysia and Indonesia.* Calcutta: Minerva Associates.

Boyce, Peter (ed.) 1968. *Malaysia and Singapore in International Diplomacy: Documents and Commentaries.* Sydney: Sydney University Press.

Brackman, Arnold 1966. *Southeast Asia's Second Front: The Power Struggle in the Malay Archipelago.* New York: Frederick A. Praeger.

Britannica Book of the Year 1958. London.

Clubb, Oliver E. Jr., 1966. *The United States and the Sino-Soviet Block in Southeast Asia.* Washington D.C.: The Brooking Institution.

Comber, Leon, 1983. *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations.* Kuala Lumpur: Heineman Asia.

Dahm, Berhard 1988. *Sejarah Indonesia Abad Kedua Puluh.* (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darford, G.P. 1957. *A History of Malaya.* London: Longman.

Fifield, Russell H. 1968. *The Diplomacy of Southeast Asia: 1945–1958.* Archon Books.

Fletcher, Nancy Mc. Henry 1969. *The Separation of Singapore From Malaysia.* New York: Oxford University Press.

Fryer, D. dan Jackson, J.C. 1977. *Indonesia,* London: Ernest Benn.

Furnivall, J.S. 1944. *Netherlands Hindies: A Study of Plural Economy.* New York: MacMillan.

Goh Cheng Teik 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Gordon, B.K. 1966. *The Dimension of Conflict in Southeast Asia.* New Jersey: Prentice-Hall.

Grant, Bruce 1966. *Indonesia.* Melbourne: Melbourne University Press.

Gullick, J, dan Gale, Bruce 1986. *Malaysia: Its Political and Economic Development.* Petaling Jaya: Pelanduk Publication.

Gullick, J.M. 1967. *Malaysia and its Neighbours.* London: Routledge dan Kegan Paul.

Hall, D.G.E. 1968. *A History of Southeast Asia.* Edisi ketiga. London: MacMillan.

Hall, D.G.E. 1981. *Sejarah Asia Tenggara.* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanna, W.A. 1963. *Malaysia: A Federation in Prospect.* AUPS Report. New York: Southeast Asia Series.

Hardjono, J. 1971. *Indonesia, Land and People.* Jakarta: Gunung Agung.

Harrison, Brian 1966. *Asia Tenggara: Suatu Sejarah Ringkas.* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hyde, Douglas 1965. *Confrontation in the East.* London: The Bodley Head.

Ide Anak Agung 1973. *Twenty Years Indonesian Foreign Policy 1945–1965.* The Hague: Mouton.

Joginder Singh 1978. *Malaysia, Singapura dan Brunei.* Kuala Lumpur: Longman.

Jones, Howard P. 1971. *Indonesia: The Possible Dream.* New York: Jovonovich Inc.

Kahin, George McT. (ed.) 1964. *Governments and Politics in Southeast Asia.* Edisi kedua, New York: Cornell University Press.

Kahin, George McT. (ed.) 1967. *Major Government of Asia.* Edisi kedua. New York: Cornell University Press.

Kahin, George McT (ed.) 1982. *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kennedy, J. 1970. *A History of Malaya.* Edisi kedua. London: MacMillan.

Khoo, Gilbert, 1977. *Asian Transformation, A History of Southeast, South, and East Asia.* Kuala Lumpur: Heinemann Education Book.

Kroef, Justus M. van der, 1971. *Indonesia After Sukarno.* Vancouver: University of British Colombia Press.

Legge, J.D. 1981. *Indonesia.* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leifer, Michael 1974. *The Foreign Relations of the New States.* Victoria.

Leifer, Michael 1978. *International Straits of The World: Malacca, Singapore and Indonesia.* The Netherlands: Sijthoff dan Noordhoff.

Leifer, Michael 1983. *Indonesia's Foreign Policy.* London: George Allen dan Unwin.

Lutfi Ismail. *Sejarah Malaysia 1400–1963.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

M. Ghazali Shafie 1982. *Malaysia: International Relations.* Kuala Lumpur: Creative Enterprise.

Mackie J.A.C. 1974. *Confrontations: The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963–1966.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Means, Gordon, 1970. *Malaysian Politics.* London: University of Press.

Mezerik, A.G. (ed.). *Malaysia-Indonesia Conflict.* International Review Service. Jil. XI. No. 86. New York.

Miller, Harry 1965. *The Story of Malaysia.* London: Faber dan Faber.

Milne, R.S. 1967. *Government and Politics in Malaysia.* Boston: Houngton Mifflin.

Mohd. Ali Kamarudin 1981. *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

Mohd. Dahlan Mansoer 1977. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Morais, Victor (ed.) 1969. *Strategy for Action: The Selected Speaches of Tun Haji Abdul Razak.* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Mortimer, Alfred Rex 1974. *Indonesia Communism Under Sukarno: Ideology and Politics, 1959–1965.* New York: C.U.P.

Nihal Singh, S. 1971. *Malaysia: A Commentary.* New Delhi: Associated Publications House.

Pluvier, Jan M. 1965. *Confrontations: A Study in Indonesian Politics.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Purcell, Victor 1962. *The Revolution in Southeast Asia.* London: Thames dan Hudson.

Reinhardt, Jon. M. 1971. *Foreign Policy and National Integration: The Case of Indonesia.* Monograf No. 17, New Haven: Yale University Southeast Asia Studies.

Roeder, O.G. 1969. *The Smiling General: President Soeharto of Indonesia.* Jakarta: Gunung Agung.

Roff, William R., *Nasionalisme Melayu.* (terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ryan, N.J. 1963. *A History of Malaysia and Singapore.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Saravanamuttu, J. 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957–1977.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

SarDesai, D.R. 1981. *Southeast Asia: Past and Present.* New Delhi: Vikas Publication House.

Sartono Kartodidjo 1977. *Sejarah Nasional Indonesia II.* Jakarta: Department Pendidikan dan Kebudayaan, Balai Pustaka.

Slametmuljana 1963. *Sriwijaya.* Nusa Tenggara Timur: Arnoldus Ende-Flones.

Smith, T.E. 1952. *Population Growth in Malaya.* London: Royal Institute of International Affairs.

Soetan Sjahir 1949. *Out Of Exile.* New York: John Day.

Sundhausen, Ulf 1982. *The Road to Power: Indonesia Military Politics, 1945–1965.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Sundstrom, Horold W. 1957. *Indonesia: Its people and Politics.* Tokyo.

Suntharalingam, R. dan Abdul Rahman Ismail 1985. *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Sweettenham, Frank 1948. *British Malaya.* London: George Allen and Unwin.

Tate, D.J.M. 1977. *The Making of Modern Southeast Asia.* Jil. I. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tregonning, K.G., *A History of Malaya.* Singapura: Eastern University Press.

Vlekke, B.H.M. 1967. *Nusantara. Sejarah Indonesia.* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Waddle, J.R.E. 1971. *An Introduction to Southeast Asian Politics.* Sydney: John Wiley dan Sons.

Warner, Denis 1966. *Reporting Southeast Asia.* Sydney: Angus dan Robertson.

Weinstein, Franklin B. 1969. *Indonesia Abandons Confrontation: An Inquiry into the Function of Indonesian Foreign Policy.* Modern Indonesia Project. New York: Cornell University Press.

Weinstein, Franklin B. 1976. *Indonesia Foreign Policy and the Dilemma of Dependence, from Sukarno to Soeharto.* New York dan London: Cornell University Press.

West, A.J.F. dan Rose, J. 1969. *Southeast Asia with Malaysia and Singapore.* London: University of London Press.

Wheatley, Paul 1964. *The Malay Peninsula in Ancient Times.* Singapura: Eastern University Press.

Wheatley, Paul 1976. *The Golden Khersonese.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Williams, Lea E. 1976. *Southeast Asia a History.* New York: Oxford University Press.

Wolters, O.W. 1970. *The Fall of Srivijaya in Malay History.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Yong Mun Cheong 1982. *H.J. Van Mook and Indonesian Independence: A Study of His Role in Dutch-Indonesian Relations, 1945–48.* The Hague: Martinus Nijhoff.

Zainal Abidin Abdul Wahid 1978. *Sejarah Dasar Luar Malaysia.* Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.) 1981. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainuddin, A. 1968. *A Short History of Indonesia.* Melbourne: Cassell Australia.

Rencana

Abdul Rahman, Tunku 1965. "Malaysia: Key Area in Southeast Asia", *Foreign Affairs.* Jil. 43, No. 4, Julai.

Angel, J.R. 1979. "Indonesian Foreign Policy Since Independence", *The Year Book of World Affairs 1977.* London Institute of World Affairs.

Armstrong, H.F. 1963. "The Troubled Birth of Malaysia", *Foreign Affairs.* Jil. 41, No. 4, Julai.

Arora, B.D. 1978. "India, Indonesia and The Emergence of Malaysia", *International Studies.* Vikas Publishing House Pvt. Ltd., September.

Benjamin dan Jean Higgins 1958. "Indonesia: Now or Never", *Foreign Affairs.* Jil. 37, No. 1, Oktober.

Bunnell, Frederick P. 1966. "Guided Democracy Foreign Policy, 1960–1965: President Sukarno Moves From Non-Indonesian Project". New York: Cornell University. Oktober.

Butwell, Richard 1964. "Malaysia and its Impact on the International Relations", *Asian Survey.* Jil. 10. No. 7, Julai.

Crouch, Harold 1978. "Indonesia's New Order", *Jurnal Hubungan Antarabangsa.* Kelab Hubungan Antarabangsa, Universiti Malaysia.

Curtis, Robert, 1964. "Malaysia and Indonesia", *New Left Review.* No. 28, November–Disember.

Davies, Derek 1966. "Interview with Dr. Adam Malik, Indonesian Foreign Minister", *FEER*. Jil. LIII, No. 5, 4 Ogos.

Davis, Derek 1966. "Sprouting Olives", *FEER*. Jil. LII, No. 9, 2 Jun.

Derkach, Nadia 1965. "The Soviet Policy Towards Indonesia in the West Irian and the Malaysian Disputes", *Asian Survey*. Jil. V. No. 11, November.

Fluker, Robert 1969. "Regionalism and the Modernization of Southeast Asia", *The Review of Politics*. Jil. 31, No. 2, April.

Gordon, B.K. 1966. "A Formula for Southeast Asian Stability", *Solidarity*. Jil. I, No. 1, Januari–Mac.

Green, L.C. 1965. "Indonesia, The United Nations and Malaysia", *Journal of Southeast Asia History*. Jil. 6. No. 2.

Heidhues, Mary F. Somers 1966. "Peking and the Overseas Chinese: The Malaysian Dispute", *Asian Survey*. Jil. VI. No. 5, Mei.

Henderson William, 1956. "Regionalism in Southeast Asia", *Journal of International Affairs*. Jil. 10, No. 1.

Hindley, Donald 1964. "Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search Motives", *Asian Survey*. Jil. IV. No. 6 Jun.

Hunter, Guy 1964. "Independence and Development", *International Affairs*. Jil. 40, No. 1, Januari.

"Indonesia's Improved Relations with China", *Eastern World*. Jil. 15, No. 6, Jun 1961.

Josey, Alex 1964. "Brithday of a Party", *FEER*, 18 Jun.

Josey, Alex, 1964. "Aidit and Malaysia", *Far Eastern Economic Review*. Jil. XLIII, No. 8, 20 Februari.

Kahin, George McT. 1964. "Malaysian and Indonesia", *Pacific Affairs*. Jil. 37, No. 3, Fall.

Kroef, Justus M. Van der, 1958. "Disunited Indonesia", *Far Eastern Survey*. Jil. XXVII, No. 4, April.

Kroef, Justus M. Van der 1961. "Nasution, Sukarno and the West New Guines Dispute". *Asian Survey*. Jilid 1, No. 6 Ogos.

Kroef, Justus M. Van der 1963. "Indonesia, Malaya and the North Borneo Crisis", *Asian Survey*. Jil. III, No. 4, April.

Kroef, Justus M. Van der 1963. "The West New Guinea Settlement: Its Origins and Implications", *Orbit*. Jil. 7, No. 7, Spring.

Leifer, Michel 1966. "Indonesia and Malaysia: The Changing Face of Confrontation", *The World Today*. Jil. 22, No. 9, September.

Means, Gordon, P. 1963. "Malaysia – A New Federation in Southeast Asia", *Pacific Affairs*. Jil. 36, No. 2.

Mehden, Fred R. Van der 1965. "Southeast Asian Relations with Africa", *Asian Survey*. Jil. V, No. 7, Julai.

Miller, T.B. dan Miller J.D.B 1965. "Afro-Asia Disunity, Algiers, 1965", *Australian Outlook*. Jil. XIX, No. 3, Disember.

Mohammad Hatta 1954. "Indonesia's Foreign Policy", *Foreign Affairs*. Jil. 31, No. 4, April.

Mohammad Hatta, 1958. "Indonesia Between the Power Blocks", *Foreign Affairs*. Jil. XXXVI, No. 3, April.

Mohammad Hatta 1965. "One Indonesian View of the Malaysia Issue", *Asian Survey*. Jil. V, No. 3, Mac.

Mohd. Hear b. Hj. Awang 1979. "Malaysia dan Kerjasama Serantau di Asia Tenggara", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Oei, Antony 1964. "Off to Africa", *FEER*. Jil. XLIII, No. 6, 6 Februari.

Ott, Marvin C. 1972. "Foreign Policy Formulation in Malaysia", *Asian Survey*. Jil. XII, No. 3, Mac.

Pauker, Guy J. 1965. "The Rise and Fall of Afro-Asia Solidarity", *Asian Survey*. Jil. 9, No. 5, September.

"Pertemuan Kembali Bangsa Dua Sebaya", *Dewan Masyarakat*. Jil. IV, Bil. 6, Jun 1966.

Plosky, Antony 1970. "A Modest Booster", *FEER*. Jil. LXIII, No. 13, 26 Mac.

Plosky, Antony 1970. "No Stopping The Tunku", *FEER*. Jil. LXVII, No. 2.

Reece, Bob 1969. "Dare The Tunku Go", *FEER*. Jil. LXVI, No. 50, 11 Disember.

Reece, Bob, 1969, "Walking at Last", *FEER*. Jil. LXVI, No. 49, 4 Disember.

Roeder, O.G. 1969. "Adam is Not So Simple". Jil. LXVI, No. 46, 13 November.

Shamsul Bahrin, Tunku 1967. "The Pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya", *Asian Studies*. Jil. 5, No. 2, Ogos.

Silcock, T.H. 1963. "Development of a Malayan Foreign Policy", *Australian Outlook*. Jil. 17, No. 1, April.

Smith, T.E. 1963. "The Brunei Revolt: Background and Consequences", *The World Today*. Jil. 19, No. 3, Mac.

Starner Frances L. 1965. "Malaysia's First Year", *Asian Survey*. Jil. 5, No. 2, Februari.

Stockwin, Harvey 1964. "No More Cricker", *FEER*. Jil. XLV, No. 13, 24 September.

Stockwin, Harvey 1964. "What Now", *FEER*. Jil. XLVI, No. 1, 1 Oktober.

Stockwin, Harvey 1964. "9–2 Against", *FEER*. Jil. XLVI, No. 3, 16 Oktober.

Stockwin, Harvey 1966. "Divide and Conquer", *FEER*. Jil. LII, No. 4, 28 April.

Stockwin, Harvey 1966. "Nearly Finished", *FEER*. Jil. LII, No. 10, 9 Jun.

Taylor Carl 1963. "Indonesian Views of China", *Asian Survey*. Jil. 3, No. 3, Mac.

Turner, Nicholes 1966. "Malik Manoeuvres", *FEER*. Jil. LII, No. 4, April.

Vishal Singh 1963–1964. "The Reactions of Southeast Asian Countries", *International Studies*. Jil. 5.

Watt, D.C. (ed.) 1977. "Malaysia, Indonesia and the Philippines: Prelude to Confrontation", *Survey of International Affairs 1963*. Oxford: Oxford University Press.

Weatherbee, Donald E. 1962. "Indonesia and Malaysia: Confrontation in

Southeast Asia", *Orbis*. Jil. VII, No. 2, September.

Wolfstone, Denial dan Rongguillo, Bernardino 1964. "Malaysia's Mediators", *FEER*. Jil. XLIII, No. 5, Januari.

Zainal Abidin Abdul Wahid 1966. "Malaysia, Southeast Asia and World Politics", dalam Wang Gung We (ed.), *Malaysia: A Survey*. New York: Federick A. Pracger.

Zainal Abidin Abdul Wahid 1980. "Confrontation a Study of Malaysia-Indonesia Relations: Its Implications", *Nusantara*. Bil. 5, Julai. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis

Dalton, J.B. 1967. 'The Development of Malayan External Policy, 1957– 1963.' Disertasi Ph. D., University of Oxford.

Hazra Niranjan Kumar 1965. 'Malaya's Foreign Relations 1957–1963', Tesis M. A., University of Singapore.

Kunaseelan Muniandy 1988. 'Hubungan Malaysia-Singapura, 1965–1975'. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ott, Marvin C. 1971. 'The Sources and Content of Malaysia Foreign Policy Toward Indonesia and the Philippines: 1957–1965'. Disertasi Ph. D. Baltimore: John Hopkins University.

Rohani Abdul Ghani 1989. 'Hubungan Malaysia-Indonesia 1966–1986'. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsul Bahrin, Tunku 1964. 'The Indonesian in Malaya'. Tesis M. A. University of Sheffield.

INDEKS

A.J. Wiltono, 274
A. M. Azahari, 134, 143, 147, 148, 154, 162
A. V. Roon, 197
Abdul Hamid Bidin, 273
Abdul Kadir bin Shamsuddin, 240
Abdul Karim Sumitro, 247
Abdul Rahman, 89
Abdul Rahman Pazwak, 236
Abdullah bin Ali, 159
Aceh, 2, 19, 20
Adam Malik, 227, 230, 236, 251, 282, 284, 285, 288
Afro-Asia, 55, 104, 118, 119
Aglo-Filipina, 166
Ahmad Boestamam, 45, 65, 66, 86
Akademi Tentera Kebangsaan Indonesia, 91
Akademi Tentera Laut, 91
Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 160
Alfred MacKenzie, 177
Algeria, 220
Ali bin Abdullah, 193
Ali Sastroamidjojo, 62, 143, 221
Ali Moertopo, 228
Alimin, 33, 111
Amerika Syarikat, 292
Anastas Mikoyan, 214
Andrew Clarke, 26
Andrew Gilchrist, 193
Ang Bin Hoay, 205
Antara, 62
Antara Daily News Buletin, 70, 73, 169
Arifin Harahap, 257
Armada Siaga, 176
Arnhem, 97
Arnold Bracknam, 67
ASA, 301
ASEAN, 245, 299, 300
ASEAN Magazine, 269
Ashadi Tjahjadi, 256
Asia Tenggara, 3, 7, 54, 54
askar Gurkha, 209
Association fo Southeast Asian Nations (ASEAN), 279
Association of Southeast Asia (ASA), 115, 124, 276, 294
Association of Southesat Asian States, 124
Australia, 3, 50
Aviation Academy, 105

B. Grant, 55
B. K. Gordon, 89
Balai Seni Kebangsaan, 101
Bank Great Eastern Banking Corporation, 111
Bank Negara Indonesia, 199
Barisan Sosialis, 132, 133
Barisan Sosialis Singapura, 147
Belanda, 2
Ben Bella, 223
Bendahara Abdul Jalil, 22
Benny Moerdani, 228, 243

Berita Indonesia, 85
Betawi (Jakarta), 22
Bing Selamat, 102
Bintang Timor, 140
Blok Barat, 118
Blok Timur, 60, 118
Borneo, 11
Borneo (Pontianak), 13
Borneo Utara, 42, 147
Borobudur, 9, 12
Britian, 50
British, 2
British-American Tobacco, 195
British Overseas Airways (BOAC), 196
Brunei, 16
Buddha, 8, 11
Buddha Mahayana, 11
Budi Utomo, 32
Burhanuddin Harahap, 46

Cameron Highlands, 282
Central Interlligence Agency (CIA), 75
Chartered Bank, 196
Che Hassan, 49
Chiang Kai Shek, 108
China Kebangsaan, 109
Chou En-Lai, 112
Clandestine Communist Organization, 202, 271, 297
Clifford Greetz, 30
Commonwealth Strategic Reserve, 60
Congo, 164
Czechoslovakia, 217, 218

D. N. Aidit, 226
Dag Hammverskjold, 82
Daily News Bulletin, 269
Daing Perani, 22
Dasar Etika, 31
Dasar Liberal, 30
Dato' Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman, 64
Datuk Abdul Rahman Yaakub, 266, 267
Deklarasi ASEAN, 253
Des Alwi, 228
Dewan Bahasa dan Pustaka, 264
Dewarutji, 103
Djatikusomi, 139
Donal Uren, 196
Dr. Abraham Kyuper, 31
Dr. Ali Sastromidjoyo, 77
Dr. Burhanuddin Helmi, 47
Dr. Djuanda, 86, 90, 97, 140, 157, 158
Dr. H. Djuanda Kartawidjaja, 93
Dr. J.M.A.H. Luns, 82
Dr. Lim Swee Ann, 254, 260
Dr. Mohd. Razif, 71
Dr. Oetojo, 42
Dr. Prijono, 93, 107
Dr. Razif, 51
Dr. Razif, 105
Dr. Soemantri Brodjonegoro, 249
Dr. Subandrio, 51, 55, 64, 83, 84, 85, 89, 123, 139, 140, 154, 171, 175, 186, 290
Dr. Sudjarno, 154
Dr. Tan Chee Koon, 251
Dr. Waidin Sudria Usada, 32
Dunia Melayu, 3
Dunlop Rubber Ocean Insurance, 195
Duta Masyarakat, 61

E. D. Dekker, 30
Eisenhower, 88
Ellsworth Bunker, 89
Emmanuel Pelaez, 166

F. Sarasin, 6
Fatimah Haji Hashim, 269
Felixberto Serrano, 124
Fikiran Rakyat, 37
Filipina, 173
Foreign Correspondents Association of South-East Asia, 131
Frank Swettenham, 28

G.A. Siwabessy, 269
Gajah Mada, 13, 14
Games of New Emerging Forces (GANEFO), 112
Gang 108, 205
Ganis Harsono, 157
Garuda Airways Service, 254
Garuda Indonesia Airways, 51
George Janacek, 181
George Mc. T. Kahin, 152, 178
GESTAPU, 275, 286, 298
Gusti Djatikusomo, 74

H.J. Sjahri, 273
Haji Ghazali Haji Jawi, 259
Hamzah Abu Samah, 270
Hardi, 51
Harian Rakyat, 124, 137
Harold MacMillan, 140
Harrison & Crossfiled, 195
Hindia Timur, 138, 144
Hindu, 8
Home Fuard, 86
Hong Kong Bank, 196
Houari Boumedienne, 223
Hukum Kanun Melaka, 17

Ibrahim Hj. Yaakub, 45, 47, 65
Ichsan, 174
India, 11, 50
Indochina, 10
Indonesia, 1, 2, 3, 4, 5, 16, 19, 173, 189
Indonesia Herald, 168
Indonesia Observer, 72, 77, 82, 92
Indonesia Raya, 2, 3, 43, 48, 130
Institusi Penyelidikan Getah Indonesia, 97
Iran Barat, 54, 56, 60, 79, 90, 110, 139
Iskandar Syah (Mahkota Alam), 21
Islam, 8, 9, 16, 103
Ivory Coast, 220

J. F. Keneedy, 163, 88
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), 266
Jambi, 5
Jawa, 4, 7
Jawa Tengah, 11
Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia, 134
Jawatankuasa Khas Kewangan, 283
Jawatankuasa Antara Kerajaan, 142
Jawatankuasa Bersama Ejaan Bahasa Melayu-Indonesia, 107
Jawatankuasa Ejaan Tanah Melayu, 106
Jawatankuasa Luar Negeri Parlimen Indonesia, 242
Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Indonesia, 107
Jeneral Ahmad Jani, 160
Jeneral Nasution, 79, 94, 141
Jepun, 1, 2
Johannes Chuldi, 72
Johor, 2
Johor-Riau, 23

Kabinet Predisium, 239
Kalimantan (Broneo), 4
Kamaruddin Hj. Idris, 159
Kampar, 19
Kedah, 5
Kejohanan Badminton Terbuka Kebangsaan Indonesia, 101
Kelab Pendidikan Kebangsaan Indonesia, 34
Kemboja, 11
Kenya, 220
Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI), 238
Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI), 264
Kesatuan Aksi Pemuda dan Pelajar Indonesia (KAPPI), 238
Kesatuan Guru-guru Melayu Kelantan, 105
Kesatuan Melayu Muda, 36
Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), 40
Kesatuan Sekerja Keretapi Malaysia, 196
Kesatuan Sekerja Lapangan Terbang, 196
Kesultanan Johor, 18, 20
Kesultanan Melayu Melaka, 15, 17
Khir Johari, 91, 263, 265, 105
Kolonel A. E. Kawilarang, 69
Kolonel Abdulrachman, 183
Kolonel Des Alwi, 69
Komando Ganyang Malaysia (KOGAM), 227, 239
Komando Gerakan Sukarelawan, 211
Komando Strategis Angkatan Darat (KOSTTAD), 228
Komando Tertinggi (KOTI), 239
Komando Tertinggi Ekonomi (KOTOE), 195
Komanwel, 119, 200
Kommawel Islam, 128
Konfrontasi, 215, 131, 163, 168, 189, 220, 230, 290
Kongres Bahasa Melayu, 49
Kristian, 8
Kumpulan Afro-Asia Blok Muslim, 115

Kumpulan Afro-Asia, 57, 60
Kuomintang, 110

Lambertus Palar, 192
Laut China Selatan, 3, 296
Lawrence V. Michelmore, 181
Lee Kuan Yew, 133, 139, 145, 180, 232
Linggadjati, 43
lingua franca, 7, 8
Liu Shao Chi, 114, 160, 112
Longman Malaysia Sdn. Bhd, 267
Lord Home, 194
Lord Landsdowne, 142
Lord Selkirk, 136
Lt. Jen. Djatikusomo, 139, 165

Macapagal, 166, 206, 292
Mahabharata, 14
Majapahit, 1
Majlis Amanah Rakyat (MARA), 266
Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), 250
Majlis Keselamatan PBB, 216, 218, 219
Majlis Negeri Sarawak, 150
Majlis Olimpik Antarabangsa, 112
Majlis Permusjawaratan Rakyat Sementara (MPRS), 238
Majlis Pertahanan Malaysia, 200, 215
Majlis Perundangan Brunei, 142
Majlis Perundangan Negeri Sabah, 149
Majlis Timah Antarabangsa (ITC), 260
Makasar, 38
Maktab Perguruan Sultan Idris, 36
Malaya Merdeka, 51
Malayan Airways, 98
Malayan Chinese Association, 45
Malayan People's Anti-Japanese Army, 39
Malayan Union, 45
Malayo-Polinesia, 7
Malaysia, 16, 189, 211, 292
Malaysian Airways, 196, 198, 256
Malaysia-Singapore Airlines (MSA), 256
Mali, 220
Malindo, 263
Manila Accord, 174
Mao Tse-Tung, 110
MAPHILINDO, 171, 175, 176, 177, 179, 206, 208, 276, 292, 299, 300
Marco Polo, 12
Marvin Ott, 67
Masjid Negara, 236
Max Havelaar, 30
Melaka, 1, 5, 16, 18
Melayu, 5
Melayu Deutero, 6
Merdeka, 78, 85
Mesir, 220
Michael Leifer, 223
Minangkabau, 16
Mohamad Salleh Abas, 249
Mohd. Ghazali Shafie, 172, 184, 193, 228
Mohd. Hatta, 34, 35, 38, 46, 141, 151, 152
Mokhtar Kesumatmadja, 249
Mongoloid, 6
Moroko, 220
Musso, 33

N. Rajendra, 267
Nahdiatul Ulama, 238
Nasruddin Mohamed, 244
National Committee of Kalimantan Solidarity (NCNKS), 155
Negara China, 4
Negara China (Yunan), 6
Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU), 149
Negarakertagama, 40
Negaraku, 104
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 26, 33
Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, 26
Negeri-Negeri Selat, 26
Neokolonialisme, 130, 133, 189
New Emerging Forces (NEFOS), 61
New Guinea, 34
New York Times, 138
Nigeria, 220

Old Established Forces (OLDEFOS), 61
Omar Basri Sjaaf, 231
Ong Yook Lin, 51
Order Baru, 232, 271, 286
Ordinan Perkhidmatan Kebangsaan 1952, 211
Otorita Daerah Perbatasan, 248
Otto Abdul Rahman, 184
Overseas Chinese Bank, 196

P. Sarasin, 6
Palembang, 5
Pan Malayan Islamic Party, 88
Pancasila, 39, 58
Paramban, 9
Parang Paderi, 27
Parti Buruh, 132
Parti Indonesia, 34
Parti Indonesia Raya (Parindra), 35
Parti Islam Se-Malaya, 132
Parti Kebangsaan Melayu, 44
Parti Komunis Indonesia, 33, 79, 90
Parti Komunis Malaya (PKM), 37, 110, 132, 287
Parti Kuomintang, 37
Parti Malaya, 86
Parti Murba, 65
Parti Nasional Indonesia, 34, 48, 110, 238
Parti Rakyat, 48, 88, 142, 86
Parti Rakyat Brunei, 134, 147, 148, 149, 143
Parti Rakyat Indonesia, 35
Parti Rakyat Malaya, 132, 156, 160
Parti Sosialis Indonesia, 69
Parti Masjumi, 69, 110
Partindo, 35
Pedagang Islam, 18
Pejabat Perwakilan Perdagangan Persekutuan Tanah Melayu, 50
Pelaez, 171
Pembela Tanah Air (PETA), 39
Pemberontakan Brunei, 130, 150, 154, 157
Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI), 53, 67
Pemuda Rakyat, 226
Penerbit Longman, 267
Penghulu Tawi Sli, 272
People's Action Party, 133
Perang Dunia Kedua, 1, 2
Perang Jawa, 27
Perang Napoleon, 18, 24, 30
Peraturan Keselamatan Kawasan Sempadan, 273
Pergerakan Wanita PKI, 226
Peristiwa 13 Mei, 251
Perisytiharan Manila, 176
Perjanjian Asas Tentang Hubungan Perdagangan dan Ekonomi, 246, 256, 261, 262
Perjanjian Dua Kerakyatan, 111
Perjanjian Menyeberang Sempadan, 248
Perjanjian Perbatasan Wilayah Perairan, 252
Perjanjian Persahabatan, 299
Perjanjian Persahabatan dan Perbatasan Wilayah Perairan Malaysia-Indonesia, 252
Perjanjian Persahabatan Tanah Melayu-Indonesia, 246
Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya (AMDA), 56
Perlis, 20
Persatuan Badminton Melayu Se-Melayu, 101
Persatuan Wartawan Indonesia, 264
Persekutuan Malaysia, 151
Persekutuan Tanah Melayu, 192
Persetujuan Manila, 171
Persidangan Afro-Asia Solidariti, 161
Persidangan Afro-Asia, 48, 220
Persidangan Colombo Plan, 667
Persidangan Kemuncak Afro-Asia, 221, 222
Persidangan Kemuncak Tokyo, 213
Persidangan Menteri Komanwel, 81
Persidangan Negara-Negara Tanpa Pihak, 221
Persidangan Pengeluar-Pengeluar Getah Asli, 255
Persidangan Tokyo, 211
Persidangan Wartawan Afro-Asia, 168
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 62, 189, 43
Pertubuhan Persidangan Islam, 128
Pesta Bola Merdeka, 100, 291
Philip Christison, 41
Portugis, 2, 18, 19
Presiden Garcia, 121, 122
Prinsip Bandung, 113, 118, 119
Prof. Jan de Quay, 82
Prof. Mohd. Yamin, 130, 140
Profesor Sumitro, 69
Pulau Sebatik, 303
Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), 39
Putera Norodom Sihanouk, 206

R. M. Muharam, 261
R.A.S. Hardojo, 123
Raden Wijaya, 13
Radio Malaya, 73, 102
Radio Malaysia, 200
Raffles, 25
Raja Haji, 23
Raja Hayam Wuruk, 14
Raja Kecil, 22
Raja Mohar Raja Badiozaman, 257
Rajendra Chola, 12
Ramayana, 14
Ratu Aceh, 20
Republik Rakyat China (RRC), 88
Revolusi Bolshevik, 32
Revolusi Cina, 32
Revolusi Indonesia, 41, 42, 99
Robert Curtis, 67
Robert Kennedy, 189, 206, 296
Rudy Gontha, 183
Rudy Pirngadie, 197
Ruslan Abdul Gani, 91, 145, 146, 155

Sabah, 173, 183
Sabah Times, 133
Sailendra, 10
Salvador P. Lopez, 208, 211
Sarawak, 42, 173, 181, 183
Sarawak United People's Party (SUPP), 133
Sarbini Sumatwinata, 97
SarDesai, 5
Sardon Hj. Jubir, 269
Sarekat Islam, 33
Sarekat Islam Merah, 33
Sarino Mangoenpranoto, 264
Sekretariat Nasional, 280
Selat Melaka, 9, 12, 18, 22, 4
Semenanjung Tanah Melayu, 7, 8
Senu Abdul Rahman, 68, 81, 137
Sepuluh Prinsip Bandung, 253
Shell, 195
Shojiro Kawashima, 225
Siak, 22
Siam, 12
Singapura, 33, 42, 173
Singhasari, 13
Siraddjudin Abbas, 162
Sistem Kultur, 30, 31
Sjahrir, 39
Sjarifuddin, 39
Soedarsono Prodjomisono, 244
Solidariti Afro-Asia, 294
Southeast Asia Friendship and Economic Treaty, 115, 121
Southeast Asia Treaty Organization, 48, 115
Southeast Asian Association for Regional Cooperation (SEAARC), 279
Soviet Union, 60, 80, 145
Srivijaya, 1, 3, 4, 5, 10, 11, 12, 94
Stamford Raffles, 24
Stephen Kalong Ningkan, 202
Straits Times, 72, 144, 145
Subakat, 33
Subiarto, 97,
Suharto, 226, 235, 246, 250, 263, 287
Sukarno, 1, 35, 38, 46, 47, 53, 57, 80, 110, 123, 140, 166, 206, 292
Sulawesi, 4
Sultan Ali Mughayat Syah, 20
Sultan Mahmud Syah, 17, 19
Sultan Muzaffar Syah, 15, 16
Suluh Indonesia, 61, 84, 124, 285
Sumatera, 4, 7, 8, 16
Sumatera Selatan, 11
Suruhanjaya Cobblod, 136, 139, 142
Suruhanjaya Pendamai Afro-Asia, 213
Suska, 85
Sutan Sjahrir, 34
Syarikat Buruh Seluruh Indonesia, 196
Syarikat Hindia Timur Belanda, 20
Syarikat Straits Trading, 98
Syed Jaafar Albar, 162, 163
Syed Nasir bin Ismail, 106

T.H. Bot, 82
Tabung Selamatkan Demokrasi, 114
Taher Ibrahim, 97
Taiwan, 75
Tan Malaka, 33
Tan Siew Sin, 47, 100, 197
Tanah Melayu, 53, 3, 6
Tanjung Datu, 303
Tanzania, 220
Tebedu, 213

Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU), 143, 201, 272
Terang Bulan, 61
Thailand, 3
Thanat Khoman, 124, 208
The Hague, 43, 81
The North Borneo News, 133
Tibet, 113
Times of Indonesia, 62, 77, 78, 82, 92, 124
Tokyo, 169, 225
Treaty of Commerce and Exchange Between Great Britian and Netherlands, 25
Tun Abdul Razak, 62, 70, 91, 92, 101, 163, 171, 172, 173, 175, 208, 230, 291
Tun Hussein Onn, 302
Tunisia, 220
Tunku Abdul Rahman, 1, 41, 45, 46, 47, 49, 50, 53, 58, 73, 80, 83, 84, 85, 86, 87, 109, 113, 115, 119, 120, 122, 123, 139, 140, 156, 166, 168, 175, 180, 186, 205, 206, 235, 89, 90

U Thant, 177, 181, 182, 185, 236
Union of Southeast Asia (USO), 232
United Malaya National Organization (UMNO), 162
United National Kadazan Organization (UKNO), 133
United People's Party, 133
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 266
Universiti Servidjaya, 270
Utusan Melayu, 77, 104, 168

V. Rajendra, 267
V. T. Sambanthan, 254
van Deventer, 31
Volksraad, 31

W. C. Walter, 215
Wan Ismail Mohamed Salleh, 243
Waspada, 68
Wee Kim Wee, 145
William V, 24
Wisma Putra, 243
Worker Party, 133

Xenophobia, 57

Yaacob bin Abdul Latif, 243
Yaakob bin Muhammad, 105

Za'ba, 106
Zainal Abidin Abdul Wahid, 56, 267
ZOPFAN, 303